


# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

## Akta 777

# AKTA SYARIKAT 2016

*Sebagaimana pada 1 November 2018*

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
**2018**

# AKTA SYARIKAT 2016

| | |
|---|---|
| Tarikh Perkenan Diraja … … … | 31 Ogos 2016 |
| Tarikh penyiaran dalam *Warta* … … | 15 September 2016 |
| Naskhah bahasa Inggeris ialah naskhah sahih ... … … … | P.U. (B) 408/2016 |

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 777

# AKTA SYARIKAT 2016

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Takrif "perbadanan"
4. Takrif "subsidiari dan syarikat pemegangan"
5. Takrif "syarikat pemegangan muktamad"
6. Takrif "subsidiari milik penuh"
7. Bila perbadanan disifatkan berhubung antara satu sama lain
8. Kepentingan dalam syer

BAHAGIAN II

PEMBENTUKAN DAN PENTADBIRAN SYARIKAT

Penggal 1

*Jenis Syarikat*

9. Kehendak utama syarikat
10. Jenis syarikat
11. Syarikat persendirian atau syarikat awam
12. Larangan ke atas syarikat berhad menurut jaminan dengan modal syer
13. Larangan bagi persatuan tidak diperbadankan, dsb.

Penggal 2

*Pemerbadanan dan Kesannya*

14. Permohonan bagi pemerbadanan
15. Pendaftaran bagi pemerbadanan

Seksyen

16. Kuasa untuk menolak pendaftaran pemerbadanan

17. Perakuan pemerbadanan

18. Kesan pemerbadanan

19. Notis pendaftaran sebagai keterangan muktamad

20. Entiti undang-undang yang berasingan

21. Syarikat mempunyai keupayaan tidak terhad

Penggal 3

*Sekatan ke atas Subsidiari yang Menjadi Anggota Syarikat Pemegangannya*

22. Keanggotaan syarikat pemegangan

23. Subsidiari bertindak sebagai peniaga yang menyertai

24. Perlindungan pihak ketiga dalam hal lain jika subsidiari bertindak sebagai peniaga dalam sekuriti

Penggal 4

*Nama Syarikat*

25. Nama syarikat

26. Ketersediaan nama

27. Pengesahan tentang ketersediaan dan perizaban nama

28. Pertukaran nama

29. Kuasa Pendaftar untuk mengarahkan pertukaran nama

30. Penyiaran nama

Penggal 5

*Perlembagaan Syarikat*

31. Perlembagaan syarikat

32. Syarikat boleh menerima pakai perlembagaan

33. Kesan perlembagaan

34. Bentuk perlembagaan

35. Kandungan perlembagaan syarikat

36. Syarikat boleh mengubah atau meminda perlembagaan

37. Mahkamah boleh mengubah atau meminda perlembagaan

Seksyen

38. Syarikat berhad menurut jaminan hendaklah mempunyai perlembagaan

39. Ketidakpakaian doktrin notis konstruktif

Penggal 6

*Penukaran Status Syarikat*

40. Penukaran daripada syarikat tidak berhad kepada syarikat berhad

41. Penukaran daripada syarikat awam kepada syarikat persendirian atau syarikat persendirian kepada syarikat awam

Penggal 7

*Peruntukan yang Terpakai bagi Jenis Syarikat Tertentu*

42. Syarikat persendirian

43. Larangan terhadap syarikat persendirian untuk menawarkan syer atau debentur atau mempelawa untuk mendepositkan wang

44. Tawaran kepada orang awam

45. Syarikat berhad menurut jaminan

Penggal 8

*Pejabat Berdaftar dan Daftar*

46. Pejabat berdaftar dan waktu pejabat

47. Dokumen hendaklah disimpan di pejabat berdaftar

48. Pemeriksaan dokumen dan rekod yang disimpan oleh syarikat

49. Bentuk dokumen dan cara lain merekodkan dokumen

50. Daftar anggota

51. Kewajipan untuk memberitahu butir-butir dan pertukaran dalam daftar anggota

52. Indeks anggota syarikat

53. Daftar cawangan anggota

54. Tempat di mana daftar anggota dan indeks disimpan

55. Pemeriksaan dan penutupan daftar anggota dan indeks

56. Kuasa syarikat untuk menghendaki penzahiran kepentingan benefisial dalam syer mengundinya

Seksyen

57. Daftar pengarah, pengurus dan setiausaha

58. Kewajipan untuk memberitahu butir-butir dan pertukaran pengarah, pengurus dan setiausaha

59. Daftar pemegangan syer pengarah, dsb.

60. Daftar pemegang debentur dan salinan surat ikatan amanah

Penggal 9

*Penyempurnaan Dokumen*

61. Meterai syarikat

62. Meterai rasmi bagi kegunaan di luar negara

63. Meterai rasmi bagi perakuan syer, dsb.

64. Kontrak syarikat

65. Kontrak sebelum pemerbadanan

66. Penyempurnaan dokumen

67. Penyempurnaan surat ikatan

Penggal 10

*Penyata tahunan*

68. Kewajipan untuk menyerah simpan penyata tahunan

BAHAGIAN III

PENGURUSAN SYARIKAT

Penggal 1

*Penyenggaraan Syer dan Modal*

Subpenggal 1

*Modal Syer*

69. Jenis syer

70. Sifat syer

71. Hak dan kuasa yang terikat dengan syer

72. Syer keutamaan

73. Larangan mengeluarkan waran syer pembawa

Seksyen

74. Tiada nilai tara syer

75. Penjalanan kuasa pengarah untuk mengumpukkan syer atau memberikan hak

76. Pengumpukan syer atau pemberian hak dengan kelulusan syarikat

77. Pendaftaran pengumpukan dalam daftar anggota

78. Penyata pengumpukan

79. Larangan am mengenai komisen, diskaun dan elaun

80. Komisen yang dibenarkan

81. Perbezaan antara panggilan dengan pembayaran, dsb.

82. Panggilan ke atas syer

83. Pelucuthakan syer

84. Kuasa syarikat untuk mengubah modal syernya

85. Hak beli dahulu syer baru

86. Penukaran syer kepada saham

87. Hak dan keistimewaan pemegang saham

88. Hak yang terikat dengan syer

89. Kelas syer

90. Perihalan syer kelas yang berlainan

91. Pengubahan hak kelas

92. Memberitahu pemegang syer tentang pengubahan

93. Ketidakbenaran atau pengesahan pengubahan oleh Mahkamah

94. Penghantarserahan perintah Mahkamah kepada Pendaftar

95. Memberitahu Pendaftar tentang pengubahan

96. Pengubahan termasuk pembatalan

Subpenggal 2

*Perakuan, Hakmilik, Pemindahmilikan dan Pemindahan Syer*

97. Pengeluaran perakuan syer

98. Permohonan bagi pengeluaran perakuan syer

99. Penghantarserahan perakuan syer

100. Penomboran syer

101. Pendaftaran anggota menjadi keterangan hakmilik di sisi undang-undang

102. Kewajipan setiausaha untuk mencatatkan pengeluaran dan pemindahmilikan syer dalam daftar anggota

Seksyen

103. Pembetulan

104. Kehilangan atau kemusnahan perakuan

105. Kehendak bagi surat cara pemindahmilikan

106. Pendaftaran pemindahmilikan atau penolakan pendaftaran

107. Perintah Mahkamah bagi pendaftaran

108. Pengesahan syer yang tidak dikeluarkan dengan sewajarnya

109. Pendaftaran bagi pemindahan syer atau debentur

110. Batasan terhadap liabiliti pemegang amanah, dsb., yang berdaftar sebagai pemilik syer

111. Lien bagi syer

Subpenggal 3

*Pernyataan Kesolvenan*

112. Ujian kesolvenan

113. Pernyataan kesolvenan

114. Kesalahan mengenai pernyataan kesolvenan

Subpenggal 4

*Pengurangan Modal Syer*

115. Syarikat boleh mengurangkan modal syernya

116. Pengurangan modal syer oleh Mahkamah

117. Pengurangan modal syer oleh syarikat persendirian atau syarikat awam

118. Hak pemiutang untuk membantah pengurangan modal syer oleh syarikat

119. Kedudukan pada akhir tempoh bantahan oleh pemiutang

120. Kuasa Mahkamah berhubung dengan bantahan oleh pemiutang

121. Kesalahan kerana membuat pernyataan tidak berasas atau palsu

122. Liabiliti anggota atas syer yang dikurangkan

Subpenggal 5

*Bantuan oleh Syarikat bagi Pembelian Syernya Sendiri*

123. Bantuan kewangan oleh syarikat dalam urus niaga syernya, dsb.

124. Akibat kegagalan mematuhi Subpenggal ini

125. Kecualian am

Seksyen

126. Bantuan kewangan yang tidak melebihi sepuluh peratus dana pemegang syer

127. Pembelian oleh syarikat atas syernya sendiri, dsb.

128. Opsyen untuk mengambil syer tidak dikeluarkan

129. Daftar opsyen untuk mengambil syer tidak dikeluarkan dalam syarikat

130. Kuasa syarikat untuk membayar faedah daripada modal dalam hal tertentu

Subpenggal 6

*Dividen*

131. Pengagihan daripada keuntungan

132. Pengagihan hanya jika syarikat solven

133. Mendapatkan balik pengagihan

Subpenggal 7

*Pemegangan Syer Substansial*

134. Pemakaian dan tafsiran

135. Orang yang berkewajipan untuk mematuhi Subpenggal

136. Pemegangan syer substansial dan pemegang syer substansial

137. Pemegang syer substansial hendaklah memberitahu syarikat mengenai kepentingannya

138. Pemegang syer substansial hendaklah memberitahu syarikat tentang perubahan kepentingannya

139. Orang yang terhenti menjadi pemegang syer substansial hendaklah memberitahu syarikat

140. Sebutan mengenai pengendalian kepentingan dalam syer

141. Salinan notis hendaklah disampaikan kepada Pendaftar

142. Notis kepada bukan pemastautin

143. Pendaftar boleh melanjutkan masa bagi pemberian notis di bawah Subpenggal ini

144. Syarikat hendaklah menyimpan dan menyenggara daftar pemegang syer substansial

145. Kuasa Mahkamah berkenaan dengan keingkaran pemegang syer substansial

Subpenggal 8

*Sistem Depositori Pusat — Sistem Catatan Buku atau Tanpa Skrip bagi Pemindahmilikan Sekuriti*

Seksyen

146. Tafsiran

147. Pendeposit disifatkan sebagai anggota

148. Pemindahmilikan sekuriti melalui catatan buku

149. Pembetulan rekod pendeposit

150. Ketidakpakaian seksyen 472 bagi pelupusan yang dibuat melalui catatan buku

151. Pengecualian daripada Subpenggal ini

Subpenggal 9

*Prospektus*

152. Pemakaian Subpenggal 9

153. Kuasa Menteri untuk mengecualikan pemakaian Subpenggal 9

154. Kehendak untuk mendaftar dan menyerah simpan prospektus

155. Pendaftaran prospektus

156. Keengganan untuk mendaftarkan prospektus

157. Menyimpan dokumen yang berhubungan dengan prospektus

158. Pelawaan kepada orang awam untuk memberi pinjaman wang atau mendepositkan wang dengan perbadanan

159. Bentuk dan kandungan prospektus

160. Persetujuan orang yang mengeluarkan prospektus yang mengandungi pernyataannya

161. Pelepasan daripada kehendak mengenai bentuk dan kandungan prospektus

162. Memegang simpan langganan berlebihan dalam keluaran debentur

163. Iklan tertentu disifatkan sebagai prospektus

164. Dokumen yang mengandungi tawaran syer untuk jualan disifatkan sebagai prospektus

165. Memorandum maklumat disifatkan sebagai prospektus

166. Prospektus tambahan atau prospektus gantian

167. Liabiliti sivil bagi pernyataan silap dalam prospektus

168. Liabiliti jenayah bagi pernyataan silap dalam prospektus

169. Orang yang tidak dianggap sebagai membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus

170. Perintah berhenti

Subpenggal 10

*Debentur*

Seksyen

171. Pemakaian Subpenggal 10

172. Pelaksanaan spesifik kontrak

173. Debentur kekal

174. Kuasa untuk mengeluarkan semula debentur telah ditebus

175. Mendeposit debentur untuk mendapatkan pendahuluan

176. Kelayakan pemegang amanah bagi pemegang debentur

177. Kewajipan pemegang amanah

178. Persaraan pemegang amanah

179. Kandungan surat ikatan amanah

180. Kuasa Mahkamah berhubung dengan debentur tidak boleh ditebus yang tertentu

181. Kuasa pemegang amanah untuk memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan arahan, dsb.

182. Obligasi perbadanan peminjam

183. Obligasi perbadanan penjamin untuk memberikan maklumat

184. Pinjaman dan deposit hendaklah dibayar balik dengan segera dalam keadaan tertentu

185. Liabiliti pemegang amanah bagi pemegang debentur

Subpenggal 11

*Sekatan ke atas Pengumpukan dan Permulaan Perniagaan*

186. Larangan bagi pengumpukan melainkan jika langganan minimum diterima

187. Permohonan wang hendaklah dipegang sebagai amanah sehingga pengumpukan

188. Sekatan ke atas pengumpukan dalam hal tertentu

189. Kehendak mengenai pernyataan sebagai ganti prospektus

190. Sekatan ke atas permulaan perniagaan dalam hal keadaan tertentu

191. Sekatan ke atas pengubahan kontrak yang disebut dalam prospektus, dsb.

Penggal 2

*Anggota, Pengarah dan Pegawai Syarikat*

Subpenggal 1

*Anggota*

Seksyen

192. Liabiliti anggota

193. Liabiliti bagi panggilan dan pelucuthakan

194. Pemegang syer tidak terikat untuk memperoleh syer tambahan dengan perubahan perlembagaan

195. Hak anggota bagi ulasan pengurusan

Subpenggal 2

*Pengarah*

196. Pengarah syarikat

197. Orang yang berkaitan dengan pengarah

198. Orang yang dihilangkan kelayakan sebagai pengarah

199. Kuasa Mahkamah untuk menghilangkan kelayakan orang daripada bertindak sebagai pengarah atau penganjur

200. Kuasa Pendaftar untuk mengeluarkan nama pengarah yang hilang kelayakan

201. Persetujuan pengarah dikehendaki

202. Pengarah yang dinamakan dan pengarah yang berikutnya

203. Pelantikan pengarah syarikat awam hendaklah diundi secara individu

204. Kesahan tindakan pengarah dan pegawai

205. Persaraan pengarah

206. Pemecatan pengarah

207. Hak pengarah syarikat awam untuk didengar terhadap pemecatan

208. Pengosongan jawatan pengarah

209. Peletakan jawatan, pengosongan jawatan atau kematian pengarah tunggal atau pengarah terakhir yang masih ada

Subpenggal 3

*Kewajipan dan Tanggungjawab Pengarah*

Seksyen

210. Tafsiran

211. Fungsi Lembaga

212. Prosiding Lembaga

213. Kewajipan dan tanggungjawab pengarah

214. Kaedah pertimbangan perniagaan

215. Pergantungan pada maklumat yang diberikan oleh orang lain

216. Tanggungjawab bagi tindakan pewakilan

217. Tanggungjawab pengarah nomini

218. Larangan terhadap penggunaan tidak wajar harta, jawatan, dsb.

219. Kewajipan am untuk membuat penzahiran

220. Kesan rukun undang-undang lain ke atas kewajipan pengarah

221. Penzahiran kepentingan dalam kontrak, kontrak yang dicadangkan, harta, jawatan, dsb.

222. Pengarah yang berkepentingan tidak boleh mengambil bahagian atau mengundi

223. Kelulusan syarikat dikehendaki bagi pelupusan pengusahaan atau harta syarikat oleh pengarah

224. Pinjaman kepada pengarah

225. Larangan memberi pinjaman kepada orang yang berkaitan dengan pengarah

226. Larangan terhadap bayaran bebas cukai kepada pengarah

227. Bayaran kepada pengarah kerana hilang jawatan, dsb.

228. Transaksi dengan pengarah, pemegang syer substansial atau orang yang berkaitan

229. Kecualian bagi seksyen 228

230. Kelulusan bagi fi pengarah

231. Kontrak perkhidmatan pengarah

232. Salinan kontrak hendaklah tersedia bagi pemeriksaan

233. Hak anggota untuk memeriksa dan meminta salinan

234. Kontrak dengan anggota tunggal yang juga merupakan pengarah

Subpenggal 4

*Setiausaha*

Seksyen

235. Kehendak bagi setiausaha
236. Pelantikan setiausaha
237. Peletakan jawatan setiausaha
238. Hilang kelayakan untuk bertindak sebagai setiausaha
239. Pemecatan setiausaha
240. Jawatan setiausaha tidak boleh dibiarkan kosong
241. Kehendak untuk berdaftar dengan Pendaftar
242. Larangan bertindak atas dua keupayaan

Penggal 3

*Akaun dan Audit*

Subpenggal 1

*Penyata Kewangan dan Laporan*

243. Tafsiran
244. Pematuhan kepada piawaian perakaunan diluluskan
245. Akaun hendaklah disimpan
246. Sistem kawalan dalaman
247. Tempoh perakaunan syarikat dalam kumpulan yang sama
248. Pengarah hendaklah menyediakan penyata kewangan
249. Kehendak am bagi penyata kewangan
250. Subsidiari hendaklah dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan
251. Penyata kewangan hendaklah diluluskan oleh Lembaga
252. Pengarah hendaklah menyediakan laporan pengarah
253. Kandungan laporan pengarah
254. Bentuk dan kandungan laporan pengarah dan penyata kewangan perbadanan perbankan, dsb.
255. Pelepasan daripada kehendak mengenai bentuk dan kandungan penyata kewangan dan laporan pengarah
256. Kuasa Pendaftar untuk menghendaki pernyataan penilaian aset
257. Kewajipan untuk mengedarkan salinan penyata kewangan dan laporan

Seksyen

258. Masa yang dibenarkan untuk menghantar salinan penyata kewangan dan laporan

259. Kewajipan untuk menyerah simpan penyata kewangan dan laporan dengan Pendaftar

260. Kewajipan untuk menyerah simpan perakuan yang berhubungan dengan syarikat persendirian terkecuali

261. Pernyataan juruaudit

Subpenggal 2

*Juruaudit*

262. Takrif "juruaudit yang akan tamat tempoh jawatan"

263. Juruaudit syarikat hendaklah diluluskan oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan

264. Juruaudit syarikat

265. Pendaftaran firma juruaudit

266. Kuasa dan kewajipan juruaudit

Bab I

*Peruntukan yang berhubungan dengan Juruaudit Syarikat Persendirian*

267. Pelantikan juruaudit syarikat persendirian

268. Kuasa Pendaftar untuk melantik juruaudit syarikat persendirian

269. Terma jawatan juruaudit syarikat persendirian

270. Halangan oleh anggota terhadap anggapan pelantikan semula juruaudit

Bab II

*Peruntukan yang berhubungan dengan Juruaudit Syarikat Awam*

271. Pelantikan juruaudit syarikat awam

272. Kuasa Pendaftar untuk melantik juruaudit syarikat awam

273. Terma jawatan juruaudit syarikat awam

Bab III

*Peruntukan Am yang berhubungan dengan Juruaudit*

Seksyen

274. Penetapan saraan juruaudit

275. Obligasi untuk memberikan butir-butir pembayaran yang dibuat kepada juruaudit

276. Ketetapan untuk memecat juruaudit daripada jawatan

277. Notis khas dikehendaki bagi ketetapan untuk memecat juruaudit daripada jawatan

278. Notis kepada Pendaftar mengenai ketetapan untuk memecat juruaudit daripada jawatan

279. Tatacara untuk melantik juruaudit melalui ketetapan bertulis

280. Tatacara untuk melantik juruaudit pada mesyuarat anggota

281. Peletakan jawatan juruaudit

282. Notis mengenai peletakan jawatan juruaudit kepada Pendaftar

283. Hak juruaudit syarikat awam yang meletakkan jawatan

284. Kewajipan untuk memaklumkan tentang pemberhentian jawatan

285. Kehadiran juruaudit pada mesyuarat agung yang penyata kewangan dibentangkan

286. Juruaudit dan orang lain hendaklah menikmati keistimewaan dalam hal keadaan tertentu

287. Kewajipan juruaudit kepada pemegang amanah bagi pemegang debentur

Penggal 4

*Tanggung Rugi dan Insurans bagi Pegawai dan Juruaudit*

288. Peruntukan bagi menanggung rugi pengarah atau pegawai

289. Tanggung rugi dan insurans bagi pegawai dan juruaudit

Penggal 5

*Mesyuarat*

Subpenggal 1

*Mesyuarat dan Ketetapan Anggota*

290. Meluluskan ketetapan

291. Ketetapan biasa

Seksyen

292. Ketetapan khas

293. Kaedah am mengenai pengundian

294. Undian melalui proksi

295. Undian pemegang syer bersama

296. Hak untuk membantah kelayakan mengundi seseorang

Subpenggal 2

*Ketetapan Bertulis Syarikat Persendirian*

297. Ketetapan bertulis syarikat persendirian

298. Kelayakan anggota untuk menerima ketetapan bertulis

299. Tarikh pengedaran

300. Cara ketetapan bertulis diedarkan

301. Pengedaran ketetapan bertulis yang dicadangkan oleh pengarah

302. Kuasa anggota untuk menghendaki pengedaran ketetapan bertulis

303. Pengedaran ketetapan bertulis yang dicadangkan oleh anggota

304. Perbelanjaan bagi pengedaran

305. Permohonan untuk tidak mengedarkan ketetapan bertulis anggota

306. Tatacara bagi menandakan persetujuan terhadap ketetapan bertulis

307. Tempoh bagi menyetujui ketetapan bertulis

308. Menghantar dokumen yang berhubungan dengan ketetapan bertulis melalui cara elektronik

Subpenggal 3

*Meluluskan Ketetapan pada Mesyuarat Anggota*

309. Ketetapan pada mesyuarat anggota

310. Kuasa untuk mengadakan mesyuarat anggota

311. Kuasa untuk menghendaki pengarah untuk mengadakan mesyuarat anggota

312. Kewajipan pengarah untuk memanggil mesyuarat yang dikehendaki oleh anggota

313. Kuasa anggota untuk mengadakan mesyuarat anggota atas perbelanjaan syarikat

314. Kuasa Mahkamah untuk mengarahkan mesyuarat

315. Ketetapan yang diluluskan dalam mesyuarat yang ditangguhkan

Subpenggal 4

*Notis Mesyuarat*

*Seksyen*

316. Notis dikehendaki bagi mesyuarat anggota

317. Kandungan notis mesyuarat anggota

318. Notis mesyuarat anggota yang ditangguhkan

319. Cara notis diberikan

320. Pemberitahuan tentang penyiaran notis mesyuarat dalam laman sesawang

321. Orang yang berhak menerima notis mesyuarat anggota

322. Ketetapan yang menghendaki notis khas

323. Kuasa anggota untuk menghendaki pengedaran pernyataan

324. Kewajipan pengarah untuk mengedarkan pernyataan anggota

325. Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan tiada pengedaran pernyataan anggota

326. Menghantar dokumen yang berhubungan dengan mesyuarat secara elektronik

Subpenggal 5

*Tatacara dalam Mesyuarat*

327. Mesyuarat anggota di dua tempat atau lebih

328. Kuorum dalam mesyuarat

329. Pengerusi mesyuarat anggota

330. Pengisytiharan oleh pengerusi mengenai undi secara mengangkat tangan

331. Hak untuk meminta pengundian

332. Mengundi semasa pengundian

333. Wakil perbadanan dalam mesyuarat anggota

Subpenggal 6

*Proksi*

334. Pelantikan proksi

335. Notis mengenai mesyuarat anggota hendaklah mengandungi pernyataan hak untuk melantik proksi

336. Proksi sebagai pengerusi bagi mesyuarat anggota

337. Hak proksi untuk meminta pengundian

338. Penamatan kuasa seseorang untuk bertindak sebagai proksi

Subpenggal 7

*Mesyuarat Kelas*

*Seksyen*

339. Pemakaian bagi kelas mesyuarat

Subpenggal 8

*Kehendak Tambahan bagi Syarikat Awam*

340. Mesyuarat agung tahunan

Subpenggal 9

*Rekod mengenai Ketetapan dan Mesyuarat*

341. Rekod mengenai ketetapan dan mesyuarat
342. Pemeriksaan rekod mengenai ketetapan dan mesyuarat
343. Rekod sebagai keterangan mengenai ketetapan
344. Butir-butir keputusan yang diberikan oleh anggota tunggal

Penggal 6

*Remedi*

345. Tafsiran
346. Remedi dalam hal penindasan
347. Prosiding terbitan
348. Keizinan Mahkamah
349. Kesan ratifikasi
350. Kuasa Mahkamah
351. Injunksi

Penggal 7

*Gadaian, Perkiraan dan Pembentukan Semula dan Penerimaan*

Subpenggal 1

*Gadaian*

352. Pendaftaran gadaian
353. Jenis gadaian yang perlu didaftarkan
354. Pendaftaran gadaian yang diwujudkan ke atas harta di luar Malaysia

Seksyen

355. Pendaftaran gadaian dalam siri debentur

356. Kewajipan syarikat untuk mendaftarkan gadaian yang sedia ada atas harta yang diperoleh

357. Daftar gadaian hendaklah disimpan oleh Pendaftar

358. Pengendorsan perakuan pendaftaran atas debentur

359. Penyerahhakan dan pengubahan gadaian

360. Penyelesaian dan pelepasan harta daripada gadaian

361. Pelanjutan masa dan pembetulan daftar gadaian

362. Syarikat hendaklah menyimpan surat cara gadaian dan daftar gadaian

363. Dokumen yang dibuat di luar Malaysia

364. Pemakaian Subpenggal ini bagi syarikat asing

Subpenggal 2

*Perkiraan dan Pembentukan Semula*

365. Tafsiran

366. Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan supaya dibuat kompromi atau perkiraan dengan pemiutang dan anggota

367. Kuasa Mahkamah untuk melantik penyelesai diluluskan

368. Kuasa Mahkamah untuk menghalang prosiding

369. Maklumat tentang kompromi atau perkiraan dengan pemiutang dan anggota

370. Pembentukan semula dan penggabungan syarikat

371. Hak pembuat tawaran untuk membeli

Subpenggal 3

*Penerima dan Penerima dan Pengurus*

372. Kelayakan bagi pelantikan penerima atau penerima dan pengurus

373. Hilang kelayakan bagi pelantikan sebagai penerima atau penerima dan pengurus

374. Pelantikan penerima atau penerima dan pengurus

375. Pelantikan penerima atau penerima dan pengurus di bawah surat cara

376. Pelantikan penerima atau penerima dan pengurus oleh Mahkamah

377. Notis pelantikan penerima atau penerima dan pengurus

378. Kekosongan jawatan penerima atau penerima dan pengurus

Seksyen

379. Notis pemberhentian jawatan

380. Pernyataan yang berhubungan dengan pelantikan penerima atau penerima dan pengurus

381. Liabiliti penerima atau penerima dan pengurus

382. Liabiliti bagi kontrak

383. Kuasa penerima atau penerima dan pengurus

384. Permohonan kepada Mahkamah bagi arahan

385. Pelantikan penyelesai sebagai penerima atau penerima dan pengurus dalam hal penggulungan

386. Kuasa penerima atau penerima dan pengurus mengenai penyelesaian

387. Kuasa Mahkamah untuk menetapkan saraan bagi penerima atau penerima dan pengurus

388. Peruntukan mengenai maklumat jika penerima atau penerima dan pengurus dilantik

389. Obligasi syarikat dan pengarah untuk memberikan maklumat kepada penerima atau penerima dan pengurus

390. Penyerahan pernyataan hal ehwal

391. Menyerah simpan akaun penerima atau penerima dan pengurus

392. Pembayaran hutang tertentu yang tertakluk kepada gadaian terapung diberikan keutamaan daripada tuntutan di bawah gadaian

393. Pelaksanaan kewajipan penerima atau penerima dan pengurus, dsb., untuk menyediakan penyata

Penggal 8

*Mekanisme Penyelamat Korporat*

394. Tafsiran

Subpenggal 1

*Perkiraan Sukarela Korporat*

395. Ketidakpakaian Subpenggal ini

396. Orang yang boleh mencadangkan perkiraan sukarela

397. Cadangan bagi perkiraan sukarela

398. Moratorium

399. Panggilan mesyuarat

400. Keputusan mesyuarat

Seksyen

401. Pelaksanaan cadangan

402. Perkiraan yang berakhir sebelum waktunya

Subpenggal 2

*Pengurusan Kehakiman*

403. Ketidakpakaian Subpenggal ini

404. Permohonan kepada Mahkamah bagi syarikat diletakkan di bawah pengurusan kehakiman dan bagi pelantikan pengurus kehakiman

405. Kuasa Mahkamah untuk membuat perintah pengurusan kehakiman dan melantik pengurus kehakiman

406. Tempoh perintah pengurusan kehakiman dan pelanjutannya

407. Penamaan bagi pengurus kehakiman

408. Notis permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman

409. Penolakan permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman

410. Kesan permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman

411. Kesan perintah pengurusan kehakiman

412. Pemberitahuan bahawa suatu syarikat berada di bawah perintah pengurusan kehakiman

413. Kekosongan dalam pelantikan pengurus kehakiman

414. Kuasa dan kewajipan am pengurus kehakiman

415. Kuasa untuk berurusan dengan harta yang digadaikan, dsb.

416. Agensi dan liabiliti bagi kontrak

417. Pengosongan jawatan dan pelepasan

418. Maklumat hendaklah diberikan oleh dan kepada pengurus kehakiman

419. Pernyataan hal ehwal syarikat

420. Pernyataan cadangan

421. Pertimbangan cadangan oleh mesyuarat pemiutang

422. Jawatankuasa pemiutang

423. Kewajipan untuk menguruskan hal ehwal syarikat, dsb., mengikut cadangan yang diluluskan

424. Kewajipan untuk memohon pelepasan perintah pengurusan kehakiman

425. Perlindungan kepentingan pemiutang dan anggota

426. Keutamaan tidak wajar dalam pengurusan kehakiman

427. Penghantarserahan dan penyitaan harta

Seksyen

428. Kewajipan untuk bekerjasama dengan pengurus kehakiman

429. Siasatan tentang urusan syarikat, dsb.

430. Pemakaian peruntukan tentang penggulungan syarikat di bawah pengurusan kehakiman

BAHAGIAN IV

PEMBERHENTIAN SYARIKAT

Penggal 1

*Penggulungan Sukarela dan Paksa*

Subpenggal 1

*Permulaan*

431. Pemakaian peruntukan penggulungan

432. Cara penggulungan

433. Kelayakan penyelesai

434. Kerajaan terikat dengan peruntukan tertentu

Subpenggal 2

*Penyumbang*

435. Liabiliti sebagai penyumbang bagi anggota sekarang dan dahulu

436. Sifat liabiliti penyumbang

437. Penyumbang dalam hal kematian anggota

438. Penyumbang dalam hal kebankrapan anggota

Subpenggal 3

*Penggulungan Sukarela*

439. Hal keadaan yang syarikat boleh digulung secara sukarela

440. Penyelesai interim

441. Tarikh permulaan penggulungan

442. Kesan penggulungan sukarela

443. Pengisytiharan kesolvenan

444. Perbezaan antara penggulungan sukarela "anggota" dengan "pemiutang"

Subpenggal 4

*Penggulungan Sukarela Anggota*

Seksyen

445. Pelantikan dan pemecatan penyelesai

446. Kuasa untuk mengisi kekosongan dalam jawatan penyelesai

447. Kewajipan penyelesai untuk memanggil mesyuarat dalam hal ketidaksolvenan

448. Penukaran kepada penggulungan sukarela pemiutang

Subpenggal 5

*Penggulungan Sukarela Pemiutang*

449. Mesyuarat pemiutang

450. Penyelesai dalam penggulungan sukarela pemiutang

451. Harta dan prosiding

Subpenggal 6

*Peruntukan yang Terpakai bagi Tiap-Tiap Penggulungan Sukarela*

452. Pembahagian harta syarikat

453. Pelantikan atau pemecatan penyelesai oleh Mahkamah

454. Saraan bagi penyelesai dalam penggulungan secara sukarela

455. Perbuatan penyelesai adalah sah, dsb.

456. Kuasa penyelesai dalam penggulungan sukarela

457. Kuasa penyelesai untuk menerima syer, dsb., sebagai balasan bagi penjualan harta syarikat

458. Mesyuarat tahunan anggota dan pemiutang

459. Mesyuarat terakhir dan pembubaran

460. Perkiraan mengikat pemiutang

461. Permohonan kepada Mahkamah supaya persoalan ditentukan atau kuasa dijalankan

462. Kos

463. Batasan mengenai hak untuk menggulung secara sukarela

Subpenggal 7

*Penggulungan oleh Mahkamah*

Seksyen

464. Petisyen penggulungan

465. Hal keadaan yang syarikat boleh digulung oleh Mahkamah

466. Takrif "ketidakmampuan untuk membayar hutang"

467. Permulaan penggulungan oleh Mahkamah

468. Bayaran kos permulaan oleh pempetisyen

469. Kuasa Mahkamah setelah mendengar petisyen bagi penggulungan

470. Kuasa Mahkamah untuk menggantung atau menghalang prosiding terhadap syarikat sebelum perintah penggulungan

471. Tindakan atau prosiding yang digantung selepas perintah penggulungan

472. Pengelakan pelupusan harta atau penahanan tertentu, dsb.

473. Petisyen sebagai *lis pendens*

474. Penyerahsimpanan perintah penggulungan

475. Kesan perintah penggulungan

Subpenggal 8

*Peruntukan yang berhubungan dengan Penyelesai dalam Penggulungan oleh Mahkamah*

476. Penyelesai interim

477. Pelantikan, gelaran, dsb., bagi penyelesai

478. Pelantikan orang lain sebagai penyelesai selain Pegawai Penerima

479. Saraan bagi penyelesai dalam penggulungan oleh Mahkamah

480. Pengawalan penyelesai diluluskan oleh Pegawai Penerima

481. Pengawalan Pegawai Penerima oleh Menteri

482. Peletakan jawatan atau pemecatan penyelesai dalam penggulungan oleh Mahkamah

483. Jagaan dan peletakhakan harta syarikat

484. Pengemukaan pernyataan tentang hal ehwal syarikat

485. Laporan oleh penyelesai

486. Kuasa penyelesai dalam penggulungan oleh Mahkamah

487. Penjalanan dan pengawalan kuasa penyelesai

488. Penyelesai hendaklah membayar wang yang diterima ke dalam akaun bank

Seksyen

489. Penetapan senarai penyumbang dan penggunaan aset

490. Pelepasan penyelesai dan pembubaran syarikat

491. Perintah pelepasan atau pembubaran

Subpenggal 9

*Kuasa Am Mahkamah dalam Penggulungan oleh Mahkamah*

492. Kuasa Mahkamah untuk menangguhkan penggulungan

493. Kuasa Mahkamah untuk menamatkan penggulungan

494. Perkara yang berhubungan dengan penggantungan dan penamatan penggulungan

495. Hutang yang kena dibayar oleh penyumbang kepada syarikat dan takat tolakan

496. Kuasa Mahkamah untuk membuat panggilan

497. Pembayaran wang yang kena dibayar kepada syarikat ke dalam bank yang dinamakan

498. Perintah mengenai penyumbang menjadi keterangan muktamad

499. Pelantikan pengurus khas

500. Tuntutan pemiutang dan pembahagian aset

501. Pemeriksaan buku dan kertas oleh pemiutang dan penyumbang

502. Kuasa untuk memanggil orang yang berkaitan dengan syarikat

503. Kuasa untuk mengarahkan pemeriksaan awam ke atas penganjur, pengarah, dsb.

504. Kuasa untuk menangkap penyumbang yang melarikan diri

505. Pewakilan kuasa Mahkamah kepada penyelesai

506. Kuasa Mahkamah adalah kumulatif

Penggal 2

*Peruntukan yang Terpakai bagi Tiap-Tiap Penggulungan*

Subpenggal 1

*Am*

507. Pelaburan dana lebihan dalam akaun am

508. Aset tidak dituntut hendaklah dibayar kepada penerima hasil

509. Buku dan surat hendaklah disimpan oleh penyelesai

Seksyen

510. Kawalan Mahkamah ke atas penyelesai

511. Penghantarserahan harta kepada penyelesai

512. Kuasa Pegawai Penerima jika tiada jawatankuasa pemeriksaan

513. Notis pelantikan dan alamat penyelesai

514. Akaun penyelesai

515. Penyelesai hendaklah membetulkan keingkaran

516. Pemberitahuan bahawa syarikat berada dalam penyelesaian

517. Rayuan terhadap keputusan penyelesai

518. Buku dan surat syarikat

519. Perbelanjaan bagi penggulungan jika aset tidak mencukupi

520. Ketetapan yang diluluskan dalam mesyuarat pemiutang dan penyumbang yang ditangguhkan

521. Mesyuarat untuk memastikan kemahuan pemiutang atau penyumbang

522. Suruhanjaya khas untuk menerima keterangan

Subpenggal 2

*Bukti dan Kedudukan Tuntutan*

523. Perihalan hutang yang boleh dibuktikan dalam penggulungan

524. Hak dan kewajipan pemiutang bercagar

525. Hak dan kewajipan pemiutang tidak bercagar

526. Kredit bersama dan tolakan

527. Keutamaan

Subpenggal 3

Kesan ke atas Transaksi Lain

528. Keutamaan tidak wajar

529. Kesan gadaian terapung

530. Hak penyelesai untuk mendapatkan berkenaan dengan jualan tertentu kepada atau oleh syarikat

531. Penolak tuntutan harta yang membebankan

532. Tafsiran

533. Sekatan ke atas hak pemiutang mengenai pelaksanaan atau penahanan

534. Kewajipan bailif mengenai barang yang diambil semasa pelaksanaan

535. Kuasa Mahkamah untuk mengisytiharkan pembubaran syarikat adalah terbatal

Subpenggal 4

*Kesalahan*

Seksyen

536. Kesalahan oleh pegawai syarikat semasa penyelesaian

537. Dorongan untuk dilantik sebagai penyelesai, dsb.

538. Pemalsuan buku, dsb.

539. Liabiliti jika akaun sepatutnya tidak disimpan

540. Tanggungjawab bagi perdagangan secara fraud

541. Kuasa Mahkamah untuk mentaksir ganti rugi terhadap pegawai yang melanggar undang-undang, dsb.

542. Pendakwaan pegawai dan anggota syarikat yang melanggar undang-undang

Penggal 3

*Penggulungan Syarikat Tidak Berdaftar*

543. Peruntukan Penggal adalah kumulatif

544. Syarikat tidak berdaftar

545. Penggulungan syarikat tidak berdaftar

546. Penyumbang dalam penggulungan syarikat tidak berdaftar

547. Kuasa Mahkamah untuk menggantung atau menghalang prosiding

548. Aset syarikat tidak berdaftar yang dibubarkan yang belum dijelaskan

Penggal 4

*Pemotongan dan Pengurusan Aset Syarikat yang Dibubarkan*

Subpenggal 1

*Pemotongan*

549. Kuasa Pendaftar untuk memotong syarikat daripada daftar

550. Permohonan untuk memotong syarikat

551. Notis tentang niat untuk memotong syarikat

552. Bantahan terhadap pemotongan

553. Penarikan balik permohonan untuk memotong

554. Kesan pemotongan

555. Kuasa Mahkamah untuk memasukkan semula syarikat yang dipotong ke dalam daftar

Subpenggal 2

Pengurusan Aset Syarikat yang Dibubarkan

Seksyen

556. Kuasa Pendaftar untuk mewakili syarikat yang dibubarkan dalam hal keadaan tertentu

557. Aset yang belum dijelaskan bagi syarikat yang dibubarkan atau dipotong terletak hak pada Pendaftar

558. Pelupusan kepentingan yang belum selesai dalam harta

559. Liabiliti Pendaftar dan Kerajaan mengenai harta yang terletak hak pada Pendaftar

560. Akaun dan audit

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Penggal 1

*Syarikat Asing*

561. Larangan menjalankan perniagaan di Malaysia

562. Pendaftaran syarikat asing

563. Kehendak supaya syarikat asing mempunyai ejen

564. Nama syarikat asing dan penyiarannya

565. Obligasi untuk menyatakan nama syarikat asing, sama ada berhad, dan tempat diperbadankan

566. Kehendak supaya mempunyai pejabat berdaftar

567. Penyata hendaklah difailkan jika dokumen, dsb., diubah

568. Daftar cawangan

569. Pendaftaran syer dalam daftar cawangan

570. Pengeluaran syer daripada daftar cawangan

571. Indeks anggota, pemeriksaan dan penutupan daftar cawangan

572. Pemindahan syer dan pembetulan

573. Daftar cawangan hendaklah menjadi keterangan *prima facie*

574. Akaun hendaklah disimpan oleh syarikat asing

575. Penyata kewangan

576. Penyata tahunan

577. Penyampaian notis

Seksyen

578. Pemberhentian perniagaan di Malaysia

579. Kuasa syarikat asing untuk memegang harta tak alih

Penggal 2

*Penguatkuasaan dan Keizinan*

Subpenggal 1

*Penguatkuasaan Akta*

580. Mengenai hak saksi untuk diwakili di sisi undang-undang

581. Kuasa untuk memberikan relief

582. Ketidakteraturan dalam prosiding

583. Pelupusan syer bagi pemegang syer yang di mana dia berada tidak diketahui

584. Memberikan maklumat dan butir-butir tentang pemegangan syer

585. Mahkamah boleh memaksa pematuhan

586. Terjemahan surat cara

587. Perlindungan kepada pegawai tertentu yang membuat penzahiran

588. Penalti am

589. Bagaimana dan bila prosiding dijalankan

590. Penyiasatan hal ehwal syarikat atas arahan Menteri

Subpenggal 2

*Kesalahan Am*

591. Pernyataan yang palsu dan mengelirukan

592. Laporan palsu

593. Laporan atau pernyataan yang palsu kepada Pendaftar

594. Mendorong orang untuk melaburkan wang secara fraud

595. Fraud oleh pegawai

596. Sekatan ke atas penawaran syer, debentur, dsb., bagi langganan atau pembelian

597. Sekatan ke atas penggunaan perkataan "*Limited*", "Berhad" dan "Sendirian"

598. Pendakwaan pegawai syarikat yang melanggar undang-undang

Penggal 3

*Peruntukan Am*

Seksyen

599. Nilai keterangan bagi salinan yang diperakui oleh Pendaftar

600. Keterangan tentang kehendak statutori

601. Daftar dan pemeriksaan daftar

602. Pembetulan daftar

603. Pelupusan rekod lama

604. Penyerahsimpanan dokumen secara elektronik

605. Mengeluarkan dokumen secara elektronik

606. Maklumat secara elektronik, dsb. yang diperakui oleh Pendaftar boleh diterima sebagai keterangan

607. Penguatkuasaan kewajipan untuk menyediakan penyata

608. Menyerah simpan semula dokumen yang hilang atau yang musnah

609. Masa untuk menyerah simpan dokumen dan pelanjutan masa

610. Butir-butir dan cara maklumat dikehendaki supaya diserah simpan di bawah Akta ini

611. Masa bagi pematuhan kehendak di bawah Akta ini

612. Kaedah perhubungan antara syarikat dengan anggota

613. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

614. Kuasa untuk mengenakan terma dan syarat

615. Pengecualian

616. Kaedah-kaedah

617. Kuasa untuk meminda Jadual

Penggal 4

*Kecualian dan Peralihan*

618. Peruntukan peralihan yang berhubungan dengan pemansuhan nilai nominal

619. Peruntukan peralihan am

620. Pemansuhan dan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

JADUAL KETUJUH

JADUAL KELAPAN

JADUAL KESEMBILAN

JADUAL KESEPULUH

JADUAL KESEBELAS

JADUAL KEDUA BELAS

JADUAL KETIGA BELAS

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 777

# AKTA SYARIKAT 2016

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran syarikat dan perbadanan dan bagi perkara yang berkaitan.

[*31 Januari 2017, P.U. (B) 50/2017;*
*Penggal 8 Bahagian III–1 Mac 2018, P.U.(B) 106/2018;*
*Seksyen 241–belum berkuat kuasa*]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

### Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat 2016.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

### Tafsiran

**2.** (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"akaun untung dan rugi" termasuk akaun pendapatan dan perbelanjaan, akaun hasil atau apa-apa akaun lain yang menunjukkan hasil urus niaga sesuatu perbadanan bagi sesuatu tempoh;

"Akta ini" termasuk apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

"alamat penyampaian", berhubung dengan seseorang pengarah, ertinya suatu alamat, secara elektronik atau selainnya, yang diberikan kepada syarikat yang kepadanya apa-apa komunikasi boleh dihantar;

"anggota" ertinya—

*(a)* dalam hal suatu syarikat berhad dengan syer, seseorang yang namanya dicatatkan dalam daftar anggota sebagai pemegang satu atau lebih syer dalam syarikat itu pada masa ini; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat berhad menurut jaminan, seseorang yang namanya dicatatkan dalam daftar anggota;

"Bank Negara Malaysia" ertinya Bank yang ditakrifkan dalam seksyen 3 Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*];

"berdaftar" ertinya berdaftar di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan;

"buku" termasuk apa-apa daftar atau rekod maklumat lain dan apa-apa akaun atau rekod perakaunan, tidak kira bagaimana jua pun disusun, direkodkan atau disimpan, dan termasuk juga apa-apa dokumen;

"bursa saham" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*];

"daftar cawangan" ertinya—

*(a)* berhubung dengan suatu syarikat—

(i) daftar cawangan anggota syarikat itu yang disimpan di bawah seksyen 53; atau

(ii) daftar cawangan pemegang debentur yang disimpan di bawah seksyen 60,

mengikut kehendak keadaan; dan

*(b)* berhubung dengan suatu syarikat asing, daftar cawangan anggota syarikat itu yang disimpan di bawah seksyen 568;

"daftar utama", berhubung dengan suatu syarikat, ertinya daftar anggota syarikat itu yang disimpan di bawah seksyen 50;

"debentur" termasuk saham debentur, bon, sukuk, nota dan apa-apa sekuriti lain sesuatu perbadanan sama ada merupakan suatu gadaian ke atas aset perbadanan itu atau tidak;

"dicetak" termasuk ditaip atau dilitograf atau dikeluarkan semula melalui apa-apa cara yang berbentuk mekanikal;

"diperakui", berhubung dengan suatu salinan dokumen, ertinya diperakui mengikut cara yang ditentukan oleh Pendaftar sebagai salinan benar dokumen itu dan, berhubung dengan terjemahan sesuatu dokumen, ertinya diperakui mengikut cara yang ditentukan oleh Pendaftar sebagai terjemahan yang betul dokumen itu ke dalam bahasa kebangsaan atau ke dalam bahasa Inggeris, mengikut kehendak keadaan;

"diserah simpan" ertinya diserah simpan atau difailkan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini;

"dokumen" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];

"faedah" termasuk pulangan atau pampasan sebagaimana yang diperakui di bawah prinsip Shariah;

"gadaian" termasuk suatu gadai janji dan apa-apa perjanjian untuk memberi atau menyempurnakan suatu gadaian atau gadai janji sama ada atas tuntutan atau selainnya;

"harta" berhubung dengan suatu perbadanan, termasuk tanah, wang, barangan, hak dalam tindakan, benda dalam tindakan, nama baik dan tiap-tiap barangan berharga, sama ada zahir atau tidak zahir, alih atau tak alih, dan sama ada terletak di Malaysia atau di tempat lain dan juga termasuk obligasi, pengabdian, dan tiap-tiap perihalan estet, faedah dan keuntungan, sekarang atau masa hadapan, terletak hak atau luar jangka, yang berbangkit daripada atau bersampingan dengan harta itu;

"institusi berlesen" ertinya suatu bank berlesen, bank pelaburan berlesen, bank Islam berlesen, bank Islam antarabangsa berlesen, penanggung insurans berlesen, pengendali takaful berlesen dan pengendali takaful antarabangsa berlesen;

"juruaudit syarikat diluluskan" ertinya seseorang yang telah diluluskan di bawah seksyen 263 sebagai juruaudit dan yang kelulusannya tidak dibatalkan;

"kaedah-kaedah" ertinya mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah-Kaedah di bawah seksyen 616;

"kelab rekreasi tidak tersenarai" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;

"Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri" ertinya Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri yang diperuntukkan dalam seksyen 134 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*];

"langganan minimum"—

*(a)* berhubung dengan apa-apa syer suatu kelab rekreasi tidak tersenarai yang ditawarkan kepada orang awam untuk langganan, ertinya amaun yang dinyatakan dalam prospektus yang berhubungan dengan tawaran itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

*(b)* berhubung dengan apa-apa pengeluaran, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, syer yang dibuat di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, ertinya amaun yang dinyatakan dalam prospektus yang berhubungan dengan pengeluaran, penawaran atau pelawaan itu mengikut kehendak Suruhanjaya Sekuriti yang berhubungan dengan kandungan prospektus,

sebagai amaun minimum yang pada pendapat pengarah mesti diperdapatkan melalui pengeluaran syer yang ditawarkan sedemikian;

"Lembaga", berhubung dengan suatu syarikat, ertinya—

*(a)* pengarah syarikat itu yang bilangannya tidak kurang daripada jumlah kuorum yang dikehendaki untuk bertindak sebagai lembaga pengarah; atau

*(b)* jika syarikat itu hanya mempunyai seorang pengarah, pengarah itu;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi atau seorang hakim Mahkamah Tinggi;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi syarikat;

"mesyuarat agung tahunan", berhubung dengan suatu syarikat awam, ertinya suatu mesyuarat syarikat yang dikehendaki supaya diadakan oleh seksyen 340;

"pakar" termasuk jurutera, penilai, akauntan dan mana-mana orang lain yang profesion atau reputasinya memberikan autoriti kepada sesuatu pernyataan yang dibuat olehnya;

"pegawai", berhubung dengan suatu perbadanan, termasuk—

*(a)* mana-mana pengarah, setiausaha atau pekerja perbadanan;

*(b)* penerima dan pengurus mana-mana bahagian pengusahaan perbadanan yang dilantik di bawah kuasa yang terkandung dalam mana-mana surat cara; dan

*(c)* mana-mana penyelesai syarikat yang dilantik dalam penggulungan sukarela,

tetapi tidak termasuk—

(i) mana-mana penerima yang bukannya seorang pengurus;

(ii) mana-mana penerima dan pengurus yang dilantik oleh Mahkamah; atau

(iii) mana-mana penyelesai yang dilantik oleh Mahkamah atau pemiutang;

"Pegawai Penerima" ertinya Ketua Pengarah Insolvensi, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, Pengarah Insolvensi, Timbalan Pengarah Insolvensi, Penolong Pengarah Kanan Insolvensi, Penolong Pengarah Insolvensi, pegawai Insolvensi dan mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*];

"pemegang syer substansial" ertinya orang yang disebut dalam subseksyen 136(2);

"pemegangan syer substansial" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 136;

"pemunya benefisial" ertinya pemilik mutlak syer dan tidak termasuk penama bagi apa-apa perihalan;

"Pendaftar" ertinya Pendaftar yang ditetapkan di bawah subseksyen 20A(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [*Akta 614*];

"pengamal insolvensi" ertinya seseorang yang merupakan penyelesai diluluskan selain Pegawai Penerima;

"pengarah" termasuk mana-mana orang yang memegang jawatan pengarah sesuatu perbadanan tidak kira dengan apa jua nama dipanggil dan termasuk seseorang yang mengikut arahan atau petunjuknya majoriti pengarah suatu perbadanan lazimnya bertindak dan seorang pengarah silih ganti atau pengarah ganti;

"Penggal" ertinya suatu Penggal dalam Akta ini dan sebutan mengenai sesuatu Penggal yang dinyatakan ialah sebutan mengenai Penggal Bahagian itu Akta ini yang dalamnya sebutan itu terdapat;

"penggulungan sukarela anggota" ertinya suatu penggulungan di bawah Subpenggal 4 Penggal 1 Bahagian IV, jika suatu pengisytiharan telah dibuat dan diserah simpan di bawah seksyen 443;

"penggulungan sukarela pemiutang" ertinya suatu penggulungan di bawah Subpenggal 5 Penggal 1 Bahagian IV;

"penganjur", berhubung dengan sesuatu prospektus yang dikeluarkan oleh atau yang berkaitan dengan sesuatu perbadanan, ertinya penganjur perbadanan itu yang merupakan suatu pihak dalam penyediaan prospektus itu atau mana-mana bahagiannya yang berkaitan; tetapi tidak termasuk mana-mana orang yang semata-mata bertindak atas sifat profesionalnya;

"pengurus", berhubung dengan sesuatu syarikat, ertinya pegawai eksekutif utama syarikat pada masa ini tidak kira apa jua nama dipanggil dan sama ada dia seorang pengarah atau tidak;

"penyata kewangan" mempunyai erti yang sama yang dinyatakan dalam piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan atau diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia di bawah Akta Laporan Kewangan 1997 [*Akta 558*];

"penyata tahunan" ertinya penyata yang dikehendaki supaya diserah simpan di bawah seksyen 68, dan termasuk apa-apa dokumen yang disertakan dengan penyata itu;

"penyelesai" termasuk Pegawai Penerima apabila bertindak sebagai penyelesai sesuatu perbadanan;

"penyelesai diluluskan" ertinya seseorang yang telah diluluskan di bawah seksyen 433 sebagai penyelesai dan yang kelulusannya tidak dibatalkan;

"penyumbang", berhubung dengan suatu syarikat, ertinya seseorang yang bertanggungan untuk menyumbang kepada aset syarikat sekiranya syarikat itu digulungkan, dan termasuk pemegang syer berbayar penuh dalam syarikat itu dan, sebelum penentuan muktamad orang yang menjadi penyumbang, termasuk mana-mana orang yang dikatakan sebagai penyumbang;

"peraturan-peraturan" ertinya peraturan-peraturan di bawah Akta ini;

"perbadanan berkaitan", berhubung dengan sesuatu perbadanan, ertinya suatu perbadanan yang disifatkan berkaitan dengan perbadanan yang pertama disebut menurut kuasa seksyen 7;

"perbadanan peminjam" ertinya suatu perbadanan yang berada atau akan berada di bawah suatu liabiliti, sama ada liabiliti itu sekarang atau masa hadapan, untuk membayar balik apa-apa wang yang diterima atau yang akan diterima olehnya sebagai sambutan kepada suatu pelawaan kepada orang awam untuk melanggan atau membeli debentur perbadanan mengikut peruntukan Subpenggal 10 Penggal 1 Bahagian III;

"perbadanan penjamin", berhubung dengan suatu perbadanan peminjam, ertinya sesuatu perbadanan yang telah menjamin atau telah bersetuju untuk menjamin pembayaran balik apa-apa wang yang diterima atau yang akan diterima oleh perbadanan peminjam itu sebagai balasan kepada suatu pelawaan kepada orang awam untuk melanggan atau membeli debentur perbadanan peminjam itu;

"perbadanan perbankan" ertinya suatu bank berlesen, bank pelaburan berlesen, bank Islam berlesen dan bank Islam antarabangsa berlesen;

"perlembagaan" ertinya suatu dokumen yang disebut dalam seksyen 34;

"perniagaan berlesen" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*], mengikut mana-mana yang berkenaan;

"prospektus" ertinya apa-apa prospektus, notis, surat pekeliling, iklan atau pelawaan yang mempelawa permohonan atau tawaran daripada orang awam untuk melanggan atau membeli atau yang menawarkan kepada orang awam bagi langganan atau pembelian mana-mana syer dalam atau debentur bagi atau apa-apa unit syer dalam atau unit debentur bagi sesuatu perbadanan atau perbadanan yang dicadangkan dan, berhubung dengan mana-mana prospektus yang didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, ertinya suatu prospektus yang ditakrifkan dalam Akta itu;

"rekod perakaunan", berhubung dengan suatu perbadanan, termasuk invois, resit, perintah bagi pembayaran wang, bil pertukaran, cek, nota janji hutang, baucar dan dokumen catatan utama lain dan termasuk juga apa-apa kertas kerja dan dokumen lain yang diperlukan untuk menerangkan kaedah dan pengiraan yang dengannya sesuatu akaun disediakan;

"salinan pejabat", berhubung dengan mana-mana perintah Mahkamah atau dokumen Mahkamah yang lain, ertinya suatu salinan yang sah di bawah tandatangan atau meterai Pendaftar Mahkamah atau pegawai Mahkamah lain yang sepatutnya;

"sekuriti" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;

"Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001;

"Suruhanjaya Sekuriti" ertinya Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*];

"syarikat" ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan;

"syarikat asing" ertinya—

*(a)* suatu syarikat, perbadanan, pertubuhan, persatuan atau badan lain yang diperbadankan di luar Malaysia; atau

*(b)* suatu pertubuhan, persatuan atau badan lain yang tidak diperbadankan yang di bawah undang-undang tempat asalnya boleh membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya, atau memegang harta atas nama setiausaha atau pegawai lain badan atau persatuan itu yang dilantik dengan sewajarnya bagi maksud itu dan yang tidak mempunyai ibu pejabat atau tempat utama perniagaannya di Malaysia;

"syarikat awam" ertinya suatu syarikat selain syarikat persendirian;

"syarikat persendirian" ertinya—

*(a)* mana-mana syarikat yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini merupakan suatu syarikat persendirian di bawah mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan;

*(b)* mana-mana syarikat yang diperbadankan sebagai suatu syarikat persendirian di bawah Akta ini; atau

*(c)* mana-mana syarikat yang bertukar menjadi suatu syarikat persendirian di bawah seksyen 41,

iaitu suatu syarikat yang tidak terhenti menjadi syarikat persendirian di bawah seksyen 42;

"syarikat persendirian terkecuali" ertinya suatu syarikat persendirian yang dalam syernya tiada kepentingan benefisial dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana perbadanan dan yang mempunyai tidak lebih daripada dua puluh anggota yang kesemuanya bukan suatu perbadanan;

"syarikat yang mempunyai modal syer" termasuk suatu syarikat tidak berhad dengan modal syer;

"syer" ertinya modal syer dikeluarkan sesuatu perbadanan dan termasuk saham kecuali jika perbezaan antara saham dengan syer dinyatakan atau tersirat;

"syer ekuiti" ertinya apa-apa syer yang bukannya syer keutamaan;

"syer keutamaan" ertinya suatu syer tidak kira dengan apa jua nama dipanggil, yang tidak melayakkan pemegangnya mendapat hak untuk mengundi melalui suatu ketetapan atau bagi apa-apa hak untuk mengambil bahagian di luar amaun yang dinyatakan dalam mana-mana pengagihan sama ada melalui dividen, atau penebusan, dalam penggulungan, atau selainnya;

"syer mengundi", berhubung dengan sesuatu pertubuhan perbadanan, ertinya suatu syer keluaran pertubuhan perbadanan itu—

*(a)* yang padanya terikat hak untuk mengundi dalam semua hal keadaan; atau

*(b)* yang bukan suatu syer yang padanya hak untuk mengundi terhad kepada hanya satu atau lebih hal keadaan yang berikut:

(i) semasa tempoh yang suatu dividen, atau sebahagian daripada dividen, berkenaan dengan syer itu menjadi tertunggak;

(ii) semasa cadangan untuk mengurangkan modal syer pertubuhan perbadanan itu;

(iii) semasa cadangan yang menjejaskan hak yang terikat dengan syer itu;

(iv) semasa cadangan untuk menggulung pertubuhan perbadanan itu;

(v) semasa cadangan bagi pelupusan keseluruhan harta, perniagaan dan pengusahaan pertubuhan perbadanan itu;

(vi) semasa penggulungan pertubuhan perbadanan itu.

"tahun kewangan" ertinya tempoh yang berkenaan dengannya apa-apa penyata kewangan perbadanan disediakan sama ada tempoh itu genap satu tahun atau tidak;

"undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan" ertinya mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan syarikat yang telah pada bila-bila masa berkuat kuasa di mana-mana bahagian di Malaysia dan yang bersamaan dengan mana-mana peruntukan Akta ini;

"unit", berhubung dengan syer, debentur atau kepentingan lain, ertinya apa-apa hak atau kepentingan dalamnya, tidak kira dengan apa jua terma dipanggil;

(2) Seseorang tidaklah dikira sebagai seorang yang mengikut arahan atau petunjuk yang pengarah sesuatu syarikat lazimnya bertindak hanya oleh sebab pengarah itu bertindak atas nasihat yang diberikan olehnya atas sifat profesionalnya.

(3) Suatu pernyataan yang dimasukkan ke dalam sesuatu prospektus atau pernyataan sebagai ganti prospektus hendaklah disifatkan tidak benar jika pernyataan itu mengelirukan dalam bentuk dan konteks pernyataan itu dimasukkan.

(4) Suatu pernyataan hendaklah disifatkan dimasukkan ke dalam sesuatu prospektus atau pernyataan sebagai ganti prospektus jika pernyataan itu terkandung dalam mana-mana laporan atau memorandum yang terdapat pada permukaan atau melalui sebutan yang dimasukkan dalam atau dikeluarkan dengan prospektus atau pernyataan sebagai ganti prospektus itu.

(5) Apa-apa pelawaan kepada orang awam untuk mendepositkan wang dengan atau memberi pinjaman wang kepada sesuatu perbadanan hendaklah disifatkan sebagai suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli debentur perbadanan itu dan apa-apa dokumen yang dikeluarkan atau dicadangkan untuk dikeluarkan atau dikehendaki supaya dikeluarkan oleh perbadanan yang mengesahkan atau merupakan keterangan atau merupakan pengesahan keterhutangan perbadanan itu berkenaan dengan apa-apa wang yang didepositkan atau yang mungkin didepositkan dengan atau dipinjamkan kepada perbadanan sebagai balasan kepada pelawaan itu hendaklah disifatkan sebagai debentur, tetapi suatu pelawaan kepada orang awam oleh sesuatu perbadanan ditetapkan sebagaimana

yang ditakrifkan dalam subseksyen 158(8) tidak boleh disifatkan sebagai suatu pelawaan kepada orang awam untuk mendepositkan wang dengan atau memberi pinjaman wang kepada perbadanan bagi maksud Akta Skim Kepentingan 2016 [*Akta 778*].

(6) Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai tawaran syer atau debentur kepada orang awam hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai tawaran syer atau debentur kepada mana-mana golongan orang awam, sama ada dipilih sebagai pelanggan orang yang mengeluarkan prospektus itu atau mengikut apa-apa cara lain; tetapi suatu tawaran *bona fide* atau pelawaan berkenaan dengan syer atau debentur itu tidak boleh disifatkan sebagai suatu tawaran kepada orang awam jika ia—

*(a)* merupakan suatu tawaran atau pelawaan untuk membuat suatu perjanjian penajaan jamin;

*(b)* dibuat kepada seseorang yang perniagaan biasanya adalah membeli atau menjual syer atau debentur sama ada sebagai prinsipal atau ejen;

*(c)* dibuat kepada anggota sedia ada atau pemegang debentur sesuatu perbadanan dan berkaitan dengan syer atau debentur perbadanan itu dan bukannya suatu tawaran yang baginya seksyen 233 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 terpakai; atau

*(d)* dibuat kepada anggota sedia ada syarikat mengikut pengertian seksyen 457 dan berkaitan dengan syer dalam perbadanan mengikut pengertian seksyen itu.

(7) Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai seseorang yang merupakan atau menjadi bankrap atau mengenai seseorang yang memberikan estetnya bagi faedah pemiutangnya atau membuat perkiraan dengan pemiutangnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kebankrapan atau mengenai seseorang yang menjadi bankrap yang belum dilepaskan atau mengenai apa-apa status, keadaan, perbuatan, perkara atau benda di bawah atau berhubung dengan undang-undang kebankrapan hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai orang yang merupakan atau menjadi bankrap atau tidak solven atau mengenai orang yang membuat apa-apa penyerahhakan atau perkiraan atau mengenai

seseorang yang menjadi bankrap yang belum dilepaskan atau tidak solven atau mengenai status, keadaan, perbuatan, perkara atau benda yang bersamaan, mengikut kehendak keadaan, di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kebankrapan atau ketidaksolvenan.

**Takrif "perbadanan"**

**3.** Apa-apa sebutan mengenai "perbadanan" dalam Akta ini ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan yang dibentuk atau diperbadankan atau wujud di Malaysia atau di luar Malaysia dan termasuk mana-mana syarikat asing, perkongsian liabiliti terhad dan perkongsian liabiliti terhad asing tetapi tidak termasuk—

*(a)* mana-mana pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia dan yang melalui notis oleh Menteri yang disiarkan dalam *Warta*, diisytiharkan sebagai pihak berkuasa awam atau suatu perantaraan atau agensi Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri atau menjadi pertubuhan perbadanan yang tidak diperbadankan bagi maksud perdagangan;

*(b)* mana-mana perbadanan tunggal;

*(c)* mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan koperasi; atau

*(d)* mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagai suatu kesatuan sekerja.

**Takrif "subsidiari dan syarikat pemegangan"**

**4.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), sesuatu perbadanan hendaklah disifatkan sebagai suatu subsidiari perbadanan yang lain, tetapi hanya jika—

*(a)* perbadanan yang lain itu—

(i) mengawal keanggotaan lembaga pengarah perbadanan itu;

(ii) mengawal lebih daripada setengah kuasa mengundi perbadanan itu; atau

(iii) memegang lebih daripada setengah modal syer dikeluarkan perbadanan itu, tidak termasuk mana-mana bahagian modal syer yang terdiri daripada syer keutamaan; atau

*(b)* perbadanan itu ialah suatu subsidiari mana-mana perbadanan yang menjadi subsidiari perbadanan yang lain itu.

(2) Bagi maksud subperenggan (1)*(a)*(i), keanggotaan sesuatu lembaga pengarah perbadanan hendaklah disifatkan dikawal oleh suatu perbadanan yang lain jika perbadanan yang lain itu boleh melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah dan bagi maksud peruntukan ini, syarikat pemegangan itu hendaklah disifatkan mempunyai kuasa untuk membuat pelantikan sedemikian jika—

*(a)* seseorang tidak boleh dilantik sebagai pengarah tanpa penjalanan kuasa sedemikian yang memihak kepadanya oleh perbadanan yang lain itu; atau

*(b)* pelantikan seseorang sebagai pengarah semestinya berikutan daripada kedudukannya sebagai pengarah atau pegawai lain perbadanan yang lain itu.

(3) Dalam menentukan sama ada satu perbadanan ialah subsidiari kepada suatu perbadanan yang lain—

*(a)* apa-apa syer yang dipegang atau kuasa yang boleh dijalankan oleh perbadanan yang lain itu atas sifat fidusiari hendaklah dikira sebagai tidak dipegang atau tidak boleh dijalankan olehnya;

*(b)* tertakluk kepada perenggan *(c)* dan *(d)*, apa-apa syer yang dipegang atau kuasa yang boleh dijalankan—

(i) oleh mana-mana orang sebagai penama bagi perbadanan yang lain itu, kecuali jika perbadanan yang lain itu hanya berkaitan atas sifat fidusiari; atau

(ii) oleh, atau oleh penama bagi, subsidiari perbadanan yang lain itu, yang bukannya suatu subsidiari yang berkaitan hanya atas sifat fidusiari,

hendaklah dikira sebagai dipegang atau boleh dijalankan oleh perbadanan yang lain itu;

*(c)* apa-apa syer yang dipegang atau kuasa yang boleh dijalankan oleh mana-mana orang menurut kuasa peruntukan mana-mana debentur perbadanan atau suatu surat ikatan amanah bagi mendapatkan apa-apa keluaran debentur tidak boleh diambil kira; dan

*(d)* apa-apa syer yang dipegang atau kuasa yang boleh dijalankan oleh, atau oleh penama bagi, perbadanan yang lain itu atau subsidiarinya, yang tidak dipegang atau boleh dijalankan sebagaimana yang disebut dalam perenggan *(c)*, hendaklah dikira sebagai tidak dipegang atau boleh dijalankan oleh perbadanan yang lain itu jika perniagaan biasa perbadanan yang lain itu atau subsidiarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, termasuk peminjaman wang dan syer dipegang atau kuasa boleh dijalankan sebagaimana yang disebut terdahulu dengan cara cagaran hanya bagi maksud suatu transaksi yang dibuat dalam perjalanan biasa perniagaan itu.

(4) Sebutan dalam Akta ini mengenai syarikat pemegangan bagi sesuatu syarikat atau perbadanan lain hendaklah dibaca sebagai sebutan mengenai sesuatu perbadanan yang syarikat atau perbadanan itu ialah subsidiarinya.

**Takrif "syarikat pemegangan muktamad"**

**5.** Sesuatu perbadanan hendaklah disifatkan sebagai syarikat pemegangan utama perbadanan yang lain jika—

*(a)* perbadanan yang lain itu ialah suatu subsidiari perbadanan itu; dan

*(b)* perbadanan itu sendiri bukan suatu subsidiari bagi mana-mana perbadanan.

**Takrif "subsidiari milik penuh"**

**6.** Sesuatu perbadanan ialah suatu "subsidiari milik penuh" perbadanan yang lain jika perbadanan itu tidak mempunyai anggota kecuali—

*(a)* perbadanan yang lain itu atau penamanya; atau

*(b)* subsidiari milik penuh perbadanan yang lain itu atau penamanya.

**Bila perbadanan disifatkan berhubung antara satu sama lain**

**7.** Sesuatu perbadanan disifatkan berkaitan antara satu sama lain jika—

*(a)* perbadanan itu ialah syarikat pemegangan suatu perbadanan yang lain;

*(b)* perbadanan itu ialah subsidiari suatu perbadanan yang lain; atau

*(c)* perbadanan itu ialah subsidiari syarikat pemegangan suatu perbadanan yang lain.

**Kepentingan dalam syer**

**8.** (1) Seksyen ini hendaklah mempunyai kesan bagi maksud seksyen 56, 59, Subpenggal 7 Penggal 1 Bahagian III dan seksyen 219 masing-masingnya.

(2) Jika apa-apa harta yang dipegang sebagai amanah terdiri daripada atau termasuk syer yang seseorang mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dia mempunyai suatu kepentingan dalam syer itu, dia hendaklah disifatkan sebagai mempunyai kepentingan itu.

(3) Sesuatu hak tidaklah menjadi suatu kepentingan dalam syer jika—

*(a)* hak itu diberikan atau ditawarkan kepada orang awam bagi langganan atau pembelian kepentingan di bawah Akta Skim Kepentingan 2016;

*(b)* orang awam dipelawa untuk melanggan atau membeli hak itu, dan hak itu telah dilanggan atau dibeli sedemikian;

*(c)* hak itu dipegang oleh syarikat pengurusan dan diberikan bagi maksud suatu tawaran kepada orang awam di bawah Akta Skim Kepentingan 2016; atau

*(d)* hak itu ialah hak yang telah ditetapkan, selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan, sebagai bukan suatu kepentingan dalam syer.

(4) Seseorang hendaklah disifatkan mempunyai kepentingan dalam syer jika suatu pertubuhan perbadanan mempunyai kepentingan dalam syer dan—

*(a)* pertubuhan perbadanan itu, atau pengarahnya lazimnya, atau berada di bawah suatu obligasi, sama ada secara rasmi atau tidak rasmi, untuk bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan orang itu berhubung dengan syer itu;

*(b)* orang itu mempunyai kepentingan yang mengawal dalam pertubuhan perbadanan itu; atau

*(c)* orang itu atau sekutunya, atau orang itu dan sekutunya berhak untuk menjalankan atau mengawal penjalanan tidak kurang daripada dua puluh peratus undi yang terikat dengan syer mengundi dalam pertubuhan perbadanan itu.

(5) Bagi maksud perenggan (4)*(c)*, seseorang ialah sekutu seorang yang lain jika orang itu ialah—

*(a)* suatu perbadanan yang merupakan perbadanan berkaitan;

*(b)* seorang yang mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan orang lain itu yang lazimnya, atau berada di bawah suatu obligasi, sama ada secara rasmi atau tidak rasmi, untuk bertindak berhubung dengan syer yang disebut dalam subseksyen (4);

*(c)* seorang yang lazimnya, atau berada di bawah suatu obligasi, sama ada secara rasmi atau tidak rasmi, untuk bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan orang lain itu berhubung dengan syer itu;

*(d)* suatu pertubuhan perbadanan yang, atau pengarah yang, lazimnya atau berada di bawah suatu obligasi sama ada secara rasmi atau tidak rasmi, untuk bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan orang lain itu berhubung dengan syer itu; atau

*(e)* suatu pertubuhan perbadanan yang mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan yang, atau pengarah yang, orang lain itu lazimnya atau berada di bawah suatu obligasi sama ada secara rasmi atau tidak rasmi, untuk bertindak berhubung dengan syer itu.

(6) Seseorang hendaklah disifatkan mempunyai kepentingan dalam syer dalam mana-mana satu atau lebih hal keadaan yang berikut jika dia—

*(a)* telah membuat suatu kontrak untuk membeli sesuatu syer;

*(b)* mempunyai hak, selain oleh sebab mempunyai kepentingan di bawah suatu amanah, supaya syer dipindahkan kepada dirinya atau menurut perintahnya, sama ada hak itu boleh dijalankan sekarang atau masa hadapan dan sama ada memenuhi syarat atau tidak;

*(c)* mempunyai hak untuk memperoleh syer atau kepentingan dalam syer, di bawah suatu opsyen, sama ada hak itu boleh dijalankan sekarang atau masa hadapan dan sama ada memenuhi syarat atau tidak;

*(d)* berhak, selain oleh sebab dia telah dilantik sebagai proksi atau wakil untuk mengundi pada mesyuarat anggota perbadanan atau kelas anggotanya, untuk menjalankan atau mengawal penjalanan hak yang terikat dengan syer, yang bukan merupakan syer yang dia merupakan pemegang berdaftarnya.

(7) Seseorang hendaklah disifatkan mempunyai kepentingan dalam syer jika syer itu dipegang secara bersesama dengan seorang yang lain.

(8) Bagi maksud menentukan sama ada seseorang mempunyai kepentingan dalam syer, tidak material bahawa kepentingan itu tidak boleh dikaitkan dengan sesuatu syer tertentu.

(9) Bagi maksud seksyen ini, sesuatu kepentingan dalam syer tidak boleh diambil kira sebagai suatu kepentingan jika kepentingan itu ialah—

*(a)* suatu kepentingan bagi seseorang yang memegang syer sebagai pemegang amanah biasa;

*(b)* suatu kepentingan bagi seseorang yang perniagaan biasanya termasuk peminjaman wang atau pemberian pembiayaan jika dia memegang kepentingan hanya melalui cagaran bagi maksud suatu transaksi yang dibuat dalam urusan biasa perniagaannya yang berkaitan dengan peminjaman wang atau pemberian pembiayaan;

*(c)* suatu kepentingan bagi seseorang yang memegang kepentingan oleh sebab dia memegang suatu jawatan yang ditetapkan; dan

*(d)* suatu kepentingan yang ditetapkan yang menjadi kepentingan orang itu, atau orang yang termasuk dalam mana-mana golongan orang, sebagaimana yang ditetapkan.

(10) Suatu kepentingan dalam syer tidak boleh tidak diambil kira hanya oleh sebab—

*(a)* kejauhannya;

*(b)* cara kepentingan itu dikeluarkan;

*(c)* fakta bahawa penjalanan suatu hak yang diberikan oleh kepentingan itu adalah, atau boleh dijadikan tertakluk kepada batasan atau sekatan; atau

*(d)* fakta bahawa kepentingan itu dipegang oleh, atau atas nama, suatu depositori pusat atau syarikat penamanya di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [*Akta 453*].

## BAHAGIAN II

## PEMBENTUKAN DAN PENTADBIRAN SYARIKAT

### Penggal 1

### *Jenis Syarikat*

**Kehendak utama syarikat**

**9.** Sesuatu syarikat hendaklah mempunyai—

*(a)* nama;

*(b)* seorang atau lebih anggota, yang mempunyai liabiliti terhad atau tidak terhad bagi obligasi syarikat itu;

*(c)* dalam hal suatu syarikat berhad dengan syer, satu atau lebih syer; dan

*(d)* seorang atau lebih pengarah.

**Jenis syarikat**

**10.** (1) Sesuatu syarikat boleh diperbadankan sebagai—

*(a)* suatu syarikat berhad menurut syer;

*(b)* suatu syarikat berhad menurut jaminan; atau

*(c)* suatu syarikat tidak berhad.

(2) Sesuatu syarikat adalah berhad menurut syer jika liabiliti anggotanya terhad kepada amaun, jika ada, tidak berbayar atas syer yang dipegang oleh anggota itu.

(3) Sesuatu syarikat adalah berhad menurut jaminan jika liabiliti anggotanya terhad kepada apa-apa amaun yang diaku janji oleh anggotanya untuk menyumbang sekiranya syarikat itu digulungkan.

(4) Sesuatu syarikat ialah syarikat tidak berhad jika tiada had ke atas liabiliti anggotanya.

**Syarikat persendirian atau syarikat awam**

**11.** (1) Suatu syarikat berhad menurut syer hendaklah sama ada suatu syarikat persendirian atau syarikat awam.

(2) Suatu syarikat berhad menurut jaminan hendaklah suatu syarikat awam.

(3) Suatu syarikat tidak berhad hendaklah sama ada suatu syarikat persendirian atau syarikat awam.

**Larangan ke atas syarikat berhad menurut jaminan dengan modal syer**

**12.** Tiada syarikat boleh dibentuk sebagai, atau menjadi, suatu syarikat berhad menurut jaminan dengan modal syer.

**Larangan bagi persatuan tidak diperbadankan, dsb.**

**13.** Tiada persatuan atau perkongsian yang mengandungi lebih daripada dua puluh orang boleh dibentuk bagi maksud menjalankan apa-apa perniagaan untuk mendapatkan keuntungan, melainkan jika persatuan atau perkongsian itu diperbadankan sebagai suatu syarikat di bawah Akta ini, atau dibentuk di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Penggal 2

*Pemerbadanan dan Kesannya*

**Permohonan bagi pemerbadanan**

**14.** (1) Seseorang yang berhasrat untuk membentuk suatu syarikat hendaklah memohon bagi pemerbadanan kepada Pendaftar.

(2) Sesuatu syarikat tidak boleh dibentuk bagi apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.

(3) Permohonan bagi pemerbadanan di bawah seksyen ini hendaklah termasuk suatu pernyataan oleh tiap-tiap orang yang berhasrat untuk membentuk suatu syarikat yang mengandungi butir-butir yang berikut:

*(a)* nama syarikat yang dicadangkan;

*(b)* status sama ada syarikat itu persendirian atau awam;

*(c)* jenis perniagaan bagi syarikat yang dicadangkan;

*(d)* alamat yang dicadangkan bagi pejabat berdaftar syarikat yang dicadangkan;

*(e)* nama, pengenalan, kewarganegaraan dan tempat tinggal biasa tiap-tiap orang yang menjadi anggota syarikat dan, jika mana-mana daripada orang itu ialah pertubuhan perbadanan, nama perbadanannya, tempat pemerbadanan, nombor pendaftaran dan pejabat berdaftar pertubuhan perbadanan itu;

*(f)* nama, pengenalan, kewarganegaraan dan tempat kediaman utama tiap-tiap orang yang menjadi pengarah;

*(g)* nama, pengenalan, kewarganegaraan dan tempat kediaman utama setiausaha, jika ada;

*(h)* dalam hal suatu syarikat berhad menurut syer, butir-butir mengenai kelas dan bilangan syer yang hendak diambil oleh anggota;

*(i)* dalam hal suatu syarikat berhad menurut jaminan, amaun setakat yang anggota mengaku janji untuk menyumbang kepada aset syarikat sekiranya syarikat itu digulungkan; dan

*(j)* apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(4) Permohonan bagi pemerbadanan hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan daripada setiap penganjur atau pengarah yang mengesahkan—

*(a)* persetujuannya untuk bertindak sebagai penganjur atau bagi pelantikannya sebagai pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

*(b)* bahawa dia bukan seorang yang dihilangkan kelayakan di bawah Akta ini untuk bertindak sebagai seorang penganjur atau pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Pendaftaran bagi pemerbadanan**

**15.** Jika Pendaftar berpuas hati bahawa kehendak Akta ini mengenai permohonan bagi pemerbadanan dipatuhi dan apabila fi yang ditetapkan dibayar, Pendaftar hendaklah—

*(a)* mencatatkan butir-butir syarikat dalam daftar;

*(b)* memberi suatu nombor pendaftaran kepada syarikat itu sebagai nombor pendaftaran syarikatnya; dan

*(c)* mengeluarkan notis pendaftaran mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

**Kuasa untuk menolak pendaftaran pemerbadanan**

**16.** (1) Tanpa menjejaskan kuasa Pendaftar di bawah seksyen 15, Pendaftar tidak boleh mendaftarkan sesuatu permohonan melainkan jika Pendaftar berpuas hati bahawa semua kehendak Akta ini berkenaan dengan pendaftaran dan apa-apa perkara yang berhubungan dengan pendaftaran itu telah dipatuhi.

(2) Pendaftar hendaklah menolak untuk mendaftarkan permohonan sesuatu syarikat yang dicadangkan jika dia berpuas hati bahawa syarikat yang dicadangkan itu berkemungkinan hendak digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi maksud yang boleh menjejaskan ketenteraman awam, kemoralan atau keselamatan Malaysia.

**Perakuan pemerbadanan**

**17.** Apabila suatu permohonan oleh sesuatu syarikat dibuat dan setelah fi yang ditetapkan dibayar, Pendaftar boleh mengeluarkan kepada syarikat itu suatu perakuan pemerbadanan mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

**Kesan pemerbadanan**

**18.** (1) Pada tarikh pemerbadanan yang dinyatakan dalam notis pendaftaran yang dikeluarkan di bawah seksyen 15, hendaklah ada suatu syarikat dengan nama dan nombor pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar utama yang disimpan oleh Pendaftar bagi maksud ini.

(2) Tiap-tiap orang yang namanya dinyatakan sebagai anggota dalam permohonan bagi pemerbadanan dan pada pemerbadanan syarikat itu hendaklah dicatatkan sebagai anggota dalam daftar anggota, berserta dengan mana-mana orang lain yang menjadi anggota syarikat dari semasa ke semasa, merupakan suatu pertubuhan perbadanan dengan nama yang dinyatakan dalam notis pemerbadanan itu.

(3) Dalam hal suatu syarikat yang mempunyai modal syer, tiap-tiap orang yang namanya dinyatakan dalam permohonan bagi pemerbadanan itu menjadi pemegang syer sebagaimana yang dinyatakan dalam permohonan itu.

(4) Butir-butir pejabat berdaftar syarikat adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam, atau berkaitan dengan, permohonan bagi pendaftaran itu.

(5) Orang yang dinamakan dalam pernyataan itu sebagai seorang pengarah atau setiausaha, jika ada, hendaklah disifatkan sebagai telah dilantik bagi jawatan itu.

**Notis pendaftaran sebagai keterangan muktamad**

**19.** Notis pendaftaran ialah keterangan muktamad bahawa kehendak Akta ini berkenaan dengan pendaftaran dan perkara-perkara terdahulu dan yang bersampingan dengan pendaftaran itu telah dipatuhi dan bahawa syarikat itu didaftarkan dengan sewajarnya di bawah Akta ini.

**Entiti undang-undang yang berasingan**

**20.** Sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta ini ialah suatu pertubuhan perbadanan dan hendaklah—

*(a)* mempunyai keperibadian undang-undang yang berasingan daripada keperibadian anggotanya; dan

*(b)* terus wujud sehingga syarikat itu dikeluarkan daripada daftar.

**Syarikat mempunyai keupayaan tidak terhad**

**21.** (1) Sesuatu syarikat hendaklah berupaya untuk menjalankan semua fungsi suatu pertubuhan perbadanan dan mempunyai keupayaan sepenuhnya untuk menjalankan atau mengusahakan apa-apa perniagaan atau aktiviti termasuklah—

*(a)* untuk membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya;

*(b)* untuk memperoleh, memiliki, memegang, membangunkan atau melupuskan mana-mana harta; dan

*(c)* untuk melakukan apa-apa perbuatan yang boleh dilakukan atau membuat transaksi.

(2) Sesuatu syarikat hendaklah mempunyai hak, kuasa dan keistimewaan sepenuhnya bagi maksud yang disebut di bawah subseksyen (1).

Penggal 3

*Sekatan ke atas Subsidiari yang Menjadi Anggota Syarikat Pemegangannya*

**Keanggotaan syarikat pemegangan**

**22.** (1) Sesuatu perbadanan tidak boleh menjadi anggota suatu syarikat yang merupakan syarikat pemegangannya dan apa-apa pengumpukan atau pemindahan syer dalam sesuatu syarikat pemegangan kepada subsidiarinya adalah terbatal.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai jika subsidiari yang berkenaan ialah wakil diri atau pemegang amanah, melainkan jika syarikat pemegangan atau subsidiarinya berkepentingan secara benefisial di bawah amanah itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2) dan dalam menentukan jika sesuatu syarikat pemegangan atau sesuatu subsidiari berkepentingan sedemikian, apa-apa kepentingan yang dipegang melalui cagaran bagi maksud transaksi yang dibuat oleh syarikat pemegangan atau subsidiari itu dalam urusan biasa perniagaan yang termasuk peminjaman wang tidak diambil kira.

(4) Seksyen ini tidak menghalang sesuatu subsidiari daripada terus menjadi anggota jika, semasa anggota itu menjadi subsidiari itu, anggota itu telahpun memegang syer dalam syarikat pemegangan.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), suatu subsidiari—

*(a)* tidak mempunyai hak untuk mengundi pada mesyuarat syarikat pemegangan atau mana-mana kelas anggota syarikat pemegangan itu; dan

*(b)* hendaklah, dalam hal suatu subsidiari yang disebut dalam subseksyen (4), melupuskan semua syernya dalam syarikat pemegangan dalam masa dua belas bulan selepas menjadi subsidiari atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Pendaftar.

(6) Tertakluk kepada subseksyen (2), subseksyen (1), (4) dan (5) hendaklah terpakai berhubung dengan penama bagi perbadanan yang merupakan suatu subsidiari seolah-olah sebutan dalam subseksyen itu mengenai perbadanan itu termasuk sebutan mengenai penama baginya.

(7) Seksyen ini tidak berkuat kuasa untuk menghalang pengumpukan syer dalam syarikat pemegangan kepada subsidiari yang telahpun memegang dengan sah syer dalam syarikat pemegangan itu jika—

*(a)* pengumpukan itu dibuat secara permodalan rizab syarikat pemegangan itu; dan

*(b)* pengumpukan itu dibuat kepada semua anggota syarikat pemegangan itu berasaskan perkadaran secara langsung kepada bilangan syer yang dipegang oleh setiap anggota syarikat pemegangan itu.

(8) Jika, disebabkan oleh kuat kuasa seksyen ini, subsidiari itu dihalang daripada melanggan syer dalam syarikat pemegangan yang subsidiari itu layak untuk melanggan, syarikat pemegangan itu boleh, bagi pihak subsidiari itu, menjual syer itu.

(9) Berhubung dengan sesuatu syarikat pemegangan yang sama ada suatu syarikat berhad menurut jaminan atau syarikat tidak berhad, sebutan dalam seksyen ini mengenai syer, sama ada ia mempunyai modal syer atau tidak, hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai kepentingan anggotanya dalam apa jua bentuk.

**Subsidiari bertindak sebagai peniaga yang menyertai**

**23.** (1) Larangan di bawah subseksyen 22(1) tidak terpakai jika syer diperoleh atau dipegang oleh subsidiari itu dalam urusan biasa perniagaannya sebagai peniaga yang menyertai sebagaimana yang diperuntukkan dalam garis panduan yang berhubungan dengan dana dagangan bursa yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), "peniaga yang menyertai" merujuk kepada seseorang yang dilantik oleh suatu syarikat pengurusan dana dagangan bursa dan bertanggungjawab bagi penghasilan dan penebusan unit dana dagangan bursa.

**Perlindungan pihak ketiga dalam hal lain jika subsidiari bertindak sebagai peniaga dalam sekuriti**

**24.** (1) Seksyen ini hendaklah terpakai jika—

*(a)* suatu subsidiari yang merupakan peniaga dalam sekuriti berupa telah memperoleh syer dalam syarikat pemegangannya dengan melanggar larangan dalam seksyen 22; dan

*(b)* seseorang yang bertindak dengan suci hati telah bersetuju, bagi nilai dan tanpa menyedari tentang pelanggaran itu, untuk memperoleh syer dalam syarikat pemegangan—

(i) daripada subsidiari itu; atau

(ii) daripada mana-mana orang yang berupa telah memperoleh syer selepas pelupusan syer itu oleh subsidiari.

(2) Pemindahan syer yang disebut dalam perenggan (1)*(a)* kepada mana-mana orang hendaklah mempunyai kesan yang sama sebagaimana yang akan diperolehnya jika perolehan asal syer oleh subsidiari itu tidak melanggar larangan itu.

Penggal 4

*Nama Syarikat*

**Nama syarikat**

**25.** (1) Nama sesuatu syarikat hendaklah berakhir dengan yang berikut:

*(a)* bagi suatu syarikat awam, perkataan "Berhad" atau singkatannya "Bhd.";

*(b)* bagi suatu syarikat persendirian, perkataan "Sendirian Berhad" atau singkatannya "Sdn. Bhd."; atau

*(c)* bagi suatu syarikat tidak berhad, perkataan "Sendirian" atau singkatannya "Sdn.".

(2) Sesuatu syarikat boleh mempunyai sebagai namanya—

*(a)* nama yang tersedia ada; atau

*(b)* apa-apa ungkapan sebagaimana yang diberikan oleh Pendaftar semasa pemerbadanannya.

**Ketersediaan nama**

**26.** (1) Sesuatu nama boleh disediakan jika nama itu bukan—

*(a)* tidak wajar atau tidak boleh diterima;

*(b)* sama dengan nama sesuatu syarikat, perbadanan atau perniagaan yang sedia ada;

*(c)* sama dengan nama yang dirizabkan di bawah Akta ini; atau

*(d)* suatu nama daripada jenis yang diarahkan oleh Menteri kepada Pendaftar supaya tidak boleh diterima bagi pendaftaran.

(2) Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada sesuatu nama yang disebut dalam perenggan (1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* tidak wajar, tidak boleh diterima atau sama, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Pendaftar hendaklah menyiarkan dalam *Warta* apa-apa arahan yang disebut dalam perenggan (1)*(d)*.

**Pengesahan tentang ketersediaan dan perizaban nama**

**27.** (1) Seseorang hendaklah memohon kepada Pendaftar untuk mengesahkan ketersediaan nama yang dicadangkan.

(2) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa nama yang dicadangkan itu ialah nama yang tidak tertakluk kepada subseksyen 26(1), Pendaftar hendaklah mengesahkan ketersediaan nama yang dicadangkan itu.

(3) Jika seseorang terkilan dengan keputusan Pendaftar di bawah subseksyen (2), dia boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan Pendaftar itu, merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(4) Seseorang boleh merayu kepada Pendaftar bagi perizaban sesuatu nama sebagai—

*(a)* nama syarikat yang dicadangkan sebelum pemerbadanannya; atau

*(b)* nama yang sesuatu syarikat bercadang untuk menukarkan namanya di bawah seksyen 28.

(5) Apabila berpuas hati bahawa nama itu bukan suatu nama yang boleh ditolak atas apa-apa alasan yang disebut dalam subseksyen 26(1) dan setelah fi yang ditetapkan dibayar, Pendaftar boleh merizabkan nama itu bagi suatu tempoh selama tiga puluh hari dari tarikh penyerahsimpanan permohonan itu atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar.

(6) Pengesahan bagi ketersediaan nama atau perizaban nama di bawah seksyen ini tidaklah dengan sendirinya melayakkan syarikat yang dicadangkan, syarikat atau syarikat asing itu sebagai berdaftar atas nama itu, sama ada atas nama asalnya atau nama yang ditukarkan.

(7) Tertakluk kepada Akta ini, Pendaftar tidaklah bertanggungan bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana orang oleh sebab kesilapan atau peninggalan tidak kira apa jua pun sifat atau bagaimana jua pun kesilapan atau peninggalan itu timbul, jika kesilapan atau peninggalan itu dibuat dengan suci hati dan dalam menunaikan kewajipannya di bawah seksyen ini.

**Pertukaran nama**

**28.** (1) Suatu syarikat boleh membuat ketetapan bahawa namanya ditukar melalui ketetapan khas.

(2) Syarikat hendaklah memberitahu Pendaftar tentang pertukaran namanya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh ketetapan khas itu diluluskan.

(3) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa nama baharu itu mematuhi peruntukan Akta ini dan setelah fi yang ditetapkan dibayar, Pendaftar hendaklah—

*(a)* mencatatkan nama baharu syarikat itu dalam daftar bagi menggantikan namanya yang dahulu; dan

*(b)* mengeluarkan suatu notis pendaftaran bagi nama baharu itu.

(4) Pertukaran nama suatu syarikat hendaklah berkuat kuasa dari tarikh notis pendaftaran bagi nama baharu itu dikeluarkan.

(5) Pertukaran nama sesuatu syarikat tidaklah—

*(a)* menjejaskan hak atau obligasi syarikat itu; dan

*(b)* mencacatkan apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap syarikat itu.

(6) Apa-apa prosiding yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap suatu syarikat atas namanya yang dahulu boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya, atas namanya yang baharu.

(7) Jika penggulungan suatu syarikat bermula dalam masa satu tahun selepas syarikat itu menukarkan namanya, namanya yang dahulu dan nama sedia ada syarikat itu hendaklah terdapat pada semua notis dan iklan berhubung dengan penggulungan itu.

(8) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar kehendak di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

**Kuasa Pendaftar untuk mengarahkan pertukaran nama**

**29.** (1) Jika Pendaftar mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa nama yang di bawahnya suatu syarikat didaftarkan tidak sepatutnya didaftarkan, dia hendaklah menyerahkan suatu notis bertulis kepada syarikat itu untuk menukarkan namanya dalam masa enam puluh hari atau suatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang disifatkannya patut.

(2) Jika suatu syarikat tidak menukarkan namanya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk menukarkan nama syarikat itu kepada nombor pendaftaran syarikatnya atau apa-apa ungkapan yang diberikan di bawah subseksyen 25(2) dengan mengubah butir-butir pendaftaran syarikat untuk menggambarkan pertukaran itu.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar arahan Pendaftar di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Penyiaran nama**

**30.** (1) Sesuatu syarikat hendaklah mempamerkan nama berdaftarnya dan nombor pendaftaran syarikat di—

*(a)* pejabat berdaftarnya;

*(b)* tiap-tiap tempat di mana perniagaannya dijalankan; dan

*(c)* tiap-tiap tempat di mana bukunya disimpan.

(2) Sesuatu syarikat hendaklah menzahirkan nama berdaftarnya dan nombor pendaftaran syarikat pada—

*(a)* surat perniagaannya, notis dan penerbitan rasmi yang lain, termasuklah dalam bentuk elektronik;

*(b)* laman sesawangnya;

*(c)* bil pertukaran, nota janji hutang, endorsmen dan borang pesanannya;

*(d)* cek yang berupa ditandatangani oleh atau bagi pihak syarikat;

*(e)* invois pesanan dan tuntutan lain bagi pembayaran, resit dan surat kredit yang berupa dikeluarkan atau ditandatangani oleh atau bagi pihak syarikat; dan

*(f)* semua bentuk lain surat-menyurat dan dokumentasi perniagaannya.

(3) Pendaftar hendaklah menentukan cara sesuatu nama berdaftar dipamerkan atau dizahirkan oleh sesuatu syarikat.

(4) Bagi maksud subseksyen (2), jika suatu syarikat menukarkan namanya di bawah seksyen 28 atau 29, nama syarikat itu yang dahulu hendaklah terdapat di bawah nama berdaftarnya sekarang bagi tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh penukaran itu.

(5) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

## Penggal 5

## *Perlembagaan Syarikat*

### Perlembagaan syarikat

**31.** (1) Sesuatu syarikat, selain syarikat berhad menurut jaminan, boleh atau tidak perlu mempunyai suatu perlembagaan.

(2) Jika suatu syarikat mempunyai suatu perlembagaan, syarikat itu, setiap pengarah dan setiap anggota syarikat hendaklah mempunyai hak, kuasa, kewajipan dan obligasi yang dinyatakan dalam Akta ini, kecuali setakat yang hak, kuasa, kewajipan dan obligasi itu dibenarkan untuk diubah suai mengikut Akta ini, dan diubah suai sedemikian oleh perlembagaan syarikat itu.

(3) Jika suatu syarikat tidak mempunyai perlembagaan, syarikat itu, setiap pengarah dan setiap anggota syarikat hendaklah mempunyai hak, kuasa, kewajipan dan obligasi sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta ini.

### Syarikat boleh menerima pakai perlembagaan

**32.** (1) Sesuatu syarikat boleh menerima pakai suatu perlembagaan bagi syarikat dan penerimapakaian itu hendaklah melalui ketetapan khas.

(2) Perlembagaan syarikat tidak mempunyai kesan setakat yang perlembagaan itu berlanggaran atau tidak selaras dengan peruntukan Akta ini.

(3) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, perlembagaan yang diterima pakai di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikat syarikat itu, pengarahnya dan anggotanya.

(4) Syarikat hendaklah menyerah simpan perlembagaan dengan Pendaftar dalam masa tiga puluh hari dari penerimapakaian perlembagaan di bawah subseksyen (1).

(5) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kesan perlembagaan**

**33.** (1) Perlembagaan hendaklah, apabila diterima pakai, mengikat syarikat dan anggota pada takat yang sama seolah-olah perlembagaan itu telah ditandatangani dan dimeterai oleh setiap anggota dan mengandungi waad pada bahagian setiap anggota untuk mematuhi semua peruntukan perlembagaan itu.

(2) Semua wang yang kena dibayar oleh mana-mana anggota kepada syarikat di bawah perlembagaan hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar oleh anggota itu kepada syarikat.

**Bentuk perlembagaan**

**34.** Perlembagaan suatu syarikat—

*(a)* dalam hal suatu syarikat berhad menurut syer yang diperbadankan di bawah Akta ini, ialah suatu dokumen yang diterima pakai sebagai perlembagaannya di bawah seksyen 32;

*(b)* dalam hal suatu syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan di bawah Akta ini, ialah suatu dokumen yang diserah simpan bagi pendaftaran syarikat di bawah seksyen 38; atau

*(c)* dalam hal suatu syarikat yang didaftarkan di bawah undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan, ialah memorandum dan perkara persatuan sebagaimana yang didaftarkan pada asalnya atau sebagaimana yang diubah mengikut undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan,

dan termasuk apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat di bawah seksyen 36 atau 37, jika ada, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Kandungan perlembagaan syarikat**

**35.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, perlembagaan suatu syarikat boleh mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan—

*(a)* tujuan syarikat;

*(b)* keupayaan, hak, kuasa atau keistimewaan syarikat jika peruntukan itu menyekat keupayaan, hak, kuasa atau keistimewaan sedemikan;

*(c)* perkara-perkara yang dipertimbangkan oleh Akta ini untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan; dan

*(d)* apa-apa perkara lain yang hendak dimasukkan oleh syarikat ke dalam perlembagaannya.

(2) Bagi maksud perenggan (1)*(a)*, jika perlembagaan menyatakan tujuan sesuatu syarikat—

*(a)* syarikat itu hendaklah disekat daripada menjalankan apa-apa perniagaan atau aktiviti yang tidak terdapat dalam tujuannya; dan

*(b)* syarikat hendaklah mempunyai keupayaan dan kuasa sepenuhnya untuk mencapai tujuan itu, melainkan jika perlembagaan memperuntukkan selainnya.

**Syarikat boleh mengubah atau meminda perlembagaan**

**36.** (1) Sesuatu syarikat yang mempunyai perlembagaan boleh, melalui suatu ketetapan khas, mengubah atau meminda perlembagaannya melainkan jika perlembagaan itu sendiri melarang pengubahan atau pindaan itu.

(2) Pada tarikh ketetapan khas diluluskan atau suatu tarikh kemudian yang dinyatakan dalam ketetapan itu, apa-apa pengubahan atau pindaan kepada perlembagaan hendaklah mengikat syarikat dan anggota sewajarnya.

(3) Syarikat hendaklah memberitahu Pendaftar tentang pengubahan atau pindaan perlembagaannya dan menyerah simpan suatu salinan perlembagaan sebagaimana yang diubah atau dipinda itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh ketetapan khas itu diluluskan.

(4) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Mahkamah boleh mengubah atau meminda perlembagaan**

**37.** (1) Mahkamah boleh, atas permohonan pengarah atau anggota sesuatu syarikat, jika Mahkamah berpuas hati bahawa tidak boleh dilaksanakan untuk mengubah atau meminda perlembagaan syarikat dengan menggunakan tatacara yang dinyatakan dalam Akta ini atau dalam perlembagaan itu sendiri, membuat suatu perintah untuk mengubah dan meminda perlembagaan syarikat mengikut apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(2) Syarikat hendaklah memastikan bahawa suatu salinan pejabat bagi perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) bersama dengan suatu salinan perlembagaan sebagaimana yang diubah atau dipinda itu diserah simpan dengan Pendaftar untuk pendaftaran dalam masa tiga puluh hari dari tarikh perintah itu.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Syarikat berhad menurut jaminan hendaklah mempunyai perlembagaan**

**38.** (1) Suatu syarikat berhad menurut jaminan hendaklah mempunyai suatu perlembagaan.

(2) Perlembagaan suatu syarikat berhad menurut jaminan hendaklah ditandatangani oleh orang yang berhasrat untuk memperbadankan syarikat itu dan menyerah simpan dengan Pendaftar pada masa syarikat itu diperbadankan.

(3) Perlembagaan itu hendaklah menyatakan—

*(a)* bahawa syarikat itu ialah syarikat berhad menurut jaminan;

*(b)* tujuan syarikat;

*(c)* keupayaan, hak, kuasa dan keistimewaan syarikat;

*(d)* bilangan anggota syarikat yang dicadangkan untuk diperbadankan;

*(e)* perkara-perkara yang dipertimbangkan oleh Akta ini untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan; dan

*(f)* apa-apa perkara lain yang dihasratkan untuk dimasukkan oleh syarikat ke dalam perlembagaan.

(4) Mana-mana peruntukan dalam perlembagaan syarikat berhad menurut jaminan yang berupa membahagikan pengusahaan syarikat kepada syer atau kepentingan ialah suatu peruntukan bagi modal syer dan hendaklah terbatal.

(5) Mana-mana peruntukan dalam perlembagaan syarikat berhad menurut jaminan yang berupa memberikan kepada mana-mana orang hak untuk mengambil bahagian dalam keuntungan boleh bahagi syarikat hendaklah terbatal.

(6) Suatu perlembagaan yang diserah simpan dengan Pendaftar di bawah seksyen ini hendaklah mengikat syarikat dan anggotanya pada takat yang sama seolah-olah perlembagaan itu ditandatangani oleh setiap anggota dan mengandungi waad pada setiap anggota untuk mematuhi semua peruntukan dalam perlembagaan itu.

**Ketidakpakaian doktrin notis konstruktif**

**39.** Tiada seorang pun boleh disifatkan sebagai mengetahui atau mempunyai pengetahuan tentang kandungan perlembagaan atau apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan syarikat, disebabkan oleh fakta—

*(a)* bahawa perlembagaan atau dokumen itu telah didaftarkan oleh Pendaftar; atau

*(b)* bahawa perlembagaan atau dokumen itu tersedia untuk diperiksa di pejabat berdaftar syarikat itu,

dengan kecualian bagi dokumen yang berhubungan dengan surat cara gadaian.

Penggal 6

*Penukaran Status Syarikat*

**Penukaran daripada syarikat tidak berhad kepada syarikat berhad**

**40.** (1) Tertakluk kepada seksyen ini, sesuatu syarikat tidak berhad boleh bertukar kepada syarikat berhad melalui kelulusan suatu ketetapan khas dan hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu notis bagi penukaran dan menyatakan pengubahan namanya yang bersesuaian.

(2) Apabila notis penukaran itu diserah simpan, Pendaftar hendaklah—

*(a)* membuat apa-apa pengendorsan dalam atau pengubahan kepada daftar itu untuk merekodkan penukaran itu; dan

*(b)* mengeluarkan kepada syarikat itu suatu notis penukaran dan membatalkan notis pendaftaran atau perakuan pemerbadanan terdahulu syarikat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Apabila notis penukaran dikeluarkan, Pendaftar boleh memberitahu syarikat secara bertulis bahawa syarikat itu diketepikan daripada menyerah simpan apa-apa dokumen yang telah diserah simpan semasa pemerbadanannya sebagai syarikat tidak berhad atau yang selepas daripada itu.

(4) Penukaran itu hendaklah berkuat kuasa apabila notis penukaran di bawah subseksyen (2) dikeluarkan dan perlembagaan, jika ada, hendaklah selepas itu diubah mengikut terma ketetapan itu.

(5) Penukaran sesuatu syarikat di bawah seksyen ini tidaklah—

*(a)* menjejaskan identiti syarikat itu atau apa-apa hak atau obligasi syarikat itu; atau

*(b)* mencacatkan apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap syarikat itu.

(6) Mana-mana prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap syarikat sebelum penukaran itu boleh, walau apa pun penukaran itu, diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap syarikat selepas penukaran itu.

**Penukaran daripada syarikat awam kepada syarikat persendirian atau syarikat persendirian kepada syarikat awam**

**41.** (1) Suatu syarikat awam yang mempunyai modal syer boleh bertukar kepada syarikat persendirian melalui kelulusan suatu ketetapan khas dan hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu notis penukaran dan menyatakan pengubahan namanya yang bersesuaian.

(2) Suatu syarikat persendirian boleh bertukar kepada syarikat awam melalui suatu ketetapan khas dan hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar—

*(a)* suatu notis penukaran dan menyatakan pengubahan namanya yang bersesuaian;

*(b)* suatu pernyataan sebagai ganti prospektus; dan

*(c)* suatu akuan berkanun yang menentusahkan bahawa perenggan 190(2)*(b)* telah dipatuhi.

(3) Tertakluk kepada Akta ini, apabila notis penukaran diserah simpan, Pendaftar hendaklah—

*(a)* membuat apa-apa pengendorsan dalam atau pengubahan kepada daftar itu untuk merekodkan penukaran itu; dan

*(b)* mengeluarkan kepada syarikat itu suatu notis penukaran dan membatalkan notis pendaftaran atau perakuan pemerbadanan terdahulu syarikat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Penukaran itu hendaklah berkuat kuasa apabila notis penukaran di bawah perenggan (3)*(b)* dikeluarkan.

(5) Penukaran sesuatu syarikat di bawah seksyen ini tidaklah—

*(a)* menjejaskan identiti syarikat itu atau apa-apa hak atau obligasi syarikat itu; atau

*(b)* mencacatkan apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap syarikat itu.

(6) Mana-mana prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap syarikat sebelum penukaran itu boleh, walau apa pun apa-apa perubahan nama atau keupayaan syarikat berikutan penukaran itu, diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap syarikat selepas penukaran itu.

## Penggal 7

*Peruntukan yang Terpakai bagi Jenis Syarikat Tertentu*

### Syarikat persendirian

**42.** (1) Suatu syarikat berhad menurut syer yang mempunyai tidak lebih daripada lima puluh pemegang syer boleh—

*(a)* didaftarkan sebagai suatu syarikat persendirian;

*(b)* menukar statusnya kepada suatu syarikat persendirian; atau

*(c)* terus berdaftar sebagai suatu syarikat persendirian.

(2) Suatu syarikat persendirian hendaklah menyekat pemindahan syernya.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), dalam menentukan bilangan pemegang syer dalam suatu syarikat persendirian—

*(a)* pemegang syer bersama hendaklah dianggap sebagai satu orang; dan

*(b)* pemegang syer yang menjadi atau telah menjadi pekerja syarikat atau subsidiarinya semasa mereka menjadi pemegang syer tidak boleh dihitung.

(4) Jika suatu syarikat persendirian—

*(a)* terhenti menyekat pemindahan syernya;

*(b)* terhenti mempunyai modal syer; atau

*(c)* mempunyai lebih daripada lima puluh pemegang syer,

Pendaftar hendaklah menyampaikan suatu notis kepada syarikat itu bahawa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, syarikat itu terhenti menjadi syarikat persendirian.

(5) Jika, di bawah seksyen ini, Pendaftar menentukan bahawa suatu syarikat telah terhenti menjadi syarikat persendirian—

*(a)* syarikat itu hendaklah menjadi suatu syarikat awam dan hendaklah disifatkan telah menjadi syarikat awam pada dan mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu;

*(b)* syarikat itu hendaklah, pada tarikh yang dinyatakan sedemikian disifatkan telah menukarkan namanya dengan peninggalan daripada namanya perkataan "Sendirian" atau singkatan "Sdn.", mengikut kehendak keadaan; dan

*(c)* syarikat itu hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh notis itu, menyerah simpan dengan Pendaftar—

(i) suatu pernyataan sebagai ganti prospektus; dan

(ii) suatu akuan berkanun yang menentusahkan bahawa perenggan 190(1)*(b)* telah dipatuhi.

(6) Menurut kuasa penentuan yang dibuat di bawah seksyen ini, suatu syarikat yang telah menjadi suatu syarikat awam tidak boleh bertukar kepada suatu syarikat persendirian tanpa mendapat keizinan Mahkamah.

(7) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Larangan terhadap syarikat persendirian untuk menawarkan syer atau debentur atau mempelawa untuk mendepositkan wang**

**43.** (1) Suatu syarikat persendirian tidak boleh—

*(a)* menawarkan kepada orang awam apa-apa syer atau debentur syarikat;

*(b)* mengumpukkan atau bersetuju untuk mengumpukkan apa-apa syer atau debentur syarikat dengan tujuan untuk menawarkan sekuriti itu kepada orang awam; atau

*(c)* mempelawa orang awam untuk mendepositkan wang dengan syarikat bagi tempoh yang ditetapkan atau kena dibayar apabila dituntut, sama ada mempunyai faedah atau tanpa faedah.

(2) Melainkan jika dibuktikan sebaliknya, pengumpukan atau persetujuan untuk mengumpukkan syer atau debentur dianggap sebagai syer atau debentur itu ditawarkan kepada orang awam

jika tawaran syer atau debentur itu, atau mana-mana daripada syer atau debentur itu, kepada orang awam dibuat—

*(a)* dalam masa enam bulan selepas pengumpukan atau persetujuan untuk mengumpukkan itu; atau

*(b)* sebelum penerimaan oleh syarikat itu keseluruhan balasan yang akan diterima olehnya berkenaan dengan syer atau debentur itu.

(3) Sesuatu syarikat tidak melanggar seksyen ini jika—

*(a)* syarikat itu bertindak dengan suci hati mengikut perkiraan yang di bawahnya syarikat itu bertukar kepada syarikat awam sebelum syer atau debentur itu diumpukkan;

*(b)* sebagai sebahagian daripada terma tawaran syarikat itu mengaku janji untuk bertukar kepada syarikat awam dalam tempoh yang ditentukan, dan bahawa aku janji itu telah dipatuhi; atau

*(c)* tawaran itu dibuat mengikut perkiraan sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti kepada mana-mana orang mengenai pasaran saham, pasaran terbitan, pasaran saham terkecuali atau pasaran terbitan terkecuali yang diluluskan, didaftarkan atau dikawal selia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(4) Bagi maksud perenggan (3)*(b)*, tempoh yang ditentukan—

*(a)* dalam hal jika tawaran dibuat pada hari yang sama, ialah suatu tempoh yang berakhir tidak lewat daripada enam bulan selepas hari tawaran itu dibuat; atau

*(b)* dalam hal jika tawaran dibuat pada hari yang berlainan, ialah suatu tempoh yang berakhir tidak lewat daripada enam bulan selepas hari tawaran itu dibuat kali pertama.

(5) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Tawaran kepada orang awam**

**44.** (1) Suatu tawaran kepada orang awam yang disebut dalam seksyen 43 termasuk tawaran yang dibuat mengikut apa-apa cara kepada mana-mana golongan orang awam.

(2) Suatu tawaran tidak dianggap sebagai tawaran kepada orang awam jika tawaran itu—

*(a)* tidak dihitung untuk menghasilkan, secara langsung atau tidak langsung, syer atau debentur syarikat yang tersedia kepada orang selain mereka yang menerima tawaran itu; atau

*(b)* selainnya menjadi suatu bahagian persendirian bagi orang yang menerima tawaran itu dan orang yang membuat tawaran itu.

(3) Suatu tawaran hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, sebagai suatu bahagian persendirian antara orang yang menerima tawaran dengan orang yang membuat tawaran jika—

*(a)* tawaran itu dibuat kepada orang yang telahpun mempunyai kaitan dengan syarikat dan, jika tawaran itu dibuat mengikut terma yang membenarkan orang itu melepaskan haknya, hak itu hanya boleh dilepaskan bagi faedah orang yang lain yang telahpun mempunyai kaitan dengan syarikat itu; atau

*(b)* tawaran itu ialah suatu tawaran untuk melanggan sekuriti untuk dipegang di bawah suatu skim syer pekerja dan, jika tawaran itu dibuat mengikut terma yang membenarkan orang itu melepaskan haknya, hak itu hanya boleh dilepaskan bagi faedah—

(i) seorang yang lain yang berhak untuk memegang sekuriti di bawah skim itu; atau

(ii) seseorang yang telahpun mempunyai kaitan dengan syarikat itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, "orang yang telahpun mempunyai kaitan dengan syarikat" ertinya—

*(a)* anggota sedia ada atau pekerja syarikat itu;

*(b)* anggota keluarga seseorang yang menjadi atau telah menjadi anggota atau pekerja syarikat itu;

*(c)* pemegang debentur sedia ada syarikat itu; atau

*(d)* pemegang amanah, yang bertindak atas sifatnya yang sedemikian, bagi suatu amanah yang benefisiari utamanya ialah seorang yang termasuk dalam mana-mana perenggan *(a)* hingga *(c)*.

**Syarikat berhad menurut jaminan**

**45.** (1) Tiada syarikat melainkan syarikat berhad menurut jaminan boleh dibentuk dengan tujuan yang berikut:

*(a)* menyediakan rekreasi atau hiburan;

*(b)* menggalakkan perdagangan dan industri;

*(c)* menggalakkan seni;

*(d)* menggalakkan sains;

*(e)* menggalakkan agama;

*(f)* menggalakkan kebajikan;

*(g)* menggalakkan skim pencen atau persaraan; atau

*(h)* menggalakkan apa-apa tujuan lain yang bermanfaat kepada masyarakat atau negara.

(2) Syarikat berhad menurut jaminan hendaklah—

*(a)* menggunakan keuntungan atau pendapatannya yang lain dalam mencapai atau menggalakkan tujuannya;

*(b)* melarang pembayaran apa-apa dividen kepada anggotanya; dan

*(c)* menghendaki semua aset yang akan selainnya ada pada anggotanya dipindahkan secara amnya atas penggulungannya sama ada—

(i) kepada badan yang lain yang mempunyai tujuan yang sama dengan tujuannya; atau

(ii) kepada badan yang lain yang tujuannya adalah untuk menggalakkan kebajikan dan apa-apa perkara yang bersampingan atau kondusif dengan tujuan itu.

(3) Syarikat berhad menurut jaminan boleh memohon kepada Menteri bagi mendapatkan suatu lesen untuk meninggalkan perkataan "Berhad" atau singkatan "Bhd." daripada namanya.

(4) Syarikat berhad menurut jaminan tidak boleh memegang tanah melainkan jika suatu lesen telah didapatkan daripada Menteri.

(5) Bagi maksud meluluskan lesen di bawah seksyen ini, Menteri boleh menetapkan peraturan-peraturan atau mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

## Penggal 8

## *Pejabat Berdaftar dan Daftar*

### Pejabat berdaftar dan waktu pejabat

**46.** (1) Sesuatu syarikat hendaklah pada setiap masa mempunyai suatu pejabat berdaftar di Malaysia yang kepadanya semua bentuk komunikasi dan notis boleh ditujukan.

(2) Pejabat berdaftar itu hendaklah dibuka dan boleh diakses oleh orang awam pada waktu biasa perniagaan.

(3) Pendaftar hendaklah diberitahu tentang apa-apa pertukaran alamat pejabat berdaftar dalam masa empat belas hari dari pertukaran itu.

(4) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

**Dokumen hendaklah disimpan di pejabat berdaftar**

**47.** (1) Sesuatu syarikat hendaklah menyimpan di pejabat berdaftarnya—

*(a)* notis pendaftaran yang dikeluarkan di bawah seksyen 15;

*(b)* perlembagaan syarikat, jika ada;

*(c)* perakuan yang diberikan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan, jika ada;

*(d)* semua daftar, buku, rekod dan dokumen sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta ini;

*(e)* minit semua mesyuarat anggota dan ketetapan anggota;

*(f)* minit semua mesyuarat dan ketetapan Lembaga dan jawatankuasa Lembaga;

*(g)* salinan semua komunikasi bertulis kepada semua anggota atau semua pemegang syer daripada kelas yang sama;

*(h)* salinan semua penyata kewangan dan penyata kewangan kumpulan;

*(i)* rekod perakaunan syarikat yang dikehendaki di bawah seksyen 245;

*(j)* salinan semua surat cara yang mewujudkan atau menjadi keterangan gadaian sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 357; dan

*(k)* apa-apa dokumen lain yang dikehendaki disimpan oleh Pendaftar.

(2) Apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), selain dokumen yang disebut dalam perenggan (1)*(e)*, boleh disimpan di tempat selain di pejabat berdaftar syarikat itu dengan syarat notis mengenainya telah diberikan kepada Pendaftar.

(3) Syarikat itu hendaklah memberitahu Pendaftar tentang apa-apa pertukaran alamat tempat yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) dalam masa empat belas hari dari tarikh pertukaran itu.

(4) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pemeriksaan dokumen dan rekod yang disimpan oleh syarikat**

**48.** (1) Apa-apa dokumen dan rekod yang kena disediakan untuk diperiksa di bawah Akta ini, hendaklah tersedia untuk diperiksa oleh mana-mana orang yang berhak untuk memeriksa dokumen dan rekod itu di pejabat berdaftar syarikat atau di mana-mana tempat yang dibenarkan oleh Akta ini.

(2) Syarikat hendaklah menyediakan kemudahan yang sepatutnya untuk membolehkan dokumen dan rekod itu diperiksa.

(3) Orang yang berhak di bawah Akta ini untuk memeriksa dokumen dan rekod yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibenarkan untuk membuat salinan atau mengambil cabutan daripada dokumen dan rekod itu.

**Bentuk dokumen dan cara lain merekodkan dokumen**

**49.** (1) Dokumen dan rekod suatu syarikat yang disebut dalam seksyen 47 hendaklah—

*(a)* dalam bentuk bertulis; atau

*(b)* dalam apa-apa bentuk atau cara lain, elektronik atau selainnya, yang membenarkan dokumen dan maklumat itu mudah diakses dan dikeluarkan semula dalam bentuk bertulis.

(2) Syarikat hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk menghalang dokumen dan rekod yang disimpan dalam bentuk yang disebut dalam subseksyen (1) daripada dipalsukan.

(3) Jika sesuatu syarikat mendapati bahawa sesuatu dokumen atau rekod telah dipalsukan, syarikat itu hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada Pendaftar dan Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk mengarahkan syarikat itu untuk—

*(a)* meminda, membetulkan atau mengubah dokumen atau rekod itu; atau

*(b)* mengambil apa-apa tindakan lain yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

(4) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Daftar anggota**

**50.** (1) Tiap-tiap syarikat hendaklah menyimpan suatu daftar anggotanya dan merekodkan dalam daftar—

*(a)* nama, alamat, nombor kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 [*Akta 78*], jika ada, kewarganegaraan dan tempat tinggal yang biasa bagi tiap-tiap orang yang akan menjadi anggota dan, jika mana-mana anggota ialah suatu perbadanan, nama perbadanan, tempat diperbadankan, ditubuhkan atau tempat asal, nombor pendaftaran dan pejabat berdaftar perbadanan dan apa-apa maklumat dan butir-butir lain yang berkaitan mengenai anggota;

*(b)* dalam hal suatu syarikat yang mempunyai modal syer, suatu pernyataan tentang syer yang dipegang oleh setiap anggota, yang membezakan setiap syer melalui nombor yang bersesuaian, atau melalui nombor perakuan, jika ada, dan amaun yang dibayar atau dipersetujui untuk dianggap sebagai dibayar atas syer setiap anggota;

*(c)* tarikh yang padanya nama setiap orang yang dicatatkan dalam daftar sebagai anggota;

*(d)* tarikh yang padanya mana-mana orang terhenti menjadi anggota dalam masa tujuh tahun sebelumnya terhenti sedemikian menjadi anggota; dan

*(e)* dalam hal suatu syarikat yang mempunyai modal syer, tarikh tiap-tiap pengumpukan syer kepada anggota dan bilangan syer yang terkandung dalam setiap pengumpukan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

*(a)* jika syarikat telah menukarkan mana-mana syernya kepada saham dan memberikan notis penukaran kepada Pendaftar, syarikat itu hendaklah mengubah daftar bagi menunjukkan amaun saham atau bilangan unit saham yang dipegang oleh setiap anggota dan bukannya bilangan syer dan butir-butir yang berhubungan dengan syer yang dinyatakan dalam perenggan (1)*(b)*;

*(b)* suatu syarikat boleh menyimpan nama dan butir-butir yang berhubungan dengan orang yang telah terhenti menjadi anggota syarikat secara berasingan dan nama dan butir-butir yang berhubungan dengan anggota terdahulu tidak perlu diberikan kepada mana-mana orang yang memohon untuk mendapatkan salinan daftar melainkan jika orang itu meminta secara khusus nama dan butir-butir anggota terdahulu.

(3) Daftar anggota hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi apa-apa perkara yang dimasukkan dalam daftar sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini.

(4) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kewajipan untuk memberitahu butir-butir dan pertukaran dalam daftar anggota**

**51.** (1) Syarikat hendaklah memberitahu Pendaftar tentang pertukaran butir-butir dalam daftar dalam masa empat belas hari dari tarikh—

*(a)* pertukaran mana-mana pemegang syer yang terkandung dalam daftar;

*(b)* selepas seseorang terhenti menjadi, atau menjadi, pemegang syer syarikat; atau

*(c)* maklumat yang dikehendaki di bawah seksyen 56 diterima oleh syarikat atau direkodkan dalam daftar.

(2) Pendaftar hendaklah menentukan bentuk, cara dan takat maklumat yang hendaklah diserah simpan di bawah subseksyen (1).

(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi suatu syarikat yang syernya disebut di bursa saham.

(4) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Indeks anggota syarikat**

**52.** (1) Tiap-tiap syarikat yang mempunyai lebih daripada lima puluh orang anggota hendaklah menyimpan suatu indeks nama anggota dalam bentuk yang mudah, melainkan jika daftar anggota itu adalah dalam bentuk suatu indeks.

(2) Syarikat hendaklah membuat apa-apa pertukaran yang perlu dalam indeks jika terdapat apa-apa pertukaran butir-butir dalam daftar anggota dalam masa empat belas hari dari tarikh pertukaran itu.

(3) Indeks hendaklah berkenaan dengan setiap anggota mempunyai petunjuk yang mencukupi untuk membolehkan akaun anggota itu dalam daftar tersedia untuk diakses.

(4) Seksyen ini tidak terpakai bagi suatu syarikat yang syernya disebut di bursa saham.

(5) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Daftar cawangan anggota**

**53.** (1) Suatu syarikat yang mempunyai modal syer boleh menyebabkan supaya disimpan suatu daftar cawangan anggota yang hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada daftar anggota syarikat di mana-mana tempat di luar Malaysia.

(2) Syarikat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar—

*(a)* suatu notis mengenai alamat pejabat di mana apa-apa daftar cawangan disimpan dan mengenai apa-apa pertukaran alamatnya; dan

*(b)* suatu notis mengenai pemberhentian pejabat di mana daftar cawangan disimpan, jika daftar cawangan itu tidak diteruskan,

dalam masa tiga puluh hari dari pembukaan pejabat itu atau dari pertukaran atau pemberhentian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Suatu daftar cawangan hendaklah disimpan mengikut cara yang sama sebagaimana daftar utama dikehendaki disimpan.

(4) Syarikat hendaklah memindahkan suatu salinan tiap-tiap catatan dalam daftar cawangannya ke pejabat di mana daftar utamanya disimpan dalam masa empat belas hari dari tarikh catatan itu dibuat dan hendaklah menyebabkan supaya disimpan suatu salinan yang dikemas kini sewajarnya bagi daftar cawangannya di pejabat itu.

(5) Tertakluk kepada seksyen ini, berkenaan dengan salinan daftar, syer yang didaftarkan di suatu daftar cawangan hendaklah dibezakan daripada syer yang didaftarkan di daftar utama dan tiada transaksi berkenaan dengan apa-apa syer yang didaftarkan di daftar cawangan boleh didaftarkan semasa penerusan pendaftaran itu.

(6) Jika syarikat memberhentikan daftar cawangan, semua catatan dalam daftar itu hendaklah dipindahkan ke beberapa daftar cawangan lain yang disimpan oleh syarikat itu di tempat yang sama atau dalam daftar utama.

(7) Jika menurut kuasa undang-undang yang berkuat kuasa di mana-mana negara lain, mana-mana perbadanan yang diperbadankan di bawah undang-undang itu yang menyimpan suatu daftar cawangan anggotanya di Malaysia, Menteri boleh melalui perintah mengisytiharkan bahawa peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pemeriksaan, tempat penyimpanan dan pembetulan daftar anggota hendaklah, tertakluk kepada apa- apa ubah suaian yang dinyatakan dalam perintah itu, terpakai sewajarnya bagi daftar cawangan itu.

(8) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini dan tiap-tiap orang yang, mengikut perenggan 54(1)*(b)* telah membuat perkiraan untuk mengubah suai daftar utama melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Tempat di mana daftar anggota dan indeks disimpan**

**54.** (1) Daftar anggota dan indeks hendaklah disimpan di pejabat berdaftar syarikat, tetapi—

*(a)* jika daftar dan indeks itu disediakan di pejabat yang lain syarikat itu di Malaysia, daftar dan indeks itu boleh disimpan di pejabat yang lain itu; atau

*(b)* jika syarikat itu membuat perkiraan dengan mana-mana orang untuk menyediakan daftar dan indeks bagi pihaknya, daftar dan indeks itu boleh disimpan di pejabat orang itu di mana kerja dijalankan jika pejabat itu terletak di Malaysia.

(2) Jika, menurut kuasa perenggan (1)*(b)*, daftar anggota disimpan di pejabat ejen itu, selain di syarikat itu, dan oleh sebab keingkarannya syarikat itu melanggar subseksyen (1) atau mana-mana kehendak Akta ini mengenai pengeluaran daftar, ejen itu boleh dikenakan penalti yang sama seolah-olah dia ialah pegawai syarikat, dan kuasa Mahkamah di bawah seksyen 585 hendaklah diperluas kepada pembuatan perintah terhadap ejen dan pegawai itu dan pekerja ejen itu.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pemeriksaan dan penutupan daftar anggota dan indeks**

**55.** (1) Daftar dan indeks hendaklah dibuka bagi pemeriksaan oleh mana-mana anggota tanpa dikenakan bayaran dan oleh mana-mana orang lain dengan bayaran sejumlah sepuluh ringgit bagi setiap pemeriksaan atau jumlah yang lebih kurang sebagaimana yang dikehendaki oleh syarikat.

(2) Mana-mana anggota atau orang lain boleh meminta kepada syarikat untuk memberikan kepadanya suatu salinan daftar, atau mana-mana bahagian daftar, tetapi hanya setakat yang daftar itu berkaitan dengan nama, alamat, bilangan syer yang dipegang dan amaun yang dibayar ke atas syer, apabila dibayar sebagai pendahuluan sejumlah sepuluh ringgit atau apa-apa jumlah yang lebih kurang yang dikehendaki oleh syarikat bagi tiap-tiap seratus perkataan atau sebahagian daripada daftar yang dikehendaki untuk dibuat salinan dan syarikat itu hendaklah menyebabkan supaya mana-mana salinan yang diminta oleh mana-mana orang dihantar kepada orang itu dalam tempoh dua puluh satu hari atau dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dianggap munasabah oleh Pendaftar bermula dari hari permintaan itu diterima oleh syarikat.

(3) Syarikat boleh menutup daftar anggota atau mana-mana kelas anggota dengan memberikan sekurang-kurangnya notis empat belas hari kepada Pendaftar.

(4) Tiada bahagian daftar boleh ditutup bagi tempoh lebih daripada agregat tiga puluh hari dalam mana-mana tahun kalendar.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kuasa syarikat untuk menghendaki penzahiran kepentingan benefisial dalam syer mengundinya**

**56.** (1) Mana-mana syarikat boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana anggota syarikat dalam apa-apa masa yang munasabah yang dinyatakan dalam notis—

*(a)* untuk memaklumkan kepada syarikat sama ada anggota yang memegang apa-apa syer mengundi dalam syarikat sebagai pemunya benefisial atau sebagai pemegang amanah; dan

*(b)* jika anggota memegang syer mengundi sebagai pemegang amanah, setakat yang mungkin untuk berbuat demikian, untuk menunjukkan orang yang baginya anggota itu memegang syer mengundi melalui nama dan melalui butir-butir lain yang mencukupi untuk membolehkan orang itu dikenal pasti dan jenis kepentingan mereka.

(2) Jika suatu syarikat dimaklumkan bahawa mana-mana orang lain mempunyai kepentingan dalam mana-mana syer mengundi dalam sesuatu syarikat, syarikat itu boleh melalui notis secara bertulis menghendaki orang lain itu dalam apa-apa masa yang munasabah sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

*(a)* untuk memaklumkan kepada syarikat sama ada orang itu memegang kepentingan sebagai pemunya benefisial atau sebagai pemegang amanah; dan

*(b)* jika orang itu memegang kepentingan sebagai pemegang amanah, setakat yang mungkin untuk berbuat demikian, untuk menunjukkan orang yang dengannya orang itu memegang kepentingan melalui nama dan melalui butir-butir lain yang mencukupi untuk membolehkan orang itu dikenal pasti dan jenis kepentingan mereka.

(3) Mana-mana syarikat boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana anggota syarikat untuk memaklumkan kepada syarikat, dalam masa yang munasabah sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu, sama ada apa-apa hak mengundi yang dibawa bersama mana-mana syer mengundi dalam syarikat yang

dipegang oleh anggota itu adalah tertakluk kepada suatu perjanjian atau perkiraan yang di bawahnya seorang yang lain berhak untuk mengawal penjalanan hak anggota itu dan, jika sedemikian, untuk memberikan butir-butir perjanjian atau perkiraan dan pihak-pihak kepada perjanjian atau perkiraan itu.

(4) Bilamana suatu syarikat menerima maklumat daripada seseorang mengikut suatu kehendak yang dikenakan ke atas mana-mana orang di bawah seksyen ini berkenaan dengan syer yang dipegang oleh anggota syarikat, syarikat itu hendaklah berada di bawah suatu obligasi untuk mencatatkan bersetentangan dengan nama anggota itu di bahagian yang berasingan dalam daftar yang disimpan olehnya di bawah seksyen 50—

*(a)* fakta bahawa kehendak itu telah dikenakan dan tarikh yang padanya kehendak itu dikenakan; dan

*(b)* maklumat yang diterima mengikut kehendak itu.

(5) Seksyen 50 terpakai berhubung dengan sebahagian daripada daftar yang disebut dalam subseksyen (4) sebagaimana yang peruntukan itu terpakai berhubung dengan daftar yang selebihnya dan seolah-olah sebutan mengenai subseksyen 50(1) termasuk sebutan mengenai subseksyen (4).

(6) Pendaftar, bursa saham atau Suruhanjaya Sekuriti boleh, melalui notis secara bertulis, mengarahkan syarikat untuk menggunakan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2) dan untuk memberikan kepadanya dengan segera maklumat yang diperoleh sedemikian.

(7) Tertakluk kepada subseksyen (9), mana-mana orang yang—

*(a)* melanggar suatu notis di bawah seksyen ini; atau

*(b)* berupa mematuhi notis sedemikian membuat apa-apa pernyataan yang dia tahu adalah palsu dalam butir-butir yang material atau dengan melulu membuat apa-apa pernyataan yang palsu dalam butir-butir yang material,

melakukan suatu kesalahan.

(8) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar arahan Pendaftar, bursa saham atau Suruhanjaya Sekuriti melakukan suatu kesalahan.

(9) Seseorang tidak melakukan suatu kesalahan di bawah perenggan (7)*(a)* jika dia membuktikan bahawa maklumat yang diperkatakan itu telahpun berada dalam pengetahuan syarikat atau bahawa kehendak untuk memberikannya adalah bagi apa-apa sebab lain yang remeh atau menyusahkan.

**Daftar pengarah, pengurus dan setiausaha**

**57.** (1) Tiap-tiap syarikat hendaklah menyimpan di pejabat berdaftarnya suatu daftar mengenai pengarah, pengurus dan setiausahanya yang mengandungi, tetapi tidak terhad kepada, butir-butir yang berikut:

*(a)* berkenaan dengan pengarah—

(i) nama, alamat kediaman, alamat penyampaian, tarikh lahir, jawatan dan pengenalan perniagaannya; dan

(ii) butir-butir mengenai mana-mana jawatan pengarah lain bagi syarikat awam atau syarikat yang menjadi subsidiari bagi syarikat awam yang dipegang oleh pengarah itu, tetapi tidaklah perlu bagi daftar itu untuk mengandungi butir-butir mengenai jawatan pengarah yang dipegang oleh seseorang pengarah dalam suatu syarikat yang menurut kuasa seksyen 7 disifatkan berkaitan dengan syarikat itu;

*(b)* berkenaan dengan pengurus dan setiausaha, nama penuh, pengenalan dan alamat kediaman, alamat perniagaan, jika ada, dan pekerjaannya yang lain.

(2) Bagi maksud perenggan (1)*(a)*, jika seseorang menjadi pengarah dalam satu atau lebih subsidiari bagi syarikat pemegangan yang sama, mencukupi jika ia menzahirkan bahawa orang itu ialah pemegang satu atau lebih jawatan pengarah dalam kumpulan syarikat itu dan kumpulan itu boleh diperihalkan dengan nama syarikat pemegangan dengan tambahan perkataan "Kumpulan".

(3) Daftar hendaklah dibuka bagi pemeriksaan oleh mana-mana anggota syarikat tanpa dikenakan bayaran dan oleh mana-mana orang lain apabila dibayar sejumlah sepuluh ringgit, atau apa-apa jumlah yang lebih rendah sebagaimana yang dikehendaki oleh syarikat, bagi setiap pemeriksaan.

(4) Jika terdapat apa-apa pertukaran butir-butir mengenai pengarah, pengurus atau setiausaha syarikat hendaklah menguatkuasakan pertukaran dalam daftar itu dalam masa empat belas hari dari pertukaran itu.

(5) Suatu perakuan Pendaftar yang menyatakan bahawa daripada apa-apa penyata yang diserah simpan dengan Pendaftar di bawah seksyen ini ternyata bahawa pada bila-bila masa yang dinyatakan dalam perakuan itu mana-mana orang yang merupakan pengarah, pengurus atau setiausaha suatu syarikat yang dinyatakan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(7) Dalam seksyen ini—

"pengenalan" ertinya, dalam hal mana-mana orang yang dikeluarkan kepadanya suatu kad pengenalan, nombor kad pengenalan, dalam hal seseorang yang tidak dikeluarkan kepadanya suatu kad pengenalan, butir-butir pasport atau apa-apa keterangan pengenalan lain yang seumpama sebagaimana yang ada;

"pengarah" termasuk pengarah silih ganti, ganti atau tempatan.

**Kewajipan untuk memberitahu butir-butir dan pertukaran pengarah, pengurus dan setiausaha**

**58.** (1) Sesuatu syarikat hendaklah memberitahu Pendaftar dalam masa empat belas hari dari tarikh—

*(a)* selepas pemerbadanannya, butir-butir yang dikehendaki supaya dinyatakan di bawah seksyen 57;

*(b)* apa-apa pertukaran nama, alamat kediaman dan butir-butir lain yang ditetapkan mengenai mana-mana pengarah, pengurus atau setiausaha atau alamat penyampaian mana-mana pengarah;

*(c)* selepas seseorang terhenti menjadi, atau sebagai, pengarah syarikat, butir-butir yang dikehendaki supaya dinyatakan dalam daftar yang dikehendaki di bawah seksyen 57;

*(d)* selepas seseorang menjadi pengurus atau setiausaha syarikat, menyatakan nama penuh, alamat dan pekerjaan lain, jika ada, orang itu; dan

*(e)* selepas seseorang terhenti menjadi pengurus atau setiausaha syarikat.

(2) Pendaftar hendaklah menentukan bentuk, cara dan takat maklumat yang hendaklah diserah simpan di bawah subseksyen (1).

(3) Notis seseorang yang menjadi pengarah syarikat hendaklah—

*(a)* mengandungi suatu pernyataan tentang butir-butir pengarah baharu sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 57(1)*(a)*; dan

*(b)* disertakan dengan suatu persetujuan untuk bertindak atas sifat itu oleh orang itu.

(4) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Daftar pemegangan syer pengarah, dsb.**

**59.** (1) Sesuatu syarikat hendaklah menyimpan suatu daftar yang menunjukkan berkenaan dengan setiap pengarah syarikat butir-butir tentang—

*(a)* syer dalam syarikat atau dalam perbadanan berkaitan, iaitu syer yang pengarah itu mempunyai kepentingan dan jenis serta takat kepentingan itu;

*(b)* debentur atau kepentingan kesertaan yang sedia ada oleh syarikat atau perbadanan berkaitan, iaitu debentur atau kepentingan kesertaan yang pengarah itu mempunyai kepentingan dan jenis serta takat kepentingan itu;

*(c)* hak atau opsyen pengarah atau pengarah dan orang lain berkenaan dengan perolehan atau pelupusan syer dalam, debentur bagi atau kepentingan kesertaan yang sedia ada oleh syarikat itu atau perbadanan berkaitan; dan

*(d)* kontrak yang dengannya pengarah merupakan suatu pihak atau yang di bawahnya pengarah itu berhak mendapat keuntungan, iaitu kontrak yang menurutnya seseorang mempunyai hak untuk membuat panggilan atau membuat penghantarserahan syer dalam, debentur bagi atau kepentingan kesertaan yang sedia ada oleh syarikat atau perbadanan berkaitan.

(2) Suatu syarikat tidak perlu menzahirkan dalam daftarnya apa-apa butir syer kepentingan pengarah dalam subsidiari milik penuh syarikat yang disifatkan sebagai perbadanan berkaitan di bawah seksyen 7.

(3) Suatu subsidiari milik penuh syarikat hendaklah disifatkan sebagai mematuhi seksyen ini berhubung dengan pengarahnya jika butir-butir yang dikehendaki oleh seksyen ini ditunjukkan dalam daftar syarikat pemegangan.

(4) Syarikat hendaklah mencatatkan dalam daftarnya berhubung dengan pengarah butir-butir yang disebut dalam subseksyen (1) termasuklah bilangan dan perihalan syer, debentur, kepentingan kesertaan, hak, opsyen dan kontrak yang berhubung dengan notis itu dan berkenaan dengan syer, debentur, kepentingan kesertaan, hak atau opsyen yang diperoleh atau kontrak yang dibuat selepas dia menjadi pengarah dalam masa tiga hari selepas menerima notis daripada pengarah di bawah perenggan 219(1)*(a)*—

*(a)* harga atau balasan lain bagi transaksi yang dengan sebabnya suatu catatan dikehendaki dibuat di bawah seksyen ini; dan

*(b)* tarikh—

(i) perjanjian bagi transaksi atau jika yang terkemudian, penyelesaian bagi transaksi itu; atau

(ii) jika tiada transaksi, peristiwa yang berlaku yang dengan sebabnya suatu catatan dikehendaki dibuat di bawah seksyen ini.

(5) Syarikat hendaklah mencatatkan dalam daftarnya butir-butir pertukaran yang disebut dalam notis di bawah perenggan 219(1)*(b)* dalam masa tiga hari selepas menerima notis daripada pengarah.

(6) Sesuatu syarikat tidak boleh disifatkan mempunyai pengetahuan tentang atau dibebani dengan siasatan mengenai hak seseorang atau berhubung dengan, suatu syer dalam, debentur bagi atau kepentingan kesertaan yang sedia ada oleh syarikat.

(7) Daftar hendaklah dibuka bagi pemeriksaan oleh anggota syarikat tanpa dikenakan bayaran dan oleh mana-mana orang lain apabila dibayar sejumlah dua puluh ringgit atau apa-apa amaun yang lebih kurang sebagaimana yang dikehendaki oleh syarikat.

(8) Mana-mana orang boleh meminta suatu syarikat untuk memberikan kepadanya suatu salinan daftarnya atau mana-mana bahagian daripada daftarnya apabila dibayar sejumlah dua puluh ringgit dan syarikat itu hendaklah menghantar salinan itu kepada orang itu dalam masa dua puluh satu hari atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar dari tarikh permintaan itu diterima oleh syarikat.

(9) Pendaftar boleh, pada bila-bila masa secara bertulis, menghendaki syarikat untuk memberikan kepadanya salinan daftarnya atau mana-mana bahagian daftarnya dan syarikat hendaklah memberikan salinan itu dalam masa tujuh hari dari hari kehendak itu diterima oleh syarikat.

(10) Suatu syarikat awam hendaklah mengemukakan daftarnya kepada semua orang yang menghadiri mesyuarat pada permulaan setiap mesyuarat agung tahunan syarikat dan sentiasa dibuka dan boleh diakses semasa mesyuarat itu.

(11) Dalam seksyen ini—

*(a)* sebutan mengenai kepentingan kesertaan ialah sebutan mengenai suatu kepentingan mengikut pengertian Akta Skim Kepentingan 2016;

*(b)* sebutan mengenai seseorang yang memegang atau memperoleh syer, debentur atau kepentingan kesertaan atau suatu kepentingan dalam syer, debentur atau kepentingan kesertaan termasuk sebutan mengenai seseorang yang di bawah suatu opsyen memegang atau memperoleh hak untuk memperoleh atau melupuskan syer, debentur atau kepentingan kesertaan atau suatu kepentingan dalam syer, debentur atau kepentingan kesertaan; dan

*(c)* sebutan mengenai seseorang pengarah hendaklah termasuk suami atau isteri seseorang pengarah yang bukan merupakan pengarah syarikat itu dan seseorang anak kepada seseorang pengarah, termasuklah anak angkat atau anak tiri yang bukan merupakan pengarah syarikat itu dan kepentingan suami atau isteri atau anak itu hendaklah dianggap sebagai kepentingan pengarah itu dalam syer atau debentur syarikat selepas fakta yang berkaitan sampai ke pengetahuan pengarah.

(12) Seksyen 8, kecuali subseksyen (1) dan (3), hendaklah berkuat kuasa dalam menentukan sama ada seseorang itu mempunyai kepentingan dalam debentur atau kepentingan kesertaan dan dalam mengguna pakai peruntukan itu, sebutan mengenai sesuatu syer hendaklah dibaca sebagai sebutan mengenai sesuatu debentur atau kepentingan kesertaan.

(13) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun, atau kedua-duanya dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Daftar pemegang debentur dan salinan surat ikatan amanah**

**60.** (1) Tiap-tiap syarikat yang mengeluarkan debentur, yang bukan merupakan debentur yang boleh dipindah milik melalui penghantarserahan, hendaklah menyimpan suatu daftar pemegang debentur.

(2) Syarikat hendaklah memberitahu Pendaftar mengenai pengeluaran debentur mengikut subseksyen (1) dalam masa empat belas hari dari tarikh pengeluaran itu.

(3) Daftar hendaklah, kecuali apabila ditutup dengan sewajarnya, dibuka bagi pemeriksaan oleh pemegang berdaftar mana-mana debentur dan mana-mana pemegang syer dalam syarikat dan hendaklah mengandungi butir-butir mengenai nama dan alamat pemegang debentur dan amaun debentur yang dipegang oleh pemegang debentur.

(4) Bagi maksud seksyen ini, daftar hendaklah disifatkan ditutup dengan sewajarnya dalam tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi tiga puluh hari dalam mana-mana tahun kalendar jika daftar itu ditutup mengikut peruntukan dan tempoh yang dinyatakan dalam perlembagaan atau dalam debentur atau perakuan saham debentur, atau dalam surat ikatan amanah atau dokumen lain yang berhubungan dengan atau yang mendapatkan debentur itu.

(5) Syarikat hendaklah, atas permintaan tiap-tiap pemegang debentur berdaftar dan tiap-tiap pemegang syer dalam syarikat, memberikan suatu salinan daftar pemegang debentur syarikat itu atau mana-mana bahagian daripada daftar apabila dibayar sejumlah lima ringgit bagi tiap-tiap muka surat atau sebahagian daripada daftar yang dikehendaki untuk dibuat salinan tetapi salinan itu tidak perlu termasuk apa-apa butir mengenai mana-mana pemegang debentur selain nama dan alamatnya dan debentur yang dipegang olehnya.

(6) Salinan mana-mana surat ikatan amanah yang berhubungan dengan atau yang mendapatkan apa-apa keluaran debentur hendaklah dikemukakan oleh syarikat kepada pemegang debentur itu atas permintaannya apabila dibayar sejumlah sepuluh ringgit bagi tiap-tiap muka surat atau apa-apa jumlah yang lebih kurang

sebagaimana yang ditetapkan oleh syarikat, atau, jika salinan itu perlu dibuat khusus untuk memenuhi permintaan apabila dibayar sejumlah lima ringgit bagi tiap-tiap muka surat atau sebahagian daripada daftar yang dikehendaki untuk dibuat salinan.

(7) Syarikat yang mengeluarkan debentur boleh menyebabkan supaya disimpan di mana-mana tempat di luar Malaysia suatu daftar cawangan pemegang debentur yang hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada daftar pemegang debentur syarikat dan seksyen 50, 51, 52, 53, 54, 55 dan 601 Akta ini hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu berhubung dengan penyimpanan daftar cawangan pemegang debentur.

(8) Syarikat dan tiap-tiap pegawai syarikat yang enggan membenarkan sesuatu pemeriksaan, atau enggan mengemukakan suatu salinan dalam masa tiga puluh hari selepas permintaan telah dibuat di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(9) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

## Penggal 9

## *Penyempurnaan Dokumen*

### Meterai syarikat

**61.** (1) Sesuatu syarikat boleh mempunyai suatu meterai perbadanan atau tidak.

(2) Sesuatu syarikat yang mempunyai suatu meterai perbadanan hendaklah menjadikan nama dan nombor pendaftarannya tertera dalam huruf rumi yang mudah dibaca pada meterai itu.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

(4) Seseorang pegawai syarikat, atau seseorang yang bertindak bagi pihak syarikat, melakukan suatu kesalahan jika dia menggunakan, atau membenarkan supaya digunakan, suatu meterai yang berupa sebagai meterai syarikat yang padanya nama syarikat itu tidak tertera sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (2) dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

**Meterai rasmi bagi kegunaan di luar negara**

**62.** (1) Tertakluk kepada syarat atau batasan dalam perlembagaan, sesuatu syarikat yang mempunyai meterai perbadanan boleh mempunyai suatu meterai rasmi untuk kegunaan di luar Malaysia.

(2) Meterai rasmi hendaklah menjadi salinan yang tepat bagi meterai perbadanan syarikat, dengan tambahan pada permukaannya tempat di mana meterai rasmi itu hendak digunakan.

(3) Meterai rasmi itu apabila dicapkan dengan sewajarnya pada sesuatu dokumen mempunyai kesan yang sama sebagaimana meterai perbadanan syarikat.

(4) Sesuatu syarikat yang mempunyai suatu meterai rasmi bagi kegunaan di luar Malaysia boleh secara bertulis di bawah meterai perbadanannya membenarkan mana-mana orang yang dilantik bagi maksud mengecap meterai rasmi pada mana-mana surat ikatan atau dokumen lain yang syarikat itu menjadi suatu pihak.

(5) Orang yang mengecap meterai rasmi itu hendaklah memperakui secara bertulis di atas surat ikatan atau dokumen lain itu yang padanya meterai itu dicapkan dengan tarikh dan tempat di mana surat ikatan atau dokumen lain itu dicapkan.

**Meterai rasmi bagi perakuan syer, dsb.**

**63.** (1) Tertakluk kepada syarat atau batasan dalam perlembagaan, sesuatu syarikat yang mempunyai meterai perbadanan boleh mempunyai suatu meterai rasmi untuk memeterai—

*(a)* sekuriti yang dikeluarkan oleh syarikat itu; atau

*(b)* dokumen yang mewujudkan atau menyaksikan sekuriti yang dikeluarkan sedemikian.

(2) Meterai rasmi—

*(a)* hendaklah menjadi suatu salinan tepat meterai perbadanan syarikat, dengan tambahan pada permukaannya perkataan "Sekuriti"; dan

*(b)* apabila dicapkan sewajarnya pada dokumen mempunyai kesan yang sama sebagaimana meterai perbadanan syarikat.

**Kontrak syarikat**

**64.** (1) Sesuatu kontrak boleh dibuat—

*(a)* oleh suatu syarikat, secara bertulis di bawah meterai perbadanannya;

*(b)* bagi pihak suatu syarikat, oleh seorang yang bertindak di bawah kuasanya, secara nyata atau tersirat; atau

*(c)* bagi pihak suatu syarikat, secara lisan, oleh mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya, secara nyata atau tersirat.

(2) Apa-apa formaliti yang dikehendaki oleh undang-undang dalam hal suatu kontrak yang dibuat oleh seseorang individu hendaklah terpakai, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, bagi suatu kontrak yang dibuat oleh atau bagi pihak suatu syarikat.

**Kontrak sebelum pemerbadanan**

**65.** (1) Sesuatu kontrak atau transaksi yang berupa sebagai dibuat oleh atau bagi pihak syarikat pada masa syarikat itu belum dibentuk mempunyai kesan sebagaimana suatu kontrak atau transaksi yang dibuat dengan orang yang berupa sebagai bertindak bagi syarikat itu atau sebagai ejennya, dan dia adalah bertanggungan sendiri dengan sewajarnya ke atas kontrak atau transaksi itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), suatu kontrak atau transaksi yang disebut dalam subseksyen itu boleh disahkan oleh syarikat selepas pemerbadanannya dan syarikat itu adalah terikat dengan kontrak atau transaksi itu seolah-olah syarikat itu telah wujud pada tarikh kontrak atau transaksi itu dan telah menjadi suatu pihak kepada kontrak atau transaksi itu.

**Penyempurnaan dokumen**

**66.** (1) Sesuatu dokumen disempurnakan oleh suatu syarikat—

*(a)* dengan mengecapkan meterai perbadanannya, tertakluk kepada syarat atau batasan dalam perlembagaan; atau

*(b)* apabila ditandatangani mengikut seksyen ini.

(2) Suatu dokumen disempurnakan dengan sah oleh sesuatu syarikat jika dokumen itu ditandatangani bagi pihak syarikat itu—

*(a)* oleh sekurang-kurangnya dua orang pegawai diberi kuasa, salah seorang daripadanya hendaklah seorang pengarah; atau

*(b)* dalam hal seorang pengarah tunggal, oleh pengarah itu dengan kehadiran seorang saksi yang mengaku saksi tandatangan itu.

(3) Suatu dokumen yang ditandatangani mengikut subseksyen (2) hendaklah mempunyai kesan yang sama seolah-olah dokumen itu disempurnakan di bawah meterai perbadanan syarikat.

(4) Suatu dokumen atau prosiding yang menghendaki pengesahan oleh suatu syarikat boleh ditandatangani oleh seorang pegawai diberi kuasa dan tidak perlu dibuat di bawah meterai perbadanan.

(5) Bagi maksud seksyen ini, "pegawai diberi kuasa" ertinya—

*(a)* pengarah syarikat;

*(b)* setiausaha syarikat; atau

*(c)* mana-mana orang lain,

yang diluluskan oleh Lembaga.

**Penyempurnaan surat ikatan**

**67.** (1) Sesuatu dokumen disempurnakan dengan sah oleh suatu syarikat sebagai surat ikatan jika—

*(a)* dokumen itu disempurnakan dengan sewajarnya oleh syarikat itu; dan

*(b)* dokumen itu dihantar serah sebagai suatu surat ikatan.

(2) Bagi maksud perenggan (1)*(b)*, suatu dokumen dianggap sebagai dihantar serah apabila dokumen itu disempurnakan dengan sah di bawah subseksyen (1), melainkan jika maksud yang bertentangan dibuktikan.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), suatu syarikat boleh, melalui surat cara yang disempurnakan sebagai surat ikatan, memberi seseorang kuasa, sama ada secara am atau berkenaan dengan perkara yang dinyatakan, untuk menyempurnakan surat ikatan itu atau dokumen lain bagi pihaknya.

(4) Surat ikatan atau dokumen lain yang disempurnakan oleh orang yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah mempunyai kesan seolah-olah surat ikatan atau dokumen itu disempurnakan oleh syarikat itu.

Penggal 10

*Penyata Tahunan*

**Kewajipan untuk menyerah simpan penyata tahunan**

**68.** (1) Sesuatu syarikat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu penyata tahunan bagi setiap tahun kalendar tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh ulang tahun pemerbadanannya.

(2) Kehendak di bawah subseksyen (1) tidak terpakai bagi suatu syarikat yang dalam tahun kalendar itu syarikat itu diperbadankan.

(3) Penyata tahunan suatu syarikat hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

*(a)* alamat pejabat berdaftarnya;

*(b)* jenis perniagaannya;

*(c)* alamat tempat di mana perniagaannya dijalankan termasuklah cawangan, jika ada;

*(d)* alamat yang daftar anggotanya disimpan, jika tidak disimpan di pejabat berdaftar;

*(e)* alamat yang rekod kewangannya disimpan, jika tidak disimpan di pejabat berdaftar;

*(f)* dalam hal suatu syarikat yang mempunyai modal syer, ringkasan struktur pemegangan syernya, termasuklah debentur;

*(g)* amaun keseluruhan keterhutangannya;

*(h)* butir-butir pengarah, pengurus, setiausaha dan juruaudit;

*(i)* senarai anggotanya; dan

*(j)* apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(4) Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk menentukan bentuk dan cara penyata tahunan itu diserah simpan.

(5) Penyata tahunan itu hendaklah ditandatangani oleh seorang pengarah atau setiausaha syarikat.

(6) Jika butir-butir yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) tidak berubah dengan penyata tahunan terakhir sebelumnya, syarikat hendaklah dibenarkan untuk menyerah simpan suatu pernyataan yang ditandatangani oleh pengarah atau setiausaha yang memperakukan bahawa tiada perubahan dalam apa-apa perkara yang dinyatakan dengan tahun sebelumnya.

(7) Suatu syarikat awam yang mempunyai lebih daripada lima ratus anggota dan memberi peluang dan kemudahan yang munasabah untuk seseorang memeriksa dan mengambil salinan daripada senarai anggotanya dan butir-butir syernya yang dipindah milik tidak perlu mematuhi kehendak di bawah perenggan (3)*(i)* jika dimasukkan ke dalam penyata tahunan—

*(a)* suatu perakuan oleh setiausaha bahawa syarikat itu adalah daripada jenis yang subseksyen ini terpakai; dan

*(b)* suatu senarai yang menunjukkan butir-butir yang ditetapkan bagi dua puluh pemegang terbesar setiap kelas syer ekuiti.

(8) Pendaftar boleh mengeluarkan sesuatu syarikat daripada daftar yang diperuntukkan dalam seksyen 549, jika syarikat itu gagal untuk menyerah simpan penyata tahunan bagi tiga tahun atau lebih berturut-turut.

(9) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

## BAHAGIAN III

## PENGURUSAN SYARIKAT

### Penggal 1

### *Penyenggaraan Syer dan Modal*

#### Subpenggal 1

#### *Modal Syer*

**Jenis syer**

**69.** Tertakluk kepada perlembagaan syarikat, syer dalam sesuatu syarikat boleh—

*(a)* dikeluarkan dalam kelas yang berlainan;

*(b)* boleh ditebus mengikut seksyen 72;

*(c)* memberi hak keutamaan bagi pengagihan modal atau pendapatan;

*(d)* memberi hak mengundi khas, terhad atau bersyarat; atau

*(e)* tidak memberikan hak mengundi.

**Sifat syer**

**70.** Sesuatu syer atau kepentingan lain anggota dalam suatu syarikat ialah harta persendirian dan boleh dipindah milik mengikut seksyen 105.

**Hak dan kuasa yang terikat dengan syer**

**71.** (1) Syer dalam suatu syarikat, selain syer keutamaan, memberikan kepada pemegangnya—

*(a)* hak untuk menghadiri, menyertai dan bersuara dalam mesyuarat;

*(b)* hak untuk mengundi dengan mengangkat tangan atas mana-mana ketetapan syarikat;

*(c)* hak bagi satu undi bagi setiap syer dalam pengundian atas mana-mana ketetapan syarikat;

*(d)* hak ke atas syer yang sama dalam pengagihan lebihan aset syarikat; atau

*(e)* hak ke atas syer yang sama dalam dividen yang dibenarkan oleh Lembaga.

(2) Walau apa pun perenggan (1)*(e)*, hak ke atas dividen sebagaimana yang dinyatakan dalamnya boleh dinafikan, diubah atau ditambah oleh perlembagaan syarikat atau mengikut terma yang padanya syer itu dikeluarkan.

**Syer keutamaan**

**72.** (1) Tertakluk kepada perlembagaannya, suatu syarikat yang mempunyai modal syer boleh mengeluarkan syer keutamaan.

(2) Tertakluk kepada seksyen ini dan jika dibenarkan oleh perlembagaannya, suatu syarikat boleh mengeluarkan syer keutamaan yang adalah bertanggungan, atau atas opsyen syarikat adalah bertanggungan, untuk ditebus mengikut perlembagaan.

(3) Penebusan syer keutamaan tidak boleh dikira sebagai mengurangkan amaun modal syer syarikat.

(4) Syer hendaklah boleh ditebus hanya jika syer itu berbayar penuh dan penebusan itu hendaklah daripada—

*(a)* keuntungan;

*(b)* pengeluaran suatu syer baru; atau

*(c)* modal syarikat.

(5) Jika mana-mana syer itu ditebus selain hasil suatu pengeluaran baru, maka hendaklah, daripada keuntungan yang selainnya telah tersedia untuk dividen, dipindahkan ke dalam akaun modal syer syarikat, suatu jumlah wang yang bersamaan dengan amaun syer yang ditebus itu.

(6) Penebusan syer daripada modal yang disebut dalam perenggan (4)*(c)* hendaklah hanya boleh ditebus tertakluk kepada yang berikut:

*(a)* semua pengarah telah membuat suatu pernyataan kesolvenan di bawah seksyen 113 berhubung dengan penebusan itu; dan

*(b)* syarikat itu telah menyerah simpan suatu salinan pernyataan kesolvenan itu dengan Pendaftar.

(7) Syarikat itu hendaklah memberikan notis kepada Pendaftar dengan menyatakan syer yang ditebus itu dalam masa empat belas hari dari penebusan itu.

**Larangan mengeluarkan waran syer pembawa**

**73.** (1) Tiada syarikat boleh mempunyai kuasa untuk mengeluarkan suatu waran syer pembawa.

(2) Seseorang pembawa waran syer hendaklah menyerahkan waran bagi pembatalan dengan mencatatkan nama pembawa dalam daftar anggota syarikat dalam masa dua belas bulan selepas permulaan kuat kuasa Akta ini.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), pembawa waran syer boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah supaya namanya dicatatkan dalam daftar anggota syarikat.

(4) Syarikat hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh mana-mana orang oleh sebab syarikat mencatatkan dalam daftar anggota, nama pembawa waran syer yang dikeluarkan tanpa waran diserahkan dan dibatalkan.

**Tiada nilai tara syer**

**74.** Semua syer yang dikeluarkan sebelum atau selepas permulaan kuat kuasa Akta ini tidak boleh mempunyai nilai tara atau nilai nominal.

**Penjalanan kuasa pengarah untuk mengumpukkan syer atau memberikan hak**

**75.** (1) Melainkan jika kelulusan melalui ketetapan telah didapatkan oleh syarikat terlebih dahulu, pengarah suatu syarikat tidak boleh menjalankan mana-mana kuasa—

*(a)* untuk mengumpukkan syer dalam syarikat;

*(b)* untuk memberikan hak bagi melanggan syer dalam syarikat;

*(c)* untuk menukar apa-apa sekuriti kepada syer dalam syarikat; atau

*(d)* untuk mengumpukkan syer di bawah suatu perjanjian atau opsyen atau tawaran.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi—

*(a)* suatu pengumpukan syer, atau pemberian hak, di bawah suatu tawaran yang dibuat kepada anggota syarikat mengikut perkadaran pemegangan syer anggota;

*(b)* suatu pengumpukan syer, atau pemberian hak, atas bonus keluaran syer yang diberikan kepada anggota syarikat mengikut perkadaran pemegangan syer anggota;

*(c)* suatu pengumpukan syer kepada penganjur suatu syarikat yang penganjur itu bersetuju untuk mengambilnya; atau

*(d)* syer yang hendak dikeluarkan sebagai balasan atau sebahagian daripada balasan pemerolehan syer atau aset oleh syarikat dan anggota syarikat telah diberitahu tentang niat untuk mengeluarkan syer sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum tarikh pengeluaran syer itu.

(3) Bagi maksud perenggan (2)*(d)*, anggota syarikat disifatkan telah diberitahu tentang niat untuk mengeluarkan syer syarikat jika—

*(a)* suatu salinan pernyataan yang menerangkan maksud pengeluaran syer yang dicadangkan telah dihantar kepada tiap-tiap anggota di alamat terakhir yang diketahui mengikut daftar anggota; dan

*(b)* salinan pernyataan itu telah diiklankan dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris.

(4) Apa-apa keluaran syer yang dibuat oleh suatu syarikat yang melanggar seksyen ini hendaklah terbatal dan balasan yang diberikan bagi syer itu hendaklah didapatkan dengan sewajarnya.

(5) Mana-mana pengarah yang diketahuinya melanggar, atau mengizinkan atau membenarkan pelanggaran, atau gagal mengambil segala langkah yang munasabah untuk menghalang pelanggaran seksyen ini berkenaan dengan apa-apa pengeluaran syer melakukan suatu kesalahan dan hendaklah bertanggungan untuk membayar pampasan kepada syarikat dan orang yang kepadanya syer itu dikeluarkan bagi apa-apa kerugian, kehilangan atau kos yang ditanggung atau dilakukan oleh syarikat atau orang itu.

(6) Walau apa pun Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*], tiada prosiding untuk mendapatkan balik apa-apa kerugian, kerosakan atau kos sedemikian boleh dimulakan selepas habis tempoh tiga tahun dari tarikh pengeluaran itu.

**Pengumpukan syer atau pemberian hak dengan kelulusan syarikat**

**76.** (1) Bagi maksud subseksyen 75(1), kelulusan boleh diberikan bagi penjalanan tertentu kuasa itu atau boleh memohon bagi penjalanan kuasa itu secara umumnya dan mana-mana kelulusan itu boleh menjadi tidak bersyarat atau tertakluk kepada syarat.

(2) Suatu kelulusan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah diserah simpan dengan Pendaftar dalam masa empat belas hari dari tarikh kelulusan.

(3) Suatu kelulusan habis tempoh—

*(a)* dalam hal jika suatu syarikat dikehendaki untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan—

(i) apabila selesai mesyuarat agung tahunan itu yang diadakan selepas kelulusan diberikan; atau

(ii) apabila habisnya tempoh yang dalamnya mesyuarat agung tahunan yang akan datang dikehendaki untuk diadakan selepas kelulusan diberikan,

mengikut mana-mana yang lebih awal; atau

*(b)* dalam hal jika syarikat tidak dikehendaki untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan, tidak lebih daripada dua belas bulan selepas kelulusan diberikan.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), suatu kelulusan boleh dibatalkan atau diubah pada bila-bila masa melalui suatu ketetapan syarikat.

(5) Pengarah boleh mengumpukkan syer atau memberikan hak selepas suatu kelulusan habis tempoh jika—

*(a)* syer itu diumpukkan, atau hak itu diberikan, di bawah suatu perjanjian, opsyen atau tawaran yang dibuat atau diberikan oleh syarikat sebelum kelulusan itu habis tempoh; dan

*(b)* kelulusan itu membenarkan syarikat untuk membuat atau memberikan persetujuan, opsyen atau tawaran yang akan atau mungkin menghendaki syer itu diumpukkan, atau hak itu diberikan, selepas kelulusan itu habis tempoh.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pendaftaran pengumpukan dalam daftar anggota**

**77.** (1) Syarikat hendaklah mendaftarkan pengumpukan syer dalam daftar anggota yang disebut dalam seksyen 50 dalam masa empat belas hari dari tarikh pengumpukan itu.

(2) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Penyata pengumpukan**

**78.** (1) Syarikat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu penyata pengumpukan dalam masa empat belas hari dari pengumpukan syer.

(2) Penyata pengumpukan hendaklah termasuk suatu pernyataan modal setakat tarikh pengumpukan itu dan hendaklah menyatakan—

*(a)* bilangan dan amaun syer yang terkandung dalam pengumpukan itu;

*(b)* amaun, jika ada, yang dibayar, yang disifatkan dibayar, atau yang menjadi genap masa dan kena dibayar atas pengumpukan setiap syer itu;

*(c)* jika modal syarikat dibahagikan kepada syer daripada kelas yang berlainan, kelas syer yang setiap syer dalam pengumpukan itu tergolong; dan

*(d)* nama penuh dan alamat setiap penerima umpukan dan bilangan serta kelas syer yang diumpukkan kepadanya.

(3) Butir-butir yang disebut dalam perenggan (2)*(d)* tidak perlu dimasukkan dalam penyata pengumpukan suatu syarikat awam yang baginya subseksyen 68(7) terpakai yang telah menggumpukkan syer—

*(a)* bagi wang tunai; atau

*(b)* bagi suatu balasan selain wang tunai,

jika bilangan orang yang kepadanya syer itu telah diumpukkan melebihi lima ratus orang.

(4) Jika syer diumpukkan atau disifatkan telah diumpukkan sebagai berbayar penuh atau berbayar sebahagian selain dalam bentuk wang tunai dan pengumpukan itu dibuat di bawah suatu kontrak secara bertulis, syarikat itu hendaklah menyerah simpan bersama dengan penyata itu kontrak yang menyaksikan kelayakan pengumpuk atau salinan mana-mana kontrak itu yang diperakui mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(5) Jika salinan terperaku suatu kontrak diserah simpan, salinan asal kontrak itu yang disetemkan sewajarnya hendaklah dikemukakan pada masa yang sama kepada Pendaftar jika diminta oleh Pendaftar.

(6) Jika syer diumpukkan atau disifatkan telah diumpukkan sebagai berbayar penuh atau berbayar sebahagian selain dalam bentuk wang tunai dan pengumpukan itu dibuat—

*(a)* di bawah suatu kontrak yang tidak diubah ke dalam bentuk bertulis;

*(b)* di bawah perlembagaan;

*(c)* bagi pembayaran dividen yang diisytiharkan memihak kepada, tetapi tidak kena dibayar dalam bentuk wang tunai kepada pemegang syer; atau

*(d)* apabila penggunaan wang yang dipegang oleh syarikat dalam sesuatu akaun atau rizab dalam membayar syer tidak dikeluarkan yang baginya pemegang syer itu berhak,

syarikat hendaklah menyerah simpan bersama dengan penyata itu suatu pernyataan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(7) Jika syer diumpukkan di bawah suatu skim perkiraan yang diluluskan oleh Mahkamah di bawah seksyen 366, syarikat boleh menyerah simpan suatu salinan pejabat perintah Mahkamah itu sebagai ganti pernyataan yang disebut dalam subseksyen (6) mengikut cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

(8) Apa-apa syer yang dikeluarkan kepada mana-mana orang tanpa pengumpukan rasmi bagi maksud pemerbadanan sesuatu syarikat hendaklah disifatkan telah diumpukkan pada tarikh syarikat itu diperbadankan.

(9) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Larangan am mengenai komisen, diskaun dan elaun**

**79.** (1) Sesuatu syarikat tidak boleh menggunakan mana-mana syer atau wang tunainya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, bagi pembayaran apa-apa komisen, diskaun atau elaun kepada seseorang sebagai balasan kepada orang itu—

*(a)* melanggan atau bersetuju untuk melanggan, sama ada secara mutlak atau bersyarat, syer dalam syarikat itu; atau

*(b)* bagi mendapatkan atau bersetuju untuk mendapatkan langganan, sama ada secara mutlak atau bersyarat, syer dalam syarikat itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), adalah tidak material bagaimana syer atau wang tunai digunakan, sama ada dengan ditambah kepada wang belian harta yang diperoleh oleh syarikat itu atau kepada harga kontrak kerja yang hendak dilaksanakan bagi syarikat itu, atau yang dibayar daripada wang belian nominal atau harga kontrak, atau selainnya.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Komisen yang dibenarkan**

**80.** (1) Walau apa pun seksyen 79, suatu syarikat boleh menggunakan mana-mana syernya atau wang tunai, sama ada secara langsung atau tidak langsung, bagi membayar suatu komisen kepada seseorang bagi maksud melanggan atau bersetuju untuk melanggan atau mendapatkan atau bersetuju untuk mendapatkan—

*(a)* syer suatu kelab rekreasi tidak tersenarai yang ditawarkan kepada orang awam bagi langganan atau syer selain kelab rekreasi tidak tersenarai yang ditawarkan bagi langganan atau pembelian mengikut suatu prospektus yang didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*]; atau

*(b)* syer yang tidak ditawarkan sedemikian di bawah perenggan *(a)*.

(2) Bayaran komisen hendaklah—

*(a)* dibenarkan oleh perlembagaan syarikat; dan

*(b)* tidak melebihi—

(i) sepuluh peratus daripada harga syer yang dikeluarkan; atau

(ii) amaun atau kadar yang dibenarkan oleh perlembagaan,

mengikut mana-mana yang lebih rendah.

(3) Kadar komisen yang disebut dalam perenggan (2)*(b)* dan bilangan syer yang seseorang bersetuju dengan suatu komisen untuk melanggan hendaklah dizahirkan—

*(a)* dalam prospektus;

*(b)* dalam pernyataan sebagai ganti prospektus;

*(c)* dalam suatu pernyataan yang ditentukan oleh Pendaftar yang ditandatangani mengikut cara yang sama sebagaimana pernyataan sebagai ganti prospektus dan diserah simpan dengan Pendaftar; atau

*(d)* dalam hal jika suatu surat pekeliling atau notis, yang bukan suatu prospektus, mempelawa langganan bagi syer dikeluarkan, dalam surat pekeliling atau notis itu.

(4) Seseorang pembekal kepada, penganjur bagi, atau orang lain yang menerima pembayaran dalam bentuk wang tunai atau syer daripada suatu syarikat boleh menggunakan mana-mana bahagian wang tunai atau syer yang diterima bagi membayar apa-apa komisen yang pembayaran itu jika dibuat secara terus oleh syarikat itu dibenarkan oleh seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini, komisen termasuk brokeraj dan kadar yang disebut dalam perenggan (2)*(b)* tidak terpakai bagi brokeraj.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan bagi ketidakpatuhan di bawah perenggan (3)*(c)*, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Perbezaan antara panggilan dengan pembayaran, dsb.**

**81.** (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan, suatu syarikat boleh—

*(a)* membuat perkiraan mengenai pengeluaran syer bagi mengubah amaun dan masa pembayaran panggilan antara pemegang syer;

*(b)* menerima daripada mana-mana pemegang syer keseluruhan atau sebahagian daripada amaun yang masih tidak berbayar atas mana-mana syer walaupun tiada bahagian amaun itu telah dipanggil; dan

*(c)* membayar dividen mengikut kadar amaun yang dibayar atas setiap syer jika suatu amaun yang lebih besar dibayar atas beberapa syer daripada syer yang lain.

(2) Pengarah boleh, jika difikirkannya patut, menerima daripada mana-mana pemegang syer yang hendak mendahulukan pembayaran bagi kesemua atau mana-mana bahagian wang yang tidak panggil dan tidak berbayar atas mana-mana syer yang dipegang oleh pemegang syer.

(3) Apabila kesemua atau mana-mana bahagian wang yang didahulukan yang disebut dalam subseksyen (2) diterima oleh pengarah daripada pemegang syer menjadi kena dibayar, syarikat boleh membayar faedah atau pulangan mengikut kadar yang tidak melebihi lapan peratus setahun sebagaimana yang dipersetujui antara pengarah dengan pemegang syer untuk membayar jumlah wang itu sebagai pendahuluan, melainkan jika diarahkan selainnya oleh syarikat dalam mesyuarat agung.

**Panggilan ke atas syer**

**82.** (1) Pengarah boleh membuat panggilan ke atas pemegang syer berkenaan dengan apa-apa wang yang tidak dibayar ke atas syer pemegang syer dan bukan atas syarat pengumpukan syer yang menjadi kena dibayar pada masa yang ditetapkan.

(2) Suatu jumlah wang yang, melalui terma keluaran syer, menjadi kena dibayar atas pengumpukan atau pada apa-apa tarikh yang ditetapkan hendaklah disifatkan sebagai suatu panggilan yang dibuat dengan sewajarnya dan kena dibayar pada tarikh yang melalui terma pengeluaran syer menjadi kena dibayar dan dalam hal tiada pembayaran, semua peruntukan yang berkaitan Akta ini mengenai pembayaran faedah dan perbelanjaan, pelucuthakan atau selainnya hendaklah terpakai seolah-olah jumlah wang itu menjadi kena dibayar menurut kuasa suatu panggilan yang dibuat dan diberitahu dengan sewajarnya.

(3) Tertakluk kepada perlembagaan syarikat—

*(a)* tiada panggilan boleh melebihi satu per empat daripada harga keluaran syer atau menjadi kena dibayar pada tempoh kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan bagi pembayaran panggilan dahulu yang terakhir; dan

*(b)* setiap anggota hendaklah, tertakluk kepada penerimaan notis sekurang-kurangnya empat belas hari yang menyatakan tarikh, masa dan tempat pembayaran, membayar kepada syarikat itu amaun yang dipanggil atas syernya.

(4) Sesuatu panggilan boleh disifatkan telah dibuat semasa ketetapan pengarah yang membenarkan panggilan itu diluluskan dan ketetapan itu boleh membenarkan panggilan itu dibayar secara ansuran.

(5) Pemegang bersama syer hendaklah secara bersesama dan berasingan bertanggungan untuk membayar semua panggilan berkenaan dengan syer mereka.

(6) Jika sesuatu jumlah wang dipanggil berkenaan dengan syer tidak dibayar sebelum atau pada hari yang ditetapkan bagi pembayaran jumlah wang itu, orang yang daripadanya jumlah wang itu menjadi kena dibayar tidak dikehendaki untuk membayar apa-apa faedah atau pampasan atas jumlah wang itu melainkan jika dinyatakan dalam perlembagaan syarikat.

(7) Bagi maksud subseksyen (6), kadar yang dinyatakan dalam perlembagaan tidak boleh melebihi lapan peratus setahun dari hari yang ditetapkan bagi pembayaran jumlah itu sehingga masa pembayaran sebenar sebagaimana yang ditentukan oleh pengarah.

(8) Pengarah boleh menepikan pembayaran faedah yang kena dibayar secara keseluruhan atau sebahagiannya daripada orang yang disebut dalam subseksyen (6).

(9) Sesuatu panggilan boleh dibatalkan atau ditangguhkan sebagaimana yang ditentukan oleh pengarah.

**Pelucuthakan syer**

**83.** (1) Jika pemegang syer gagal untuk membayar apa-apa panggilan atau ansuran suatu panggilan dalam masa yang ditentukan, pengarah boleh menyampaikan suatu notis kepada pemegang syer itu menghendaki pembayaran bagi amaun yang tidak berbayar itu bersama dengan apa-apa faedah atau pampasan yang terakru.

(2) Notis dalam subseksyen (1) hendaklah—

*(a)* menyatakan suatu tarikh yang padanya atau sebelumnya pembayaran itu dikehendaki dibuat; dan

*(b)* menyatakan bahawa sekiranya tiada pembayaran pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan, syer yang berkenaan dengannya panggilan itu dibuat adalah bertanggungan untuk dilucuthakkan.

(3) Atas kegagalan mematuhi notis yang disampaikan di bawah subseksyen (1), syer yang berkenaan dengannya notis telah diberikan hendaklah dilucuthakkan melalui suatu ketetapan pengarah melainkan jika pembayaran sebagaimana yang dikehendaki oleh notis itu telah dibuat sebelum ketetapan itu.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), pelucuthakan itu hendaklah termasuk semua dividen yang diisytiharkan berkenaan dengan syer yang dilucuthakkan itu dan yang tidak sebenarnya dibayar sebelum pelucuthakan itu.

(5) Seseorang yang syernya telah dilucuthakkan di bawah subseksyen (3) hendaklah terhenti menjadi anggota berkenaan dengan syer yang dilucuthakkan itu.

(6) Walau apa pun subseksyen (5), orang itu hendaklah terus bertanggungan untuk membayar kepada syarikat semua wang yang pada tarikh pelucuthakan itu menjadi kena dibayar olehnya kepada syarikat berkenaan dengan syer bersama dengan faedah atau pampasan pada kadar lapan peratus setahun dari tarikh pelucuthakan itu ke atas wang yang pada masa itu tidak dibayar jika difikirkan patut oleh pengarah untuk menguatkuasakan pembayaran faedah atau pampasan itu, dan liabiliti hendaklah terhenti jika dan apabila syarikat itu menerima pembayaran penuh semua wang berkenaan dengan syer itu.

(7) Suatu akuan berkanun secara bertulis oleh pengarah atau setiausaha bahawa syer dalam syarikat telah dilucuthakkan sewajarnya pada tarikh yang dinyatakan dalam akuan itu hendaklah menjadi keterangan muktamad tentang fakta yang dinyatakan dalam akuan itu terhadap semua orang yang menuntut sebagai berhak terhadap syer itu.

(8) Syer yang dilucuthakkan itu boleh dijual atau selainnya dilupuskan atas apa-apa terma dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh pengarah.

(9) Syarikat boleh menerima balasan, jika ada, yang diberikan bagi suatu syer yang dilucuthakkan atas apa-apa penjualan atau pelupusan syer itu dan boleh melaksanakan pemindahmilikan syer bagi faedah orang yang kepadanya syer itu dijual atau dilupuskan dan orang itu hendaklah—

*(a)* didaftarkan sebagai pemegang syer; dan

*(b)* tidak menyebabkan hakmiliknya terhadap syer itu terjejas oleh apa-apa ketidakteraturan atau ketidaksahan dalam prosiding itu berkenaan dengan pelucuthakan, penjualan atau pelupusan syer itu.

(10) Pelucuthakan itu boleh dibatalkan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh pengarah pada bila-bila masa sebelum penjualan atau pelupusan syer yang dilucuthakkan itu.

(11) Seksyen ini hendaklah terpakai dalam hal apa-apa jumlah wang yang tidak dibayar, melalui terma keluaran syer, menjadi kena dibayar kepada syarikat pada tarikh yang ditetapkan, seolah-olah syer itu telah menjadi kena dibayar menurut kuasa suatu panggilan yang dibuat dan diberitahu dengan sewajarnya.

**Kuasa syarikat untuk mengubah modal syernya**

**84.** (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan, suatu syarikat boleh mengubah modal syernya dalam mana-mana satu atau lebih cara yang berikut melalui kelulusan suatu ketetapan khas untuk—

*(a)* menggabungkan dan membahagikan semua atau mana-mana modal syernya, perkadaran antara amaun yang dibayar dengan amaun itu, jika ada, yang tidak dibayar atas

setiap syer yang dipecah bahagi itu hendaklah sama sebagaimana syer itu dalam hal syer yang daripadanya syer yang dipecah bahagi itu diperoleh;

*(b)* menukarkan semua atau mana-mana syer berbayarnya kepada saham dan boleh menukarkan semula saham itu kepada syer berbayar; atau

*(c)* memecahbahagikan syernya atau mana-mana bahagian syernya, walau apa pun dalam pecah bahagian itu, perkadaran antara amaun yang dibayar dengan amaun itu, jika ada, yang tidak dibayar atas setiap syer yang dipecah bahagi itu hendaklah sama sebagaimana syer itu dalam hal syer yang daripadanya syer dipecah bahagi itu diperoleh.

(2) Syarikat itu hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar notis mengenai apa-apa pengubahan yang disebut dalam subseksyen (1) mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pendaftar dalam masa empat belas hari dari tarikh pengubahan itu.

(3) Dalam hal pendaftaran suatu syarikat tidak berhad yang mempunyai modal syer sebagai suatu syarikat berhad, syarikat tidak berhad itu boleh meluluskan suatu ketetapan—

*(a)* untuk menaikkan amaun modal syernya tertakluk kepada syarat bahawa tiada bahagian modal yang dinaikkan itu boleh dipanggil kecuali sekiranya dan bagi maksud syarikat itu digulungkan; atau

*(b)* untuk memperuntukkan bahawa suatu bahagian yang dinyatakan modal syernya yang tidak dipanggil tidak boleh menjadi dipanggil kecuali sekiranya dan bagi maksud syarikat itu digulungkan.

**Hak beli dahulu syer baru**

**85.** (1) Tertakluk kepada perlembagaan, jika suatu syarikat mengeluarkan syer yang sama taraf dengan syer yang sedia ada mengenai hak pengundian atau pembahagian, syer itu hendaklah terlebih dahulu ditawarkan kepada pemegang syer yang sedia ada mengikut cara yang akan, jika tawaran itu diterima, mengekalkan hak pengundian relatif dan pembahagian pemegang syer itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada pemegang syer yang sedia ada dalam suatu notis dengan menyatakan bilangan syer yang ditawarkan dan tempoh masa tawaran itu yang dalamnya tawaran itu, jika tidak diterima, disifatkan sebagai ditolak.

(3) Jika tawaran itu tidak diterima selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis di bawah subseksyen (2), pengarah boleh melupuskan syer itu mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan oleh pengarah dapat memberikan manfaat yang paling besar kepada syarikat.

**Penukaran syer kepada saham**

**86.** (1) Tertakluk kepada perlembagaan, sesuatu syarikat boleh melalui suatu ketetapan menukarkan apa-apa syer berbayar kepada saham dan menukarkan semula apa-apa saham kepada apa-apa bilangan syer berbayar.

(2) Pemegang saham boleh memindahkan syer atau mana-mana bahagian syer mengikut cara yang sama sebagaimana pemindahmilikan syer yang daripadanya saham itu terbit yang mungkin, sebelum penukaran itu, telah dipindah milik atau dipindah milik mengikut cara yang paling hampir dengan hal keadaan yang membenarkan.

(3) Pengarah boleh menetapkan amaun minimum saham yang boleh dipindah milik dan boleh menyekat atau melarang pemindahmilikan pecahan daripada amaun minimum itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, apa-apa sebutan dalam Akta ini yang terpakai bagi syer berbayar hendaklah terpakai bagi saham, dan perkataan "syer" dan "pemegang syer" hendaklah masing-masing termasuk "saham" dan "pemegang saham".

**Hak dan keistimewaan pemegang saham**

**87.** (1) Pemegang saham hendaklah, mengikut amaun saham yang dipegang oleh pemegang saham, mempunyai hak, keistimewaan dan kelebihan yang sama berkenaan dengan dividen, pengundian pada mesyuarat syarikat dan perkara-perkara lain seolah-olah pemegang saham itu memegang syer yang daripadanya saham itu terbit.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), tiada keistimewaan atau kelebihan kecuali penyertaan dalam dividen dan keuntungan syarikat dan dalam aset apabila syarikat itu digulungkan boleh diberikan oleh mana-mana bahagian saham sedemikian, jika syer yang sedia ada telah memberi keistimewaan atau kelebihan itu.

**Hak yang terikat dengan syer**

**88.** Dalam Akta ini, sebutan mengenai hak yang terikat dengan syer dalam sesuatu kelas syer dalam suatu syarikat ialah sebutan mengenai hak pemegang syer itu sebagai anggota syarikat.

**Kelas syer**

**89.** (1) Bagi maksud Akta ini, syer adalah dalam kelas yang sama jika hak yang terikat dengan syer itu adalah sama dalam semua hal.

(2) Tertakluk kepada perlembagaan syarikat, hak yang terikat dengan syer tidak dikira sebagai berlainan dengan hak yang terikat dengan yang syer lain dalam kelas yang sama hanya oleh sebab syer itu tidak membawa hak yang sama terhadap dividen dalam masa dua belas bulan sebaik selepas pengumpukan.

**Perihalan syer kelas yang berlainan**

**90.** (1) Suatu syarikat yang mempunyai kelas syer yang berlainan hendaklah, dalam perlembagaannya, menyatakan dengan jelas yang berikut:

*(a)* bahawa modal syer syarikat itu dibahagikan kepada kelas syer yang berlainan; dan

*(b)* hak mengundi adalah terikat dengan syer dalam setiap kelas.

(2) Jika suatu syarikat mempunyai suatu kelas syer yang pemegang tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat agung syarikat—

*(a)* tajuk bagi perihalan syer dalam kelas itu hendaklah termasuk perkataan “tidak mengundi”; dan

*(b)* syarikat hendaklah memastikan bahawa perkataan itu terdapat dengan jelas pada mana-mana perakuan syer, prospektus atau laporan pengarah yang dikeluarkan oleh syarikat itu.

(3) Subseksyen (2) tidak terpakai bagi syer yang diperihalkan sebagai syer keutamaan.

(4) Tiada syarikat boleh mengumpukkan apa-apa syer keutamaan atau menukarkan mana-mana syer keluaran kepada syer keutamaan melainkan jika diperuntukkan oleh perlembagaan dan perlembagaan hendaklah menyatakan hak pemegang syer berkenaan dengan pembayaran balik modal, penyertaan dalam aset lebihan dan keuntungan, dividen terkumpul atau tidak terkumpul, pengundian dan keutamaan pembayaran modal dan dividen berhubung dengan syer lain atau kelas syer keutamaan lain.

(5) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

**Pengubahan hak kelas**

**91.** (1) Tanpa menjejaskan apa-apa sekatan lain mengenai pengubahan hak, hak yang terikat dengan syer dalam sesuatu kelas syer dalam syarikat boleh diubah hanya—

*(a)* mengikut perlembagaan bagi pengubahan hak itu; atau

*(b)* jika tiada peruntukan sedemikian, dengan persetujuan pemegang syer dalam kelas itu yang diberikan mengikut seksyen ini.

(2) Bagi maksud perenggan (1)*(b)*, persetujuan pemegang syer yang dikehendaki bagi maksud seksyen ini hendaklah—

*(a)* persetujuan bertulis yang mewakili tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus jumlah hak mengundi pemegang syer dalam kelas itu; atau

*(b)* ketetapan khas yang diluluskan oleh pemegang syer dalam kelas yang membenarkan pengubahan itu.

(3) Pengubahan hak kelas mula berkuat kuasa—

*(a)* jika tiada permohonan dibuat di bawah seksyen 93 baginya untuk tidak dibenarkan, apabila habis tempoh yang dalamnya permohonan boleh dibuat di bawah seksyen itu; atau

*(b)* jika permohonan dibuat dalam tempoh itu, pada masa penentuan muktamad permohonan itu, melainkan jika pengubahan itu tidak dibenarkan.

(4) Jika permohonan ditarik balik sebelum habis tempoh yang disebut dalam subseksyen 93(2), pengubahan itu hendaklah hanya berkuat kuasa apabila tempoh itu habis.

(5) Pengeluaran oleh sesuatu syarikat bagi syer keutamaan yang berperingkat sama rata dengan syer keutamaan yang sedia ada yang dikeluarkan oleh syarikat itu hendaklah disifatkan sebagai pengubahan hak yang terikat dengan syer bagi syer keutamaan yang sedia ada melainkan jika pengeluaran syer keutamaan itu dibenarkan oleh terma pengeluaran syer keutamaan yang sedia ada atau oleh perlembagaan syarikat yang berkuat kuasa pada masa syer keutamaan yang sedia ada itu dikeluarkan.

**Memberitahu pemegang syer tentang pengubahan**

**92.** (1) Jika hak yang terikat dengan syer dalam mana-mana kelas syer dalam syarikat diubah, syarikat itu hendaklah memberikan notis bertulis mengenai pengubahan itu kepada setiap pemegang syer dalam kelas itu dalam masa empat belas hari selepas tarikh pengubahan itu dibuat.

(2) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

**Ketidakbenaran atau pengesahan pengubahan oleh Mahkamah**

**93.** (1) Jika hak yang terikat dengan syer dalam mana-mana kelas syer dalam syarikat diubah, pemegang syer yang mewakili sekurang-kurangnya sepuluh peratus jumlah hak mengundi dalam kelas itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk tidak membenarkan pengubahan itu.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1)—

*(a)* hendaklah dibuat dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pengubahan itu dibuat; dan

*(b)* boleh dibuat bagi pihak pemegang syer oleh mana-mana pemegang syer yang dilantik secara bertulis oleh semua pemegang syer dalam kelas itu.

(3) Mahkamah hendaklah, selepas mendengar permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), membuat perintah yang berikut:

*(a)* jika Mahkamah berpuas hati bahawa pengubahan itu akan memudaratkan secara tidak adil pemegang syer yang diwakili oleh pemohon itu, tidak membenarkan pengubahan itu; atau

*(b)* jika Mahkamah berpuas hati bahawa pengubahan itu tidak akan memudaratkan secara tidak adil pemegang syer, mengesahkan pengubahan itu.

**Penghantarserahan perintah Mahkamah kepada Pendaftar**

**94.** (1) Syarikat hendaklah menyerah simpan suatu salinan perintah yang dibuat di bawah subseksyen 93(3) dengan Pendaftar dalam masa empat belas hari dari pembuatan perintah itu oleh Mahkamah.

(2) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Memberitahu Pendaftar tentang pengubahan**

**95.** (1) Jika hak yang terikat dengan syer dalam mana-mana kelas syer dalam syarikat diubah, syarikat itu hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pengubahan itu berkuat kuasa—

*(a)* suatu salinan ketetapan atau dokumen lain yang membenarkan pengubahan itu; dan

*(b)* suatu notis sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar termasuklah suatu pernyataan modal, sebagaimana pada tarikh pengubahan itu berkuat kuasa.

(2) Perenggan (1)*(a)* tidaklah terpakai jika syarikat itu dikehendaki untuk menyerah simpan salinan ketetapan atau dokumen lain dengan Pendaftar di bawah peruntukan lain Akta ini.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pengubahan termasuk pembatalan**

**96.** (1) Sebutan mengenai suatu pengubahan hak kelas di bawah Penggal ini atau perlembagaan syarikat termasuk suatu pembatalan bagi hak itu.

(2) Seksyen ini tidak berkuat kuasa untuk mengehadkan atau mengurangkan hak pemegang syer dalam kelas itu untuk mendapatkan pelepasan di bawah apa-apa remedi dalam hal penindasan.

Subpenggal 2

*Perakuan, Hakmilik, Pemindahmilikan dan Pemindahan Syer*

**Pengeluaran perakuan syer**

**97.** (1) Sesuatu syarikat tidak dikehendaki untuk mengeluarkan perakuan syer melainkan jika suatu permohonan oleh pemegang syer bagi mendapatkan suatu perakuan yang berhubungan dengan syer bagi pemegang syer dalam syarikat itu telah diterima atau selainnya diperuntukkan oleh perlembagaannya.

(2) Apa-apa perakuan syer yang dikeluarkan oleh sesuatu syarikat hendaklah dikeluarkan mengikut Subpenggal ini.

**Permohonan bagi pengeluaran perakuan syer**

**98.** (1) Suatu syarikat hendaklah, dalam masa enam puluh hari dari penerimaan suatu permohonan di bawah subseksyen 97(1), menghantar suatu perakuan syer kepada pemegang syer dengan menyatakan—

*(a)* nama syarikat itu;

*(b)* kelas syer yang dipegang oleh orang itu; dan

*(c)* bilangan syer yang dipegang oleh orang itu.

(2) Walau apa pun seksyen 104, jika suatu perakuan syer telah dikeluarkan, pemindahmilikan syer yang berkaitan dengan syer itu tidak boleh didaftarkan oleh syarikat melainkan jika borang bagi pemindahmilikan disertakan dengan perakuan syer yang berhubungan dengan syer itu atau dengan keterangan mengenai kehilangan atau kerosakannya dan, jika dikehendaki, apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 104.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (1), jika syer yang berhubung dengan perakuan syer itu hendak dipindah milik dan perakuan syer itu dihantar kepada syarikat untuk membolehkan pendaftaran pemindahmilikan dibuat, perakuan syer itu hendaklah dibatalkan dan tiada perakuan syer selanjutnya boleh dikeluarkan kecuali atas permintaan penerima pindahan.

(4) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

**Penghantarserahan perakuan syer**

**99.** (1) Jika suatu syarikat gagal untuk menghantar serah perakuan syer mengikut seksyen 98, seseorang yang berhak terhadap perakuan syer itu boleh menyampaikan suatu notis kepada syarikat menghendaki syarikat untuk menghantar serah perakuan kepada orang itu dalam masa empat belas hari dari penyampaian notis itu.

(2) Jika suatu syarikat melanggar subseksyen (1), orang itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah bagi mengarahkan syarikat itu dan mana-mana pegawai syarikat itu untuk menghantar serah perakuan kepada orang itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu.

(3) Perintah itu boleh memperuntukkan bahawa segala kos bagi dan yang bersampingan dengan permohonan itu hendaklah ditanggung oleh syarikat atau oleh mana-mana pegawai yang tidak menghantar serah perakuan kepada orang itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu.

**Penomboran syer**

**100.** (1) Jika sesuatu syarikat mengeluarkan suatu perakuan syer, setiap syer hendaklah dikenali dengan suatu nombor yang tersendiri, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen (2) atau (3).

(2) Jika—

*(a)* semua syer keluaran dalam sesuatu syarikat berbayar penuh dan berperingkat sama rata bagi segala maksud; atau

*(b)* semua syer keluaran daripada kelas tertentu dalam sesuatu syarikat berbayar penuh dan berperingkat sama rata bagi segala maksud,

tiada mana-mana syer itu dikehendaki untuk mempunyai nombor pengenalan selagi syer itu masih berbayar penuh dan berperingkat sama rata bagi segala maksud dengan semua syer yang sama kelasnya dikeluarkan dan berbayar penuh.

(3) Jika syer baharu dikeluarkan oleh syarikat atas terma bahawa, dalam tempoh tidak melebihi dua belas bulan, syer baharu itu akan diperingkatkan sama rata bagi segala maksud dengan semua syer yang sedia ada atau dengan semua syer yang sedia ada daripada kelas tertentu, dalam syarikat itu, sama ada syer baharu atau syer yang sedia ada itu tidak dikehendaki untuk mempunyai nombor pengenalan selagi kesemuanya berbayar penuh dan berperingkat sama rata bagi segala maksud.

**Pendaftaran anggota menjadi keterangan hakmilik di sisi undang-undang**

**101.** (1) Dalam ketiadaan keterangan sehingga dibuktikan sebaliknya, catatan nama seseorang dalam daftar anggota sebagai pemegang syer ialah keterangan *prima facie* bahawa hakmilik di sisi undang-undang ke atas syer itu adalah terletak hak pada orang itu.

(2) Tertakluk kepada seksyen 147, syarikat boleh menganggap pemegang berdaftar syer sebagai satu-satunya orang yang berhak untuk—

*(a)* menjalankan hak mengundi yang terikat dengan syer itu;

*(b)* menerima notis;

*(c)* menerima pembahagian berkenaan dengan syer itu, jika ada; dan

*(d)* menjalankan hak dan kuasa lain yang terikat dengan syer itu.

**Kewajipan setiausaha untuk mencatatkan pengeluaran dan pemindahmilikan syer dalam daftar anggota**

**102.** (1) Setiausaha hendaklah menyebabkan daftar anggota disimpan dengan sepatutnya dan disenggarakan secara berkala dan semua butir pengeluaran dan pemindahmilikan syer dicatatkan dalam daftar.

(2) Setiausaha yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pembetulan**

**103.** (1) Jika nama seseorang dicatatkan secara salah dalam, atau ditinggalkan daripada, daftar anggota, orang yang terkilan itu boleh memohon kepada Mahkamah bagi—

*(a)* membuat pembetulan kepada daftar anggota itu;

*(b)* mendapatkan pampasan bagi kerugian yang ditanggung; atau

*(c)* kedua-duanya, membuat pembetulan dan mendapatkan pampasan.

(2) Atas permohonan di bawah seksyen ini, Mahkamah boleh memerintahkan supaya—

*(a)* pembetulan kepada daftar anggota itu dibuat oleh syarikat;

*(b)* pembayaran pampasan oleh syarikat atau pegawai yang telah menyebabkan kesilapan atau peninggalan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung; atau

*(c)* pembetulan dibuat dan pampasan dibayar.

**Kehilangan atau kemusnahan perakuan**

**104.** (1) Jika sesuatu perakuan atau dokumen hakmilik lain bagi syer atau debentur hilang atau musnah, syarikat hendaklah, apabila dibayar suatu fi yang tidak melebihi lima puluh ringgit, mengeluarkan suatu salinan pendua perakuan atau dokumen itu kepada pemilik atas permohonannya.

(2) Jika nilai debentur yang diwakili oleh perakuan atau dokumen itu lebih besar daripada lima ratus ringgit, pengarah syarikat boleh, sebelum menerima suatu permohonan bagi pengeluaran suatu perakuan atau dokumen pendua, menghendaki pemohon—

*(a)* untuk menyebabkan suatu iklan dimasukkan dalam suatu surat khabar yang diedarkan di tempat yang dinyatakan oleh pengarah yang menyatakan bahawa perakuan atau dokumen itu telah hilang atau musnah dan bahawa pemilik berniat selepas habis tempoh empat belas hari selepas penyiaran iklan itu untuk memohon kepada syarikat bagi mendapatkan suatu pendua; atau

*(b)* untuk memberikan suatu bon bagi amaun yang sama dengan sekurang-kurangnya nilai pasaran semasa debentur bagi menanggung rugi syarikat terhadap kerugian berikutan dengan pengeluaran perakuan atau dokumen asal,

atau boleh menghendaki pemohon untuk melakukan kedua-dua perkara itu.

**Kehendak bagi surat cara pemindahmilikan**

**105.** (1) Tertakluk kepada undang-undang bertulis yang lain, mana-mana pemegang syer atau pemegang debentur boleh memindah milik semua atau mana-mana syer atau debenturnya dalam syarikat dengan menyempurnakan dan disetemkan dengan sewajarnya surat cara pemindahmilikan dan hendaklah menyerah simpan pemindahmilikan itu dengan syarikat.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi pemindahmilikan sekuriti dalam syarikat yang telah dikeluarkan daripada senarai rasmi bursa saham daripada depositori pusat sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 146 kepada orang yang dinamakan dalam rekod pendeposit yang disebut dalam subseksyen 147(1), dengan syarat bahawa pemindahmilikan itu dikuatkuasakan mengikut kaedah-kaedah depositori pusat sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 146.

(3) Bagi maksud menguatkuasakan pemindahmilikan syer atau debentur, syarikat hendaklah mencatatkan nama penerima pindahan dalam daftar anggota atau daftar pemegang debentur mengikut seksyen ini.

(4) Subseksyen (1) tidak menjejaskan mana-mana kuasa syarikat untuk mendaftarkan seseorang sebagai pemegang syer atau pemegang debentur yang padanya hak terhadap syer atau debentur telah dipindahkan melalui kuat kuasa undang-undang.

(5) Bagi maksud seksyen ini, "surat cara pemindahmilikan" termasuk suatu permohonan bertulis bagi pemindahan syer, debentur atau kepentingan lain kepada seorang wakil diri.

**Pendaftaran pemindahmilikan atau penolakan pendaftaran**

**106.** (1) Syarikat hendaklah mencatatkan atau menyebabkan supaya dicatatkan nama penerima pindahan dalam daftar anggota sebagai pemegang syer dalam masa tiga puluh hari dari penerimaan surat cara pemindahmilikan di bawah subseksyen 105(1) melainkan jika—

*(a)* Akta ini atau perlembagaan syarikat dengan nyata membenarkan pengarah untuk menolak atau menangguhkan pendaftaran atas sebab-sebab yang dinyatakan;

*(b)* pengarah meluluskan suatu ketetapan untuk menolak atau melengahkan pendaftaran pemindahmilikan itu dalam masa tiga puluh hari dari penerimaan surat cara pemindahmilikan dan ketetapan itu menyatakan sepenuhnya sebab-sebab bagi penolakan atau kelengahan pendaftaran itu; dan

*(c)* notis mengenai ketetapan itu, dan dalam hal syarikat awam termasuklah sebab-sebabnya yang disebut dalam perenggan *(b)* dihantar kepada pemberi pindahan dan kepada penerima pindahan dalam masa tujuh hari dari ketetapan itu diluluskan.

(2) Tertakluk kepada perlembagaan, pengarah boleh menolak atau melengahkan pendaftaran pemindahmilikan syer di bawah subseksyen (1) jika pemegang syer gagal untuk membayar kepada syarikat suatu amaun yang kena dibayar berkenaan dengan syer itu, sama ada melalui balasan bagi pengeluaran syer atau berkenaan dengan jumlah wang yang kena dibayar oleh pemegang syer itu mengikut perlembagaan.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Perintah Mahkamah bagi pendaftaran**

**107.** (1) Jika syarikat enggan untuk mendaftarkan suatu pemindahmilikan, penerima pindahan atau pemberi pindahan boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah di bawah seksyen ini.

(2) Atas permohonan di bawah subseksyen (1), Mahkamah boleh memerintahkan syarikat untuk mendaftarkan pemindahmilikan itu, jika Mahkamah berpuas hati bahawa permohonan itu mempunyai asas yang kukuh.

**Pengesahan syer yang tidak dikeluarkan dengan sewajarnya**

108. (1) Mahkamah boleh membuat suatu perintah bagi mengesahkan pengeluaran atau pengumpukan syer atau mengesahkan terma pengeluaran atau pengumpukan syer atau kedua-duanya atas

permohonan yang dibuat oleh syarikat atau oleh pemegang syer atau pemegang gadai janji mana-mana syer atau oleh pemiutang syarikat, jika Mahkamah berpuas hati bahawa dalam segala hal keadaan adalah adil dan saksama untuk berbuat sedemikian.

(2) Mahkamah boleh membuat perintah di bawah subseksyen (1) jika syarikat membuat sesuatu yang berupa sebagai mengeluarkan atau mengumpukkan syer dan pewujudan, pengeluaran atau pengumpukan syer itu adalah tidak sah disebabkan oleh—

*(a)* mana-mana peruntukan dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;

*(b)* perlembagaan syarikat atau selainnya; atau

*(c)* terma pengeluaran atau pengumpukan itu tidak selaras dengan atau tidak dibenarkan oleh mana-mana peruntukan itu.

(3) Syer hendaklah disifatkan telah dikeluarkan atau diumpukkan dengan sah mengikut terma pengeluaran atau pengumpukan syer apabila suatu perintah Mahkamah diserah simpan dengan Pendaftar.

**Pendaftaran bagi pemindahan syer atau debentur**

**109.** (1) Seksyen ini terpakai jika hak bagi syer atau debentur dipindahkan kepada seseorang melalui kuat kuasa undang-undang dan orang itu memberitahu syarikat secara bertulis bahawa orang itu berhasrat untuk didaftarkan sebagai pemegang syer atau pemegang debentur syarikat berkenaan dengan syer atau debentur itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika orang yang disebut dalam subseksyen itu memilih supaya seorang yang lain didaftarkan, dia hendaklah memberikan keterangan mengenai pemilihannya dengan menyempurnakan suatu pemindahmilikan syer atau debentur kepada orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Semua batasan, sekatan dan peruntukan Subpenggal ini yang berhubungan dengan hak bagi pemindahmilikan dan pendaftaran pemindahmilikan syer atau debentur yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah terpakai bagi apa-apa notis atau pemindahmilikan seolah-olah kematian atau kebankrapan pemegang syer atau pemegang debentur tidak berlaku dan notis atau pemindahmilikan itu ditandatangani oleh pemegang syer atau pemegang debentur itu.

(4) Apa-apa dokumen yang menurut undang-undang menjadi keterangan yang mencukupi bagi probet wasiat atau surat kuasa mentadbir harta pusaka si mati yang telah diberikan kepada seseorang boleh diterima oleh syarikat sebagai keterangan yang mencukupi bagi pemberian itu.

(5) Syarikat hendaklah mendaftarkan orang itu sebagai pemegang syer atau pemegang debentur syarikat berkenaan dengan syer atau debentur itu dalam masa enam puluh hari dari penerimaan pemberitahuan itu.

(6) Pendaftaran pemindahan syer atau debentur di bawah seksyen ini boleh melayakkan pemegang berdaftar bagi dividen dan kelebihan lain yang sama dan bagi hak yang sama berhubung dengan mesyuarat syarikat atau pengundian atau selainnya.

(7) Bagi maksud subseksyen (1), dalam hal kematian seseorang anggota, orang yang diakui sebagai mempunyai apa-apa hakmilik terhadap kepentingan dalam syer atau debentur hendaklah—

*(a)* jika si mati ialah pemegang tunggal, wakil diri yang sah di sisi undang-undang; dan

*(b)* jika si mati ialah pemegang bersama, penakatnya,

tetapi tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh melepaskan harta pusaka pemegang bersama si mati daripada apa-apa liabiliti berkenaan dengan apa-apa syer yang telah dipegang secara bersesama olehnya dengan orang yang lain.

(8) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Batasan terhadap liabiliti pemegang amanah, dsb., yang berdaftar sebagai pemilik syer**

**110.** (1) Mana-mana pemegang amanah, wasi atau pentadbir harta pusaka mana-mana orang yang mati yang telah didaftarkan dalam suatu daftar atau daftar cawangan yang disimpan di Malaysia sebagai pemegang sesuatu syer dalam mana-mana perbadanan

boleh didaftarkan sebagai pemegang bagi syer itu sebagaimana pemegang amanah, wasi atau pentadbir harta pusaka itu dan adalah, berkenaan dengan syer itu, tertakluk kepada liabiliti yang sama dan tidak lagi sebagaimana yang dia mungkin akan tertakluk jika syer itu terus didaftarkan atas nama orang yang mati itu.

(2) Mana-mana pemegang amanah, wasi atau pentadbir harta pusaka mana-mana orang yang mati yang berhak secara benefisial terhadap sesuatu syer dalam mana-mana perbadanan, iaitu syer yang didaftarkan dalam suatu daftar atau daftar cawangan yang disimpan di Malaysia boleh, dengan persetujuan perbadanan dan pemegang berdaftar syer itu, didaftarkan sebagai pemegang bagi syer itu sebagai pemegang amanah, wasi atau pentadbir harta pusaka itu dan adalah, berkenaan dengan syer itu, tertakluk kepada liabiliti yang sama dan tidak lagi sebagaimana yang dia mungkin akan tertakluk jika syer itu telah didaftarkan atas nama orang yang mati itu.

(3) Syer dalam sesuatu perbadanan yang didaftarkan dalam suatu daftar atau daftar cawangan yang disimpan di Malaysia dan yang dipegang oleh pemegang amanah berkenaan dengan suatu amanah tertentu boleh, dengan persetujuan perbadanan itu, ditandakan dalam daftar atau daftar cawangan itu mengikut apa-apa cara bagi syer itu dikenal pasti sebagai pemegang berkenaan dengan amanah itu.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, tiada notis bagi apa-apa amanah secara nyata, tersirat atau konstruktif boleh dicatatkan dalam sesuatu daftar atau daftar cawangan atau boleh didapatkan oleh Pendaftar dan tiada liabiliti boleh terjejas oleh apa-apa perkara yang dilakukan di bawah subseksyen (1), (2) atau (3) atau di bawah undang-undang di mana-mana tempat lain yang bersamaan dengan seksyen ini dan perbadanan yang berkenaan tidak terjejas oleh notis mana-mana amanah dengan apa-apa perkara yang dilakukan sedemikian.

**Lien bagi syer**

**111.** (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan, suatu syarikat adalah berhak terhadap suatu lien, sebagai keutamaan kepada apa-apa tuntutan yang lain, ke atas—

*(a)* pengeluaran syer yang dibayar sebahagian; dan

*(b)* apa-apa pembayaran dividen atas syer itu,

bagi semua wang yang kena dibayar oleh pemegang syer kepada syarikat melalui panggilan wang atau kena dibayar pada tarikh yang ditetapkan.

(2) Syarikat boleh menjual mana-mana syer yang ke atasnya syarikat itu mempunyai suatu lien mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh pengarah.

(3) Penjualan mana-mana syer oleh syarikat yang disebut dalam subseksyen (2) tidak boleh dibuat melainkan jika—

*(a)* suatu jumlah wang yang berkenaan dengannya lien itu wujud kena dibayar pada masa ini; dan

*(b)* sehingga habisnya tempoh empat belas hari dari suatu notis bertulis, yang menyatakan dan menuntut pembayaran apa-apa bahagian amaun yang berkenaan dengannya keistimewaan atau lien itu wujud yang kena dibayar pada masa ini telah diberikan kepada pemegang berdaftar pada masa syer itu, atau orang yang berhak kepada syer itu oleh sebab kematian atau kebankrapan pemegang berdaftar itu.

(4) Bagi maksud menguatkuasakan apa-apa penjualan di bawah subseksyen (2), pengarah boleh membenarkan seseorang untuk memindah milik syer yang dijual kepada pembeli syer yang hendaklah didaftarkan sebagai pemegang syer yang terkandung dalam apa-apa pemindahmilikan itu dan pengarah tidak terikat untuk melihat penggunaan wang belian itu.

(5) Hakmilik pembeli terhadap syer yang dijual di bawah subseksyen (2) tidak terjejas oleh apa-apa ketidakteraturan atau ketidaksahan dalam prosiding yang berhubungan dengan penjualan itu.

(6) Hasil jualan itu hendaklah diterima oleh syarikat dan digunakan dalam membayar apa-apa bahagian amaun yang berkenaan dengannya lien itu wujud sebagaimana yang kena dibayar pada masa ini, dan apa-apa baki hendaklah dibayar kepada orang yang

berhak kepada syer pada tarikh penjualan itu, tertakluk kepada lien yang serupa bagi jumlah wang yang kena dibayar ke atas syer sebelum penjualan itu.

(7) Pengarah boleh enggan untuk mendaftarkan pemindahmilikan suatu syer yang ke atasnya syarikat itu mempunyai lien, melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan.

Subpenggal 3

*Pernyataan Kesolvenan*

**Ujian kesolvenan**

**112.** (1) Bagi maksud peruntukan yang berhubungan dengan penebusan syer keutamaan, pengurangan modal syer dan bantuan kewangan, suatu syarikat memenuhi ujian kesolvenan berhubung dengan sesuatu transaksi jika—

*(a)* sebaik selepas transaksi itu tiada alasan bagi syarikat untuk menjadi tidak berupaya membayar hutangnya;

*(b)* sama ada—

(i) dihasratkan untuk memulakan penggulungan syarikat dalam masa dua belas bulan selepas tarikh transaksi, syarikat itu akan dapat membayar sepenuhnya hutangnya dalam masa dua belas bulan selepas bermulanya penggulungan itu; atau

(ii) dalam apa-apa hal lain, syarikat akan dapat membayar hutangnya apabila hutang itu genap masa dalam tempoh dua belas bulan sebaik selepas tarikh transaksi itu; dan

*(c)* aset syarikat lebih daripada liabiliti syarikat pada tarikh transaksi itu.

(2) Bagi maksud pembelian balik syer, syarikat memenuhi ujian kesolvenan jika—

*(a)* pembelian balik syer itu tidak akan mengakibatkan syarikat itu menjadi tidak solven dan modalnya menjadi terjejas pada tarikh pernyataan kesolvenan itu; dan

*(b)* syarikat itu akan terus menjadi solven selepas setiap pembelian balik semasa tempoh enam bulan selepas tarikh akuan dibuat di bawah subseksyen 113(5).

(3) Bagi maksud subseksyen (2)—

*(a)* sesuatu syarikat hendaklah disifatkan menjadi solven jika syarikat itu terus berupaya membayar hutangnya pada dan apabila hutang itu genap masa tanpa apa-apa pelupusan besar asetnya di luar perjalanan biasa perniagaannya, menyusun semula hutangnya, secara terpaksa menyemak semula pengendalian perniagaannya atau tindakan lain yang seumpamanya;

*(b)* modal sesuatu syarikat hendaklah disifatkan sebagai terjejas apabila nilai aset bersihnya kurang daripada agregat amaun semua syer syarikat selepas pembelian balik syer.

**Pernyataan kesolvenan**

**113.** (1) Suatu pernyataan kesolvenan hendaklah dibuat oleh pengarah—

*(a)* mengikut cara yang ditentukan oleh Pendaftar;

*(b)* dengan menyatakan—

(i) tarikh pernyataan itu dibuat; dan

(ii) nama setiap pengarah yang membuat pernyataan itu; dan

*(c)* yang hendaklah—

(i) ditandatangani oleh setiap pengarah yang membuat pernyataan itu; dan

(ii) disokong dengan suatu akuan bahawa pengarah telah membuat siasatan terhadap hal ehwal syarikat.

(2) Pernyataan kesolvenan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat oleh—

*(a)* dalam hal suatu transaksi yang berhubungan dengan pengurangan modal syer atau penebusan syer keutamaan, semua pengarah; dan

*(b)* dalam hal suatu transaksi yang berhubungan dengan bantuan kewangan atau pembelian balik syer, majoriti pengarah itu.

(3) Pernyataan kesolvenan berhubung dengan sesuatu transaksi ialah suatu pernyataan bahawa setiap pengarah yang membuat pernyataan itu bersependapat bahawa syarikat memenuhi ujian kesolvenan berhubung dengan transaksi itu.

(4) Dalam mencapai persepakatan bagi maksud membuat suatu pernyataan kesolvenan, pengarah hendaklah—

*(a)* menyiasat keadaan hal ehwal dan prospek syarikat; dan

*(b)* mengambil kira semua liabiliti syarikat, termasuklah liabiliti luar jangka.

(5) Jika syarikat bercadang untuk membeli syernya sendiri di bawah suatu pembelian balik syer, pengarah hendaklah membuat suatu akuan bahawa—

*(a)* adalah perlu bagi syarikat untuk membeli balik syernya sendiri; dan

*(b)* pembelian balik syer itu dibuat dengan suci hati dan demi kepentingan syarikat.

**Kesalahan mengenai pernyataan kesolvenan**

**114.** Seseorang pengarah yang membuat pernyataan kesolvenan tanpa alasan yang munasabah bagi pendapat yang dinyatakan dalam pernyataan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

Subpenggal 4

*Pengurangan Modal Syer*

**Syarikat boleh mengurangkan modal syernya**

**115.** Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan, sesuatu syarikat boleh mengurangkan modal syernya melalui—

*(a)* suatu ketetapan khas dan disahkan oleh Mahkamah mengikut seksyen 116; atau

*(b)* suatu ketetapan khas yang disokong oleh pernyataan kesolvenan mengikut seksyen 117.

**Pengurangan modal syer oleh Mahkamah**

**116.** (1) Tertakluk kepada pengesahan oleh Mahkamah, sesuatu syarikat boleh, melalui suatu ketetapan khas, mengurangkan modal syer syarikat mengikut apa-apa cara termasuk semua atau mana-mana yang berikut:

*(a)* dengan menghapuskan atau mengurangkan liabiliti atas mana-mana syer syarikat berkenaan dengan modal syer tidak berbayar;

*(b)* dengan membatalkan apa-apa modal syer berbayar yang hilang atau tidak diwakili oleh aset yang ada;

*(c)* dengan memulangkan kepada pemegang syer apa-apa modal syer berbayar yang melebihi keperluan syarikat.

(2) Jika pengurangan modal syer yang dicadangkan itu melibatkan sama ada pengurangan liabiliti berkenaan dengan modal syer tidak berbayar atau pembayaran kepada mana-mana pemegang syer bagi mana-mana modal syer berbayar, dan dalam apa-apa hal lain jika Mahkamah mengarahkan sedemikian—

*(a)* tiap-tiap pemiutang syarikat yang, pada tarikh yang ditetapkan oleh Mahkamah, berhak terhadap apa-apa hutang atau tuntutan yang boleh diterima sebagai bukti

terhadap syarikat itu seolah-olah tarikh itu ialah tarikh permulaan penggulungan syarikat berhak untuk membantah terhadap pengurangan modal syer itu;

*(b)* Mahkamah hendaklah menetapkan senarai pemiutang yang berhak untuk membantah, melainkan jika Mahkamah berpuas hati dengan afidavit bahawa tiada pemiutang sedemikian boleh menentukan setakat yang dapat dilaksanakan tanpa menghendaki permohonan daripada mana-mana pemiutang bagi nama, jenis serta amaun hutang atau tuntutan pemiutang itu, dan boleh menyiarkan notis yang menetapkan hari terakhir yang padanya atau sebelumnya pemiutang-pemiutang yang tidak dicatatkan dalam senarai itu boleh menuntut untuk dicatatkan sedemikian; dan

*(c)* jika pemiutang yang dicatatkan dalam senarai itu yang hutang atau tuntutannya tidak dilepaskan atau belum diputuskan tidak bersetuju dengan pengurangan itu, Mahkamah boleh melepaskan persetujuan pemiutang itu atas syarikat bagi menjamin pembayaran hutang atau tuntutannya dengan mengagihkan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah—

(i) jika syarikat itu mengakui amaun penuh hutang atau tuntutan itu, atau walaupun tidak mengakuinya syarikat itu bersetuju untuk mengadakan baginya, amaun penuh hutang atau tuntutan itu; atau

(ii) jika syarikat itu tidak mengakui dan tidak bersedia untuk menyediakan amaun penuh hutang atau tuntutan itu atau jika amaun itu di luar jangka atau tidak diputuskan, suatu amaun yang ditetapkan oleh Mahkamah selepas siasatan dan penghukuman yang seumpamanya seolah-olah syarikat itu digulungkan oleh Mahkamah.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Mahkamah boleh, selepas mengambil kira apa-apa hal keadaan khas mana-mana kes, mengarahkan semua atau mana-mana peruntukan subseksyen itu tidak terpakai berkenaan dengan apa-apa kelas pemiutang.

(4) Mahkamah boleh, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah, membuat suatu perintah bagi mengesahkan pengurangan itu jika Mahkamah berpuas hati berkenaan dengan tiap-tiap pemiutang yang di bawah subseksyen (2) itu berhak untuk membantah, bahawa—

*(a)* persetujuannya bagi pengurangan itu telah didapatkan; atau

*(b)* hutang atau tuntutannya telah dilepaskan, ditentukan atau dicagarkan.

(5) Suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4) hendaklah menyatakan perkara yang berikut:

*(a)* amaun modal syer syarikat sebagaimana yang diubah oleh perintah itu;

*(b)* bilangan syer yang akan dibahagikan; dan

*(c)* amaun, jika ada, yang disifatkan dibayar atas setiap syer pada tarikh perintah itu.

(6) Ketetapan bagi mengurangkan modal syer sebagaimana yang disahkan oleh perintah Mahkamah itu hendaklah berkuat kuasa apabila perintah itu diserah simpan dengan Pendaftar.

(7) Notis yang mengesahkan pengurangan modal syer yang dikeluarkan oleh Pendaftar hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa semua kehendak Akta ini berkenaan dengan pengurangan modal syer telah dipatuhi dan bahawa modal syer syarikat adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(8) Apabila perintah Mahkamah diserah simpan, butir-butir yang ditunjukkan dalam perintah itu di bawah subseksyen (5) hendaklah disifatkan menggantikan butir-butir yang bersamaan dalam perlembagaan, jika ada, dan apa-apa penggantian dan apa-apa penambahan yang diperintahkan oleh Mahkamah supaya dibuat kepada nama syarikat hendaklah disifatkan sebagai pengubahan kepada perlembagaan bagi maksud Akta ini bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah Mahkamah itu.

(9) Jika nama mana-mana pemiutang yang berhak untuk membantah terhadap pengurangan itu tidak dicatatkan dalam senarai pemiutang disebabkan oleh kejahilannya tentang prosiding bagi pengurangan atau tentang jenis dan kesan prosiding itu berkenaan dengan tuntutannya dan selepas pengurangan itu, syarikat tidak dapat membayar amaun hutang atau tuntutannya mengikut pengertian peruntukan Akta ini berkenaan dengan penggulungan oleh Mahkamah—

*(a)* tiap-tiap orang yang menjadi anggota syarikat pada tarikh penyerahsimpanan salinan perintah bagi pengurangan itu adalah bertanggungan untuk menyumbang bagi pembayaran hutang atau tuntutan itu suatu amaun yang tidak melebihi amaun yang dia sepatutnya bertanggungan untuk menyumbang jika syarikat telah mula digulungkan pada hari sebelum tarikh penyerahsimpanan salinan perintah pengurangan itu; dan

*(b)* jika syarikat digulungkan, atas permohonan mana-mana pemiutang itu dan apabila terbukti kejahilannya mengenai prosiding bagi pengurangan atau mengenai jenis dan kesan prosiding itu berkenaan dengan tuntutannya, Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut—

(i) menetapkan sewajarnya suatu senarai orang yang bertanggungan untuk menyumbang; dan

(ii) membuat dan menguatkuasakan panggilan dan perintah ke atas penyumbang yang ditetapkan dalam senarai itu seolah-olah orang yang bertanggungan untuk menyumbang ialah penyumbang biasa dalam suatu penggulungan.

(10) Hak penyumbang tidak terjejas walau apa pun pengurangan modal syer di bawah subseksyen (9).

(11) Seksyen ini tidak terpakai bagi suatu syarikat tidak berhad, tetapi tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menghalang syarikat tidak berhad daripada mengurangkan modal syernya mengikut apa-apa cara.

(12) Tiap-tiap pegawai syarikat yang—

*(a)* dengan sengaja menyembunyikan nama mana-mana pemiutang yang berhak untuk membantah terhadap pengurangan itu;

*(b)* dengan sengaja menyalahnyatakan jenis amaun hutang atau tuntutan mana-mana pemiutang; atau

*(c)* membantu, menyubahati atau menjadi pihak kepada mana-mana penyembunyian atau salah nyataan sedemikian,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Pengurangan modal syer oleh syarikat persendirian atau syarikat awam**

**117.** (1) Sesuatu syarikat boleh mengurangkan modal syernya melalui suatu ketetapan khas jika syarikat itu—

*(a)* menghantar suatu notis kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri yang disebut dalam seksyen 134 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan Pendaftar dalam masa tujuh hari dari tarikh ketetapan itu dan notis itu hendaklah menyatakan bahawa ketetapan telah diluluskan dan mengandungi teks ketetapan dan tarikh ketetapan; dan

*(b)* memenuhi kehendak kesolvenan di bawah subseksyen (3).

(2) Ketetapan dan pengurangan modal syer itu hendaklah berkuat kuasa mengikut seksyen 119.

(3) Syarikat memenuhi kehendak kesolvenan jika—

*(a)* semua pengarah syarikat membuat suatu pernyataan kesolvenan berhubung dengan pengurangan modal syer;

*(b)* pernyataan itu dibuat—

(i) dalam hal suatu syarikat persendirian, dalam tempoh empat belas hari yang berakhir pada tarikh ketetapan itu tetapi hendaklah dalam masa yang mematuhi subseksyen (5); atau

(ii) dalam hal suatu syarikat awam, dalam tempoh dua puluh satu hari yang berakhir pada tarikh ketetapan itu tetapi hendaklah dalam masa yang mematuhi subseksyen (6); dan

*(c)* suatu salinan pernyataan kesolvenan diserah simpan dengan Pendaftar bersama dengan notis yang dikehendaki untuk diserah simpan di bawah perenggan (1)*(a)*.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), suatu syarikat tidak perlu memenuhi kehendak kesolvenan jika pengurangan modal syer hanya semata-mata dengan cara pembatalan mana-mana modal syer berbayar yang hilang atau tidak diwakili oleh aset yang ada.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (4), suatu syarikat persendirian hendaklah—

*(a)* jika ketetapan bagi mengurangkan modal syer itu ialah ketetapan khas yang hendaklah diluluskan melalui ketetapan bertulis, memastikan bahawa tiap-tiap salinan ketetapan yang disampaikan itu disertakan dengan suatu salinan pernyataan kesolvenan; atau

*(b)* jika ketetapan bagi mengurangkan modal syer itu ialah ketetapan khas yang hendaklah diluluskan dalam mesyuarat agung, membuat pernyataan kesolvenan itu atau salinan pernyataan kesolvenan itu tersedia bagi pemeriksaan oleh anggota sepanjang mesyuarat itu; dan

*(c)* membuat pernyataan kesolvenan atau salinan pernyataan kesolvenan itu tersedia di pejabat berdaftar syarikat bagi pemeriksaan oleh mana-mana pemiutang syarikat tanpa dikenakan bayaran bagi tempoh enam minggu dari tarikh ketetapan itu.

(6) Tertakluk kepada subseksyen (4), suatu syarikat awam hendaklah—

*(a)* membuat suatu pernyataan kesolvenan atau salinan pernyataan kesolvenan itu tersedia bagi pemeriksaan oleh anggota pada mesyuarat sepanjang mesyuarat yang ketetapan itu diluluskan; dan

*(b)* membuat suatu pernyataan kesolvenan atau salinan pernyataan kesolvenan itu tersedia di pejabat berdaftar syarikat itu bagi pemeriksaan oleh mana-mana pemiutang syarikat tanpa dikenakan bayaran bagi tempoh enam minggu dari tarikh ketetapan itu.

(7) Tiap-tiap pegawai syarikat yang melanggar subseksyen (5) atau (6) melakukan suatu kesalahan.

(8) Walau apa pun subseksyen (7), ketetapan itu tidak menjadi tidak sah hanya menurut kuasa suatu pelanggaran terhadap subseksyen (5) atau (6).

(9) Mana-mana kehendak di bawah perenggan (3)*(c)*, (5)*(c)* atau (6)*(b)* terhenti mempunyai kesan jika ketetapan itu dibatalkan.

(10) Syarikat hendaklah mengiklankan notis mengenai pengurangan modal syer dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris tidak lewat daripada tujuh hari dari tarikh kelulusan ketetapan khas itu.

(11) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (10) melakukan suatu kesalahan.

**Hak pemiutang untuk membantah pengurangan modal syer oleh syarikat**

**118.** (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah meluluskan suatu ketetapan khas bagi mengurangkan modal syer di bawah seksyen 117.

(2) Mana-mana pemiutang syarikat boleh memohon kepada Mahkamah bagi ketetapan itu dibatalkan dalam masa enam minggu dari tarikh ketetapan itu.

(3) Subseksyen (2) hendaklah terpakai bagi pemiutang syarikat yang berhak terhadap apa-apa hutang atau tuntutan yang boleh diterima sebagai bukti terhadap syarikat itu pada tarikh permohonannya kepada Mahkamah jika tarikh itu ialah tarikh permulaan kuat kuasa penggulungan syarikat.

(4) Apabila suatu permohonan dibuat di bawah subseksyen (2)—

*(a)* pemiutang hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin menyampaikan permohonan itu kepada syarikat; dan

*(b)* syarikat hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin memberikan kepada Pendaftar suatu notis mengenai permohonan itu.

**Kedudukan pada akhir tempoh bantahan oleh pemiutang**

**119.** (1) Jika tiada permohonan bagi pembatalan ketetapan dibuat di bawah subseksyen 118(2) bagi pengurangan modal syer itu berkuat kuasa, syarikat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar selepas berakhirnya tempoh enam minggu, dan sebelum berakhirnya tempoh lapan minggu, dari tarikh ketetapan itu—

*(a)* suatu salinan ketetapan itu;

*(b)* suatu salinan pernyataan kesolvenan di bawah subseksyen 117(3), jika berkenaan;

*(c)* suatu pernyataan yang dibuat oleh pengarah yang mengesahkan bahawa kehendak di bawah subsekyen 117(1) dan kehendak kesolvenan di bawah subseksyen 117(3), jika berkenaan, telah dipatuhi, dan bahawa tiada permohonan bagi pembatalan ketetapan itu telah dibuat; dan

*(d)* suatu salinan notis mengenai pengurangan modal syer yang disebut dalam subseksyen 117(10).

(2) Jika satu atau lebih permohonan bagi pembatalan ketetapan itu yang dibuat di bawah subseksyen 118(2) dibuat bagi pengurangan modal syer itu berkuat kuasa, prosiding bagi semua permohonan itu yang telah dihentikan kerana ditolak, ditarik balik atau dihentikan oleh apa-apa sebab yang dibenarkan oleh Pendaftar, syarikat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar dalam masa empat belas hari bermula dari tarikh permohonan yang terakhir itu ditolak, ditarik balik atau selainnya dihentikan—

*(a)* suatu pernyataan yang dibuat oleh pengarah yang mengesahkan bahawa kehendak di bawah subseksyen 117(1), kehendak kesolvenan di bawah subseksyen 117(3), jika berkenaan, dan subseksyen 117(5) atau (6), mengikut mana-mana yang berkenaan, telah dipatuhi, dan bahawa permohonan itu telah ditolak, ditarik balik atau dihentikan oleh apa-apa sebab yang boleh dibenarkan oleh Pendaftar atau tanpa penentuan;

*(b)* berhubung dengan setiap permohonan yang telah ditolak oleh Mahkamah, suatu salinan perintah Mahkamah yang menolak permohonan itu; dan

*(c)* suatu notis yang mengandungi maklumat yang berhubungan dengan pengurangan modal syer itu.

(3) Pengurangan modal syer hendaklah berkuat kuasa apabila Pendaftar merekodkan maklumat yang diserah simpan dengannya dalam daftar yang bersesuaian.

(4) Suatu notis yang mengesahkan pengurangan modal syer yang dikeluarkan oleh Pendaftar hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa semua kehendak Akta ini berkenaan dengan pengurangan modal syer telah dipatuhi dan bahawa modal syer syarikat adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

**Kuasa Mahkamah berhubung dengan bantahan oleh pemiutang**

**120.** (1) Suatu permohonan oleh pemiutang di bawah seksyen 118 hendaklah ditentukan oleh Mahkamah mengikut seksyen ini.

(2) Mahkamah hendaklah membuat suatu perintah untuk membatalkan ketetapan jika, semasa permohonan itu dipertimbangkan, ketetapan itu masih belum dibatalkan sebelumnya, apa-apa hutang

atau tuntutan yang menjadi asas kepada permohonan itu masih tertunggak dan Mahkamah berpuas hati bahawa—

*(a)* hutang atau tuntutan itu tidak bercagar dan pemohon tidak mempunyai perlindungan lain yang mencukupi bagi hutang atau tuntutan itu; dan

*(b)* tidak menjadi hal bahawa cagaran atau perlindungan lain itu tidak perlu memandangkan aset yang akan dipunyai oleh syarikat selepas pengurangan itu.

(3) Jika Mahkamah tidak berpuas hati untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen (2), Mahkamah hendaklah menolak permohonan itu.

(4) Jika Mahkamah membuat suatu perintah di bawah subseksyen (2), syarikat hendaklah menyerah simpan salinan perintah itu dengan Pendaftar dalam masa empat belas hari dari tarikh perintah itu dibuat.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

*(a)* suatu hutang adalah tertunggak jika hutang itu belum dilepaskan; dan

*(b)* sesuatu tuntutan adalah tertunggak jika tuntutan itu belum ditamatkan.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan.

**Kesalahan kerana membuat pernyataan tidak berasas atau palsu**

**121.** Seseorang pengarah yang membuat suatu pernyataan di bawah perenggan 119(2)*(a)* melakukan suatu kesalahan jika pernyataan itu—

*(a)* palsu; atau

*(b)* tidak dipercayai olehnya sebagai benar,

dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Liabiliti anggota atas syer yang dikurangkan**

**122.** Jika modal syer sesuatu syarikat dikurangkan di bawah mana-mana peruntukan Subpenggal ini, seseorang anggota syarikat yang terdahulu atau sekarang tidak bertanggungan berkenaan dengan harga pengeluaran mana-mana syer bagi apa-apa panggilan atau sumbangan yang lebih besar daripada perbezaan, jika ada, antara—

*(a)* harga keluaran syer itu; dan

*(b)* agregat amaun berbayar ke atas syer itu, jika ada, dengan amaun yang dikurangkan atas syer itu.

Subpenggal 5

*Bantuan oleh Syarikat bagi Pembelian Syernya Sendiri*

**Bantuan kewangan oleh syarikat dalam urus niaga syernya, dsb.**

**123.** (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, sesuatu syarikat tidak boleh memberikan apa-apa bantuan kewangan, sama ada secara langsung atau tidak langsung dan sama ada melalui suatu pinjaman, jaminan atau penyediaan cagaran atau selainnya, bagi maksud atau berkaitan dengan suatu pembelian atau langganan yang dibuat atau yang hendak dibuat oleh mana-mana orang atau bagi—

*(a)* apa-apa syer dalam syarikat itu; atau

*(b)* dalam hal jika syarikat ialah suatu subsidiari, apa-apa syer dalam syarikat pemegangannya, atau mengikut apa-apa cara membeli, berurus niaga atau memberi pinjaman wang atas syernya sendiri.

(2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, sesuatu syarikat tidak boleh memberikan bantuan kewangan secara langsung atau tidak langsung bagi maksud mengurangkan atau melepaskan liabiliti, jika—

*(a)* seseorang telah memperoleh syer dalam syarikat itu atau syarikat pemegangannya; dan

*(b)* liabiliti itu telah ditanggung oleh mana-mana orang bagi maksud pemerolehan syer.

(3) Mana-mana pegawai syarikat yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Jika seseorang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini dan Mahkamah, yang dengannya orang itu disabitkan berpuas hati bahawa syarikat itu atau seorang yang lain telah menanggung kerugian atau kerosakan akibat pelanggaran yang menyebabkan kesalahan itu, Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada mengenakan suatu penalti di bawah subseksyen (3), memerintahkan orang yang disabitkan itu membayar pampasan kepada syarikat itu atau orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, apa-apa amaun yang boleh ditentukan oleh Mahkamah, dan perintah itu bolehlah dikuatkuasakan seolah-olah perintah itu merupakan suatu penghakiman Mahkamah.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang syarikat itu atau mana-mana orang daripada mendapatkan balik amaun bagi apa-apa pinjaman yang dibuat dengan melanggar seksyen ini atau apa-apa amaun yang baginya syarikat itu atau mana-mana orang itu bertanggungan sama ada atas apa-apa bantuan kewangan yang diberikan atau di bawah apa-apa jaminan yang dibuat atau berkenaan dengan apa-apa cagaran yang disediakan yang berlanggaran dengan seksyen ini.

**Akibat kegagalan mematuhi Subpenggal ini**

**124.** Jika sesuatu syarikat memberikan bantuan kewangan yang melanggar Subpenggal ini, kesahan bantuan kewangan itu dan apa-apa kontrak atau transaksi yang berkaitan dengan bantuan kewangan itu tidak terjejas hanya oleh sebab pelanggaran itu.

**Kecualian am**

**125.** Seksyen 123 tidak melarang—

*(a)* pemberian pinjaman wang oleh syarikat dalam perjalanan biasa perniagaannya jika pemberian pinjaman wang itu adalah sebahagian daripada perniagaan biasa sesuatu syarikat;

*(b)* peruntukan oleh sesuatu syarikat, mengikut apa-apa skim yang sedang berkuat kuasa, wang untuk membeli atau melanggan syer berbayar penuh dalam syarikat itu atau syarikat pemegangannya, iaitu pembelian atau langganan oleh pemegang amanah atau bagi syer yang akan dipegang oleh atau bagi faedah pekerja syarikat atau subsidiari syarikat, termasuklah mana-mana pengarah yang memegang suatu pekerjaan atau jawatan bergaji dalam syarikat atau subsidiari itu;

*(c)* pemberian bantuan kewangan oleh syarikat kepada seseorang, selain pengarah, *bona fide* dalam penggajian syarikat atau subsidiari syarikat dengan tujuan untuk membolehkan orang itu membeli syer berbayar penuh dalam syarikat itu atau syarikat pemegangannya untuk dipegang oleh orang itu secara pemunyaan benefisial; atau

*(d)* pembuatan sesuatu pinjaman atau pemberian sesuatu jaminan atau penyediaan sesuatu cagaran berkaitan dengan satu atau lebih pinjaman yang dibuat oleh seorang atau lebih daripada seorang yang lain oleh syarikat dalam perjalanan biasa perniagaannya jika aktiviti syarikat itu dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perbankan, insurans atau takaful atau yang tertakluk kepada pengawasan Suruhanjaya Sekuriti dan jika—

(i) pemberian pinjaman wang atau pemberian jaminan atau penyediaan cagaran itu berkaitan dengan pinjaman yang dibuat oleh orang lain, dilakukan dalam urusan aktiviti itu; dan

(ii) pinjaman yang dibuat oleh syarikat itu, atau, jika jaminan diberikan atau cagaran disediakan berkenaan dengan sesuatu pinjaman, pinjaman itu dibuat mengikut terma perdagangan biasa mengenai kadar faedah atau pulangan, terma pembayaran balik jumlah pokok dan pembayaran faedah atau pulangan.

**Bantuan kewangan yang tidak melebihi sepuluh peratus dana pemegang syer**

**126.** (1) Seksyen ini tidak terpakai bagi suatu syarikat yang syernya disebut di bursa saham.

(2) Suatu syarikat boleh, melalui suatu ketetapan khas, memberikan bantuan kewangan bagi maksud pemerolehan syer dalam syarikat atau syarikat pemegangannya atau bagi maksud mengurangkan atau melepaskan liabiliti yang ditanggung atas pemerolehan itu jika—

*(a)* pengarah membuat ketetapan, sebelum bantuan itu diberikan, bahawa—

(i) syarikat boleh memberikan bantuan itu;

(ii) pemberian bantuan itu adalah demi kepentingan syarikat; dan

(iii) terma dan syarat yang di bawahnya bantuan itu hendak diberikan adalah adil dan munasabah kepada syarikat;

*(b)* pada hari yang sama pengarah meluluskan ketetapan itu, pengarah-pengarah yang mengundi dengan memihak kepada ketetapan itu membuat suatu pernyataan kesolvenan yang mematuhi peruntukan berhubung dengan pemberian bantuan itu;

*(c)* agregat amaun bantuan dan apa-apa bantuan kewangan lain yang diberikan di bawah seksyen ini yang tidak dibayar balik tidak melebihi sepuluh peratus agregat amaun yang diterima oleh syarikat berkenaan dengan pengeluaran syer dan rizab syarikat, sebagaimana yang agregat amaun itu dizahirkan dalam penyata kewangan teraudit yang terkini syarikat;

*(d)* syarikat itu menerima nilai saksama berkaitan dengan pemberian bantuan itu; dan

*(e)* bantuan itu diberikan selama tidak lebih daripada dua belas bulan selepas hari pernyataan kesolvenan itu dibuat di bawah perenggan *(b)*.

(3) Ketetapan oleh pengarah di bawah perenggan (2)*(a)* hendaklah menyatakan alasan penuh bagi keputusan pengarah yang dibuat di bawah perenggan itu.

(4) Sebutan dalam perenggan (2)*(c)* mengenai apa-apa bantuan kewangan lain yang diberikan di bawah seksyen ini yang tidak dibayar balik termasuk amaun apa-apa bantuan kewangan yang diberikan dalam bentuk jaminan atau cagaran yang baginya syarikat itu terus bertanggungan pada masa bantuan kewangan yang berkenaan diberikan.

(5) Dalam masa empat belas hari selepas memberikan bantuan kewangan di bawah seksyen ini, syarikat itu hendaklah menghantar kepada setiap anggota syarikat itu suatu salinan pernyataan kesolvenan yang dibuat di bawah perenggan (2)*(b)* dan suatu notis yang mengandungi maklumat yang berikut:

*(a)* kelas dan bilangan syer yang berkenaan dengannya bantuan itu diberikan;

*(b)* balasan yang dibayar atau kena dibayar bagi syer itu;

*(c)* nama orang yang menerima bantuan itu dan, jika seorang yang lain, nama pemunya benefisial syer itu;

*(d)* jenis, terma dan, jika boleh ditentukan nilainya, amaun bantuan itu.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pembelian oleh syarikat atas syernya sendiri, dsb.**

**127.** (1) Walau apa pun seksyen 123, suatu syarikat yang syernya disebut di bursa saham boleh membeli syernya sendiri jika dibenarkan sedemikian oleh perlembagaannya.

(2) Suatu syarikat tidak boleh membeli syernya sendiri melainkan jika—

*(a)* syarikat itu adalah solven pada tarikh pembelian itu dan tidak akan menjadi tidak solven dengan menanggung hutang yang terdapat dalam obligasi untuk membayar syer yang dibeli sedemikian;

*(b)* pembelian itu dibuat melalui bursa saham yang padanya syer syarikat disebut harga dan dengan mengikut kaedah-kaedah yang berkaitan bagi bursa saham; dan

*(c)* pembelian itu dibuat dengan suci hati dan demi kepentingan syarikat.

(3) Walau apa pun perenggan (2)*(b)*, suatu syarikat boleh membeli syernya sendiri selain melalui suatu bursa saham jika pembelian itu—

*(a)* dibenarkan di bawah kaedah-kaedah yang berkaitan dengan bursa saham; dan

*(b)* dibuat dengan mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh bursa saham.

(4) Jika suatu syarikat telah membeli syernya sendiri, pengarah syarikat boleh membuat ketetapan—

*(a)* untuk membatalkan syer yang dibeli sedemikian;

*(b)* untuk memegang simpan syer yang dibeli sedemikian dalam perbendaharaan yang disebut sebagai "syer perbendaharaan" dalam Akta ini; atau

*(c)* untuk memegang simpan sebahagian daripada syer yang dibeli sedemikian sebagai syer perbendaharaan dan membatalkan syer yang selebihnya.

(5) Syer yang dibeli oleh sesuatu syarikat di bawah seksyen ini, melainkan jika dipegang dalam perbendaharaan, hendaklah disifatkan dibatalkan sebaik selepas pembelian itu.

(6) Jika syer dipegang sebagai syer perbendaharaan, syarikat hendaklah memegang syer itu dalam akaun sekuriti mengikut kaedah-kaedah yang berkaitan dengan bursa saham atau depositori pusat sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 146, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Jika syer itu dipegang sebagai syer perbendaharaan, pengarah syarikat boleh—

*(a)* membahagikan syer itu sebagai dividen kepada pemegang syer, dividen itu hendaklah dikenali sebagai "dividen syer";

*(b)* menjual semula syer itu atau mana-mana bahagian daripada syer itu mengikut kaedah-kaedah yang berkaitan dengan bursa saham;

*(c)* memindah milik syer itu, atau mana-mana bahagian daripada syer itu bagi maksud atau di bawah suatu skim syer pekerja;

*(d)* memindah milik syer itu, atau mana-mana bahagian daripada syer itu sebagai balasan pembelian;

*(e)* membatalkan syer itu atau mana-mana bahagian daripada syer itu; atau

*(f)* menjual, memindah milik atau selainnya menggunakan syer itu bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah.

(8) Pemegang syer perbendaharaan yang dipegang di bawah subseksyen (5) tidak boleh memberikan—

*(a)* hak untuk hadir atau mengundi pada mesyuarat dan apa-apa yang berupa sebagai penjalanan hak sedemikian adalah tidak sah; dan

*(b)* hak untuk menerima dividen atau pengagihan lain, sama ada dalam bentuk wang tunai atau selainnya, bagi aset syarikat termasuklah apa-apa pembahagian aset apabila syarikat digulungkan.

(9) Apabila syer dipegang sebagai syer perbendaharaan, syer perbendaharaan itu tidak boleh diambil kira dalam menghitung bilangan atau peratusan syer atau bagi suatu kelas syer dalam syarikat bagi apa-apa maksud termasuklah, tanpa mengehadkan keluasan peruntukan ini, peruntukan mana-mana undang-undang atau kehendak perlembagaan syarikat atau kehendak penyenaraian suatu bursa saham mengenai pemegangan syer substansial, pengambilalihan, notis, permintaan mesyuarat, kuorum bagi mesyuarat dan keputusan undi pada suatu ketetapan dalam mesyuarat.

(10) Jika pengarah memutuskan untuk mengagihkan syer perbendaharaan sebagai dividen syer, kos syer atas pembelian asal itu hendaklah digunakan dalam pengurangan dana yang selainnya tersedia bagi pengagihan sebagai dividen.

(11) Seksyen ini tidak dianggap sebagai menghalang—

*(a)* suatu pengumpukan syer sebagai syer bonus berbayar penuh berkenaan dengan syer perbendaharaan; atau

*(b)* pecah bahagian mana-mana syer perbendaharaan kepada syer perbendaharaan yang lebih besar bilangannya, atau penyatuan mana-mana syer perbendaharaan kepada syer perbendaharaan yang lebih kecil bilangannya.

(12) Dalam hal keadaan yang subseksyen (2) terpakai, mana-mana syer yang diumpukkan sebagai syer bonus berbayar penuh berkenaan dengan syer perbendaharaan hendaklah, bagi maksud Akta ini, dianggap seolah-olah syer itu telah dibeli oleh syarikat itu pada masa syer itu diumpukkan.

(13) Jika pengarah membuat ketetapan untuk membatalkan syer yang dibeli sedemikian atau membatalkan mana-mana syer perbendaharaan, kos syer itu hendaklah digunakan dalam pengurangan keuntungan yang selainnya tersedia bagi pengagihan sebagai dividen.

(14) Jika pengarah membuat ketetapan untuk membatalkan syer yang dibeli sedemikian, atau membatalkan mana-mana syer perbendaharaan, modal keluaran syarikat hendaklah disusutkan oleh syer yang dibatalkan sedemikian.

(15) Pembatalan syer yang dibuat di bawah perenggan (4)*(a)* atau perenggan (7)*(e)* tidak boleh disifatkan sebagai pengurangan modal syer mengikut pengertian Akta ini.

(16) Syarikat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar dan bursa saham suatu notis bagi pembelian syer mengikut cara yang ditentukan oleh Pendaftar dalam masa empat belas hari dari pembelian syer itu.

(17) Syarikat, tiap-tiap pegawai dan mana-mana orang lain atau individu yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(18) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (16) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Opsyen untuk mengambil syer tidak dikeluarkan**

**128.** (1) Suatu syarikat awam boleh memberi opsyen kepada mana-mana orang untuk mengambil syer tidak dikeluarkan bagi suatu tempoh yang tidak lebih daripada sepuluh tahun dari tarikh opsyen itu diberikan.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai dalam apa-apa hal jika pemegang debentur mempunyai opsyen untuk mengambil syer syarikat secara penebusan debentur.

**Daftar opsyen untuk mengambil syer tidak dikeluarkan dalam syarikat**

**129.** (1) Suatu syarikat hendaklah menyenggara suatu daftar opsyen yang diberikan kepada seseorang untuk mengambil syer yang tidak dikeluarkan dalam syarikat itu.

(2) Syarikat hendaklah, dalam masa empat belas hari dari pemberian suatu opsyen untuk membeli syer yang tidak dikeluarkan dalam syarikat itu, mencatatkan ke dalam daftar butir-butir yang berikut:

*(a)* nama, alamat dan nombor kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959, atau nombor pasport atau nombor pengenalan lain dan kewarganegaraan pemegang opsyen;

*(b)* tarikh opsyen itu diberikan;

*(c)* nombor dan perihalan syer yang berkenaan dengannya opsyen itu diberikan;

*(d)* tempoh yang dalamnya, masa yang padanya atau keadaan apabila berlakunya opsyen itu boleh dilaksanakan;

*(e)* balasan, jika ada, bagi pemberian opsyen itu;

*(f)* balasan, jika ada, bagi pelaksanaan opsyen itu atau cara yang balasan itu akan ditentusahkan atau ditentukan; dan

*(g)* apa-apa butir lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(3) Seksyen 50 hingga 55 hendaklah terpakai bagi suatu daftar yang disimpan di bawah seksyen ini seolah-olah daftar itu ialah daftar anggota.

(4) Syarikat itu hendaklah menyenggara salinan tiap-tiap surat cara yang dengannya opsyen untuk mengambil syer dalam syarikat itu diberikan di tempat yang daftar di bawah seksyen ini disimpan dan rekod itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada daftar.

(5) Hak berkenaan dengan opsyen itu tidak terjejas oleh kegagalan syarikat untuk mematuhi seksyen ini.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kuasa syarikat untuk membayar faedah daripada modal dalam hal tertentu**

**130.** (1) Jika mana-mana syer syarikat dikeluarkan bagi maksud mendapatkan wang untuk menanggung perbelanjaan bagi pembinaan apa-apa kerja atau bangunan atau penyediaan apa-apa loji yang tidak boleh memberikan keuntungan bagi tempoh yang panjang, syarikat boleh membayar faedah atau pulangan atas amaun modal syer itu sebagai berbayar pada masa ini dan mengenakan faedah atau pulangan yang dibayar atas modal syer itu sebagai sebahagian daripada kos pembinaan atau penyediaan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

*(a)* pembayaran tidak boleh dibuat melainkan jika pembayaran itu dibenarkan oleh perlembagaan atau oleh ketetapan khas dan diluluskan oleh Mahkamah;

*(b)* pembayaran hendaklah hanya dibuat bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Mahkamah tidak melebihi dua belas bulan selepas kerja atau bangunan itu telah sebenarnya disiapkan atau loji itu disediakan;

*(c)* kadar faedah atau pulangan tidak boleh melebihi lima peratus setahun atau apa-apa kadar lain yang ditetapkan pada masa ini; dan

*(d)* pembayaran faedah atau pulangan tidak berkuat kuasa sebagai suatu pengurangan amaun berbayar ke atas syer yang berkenaan dengannya faedah itu dibayar.

(3) Sebelum melulus kan apa-apa pembayaran di bawah perenggan (2)*(a)*, Mahkamah boleh, atas perbelanjaan syarikat—

*(a)* melantik seseorang untuk menyiasat dan melaporkan hal keadaan kes itu; dan

*(b)* menghendaki syarikat untuk memberikan jaminan bagi pembayaran kos siasatan itu.

Subpenggal 6

*Dividen*

**Pengagihan daripada keuntungan**

**131.** (1) Tertakluk kepada seksyen 132, suatu syarikat hanya boleh membuat pengagihan kepada pemegang syer daripada keuntungan yang ada bagi syarikat itu jika syarikat menjadi solven.

(2) Syarikat, tiap-tiap pegawai dan mana-mana orang lain atau individu yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Pengagihan hanya jika syarikat solven**

**132.** (1) Sebelum sesuatu pengagihan dibuat oleh syarikat kepada mana-mana pemegang syer, pengagihan itu hendaklah dibenarkan oleh pengarah syarikat.

(2) Pengarah boleh membenarkan suatu pengagihan dibuat pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang didapati sesuai oleh pengarah, jika pengarah berpuas hati bahawa syarikat itu akan menjadi solven sebaik selepas pengagihan dibuat.

(3) Bagi maksud seksyen ini, syarikat dianggap sebagai solven jika syarikat itu berupaya untuk membayar hutangnya jika dan apabila hutang itu menjadi kena dibayar dalam masa dua belas bulan selepas pengagihan dibuat.

(4) Jika, selepas pengagihan dibenarkan dan sebelum ia dibuat, pengarah tidak berpuas hati atas alasan yang munasabah bahawa syarikat itu akan menjadi solven sebaik selepas pengagihan dibuat, pengarah itu hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk menghalang pengagihan itu daripada dibuat.

(5) Tanpa menjejaskan apa-apa liabiliti lain, tiap-tiap pengarah atau pegawai syarikat itu yang dengan sengaja membayar atau mengizinkan supaya dibayar atau memberi kuasa pembayaran apa-apa pengagihan yang tidak wajar atau menyalahi undang-undang boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Mendapatkan balik pengagihan**

**133.** (1) Syarikat boleh mendapatkan balik daripada pemegang syer apa-apa amaun pengagihan yang dibayar kepada pemegang syer yang melebihi nilai apa-apa pengagihan yang telah dibuat dengan sepatutnya, melainkan jika pemegang syer itu—

*(a)* telah menerima pengagihan itu dengan suci hati; dan

*(b)* tidak mengetahui bahawa syarikat itu tidak memenuhi ujian kesolvenan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 132(3).

(2) Tiap-tiap pengarah atau pengurus suatu syarikat yang dengan sengaja membayar atau mengizinkan supaya dibayar apa-apa dividen yang melanggar seksyen 131 atau 132, yang dia tahu bukan daripada keuntungan hendaklah juga bertanggungan kepada syarikat setakat lebihan amaun nilai apa-apa pengagihan dividen yang telah dibuat dengan sepatutnya.

(3) Jika keseluruhan amaun itu didapatkan daripada seorang pengarah atau pengurus, pengarah atau pengurus itu boleh mendapatkan balik sumbangan terhadap mana-mana orang lain yang bertanggungan yang telah mengarahkan atau bersetuju dengan pembayaran itu.

(4) Liabiliti yang dikenakan ke atas mana-mana orang di bawah seksyen ini tidak boleh diberikan atau diserahkan kepada wasinya, pentadbir harta pusakanya atau mana-mana orang selepas kematiannya.

Subpenggal 7

*Pemegangan Syer Substansial*

**Pemakaian dan tafsiran**

**134.** (1) Seksyen ini tidak menjejaskan kuat kuasa mana-mana peruntukan lain Akta ini.

(2) Dalam Subpenggal ini, sebutan mengenai suatu syarikat ialah sebutan mengenai—

*(a)* suatu syarikat yang syernya atau mana-mana syernya disebut di bursa saham;

*(b)* suatu syarikat awam yang syernya tidak disebut di bursa saham;

*(c)* suatu pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia, yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, sebagai suatu syarikat bagi maksud Subpenggal ini; atau

*(d)* suatu badan, yang bukan pertubuhan perbadanan yang dibentuk di Malaysia, yang pada masa ini diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, sebagai suatu syarikat bagi maksud Subpenggal ini.

(3) Menteri boleh mengubah atau membatalkan sesuatu pemberitahuan yang disiarkan di bawah subseksyen (2) melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(4) Berhubung dengan suatu syarikat, keseluruhan atau suatu bahagian daripada modal syer yang terdiri daripada saham, suatu kepentingan bagi seseorang dalam mana-mana saham itu hendaklah disifatkan sebagai suatu kepentingan dalam syer keluaran dalam syarikat itu yang mempunyai amaun yang sama dengan amaun saham itu dan padanya terikat hak yang sama dengan hak yang terikat pada saham itu.

(5) Sebutan mengenai takrif "syer mengundi" bagi pertubuhan perbadanan dalam subseksyen 2(1) termasuk sebutan mengenai suatu badan yang disebut dalam perenggan (2)*(d)*.

**Orang yang berkewajipan untuk mematuhi Subpenggal**

**135.** (1) Obligasi untuk mematuhi Subpenggal ini terpakai bagi—

*(a)* seorang orang sebenar, sama ada pemastautin atau bukan pemastautin di Malaysia atau sama ada warganegara Malaysia atau bukan warganegara; dan

*(b)* suatu pertubuhan perbadanan, sama ada diperbadankan atau yang menjalankan perniagaan di Malaysia atau selainnya.

(2) Subpenggal ini terpakai bagi perbuatan yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan di luar Malaysia.

**Pemegangan syer substansial dan pemegang syer substansial**

**136.** (1) Bagi maksud Subpenggal ini, seseorang mempunyai pemegangan syer substansial dalam suatu syarikat—

*(a)* jika orang itu mempunyai kepentingan dalam satu atau lebih syer mengundi dalam syarikat dan bilangan atau agregat bilangan syer itu tidak kurang daripada lima peratus jumlah keseluruhan bilangan syer mengundi yang dimasukkan dalam syarikat itu; atau

*(b)* suatu syarikat yang modal syernya dibahagikan kepada—

(i) dua atau lebih kelas syer, jika orang itu mempunyai kepentingan dalam satu atau lebih syer mengundi yang termasuk dalam satu daripada kelas itu; dan

(ii) bilangan atau agregat bilangan syer itu tidak kurang daripada lima peratus agregat bilangan jumlah keseluruhan semua syer mengundi yang dimasukkan dalam kelas syer itu.

(2) Seseorang yang mempunyai pemegangan syer substansial dalam suatu syarikat ialah pemegang syer substansial dalam syarikat itu.

**Pemegang syer substansial hendaklah memberitahu syarikat mengenai kepentingannya**

**137.** (1) Seorang pemegang syer substansial dalam suatu syarikat hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada syarikat itu jika dia mempunyai apa-apa kepentingan yang berkaitan dengan mana-mana syer tertentu.

(2) Notis itu hendaklah—

*(a)* mengandungi nama, kewarganegaraan, alamat dan butir-butir penuh tentang syer mengundi yang pemegang syer substansial itu mempunyai suatu kepentingan; dan

*(b)* termasuk, melainkan jika kepentingan itu tidak boleh dikaitkan dengan suatu syer tertentu—

(i) nama orang yang didaftarkan sebagai pemegang syer; dan

(ii) butir-butir penuh dan hal keadaan yang menyebabkan pemegang syer substansial itu mempunyai kepentingan.

(3) Pemegang syer substansial hendaklah memberikan notis yang disebut dalam subseksyen (1) kepada syarikat—

*(a)* dalam hal suatu syarikat yang syernya disebut harga di suatu bursa saham, dalam masa tiga hari selepas orang itu menjadi pemegang syer substansial; atau

*(b)* dalam mana-mana hal lain, dalam masa lima hari selepas orang itu menjadi pemegang syer substansial.

(4) Notis hendaklah diberikan walaupun orang itu terhenti menjadi pemegang syer substansial sebelum habisnya tempoh yang disebut dalam subseksyen (3).

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu dilakukan selepas sabitan.

**Pemegang syer substansial hendaklah memberitahu syarikat tentang perubahan kepentingannya**

**138.** (1) Pemegang syer substansial hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada syarikat jika terdapat perubahan kepentingannya dalam syer mengundi syarikat itu—

*(a)* dalam hal suatu syarikat yang syernya disebut di bursa saham, dalam masa tiga hari selepas tarikh pertukaran itu; atau

*(b)* dalam mana-mana hal lain, dalam masa lima hari selepas pertukaran itu.

(2) Notis di bawah subseksyen (1) hendaklah mengandungi—

*(a)* nama dan butir-butir penuh pemegang syer substansial itu; dan

*(b)* tarikh dan hal keadaan yang menyebabkan pertukaran itu berlaku.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), jika pemegang syer substansial dalam syarikat memperoleh atau melupuskan syer mengundi dalam syarikat itu, perolehan atau pelupusan itu hendaklah disifatkan sebagai pertukaran dalam kepentingan pemegang syer substansial dalam syer mengundi syarikat itu.

(4) Mana-mana pemegang syer substansial yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu dilakukan selepas sabitan.

**Orang yang terhenti menjadi pemegang syer substansial hendaklah memberitahu syarikat**

**139.** (1) Seseorang hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada syarikat jika dia terhenti menjadi pemegang syer substansial dalam syarikat—

*(a)* dalam hal suatu syarikat yang syernya disebut di bursa saham, dalam masa tiga hari selepas orang itu terhenti menjadi pemegang syer substansial; atau

*(b)* dalam mana-mana hal lain, dalam masa lima hari selepas orang itu terhenti menjadi pemegang syer substansial.

(2) Notis itu hendaklah mengandungi—

*(a)* nama dan tarikh orang itu terhenti menjadi pemegang syer substansial; dan

*(b)* butir-butir penuh hal keadaan yang menyebabkan orang itu terhenti menjadi pemegang syer substansial.

(3) Mana-mana pemegang syer substansial yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu dilakukan selepas sabitan.

**Sebutan mengenai pengendalian kepentingan dalam syer**

**140.** Hal keadaan yang dikehendaki untuk dinyatakan dalam suatu notis di bawah seksyen 137, 138 atau 139 termasuk hal keadaan yang oleh sebabnya dengan mengambil kira pengendalian kepentingan dalam syer—

*(a)* seseorang mempunyai kepentingan dalam syer mengundi;

*(b)* suatu pertukaran telah berlaku dalam kepentingan dalam syer mengundi; atau

*(c)* seseorang terhenti menjadi pemegang syer substansial dalam syarikat,

masing-masingnya.

**Salinan notis hendaklah disampaikan kepada Pendaftar**

**141.** Seseorang yang memberikan suatu notis di bawah seksyen 137, 138 atau 139 kepada suatu syarikat yang disebut dalam perenggan 134(2)*(a)* hendaklah menyampaikan salinan notis itu kepada Pendaftar pada hari orang itu memberikan notis itu.

**Notis kepada bukan pemastautin**

**142.** (1) Seseorang yang memegang syer mengundi dalam suatu syarikat, iaitu syer mengundi yang seorang bukan pemastautin mempunyai kepentingan hendaklah—

*(a)* memberikan suatu notis kepada bukan pemastautin itu mengikut bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar; atau

*(b)* jika orang itu mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa kepentingan bukan pemastautin dalam syer itu merupakan suatu kepentingan yang dipegang oleh bukan pemastautin itu bagi seorang yang lain—

(i) memberikan suatu notis kepada bukan pemastautin itu mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pendaftar; dan

(ii) mengarahkan bukan pemastautin itu untuk memberikan notis atau salinan notis itu kepada orang yang lain itu.

(2) Notis hendaklah diberikan oleh orang itu dalam masa empat belas hari dari tarikh dia menjadi pemegang syer mengundi.

(3) Dalam seksyen ini, "bukan pemastautin" ertinya seseorang yang tidak bermastautin di Malaysia atau suatu pertubuhan perbadanan yang tidak diperbadankan di Malaysia.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu dilakukan selepas sabitan.

**Pendaftar boleh melanjutkan masa bagi pemberian notis di bawah Subpenggal ini**

**143.** (1) Pendaftar boleh, mengikut budi bicaranya, melanjutkan masa bagi pemberian notis dalam Subpenggal ini atas permohonan orang yang dikehendaki untuk memberikan notis itu.

(2) Walaupun tempoh yang disebut dalam subseksyen (1) telah habis, Pendaftar boleh menjalankan kuasanya untuk melanjutkan seterusnya masa bagi pemberian notis oleh orang itu.

**Syarikat hendaklah menyimpan dan menyenggara daftar pemegang syer substansial**

**144.** (1) Syarikat hendaklah menyimpan suatu daftar dan hendaklah dengan serta-merta mencatatkan—

*(a)* nama orang dengan mengikut susunan abjad yang daripadanya syarikat itu menerima suatu notis di bawah seksyen 137 dan maklumat yang diberikan dalam notis itu bersetentangan dengan setiap nama yang dicatatkan dalam daftar itu; dan

*(b)* maklumat yang diberikan dalam notis itu jika syarikat menerima suatu notis di bawah seksyen 138 atau 139.

(2) Daftar itu hendaklah disimpan di pejabat berdaftar syarikat itu dan hendaklah dibuka bagi pemeriksaan oleh mana-mana anggota syarikat tanpa dikenakan bayaran dan oleh mana-mana orang lain apabila dibayar sepuluh ringgit bagi setiap pemeriksaan atau apa-apa jumlah yang lebih kurang sebagaimana yang dikehendaki oleh syarikat.

(3) Pendaftar boleh pada bila-bila masa secara bertulis menghendaki syarikat untuk memberikan kepadanya salinan daftar atau mana-mana bahagian daftar dalam masa empat belas hari dari hari kehendak itu diterima oleh syarikat.

(4) Suatu syarikat tidak boleh—

*(a)* disifatkan bagi apa-apa maksud sebagai mempunyai pengetahuan tentang; atau

*(b)* dimasukkan ke dalam siasatan mengenai,

hak seseorang bagi atau berhubung dengan sesuatu syer dalam syarikat itu disebabkan oleh apa-apa perkara yang dilakukan di bawah Subpenggal ini.

(5) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa Mahkamah berkenaan dengan keingkaran pemegang syer substansial**

**145.** (1) Jika seseorang merupakan pemegang syer substansial dalam suatu syarikat dan tidak mematuhi seksyen 137, 138 atau 139, Mahkamah boleh, sama ada atau tidak kegagalan itu terus dilakukan, atas permohonan Pendaftar, membuat satu atau lebih perintah yang berikut:

*(a)* suatu perintah yang menghalang pemegang syer substansial itu daripada melupuskan mana-mana kepentingan dalam syer dalam syarikat yang dia menjadi atau telah menjadi seorang pemegang syer substansial;

*(b)* suatu perintah yang menghalang seseorang yang menjadi atau yang layak untuk didaftarkan sebagai pemegang syer yang disebut dalam perenggan *(a)* daripada melupuskan mana-mana kepentingan dalam syer;

*(c)* suatu perintah yang menghalang penjalanan mana-mana hak mengundi atau hak lain yang terikat dengan mana-mana syer dalam syarikat yang dalamnya pemegang syer substansial itu mempunyai atau telah mempunyai suatu kepentingan;

*(d)* suatu perintah yang mengarahkan syarikat supaya tidak membuat pembayaran, atau untuk menangguhkan daripada membuat pembayaran, apa-apa jumlah wang yang kena dibayar daripada syarikat itu berkenaan dengan mana-mana syer yang pemegang syer substansial itu mempunyai atau telah mempunyai suatu kepentingan;

*(e)* suatu perintah yang mengarahkan penjualan semua atau mana-mana syer dalam syarikat yang pemegang syer substansial itu mempunyai atau telah mempunyai suatu kepentingan;

*(f)* suatu perintah yang mengarahkan syarikat untuk tidak mendaftarkan pemindahmilikan atau pemindahan syer yang tertentu;

*(g)* suatu perintah bahawa mana-mana penjalanan hak mengundi atau hak lain yang terikat dengan syer tertentu dalam syarikat yang pemegang syer substansial itu mempunyai atau telah mempunyai suatu kepentingan tidak diambil kira;

*(h)* bagi maksud memastikan pematuhan kepada mana-mana perintah lain yang dibuat di bawah seksyen ini, suatu perintah yang mengarahkan syarikat atau mana-mana orang lain untuk melakukan atau menghalang daripada melakukan perbuatan tertentu.

(2) Suatu perintah di bawah seksyen ini boleh—

*(a)* termasuk apa-apa peruntukan sampingan atau berbangkit sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah; atau

*(b)* jika perintah itu mengarahkan penjualan syer—

(i) mengadakan peruntukan bahawa penjualan itu hendaklah dibuat pada bila-bila masa;

(ii) tertakluk kepada suatu syarat bahawa penjualan itu tidak boleh dibuat kepada seseorang yang, atau disebabkan penjualan itu, akan menjadi suatu pemegang syer substansial dalam syarikat; dan

(iii) mengadakan peruntukan bagi apa-apa syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(3) Mahkamah boleh memerintahkan bahawa syer itu hendaklah terletak hak pada Pendaftar jika syer itu tidak dijual mengikut perintah Mahkamah di bawah seksyen ini.

(4) Sebelum membuat suatu perintah di bawah seksyen ini dan dalam memutuskan terma perintah itu, Mahkamah hendaklah memuaskan hatinya, setakat yang Mahkamah boleh semunasabahnya melakukan sedemikian, bahawa perintah itu tidak akan memudaratkan secara tidak adil mana-mana orang.

(5) Mahkamah tidak boleh membuat suatu perintah di bawah seksyen ini, selain perintah yang menghalang penjalanan hak mengundi, jika Mahkamah berpuas hati bahawa—

*(a)* kegagalan pemegang syer substansial itu mematuhi kehendak yang disebut dalam subseksyen (1) disebabkan oleh ketidaksengajaan atau kesilapan atau dia tidak menyedari tentang fakta atau kewujudan yang berkaitan; dan

*(b)* kegagalan itu patut dimaafkan dalam segala hal keadaan.

(6) Sebelum membuat suatu perintah di bawah seksyen ini, Mahkamah boleh mengarahkan supaya suatu notis permohonan diberikan kepada mana-mana orang itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah atau mengarahkan supaya notis permohonan itu disiarkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(7) Mahkamah boleh menamatkan, mengubah atau membatalkan sesuatu perintah yang dibuat oleh Mahkamah di bawah seksyen ini atau menggantung kuat kuasa perintah itu.

(8) Seksyen 557 terpakai berhubung dengan sesuatu syer yang terletak hak pada Pendaftar di bawah seksyen ini mengikut cara yang sama sebagaimana seksyen itu terpakai berhubung dengan estet atau kepentingan dalam harta.

(9) Subseksyen (10) tidak menyentuh kuasa Mahkamah berhubung dengan hukuman bagi penghinaan Mahkamah.

(10) Seseorang yang melanggar suatu perintah di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Subpenggal 8

*Sistem Depositori Pusat — Sistem Catatan Buku atau Tanpa Skrip bagi Pemindahmilikan Sekuriti*

**Tafsiran**

**146.** Dalam Subpenggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"depositori pusat" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [*Akta 453*];

"sekuriti deposit" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991;

"pendeposit" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991;

"sekuriti" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991;

"bursa saham" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

**Pendeposit disifatkan sebagai anggota**

**147.** (1) Pendeposit yang namanya terdapat dalam rekod pendeposit yang disenggarakan oleh depositori pusat mengikut seksyen 34 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 berkenaan dengan sekuriti syarikat yang telah didepositkan dengan depositori pusat hendaklah disifatkan sebagai pemegang syer, pemegang debentur atau pemegang opsyen syarikat, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta itu, berhak kepada sejumlah sekuriti yang dinyatakan dalam rekod pendeposit.

(2) Walau apa pun seksyen 101, semua hak, faedah, kuasa dan keistimewaan adalah tertakluk kepada segala liabiliti, kewajipan dan obligasi berkenaan dengan, atau berbangkit daripada, sekuriti itu, sama ada yang diberikan atau dikenakan oleh Akta ini atau perlembagaan syarikat.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Subpenggal ini boleh ditafsirkan sebagai menyentuh obligasi syarikat untuk menyimpan—

*(a)* suatu daftar anggotanya di bawah seksyen 50 dan 52;

*(b)* suatu daftar pemegang debentur di bawah seksyen 60; dan

*(c)* suatu daftar pemegang opsyen di bawah seksyen 129,

dan untuk membuka daftar yang disebut dalam perenggan *(a)*, *(b)* dan *(c)* bagi pemeriksaan mengikut peruntukan Akta ini kecuali jika syarikat tidak berkewajipan untuk mencatatkan dalam daftar itu nama dan butir-butir pendeposit yang disifatkan sebagai pemegang syer, pemegang debentur atau pemegang opsyen.

(4) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Akta ini, seseorang pendeposit tidak boleh dianggap sebagai anggota syarikat yang berhak untuk menghadiri mana-mana mesyuarat agung dan untuk bercakap dan mengundi pada mesyuarat itu melainkan jika namanya terdapat pada rekod pendeposit pada tarikh yang tidak kurang daripada tiga hari pasaran sebelum mesyuarat agung itu.

(5) Rekod pendeposit hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi apa-apa perkara yang dimasukkan dalam rekod itu sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini.

(6) Bagi maksud seksyen ini, "hari pasaran" ertinya mana-mana hari antara hari Isnin dengan hari Jumaat yang bukan hari kelepasan pasaran bagi bursa saham atau hari kelepasan am.

**Pemindahmilikan sekuriti melalui catatan buku**

**148.** (1) Pemindahmilikan apa-apa sekuriti atau kelas sekuriti syarikat yang sekuritinya atau apa-apa kelas yang sekuritinya telah didepositkan dengan depositori pusat hendaklah melalui catatan buku oleh depositori pusat itu mengikut kaedah-kaedah depositori pusat dan walau apa pun seksyen 105, 106 atau 110, syarikat itu hendaklah dilarang daripada mendaftarkan dan melaksanakan apa-apa pemindahmilikan sekuriti atau kelas sekuriti yang telah didepositkan bagi syarikat itu.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi pemindahmilikan sekuriti bagi suatu depositori pusat atau syarikat penamanya atau daripada depositori pusat atau syarikat penamanya kepada pendeposit.

**Pembetulan rekod pendeposit**

**149.** (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis, tiada suatu perintah boleh dibuat oleh Mahkamah bagi membetulkan rekod pendeposit kecuali dalam hal keadaan dan tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

(2) Mahkamah boleh mengawardkan kepada pendeposit yang disebut dalam perenggan *(a)* atau mana-mana orang yang sepatutnya berhak untuk didaftarkan sebagai mempunyai hakmilik ke atas sekuriti itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas apa-apa

terma yang disifatkan saksama oleh Mahkamah atau membuat apa-apa perintah lain yang disifatkan patut oleh Mahkamah, termasuklah suatu perintah bagi pemindahmilikan sekuriti itu kepada pendeposit atau orang itu, jika Mahkamah berpuas hati bahawa—

*(a)* pendeposit itu tidak bersetuju dengan pemindahmilikan mana-mana sekuriti itu; atau

*(b)* pendeposit itu telah tidak sepatutnya didaftarkan sebagai mempunyai hakmilik ke atas mana-mana sekuriti.

**Ketidakpakaian seksyen 472 bagi pelupusan yang dibuat melalui catatan buku**

**150.** (1) Subseksyen 472(1) tidak terpakai bagi pelupusan harta yang dibuat melalui catatan buku oleh suatu depositori pusat.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika Mahkamah berpuas hati bahawa suatu pihak kepada pelupusan itu selain depositori pusat telah mengetahui bahawa suatu petisyen telah dikemukakan bagi penggulungan suatu pihak kepada pelupusan yang lain, Mahkamah itu boleh—

*(a)* mengawardkan ganti rugi terhadap pihak itu mengikut apa-apa terma yang difikirkan saksama oleh Mahkamah; atau

*(b)* membuat apa-apa perintah lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah, termasuklah suatu perintah bagi pemindahmilikan sekuriti deposit oleh pihak itu, kecuali suatu perintah bagi pembetulan rekod pendeposit itu.

**Pengecualian daripada Subpenggal ini**

**151.** Menteri boleh, melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*—

*(a)* mengecualikan mana-mana syarikat atau kelas syarikat daripada mematuhi semua atau mana-mana peruntukan Subpenggal ini berhubung dengan apa-apa sekuriti bagi

sesuatu syarikat atau apa-apa kelas syarikat yang baginya Subpenggal ini terpakai tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang disifatkannya patut untuk dikenakan; dan

*(b)* membatalkan atau mengubah notis itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Menteri.

Subpenggal 9

*Prospektus*

**Pemakaian Subpenggal 9**

**152.** (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, Subpenggal ini hendaklah terpakai bagi suatu tawaran yang dibuat kepada orang awam atau mana-mana golongan orang awam berkenaan dengan—

*(a)* suatu tawaran atau pelawaan berkenaan dengan syer atau debentur yang dibuat oleh kelab rekreasi tidak tersenarai; dan

*(b)* suatu tawaran atau pelawaan untuk mendepositkan wang dengan atau memberi pinjaman wang kepada suatu perbadanan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 158.

(2) Subpenggal ini tidak terpakai bagi suatu tawaran atau pelawaan untuk melanggan atau membeli mana-mana sekuriti perbadanan, termasuklah mana-mana tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali yang ditakrifkan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

**Kuasa Menteri untuk mengecualikan pemakaian Subpenggal 9**

**153.** (1) Menteri boleh, atas permohonan secara bertulis oleh mana-mana orang yang berkepentingan dan tertakluk kepada syor Pendaftar, melalui perintah mengisytiharkan bahawa keseluruhan atau mana-mana bahagian Subpenggal ini tidak terpakai bagi mana-mana orang yang membuat suatu tawaran syer atau debentur kepada orang awam, sama ada tidak bersyarat atau tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut untuk dikenakan oleh Menteri.

(2) Pendaftar boleh membuat syor kepada Menteri jika Pendaftar berpendapat bahawa—

*(a)* kos untuk menyediakan prospektus mengatasi perlindungan yang terhasil kepada pelabur; atau

*(b)* syor itu tidak akan menjejaskan kepentingan awam jika suatu prospektus diketepikan.

**Kehendak untuk mendaftar dan menyerah simpan prospektus**

**154.** (1) Suatu prospektus yang baginya Subpenggal ini terpakai tidak boleh dikeluarkan, diedarkan atau diagihkan oleh mana-mana orang melainkan jika—

*(a)* prospektus itu telah terlebih dahulu didaftarkan oleh Pendaftar; dan

*(b)* prospektus itu telah mematuhi peruntukan Akta ini.

(2) Prospektus yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 hendaklah diserah simpan dengan Pendaftar sebelum tarikh pengeluaran prospektus itu.

(3) Seseorang tidak boleh mengeluarkan, mengedarkan atau mengagihkan apa-apa borang permohonan bagi syer atau debentur suatu perbadanan melainkan jika—

*(a)* dia dibenarkan secara bertulis oleh Pendaftar; dan

*(b)* borang itu disertakan dengan suatu salinan prospektus yang telah didaftarkan oleh Pendaftar.

(4) Subsekyen (2) tidak terpakai bagi borang permohonan jika—

*(a)* borang itu dikeluarkan, diedarkan atau diagihkan berkaitan dengan syer atau debentur yang tidak ditawarkan kepada orang awam;

*(b)* borang itu dikeluarkan, diedarkan atau diagihkan berkaitan dengan suatu tawaran pengambilalihan yang mematuhi peruntukan undang-undang yang berkaitan yang terpakai bagi tawaran itu; atau

*(c)* borang itu dikeluarkan, diedarkan atau diagihkan berkaitan dengan syer yang ditawarkan bagi pembelian atau langganan oleh pekerja suatu perbadanan atau perbadanan berkaitannya mengikut suatu skim yang diluluskan oleh Pendaftar.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

**Pendaftaran prospektus**

**155.** Suatu prospektus boleh didaftarkan jika—

*(a)* suatu salinan prospektus yang ditandatangani oleh tiap-tiap pengarah dan tiap-tiap orang yang dinamakan dalam prospektus itu sebagai pengarah perbadanan yang dicadangkan atau oleh ejennya yang diberi kuasa secara bertulis diserah simpan dengan Pendaftar pada atau sebelum tarikh pengeluaran prospektus itu; dan

*(b)* prospektus itu dikemukakan kepada Pendaftar bersama dengan—

(i) suatu permohonan bertulis bagi pendaftaran prospektus itu;

(ii) salinan semua persetujuan yang dikehendaki di bawah seksyen 160 daripada mana-mana orang yang dinamakan dalam prospektus itu sebagai telah membuat suatu pernyataan yang dimasukkan dalam prospektus itu atau yang padanya suatu pernyataan yang dibuat dalam prospektus itu diasaskan;

(iii) salinan semua kontrak yang material yang disebut dalam prospektus itu atau, dalam hal suatu kontrak yang tidak diubah ke dalam bentuk bertulis, suatu memorandum yang memberikan butir-butir penuh kontrak, yang ditentusahkan mengikut apa-apa kehendak yang ditentukan oleh Pendaftar; dan

(iv) apa-apa maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

**Keengganan untuk mendaftarkan prospektus**

**156.** (1) Pendaftar boleh enggan untuk mendaftarkan sesuatu prospektus jika—

*(a)* Pendaftar berpendapat bahawa prospektus itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;

*(b)* pengeluaran atau pelawaan berkenaan dengan syer atau debentur yang berhubung dengan prospektus itu tidak mematuhi Akta ini; atau

*(c)* Pendaftar berpendapat bahawa prospektus itu mengandungi apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan atau bahawa prospektus itu mengandungi apa-apa pernyataan atau maklumat yang daripadanya terdapat peninggalan yang material.

(2) Jika Pendaftar berpendapat bahawa perbadanan atau pengarah perbadanan yang membuat penawaran atau pelawaan itu bukan seorang yang layak dan sesuai untuk membuat pengeluaran atau pelawaan itu kepada orang awam, Pendaftar boleh enggan untuk mendaftarkan prospektus itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), seorang pengarah hendaklah termasuk seorang pengarah yang dicadangkan yang dinamakan dalam prospektus dan mana-mana orang lain yang tergolong di bawah takrif seorang pengarah.

**Menyimpan dokumen yang berhubungan dengan prospektus**

**157.** (1) Perbadanan hendaklah menyebabkan supaya suatu salinan—

*(a)* apa-apa persetujuan yang dikehendaki di bawah seksyen 160 berhubung dengan pengeluaran prospektus; dan

*(b)* tiap-tiap kontrak material atau dokumen yang disebut dalam prospektus itu,

disimpan di pejabat berdaftar perbadanan itu di Malaysia, dan jika tidak mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia, di alamat yang dinyatakan dalam prospektus bagi maksud itu, dalam masa tiga hari selepas pendaftaran prospektus itu.

(2) Perbadanan hendaklah menyimpan suatu salinan dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) bagi suatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar bagi pemeriksaan oleh mana-mana orang tanpa bayaran.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Pelawaan kepada orang awam untuk memberi pinjaman wang atau mendepositkan wang dengan perbadanan**

**158.** (1) Suatu pelawaan kepada orang awam untuk mendepositkan wang atau memberi pinjaman wang kepada suatu perbadanan atau perbadanan dicadangkan tidak boleh dikeluarkan, diedarkan atau diagihkan oleh perbadanan itu atau oleh mana-mana orang lain melainkan jika suatu prospektus berhubung dengan pelawaan itu telah didaftarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 154 dan 155.

(2) Bagi maksud Penggal ini, mana-mana perbadanan yang menerima atau bersetuju untuk menerima daripada mana-mana orang apa-apa wang sebagai deposit atau pinjaman hendaklah disifatkan sebagai membuat suatu pelawaan kepada orang awam untuk mendepositkan wang dengan atau memberi pinjaman wang kepada perbadanan atau perbadanan dicadangkan.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), suatu perbadanan tidak dikehendaki untuk mengeluarkan prospektus jika—

*(a)* perbadanan itu bukan berada di bawah suatu liabiliti sama ada sekarang atau masa hadapan untuk membayar balik apa-apa wang yang diterima oleh perbadanan itu sebagai deposit atau pinjaman daripada lebih daripada sepuluh orang; atau

*(b)* apa-apa wang yang diterima oleh perbadanan itu sebagai deposit atau pinjaman dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan.

(4) Jika perbadanan telah menerima daripada mana-mana orang apa-apa wang sebagai deposit atau pinjaman menurut suatu pelawaan yang disebut dalam subseksyen (1), perbadanan itu hendaklah, dalam masa dua bulan selepas menerima wang itu, mengeluarkan kepada orang itu suatu dokumen yang—

*(a)* mengakui atau membuktikan atau yang menjadi pengesahan keterhutangan perbadanan itu berkenaan dengan deposit atau pinjaman itu; dan

*(b)* mematuhi kehendak lain seksyen ini.

(5) Dokumen itu hendaklah diperihalkan atau disebut dalam prospektus itu dan dalam apa-apa dokumen lain, sama ada yang menjadi atau yang berhubungan dengan pelawaan dan dalam dokumen itu sendiri, sebagai suatu nota tidak bercagar atau nota deposit tidak bercagar melainkan jika dokumen itu adalah dan boleh selainnya diperihalkan di bawah subseksyen (6) atau (7).

(6) Dokumen itu boleh diperihalkan atau disebut dalam prospektus itu atau dalam apa-apa dokumen lain atau dalam dokumen itu sendiri sebagai—

*(a)* suatu debentur gadai janji atau perakuan saham debentur gadai janji melainkan jika dimasukkan ke dalam prospektus itu pernyataan dan penilaian yang disebut dalam Jadual Pertama; atau

*(b)* suatu debentur atau perakuan saham debentur melainkan jika—

(i) dokumen itu mungkin, tetapi tidak, diperihalkan atau disebut dalam prospektus atau dalam dokumen itu sebagai debentur gadai janji atau perakuan saham debentur gadai janji di bawah perenggan *(a)*; atau

(ii) dimasukkan ke dalam prospektus itu pernyataan atau ringkasan yang disebut dalam Jadual Pertama.

(7) Seksyen ini tidak terpakai bagi suatu perbadanan ditetapkan dan tidak menghendaki suatu prospektus untuk dikeluarkan berkaitan dengan apa-apa pelawaan kepada orang awam bagi mendepositkan wang dengan suatu perbadanan ditetapkan.

(8) Dalam seksyen ini, "perbadanan ditetapkan" ertinya—

*(a)* suatu perbadanan perbankan; atau

*(b)* suatu perbadanan atau perbadanan daripada suatu kelas yang, atas syor Bank Negara Malaysia, telah diisytiharkan oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan melalui notis yang disiarkan dalam *Warta* sebagai perbadanan ditetapkan bagi maksud seksyen ini.

(9) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan boleh, melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*—

*(a)* menyatakan terma dan syarat yang tertakluk kepada subseksyen (7) yang hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan suatu perbadanan yang dinyatakan dalam perenggan (8)*(b)*; atau

*(b)* mengubah atau membatalkan apa-apa perisytiharan atau spesifikasi yang dibuat di bawah seksyen ini.

(10) Bagi maksud seksyen ini, suatu dokumen yang dikeluarkan oleh perbadanan peminjam yang memperakui bahawa orang yang dinamakan dalam dokumen itu berkenaan dengan apa-apa deposit atau pinjaman kepada perbadanan, pemegang berdaftar bagi suatu bilangan atau nilai tertentu—

*(a)* bagi nota tidak bercagar atau nota deposit tidak bercagar;

*(b)* bagi debentur gadai janji atau saham debentur gadai janji; atau

*(c)* bagi debentur atau saham debentur,

yang dikeluarkan oleh perbadanan itu mengikut dan tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam surat ikatan amanah yang disebut atau dikenal pasti dalam perakuan itu, dokumen itu hendaklah disifatkan sebagai dokumen yang menjadi keterangan bagi keterhutangan perbadanan itu berkenaan dengan deposit atau pinjaman itu.

(11) Perbadanan dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Bentuk dan kandungan prospektus**

**159.** (1) Tiap-tiap prospektus yang dikeluarkan di bawah Subpenggal ini hendaklah mematuhi kehendak yang berhubungan dengan bentuk dan kandungan prospektus yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Jika suatu prospektus yang berhubungan dengan mana-mana syer atau debentur bagi suatu perbadanan dikeluarkan dan prospektus itu tidak mematuhi seksyen ini, setiap pengarah perbadanan itu dan orang lain yang bertanggungjawab bagi prospektus itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

(3) Sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran seksyen ini, seseorang pengarah atau orang lain yang bertanggungjawab bagi prospektus itu tidak boleh menanggung apa-apa liabiliti oleh sebab ketidakpatuhan atau pelanggaran itu, jika—

*(a)* berkenaan dengan apa-apa perkara yang tidak dizahirkan, pengarah atau orang lain itu membuktikan bahawa dia tidak mempunyai pengetahuan tentang ketidakpatuhan atau pelanggaran itu;

*(b)* pengarah atau orang lain itu membuktikan bahawa ketidakpatuhan atau pelanggaran itu terjadi daripada suatu kesilapan yang jujur di pihaknya mengenai fakta itu; atau

*(c)* ketidakpatuhan atau pelanggaran itu adalah berkenaan dengan perkara yang pada pendapat Mahkamah yang mengendalikan kes itu adalah tidak material atau yang selainnya, pada pendapat Mahkamah itu adalah munasabah untuk dimaafkan setelah mengambil kira semua hal keadaan kes.

(4) Suatu syarat yang menghendaki atau mengikat seseorang pemohon bagi syer atau debentur sesuatu perbadanan untuk menepikan pematuhan mana-mana kehendak seksyen ini, atau yang berupa sebagai mempengaruhi pemohon dengan notis apa-apa dokumen kontrak atau perkara yang tidak disebut secara khusus dalam prospektus itu adalah tidak sah.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh mengehadkan atau mengurangkan apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh mana- mana orang dalam mana-mana peruntukan yang lain di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

**Persetujuan orang yang mengeluarkan prospektus yang mengandungi pernyataannya**

**160.** (1) Sesuatu prospektus yang termasuk suatu pernyataan yang dikatakan berupa dibuat oleh seseorang pakar, atau yang menjadi asas kepada pernyataan yang dibuat oleh orang itu tidak boleh dikeluarkan melainkan jika—

*(a)* orang itu telah memberikan persetujuan bertulisnya untuk mengeluarkan prospektus itu dengan pernyataan yang dibuat dalam bentuk dan konteks yang persetujuan itu dimasukkan dan tidak menarik balik persetujuan itu sebelum tarikh pengeluaran prospektus itu; dan

*(b)* terdapat dalam prospektus itu suatu pernyataan bahawa orang itu telah memberikan dan tidak menarik balik persetujuannya.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi suatu pernyataan yang merupakan cabutan daripada suatu pernyataan rasmi atau apa-apa pernyataan lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar.

(3) Jika mana-mana prospektus dikeluarkan yang melanggar seksyen ini, perbadanan itu dan tiap-tiap orang yang dengan diketahuinya menjadi suatu pihak kepada pengeluaran itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

**Pelepasan daripada kehendak mengenai bentuk dan kandungan prospektus**

**161.** (1) Pendaftar boleh, atas permohonan secara bertulis oleh mana-mana orang yang dikehendaki untuk mematuhi subseksyen 154(1), melepaskan orang itu atau meluluskan apa-apa perubahan daripada kehendak Akta ini yang berhubungan dengan bentuk dan kandungan prospektus.

(2) Dalam memberikan pelepasan atau meluluskan perubahan di bawah subseksyen (1), Pendaftar boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

(3) Pendaftar tidak boleh memberikan pelepasan atau meluluskan perubahan di bawah subseksyen (1) melainkan jika dia telah menimbangkan jenis dan tujuan perbadanan dan berpuas hati bahawa—

*(a)* pelepasan atau perubahan itu tidak menyebabkan ketidakzahiran kepada orang awam mengenai maklumat yang perlu bagi penilaian pelaburan bagi syer atau debentur perbadanan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

*(b)* pematuhan kepada kehendak itu, yang baginya apa-apa pelepasan atau perubahan terpakai, akan menjadi beban yang tidak munasabah kepada pemohon.

(4) Suatu prospektus hendaklah disifatkan mematuhi semua kehendak Akta ini yang berhubungan dengan bentuk dan kandungan prospektus jika prospektus itu dikeluarkan dengan mematuhi subseksyen (1).

**Memegang simpan langganan berlebihan dalam keluaran debentur**

**162.** (1) Sesuatu perbadanan tidak boleh menerima atau memegang simpan langganan bagi suatu keluaran debentur yang melebihi amaun keluaran yang dizahirkan dalam prospektus melainkan jika perbadanan itu telah menyatakan dalam prospektus itu—

*(a)* bahawa perbadanan itu dengan nyata merizabkan hak untuk menerima atau memegang simpan langganan berlebihan itu; dan

*(b)* suatu had yang dinyatakan sebagai jumlah wang tertentu atas amaun langganan berlebihan itu yang boleh diterima atau dipegang simpan menjadi suatu amaun yang tidak lebih daripada dua puluh lima peratus melebihi amaun keluaran itu yang dizahirkan dalam prospektus itu.

(2) Tertakluk kepada Jadual Pertama, jika suatu perbadanan menyatakan dalam suatu prospektus yang berhubungan dengan keluaran debentur bahawa perbadanan itu merizabkan hak untuk menerima atau memegang simpan langganan berlebihan—

*(a)* perbadanan itu tidak boleh membuat, membenarkan atau mengizinkan apa-apa pernyataan atau sebutan mengenai sandaran aset bagi keluaran yang dibuat atau yang terkandung dalam mana-mana prospektus yang berhubungan dengan keluaran itu, selain pernyataan atau sebutan mengenai jumlah aset ketara dan jumlah liabiliti perbadanan itu dan perbadanan penjaminnya; dan

*(b)* prospektus itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan atau sebutan mengenai kesan kepada jumlah aset dan jumlah liabiliti perbadanan itu jika langganan berlebihan setakat had yang dinyatakan dalam prospektus itu diterima atau dipegang simpan.

(3) Perbadanan yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.

**Iklan tertentu disifatkan sebagai prospektus**

**163.** (1) Tiap-tiap iklan yang menawarkan atau meminta perhatian terhadap suatu tawaran atau tawaran yang dicadangkan kepada orang awam berkenaan dengan syer atau debentur hendaklah disifatkan sebagai prospektus melainkan jika ia—

*(a)* hanya mengandungi maklumat yang berikut:

(i) bilangan dan perihalan syer atau debentur yang berkenaan;

(ii) nama dan tarikh pendaftaran perbadanan dan modal syer berbayarnya;

(iii) suatu pernyataan yang ringkas dan padat mengenai jenis am perniagaan utama atau perniagaan utama perbadanan yang dicadangkan;

(iv) nama, alamat dan pekerjaan pengarah atau pengarah yang dicadangkan, broker atau penaja jamin bagi keluaran itu dan dalam hal suatu debentur, pemegang amanah bagi pemegang debentur itu;

(v) nama bursa saham yang broker atau penaja jamin bagi keluaran itu menjadi anggota; dan

(vi) butir-butir mengenai tarikh pembukaan dan penutupan tawaran dan masa serta tempat yang padanya salinan penuh prospektus dan borang permohonan bagi saham atau debentur itu boleh diperoleh; dan

*(b)* menyatakan bahawa permohonan bagi syer atau debentur itu akan diteruskan hanya dalam satu daripada borang permohonan yang disebutkan, dan dilampirkan dengan suatu salinan bercetak prospektus itu.

(2) Suatu pernyataan dalam iklan yang, atau bagi maksud itu yang, iklan itu bukan merupakan suatu prospektus tidak akan menjejaskan kuat kuasa seksyen ini.

(3) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi iklan yang disiarkan atau disebarkan di Malaysia melalui surat khabar, penyiaran, televisyen, wayang gambar atau apa-apa cara lain.

(4) Jika suatu iklan itu disifatkan sebagai prospektus menurut kuasa subseksyen (1), peruntukan di bawah Subpenggal ini berkaitan dengan kandungan prospektus dan liabiliti berkenaan dengan pernyataan palsu atau mengelirukan dan peninggalan material hendaklah terpakai dan mempunyai kesan sewajarnya.

(5) Jika—

*(a)* suatu iklan menawarkan atau meminta perhatian terhadap suatu tawaran atau tawaran yang dicadangkan bagi syer atau debentur suatu perbadanan atau perbadanan yang dicadangkan kepada orang awam bagi langganan atau pembelian, disiarkan atau disebarkan;

*(b)* orang yang menyiarkan atau menyebarkan iklan itu sebelum berbuat sedemikian, mendapatkan suatu perakuan yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya dua pengarah perbadanan, atau dua pengarah yang dicadangkan bagi

perbadanan yang dicadangkan, bahawa iklan yang dicadangkan itu ialah iklan yang tidak akan disifatkan sebagai suatu prospektus menurut kuasa subseksyen (1); dan

*(c)* iklan itu bukan suatu iklan yang secara jelas boleh disifatkan sebagai suatu prospektus menurut subseksyen itu,

hanya perbadanan itu dan tiap-tiap orang yang menandatangani perakuan itu boleh disifatkan sebagai orang yang menyiarkan atau menyebarkan iklan itu.

(6) Mana-mana orang yang telah mendapatkan suatu perakuan yang disebut dalam perenggan (5)*(b)* hendaklah dengan segera menghantar serah perakuan itu kepada Pendaftar apabila diminta oleh Pendaftar.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

(8) Jika suatu iklan yang disifatkan sebagai prospektus menurut kuasa subseksyen (1) tidak mematuhi kehendak Akta ini mengenai prospektus, orang yang menyiarkan atau menyebarkan iklan itu, dan tiap-tiap pegawai perbadanan yang berkenaan, atau orang lain, yang dengan diketahuinya membenarkan atau mengizinkan penyiaran atau penyebaran itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

(9) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh mengehadkan atau mengurangkan apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh mana-mana orang dalam mana-mana peruntukan yang lain di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

**Dokumen yang mengandungi tawaran syer untuk jualan disifatkan sebagai prospektus**

**164.** (1) Jika suatu perbadanan mengumpukkan atau bersetuju untuk mengumpukkan kepada mana-mana orang apa-apa syer atau debentur perbadanan itu dengan tujuan supaya kesemua

atau mana-mana syernya ditawarkan untuk jualan kepada orang awam, apa-apa dokumen bagi tawaran untuk jualan kepada orang awam itu hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai suatu prospektus yang dikeluarkan oleh perbadanan itu.

(2) Jika dokumen itu disifatkan sebagai prospektus bagi maksud subseksyen (1), peruntukan di bawah Subpenggal ini mengenai kandungan prospektus dan liabiliti berkenaan dengan pernyataan yang palsu atau mengelirukan dan peninggalan yang material hendaklah terpakai dan berkuat kuasa sewajarnya seolah-olah—

*(a)* syer atau debentur itu telah ditawarkan kepada orang awam; dan

*(b)* orang yang menerima tawaran berkenaan dengan mana-mana syer atau debentur itu ialah pelanggan,

tetapi tanpa menjejaskan liabiliti itu, jika ada, orang yang kepadanya tawaran itu dibuat berkenaan dengan pernyataan yang palsu atau mengelirukan dan peninggalan yang material dalam dokumen itu atau selainnya.

(3) Melainkan jika dibuktikan sebaliknya, suatu pengumpukan atau suatu persetujuan untuk mengumpukkan syer atau debentur yang dibuat dengan tujuan untuk syer atau debentur itu ditawarkan untuk jualan kepada orang awam boleh menjadi keterangan jika ia menunjukkan—

*(a)* bahawa suatu tawaran bagi syer atau debentur atau bagi mana-mana bahagian syer atau debentur untuk jualan kepada orang awam itu dibuat dalam masa enam bulan selepas pengumpukan atau persetujuan untuk mengumpukkan itu; atau

*(b)* pada tarikh tawaran itu dibuat keseluruhan balasan yang akan diterima oleh perbadanan itu berkenaan dengan syer atau debentur itu telah tidak diterima.

(4) Peruntukan Subpenggal ini yang berhubungan dengan prospektus hendaklah mempunyai kesan seolah-olah orang yang membuat tawaran di bawah seksyen ini ialah orang yang dinamakan dalam prospektus itu sebagai pengarah perbadanan.

(5) Sebagai tambahan kepada kehendak lain dalam Subpenggal ini, dokumen yang membuat tawaran itu hendaklah menyatakan—

*(a)* amaun bersih balasan yang diterima atau yang akan diterima oleh perbadanan itu berkenaan dengan syer atau debentur yang berhubung dengan tawaran itu; dan

*(b)* tempat dan masa yang salinan kontrak yang di bawahnya syer atau debentur itu telah atau akan diumpukkan boleh diperiksa.

(6) Jika suatu tawaran yang berhubung dengan seksyen ini dibuat oleh sesuatu perbadanan atau firma, mencukupi jika dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) ditandatangani bagi pihak perbadanan atau firma itu oleh dua pengarah perbadanan atau oleh tidak kurang daripada setengah anggota firma itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan mana-mana pengarah atau anggota itu boleh memberi kuasa secara bertulis kepada ejennya untuk menandatangani bagi pihaknya.

**Memorandum maklumat disifatkan sebagai prospektus**

**165.** (1) Apa-apa memorandum maklumat yang berupa memerihalkan hal ehwal perniagaan orang yang membuat tawaran yang dikeluarkan oleh orang itu atau ejennya hendaklah disifatkan sebagai prospektus, setakat yang berkaitan dengan liabiliti orang itu atau ejennya, bagi apa-apa pernyataan yang tidak benar atau ketidakzahiran maklumat yang material.

(2) Suatu salinan memorandum yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah diserah simpan dengan Pendaftar dalam masa tujuh hari dari tarikh memorandum itu pertama kali dikeluarkan.

**Prospektus tambahan atau prospektus gantian**

**166.** (1) Seksyen ini terpakai jika, selepas pendaftaran suatu prospektus tetapi sebelum pengeluarannya, orang yang menyerah simpan atau mendaftarkan prospektus itu menyedari bahawa—

*(a)* suatu perkara baru yang signifikan telah wujud yang menjadi suatu perkara, bagi maklumat yang dikehendaki oleh Akta ini untuk dizahirkan dalam prospektus itu;

*(b)* terdapat perubahan yang signifikan yang menyentuh sesuatu perkara yang dizahirkan dalam prospektus itu;

*(c)* prospektus itu mengandungi suatu pernyataan material yang palsu atau mengelirukan; atau

*(d)* terdapat suatu peninggalan yang material daripada prospektus itu.

(2) Selepas menyedari perkara yang disebut dalam subseksyen (1), orang itu hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, menyerah simpan atau mendaftarkan suatu prospektus tambahan atau prospektus gantian dengan Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Suatu prospektus tambahan hendaklah—

*(a)* mengenal pasti dengan jelas prospektus yang berhubung dengan prospektus tambahan itu; dan

*(b)* mengandungi suatu pernyataan dalam cetakan huruf tebal atau berwarna pada setiap muka surat prospektus tambahan itu yang menyatakan bahawa—

(i) prospektus tambahan itu merupakan suatu prospektus tambahan untuk dibaca bersama-sama dengan prospektus asal; dan

(ii) jika prospektus tambahan lain telah dikeluarkan berhubung dengan prospektus asal yang sama, kedua-dua prospektus asal itu dan prospektus tambahan yang terdahulu.

(4) Suatu prospektus tambahan hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada prospektus asal yang berhubung dengan prospektus tambahan itu dan peruntukan di bawah Subpenggal ini mengenai kandungan prospektus dan liabiliti berkenaan dengan pernyataan yang palsu atau mengelirukan dan peninggalan yang material dalam suatu prospektus hendaklah terpakai dan berkuat kuasa sewajarnya.

(5) Jika suatu prospektus tambahan telah didaftarkan dengan Pendaftar di bawah subseksyen (1), tiap-tiap salinan prospektus asal hendaklah dikeluarkan bersama dengan salinan prospektus tambahan itu.

(6) Suatu prospektus gantian hendaklah—

*(a)* mengenal pasti dengan jelas prospektus yang digantikannya;

*(b)* mengandungi suatu pernyataan dalam cetakan huruf tebal atau berwarna pada permulaan prospektus itu yang menyatakan bahawa ia merupakan suatu prospektus gantian; dan

*(c)* dianggap sebagai menggantikan prospektus asal yang didaftarkan terdahulu di bawah seksyen 155.

(7) Walaupun prospektus asal yang berhubung dengan prospektus tambahan atau prospektus gantian itu atau yang menggantikan telah dikeluarkan, suatu prospektus tambahan atau prospektus gantian boleh didaftarkan bagi maksud subseksyen (1) jika—

*(a)* prospektus asal itu berhubung dengan suatu pelawaan atau tawaran yang ditujukan kepada golongan orang yang boleh dikenal pasti yang kepadanya prospektus asal itu disampaikan secara langsung oleh orang yang membuat pelawaan atau tawaran itu atau oleh ejennya yang dilantik, dan salinan prospektus tambahan atau prospektus gantian itu dihantar kepada setiap orang itu mengikut subseksyen (8); atau

*(b)* prospektus asal itu berhubung dengan suatu pelawaan atau tawaran kepada orang awam dan suatu salinan prospektus tambahan atau prospektus gantian itu diiklankan dalam tiap-tiap surat khabar yang pada asalnya mengiklankan pelawaan atau tawaran itu atau yang meminta perhatian kepada pelawaan atau tawaran itu mengikut subseksyen (8).

(8) Bagi maksud subseksyen (7), suatu notis hendaklah—

*(a)* dalam hal perenggan (7)*(a)*, dihantar bersama dengan suatu salinan prospektus tambahan atau prospektus gantian kepada tiap-tiap orang yang disebut dalam subseksyen itu; dan

*(b)* dalam hal perenggan (7)*(b)*, diiklankan bersama dengan prospektus tambahan atau prospektus gantian itu dengan menyatakan bahawa—

(i) suatu salinan prospektus tambahan atau prospektus gantian telah didaftarkan dengan Pendaftar; dan

(ii) tiap-tiap orang yang mengemukakan permohonannya sebelum tarikh notis itu berhak untuk menarik balik permohonannya dalam masa empat belas hari dari tarikh notis itu dan semua wang permohonan yang diterima berkenaan dengan syer atau debentur itu akan dibayar balik sepenuhnya tanpa faedah atau keuntungan.

(9) Mana-mana prospektus tambahan atau prospektus gantian yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 hendaklah diserah simpan dengan Pendaftar dengan serta-merta apabila didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti berserta dengan notis yang menunjukkan prospektus asal yang berhubung dengan atau menggantikan prospektus tambahan atau prospektus gantian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(10) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

**Liabiliti sivil bagi pernyataan silap dalam prospektus**

**167.** (1) Seseorang yang melanggan atau membeli apa-apa syer atau debentur dan menanggung kerugian atau kerosakan akibat mana-mana pernyataan atau maklumat yang terkandung dalam suatu prospektus yang palsu atau mengelirukan atau apa-apa pernyataan atau maklumat yang terkandung dalam prospektus yang daripadanya terdapat suatu peninggalan yang material, boleh mendapatkan balik amaun bagi kerugian atau kerosakan itu daripada mana-mana orang yang berikut:

*(a)* perbadanan itu dan setiap pengarah perbadanan itu pada masa pengeluaran prospektus itu;

*(b)* seseorang yang membenarkan atau menyebabkan dirinya dinamakan dan yang dinamakan dalam prospektus itu sebagai pengarah atau yang telah bersetuju untuk menjadi pengarah, sama ada dengan serta-merta atau selepas suatu lat tempoh;

*(c)* seorang penganjur, bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul daripada prospektus itu atau mana-mana bahagian yang berkaitan dengan prospektus itu yang dia merupakan suatu pihak kepada penyediaan prospektus itu;

*(d)* seseorang yang dinamakan dalam prospektus itu atas persetujuannya sebagai membuat pernyataan yang dimasukkan dalam prospektus itu atau yang padanya pernyataan dalam prospektus itu diasaskan, bagi apa-apa kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pemasukan pernyataan itu ke dalam prospektus; atau

*(e)* seseorang yang membenarkan atau menyebabkan dikeluarkan suatu prospektus yang berlanggaran dengan seksyen 168, bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pelanggaran itu.

(2) Tiada seorang pun boleh bertanggungan di bawah subseksyen (1) jika dia membuktikan bahawa—

*(a)* setelah bersetuju untuk menjadi pengarah perbadanan, dia menarik balik persetujuannya sebelum prospektus itu dikeluarkan dan bahawa prospektus itu telah dikeluarkan tanpa kebenaran atau persetujuannya;

*(b)* prospektus itu telah dikeluarkan tanpa pengetahuan atau persetujuannya dan dia telah memberikan notis yang munasabah kepada orang awam selepas dia menyedari tentang pengeluaran itu;

*(c)* selepas pengeluaran prospektus itu dan sebelum pengumpukan atau penjualan syer atau debentur, dia telah menarik balik persetujuannya selepas dia menyedari akan apa-apa pernyataan yang palsu atau mengelirukan dalam prospektus itu dan memberikan notis yang munasabah kepada orang awam mengenai penarikan balik itu dan sebabnya; atau

*(d)* berhubung dengan tiap-tiap pernyataan yang palsu atau mengelirukan—

(i) dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pernyataan itu adalah benar setakat masa pengumpukan atau penjualan syer atau debentur itu;

(ii) yang berupa suatu pernyataan, atau berasaskan suatu pernyataan, atau terkandung dalam apa yang dikatakan berupa sebagai salinan atau cabutan daripada laporan penilaian seorang pakar, dan dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang yang membuat pernyataan itu adalah pakar dan kompeten untuk membuat pernyataan yang benar setakat masa pengeluaran prospektus itu dan bahawa orang itu telah memberi persetujuan yang dikehendaki di bawah seksyen 160 untuk pengeluaran prospektus itu dan tidak menarik balik persetujuan itu sebelum salinan prospektus itu dihantar serah bagi pendaftaran atau sebelum apa-apa pengumpukan atau penjualan syer atau debentur itu; dan

(iii) yang berupa sebagai pernyataan yang dibuat oleh seorang pegawai atasan atau terkandung dalam apa yang dikatakan sebagai suatu salinan atau cabutan daripada dokumen rasmi awam, pernyataan itu adalah suatu representasi yang betul dan tepat mengenai pernyataan atau salinan atau cabutan daripada dokumen itu.

(3) Subseksyen (2) tidak terpakai dalam hal seseorang yang bertanggungan, oleh sebab dia telah memberikan persetujuan yang dikehendaki olehnya oleh seksyen 160, sebagai orang yang telah membenarkan atau menyebabkan dikeluarkan prospektus itu berkenaan dengan pernyataan yang palsu dan mengelirukan yang dikatakan berupa telah dibuat olehnya sebagai pakar.

(4) Seseorang yang, selain subseksyen ini akan menjadi bertanggungan di bawah subseksyen (1), disebabkan dia telah memberikan persetujuan yang dikehendaki daripadanya oleh seksyen 160 sebagai orang yang telah membenarkan pengeluaran

prospektus berkenaan dengan suatu pernyataan yang palsu atau mengelirukan yang berupa dibuat olehnya sebagai pakar tidak menjadi bertanggungan jika dia membuktikan bahawa—

*(a)* dia menarik balik persetujuannya secara bertulis sebelum salinan prospektus itu diserah simpan dengan Pendaftar;

*(b)* selepas salinan prospektus itu diserah simpan dengan Pendaftar dan sebelum pengumpukan atau penjualan syer atau debentur itu, dia menarik balik secara bertulis persetujuannya selepas menyedari tentang pernyataan yang palsu atau mengelirukan itu dan memberi notis yang munasabah kepada orang awam mengenai penarikan balik itu bersama dengan sebabnya; atau

*(c)* dia adalah kompeten untuk membuat pernyataan itu dan bahawa dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pernyataan itu adalah benar sehingga masa pengumpukan atau penjualan syer atau debentur itu.

(5) Jika—

*(a)* prospektus itu mengandungi nama seseorang sebagai pengarah perbadanan, atau seseorang itu bersetuju tetapi tidak memberikan persetujuannya untuk menjadi pengarah atau telah menarik balik persetujuannya sebelum pengeluaran prospektus itu dan tidak membenarkan atau bersetuju dengan pengeluaran prospektus itu; atau

*(b)* persetujuan seseorang dikehendaki di bawah seksyen 160 untuk pengeluaran prospektus itu dan dia sama ada tidak memberikan persetujuan itu atau menarik balik persetujuan itu sebelum pengeluaran prospektus itu,

pengarah perbadanan itu kecuali pengarah yang tanpa pengetahuan atau persetujuannya prospektus itu dikeluarkan, dan mana-mana orang lain yang membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus itu adalah bertanggungan untuk menanggung rugi orang yang dinamakan itu atau yang persetujuannya dikehendaki bagi semua ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang dia bertanggungan disebabkan namanya telah dimasukkan dalam prospektus itu atau dimasukkan dalam prospektus itu suatu pernyataan yang dikatakan berupa dibuat olehnya, atau dalam membela dirinya terhadap apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang yang dibawa terhadapnya berkenaan dengan prospektus itu.

**Liabiliti jenayah bagi pernyataan silap dalam prospektus**

**168.** (1) Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan pengeluaran suatu prospektus yang mengandungi—

*(a)* apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan; atau

*(b)* suatu peninggalan yang material daripada apa-apa pernyataan atau maklumat.

(2) Bagi maksud seksyen ini, menjadi suatu pembelaan bagi seseorang jika dia membuktikan bahawa—

*(a)* pernyataan atau peninggalan itu adalah tidak material; atau

*(b)* dia telah membuat segala siasatan yang munasabah dalam hal keadaan itu dan selepas membuat apa-apa siasatan, dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai dan terus mempercayai bahawa pernyataan itu adalah benar atau peninggalan itu adalah tidak material setakat masa pengeluaran prospektus itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

**Orang yang tidak dianggap sebagai membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus**

**169.** (1) Bagi maksud Bahagian ini, Pendaftar tidak boleh dianggap sebagai terlibat dalam penyediaan sesuatu prospektus atau membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus itu bagi apa-apa sebab termasuklah apabila dia melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud seksyen 167 dan 168, seseorang tidak boleh disifatkan sebagai membenarkan atau menyebabkan dikeluarkan sesuatu prospektus hanya oleh sebab—

*(a)* dia telah memberikan persetujuan yang dikehendaki di bawah seksyen 160; dan

*(b)* namanya dimasukkan dalam prospektus itu sebagai pemegang amanah bagi pemegang debentur, juruaudit, jurubank, peguam bela dan peguam cara atau broker saham atau syer.

**Perintah berhenti**

**170.** (1) Jika prospektus telah didaftarkan oleh Pendaftar dan Pendaftar berpendapat bahawa prospektus itu ialah—

*(a)* suatu prospektus yang tidak mematuhi atau tidak disediakan mengikut mana-mana peruntukan Akta ini;

*(b)* suatu prospektus yang mengandungi pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan;

*(c)* suatu prospektus yang mengandungi pernyataan atau maklumat yang daripadanya terdapat suatu peninggalan yang material; atau

*(d)* perbadanan itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini,

Pendaftar boleh, melalui perintah berhenti secara bertulis menyampaikan kepada perbadanan atau mana-mana orang lain yang ditentukan oleh Pendaftar, mengarahkan perbadanan atau mana-mana orang lain itu untuk tidak mengumpukkan, mengeluarkan, menawarkan, membuat suatu pelawaan untuk melanggan bagi atau membeli atau menjual, syer atau debentur seterusnya yang berhubung dengan prospektus itu, mengikut kehendak keadaan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3) dan (4), Pendaftar tidak boleh membuat perintah berhenti di bawah subseksyen (1) melainkan jika Pendaftar telah memberikan suatu peluang yang munasabah untuk didengar kepada mana-mana orang yang terjejas tentang sama ada perintah berhenti itu boleh dibuat.

(3) Jika Pendaftar berpendapat dengan memberikan peluang untuk didengar akan menyebabkan kelengahan yang akan menjejaskan kepentingan awam, Pendaftar boleh membuat suatu perintah berhenti interim tanpa memberikan peluang untuk didengar.

(4) Perintah berhenti interim di bawah subseksyen (3) hendaklah, melainkan jika dibatalkan terdahulu, berkuat kuasa sehingga berakhirnya tempoh dua puluh satu hari dari hari perintah berhenti interim itu dibuat atau keputusan pendengaran dalam subseksyen (2), mengikut mana-mana tarikh yang terkemudian.

(5) Semasa perintah berhenti yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau perintah berhenti interim yang dibuat di bawah subseksyen (3) berkuat kuasa, Bahagian ini hendaklah terpakai seolah-olah prospektus itu tidak pernah didaftarkan.

(6) Perintah berhenti interim di bawah subseksyen (3) boleh dibatalkan secara bertulis jika Pendaftar berpuas hati bahawa hal keadaan yang berbangkit daripada pembuatan perintah itu tidak lagi wujud.

(7) Jika permohonan untuk melanggan bagi atau membeli syer atau debentur yang berhubung dengan prospektus itu telah dibuat sebelum perintah berhenti dibuat di bawah subseksyen (1)—

*(a)* jika syer atau debentur itu tidak dikeluarkan kepada pemohon—

(i) permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik dan dibatalkan dan perbadanan itu atau mana-mana orang lain yang menerima wang itu hendaklah dengan serta-merta membayar balik semua wang yang diterima daripada pemohon tanpa faedah atau pulangan; dan

(ii) jika wang itu tidak dibayar balik dalam masa empat belas hari dari perintah berhenti itu, perbadanan itu hendaklah bertanggungan untuk membayar balik apa-apa wang itu dengan faedah pada kadar sepuluh peratus setahun atau pada apa-apa kadar lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dari habis tempoh empat belas hari itu; atau

*(b)* jika syer atau debentur telah dikeluarkan kepada pemohon, keluaran syer dan debentur itu hendaklah disifatkan terbatal dan perbadanan atau mana-mana orang lain itu hendaklah—

(i) dengan serta-merta membayar balik tanpa faedah semua wang yang diterima daripada pemohon dan jika apa-apa wang itu tidak dibayar balik dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian perintah berhenti itu, perbadanan hendaklah bertanggungan untuk membayar balik apa-apa wang itu dengan faedah atau pulangan pada kadar sepuluh peratus setahun atau pada apa-apa kadar lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dari habis tempoh empat belas hari itu; dan

(ii) mengambil langkah yang perlu untuk menguatkuasakan perintah berhenti itu.

(8) Mana-mana orang yang melanggar perintah berhenti yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau perintah berhenti interim yang dibuat di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

Subpenggal 10

Debentur

**Pemakaian Subpenggal 10**

**171.** (1) Melainkan jika dinyatakan selainnya dalam Akta ini, Subpenggal ini hendaklah terpakai bagi suatu tawaran yang dibuat kepada orang awam, termasuklah tawaran yang dibuat kepada mana-mana golongan orang awam walau bagaimana jua dipilih, berkenaan dengan—

*(a)* tawaran atau pelawaan berkenaan dengan syer atau debentur yang dibuat oleh kelab rekreasi tidak tersenarai; dan

*(b)* tawaran atau pelawaan untuk mendepositkan wang atau memberi pinjaman wang kepada perbadanan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 158.

(2) Subpenggal ini tidak terpakai bagi suatu tawaran atau pelawaan untuk melanggan atau membeli apa-apa sekuriti perbadanan, termasuklah apa-apa tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

**Pelaksanaan spesifik kontrak**

**172.** Sesuatu kontrak yang dibuat dengan suatu syarikat untuk mengambil dan membayar apa-apa debentur syarikat boleh dikuatkuasakan oleh suatu perintah Mahkamah bagi pelaksanaan spesifik.

**Debentur kekal**

**173.** Walau apa pun mana-mana undang-undang yang lain, sesuatu syarat yang terkandung dalam suatu debentur atau dalam suatu surat ikatan amanah bagi mendapatkan debentur, sama ada debentur atau surat ikatan amanah itu dikeluarkan atau dibuat sebelum atau selepas permulaan kuat kuasa Akta ini tidak menjadi tidak sah oleh sebab debentur itu dijadikan tidak boleh ditebus atau boleh ditebus hanya apabila berlakunya kontingensi walau bagaimana jauh sekalipun atau apabila habisnya sesuatu tempoh walau bagaimana lama sekalipun.

**Kuasa untuk mengeluarkan semula debentur telah ditebus**

**174.** (1) Suatu syarikat boleh mengeluarkan semula debentur yang telah ditebus sama ada dengan mengeluarkan semula debentur yang sama atau mengeluarkan debentur baharu bagi menggantikan debentur yang telah ditebus itu, melainkan jika—

*(a)* diperuntukkan selainnya, secara nyata atau tersirat dalam perlembagaan atau dalam mana-mana kontrak yang dibuat oleh syarikat itu; atau

*(b)* syarikat itu telah menyatakan niatnya supaya debentur itu dibatalkan dengan meluluskan suatu ketetapan bagi maksud itu atau melalui apa-apa tindakan lain.

(2) Jika debentur telah ditebus dikeluarkan semula, orang yang berhak terhadap debentur itu hendaklah mempunyai dan hendaklah disifatkan sentiasa mempunyai keutamaan yang sama seolah-olah debentur itu tidak pernah ditebus.

**Mendeposit debentur untuk mendapatkan pendahuluan**

**175.** Jika syarikat telah mendepositkan mana-mana debenturnya untuk mendapatkan pendahuluan atas akaun semasa atau selainnya, debentur itu tidak dikira sebagai telah ditebus hanya oleh sebab akaun syarikat terhenti menjadi debit semasa debentur terus didepositkan sedemikian.

**Kelayakan pemegang amanah bagi pemegang debentur**

**176.** (1) Tiap-tiap perbadanan peminjam yang menawarkan debentur kepada orang awam bagi langganan atau pembelian di Malaysia hendaklah membuat peruntukan bagi pelantikan suatu perbadanan pemegang amanah sebagai pemegang amanah bagi pemegang debentur dalam apa-apa debentur atau dalam surat ikatan amanah yang berhubungan dengan debentur.

(2) Jika perbadanan peminjam dikehendaki untuk melantik seorang pemegang amanah bagi pemegang debentur mengikut subseksyen (1), perbadanan peminjam itu tidak boleh mengumpukkan mana-mana debentur itu sehingga pelantikan telah dibuat dan perbadanan pemegang amanah itu telah memberikan persetujuan untuk bertindak sebagai pemegang amanah.

(3) Perbadanan pemegang amanah tidak boleh dilantik, memegang jawatan atau bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang debentur sesuatu perbadanan peminjam tanpa keizinan Mahkamah jika perbadanan pemegang amanah itu ialah—

*(a)* pemegang syer yang memegang syer secara benefisial dalam perbadanan peminjam itu;

*(b)* berhak secara benefisial terhadap wang yang dihutang oleh perbadanan peminjam itu kepada perbadanan pemegang amanah;

*(c)* suatu perbadanan yang telah membuat suatu jaminan berkenaan dengan hutang pokok yang dicagar dengan debentur itu atau berkenaan dengan hutang pokok itu; atau

*(d)* suatu perbadanan yang di bawah seksyen 7 disifatkan berkaitan dengan—

(i) mana-mana perbadanan daripada jenis yang disebut dalam perenggan *(a)*, *(b)* dan *(c)*; atau

(ii) perbadanan peminjam itu.

(4) Subseksyen (3) tidak menghalang sesuatu perbadanan pemegang amanah daripada dilantik, memegang jawatan atau bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang debentur suatu perbadanan peminjam hanya oleh sebab—

*(a)* perbadanan peminjam itu berhutang dengan perbadanan pemegang amanah itu atau suatu perbadanan yang disifatkan menurut kuasa seksyen 7 sebagai berkaitan dengan perbadanan pemegang amanah itu apa-apa wang selagi wang itu ialah—

(i) wang, kecuali wang yang disebut dalam subperenggan (ii) dan (iii), yang tidak melebihi sepuluh peratus daripada amaun debentur yang dicadangkan untuk ditawarkan kepada orang awam pada masa pelantikan atau dalam tempoh tiga bulan selepas debentur itu ditawarkan kali pertama kepada orang awam, dan yang tidak melebihi sepuluh peratus amaun yang dihutang oleh perbadanan peminjam itu dengan pemegang debentur pada bila-bila masa selepas habisnya tempoh itu;

(ii) wang yang didapatkan hanya melalui suatu gadai janji yang pertama dibuat ke atas tanah perbadanan peminjam itu, atau oleh apa-apa debentur yang dikeluarkan oleh perbadanan peminjam itu kepada orang awam atau oleh mana-mana debentur yang tidak dikeluarkan kepada orang awam yang dikeluarkan di bawah surat ikatan amanah yang sama yang mewujudkan debentur lain yang dikeluarkan pada bila-bila masa oleh perbadanan

peminjam itu kepada orang awam atau oleh mana-mana debentur yang kepadanya perbadanan peminjam, atau suatu perbadanan yang disifatkan berkaitan dengan perbadanan pemegang amanah itu yang tidak berhak secara benefisial menurut kuasa seksyen 7; atau

(iii) wang yang kepadanya perbadanan pemegang amanah, atau suatu perbadanan yang layak untuk dilantik sebagai pemegang amanah bagi pemegang debentur perbadanan peminjam mengikut terma debentur atau surat ikatan amanah yang berkaitan menurut kuasa seksyen 7 disifatkan berkaitan dengan perbadanan pemegang amanah itu; atau

*(b)* perbadanan pemegang amanah itu, atau suatu perbadanan yang disifatkan sebagai pemegang syer bagi perbadanan peminjam itu berkenaan dengan syer yang dipegang secara benefisial oleh perbadanan pemegang amanah itu menurut kuasa seksyen 7 berkaitan dengan perbadanan pemegang amanah itu selagi syer dalam perbadanan peminjam itu yang dipegang secara benefisial oleh perbadanan pemegang amanah dan oleh semua perbadanan lain yang disifatkan berhubung dengan perbadanan peminjam itu menurut kuasa seksyen 7 tidak mempunyai hak untuk menjalankan lebih daripada lima peratus kuasa mengundi pada mana-mana mesyuarat agung perbadanan peminjam itu.

(5) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (3) boleh—

*(a)* menjejaskan kuat kuasa mana-mana debentur atau surat ikatan amanah yang dikeluarkan atau disempurnakan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini; atau

*(b)* terpakai bagi atau berhubung dengan pemegang amanah bagi pemegang mana-mana debentur itu,

melainkan jika di bawah mana-mana debentur atau surat ikatan amanah sedemikian suatu tawaran debentur selanjutnya telah dibuat kepada orang awam selepas permulaan kuat kuasa Akta ini.

(6) Perbadanan dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kewajipan pemegang amanah**

**177.** (1) Pemegang amanah bagi pemegang debentur hendaklah—

*(a)* menjalankan usaha yang munasabah untuk menentukan sama ada atau tidak aset perbadanan peminjam dan aset setiap perbadanan penjaminnya yang ada atau yang mungkin ada sama ada melalui jaminan atau selainnya mencukupi atau mungkin mencukupi untuk melepaskan hutang pokok jika dan apabila ia kena dibayar;

*(b)* memastikan bahawa setiap prospektus yang berhubungan dengan debentur itu tidak mengandungi apa-apa perkara yang tidak selaras dengan terma debentur itu atau dengan surat ikatan amanah yang berkaitan;

*(c)* memastikan bahawa perbadanan peminjam mematuhi kehendak Subpenggal 1 Penggal 7 Bahagian III setakat yang Subpenggal itu berkaitan dengan dan terpakai bagi debentur itu;

*(d)* menjalankan usaha yang munasabah untuk menentukan sama ada perbadanan peminjam dan setiap perbadanan penjaminnya telah melakukan apa-apa pelanggaran waad, terma dan peruntukan mengenai debentur atau surat ikatan amanah atau tidak;

*(e)* mengambil segala langkah dan melakukan segala perkara yang pemegang amanah bagi pemegang debentur itu diberi kuasa untuk melakukannya bagi membolehkan perbadanan peminjam itu dan mana-mana perbadanan penjaminnya meremedi apa-apa pelanggaran waad, terma dan peruntukan itu, kecuali jika ia berpuas hati bahawa pelanggaran itu tidak akan memudaratkan secara material jaminan, jika ada, bagi debentur itu atau kepentingan pemegang debentur;

*(f)* jika perbadanan peminjam itu atau mana-mana perbadanan penjaminnya gagal untuk meremedi apa-apa pelanggaran waad, terma dan peruntukan mengenai debentur atau surat ikatan amanah jika dikehendaki sedemikian oleh pemegang amanah, pemegang amanah itu boleh membentangkan perkara itu di hadapan mesyuarat pemegang debentur, dengan mengemukakan apa-apa cadangan bagi melindungi pelaburan pemegang debentur sebagaimana yang difikirkan perlu atau sesuai oleh pemegang amanah dan mendapatkan arahan daripada pemegang debentur berhubung dengan pelaburan itu; dan

*(g)* jika perbadanan peminjam itu mengemukakan kepada pemegang debentur suatu kompromi atau perkiraan, memberikan kepada pemegang debentur itu suatu pernyataan bagi menjelaskan kesan kompromi atau perkiraan itu dan, jika difikirkan patut oleh pemegang amanah, mengesyorkan kepada pemegang debentur itu suatu urusan tindakan yang sesuai untuk diambil oleh pemegang debentur itu berhubung dengan kompromi atau perkiraan itu.

(2) Jika, selepas siasatan yang sewajarnya, pemegang amanah berpendapat bahawa aset perbadanan peminjam dan mana-mana perbadanan penjaminnya yang ada sama ada melalui jaminan atau selainnya tidak mencukupi atau berkemungkinan tidak mencukupi untuk melepaskan hutang pokoknya jika dan apabila hutang itu kena dibayar, pemegang amanah itu boleh memohon kepada Menteri untuk mendapatkan suatu perintah di bawah subseksyen ini.

(3) Atas suatu permohonan yang disebut dalam subseksyen (2), selepas memberikan perbadanan peminjam itu suatu peluang untuk membuat representasi berhubung dengan permohonan itu, Menteri, melalui perintah secara bertulis—

*(a)* boleh menyampaikan kepada perbadanan itu di pejabat berdaftarnya di Malaysia dan mengenakan apa-apa sekatan ke atas aktiviti perbadanan itu, termasuk sekatan ke atas pengiklanan bagi deposit atau pinjaman dan atas peminjaman oleh perbadanan itu yang difikirkan perlu oleh Menteri bagi melindungi kepentingan pemegang debentur; atau

*(b)* boleh mengarahkan pemegang amanah untuk memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah di bawah subseksyen (4) dan jika perbadanan peminjam menghendaki pemegang amanah itu untuk berbuat sedemikian, Menteri boleh mengarahkan pemegang amanah itu untuk membuat permohonan sewajarnya.

(4) Jika—

*(a)* selepas siasatan yang sewajarnya, pemegang amanah itu pada bila-bila masa berpendapat bahawa aset perbadanan peminjam dan mana-mana perbadanan penjaminnya yang ada atau yang sepatutnya ada sama ada melalui jaminan atau selainnya tidak mencukupi atau berkemungkinan tidak mencukupi untuk melepaskan hutang pokoknya jika dan apabila hutang pokok itu kena dibayar; atau

*(b)* perbadanan itu melanggar atau tidak mematuhi suatu perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen (3),

pemegang amanah itu boleh, dan jika perbadanan peminjam menghendaki pemegang amanah itu untuk berbuat demikian, pemegang amanah itu hendaklah memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah di bawah subseksyen (5).

(5) Jika permohonan itu dibuat kepada Mahkamah di bawah subseksyen (3) atau (4), Mahkamah boleh, melalui perintah, selepas memberikan perbadanan peminjam itu peluang untuk didengar, membuat semua atau mana-mana yang berikut:

*(a)* mengarahkan pemegang amanah—

(i) untuk mengadakan mesyuarat pemegang debentur bagi maksud membentangkan di hadapan pemegang debentur apa-apa maklumat yang berhubungan dengan kepentingan dan cadangan untuk melindungi pemegang debentur yang difikirkan perlu atau sesuai oleh pemegang amanah itu;

(ii) untuk mendapatkan arahan pemegang debentur berhubung dengan kepentingan dan cadangan untuk melindungi pemegang debentur; dan

(iii) untuk memberikan apa-apa arahan berhubung dengan penjalanan mesyuarat yang difikirkan patut oleh Mahkamah;

*(b)* menggantung semua atau mana-mana tindakan atau prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah oleh atau terhadap perbadanan peminjam;

*(c)* menyekat pembayaran apa-apa wang oleh perbadanan peminjam kepada pemegang debentur perbadanan itu atau kepada apa-apa golongan pemegang debentur itu;

*(d)* melantik seorang penerima atau penerima dan pengurus bagi apa-apa harta yang merupakan jaminan, jika ada, bagi debentur itu; dan

*(e)* memberikan arahan lanjut kepada anggota perbadanan peminjam itu atau mana-mana perbadanan penjaminnya atau orang awam sebagaimana yang perlu untuk melindungi kepentingan pemegang debentur.

(6) Mahkamah hendaklah menimbangkan hak semua pemiutang perbadanan peminjam apabila membuat perintah itu dan boleh mengubah atau membatalkan mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (5) yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(7) Semasa membuat suatu permohonan kepada Menteri di bawah subseksyen (2) atau (3) atau kepada Mahkamah di bawah subseksyen (4), pemegang amanah hendaklah—

*(a)* mengambil kira sifat dan jenis jaminan yang diberikan apabila debentur ditawarkan kepada orang awam; dan

*(b)* jika jaminan tidak diberikan, menimbangkan kedudukan pemegang debentur sebagai pemiutang tidak bercagar perbadanan peminjam itu.

(8) Pemegang amanah boleh bergantung pada apa-apa perakuan atau laporan yang diberikan atau pernyataan yang dibuat oleh mana-mana peguam bela, juruaudit atau pegawai perbadanan peminjam atau perbadanan penjamin jika pemegang amanah itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa peguam bela, juruaudit atau pegawai itu adalah berwibawa untuk memberikan atau membuat perakuan, laporan atau pernyataan itu.

**Persaraan pemegang amanah**

**178.** (1) Walau apapun apa-apa yang terkandung dalam mana-mana Akta atau dalam debentur atau surat ikatan amanah yang berkaitan, pemegang amanah bagi pemegang debentur tidak terhenti menjadi pemegang amanah sehingga suatu perbadanan yang layak di bawah seksyen 176 bagi pelantikan sebagai pemegang amanah bagi pemegang debentur telah dilantik dan telah memegang jawatan itu.

(2) Jika—

*(a)* suatu peruntukan telah dibuat dalam debentur atau surat ikatan amanah yang berkaitan bagi pelantikan pengganti pemegang amanah bagi pemegang debentur atas persaraannya, pengganti itu boleh dilantik mengikut seksyen 176; atau

*(b)* tiada peruntukan telah dibuat dalam debentur atau dalam surat ikatan amanah yang berkaitan bagi pelantikan pengganti bagi pemegang amanah yang bersara, perbadanan peminjam boleh melantik seorang pengganti yang layak untuk dilantik di bawah seksyen 176.

(3) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini atau dalam mana-mana debentur atau surat ikatan amanah, sesuatu perbadanan peminjam boleh, dengan persetujuan pemegang amanah yang sedia ada bagi pemegang debentur itu, melantik mana-mana perbadanan yang layak untuk dilantik di bawah seksyen 176 dan yang disifatkan menurut kuasa seksyen 7 sebagai berkaitan dengan pemegang amanah yang sedia ada sebagai pengganti kepada pemegang amanah yang sedia ada itu.

(4) Jika pemegang amanah bagi pemegang debentur itu telah terhenti wujud atau terhenti menjadi layak di bawah seksyen 176 atau gagal atau enggan untuk bertindak atau dihilangkan kelayakan di bawah seksyen itu, Mahkamah boleh, atas permohonan perbadanan peminjam atau pemegang amanah bagi pemegang debentur itu atau mana-mana pemegang debentur atau Menteri, melantik mana-mana perbadanan yang layak di bawah seksyen 176 menjadi pemegang amanah bagi menggantikan pemegang amanah yang disifatkan terhenti wujud itu atau terhenti menjadi layak atau yang gagal atau enggan untuk bertindak sebagai pemegang amanah atau yang dihilangkan kelayakannya.

(5) Jika pengganti dilantik sebagai pemegang amanah bagi menggantikan mana-mana pemegang amanah, pengganti itu hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu notis dalam masa tiga puluh hari dari pelantikan itu mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

(6) Pengganti yang melanggar subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kandungan surat ikatan amanah**

**179.** (1) Jika suatu perbadanan menawarkan debentur kepada orang awam bagi langganan di Malaysia, debentur atau surat ikatan amanah yang berkaitan hendaklah mengandungi had amaun yang boleh dipinjam oleh perbadanan peminjam itu dan hendaklah mengandungi waad oleh perbadanan peminjam itu yang hendaklah mempunyai kesan yang berikut:

*(a)* perbadanan peminjam itu hendaklah menggunakan usahanya dengan bersungguh-sungguh untuk mengendalikan dan menjalankan perniagaannnya mengikut cara yang sepatutnya dan berkesan;

*(b)* setakat yang sama seolah-olah pemegang amanah bagi pemegang debentur itu atau mana-mana juruaudit syarikat yang diluluskan yang dilantik oleh pemegang amanah itu merupakan pengarah perbadanan, perbadanan peminjam itu hendaklah—

(i) menjadikan tersedia bagi pemeriksaan semua rekod perakaunan atau rekod lain perbadanan peminjam itu; dan

(ii) memberikan kepada perbadanan peminjam apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh perbadanan peminjam itu berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan rekod perakaunan atau rekod lain perbadanan peminjam itu; dan

*(c)* atas permohonan orang yang memegang tidak kurang daripada sepuluh peratus nilai debentur keluaran yang berhubung dengan waad itu yang dihantar serah ke pejabat berdaftarnya, perbadanan peminjam itu hendaklah—

(i) memanggil suatu mesyuarat pemegang debentur bagi menimbangkan akaun dan kunci kira-kira yang terakhir diserah simpan dengan pemegang amanah bagi pemegang debentur itu oleh perbadanan peminjam itu; dan

(ii) memberikan kepada pemegang amanah itu arahan berhubung dengan penjalanan kuasa pemegang amanah, apa-apa mesyuarat yang hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis serta iklan itu dengan dipengerusikan oleh seorang yang dinamakan oleh pemegang amanah itu atau mana-mana orang lain yang dilantik bagi pihaknya oleh pemegang debentur yang hadir pada mesyuarat itu.

(2) Notis mesyuarat yang disebut dalam perenggan (1)*(c)* hendaklah—

*(a)* diberikan kepada setiap pemegang debentur, selain debentur yang kena dibayar kepada pembawa, di alamatnya yang dinyatakan dalam daftar debentur; dan

*(b)* melalui suatu iklan dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris yang ditujukan kepada semua pemegang debentur itu.

(3) Jika debentur atau surat ikatan amanah tidak secara nyata mengandungi waad oleh perbadanan peminjam, debentur atau surat ikatan amanah itu hendaklah disifatkan mengandungi waad yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Perbadanan dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.

**Kuasa Mahkamah berhubung dengan debentur tidak boleh ditebus yang tertentu**

**180.** (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana debentur atau surat ikatan amanah, jaminan bagi apa-apa debentur yang tidak boleh ditebus atau boleh ditebus hanya pada masa berlakunya kontingensi hendaklah, jika Mahkamah memerintahkan sedemikian, dikuatkuasakan, dengan serta-merta atau pada bila-bila masa yang lain yang diarahkan oleh Mahkamah.

(2) Dalam membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), atas permohonan pemegang amanah bagi pemegang debentur atau jika tiada pemegang amanah, oleh pemegang mana-mana debentur, Mahkamah berpuas hati bahawa—

*(a)* pada masa pengeluaran debentur aset perbadanan yang menjadi atau yang dicadangkan untuk menjadi jaminan baginya adalah mencukupi atau mungkin mencukupi untuk melepaskan hutang pokok dan apa-apa faedah ke atas hutang itu;

*(b)* jaminan itu, jika direalisasikan di bawah hal keadaan yang wujud pada masa permohonan itu, akan berkemungkinan membawa tidak lebih daripada enam puluh peratus jumlah wang pokok yang belum dijelaskan dengan mengambil kira semua bayaran terdahulu dan bayaran yang berperingkat sama rata, jika ada; dan

*(c)* aset yang diliputi oleh jaminan itu, atas penilaian yang saksama berasaskan usaha yang berterusan selepas membenarkan suatu amaun yang munasabah bagi susut nilai yang bernilai kurang daripada jumlah wang pokok dan perbadanan peminjam itu tidak memperoleh keuntungan yang mencukupi untuk membayar faedah yang kena dibayar atas wang pokok itu atau jika tiada kadar faedah yang ditentukan kena dibayar, faedah ke atas jumlah itu pada apa-apa kadar yang dianggap oleh Mahkamah sebagai kadar yang saksama untuk dijangkakan daripada pelaburan yang sama.

(3) Subseksyen (1) tidak menjejaskan apa-apa kuasa untuk mengubah hak atau menerima apa-apa kompromi atau perkiraan yang diwujudkan oleh terma debentur atau surat ikatan amanah yang berkenaan atau mengikut suatu kompromi atau perkiraan antara perbadanan peminjam dengan pemiutang.

**Kuasa pemegang amanah untuk memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan arahan, dsb.**

**181.** (1) Pemegang amanah bagi pemegang debentur boleh memohon kepada Mahkamah—

*(a)* untuk mendapatkan arahan berhubung dengan apa-apa perkara yang berbangkit berkaitan dengan pelaksanaan fungsi pemegang amanah; atau

*(b)* untuk menentukan apa-apa soalan berhubung dengan kepentingan pemegang debentur.

(2) Atas permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), Mahkamah boleh—

*(a)* memberi apa-apa arahan kepada pemegang amanah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah;

*(b)* menyetujui secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan permohonan itu atas apa-apa terma dan syarat jika Mahkamah berpuas hati bahawa penentuan soalan itu adil dan bermanfaat atau membuat apa-apa perintah lain yang difikirkan adil oleh Mahkamah; atau

*(c)* memerintahkan suatu mesyuarat bagi semua atau mana-mana pemegang debentur dipanggil untuk menimbangkan apa-apa perkara yang melibatkan pemegang debentur itu dan untuk menasihati pemegang amanah mengenai perkara yang berkenaan dan untuk memberikan apa-apa arahan sampingan atau berbangkit yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(3) Mesyuarat yang disebut dalam perenggan (2)*(c)* hendaklah diadakan dan dijalankan mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Mahkamah yang dipengerusikan oleh seorang yang dinamakan oleh pemegang amanah atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh mesyuarat.

**Obligasi perbadanan peminjam**

**182.** (1) Jika ada pemegang amanah bagi pemegang debentur suatu perbadanan peminjam, pengarah perbadanan peminjam itu hendaklah menyediakan suatu laporan—

*(a)* pada akhir suatu tempoh yang tidak melebihi tiga bulan yang berakhir pada hari, tidak lewat daripada enam bulan selepas tarikh prospektus yang berkaitan yang pemegang amanah itu dikehendaki untuk memberitahu perbadanan peminjam itu secara bertulis; dan

*(b)* pada akhir setiap tempoh yang berikutnya selepas itu, iaitu suatu tempoh selama tiga bulan atau apa-apa tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang pemegang amanah itu boleh, dalam apa-apa hal keadaan khas benarkan.

(2) Laporan yang berhubungan dengan tempoh yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mematuhi subseksyen (3) dan suatu salinan laporan itu hendaklah diserah simpan dengan Pendaftar dan pemegang amanah dalam masa tiga puluh hari selepas berakhirnya setiap tempoh itu.

(3) Laporan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah ditandatangani oleh tidak kurang daripada dua pengarah perbadanan peminjam dan hendaklah menyatakan dengan terperinci apa-apa perkara yang menjejaskan jaminan atau kepentingan pemegang debentur seperti yang berikut:

*(a)* sama ada had amaun yang boleh dipinjam oleh perbadanan itu telah melebihi had atau tidak;

*(b)* sama ada atau tidak perbadanan peminjam itu dan setiap perbadanan penjaminnya telah mematuhi dan melaksanakan semua waad dan peruntukan yang mengikat perbadanan peminjam itu dan setiap perbadanan penjaminnya masing-masing di bawah debentur atau mana-mana surat ikatan amanah;

*(c)* sama ada atau tidak telah berlaku apa-apa kejadian yang menyebabkan atau boleh menyebabkan debentur atau mana-mana peruntukan surat ikatan amanah yang berkaitan boleh dikuatkuasakan dan jika berlaku sedemikian, butir-butir mengenai kejadian itu;

*(d)* sama ada atau tidak apa-apa hal keadaan yang memudaratkan perbadanan peminjam, subsidiarinya atau perbadanan penjaminnya atau mana-mana perbadanan, subsidiarinya atau perbadanan penjaminnya telah berlaku yang memudaratkan secara material apa-apa jaminan atau gadaian yang dimasukkan dalam atau diwujudkan oleh debentur itu atau mana-mana surat ikatan amanah dan jika berlaku sedemikian, butir-butir mengenai hal keadaan itu;

*(e)* sama ada atau tidak telah berlaku perubahan yang besar kepada jenis perniagaan perbadanan peminjam itu atau mana-mana subsidiarinya atau mana-mana perbadanan penjaminnya sejak debentur itu pertama kali dikeluarkan kepada orang awam yang tidak dilaporkan sebelumnya sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen ini dan jika berlaku sedemikian, butir-butir mengenai perubahan itu; dan

*(f)* jika perbadanan peminjam telah mendepositkan wang dengan atau memberi pinjaman wang kepada atau mengambil alih apa-apa liabiliti suatu perbadanan yang disifatkan berkaitan dengan perbadanan peminjam itu di bawah seksyen 7, butir-butir mengenai—

(i) jumlah amaun yang didepositkan atau dipinjam dan takat apa-apa liabiliti yang diambil alih itu dalam tempoh yang terangkum dalam laporan itu; dan

(ii) jumlah amaun yang terhutang dengan perbadanan peminjam itu berkenaan dengan wang yang didepositkan atau dipinjam dan takat apa-apa liabiliti yang diambil alih itu pada akhir tempoh yang terangkum dalam laporan itu,

dengan membezakan antara deposit bercagar dengan tidak bercagar, pinjaman dan pengambilalihan liabiliti.

(4) Wang yang disebut dalam perenggan (3)*(f)* tidak termasuk apa-apa deposit bagi atau pinjaman kepada atau apa-apa liabiliti yang diambil alih bagi pihak suatu perbadanan jika perbadanan itu telah menjamin pembayaran balik debentur perbadanan peminjam itu dan telah mendapat jaminan itu melalui suatu cagaran ke atas asetnya bagi faedah pemegang amanah bagi pemegang debentur perbadanan peminjam itu.

(5) Jika ada pemegang amanah bagi pemegang debentur, perbadanan peminjam dan setiap perbadanan penjaminnya yang telah menjamin pembayaran balik wang yang didapatkan melalui pengeluaran debentur itu hendaklah memberikan kepada pemegang amanah itu—

*(a)* dalam masa dua puluh satu hari selepas pewujudan mana-mana cagaran oleh perbadanan atau perbadanan penjamin itu, mengikut kehendak keadaan, butir-butir mengenai apa-apa cagaran yang diwujudkan itu, sama ada atau tidak apa-apa tuntutan bagi pembayaran telah dibuat; dan

*(b)* jika amaun untuk didahulukan atas jaminan bagi cagaran itu tidak dapat ditentukan—

(i) dalam masa tujuh hari dari mana-mana pendahuluan yang dibuat, butir-butir mengenai amaun yang didahulukan itu; atau

(ii) jika pendahuluan digabungkan dalam suatu akaun semasa dengan jurubank atau pemiutang dagangan, sekali dalam tiap-tiap tiga bulan, butir-butir amaun bersih yang belum dijelaskan berkenaan dengan apa-apa pendahuluan yang dibuat itu.

(6) Pengarah tiap-tiap perbadanan peminjam dan pengarah tiap-tiap perbadanan penjamin hendaklah menyebabkan supaya disediakan suatu penyata kewangan bagi tempoh dari berakhirnya tahun kewangan itu sehingga habisnya tempoh enam bulan selepas tahun kewangan itu berakhir dan diserah simpan dengan Pendaftar dan pemegang amanah bagi pemegang debentur, jika ada, pada tarikh yang tidak lewat daripada sembilan bulan selepas habisnya tempoh setiap tahun kewangan perbadanan itu.

(7) Seksyen 249, 250, 252 dan subseksyen 266(1), (2) dan (6) hendaklah, dengan apa-apa ubah suaian yang perlu, terpakai bagi tiap-tiap penyata kewangan yang disediakan dan diserah simpan di bawah subseksyen (6) seolah-olah penyata kewangan itu ialah penyata kewangan yang disebut dalam subseksyen itu.

(8) Jika pengarah perbadanan peminjam tidak menyerah simpan dengan pemegang amanah bagi pemegang debentur suatu laporan yang dikehendaki oleh subseksyen (1) atau jika pengarah perbadanan peminjam atau pengarah perbadanan penjamin tidak menyerah simpan dengan pemegang amanah suatu penyata kewangan dan laporan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (6) dalam masa yang ditetapkan, pemegang amanah itu hendaklah dengan serta-merta menyerah simpan notis mengenai hakikat itu dengan Pendaftar.

(9) Mana-mana pengarah perbadanan peminjam yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(10) Mana-mana pengarah perbadanan peminjam atau perbadanan penjamin yang melanggar subseksyen (2) atau (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Obligasi perbadanan penjamin untuk memberikan maklumat**

**183.** (1) Bagi maksud penyediaan laporan yang dikehendaki oleh Akta ini untuk ditandatangani oleh atau bagi pihak pengarah suatu perbadanan peminjam atau mana-mana pengarah perbadanan peminjam itu, perbadanan boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana perbadanan penjaminnya untuk memberikan kepada perbadanan itu apa-apa maklumat yang berhubungan dengan perbadanan penjamin itu yang dikehendaki supaya dikandungkan dalam laporan itu.

(2) Perbadanan penjamin itu hendaklah memberikan maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) kepada perbadanan peminjam tidak lewat daripada empat belas hari dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Perbadanan dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pinjaman dan deposit hendaklah dibayar balik dengan segera dalam keadaan tertentu**

**184.** (1) Jika dalam mana-mana prospektus yang dikeluarkan berkaitan dengan suatu pelawaan kepada orang awam untuk melanggan atau membeli debentur suatu perbadanan terdapat pernyataan mengenai apa-apa maksud atau projek tertentu yang baginya wang diterima oleh perbadanan itu sebagai sambutan kepada pelawaan itu hendaklah digunakan, perbadanan itu hendaklah membuat laporan berkala kepada pemegang amanah bagi pemegang debentur itu mengenai kemajuan yang telah dibuat bagi mencapai maksud itu atau menyiapkan projek itu.

(2) Setiap laporan itu hendaklah dimasukkan dalam laporan yang dikehendaki untuk diberikan kepada pemegang amanah bagi pemegang debentur di bawah subseksyen 182(1).

(3) Apabila pemegang amanah bagi pemegang debentur itu mendapati bahawa maksud atau projek itu belum tercapai atau disiapkan dalam masa yang dinyatakan dalam prospektus itu mengikut masa yang maksud atau projek itu sepatutnya dicapai atau disiapkan atau, jika tiada apa-apa masa dinyatakan, dalam masa yang munasabah, pemegang amanah itu boleh dan, jika dia berpendapat bahawa adalah perlu bagi melindungi kepentingan pemegang debentur, memberikan notis secara bertulis kepada perbadanan itu yang menghendakinya membayar balik wang yang diterima sedemikian oleh perbadanan itu dan dalam masa tiga puluh hari dari notis itu diberikan, menyerah simpan dengan Pendaftar suatu salinannya.

(4) Pemegang amanah hendaklah memberikan suatu notis di bawah subseksyen (3) jika pemegang amanah itu berpuas hati bahawa—

*(a)* maksud atau projek itu telah sebahagian besarnya tercapai atau disiapkan;

*(b)* kepentingan pemegang debentur tidak dimudaratkan secara material disebabkan oleh kegagalan untuk mencapai atau menyiapkan maksud atau projek itu dalam masa yang dinyatakan dalam prospektus itu atau dalam masa yang munasabah; atau

*(c)* kegagalan untuk mencapai maksud atau projek itu disebabkan oleh hal keadaan yang di luar kawalan perbadanan itu yang tidak semunasabahnya dapat dijangkakan oleh perbadanan itu pada masa prospektus itu dikeluarkan.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (3) diterima oleh perbadanan, perbadanan itu hendaklah bertanggungan untuk membayar balik dan, apabila dituntut secara bertulis oleh pemegang amanah, perbadanan itu hendaklah dengan segera membayar balik kepada mana-mana orang yang berhak kepada apa-apa wang yang terhutang dengan perbadanan itu hasil daripada pinjaman atau deposit yang dibuat sebagai sambutan kepada pelawaan itu melainkan jika—

*(a)* sebelum wang itu diterima oleh perbadanan, perbadanan itu telah memberikan suatu notis secara bertulis kepada orang yang daripadanya wang itu diterima dengan menyatakan maksud atau projek yang baginya wang itu hendak digunakan dan wang itu telah diterima oleh perbadanan dengan sewajarnya; atau

*(b)* perbadanan itu menyampaikan suatu notis secara bertulis kepada pemegang debentur yang menyatakan—

(i) maksud atau projek yang wang itu pada hakikatnya hendak digunakan oleh perbadanan itu; dan

(ii) menawarkan untuk membayar balik wang itu kepada pemegang debentur dan orang itu tidak menuntut daripada perbadanan itu untuk membayar balik wang itu secara bertulis dalam masa empat belas hari dari penerimaan notis itu, atau apa-apa masa yang lebih lama yang dinyatakan dalam notis itu.

(6) Jika perbadanan telah memberikan suatu notis secara bertulis dengan menyatakan maksud atau projek yang wang itu akan pada hakikatnya digunakan oleh perbadanan itu di bawah subseksyen (5), seksyen ini hendaklah terpakai dan berkuat kuasa seolah-olah maksud atau projek yang dinyatakan dalam notis itu adalah maksud atau projek yang dinyatakan dalam prospektus sebagai maksud atau projek yang wang itu hendak digunakan.

**Liabiliti pemegang amanah bagi pemegang debentur**

**185.** (1) Tertakluk kepada seksyen ini, mana-mana peruntukan yang terkandung dalam surat ikatan amanah yang berhubungan dengan atau yang menjamin suatu keluaran debentur, atau dalam mana-mana kontrak dengan pemegang debentur yang dijamin oleh surat ikatan amanah hendaklah terbatal setakat yang surat ikatan amanah itu mempunyai kesan mengecualikan seseorang pemegang amanah daripada atau untuk menanggung rugi pemegang amanah bagi liabiliti kerana pecah amanah apabila pemegang amanah itu tidak menunjukkan tahap ketelitian dan ketekunan yang dikehendaki daripadanya sebagai pemegang amanah.

(2) Subseksyen (1) tidak menidaksahkan—

*(a)* apa-apa pelepasan surat ikatan amanah yang selainnya diberikan dengan sah berkenaan dengan apa-apa perkara yang dilakukan atau yang ditinggalkan daripada dilakukan oleh pemegang amanah sebelum memberikan pelepasan itu; atau

*(b)* mana-mana peruntukan yang membolehkan pelepasan surat ikatan amanah untuk diberikan—

(i) atas persetujuan suatu majoriti yang tidak kurang daripada tiga perempat nilai nominal pemegang debentur yang hadir dan mengundi sendiri atau, jika proksi dibenarkan, melalui proksi pada mesyuarat yang dipanggil bagi maksud itu; dan

(ii) sama ada berkenaan dengan perbuatan atau peninggalan tertentu atau atas pembubaran pemegang amanah atau atas pemberhentiannya untuk bertindak sebagai pemegang amanah.

(3) Subseksyen (1) tidak berkuat kuasa—

*(a)* untuk menidaksahkan mana-mana peruntukan yang berkuat kuasa pada permulaan kuat kuasa Akta ini selagi mana-mana pemegang amanah berhak kepada manfaat peruntukan itu terus menjadi pemegang amanah bagi surat ikatan amanah itu; atau

*(b)* untuk melucutkan mana-mana pemegang amanah daripada apa-apa pengecualian atau hak untuk ditanggung rugi berkenaan dengan apa-apa perkara yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh pemegang amanah itu semasa mana-mana peruntukan itu berkuat kuasa.

Subpenggal 11

*Sekatan ke atas Pengumpukan dan Permulaan Perniagaan*

**Larangan bagi pengumpukan melainkan jika langganan minimum diterima**

**186.** (1) Tiada pengumpukan boleh dibuat bagi mana-mana syer suatu syarikat yang ditawarkan kepada orang awam atau ditawarkan bagi langganan atau pembelian atau jika suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli syer dibuat di bawah suatu prospektus yang didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 melainkan jika—

*(a)* langganan minimum telah dilanggan; dan

*(b)* amaun yang kena dibayar atas permohonan bagi syer yang dilanggan sedemikian telah diterima oleh syarikat,

tetapi jika suatu cek bagi jumlah wang yang kena dibayar itu telah diterima oleh syarikat, jumlah wang itu hendaklah disifatkan tidak diterima oleh syarikat sehingga cek itu dibayar oleh bank yang padanya cek itu ditunaikan.

(2) Langganan minimum hendaklah—

*(a)* dihitung atas nilai tawaran bagi setiap syer; dan

*(b)* dihitung berasingan daripada apa-apa amaun yang kena dibayar selain dalam bentuk wang tunai.

(3) Amaun yang kena dibayar atas permohonan setiap syer yang ditawarkan kepada orang awam atau ditawarkan di bawah suatu prospektus yang didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 tidak boleh kurang daripada lima peratus harga tawaran syer itu.

(4) Jika syarat yang disebut dalam perenggan (1)*(a)* dan *(b)* tidak dipenuhi apabila habisnya tempoh empat bulan selepas pengeluaran pertama prospektus—

*(a)* semua wang yang diterima daripada pemohon syer hendaklah dibayar balik dengan serta-merta kepada pemohon itu tanpa faedah dan pulangan; dan

*(b)* jika apa-apa wang itu tidak dibayar balik dalam masa lima bulan selepas pengeluaran prospektus itu, pengarah syarikat hendaklah secara bersesama dan berasingan bertanggungan untuk membayar balik wang itu dengan faedah atau pulangan pada kadar sepuluh peratus setahun dari tarikh habisnya tempoh lima bulan itu, tetapi seseorang pengarah tidaklah bertanggungan jika pengarah itu membuktikan bahawa keingkaran bagi membayar balik wang itu bukanlah disebabkan oleh salah laku atau kecuaian di pihaknya.

(5) Walau apa pun syarikat sedang digulungkan, suatu pengumpukan yang dibuat oleh syarikat itu kepada seorang pemohon yang melanggar seksyen ini atau subseksyen 188(1) hendaklah boleh batal atas opsyen pemohon itu yang boleh dilaksanakan melalui notis secara bertulis yang disampaikan kepada syarikat itu tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh pengumpukan itu.

(6) Mana-mana syarat yang menghendaki atau mengikat mana-mana pemohon syer untuk menepikan pematuhan mana-mana kehendak seksyen ini hendaklah terbatal.

(7) Jika sesuatu pengumpukan bagi—

*(a)* syer atau debentur dibuat berdasarkan suatu prospektus selepas habisnya tempoh enam bulan atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Pendaftar dari tarikh pengeluaran prospektus itu; atau

*(b)* sekuriti dibuat berdasarkan suatu prospektus yang didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 kemudian daripada apa-apa tempoh selepas tarikh pengeluaran prospektus itu yang boleh dinyatakan oleh Suruhanjaya Sekuriti,

pengumpukan itu tidak hanya oleh sebab hakikat itu menjadi boleh batal atau terbatal.

(8) Syarikat itu, pegawai atau penganjur syarikat itu atau syarikat yang dicadangkan tidak boleh membenarkan atau mengizinkan suatu pengumpukan bagi—

*(a)* mana-mana syer atau debentur kepada orang awam berdasarkan suatu prospektus selepas habisnya tempoh enam bulan atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar dari tarikh pengeluaran prospektus itu; atau

*(b)* apa-apa sekuriti sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 berdasarkan suatu prospektus yang didaftarkan di bawah Akta itu kemudian daripada tempoh selepas tarikh pengeluaran prospektus itu yang boleh dinyatakan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

(9) Syarikat dan tiap-tiap pegawai atau mana-mana penganjur suatu syarikat atau syarikat yang dicadangkan yang melanggar subseksyen (8) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

*(a)* dalam hal syarikat, didenda tidak melebihi lima juta ringgit; dan

*(b)* dalam hal pegawai atau penganjur syarikat atau syarikat yang dicadangkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau kedua-duanya.

(10) Tiap-tiap pengarah syarikat yang diketahuinya melanggar atau mengizinkan atau membenarkan pelanggaran seksyen ini atau subseksyen 190(1) boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama

tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya dan, sebagai tambahan, hendaklah bertanggungan untuk membayar pampasan masing-masing kepada syarikat itu dan penerima umpukan bagi apa-apa kehilangan, kerugian atau kos yang ditanggung atau dikenakan oleh syarikat itu atau penerima umpukan itu tetapi tiada prosiding bagi mendapatkan apa-apa pampasan boleh dimulakan selepas habisnya tempoh dua tahun dari tarikh pengumpukan itu.

**Permohonan wang hendaklah dipegang sebagai amanah sehingga pengumpukan**

**187.** (1) Semua permohonan dan wang lain yang dibayar sebelum pengumpukan oleh mana-mana pemohon disebabkan oleh syer atau debentur yang ditawarkan kepada orang awam atau mana-mana sekuriti yang baginya suatu prospektus dikehendaki di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 hendaklah dipegang sebagai amanah bagi pemohon itu oleh syarikat atau dalam hal syarikat yang dicadangkan oleh orang yang dinamakan dalam prospektus sebagai pengarah yang dicadangkan dan oleh penganjur.

(2) Tiada obligasi atau kewajipan boleh dikenakan ke atas mana-mana bank atau orang ketiga yang dengannya apa-apa wang telah didepositkan untuk menyiasat atau meneliti permohonan wang itu dengan sewajarnya selagi bank atau orang itu bertindak dengan suci hati.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang, atau suatu syarikat yang dicadangkan dan tiap-tiap orang yang dinamakan dalam prospektus sebagai pengarah yang dicadangkan dan tiap-tiap penganjur yang mengetahui dan dengan sengaja membenarkan atau mengizinkan keingkaran itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

*(a)* dalam hal syarikat atau syarikat yang dicadangkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit; dan

*(b)* dalam hal orang yang dinamakan dalam prospektus sebagai pengarah yang dicadangkan atau penganjur, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

**Sekatan ke atas pengumpukan dalam hal tertentu**

**188.** (1) Suatu syarikat awam yang mempunyai modal syer yang tidak mengeluarkan suatu prospektus bagi atau mengenai pembentukannya tidak boleh mengumpukkan mana-mana syer atau debenturnya melainkan jika suatu pernyataan sebagai ganti prospektus bagi mematuhi kehendak Akta ini telah diserah simpan dengan Pendaftar sekurang-kurangnya tiga hari sebelum pengumpukan pertama bagi sama ada syer atau debentur itu.

(2) Jika terdapat pelanggaran kepada seksyen ini, syarikat dan tiap-tiap pegawai melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

*(a)* dalam hal syarikat, didenda tidak melebihi lima juta ringgit; dan

*(b)* dalam hal pegawai, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

**Kehendak mengenai pernyataan sebagai ganti prospektus**

**189.** (1) Suatu pernyataan sebagai ganti prospektus yang diserah simpan oleh atau bagi pihak syarikat hendaklah—

*(a)* ditandatangani oleh tiap-tiap orang yang dinamakan dalam pernyataan itu sebagai pengarah atau pengarah yang dicadangkan syarikat itu atau oleh ejennya yang diberi kuasa secara bertulis;

*(b)* mengandungi perkara yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kedua dan yang menyatakan laporan dalam Bahagian II Jadual itu mengikut bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar; dan

*(c)* jika orang yang membuat apa-apa laporan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kedua telah membuat laporan itu atau telah, tanpa memberikan sebab-sebab, menunjukkan dalam laporan itu apa-apa penyelarasan yang disebut dalam perenggan 3 Bahagian III Jadual itu, hendaklah diendorskan atau dilampirkan padanya suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh orang yang menyatakan penyesuaian itu dan memberikan sebab-sebab bagi penyesuaian itu.

(2) Pendaftar tidak boleh menerima apa-apa pernyataan sebagai ganti prospektus bagi pendaftaran melainkan jika Pendaftar mendapati bahawa pernyataan itu mematuhi Akta ini.

(3) Jika terdapat apa-apa pernyataan yang tidak benar atau ketidakzahiran yang disengajakan dalam apa-apa pernyataan sebagai ganti prospektus, mana-mana pengarah yang menandatangani pernyataan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya, melainkan jika pengarah itu membuktikan sama ada pernyataan yang tidak benar atau ketidakzahiran yang disengajakan itu adalah tidak material atau bahawa dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pernyataan yang tidak benar itu adalah benar atau ketidakzahiran itu adalah tidak material pada masa penghantarserahan pernyataan sebagai ganti prospektus itu bagi pendaftaran.

**Sekatan ke atas permulaan perniagaan dalam hal keadaan tertentu**

**190.** (1) Jika suatu syarikat awam yang mempunyai modal syer telah mengeluarkan suatu prospektus untuk mempelawa orang awam bagi melanggan syernya atau mengeluarkan suatu prospektus di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 berhubung dengan syernya, syarikat awam itu layak memulakan apa-apa perniagaan atau menjalankan apa-apa kuasa peminjaman—

*(a)* jika tiada wang adalah atau menjadi bertanggungan untuk dibayar balik kepada pemohon bagi apa-apa syer atau debentur yang ditawarkan bagi langganan orang awam oleh sebab apa-apa kegagalan untuk memohon atau mendapatkan kebenaran penyenaraian untuk disebut harga di mana-mana bursa saham;

*(b)* jika—

(i) syer yang dipegang tertakluk kepada pembayaran keseluruhan amaun dalam bentuk wang tunai telah diumpukkan kepada suatu amaun yang pada keseluruhannya tidak kurang daripada langganan minimum; dan

(ii) tiap-tiap pengarah telah membayar kepada syarikat atas setiap syer yang diambil atau terkandung dalam kontrak untuk diambil oleh pengarah, dan yang baginya pengarah itu bertanggungan untuk membayar dalam bentuk wang tunai, suatu kadar yang bersamaan dengan kadar yang kena dibayar atas permohonan dan pengumpukan atas syer yang ditawarkan untuk langganan orang awam.

(2) Jika suatu syarikat awam yang mempunyai modal syer tidak mengeluarkan prospektus yang mempelawa orang awam untuk melanggan syernya atau tidak mengeluarkan suatu prospektus menurut Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, syarikat awam itu berhak memulakan apa-apa perniagaan atau menjalankan apa-apa kuasa peminjamannya jika—

*(a)* suatu pernyataan sebagai ganti prospektus yang mematuhi Akta ini telah diserah simpan dengan Pendaftar; dan

*(b)* tiap-tiap pengarah syarikat itu telah membayar kepada syarikat itu atas setiap syer yang diambil atau terikat dalam kontrak untuk diambil oleh pengarah dan yang baginya pengarah itu bertanggungan untuk membayar dalam wang tunai, suatu kadar yang bersamaan dengan kadar yang kena dibayar atas permohonan dan pengumpukan bagi syer yang kena dibayar dalam wang tunai itu.

(3) Syarikat yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2) hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu akuan berkanun oleh setiausaha atau seorang daripada pengarah syarikat yang menentusahkan bahawa perenggan (1)*(a)* dan *(b)* atau (2)*(a)* dan *(b)*, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah dipatuhi, dan syarikat layak untuk memulakan perniagaan atau menjalankan mana-mana kuasa peminjaman dari dan selepas penyerahsimpanan akuan berkanun itu.

(4) Akuan berkanun yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah disokong dengan suatu pernyataan yang mengandungi butir-butir yang berikut:

*(a)* suatu cabutan resit dan pembayaran yang berhubungan dengan syer dan debentur yang dikeluarkan di bawah prospektus atau pernyataan sebagai ganti prospektus dan butir-butir yang berhubungan dengan baki di tangan, dan dalam akaun atau anggaran perbelanjaan awal;

*(b)* butir-butir mengenai apa-apa kontrak yang dibuat oleh syarikat sebelum memulakan perniagaan; dan

*(c)* apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(5) Apa-apa kontrak yang dibuat oleh syarikat sebelum tarikh yang syarikat itu berhak untuk memulakan perniagaan hendaklah bersifat sementara sahaja dan hendaklah hanya mengikat syarikat itu apabila perniagaannya bermula.

(6) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang syarikat itu daripada menerima apa-apa wang yang kena dibayar atas permohonan bagi debentur jika syer dan debentur ditawarkan serentak oleh syarikat itu bagi langganan.

(7) Jika mana-mana syarikat memulakan perniagaan atau menjalankan kuasa peminjaman yang berlanggaran dengan seksyen ini, tiap-tiap orang yang bertanggungjawab bagi pelanggaran itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(8) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Sekatan ke atas pengubahan kontrak yang disebut dalam prospektus, dsb.**

**191.** Suatu syarikat tidak boleh mengubah terma sesuatu kontrak yang disebut dalam prospektus atau pernyataan sebagai ganti prospektus sebelum akuan berkanun diserah simpan di bawah subseksyen 190(3) melainkan jika pengubahan itu dibuat tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung.

Penggal 2

*Anggota, Pengarah dan Pegawai Syarikat*

Subpenggal 1

*Anggota*

**Liabiliti anggota**

**192.** (1) Seseorang anggota tidak bertanggungan bagi obligasi syarikat hanya oleh sebab dia menjadi anggota syarikat.

(2) Liabiliti anggota syarikat adalah terhad kepada—

*(a)* dalam hal suatu syarikat berhad dengan syer, apa-apa amaun yang tidak berbayar ke atas syer yang dipegang oleh anggota;

*(b)* dalam hal suatu syarikat berhad menurut jaminan, apa-apa amaun yang anggota mengaku janji untuk menyumbang dengan syarikat sekiranya syarikat itu digulungkan;

*(c)* apa-apa liabiliti yang diperuntukkan dengan nyata dalam perlembagaan syarikat; dan

*(d)* apa-apa liabiliti sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

**Liabiliti bagi panggilan dan pelucuthakan**

**193.** (1) Jika suatu syer menjadikan pemegangnya bertanggungan untuk memanggil atau mengenakan liabiliti ke atas pemegangnya, liabiliti itu yang terikat dengan pemegang syer pada masa ini, sama ada atau tidak liabiliti itu berkuat kuasa sebelum syer itu didaftarkan atas nama pemegang syer itu dan tidak terikat dengan pemegang syer yang terdahulu.

(2) Tertakluk kepada seksyen 82 dan 83, jika semua atau sebahagian daripada balasan yang kena dibayar berkenaan dengan pengeluaran sesuatu syer tidak dijelaskan dan orang yang kepadanya syer dikeluarkan tidak lagi memegang syer itu, liabiliti yang berkenaan dengan balasan tidak dijelaskan itu terus berada pada orang yang kepadanya syer itu dikeluarkan atau mana-mana orang lain yang mengambil alih liabiliti itu pada masa pengeluarannya dan tidak terikat dengan pemegang syer yang berikutnya.

**Pemegang syer tidak terikat untuk memperoleh syer tambahan dengan perubahan perlembagaan**

**194.** Melainkan jika pemegang syer bersetuju secara bertulis, pemegang syer itu tidak terikat dengan sesuatu perubahan kepada perlembagaan syarikat yang—

*(a)* menghendaki pemegang syer untuk memperoleh atau memegang syer tambahan dalam syarikat itu lebih daripada bilangan yang dipegang pada tarikh perubahan itu dibuat; atau

*(b)* menambah liabiliti pemegang syer kepada syarikat itu.

**Hak anggota bagi ulasan pengurusan**

**195.** (1) Pengerusi bagi mesyuarat anggota syarikat hendaklah memberikan peluang yang munasabah kepada anggota dalam mesyuarat untuk menyoal, berbincang, membuat ulasan atau syor tentang pengurusan syarikat.

(2) Mesyuarat anggota boleh meluluskan suatu ketetapan di bawah seksyen ini yang membuat syor kepada Lembaga mengenai perkara yang menyentuh pengurusan syarikat.

(3) Apa-apa syor yang dibuat di bawah subseksyen (2) tidak mengikat Lembaga, melainkan jika syor itu adalah demi kepentingan terbaik syarikat, dengan syarat—

*(a)* hak untuk membuat syor itu diperuntukkan dalam perlembagaan; atau

*(b)* diluluskan sebagai suatu ketetapan khas.

Subpenggal 2

*Pengarah*

**Pengarah syarikat**

**196.** (1) Sesuatu syarikat hendaklah mempunyai bilangan minimum pengarah seperti yang berikut:

*(a)* dalam hal suatu syarikat persendirian, seorang pengarah; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat awam, dua orang pengarah.

(2) Seseorang pengarah hendaklah seorang orang sebenar yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas tahun.

(3) Seseorang pengarah syarikat tidak boleh meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya jika dengan peletakan jawatan atau pengosongan jawatan itu, bilangan pengarah syarikat menjadi kurang daripada bilangan minimum yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) dan apa-apa yang berupa peletakan jawatan atau pengosongan jawatan yang berlanggaran dengan seksyen ini hendaklah disifatkan tidak berkuat kuasa melainkan jika seorang dilantik bagi jawatan itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, bilangan minimum pengarah itu—

*(a)* hendaklah lazimnya bermastautin di Malaysia dengan mempunyai tempat kediaman yang utama di Malaysia; dan

*(b)* tidak termasuk seorang pengarah silih ganti atau pengarah ganti.

**Orang yang berkaitan dengan pengarah**

**197.** (1) Seseorang hendaklah disifatkan sebagai berkaitan dengan pengarah jika orang itu ialah—

*(a)* anggota keluarga pengarah itu;

*(b)* pertubuhan perbadanan yang bersekutu dengan pengarah itu;

*(c)* pemegang amanah suatu amanah, selain pemegang amanah bagi skim syer pekerja atau skim pencen, yang di bawahnya pengarah itu atau anggota keluarganya merupakan benefisiari; atau

*(d)* pekongsi pengarah itu atau pekongsi orang yang berkaitan dengan pengarah itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

*(a)* "anggota keluarga pengarah" ertinya suami atau isteri, ibu atau bapa, anak, termasuklah anak angkat dan anak tiri, adik-beradik dan suami atau isteri kepada anak atau adik-beradik pengarah itu;

*(b)* suatu pertubuhan perbadanan adalah bersekutu dengan pengarah jika—

(i) pertubuhan perbadanan itu lazimnya atau berada di bawah suatu obligasi, sama ada formal atau tidak formal, atau majoriti pengarah pertubuhan perbadanan itu lazimnya, bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan pengarah itu;

(ii) pengarah itu mempunyai kepentingan yang mengawal dalam pertubuhan perbadanan itu; atau

(iii) pengarah itu, atau orang yang berkaitan dengan pengarah itu, atau pengarah itu dan orang yang berkaitan dengannya, berhak untuk melaksanakan, atau mengawal pelaksanaan, tidak kurang daripada dua puluh peratus undi yang terikat dengan syer mengundi dalam pertubuhan perbadanan itu.

**Orang yang dihilangkan kelayakan sebagai pengarah**

**198.** (1) Seseorang tidak boleh memegang jawatan sebagai pengarah syarikat atau sama ada secara langsung atau tidak langsung terlibat atau mengambil bahagian dalam pengurusan syarikat, jika orang itu—

*(a)* seorang bankrap yang belum dilepaskan;

*(b)* telah disabitkan atas suatu kesalahan yang berhubungan dengan penganjuran, pembentukan atau pengurusan suatu perbadanan;

*(c)* telah disabitkan atas suatu kesalahan yang berhubungan dengan sogokan, fraud atau kecurangan;

*(d)* telah di sabitkan atas suatu kesalahan dibawah seksyen 213, 217, 218, 228 dan 539; atau

*(e)* telah dihilangkan kelayakan oleh Mahkamah di bawah seksyen 199.

(2) Hal keadaan yang disebut dalam perenggan (1)*(a)*, *(b)*, *(c)* dan *(d)* hendaklah terpakai bagi hal keadaan di dalam Malaysia atau di luar Malaysia.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang yang telah dihilangkan kelayakan di bawah perenggan (1)*(a)* boleh dilantik atau memegang jawatan sebagai pengarah dengan keizinan—

*(a)* Pegawai Penerima; atau

*(b)* Mahkamah dengan syarat bahawa notis tentang niat untuk memohon keizinan telah disampaikan kepada Pegawai Penerima dan Pegawai Penerima telah didengar atas permohonan itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang yang telah dihilangkan kelayakan di bawah perengan (1)*(b)*, *(c)*, *(d)* atau *(e)* boleh dilantik semula atau memegang jawatan sebagai pengarah dengan keizinan Mahkamah.

(5) Seseorang yang berniat untuk memohon bagi mendapatkan keizinan Mahkamah di bawah perenggan (3)*(b)* atau subseksyen (4) hendaklah—

*(a)* memberikan kepada Pendaftar suatu notis tidak kurang daripada empat belas hari dari niatnya untuk melakukan sedemikian; dan

*(b)* menjadikan Pendaftar sebagai suatu pihak kepada prosiding di bawah subseksyen (3).

(6) Bagi maksud subseksyen (5), mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (1)*(b)*, *(c)*, *(d)* atau *(e)* tidak dikehendaki untuk mendapatkan keizinan Mahkamah selepas habis tempoh lima tahun yang dikira dari tarikh dia disabitkan atau jika dia dihukum dengan pemenjaraan, dari tarikh dia dilepaskan dari penjara.

(7) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

**Kuasa Mahkamah untuk menghilangkan kelayakan orang daripada bertindak sebagai pengarah atau penganjur**

**199.** (1) Mahkamah boleh, atas permohonan Pendaftar, membuat suatu perintah untuk menghilangkan kelayakan mana-mana orang daripada bertindak atau memegang jawatan sebagai pengarah atau penganjur suatu syarikat, atau terlibat dengan atau mengambil bahagian dalam pengurusan syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung, jika—

*(a)* dalam masa lima tahun yang terdahulu, orang itu telah menjadi pengarah bagi dua syarikat atau lebih yang telah dibubarkan akibat syarikat menjadi tidak solven disebabkan oleh penjalanan fungsinya sebagai pengarah yang menyumbang sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada penyelesaian itu;

*(b)* disebabkan oleh pelanggaran kewajipannya sebagai pengarah; atau

*(c)* disebabkan oleh kelazimannya melanggar Akta ini.

(2) Permohonan yang berbangkit daripada hal keadaan yang disebut dalam perenggan (1)*(a)* boleh dibuat oleh Pegawai Penerima dan Pendaftar hendaklah menjadi suatu pihak kepada prosiding itu.

(3) Sebelum membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), Mahkamah boleh menghendaki mana-mana orang—

*(a)* untuk memberikan kepada Mahkamah apa-apa maklumat berkenaan dengan hal ehwal syarikat; dan

*(b)* untuk mengemukakan dan membenarkan pemeriksaan apa-apa buku atau dokumen yang berkaitan dengan syarikat.

(4) Selepas menimbang permohonan dan maklumat tambahan dan dokumen yang diterima di bawah subseksyen (3), jika ada, Mahkamah boleh membuat suatu perintah untuk menghilangkan kelayakan orang itu daripada bertindak atau memegang jawatan sebagai pengarah atau penganjur suatu syarikat, atau terlibat dengan atau mengambil bahagian dalam pengurusan syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi lima tahun bermula dari tarikh perintah itu.

(5) Pendaftar atau Pegawai Penerima hendaklah memberikan notis tidak kurang daripada empat belas hari kepada orang yang disebut dalam subseksyen (1) memberitahu tentang niatnya untuk memohon perintah di bawah seksyen ini.

**Kuasa Pendaftar untuk mengeluarkan nama pengarah yang hilang kelayakan**

**200.** Walau apa pun mana-mana peruntukan dalam Akta ini atau perlembagaan syarikat, Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan nama seseorang pengarah yang telah dihilangkan kelayakannya di bawah seksyen 198 atau 199 daripada daftar yang disimpan oleh Pendaftar bagi maksud itu.

**Persetujuan pengarah dikehendaki**

**201.** Seseorang tidak boleh dilantik sebagai pengarah suatu syarikat melainkan jika dia telah memberikan persetujuan secara bertulis untuk menjadi pengarah dan membuat pengisytiharan bahawa dia bukanlah seorang yang dihilangkan kelayakan daripada dilantik atau memegang jawatan sebagai pengarah syarikat di bawah Akta ini.

**Pengarah yang dinamakan dan pengarah yang berikutnya**

**202.** (1) Seseorang yang dinamakan sebagai pengarah dalam suatu permohonan bagi pemerbadanan syarikat hendaklah memegang jawatan sebagai pengarah dari tarikh pemerbadanan itu sehingga orang itu terhenti memegang jawatan sebagai pengarah mengikut Akta ini.

(2) Semua pengarah yang berikutnya bagi suatu syarikat boleh dilantik melalui ketetapan biasa.

(3) Tertakluk kepada perlembagaan, Lembaga boleh, pada bila-bila masa, melantik seorang pengarah sebagai tambahan kepada pengarah yang sedia ada dan pengarah yang dilantik sedemikian hendaklah memegang jawatan itu—

*(a)* dalam hal suatu syarikat awam, sehingga mesyuarat agung tahunan yang akan datang; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat persendirian, mengikut terma pelantikannya.

**Pelantikan pengarah syarikat awam hendaklah diundi secara individu**

**203.** (1) Dalam mesyuarat agung suatu syarikat awam, usul untuk melantik dua orang atau lebih sebagai pengarah melalui suatu ketetapan tunggal tidak boleh dibuat melainkan jika ketetapan bagi usul yang dibuat itu telah dipersetujui terlebih dahulu oleh mesyuarat itu tanpa apa-apa undi yang menentang diberikan terhadapnya.

(2) Suatu ketetapan yang diluluskan mengikut suatu usul yang dibuat yang berlanggaran dengan seksyen ini hendaklah terbatal, sama ada usul bagi ketetapan itu telah dibantah pada masa itu atau tidak.

(3) Peruntukan bagi pelantikan semula secara automatik pengarah yang bersara yang disebut dalam subseksyen 205(6) tidak terpakai jika suatu ketetapan mengikut suatu usul yang dibuat dengan melanggar seksyen ini telah diluluskan.

(4) Suatu usul untuk meluluskan pelantikan seseorang atau bagi menamakan seseorang bagi pelantikan hendaklah dianggap sebagai suatu usul bagi pelantikannya.

(5) Suatu ketetapan yang diluluskan di bawah seksyen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai meminda perlembagaan.

**Kesahan tindakan pengarah dan pegawai**

**204.** Tindakan seseorang pengarah atau pengurus atau setiausaha adalah sah walau apa pun apa-apa kecacatan yang didapati selepas pelantikannya atau dalam kelayakannya.

**Persaraan pengarah**

**205.** (1) Peruntukan di bawah seksyen ini hendaklah terpakai berkenaan dengan persaraan pengarah melainkan jika terdapat peruntukan tertentu dalam perlembagaan syarikat atau terma pelantikan berkaitan dengan persaraan pengarah.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), suatu syarikat persendirian boleh meluluskan suatu ketetapan bertulis mengikut seksyen 297 untuk menentukan persaraan seseorang pengarah.

(3) Pengarah hendaklah bersara seperti yang berikut:

*(a)* pada mesyuarat agung tahunan yang pertama suatu syarikat awam, semua pengarah hendaklah bersara daripada jawatan apabila mesyuarat itu selesai; dan

*(b)* pada mesyuarat agung tahunan tiap-tiap tahun yang berikutnya, satu pertiga daripada pengarah yang pada masa itu menjadi, atau, jika bilangan mereka bukan tiga atau angka gandaan tiga, maka bilangan satu pertiga yang paling hampir, hendaklah bersara daripada jawatan apabila mesyuarat itu selesai.

(4) Pengarah yang akan bersara dalam tiap-tiap tahun hendaklah merupakan pengarah yang paling lama memegang jawatan sejak pemilihan yang terakhir pengarah, tetapi dalam kalangan orang yang menjadi pengarah pada hari yang sama, pengarah yang akan bersara hendaklah ditentukan melalui lot, melainkan jika terdapat persetujuan selainnya antara mereka.

(5) Seseorang pengarah yang bersara layak untuk dipilih semula selagi dia tidak dihilangkan kelayakan di bawah Akta ini.

(6) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan, syarikat boleh melantik mana-mana orang yang tidak dihilangkan kelayakan di bawah Akta ini untuk mengisi kekosongan itu dalam

mesyuarat agung tahunan yang padanya pengarah itu bersara, dan jika tiada pelantikan dibuat untuk mengisi kekosongan jawatan itu, pengarah yang bersara itu hendaklah, jika dia menawarkan dirinya untuk dipilih semula, disifatkan telah dipilih semula, melainkan jika—

*(a)* pada mesyuarat itu syarikat membuat ketetapan dengan nyata untuk tidak mengisi jawatan yang kosong itu; atau

*(b)* ketetapan bagi pemilihan semula pengarah itu dibawa ke mesyuarat dan tidak terpilih.

**Pemecatan pengarah**

**206.** (1) Seseorang pengarah boleh dipecat sebelum habis tempoh jawatan pengarah itu seperti yang berikut:

*(a)* tertakluk kepada perlembagaan, dalam hal suatu syarikat persendirian, melalui ketetapan biasa; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat awam, mengikut seksyen ini.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam perlembagaan atau mana-mana perjanjian antara suatu syarikat awam dengan seorang pengarah, syarikat itu boleh melalui ketetapan biasa pada sesuatu mesyuarat memecat pengarah itu sebelum habis tempoh jawatan pengarah itu.

(3) Notis khas dikehendaki bagi suatu ketetapan untuk memecat seseorang pengarah di bawah seksyen ini atau untuk melantik seorang yang lain sebagai ganti pengarah yang dipecat itu pada mesyuarat yang sama.

(4) Walau apa pun perenggan (1)*(b)*, jika pengarah bagi suatu syarikat awam telah dilantik untuk mewakili kepentingan bagi mana-mana kelas tertentu pemegang syer atau pemegang debentur, ketetapan untuk memecat pengarah itu tidak berkuat kuasa sehingga pengganti bagi pengarah itu telah dilantik.

(5) Seseorang yang dilantik sebagai pengarah bagi menggantikan pengarah yang dipecat di bawah seksyen ini hendaklah dianggap, bagi maksud menentukan masa yang pengarah itu atau mana-mana pengarah lain untuk bersara, seolah-olah telah menjadi pengarah pada hari orang yang digantikannya kali terakhir dilantik sebagai pengarah.

**Hak pengarah syarikat awam untuk didengar terhadap pemecatan**

**207.** (1) Apabila menerima notis khas bagi suatu ketetapan untuk memecat seseorang pengarah di bawah subseksyen 206(3), syarikat hendaklah dengan serta-merta menghantar suatu salinan notis khas itu kepada pengarah itu.

(2) Pengarah itu hendaklah diberikan hak untuk membuat representasi lisan atau representasi bertulis dengan tidak melebihi kepanjangan yang munasabah pada ketetapan untuk memecatnya.

(3) Jika pengarah membuat representasi bertulis dan meminta supaya representasi bertulis itu diberitahu kepada anggota, syarikat hendaklah, melainkan jika representasi itu terlalu lewat diterima bagi syarikat untuk berbuat demikian—

*(a)* menyatakan tentang hakikat bahawa representasi itu telah dibuat dalam notis ketetapan yang diberikan kepada anggota syarikat itu; dan

*(b)* menghantar suatu salinan representasi itu kepada tiap-tiap anggota syarikat yang kepadanya notis mesyuarat dihantar.

(4) Jika suatu salinan representasi itu tidak dihantar sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) disebabkan oleh representasi itu terlalu lewat diterima oleh syarikat atau disebabkan oleh keingkaran syarikat, pengarah boleh, tanpa menjejaskan haknya untuk didengar secara lisan, menghendaki supaya representasi itu dibaca pada mesyuarat itu.

(5) Salinan representasi itu tidak perlu dihantar keluar dan representasi itu tidak perlu dibaca pada mesyuarat itu jika, atas permohonan sama ada oleh syarikat atau oleh mana-mana orang lain yang menuntut sebagai terkilan, Mahkamah berpuas hati bahawa hak yang diberikan oleh seksyen ini telah disalah guna.

(6) Mahkamah boleh memerintahkan supaya kos syarikat bagi suatu permohonan di bawah subseksyen (5) dibayar keseluruhan atau sebahagian oleh pengarah, walau apa pun pengarah itu bukan merupakan suatu pihak kepada permohonan itu.

(7) Perlembagaan suatu syarikat persendirian boleh memperuntukkan hak yang diberikan di bawah seksyen ini kepada pengarahnya.

**Pengosongan jawatan pengarah**

**208.** (1) Jawatan pengarah syarikat hendaklah menjadi kosong jika orang yang memegang jawatan itu—

*(a)* meletakkan jawatan mengikut subseksyen (2);

*(b)* telah bersara mengikut Akta ini atau perlembagaan syarikat tetapi tidak dipilih semula;

*(c)* dipecat daripada jawatan mengikut Akta ini atau perlembagaan syarikat;

*(d)* dihilangkan kelayakan daripada menjadi pengarah di bawah seksyen 198 atau 199;

*(e)* menjadi tidak sempurna akal atau seorang yang dirinya atau estetnya bertanggungan untuk diuruskan mengikut apa-apa cara di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 [*Akta 615*];

*(f)* mati; atau

*(g)* selainnya mengosongkan jawatannya mengikut perlembagaan syarikat.

(2) Tertakluk kepada subseksyen 196(3) dan seksyen 209, seseorang pengarah boleh meletakkan jawatannya dengan memberi suatu notis bertulis kepada syarikat di pejabat berdaftarnya.

(3) Notis di bawah subseksyen (2) hendaklah berkuat kuasa apabila notis itu dihantar serah di alamat pejabat berdaftar atau pada suatu tarikh yang kemudian yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Jika sesuatu kekosongan berpunca daripada hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa, pada bila-bila masa, untuk melantik mana-mana orang menjadi pengarah bagi mengisi kekosongan jawatan itu dan pengarah yang dilantik sedemikian hendaklah memegang jawatan itu—

*(a)* dalam hal suatu syarikat awam, sehingga mesyuarat agung tahunan yang akan datang; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat persendirian, mengikut terma pelantikan.

**Peletakan jawatan, pengosongan jawatan atau kematian pengarah tunggal atau pengarah terakhir yang masih ada**

**209.** (1) Tertakluk kepada subseksyen 196(3), jika syarikat mempunyai hanya seorang pengarah atau pengarah terakhir yang masih ada, pengarah itu tidak boleh meletakkan jawatan sehingga pengarah itu memanggil suatu mesyuarat anggota untuk menerima notis peletakan jawatan dan untuk melantik seorang atau lebih pengarah yang baru.

(2) Subseksyen (1) juga terpakai bagi sesuatu syarikat yang pengarah tunggalnya ialah juga seorang pemegang syer tunggal.

(3) Bagi maksud melantik pengarah baru, sekiranya jawatan pengarah tunggal atau pengarah terakhir yang masih ada bagi syarikat menjadi kosong disebabkan oleh hal keadaan yang disebut dalam perenggan 208(1)*(d)*, *(e)*, *(f)* atau *(g)*, setiausaha hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, memanggil suatu mesyuarat waris kadim, wakil diri lain atau suatu mesyuarat anggota, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Setiausaha berhak untuk ditanggung rugi oleh syarikat berhubung dengan apa-apa kos dan perbelanjaan yang munasabah bagi mesyuarat yang diadakan di bawah subseksyen (3).

(5) Jika waris kadim, wakil diri atau anggota tidak melantik seorang pengarah dalam masa enam bulan dari tarikh kematian pengarah yang terakhir itu, Pendaftar boleh mengarahkan syarikat itu dibatalkan mengikut Subpenggal 1 Penggal 4 Bahagian IV.

(6) Jika pengarah tunggal yang juga merupakan pemegang syer tunggal syarikat tidak berupaya menguruskan hal ehwal syarikat oleh sebab ketidakupayaan mentalnya, jawatankuasa yang dilantik di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 untuk menguruskan estetnya boleh melantik seseorang sebagai pengarah.

Subpenggal 3

*Kewajipan dan Tanggungjawab Pengarah*

**Tafsiran**

**210.** Bagi maksud Subpenggal ini, dalam seksyen 213, 214, 215, 216, 217, 218, 223 dan 228, sebagai tambahan kepada takrif "pengarah" dalam seksyen 2, "pengarah" termasuk ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai kewangan, ketua pegawai operasi atau mana-mana orang lain yang mempunyai tanggungjawab utama bagi pengurusan syarikat.

**Fungsi Lembaga**

**211.** (1) Perniagaan dan hal ehwal sesuatu syarikat hendaklah diuruskan oleh, atau di bawah arahan Lembaga.

(2) Lembaga mempunyai segala kuasa yang perlu bagi mengurus dan memberikan arahan serta mengawasi pengurusan perniagaan dan hal ehwal syarikat tertakluk kepada apa-apa ubah suaian, kecualian atau batasan yang terkandung dalam Akta ini atau dalam perlembagaan syarikat.

**Prosiding Lembaga**

**212.** Tertakluk kepada perlembagaan, peruntukan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga hendaklah mengawal selia prosiding Lembaga.

**Kewajipan dan tanggungjawab pengarah**

**213.** (1) Pengarah syarikat hendaklah pada setiap masa menjalankan kuasanya mengikut Akta ini, bagi maksud yang sepatutnya dan dengan suci hati demi kepentingan syarikat.

(2) Pengarah syarikat hendaklah dengan ketelitian, kemahiran dan usaha yang munasabah melaksanakan—

*(a)* pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang semunasabahnya boleh diharapkan daripada seorang pengarah yang mempunyai tanggungjawab yang sama; dan

*(b)* apa-apa pengetahuan, kemahiran dan pengalaman tambahan yang pada hakikatnya ada pada seorang pengarah.

(3) Seseorang pengarah yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Kaedah pertimbangan perniagaan**

**214.** (1) Seseorang pengarah yang membuat suatu pertimbangan perniagaan disifatkan memenuhi kehendak kewajipan di bawah subseksyen 213(2) dan kewajipan yang sama di bawah *common law* dan dalam ekuiti jika pengarah itu—

*(a)* membuat pertimbangan perniagaan itu dengan suci hati bagi maksud yang sepatutnya;

*(b)* tidak mempunyai kepentingan persendirian yang material dalam hal perkara pertimbangan perniagaan itu;

*(c)* dimaklumkan tentang hal perkara pertimbangan perniagaan itu setakat yang pengarah itu semunasabahnya mempercayai sebagai sesuai di bawah hal keadaan itu; dan

*(d)* semunasabahnya mempercayai bahawa pertimbangan perniagaan itu adalah demi kepentingan syarikat.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "pertimbangan perniagaan" ertinya apa-apa keputusan tentang sama ada hendak diambil tindakan atau tidak berkenaan dengan sesuatu perkara yang berkaitan dengan perniagaan syarikat.

**Pergantungan pada maklumat yang diberikan oleh orang lain**

**215.** (1) Seseorang pengarah semasa menjalankan kewajipannya sebagai pengarah boleh bergantung kepada maklumat, nasihat profesional atau pakar, pendapat, laporan atau pernyataan termasuk penyata kewangan dan data kewangan lain, yang disediakan, diserahkan atau dibuat oleh—

*(a)* mana-mana pegawai syarikat yang pengarah itu mempercayai atas alasan yang munasabah sebagai boleh diharapkan dan berwibawa berhubung dengan perkara berkenaan;

*(b)* bagi perkara yang melibatkan kemahiran atau kepakaran, mana-mana orang lain yang dikekalkan oleh syarikat berhubung dengan perkara yang pengarah itu mempercayai atas alasan yang munasabah sebagai tergolong dalam kewibawaan profesional dan kepakaran orang itu;

*(c)* seorang pengarah yang lain berhubung dengan perkara dalam kuasa pengarah itu; atau

*(d)* mana-mana jawatankuasa kepada lembaga pengarah yang pengarah itu tidak berkhidmat berhubung dengan perkara dalam kuasa jawatankuasa itu.

(2) Pergantungan pengarah yang dibuat di bawah subseksyen (1) disifatkan dilakukan atas alasan yang munasabah jika ia dilakukan—

*(a)* dengan suci hati; dan

*(b)* selepas membuat suatu penilaian bebas mengenai maklumat atau nasihat, pendapat, laporan atau pernyataan, termasuk penyata kewangan dan data kewangan lain, dengan mengambil kira pengetahuan pengarah tentang syarikat serta kerumitan struktur dan pengendalian syarikat.

**Tanggungjawab bagi tindakan pewakilan**

**216.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Akta ini, perlembagaan atau mana-mana ketetapan Lembaga atau anggota syarikat, pengarah boleh mewakilkan mana-mana kuasa Lembaga kepada mana-mana jawatankuasa kepada Lembaga, pengarah, pegawai, pekerja, pakar atau mana-mana orang lain.

(2) Jika pengarah telah mewakilkan mana-mana kuasa, pengarah itu adalah bertanggungjawab bagi penjalanan kuasa itu oleh pewakilan seolah-olah kuasa itu telah dijalankan oleh pengarah itu sendiri.

(3) Pengarah tidak bertanggungjawab di bawah subseksyen (2) jika—

*(a)* pengarah itu mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa pada setiap masa pewakilan itu akan menjalankan kuasa tersebut selaras dengan kewajipan yang dikenakan ke atas pengarah di bawah Akta ini dan perlembagaan syarikat, jika ada; dan

*(b)* pengarah itu mempercayai atas alasan yang munasabah, dengan suci hati dan selepas membuat siasatan yang sepatutnya, jika hal keadaan itu menunjukkan perlunya siasatan diadakan, bahawa pewakilan itu boleh diharapkan dan berwibawa berhubung dengan kuasa yang diwakilkan itu.

**Tanggungjawab pengarah nomini**

**217.** (1) Seseorang pengarah yang telah dilantik dengan menurut kuasa kedudukannya sebagai seorang pekerja suatu syarikat, atau yang telah dilantik oleh atau sebagai seorang wakil anggota, majikan

atau pemegang debentur, hendaklah bertindak atas kepentingan syarikat dan sekiranya timbul apa-apa percanggahan antara kewajipannya untuk bertindak atas kepentingan syarikat dengan kewajipannya kepada penamanya, dia tidak boleh mengetepikan kewajipannya untuk bertindak atas kepentingan syarikat berbanding dengan kewajipannya kepada penamanya.

(2) Seseorang pengarah yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Larangan terhadap penggunaan tidak wajar harta, jawatan, dsb.**

**218.** (1) Seseorang pengarah atau pegawai syarikat tidak boleh, tanpa persetujuan atau ratifikasi suatu mesyuarat agung—

*(a)* menggunakan harta syarikat;

*(b)* menggunakan apa-apa maklumat yang diperoleh menurut kuasa kedudukannya sebagai pengarah atau pegawai syarikat;

*(c)* menggunakan kedudukannya sebagai pengarah atau pegawai syarikat sedemikian;

*(d)* menggunakan apa-apa peluang syarikat yang diketahuinya, dalam melaksanakan fungsinya sebagai pengarah atau pegawai syarikat; atau

*(e)* terlibat dalam perniagaan yang bersaing dengan syarikat,

bagi mendapatkan, secara langsung atau tidak langsung, sesuatu manfaat bagi dirinya sendiri atau mana-mana orang lain, atau menyebabkan syarikat itu terjejas.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Kewajipan am untuk membuat penzahiran**

**219.** (1) Pengarah syarikat hendaklah memberi notis secara bertulis kepada syarikat—

*(a)* mengenai butir-butir yang berhubungan dengan syer, debentur, kepentingan kesertaan, hak, opsyen dan kontrak yang perlu bagi maksud pematuhan kepada seksyen 59 oleh syarikat itu;

*(b)* mengenai butir-butir apa-apa pertukaran berkaitan dengan butir-butir yang disebut dalam perenggan *(a)* yang notis telah diberikan kepada syarikat termasuk balasan, jika ada, yang diterima sebagai akibat daripada kejadian yang memberi kesan kepada pertukaran itu; dan

*(c)* mengenai apa-apa kejadian atau perkara yang menyentuh atau yang berhubungan dengan dirinya yang perlu bagi maksud pematuhan kepada kehendak Akta ini oleh syarikat.

(2) Seseorang yang dikehendaki untuk memberikan notis di bawah subseksyen (1) hendaklah memberikan notis itu, dalam masa empat belas hari—

*(a)* dalam hal suatu notis di bawah perenggan (1)*(a)*—

(i) dari tarikh pengarah itu menjadi pengarah; atau

(ii) dari tarikh pengarah itu memperoleh suatu kepentingan dalam syer, debentur, kepentingan kesertaan, hak, opsyen atau kontrak;

*(b)* dalam hal suatu notis di bawah perenggan (1)*(b)*, dari tarikh berlakunya kejadian yang memberi kesan kepada perubahan itu; dan

*(c)* dalam hal suatu notis di bawah perenggan (1)*(c)*, dari tarikh apa-apa kejadian dan perkara yang disebut dalam perenggan itu.

(3) Bagi maksud perenggan (2)*(a)* dan *(b)*, dalam hal suatu syarikat yang syernya disebut di bursa saham, tempoh notis ialah lima hari.

(4) Syarikat hendaklah, menghantar suatu salinan notis itu kepada setiap pengarah lain syarikat itu dalam masa tujuh hari dari penerimaan suatu notis di bawah subseksyen (1).

(5) Bagi maksud seksyen ini—

*(a)* sebutan mengenai kepentingan kesertaan ertinya sebutan mengenai suatu kepentingan mengikut pengertian Akta Skim Kepentingan 2016; dan

*(b)* dalam menentukan sama ada seseorang mempunyai kepentingan dalam debentur atau kepentingan kesertaan, seksyen 8, kecuali bagi subseksyen 8(1) dan (3), mempunyai kesan dan dalam mengguna pakai peruntukan itu, sebutan mengenai syer hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai debentur atau kepentingan kesertaan.

(6) Seseorang pengarah yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

*(a)* dalam hal subseksyen (1), dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya; dan

*(b)* dalam hal subseksyen (2), didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sebanyak satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

(7) Syarikat yang melanggar subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sebanyak satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

**Kesan rukun undang-undang lain ke atas kewajipan pengarah**

**220.** Seksyen 214 hingga 219 hendaklah sebagai tambahan kepada dan bukan pengurangan bagi mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan kewajipan atau liabiliti pengarah atau pegawai syarikat.

**Penzahiran kepentingan dalam kontrak, kontrak yang dicadangkan, harta, jawatan, dsb.**

**221.** (1) Tertakluk kepada seksyen ini, tiap-tiap pengarah syarikat yang dalam apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, berkepentingan dalam suatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan syarikat itu hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas fakta yang berkaitan sampai ke pengetahuan pengarah, mengisytiharkan jenis kepentingannya dalam mesyuarat lembaga pengarah.

(2) Kehendak subseksyen (1) tidak terpakai dalam hal jika kepentingan pengarah hanya sebagai anggota atau pemiutang perbadanan yang berkepentingan dalam suatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan syarikat yang pertama disebut jika kepentingan pengarah itu boleh sewajarnya dianggap sebagai bukan suatu kepentingan material.

(3) Seseorang pengarah syarikat tidak boleh disifatkan sebagai berkepentingan atau telah pada bila-bila masa berkepentingan dalam mana-mana kontrak atau kontrak yang dicadangkan hanya oleh sebab—

*(a)* dalam hal jika kontrak atau kontrak yang dicadangkan itu berhubung dengan apa-apa pinjaman kepada syarikat yang telah dijamin atau disertai oleh pengarah itu atau secara bersesama menjamin pembayaran balik pinjaman itu atau mana-mana bahagian pinjaman itu; atau

*(b)* dalam hal jika kontrak atau kontrak yang dicadangkan itu telah atau akan dibuat dengan atau bagi faedah atau bagi pihak suatu perbadanan menurut kuasa seksyen 7 disifatkan sebagai berkaitan dengan syarikat itu bahawa dia ialah pengarah bagi perbadanan itu,

dan subseksyen ini hendaklah berkuat kuasa bukan hanya bagi maksud Akta ini tetapi juga bagi maksud undang-undang bertulis yang lain, tetapi subseksyen ini tidak menjejaskan kuat kuasa mana-mana peruntukan dalam perlembagaan syarikat.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), suatu notis am yang diberikan kepada lembaga pengarah oleh pengarah bagi menunjukkan bahawa pengarah itu ialah seorang pegawai atau anggota suatu perbadanan yang dinyatakan atau anggota suatu firma yang dinyatakan dan

dianggap sebagai berkepentingan dalam mana-mana kontrak yang boleh, selepas tarikh notis itu, dibuat dengan perbadanan atau firma itu hendaklah disifatkan sebagai pengisytiharan kepentingan yang mencukupi berhubung dengan mana-mana kontrak yang dibuat jika notis itu menyatakan jenis dan takat kepentingan pengarah itu dalam perbadanan atau firma yang dinyatakan itu dan kepentingan itu tidak berbeza daripada jenis atau lebih besar daripada takat dan jenis yang dinyatakan dalam notis am itu pada masa mana-mana kontrak dibuat sedemikian.

(5) Notis yang disebut dalam subseksyen (4) tidak berkuat kuasa melainkan jika notis itu diberikan dalam suatu mesyuarat pengarah atau pengarah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa notis itu dibawa dan dibaca bersama-sama pada mesyuarat pengarah yang akan datang selepas notis am itu diberikan.

(6) Tiap-tiap pengarah suatu syarikat yang memegang apa-apa jawatan atau memiliki apa-apa harta yang menyebabkan kewajipan atau kepentingannya mungkin bercanggah dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai pengarah hendaklah mengisytiharkan hakikat itu dan jenis, sifat serta takat percanggahan itu pada mesyuarat pengarah.

(7) Pengisytiharan itu hendaklah dibuat dalam mesyuarat pengarah yang pertama yang dipegang—

*(a)* selepas dia menjadi pengarah; atau

*(b)* jika dia sudah menjadi pengarah, selepas dia mula memegang jawatan itu atau memiliki harta itu,

mengikut kehendak keadaan.

(8) Setiausaha syarikat hendaklah merekodkan tiap-tiap pengisytiharan yang dibuat di bawah seksyen ini dalam minit mesyuarat yang dalamnya pengisytiharan itu dibuat.

(9) Bagi maksud seksyen ini, suatu kepentingan dalam syer atau debentur syarikat—

*(a)* suami atau isteri pengarah yang bukan merupakan pengarah syarikat itu; atau

*(b)* anak, termasuk anak angkat atau anak tiri, bagi pengarah suatu syarikat yang bukan merupakan pengarah syarikat itu,

hendaklah dianggap sebagai suatu kepentingan dalam kontrak atau kontrak yang dicadangkan.

(10) Suatu kontrak yang dibuat yang melanggar seksyen ini hendaklah terbatal atas permintaan syarikat itu kecuali jika ia bagi faedah mana-mana orang yang berurusan dengan syarikat itu bagi apa-apa balasan berharga dan tanpa apa-apa notis sebenar tentang pelanggaran itu.

(11) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (3), seksyen ini hendaklah sebagai tambahan kepada dan bukan pengurangan bagi kuat kuasa mana-mana peruntukan dalam perlembagaan yang menyekat seseorang pengarah daripada mempunyai apa-apa kepentingan dalam kontrak dengan syarikat itu atau daripada memegang jawatan atau memiliki harta yang melibatkan kewajipan atau kepentingan yang bercanggah dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai pengarah.

(12) Tiap-tiap pegawai dan mana-mana orang lain atau individu yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Pengarah yang berkepentingan tidak boleh mengambil bahagian atau mengundi**

**222.** (1) Tertakluk kepada seksyen 221, seseorang pengarah syarikat yang mengikut apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, berkepentingan dalam suatu kontrak yang dibuat atau yang dicadangkan untuk dibuat oleh syarikat, melainkan jika kepentingan itu tidak perlu dizahirkan di bawah seksyen 221, hendaklah dikira hanya bagi mencukupkan kuorum dalam mesyuarat Lembaga tetapi tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan semasa kontrak atau kontrak yang dicadangkan itu sedang dipertimbangkan semasa mesyuarat itu dan tidak boleh mengundi bagi kontrak atau kontrak yang dicadangkan itu.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi—

*(a)* suatu syarikat persendirian melainkan jika ia merupakan subsidiari kepada syarikat awam;

*(b)* suatu syarikat persendirian yang merupakan subsidiari milik penuh suatu syarikat awam, berkenaan dengan apa-apa kontrak atau kontrak yang dicadangkan untuk dibuat oleh syarikat persendirian itu dengan syarikat pemegangan atau dengan subsidiari milik penuh yang lain syarikat pemegangan yang sama;

*(c)* apa-apa kontrak atau kontrak yang dicadangkan bagi tanggung rugi terhadap apa-apa kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pengarah oleh sebab dia menjadi atau sebagai penjamin suatu syarikat; dan

*(d)* apa-apa kontrak atau kontrak yang dicadangkan dibuat atau hendak dibuat oleh suatu syarikat awam atau syarikat persendirian yang merupakan subsidiari suatu syarikat awam, dengan syarikat yang lain yang dalamnya kepentingan pengarah semata-mata terletak—

(i) padanya sebagai pengarah syarikat itu dan pemegang syer tidak lebih daripada bilangan atau nilai yang dikehendaki untuk melayakkannya dilantik sebagai pengarah; atau

(ii) padanya yang mempunyai kepentingan tidak lebih daripada lima peratus modal berbayarnya.

(3) Suatu kontrak yang dibuat yang melanggar subseksyen (1) hendaklah boleh terbatal atas permintaan syarikat itu kecuali jika ia adalah bagi faedah mana-mana orang yang berurusan dengan syarikat itu bagi balasan berharga dan tanpa mendapat apa-apa notis sebenar tentang pelanggaran itu.

(4) Seseorang pengarah yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Kelulusan syarikat dikehendaki bagi pelupusan pengusahaan atau harta syarikat oleh pengarah**

**223.** (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam perlembagaan, pengarah tidak boleh membuat atau menguatkuasakan apa-apa perkiraan atau transaksi bagi—

*(a)* perolehan suatu pengusahaan atau harta yang mempunyai nilai yang substansial; atau

*(b)* pelupusan suatu bahagian yang substansial pengusahaan atau harta syarikat itu;

melainkan jika—

(A) pembuatan perkiraan atau transaksi itu dibuat tertakluk kepada kelulusan syarikat melalui suatu ketetapan; atau

(B) penguatkuasaan perkiraan atau transaksi itu telah diluluskan oleh syarikat melalui suatu ketetapan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

*(a)* terma "pengusahaan atau harta" termasuk keseluruhan atau sebahagian besar daripada keseluruhan hak, termasuklah hak, faedah atau kawalan kemajuan dalam pengusahaan atau harta itu;

*(b)* dalam hal suatu syarikat yang kesemua atau mana-mana syernya disebut di bursa saham, atau subsidiarinya, terma "nilai substansial" atau "bahagian substansial" hendaklah bererti nilai yang sama yang diperihalkan dalam kehendak penyenaraian bursa saham itu jika kelulusan oleh pemegang syer pada suatu mesyuarat agung dikehendaki;

*(c)* dalam hal suatu subsidiari tidak tersenarai yang syarikat pemegangan merupakan suatu syarikat tersenarai, pengarah syarikat pemegangan itu hendaklah mendapatkan kelulusan pemegang syer bagi syarikat pemegangan itu dalam suatu mesyuarat agung bagi perkiraan atau transaksi oleh subsidiari tidak tersenarai itu sebagai tambahan kepada kelulusan pemegang syer subsidiari tidak tersenarai itu dalam suatu mesyuarat agung yang didapatkan oleh pengarah subsidiari tidak tersenarai itu.

(3) Dalam hal mana-mana syarikat selain syarikat yang baginya subseksyen (2) terpakai, suatu pengusahaan atau harta hendaklah dianggap sebagai suatu nilai substansial dan suatu bahagian pengusahaan atau harta syarikat hendaklah dianggap sebagai suatu bahagian substansial jika—

*(a)* nilainya melebihi dua puluh lima peratus jumlah keseluruhan aset syarikat itu;

*(b)* keuntungan bersih, selepas ditolak semua bayaran kecuali pencukaian dan tidak termasuk butiran luar biasa, yang berkaitan dengan amaunnya lebih daripada dua puluh lima peratus jumlah keseluruhan keuntungan bersih syarikat itu; atau

*(c)* nilainya melebihi dua puluh lima peratus modal syer dikeluarkan syarikat itu,

mengikut mana-mana yang paling tinggi.

(4) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana anggota syarikat, menahan pengarah itu daripada membuat atau menguatkuasakan suatu perkiraan atau transaksi yang berlanggaran dengan subseksyen (1).

(5) Suatu perkiraan atau transaksi yang berlanggaran dengan subseksyen (1) hendaklah terbatal kecuali bagi faedah mana-mana orang yang berurusan dengan syarikat itu bagi balasan berharga dan tanpa sebenarnya mengetahui tentang pelanggaran itu.

(6) Seksyen ini tidak terpakai bagi cadangan pelupusan keseluruhan atau sebahagian besar daripada keseluruhan pengusahaan atau harta syarikat yang dibuat oleh penerima atau penerima dan pengurus mana-mana bahagian pengusahaan atau harta syarikat itu yang dilantik di bawah suatu kuasa yang terkandung dalam apa-apa surat cara atau oleh Mahkamah atau oleh penyelesai syarikat yang dilantik dalam suatu penggulungan sukarela.

(7) Mana-mana pengarah yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Pinjaman kepada pengarah**

**224.** (1) Sesuatu syarikat tidak boleh—

*(a)* memberikan pinjaman kepada pengarah syarikat itu atau suatu syarikat yang menurut kuasa seksyen 7 disifatkan berkaitan dengan syarikat itu; atau

*(b)* memberikan apa-apa jaminan atau menyediakan apa-apa cagaran berkaitan dengan suatu pinjaman yang dibuat kepada pengarah itu oleh mana-mana orang lain.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh terpakai—

*(a)* bagi suatu syarikat persendirian terkecuali;

*(b)* tertakluk kepada subseksyen (3), bagi apa-apa jua yang dilakukan untuk memberi pengarah itu dana untuk membayar perbelanjaan yang dilakukan atau yang hendak dilakukan olehnya bagi maksud syarikat itu atau bagi maksud yang membolehkan pengarah itu melaksanakan dengan sepatutnya kewajipannya sebagai pegawai syarikat;

*(c)* tertakluk kepada subseksyen (3), bagi apa-apa jua yang dilakukan untuk memberi pengarah yang berkhidmat dalam penggajian sepenuh masa syarikat itu atau syarikat pemegangannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan dana untuk membayar perbelanjaan yang dilakukan atau yang hendak dilakukan olehnya dalam membeli atau selainnya memperoleh suatu rumah; atau

*(d)* bagi apa-apa pinjaman yang diberikan kepada mana-mana pengarah itu yang berkhidmat dalam penggajian sepenuh masa syarikat itu atau syarikat pemegangannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika syarikat itu telah meluluskan ketetapan untuk meluluskan suatu skim bagi memberi pinjaman kepada pekerja syarikat dan pinjaman itu adalah mengikut skim itu.

(3) Perenggan (2)*(b)* atau *(c)* tidak membenarkan pemberian apa-apa pinjaman, atau pemberian apa-apa jaminan atau penyediaan apa-apa cagaran kecuali dengan kelulusan syarikat terlebih dahulu pada ketetapan yang dalamnya tujuan perbelanjaan itu serta amaun pinjaman itu atau takat jaminan atau cagaran itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dizahirkan.

(4) Jika tiada kelulusan diberikan terlebih dahulu di bawah subseksyen (3), syarikat itu boleh membenarkan pemberian apa-apa pinjaman atau pemberian apa-apa jaminan atau penyediaan apa-apa cagaran—

*(a)* dalam hal suatu syarikat awam, pada atau sebelum mesyuarat agung tahunan berikutnya yang akan datang; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat persendirian, dalam masa enam bulan dari pemberian pinjaman, pemberian apa-apa jaminan, atau penyediaan apa-apa cagaran itu.

(5) Jika tiada kebenaran diberikan oleh syarikat di bawah subseksyen (4), pinjaman itu hendaklah dibayar balik atau liabiliti di bawah jaminan atau cagaran itu hendaklah dilepaskan, mengikut mana-mana yang berkenaan—

*(a)* dalam hal suatu syarikat awam, selepas enam bulan dari selesainya mesyuarat agung tahunan yang disebut dalam perenggan (4)*(a)*; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat persendirian, selepas dua belas bulan dari pemberian pinjaman itu, pemberian apa-apa jaminan atau penyediaan apa-apa cagaran.

(6) Jika kelulusan syarikat tidak diberikan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana syarat itu, pengarah yang membenarkan pemberian pinjaman itu atau yang memberi jaminan atau menyediakan cagaran itu hendaklah secara bersesama dan berasingan bertanggungan untuk menanggung rugi syarikat itu terhadap apa-apa kerugian yang ditanggung.

(7) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh berkuat kuasa untuk menghalang syarikat daripada mendapatkan amaun apa-apa pinjaman atau amaun yang baginya ia menjadi bertanggungan di bawah apa-apa jaminan yang diberikan atau berkenaan dengan apa-apa cagaran yang disediakan yang berlawanan dengan seksyen ini.

(8) Seksyen ini tidak terpakai setakat yang institusi kewangan yang dalam perjalanan biasa perniagaannya memberi pinjaman kepada pengarah suatu institusi kewangan atau kepada suatu syarikat yang menurut kuasa seksyen 7 disifatkan berkaitan dengan institusi

kewangan itu, atau membuat apa-apa jaminan atau menyediakan apa-apa cagaran berkaitan dengan suatu pinjaman yang diberikan kepada pengarah oleh mana-mana orang lain, mengikut spesifikasi yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan olehnya.

(9) Bagi maksud seksyen ini, "institusi kewangan" merujuk kepada suatu institusi berlesen dan institusi kewangan pembangunan yang diperihalkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*].

(10) Jika suatu syarikat melanggar seksyen ini, mana-mana pengarah yang membenarkan pemberian apa-apa pinjaman, pembuatan apa-apa jaminan atau penyediaan apa-apa cagaran yang berlawanan dengan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Larangan memberi pinjaman kepada orang yang berkaitan dengan pengarah**

**225.** (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, sesuatu syarikat, selain suatu syarikat persendirian terkecuali, tidak boleh—

*(a)* memberikan pinjaman kepada mana-mana orang yang berkaitan dengan pengarah syarikat atau syarikat pemegangannya; atau

*(b)* membuat apa-apa jaminan atau menyediakan apa-apa cagaran berkaitan dengan pinjaman yang diberikan kepada mana-mana orang oleh mana-mana orang yang lain.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai—

*(a)* jika pinjaman diberikan, atau jaminan atau cagaran disediakan berhubung dengan suatu pinjaman yang dibuat kepada suatu subsidiari atau syarikat pemegangan atau suatu subsidiari bagi syarikat pemegangannya;

*(b)* bagi syarikat yang perniagaan biasanya termasuk pemberian pinjaman wang atau pemberian jaminan berkaitan dengan pinjaman yang dibuat oleh orang lain, atau kepada

apa-apa jua yang dilakukan oleh syarikat dalam perjalanan biasa perniagaan itu, jika aktiviti syarikat itu dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perbankan, insurans atau takaful atau tertakluk kepada pengawasan oleh Bank Negara Malaysia; atau

*(c)* bagi apa-apa pinjaman yang diberikan kepada seorang yang berkaitan dengan pengarah yang berkhidmat dalam penggajian sepenuh masa suatu syarikat atau perbadanan berkaitannya, mengikut mana-mana yang berkenaan—

(i) bagi maksud perbelanjaan mesyuarat yang dilakukan atau hendak dilakukan olehnya dalam membeli atau selainnya memperoleh suatu rumah; atau

(ii) mengikut suatu skim bagi memberikan pinjaman kepada pekerja yang diluluskan oleh syarikat.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh berkuat kuasa untuk menghalang syarikat itu atau mana-mana orang daripada mendapatkan amaun bagi apa-apa pinjaman atau amaun yang baginya ia menjadi bertanggungan di bawah apa-apa jaminan yang diberikan atau berkenaan dengan apa-apa cagaran yang diberikan yang berlanggaran dengan seksyen ini.

(4) Jika suatu syarikat melanggar seksyen ini, mana-mana pengarah yang membenarkan pemberian apa-apa pinjaman atau pemberian apa-apa jaminan yang berlawanan dengan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Larangan terhadap bayaran bebas cukai kepada pengarah**

**226.** (1) Sesuatu syarikat tidak boleh membayar kepada seseorang pengarah apa-apa saraan yang, sama ada sebagai pengarah atau selainnya, bebas daripada cukai pendapatan, atau selainnya dihitung dengan mengikut atau berbeza dengan amaun cukai pendapatannya, atau kadar cukai pendapatan.

(2) Mana-mana peruntukan yang terkandung dalam perlembagaan atau mana-mana ketetapan Lembaga atau anggota syarikat bagi pembayaran kepada seseorang pengarah saraan yang bebas daripada cukai pendapatan atau selainnya dihitung dengan mengikut atau berbeza dengan amaun cukai pendapatannya atau kadar cukai pendapatan hendaklah mempunyai kesan seolah-olah peruntukan atau ketetapan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan memperuntukkan bagi pembayaran sebagai suatu jumlah kasar tertakluk kepada cukai pendapatan, bagi jumlah bersih itu yang sebenarnya diberikan.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai dan mana-mana orang lain atau individu yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Bayaran kepada pengarah kerana hilang jawatan, dsb.**

**227.** (1) Tidak sah—

*(a)* bagi suatu syarikat untuk membuat apa-apa pembayaran kepada mana-mana pengarah melalui pampasan bagi kehilangan jawatan sebagai pegawai syarikat itu atau suatu subsidiari bagi syarikat itu atau sebagai balasan bagi atau berkaitan dengan persaraannya daripada apa-apa jawatan itu; atau

*(b)* bagi apa-apa pembayaran yang kena dibuat kepada mana-mana pengarah suatu syarikat berkaitan dengan pemindahmilikan keseluruhan atau mana-mana bahagian pengusahaan atau harta syarikat,

melainkan jika butir-butir berkenaan dengan pembayaran yang dicadangkan itu termasuk amaunnya, telah dizahirkan kepada anggota syarikat dan ketetapan bagi cadangan itu telah diluluskan oleh anggota dan apabila apa-apa bayaran telah dibuat dengan tidak sah amaun yang diterima oleh pengarah itu hendaklah disifatkan telah diterima olehnya sebagai amanah bagi syarikat.

(2) Dalam hal suatu syarikat awam, pengarah yang berkepentingan dalam pembayaran yang dicadangkan yang disebut dalam perenggan (1)*(a)* atau *(b)* dan orang yang berkaitan dengan pengarah itu hendaklah ditahan daripada mengundi bagi ketetapan itu.

(3) Jika suatu pembayaran hendaklah dibuat kepada pengarah berkaitan dengan pemindahmilikan kepada mana-mana orang hasil daripada suatu tawaran yang dibuat kepada pemegang syer bagi kesemua atau mana-mana syer dalam syarikat, pengarah itu hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa butir-butir berkenaan dengan pembayaran yang dicadangkan, termasuklah amaun bayaran yang dicadangkan, hendaklah dimasukkan dalam atau dihantar dengan apa-apa notis mengenai tawaran yang dibuat bagi syer mereka yang diberikan kepada mana-mana pemegang syer, melainkan jika butir-butir itu diberikan kepada pemegang syer mengikut undang-undang berkaitan yang terpakai bagi pengambilalihan.

(4) Jika berkaitan dengan apa-apa pemindahmilikan itu nilai yang kena dibayar kepada pengarah syarikat yang jawatannya akan dihapuskan atau yang akan bersara daripada jawatan bagi apa-apa syer dalam syarikat yang dipegang oleh pengarah itu melebihi nilai yang mungkin telah didapatkan pada masa itu oleh pemegang syer yang lain atau apa-apa balasan berharga yang diberikan kepada mana-mana pengarah, baki atau nilai wang bagi balasan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai pembayaran yang telah dibuat kepadanya melalui pampasan bagi kehilangan jawatan itu atau sebagai balasan bagi atau berkaitan dengan persaraannya daripada jawatan.

(5) Apa-apa sebutan dalam seksyen ini mengenai pembayaran kepada mana-mana pengarah syarikat melalui pampasan bagi kehilangan jawatan atau sebagai balasan bagi atau berkaitan dengan persaraannya daripada jawatan tidak termasuk—

*(a)* apa-apa bayaran di bawah suatu perjanjian yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini;

*(b)* apa-apa bayaran yang dibuat di bawah suatu perjanjian, jika butir-butirnya telah dizahirkan pada dan diluluskan oleh ketetapan khas syarikat;

*(c)* apa-apa bayaran *bona fide* sebagai ganti rugi kerana pelanggaran kontrak;

*(d)* apa-apa bayaran *bona fide* melalui pencen atau bayaran sekaligus berkenaan dengan perkhidmatan lalu termasuk apa-apa saraan atau elaun persaraan, saraan, ganjaran atau bayaran seumpamanya, jika nilai atau amaun pencen atau bayaran itu, kecuali setakat yang ia berkaitan dengan sumbangan yang dibuat oleh pengarah itu, tidak melebihi jumlah keseluruhan saraan pengarah itu dalam masa tiga tahun sebaik sebelum persaraan atau kematiannya; atau

*(e)* apa-apa bayaran kepada pengarah di bawah suatu perjanjian yang dibuat antara syarikat dengan pengarah itu sebelum dia menjadi pengarah syarikat sebagai balasan atau sebahagian daripada balasan bagi pengarah itu kerana bersetuju untuk berkhidmat dengan syarikat sebagai pengarah.

(6) Seksyen ini hendaklah sebagai tambahan kepada dan bukan pengurangan bagi mana-mana rukun undang-undang yang menghendaki penzahiran dibuat berkenaan dengan apa-apa bayaran sedemikian atau mana-mana bayaran lain yang seumpamanya.

(7) Dalam seksyen ini, "pengarah" termasuk mana-mana orang yang pada bila-bila masa menjadi pengarah syarikat atau perbadanan yang menurut kuasa seksyen 7 disifatkan berkaitan dengan syarikat itu.

(8) Dalam seksyen ini—

*(a)* seseorang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan; dan

*(b)* seseorang pengarah yang melanggar subseksyen (3) dan seseorang yang telah dikehendaki dengan sewajarnya oleh pengarah untuk memasukkan ke dalam atau menghantar apa-apa notis di bawah seksyen ini bagi butir-butir yang dikehendaki oleh subseksyen (3) dan tidak berbuat sedemikian, melakukan suatu kesalahan, dan jika kehendak seksyen ini tidak dipatuhi berkenaan dengan apa-apa jumlah wang yang diterima oleh pengarah itu bagi pembayaran itu hendaklah disifatkan telah diterima olehnya sebagai amanah bagi mana-mana orang yang telah menjual syernya hasil daripada tawaran yang telah dibuat.

**Transaksi dengan pengarah, pemegang syer substansial atau orang yang berkaitan**

**228.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan seksyen 229, sesuatu syarikat tidak boleh membuat atau menguatkuasakan apa-apa perkiraan atau transaksi jika pengarah atau pemegang syer substansial syarikat itu atau syarikat pemegangannya, atau subsidiarinya, atau seorang yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang syer substansial itu—

*(a)* memperoleh atau yang akan memperoleh syer atau aset bukan tunai dengan nilai yang dikehendaki, daripada syarikat itu; atau

*(b)* melupuskan atau hendak melupuskan syer atau aset bukan tunai dengan nilai dikehendaki, bagi syarikat itu,

melainkan jika—

(A) perjanjian atau transaksi itu dibuat tertakluk kepada kelulusan pemegang syer dalam suatu mesyuarat agung; atau

(B) penguatkuasaan perjanjian atau transaksi itu telah diluluskan oleh pemegang syer dalam suatu mesyuarat agung.

(2) Suatu perkiraan atau transaksi yang dikuatkuasakan yang berlanggaran dengan subseksyen (1) hendaklah terbatal melainkan jika kelulusan bagi perkiraan atau transaksi itu terlebih dahulu didapatkan—

*(a)* melalui suatu ketetapan syarikat; atau

*(b)* melalui suatu ketetapan syarikat pemegangan, jika perkiraan atau transaksi itu adalah bagi faedah pengarah atau pemegang syer substansial syarikat pemegangannya atau orang yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang syer substansial itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), dalam hal suatu subsidiari tidak tersenarai yang syarikat pemegangannya ialah suatu syarikat tersenarai, pengarah bagi syarikat pemegangan itu hendaklah

mendapatkan kelulusan pemegang syer bagi syarikat pemegangan itu dalam suatu mesyuarat agung bagi perkiraan atau transaksi oleh subsidiari tidak tersenarai itu sebagai tambahan kepada kelulusan pemegang syer bagi subsidiari tidak tersenarai itu yang didapatkan oleh pengarah subsidiari tidak tersenarai itu dalam suatu mesyuarat agung.

(4) Dalam hal suatu syarikat awam atau syarikat pemegangannya atau subsidiarinya, pengarah atau pemegang syer substansial atau orang yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang syer substansial itu yang berkepentingan dalam perkiraan atau transaksi yang disebut dalam perenggan (1)*(a)* atau *(b)* hendaklah ditahan daripada mengundi melalui ketetapan pada mesyuarat agung untuk menimbangkan perkiraan atau transaksi yang disebut dalam subseksyen (2).

(5) Jika sesuatu perkiraan atau transaksi dibuat atau dikuatkuasakan oleh suatu syarikat yang melanggar subseksyen (1) dan (2), pengarah itu, pemegang syer substansial dan orang yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang syer substansial itu dan mana-mana pengarah yang dengan diketahuinya membenarkan perkiraan atau transaksi itu hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa liabiliti lain, bertanggungan—

*(a)* untuk memberi keterangan kepada syarikat itu bagi apa-apa keuntungan yang telah didapatkan secara langsung atau tidak langsung melalui perkiraan atau transaksi itu; dan

*(b)* secara bersesama dan berasingan dengan mana-mana orang yang bertanggungan di bawah subseksyen ini, untuk menanggung rugi syarikat itu bagi apa-apa kehilangan atau kerugian akibat perkiraan atau transaksi itu.

(6) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana anggota atau pengarah syarikat, menahan syarikat itu daripada membuat atau menguatkuasakan sesuatu perkiraan atau transaksi yang berlanggaran dengan subseksyen (1).

(7) Seseorang pengarah atau pemegang syer substansial suatu syarikat atau syarikat pemegangannya, atau subsidiarinya atau seseorang yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang syer substansial itu, yang bagi faedahnya syarikat itu menguatkuasakan

perkiraan atau transaksi itu dan yang mengetahui bahawa perkiraan atau transaksi itu dikuatkuasakan oleh syarikat itu yang berlanggaran dengan seksyen ini, atau seseorang pengarah yang dengan diketahuinya membenarkan syarikat itu menguatkuasakan apa-apa perkiraan atau transaksi, yang berlanggaran dengan seksyen ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(8) Bagi maksud subseksyen (1)—

*(a)* "orang yang berkaitan dengan pemegang syer substansial" hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepada "orang yang berkaitan dengan pengarah" dalam seksyen 197 kecuali semua sebutan dalamnya mengenai seorang pengarah hendaklah dibaca sebagai sebutan mengenai pemegang syer substansial;

*(b)* "nilai yang dikehendaki", dalam hal suatu syarikat yang kesemua atau mana-mana syernya disenaraikan untuk disebut harga di bursa saham atau subsidiarinya, hendaklah mempunyai nilai yang sama dengan nilai yang diperihalkan dalam kehendak penyenaraian bursa saham jika kelulusan pemegang syer dalam mesyuarat agung dikehendaki;

*(c)* dalam hal mana-mana syarikat selain syarikat yang baginya perenggan *(b)* terpakai, aset bukan tunai adalah dalam nilai yang dikehendaki jika, pada masa transaksi itu dibuat, nilainya melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau jika nilainya tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit tetapi melebihi sepuluh peratus nilai bersih aset syarikat dengan syarat ia tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit, jika—

(i) nilai aset syarikat ditentukan mengikut akaun yang disediakan di bawah seksyen 245 berkenaan dengan tahun kewangan yang terakhir sebelum perkiraan atau transaksi itu; atau

(ii) tiada akaun telah disediakan sedemikian dan dibentangkan sebelum masa itu, amaun modal syer terpanggil syarikat itu.

(9) Dalam seksyen ini—

*(a)* sebutan mengenai perolehan atau pelupusan suatu aset bukan tunai termasuk pewujudan atau penghapusan estet atau kepentingan dalam, atau hak ke atas, apa-apa harta dan juga pelepasan bagi liabiliti mana-mana orang, selain liabiliti bagi jumlah wang yang ditentukan;

*(b)* "wang tunai" termasuk mata wang asing; dan

*(c)* "aset bukan tunai" ertinya apa-apa harta atau kepentingan dalam harta selain wang tunai.

**Kecualian bagi seksyen 228**

**229.** Seksyen 228 tidak terpakai bagi suatu perkiraan atau transaksi bagi perolehan atau pelupusan aset bukan tunai yang dibuat—

*(a)* oleh suatu syarikat—

(i) dengan mana-mana subsidiari milik penuhnya;

(ii) dengan syarikat pemegangannya yang memegang semua syer pengeluaran syarikat; atau

(iii) yang merupakan subsidiari milik penuh suatu syarikat pemegangan dengan subsidiari milik penuh syarikat yang lain bagi syarikat pemegangan yang sama itu;

*(b)* oleh suatu syarikat yang sedang digulungkan, melainkan jika penggulungan itu adalah penggulungan sukarela anggota;

*(c)* oleh suatu syarikat yang perolehan atau pelupusan aset adalah dalam urusan perniagaan biasa syarikat dan mengikut terma yang tidak kurang baiknya daripada yang disediakan kepada orang awam atau pekerja syarikat;

*(d)* oleh suatu syarikat jika perkiraan atau transaksi itu tidak melibatkan pemindahmilikan wang tunai atau harta dan tidak berkuat kuasa melainkan jika diluluskan pada suatu mesyuarat agung atau oleh pihak berkuasa yang berkaitan;

*(e)* oleh suatu syarikat yang dibuat mengikut skim perkiraan yang diluluskan oleh Mahkamah di bawah seksyen 366; atau

*(f)* oleh suatu syarikat berkaitan dengan suatu tawaran pengambilalihan yang dibuat mengikut undang-undang yang berkaitan yang terpakai bagi tawaran itu.

**Kelulusan bagi fi pengarah**

**230.** (1) Fi bagi pengarah, dan apa-apa faedah yang kena dibayar kepada pengarah termasuklah apa-apa pampasan bagi kehilangan pekerjaan seseorang pengarah atau bekas pengarah—

*(a)* bagi suatu syarikat awam; atau

*(b)* bagi suatu syarikat tersenarai dan subsidiarinya,

hendaklah diluluskan pada suatu mesyuarat agung.

(2) Dalam hal suatu syarikat persendirian Lembaga boleh, tertakluk kepada perlembagaan, meluluskan fi bagi pengarah dan apa-apa faedah yang kena dibayar kepada pengarah termasuk apa-apa pampasan bagi kehilangan pekerjaan seseorang pengarah atau bekas pengarah.

(3) Apa-apa kelulusan yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat pengarah dan Lembaga hendaklah memberitahu pemegang syer mengenai kelulusan fi itu dalam masa empat belas hari dari tarikh kelulusan itu.

(4) Jika fi dibuat atau faedah lain diberikan yang baginya subseksyen (2) terpakai, anggota yang memegang sekurang-kurangnya sepuluh peratus jumlah keseluruhan hak mengundi dan yang menimbangkan bahawa pembayaran itu tidak adil bagi syarikat boleh, dalam masa tiga puluh hari selepas mengetahui tentang pembayaran itu, menghendaki syarikat untuk meluluskan suatu ketetapan bagi meluluskan pembayaran itu sama ada melalui ketetapan bertulis atau pada suatu mesyuarat agung.

(5) Melainkan jika suatu kelulusan telah diperoleh melalui ketetapan yang diluluskan di bawah subseksyen (4), pembayaran itu hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar oleh pengarah kepada syarikat.

(6) Syarikat yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit dan apa-apa pembayaran yang berlanggaran dengan subseksyen (1) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar oleh pengarah kepada syarikat.

(7) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit.

**Kontrak perkhidmatan pengarah**

**231.** (1) Bagi maksud Penggal ini, "kontrak perkhidmatan" seseorang pengarah berhubung dengan suatu syarikat awam ertinya suatu kontrak yang di bawahnya—

*(a)* pengarah syarikat itu yang dengan sendiri mengaku janji untuk melaksanakan khidmatnya, sebagai pengarah atau selainnya bagi syarikat awam itu atau bagi subsidiari syarikat awam itu; atau

*(b)* khidmat yang pengarah syarikat awam itu dengan sendiri mengaku janji untuk melaksanakan sebagai pengarah atau selainnya dibuat oleh pihak ketiga kepada syarikat awam itu, atau kepada subsidiari bagi syarikat awam itu.

(2) Peruntukan Penggal ini yang berhubungan dengan kontrak perkhidmatan pengarah hendaklah—

*(a)* terpakai bagi terma pelantikan seseorang sebagai pengarah suatu syarikat awam; atau

*(b)* tidak terhad kepada kontrak bagi pelaksanaan khidmat di luar bidang tugas biasa seorang pengarah.

**Salinan kontrak hendaklah tersedia bagi pemeriksaan**

**232.** (1) Tertakluk kepada seksyen 233, suatu syarikat awam hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu salinan tiap-tiap kontrak perkhidmatan pengarah dengan syarikat itu atau subsidiarinya supaya tersedia bagi pemeriksaan.

(2) Semua salinan kontrak itu hendaklah disimpan tersedia bagi pemeriksaan di pejabat berdaftar syarikat itu.

(3) Salinan kontrak itu hendaklah tersedia bagi pemeriksaan sekurang-kurangnya satu tahun dari tarikh penamatan atau habis tempoh kontrak itu.

(4) Syarikat itu hendaklah memberikan notis kepada Pendaftar—

*(a)* mengenai tempat di mana salinan kontrak itu disimpan tersedia bagi pemeriksaan; dan

*(b)* mengenai apa-apa pertukaran tempat itu,

melainkan jika salinan kontrak itu tersimpan pada setiap masa di pejabat berdaftar syarikat itu.

(5) Syarikat itu dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.

(6) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi pengubahan tentang kontrak perkhidmatan pengarah sebagaimana yang ia terpakai bagi kontrak asalnya.

**Hak anggota untuk memeriksa dan meminta salinan**

**233.** (1) Tiap-tiap salinan kontrak yang dikehendaki supaya disimpan di bawah seksyen 232 hendaklah tersedia bagi pemeriksaan oleh—

*(a)* dalam hal suatu syarikat awam yang mempunyai modal syer, oleh anggota yang memegang sekurang-kurangnya lima peratus daripada jumlah keseluruhan modal berbayar; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat awam yang tidak mempunyai modal syer, oleh sekurang-kurangnya sepuluh peratus anggota.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), anggota yang berhak untuk membuat pemeriksaan atas permintaan dan apabila dibayar apa-apa fi yang ditetapkan adalah berhak diberikan suatu salinan apa-apa kontrak itu.

(3) Salinan itu hendaklah diberikan dalam masa tujuh hari dari tarikh permintaan itu diterima oleh syarikat.

(4) Tiap-tiap pegawai yang menolak suatu permintaan bagi pemeriksaan di bawah subsekyen (1) atau melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit.

(5) Dalam hal apa-apa penolakan atau keingkaran itu, Mahkamah boleh, melalui perintah, memaksa suatu pemeriksaan segera dilakukan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengarahkan supaya salinan yang dikehendaki itu dihantar kepada orang yang menghendakinya.

**Kontrak dengan anggota tunggal yang juga merupakan pengarah**

**234.** (1) Seksyen ini terpakai jika—

*(a)* suatu syarikat berhad yang mempunyai hanya satu anggota membuat kontrak dengan anggota tunggal;

*(b)* anggota tunggal itu adalah juga seorang pengarah syarikat; dan

*(c)* kontrak tidak dibuat dalam perjalanan biasa urusan syarikat.

(2) Syarikat hendaklah, melainkan jika kontrak adalah secara bertulis, memastikan bahawa terma kontrak direkodkan dengan sewajarnya dalam minit mesyuarat pengarah yang diadakan sebaik selepas kontrak itu dibuat.

(3) Seksyen ini hendaklah sebagai tambahan kepada dan bukan pengurangan bagi mana-mana undang-undang lain yang terpakai bagi kontrak antara syarikat dengan pengarah syarikat.

(4) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.

Subpenggal 4

*Setiausaha*

**Kehendak bagi setiausaha**

**235.** (1) Suatu syarikat hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang setiausaha yang hendaklah—

*(a)* seorang orang sebenar;

*(b)* berumur lapan belas tahun ke atas; dan

*(c)* seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia,

yang hendaklah lazimnya menetap di Malaysia dengan mempunyai tempat kediaman yang utama di Malaysia.

(2) Seseorang setiausaha hendaklah—

*(a)* seorang anggota suatu badan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat; atau

*(b)* seorang yang dilesenkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 20G Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

(3) Bagi maksud perenggan (2)*(a)*, Menteri boleh menetapkan mana-mana badan profesional atau mana-mana badan lain melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(4) Syarikat itu dan tiap-tiap pengarah yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Pelantikan setiausaha**

**236.** (1) Lembaga pengarah hendaklah melantik seorang setiausaha dan menentukan terma dan syarat bagi pelantikan itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), pelantikan setiausaha yang pertama hendaklah dibuat dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemerbadanan syarikat.

(3) Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai setiausaha melainkan jika—

*(a)* dia memberikan persetujuan secara bertulis untuk dilantik sebagai setiausaha;

*(b)* dia seorang yang berkelayakan di bawah subseksyen 235(2); dan

*(c)* dia bukan seorang yang dihilangkan kelayakan di bawah seksyen 238.

(4) Syarikat dan tiap-tiap orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Peletakan jawatan setiausaha**

**237.** (1) Tertakluk kepada perlembagaan atau terma pelantikan, setiausaha boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan suatu notis kepada Lembaga.

(2) Jika tiada seorang pun pengarah boleh dihubungi di alamat kediaman yang terakhir diketahui, setiausaha itu boleh, walau apa pun subseksyen 235(1), memberitahu Pendaftar fakta tentang niatnya untuk meletakkan jawatan itu.

(3) Setiausaha hendaklah terhenti menjadi setiausaha syarikat—

*(a)* apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis itu diserah simpan di bawah subseksyen (1) atau tempoh yang dinyatakan dalam perlembagaan atau terma pelantikan, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

*(b)* apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis kepada Pendaftar itu di bawah subseksyen (2).

(4) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) dan (2) boleh melepaskan setiausaha daripada menanggung liabiliti bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan sebelum setiausaha itu mengosongkan jawatannya.

**Hilang kelayakan untuk bertindak sebagai setiausaha**

**238.** (1) Seseorang hendaklah dihilangkan kelayakan untuk bertindak sebagai setiausaha jika—

*(a)* dia ialah seorang bankrap yang belum dilepaskan;

*(b)* dia disabitkan sama ada di dalam Malaysia atau di luar Malaysia bagi mana-mana kesalahan yang disebut dalam seksyen 198; atau

*(c)* dia terhenti menjadi pemegang perakuan amalan yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 241.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika Pendaftar berpendapat bahawa seseorang telah gagal untuk bertindak dengan jujur atau menggunakan usaha yang tidak wajar semasa menunaikan kewajipannya sebagai setiausaha, Pendaftar itu boleh menghendaki orang itu untuk menunjuk sebab mengapa perakuan amalannya tidak patut dibatalkan atau mengapa dia tidak patut dihilangkan kelayakan daripada bertindak sebagai setiausaha syarikat.

(3) Jika seseorang terus bertindak sebagai setiausaha bagi suatu syarikat selepas dia dihilangkan kelayakan sedemikian di bawah seksyen ini tanpa keizinan Mahkamah, setiausaha itu dan tiap-tiap pengarah yang dengan diketahuinya membenarkan orang itu untuk bertindak atas sifat itu melakukan suatu kesalahan.

**Pemecatan setiausaha**

**239.** Lembaga boleh memecat seseorang setiausaha daripada jawatannya mengikut terma pelantikan atau perlembagaan.

**Jawatan setiausaha tidak boleh dibiarkan kosong**

**240.** Jawatan setiausaha suatu syarikat tidak boleh dibiarkan kosong selama tempoh yang lebih daripada tiga puluh hari pada satu-satu masa.

**Kehendak untuk berdaftar dengan Pendaftar**

**241.** (1) Mana-mana orang yang layak untuk bertindak sebagai setiausaha dan yang berhasrat untuk bertindak sebagai setiausaha hendaklah berdaftar di bawah seksyen ini sebelum dia boleh bertindak sebagai setiausaha.

(2) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya suatu daftar setiausaha disimpan dan hendaklah menyebabkan supaya dicatatkan dalam daftar itu berhubung dengan setiausaha—

*(a)* nama setiausaha itu;

*(b)* alamat kediaman dan alamat perniagaan setiausaha itu;

*(c)* butir-butir kelayakan yang disebut dalam subseksyen 235(2); dan

*(d)* apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(3) Pendaftar, sebelum mendaftarkan orang itu, boleh—

*(a)* menghendakinya untuk mengemukakan apa-apa keterangan sehingga Pendaftar berpuas hati dengan kelayakan yang dinyatakan di bawah subseksyen 235(2);

*(b)* mengenakan apa-apa syarat lain yang disifatkannya patut.

(4) Jika kehendak di bawah subseksyen (3) dipenuhi, Pendaftar hendaklah—

*(a)* mencatatkan butir-butir itu dalam daftar setiausaha; dan

*(b)* mengeluarkan suatu perakuan amalan mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar.

(5) Pada atau selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, seseorang yang menjadi setiausaha syarikat dan yang tidak berdaftar di bawah subseksyen (1) boleh terus bertindak sebagai setiausaha bagi syarikat itu selama tempoh tidak lebih daripada dua belas bulan atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang boleh dibenarkan oleh Pendaftar.

(6) Selepas habis tempoh yang disebut dalam subseksyen (5), seseorang yang tidak mematuhi kehendak untuk mendaftar disifatkan tidak berdaftar di bawah seksyen ini.

(7) Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan mana-mana perakuan amalan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

(8) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

**Larangan bertindak atas dua keupayaan**

**242.** Seseorang dilarang untuk bertindak atas dua keupayaan sebagai kedua-dua pengarah dan setiausaha apabila sesuatu keadaan menghendaki atau membenarkan apa-apa perkara untuk dilakukan oleh seseorang pengarah dan seseorang setiausaha.

Penggal 3

*Akaun dan Audit*

Subpenggal 1

*Penyata Kewangan dan Laporan*

**Tafsiran**

**243.** Bagi maksud Penggal ini—

"piawaian perakaunan diluluskan" hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Laporan Kewangan 1997 [*Akta 558*];

"subsidiari", kecuali bagi seksyen 246 mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Laporan Kewangan 1997.

**Pematuhan kepada piawaian perakaunan diluluskan**

**244.** (1) Piawaian perakaunan diluluskan hendaklah terpakai bagi penyata kewangan syarikat atau penyata kewangan disatukan syarikat pemegangan jika, pada masa penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu disediakan, piawaian perakaunan diluluskan itu—

*(a)* terpakai berhubung dengan tahun kewangan syarikat atau syarikat pemegangan yang berhubung dengan penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu; dan

*(b)* adalah berkaitan dengan penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan Subpenggal ini, pengarah syarikat hendaklah memastikan bahawa penyata kewangan syarikat dan, jika syarikat itu ialah syarikat pemegangan yang baginya penyata kewangan disatukan dikehendaki, penyata kewangan disatukan syarikat yang dibuat mengikut piawaian perakaunan diluluskan yang terpakai dan hendaklah—

*(a)* dalam hal suatu syarikat awam, diedarkan kepada anggotanya dan dibentangkan di hadapan syarikat pada mesyuarat agung tahunannya; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat persendirian, diedarkan kepada anggotanya atau dibentangkan di hadapan syarikat pada mesyuarat anggota.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), pengarah syarikat atau syarikat pemegangan tidak dikehendaki untuk memastikan bahawa penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, disediakan mengikut piawaian perakaunan diluluskan jika pengarah berpendapat bahawa menyediakan penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan mengikut piawaian perakaunan diluluskan itu tidak akan memberikan suatu pandangan yang benar dan patut—

*(a)* mengenai perkara yang dikehendaki di bawah seksyen 249 untuk dinyatakan dalam penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu; atau

*(b)* mengenai kesan terhadap perniagaan dan keadaan hal ehwal syarikat itu dan, jika berkenaan, mengenai semua syarikat yang hal ehwalnya dinyatakan dalam penyata kewangan disatukan.

(4) Jika penyata kewangan suatu syarikat atau penyata kewangan disatukan suatu syarikat pemegangan tidak disediakan mengikut piawaian perakaunan diluluskan yang tertentu di bawah subseksyen (3), pengarah syarikat itu hendaklah—

*(a)* menzahirkan melalui suatu catatan pada penyata kewangan sebab tidak menyediakan penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu mengikut piawaian perakaunan diluluskan; dan

*(b)* memberikan butir-butir dalam catatan tentang kesan kewangan kuantiti pada penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu jika piawaian perakaunan diluluskan yang berkaitan dipatuhi.

(5) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini, jika penyata kewangan itu dikehendaki untuk disediakan bagi atau diserah simpan dengan pihak berkuasa yang disebut dalam seksyen 26D Akta Laporan Kewangan 1997, penyata kewangan itu hendaklah disediakan mengikut piawaian perakaunan diluluskan tertakluk kepada apa-apa spesifikasi, garis panduan atau peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa itu.

(6) Maklumat dalam akaun atau akaun disatukan bagi orang yang melaporkan kepada pihak berkuasa yang disebut dalam seksyen 26D Akta Laporan Kewangan 1997 hendaklah disifatkan telah mematuhi kehendak Penggal ini jika penyata kewangan itu disediakan mengikut undang-undang itu.

(7) Jika timbul apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan piawaian perakaunan diluluskan yang terpakai dengan Akta ini mengenai pemakaiannya masing-masing bagi penyata kewangan syarikat atau penyata kewangan disatukan syarikat pemegangan, peruntukan piawaian perakaunan diluluskan yang terpakai itu hendaklah dipakai.

**Akaun hendaklah disimpan**

**245.** (1) Sesuatu syarikat, pengarah dan pengurus suatu syarikat hendaklah—

*(a)* menyebabkan supaya disimpan apa-apa rekod perakaunan dan rekod lain yang akan secukupnya menjelaskan transaksi dan kedudukan kewangan syarikat dan membolehkan akaun untung rugi dan kunci kira-kira yang betul dan tepat dan apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk dilampirkan dengannya disediakan; dan

*(b)* menyebabkan apa-apa rekod perakaunan dan rekod lain disimpan mengikut cara yang membolehkan rekod perakaunan dan rekod lain itu diaudit dengan mudah dan sepatutnya.

(2) Syarikat, pengarah dan pengurus syarikat hendaklah menyebabkan supaya catatan yang sewajarnya dibuat dalam rekod perakaunan dan rekod lain dalam masa enam puluh hari dari selesainya transaksi yang berhubung dengan catatan itu.

(3) Syarikat hendaklah memegang simpan rekod yang disebut dalam subseksyen (1) itu selama tujuh tahun selepas selesainya transaksi atau pengendalian yang berhubung dengan catatan itu.

(4) Rekod yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disimpan di pejabat berdaftar syarikat atau di mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh pengarah, dan hendaklah pada setiap masa dibuka bagi pemeriksaan oleh pengarah.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), rekod perakaunan dan rekod lain bagi pengendalian di luar Malaysia bolehlah disimpan oleh syarikat itu di suatu tempat di luar Malaysia dengan syarat bahawa rekod perakaunan dan rekod lain itu hendaklah dihantar dan disimpan di suatu tempat di Malaysia dan dijadikan tersedia untuk diperiksa oleh pengarah pada setiap masa.

(6) Rekod perakaunan dan rekod lain yang disebut dalam subseksyen (5) hendaklah termasuk apa-apa pernyataan dan penyata berkenaan dengan urusan yang diperkatakan dalam rekod yang disimpan sedemikian untuk membolehkan penyediaan suatu penyata kewangan yang benar dan patut dan apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk dilampirkan dengan penyata kewangan itu.

(7) Jika mana-mana rekod perakaunan dan rekod lain disimpan di suatu tempat di luar Malaysia di bawah subseksyen (4) atau (5), Pendaftar boleh menghendaki syarikat untuk mengemukakan rekod itu di suatu tempat di Malaysia atau menentukan jenis dan cara rekod itu hendaklah disimpan di Malaysia.

(8) Mahkamah boleh, dalam apa-apa hal tertentu, memerintahkan supaya rekod perakaunan dan rekod lain syarikat dibuka untuk pemeriksaan oleh juruaudit syarikat yang diluluskan yang bertindak bagi pihak pengarah, tertakluk kepada suatu aku janji bertulis yang diberikan kepada Mahkamah bahawa maklumat yang diperoleh oleh juruaudit semasa pemeriksaannya tidak boleh dizahirkan olehnya kecuali kepada pengarah itu.

(9) Syarikat dan tiap-tiap pegawai syarikat yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Sistem kawalan dalaman**

**246.** (1) Pengarah suatu syarikat awam atau subsidiari bagi syarikat awam hendaklah mempunyai suatu sistem kawalan dalaman yang akan memberi jaminan yang munasabah bahawa—

*(a)* aset syarikat itu dilindungi terhadap kerugian akibat penggunaan atau pelupusan yang tidak dibenarkan dan dapat memberikan keterangan aset yang sepatutnya; dan

*(b)* semua transaksi dibenarkan dengan sepatutnya dan transaksi itu direkodkan yang perlu untuk membolehkan penyata kewangan syarikat yang benar dan patut disediakan.

(2) Mana-mana pengarah yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

**Tempoh perakaunan syarikat dalam kumpulan yang sama**

**247.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (10), (11) dan (12), pengarah tiap-tiap syarikat pemegangan yang bukan suatu syarikat asing hendaklah mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk memastikan bahawa dalam masa dua tahun selepas mana-mana perbadanan menjadi subsidiari bagi syarikat pemegangan itu, tahun kewangan perbadanan itu sama dengan tahun kewangan syarikat pemegangan itu.

(2) Jika tahun kewangan bagi suatu syarikat pemegangan yang bukan suatu syarikat asing dan setiap satu daripada subsidiarinya adalah sama, pengarah syarikat pemegangan itu hendaklah pada setiap masa mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa tahun kewangan syarikat pemegangan atau mana-mana subsidiarinya tidak diubah supaya semua tahun kewangan tersebut tidak sama dengan syarikat pemegangan itu melainkan jika keizinan Pendaftar didapatkan.

(3) Jika pengarah syarikat pemegangan berpendapat bahawa terdapat sebab yang wajar tentang mengapa tahun kewangan mana-mana subsidiarinya tidak boleh sama dengan tahun kewangan syarikat pemegangan itu, pengarah boleh memohon secara bertulis kepada Pendaftar untuk mendapatkan suatu perintah yang membenarkan mana-mana subsidiari itu terus mempunyai atau menerima pakai, mengikut kehendak keadaan, tahun kewangan yang tidak sama dengan syarikat pemegangan itu.

(4) Permohonan itu hendaklah disokong dengan suatu pernyataan oleh pengarah syarikat pemegangan yang menyatakan sebab bagi mendapatkan perintah itu.

(5) Pendaftar boleh menghendaki pengarah yang membuat suatu permohonan di bawah seksyen ini untuk memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pengendalian syarikat pemegangan dan mana-mana perbadanan yang disifatkan menurut kuasa seksyen 7 sebagai berkaitan dengan syarikat pemegangan itu sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud menentukan permohonan itu.

(6) Dalam menentukan permohonan itu, Pendaftar boleh, atas perbelanjaan syarikat pemegangan yang pemohon itu merupakan pengarah, meminta mana-mana juruaudit syarikat yang diluluskan untuk menyiasat dan melaporkan tentang permohonan itu.

(7) Pendaftar boleh membuat suatu perintah yang membenarkan atau menolak permohonan atau membenarkan permohonan itu tertakluk kepada apa-apa sekatan, terma atau syarat yang difikirkannya patut dan hendaklah menyampaikan perintah itu kepada syarikat pemegangan itu.

(8) Pemohon yang terkilan dengan mana-mana perintah yang dibuat oleh Pendaftar boleh merayu terhadap perintah itu kepada Menteri dalam masa dua bulan selepas penyampaian perintah itu kepada syarikat pemegangan.

(9) Menteri hendaklah menentukan rayuan itu dan dalam menentukan rayuan itu, boleh membuat apa-apa perintah yang Pendaftar mempunyai kuasa untuk membuat ke atas permohonan asal dan boleh menjalankan mana-mana kuasa yang mungkin dijalankan oleh Pendaftar berhubung dengan permohonan asal itu.

(10) Jika pengarah syarikat pemegangan telah memohon kepada Pendaftar untuk mendapatkan suatu perintah yang membenarkan mana-mana subsidiari untuk terus mempunyai tahun kewangan yang tidak sama dengan syarikat pemegangan itu, kuat kuasa subseksyen (1) hendaklah digantung berhubung dengan subsidiari itu sehingga penentuan permohonan dan apa-apa rayuan yang berbangkit daripada permohonan itu.

(11) Jika suatu perintah dibuat yang membenarkan mana-mana subsidiari untuk mempunyai tahun kewangan yang tidak sama dengan syarikat pemegangan itu, pematuhan terhadap terma perintah Pendaftar itu atau jika terdapat rayuan, pematuhan terhadap terma apa-apa perintah yang dibuat semasa penentuan rayuan itu hendaklah disifatkan sebagai pematuhan kepada subseksyen (1) berhubung dengan subsidiari itu.

(12) Jika suatu permohonan bagi mendapatkan suatu perintah untuk membenarkan mana-mana subsidiari untuk mempunyai tahun kewangan yang tidak sama dengan syarikat pemegangan itu dan rayuan, jika ada, yang berbangkit daripada permohonan itu ditolak, masa yang dalamnya pengarah syarikat pemegangan itu dikehendaki untuk mematuhi subseksyen (1) berhubung dengan subsidiari itu hendaklah disifatkan sebagai tempoh dua belas bulan selepas tarikh yang perintah Pendaftar itu disampaikan kepada syarikat pemegangan itu atau tempoh dua belas bulan selepas penentuan rayuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(13) Jika pengarah syarikat pemegangan telah memohon kepada Pendaftar untuk mendapatkan suatu perintah yang membenarkan mana-mana subsidiarinya untuk terus mempunyai atau menerima pakai tahun kewangan yang tidak sama dengan tahun kewangan syarikat pemegangan itu dan permohonan serta rayuan itu, jika ada, yang berbangkit daripada permohonan itu, ditolak, maka pengarah syarikat pemegangan itu tidak boleh membuat permohonan yang sama berkenaan dengan subsidiari itu dalam masa tiga tahun selepas penolakan permohonan itu atau jika terdapat rayuan, selepas penentuan rayuan itu melainkan jika Pendaftar berpuas hati bahawa telah terdapat perubahan substansial mengenai fakta atau hal keadaan yang berkaitan sejak penolakan permohonan atau penentuan rayuan terdahulu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(14) Mana-mana pengarah yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Pengarah hendaklah menyediakan penyata kewangan**

**248.** (1) Pengarah tiap-tiap syarikat hendaklah menyediakan penyata kewangan—

*(a)* dalam masa lapan belas bulan dari tarikh pemerbadanannya; dan

*(b)* berikutnya, dalam masa enam bulan dari tahun kewangannya berakhir.

(2) Penyata kewangan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah diaudit sewajarnya sebelum penyata kewangan itu dihantar kepada tiap-tiap anggota di bawah seksyen 257 atau, dalam hal suatu syarikat awam, dihantar kepada tiap-tiap anggota di bawah seksyen 257 dan dibentangkan di hadapan mesyuarat agung tahunan di bawah seksyen 340.

(3) Mana-mana pengarah syarikat yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Kehendak am bagi penyata kewangan**

**249.** (1) Penyata kewangan tahunan bagi sesuatu tahun kewangan hendaklah memberikan gambaran yang benar dan patut tentang kedudukan kewangan setakat akhir tahun kewangan itu dan prestasi kewangan bagi tahun kewangan syarikat.

(2) Penyata kewangan tahunan disatukan bagi sesuatu tahun kewangan hendaklah—

*(a)* memberikan gambaran yang benar dan patut tentang kedudukan kewangan syarikat dan semua subsidiarinya yang diperkatakan dalam penyata kewangan disatukan itu sebagai keseluruhan pernyataan pada akhir tahun kewangan; dan

*(b)* memberikan gambaran yang benar dan patut tentang prestasi kewangan syarikat dan semua subsidiarinya yang dinyatakan dalam penyata kewangan disatukan itu secara menyeluruh bagi tahun kewangan itu.

(3) Bagi maksud Penggal ini, Pendaftar boleh menghendaki maklumat tambahan yang disifatkannya patut selain maklumat yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang disebut dalam seksyen 26D Akta Laporan Kewangan 1997 dalam penyata kewangan orang yang melaporkan kepada mana-mana pihak berkuasa yang disebut dalam subseksyen 244(6).

(4) Walau apa pun mana-mana peruntukan yang berkaitan bagi piawaian perakaunan diluluskan yang terpakai, penyata kewangan hendaklah mengandungi, dalam catatan kepada pernyataan itu, maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dan boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

*(a)* saraan pengarah;

*(b)* faedah persaraan pengarah;

*(c)* pampasan kepada pengarah bagi kehilangan jawatan;

*(d)* pinjaman, pinjaman kuasi dan urusan lain yang memihak kepada pengarah;

*(e)* jumlah keseluruhan amaun yang dibayar kepada atau diterima oleh juruaudit atas saraan bagi perkhidmatan mereka sebagai juruaudit, termasuk semua fi, peratusan, atau bayaran atau balasan lain yang diberikan oleh atau daripada syarikat itu atau oleh atau daripada mana-mana subsidiari syarikat itu.

(5) Apa-apa dokumen, selain penyata kewangan yang disediakan mengikut Akta ini atau iklan yang disiarkan, dikeluarkan atau diedarkan oleh atau bagi pihak sesuatu syarikat, selain perbadanan perbankan, tidak boleh mengandungi apa-apa representasi langsung atau tidak langsung bahawa syarikat itu mempunyai apa-apa rizab melainkan jika representasi itu disertakan—

*(a)* jika rizab itu dilaburkan di luar perniagaan syarikat, dengan pernyataan yang menunjukkan cara ia dilaburkan dan jaminan bagi pelaburan itu; atau

*(b)* jika rizab itu sedang digunakan dalam perniagaan syarikat, dengan pernyataan yang menyatakan bahawa rizab itu sedang digunakan sedemikian.

(6) Jika suatu syarikat yang dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan insurans atau takaful dikehendaki untuk menyediakan penyata kewangan mengikut bentuk yang ditetapkan oleh undang-undang itu, syarikat itu hendaklah disifatkan telah mematuhi kehendak piawaian perakaunan diluluskan jika penyata kewangannya disediakan mengikut undang-undang itu.

(7) Jika syarikat itu menjalankan perniagaan selain perniagaan insurans atau takaful setakat yang undang-undang itu tidak menghendaki syarikat itu menguruskan apa-apa perkara yang dikehendaki untuk diuruskan di bawah piawaian perakaunan diluluskan, syarikat itu hendaklah mematuhi seksyen ini dan piawaian perakaunan diluluskan itu.

(8) Syarikat pemegangan mana-mana syarikat yang dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan insurans atau takaful hendaklah disifatkan mematuhi kehendak piawaian perakaunan diluluskan yang berhubungan dengan penyediaan penyata kewangannya dengan syarat bahawa ia tidak menjalankan perniagaan lain kecuali sebagai syarikat pemegangan.

**Subsidiari hendaklah dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan**

**250.** (1) Penyata kewangan disatukan bagi sesuatu tahun kewangan hendaklah termasuk semua subsidiari bagi sesuatu syarikat.

(2) Jika penyata kewangan disatukan itu tidak memasukkan subsidiari bagi syarikat, pengarah hendaklah menzahirkan melalui nota pada penyata kewangan itu dengan menyatakan sebabnya kerana tidak menggabungkan satu atau lebih subsidiari dalam penyata kewangan itu.

(3) Dalam hal suatu subsidiari yang diperbadankan di suatu negara di luar Malaysia, sama ada ia telah menubuhkan tempat perniagaan di Malaysia atau tidak, yang negara itu telah diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta* sebagai negara yang seksyen ini terpakai, adalah mencukupi sekiranya akaun untung rugi atau kunci kira-kira yang berasingan, mengikut kehendak keadaan, bagi subsidiari itu dalam apa-apa bentuk dan dilaporkan sedemikian oleh juruaudit dan mengandungi apa-apa butir-butir dan termasuklah apa-apa dokumen, jika ada, sebagaimana yang syarikat itu dikehendaki membuatnya dan membentangkan di hadapan syarikat dalam suatu mesyuarat agung mengikut undang-undang yang pada masa ini terpakai bagi syarikat di tempat ia diperbadankan.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), syarikat pemegangan hendaklah mempunyai kuasa untuk meminta semua maklumat yang berkaitan daripada subsidiarinya untuk memastikan pematuhan di bawah seksyen ini.

(5) Mana-mana pengarah yang tidak mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan pematuhan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

**Penyata kewangan hendaklah diluluskan oleh Lembaga**

**251.** (1) Penyata kewangan hendaklah—

*(a)* diluluskan oleh Lembaga; dan

*(b)* disertakan dengan suatu akuan berkanun oleh seorang pengarah atau jika pengarah itu tidak mempunyai tanggungjawab utama dalam pengurusan kewangan syarikat, oleh orang yang bertanggungjawab dalam memberikan pendapatnya mengenai ketepatan atau selainnya penyata kewangan itu dan jika berkenaan, penyata kewangan disatukan.

(2) Pengarah itu hendaklah membuat suatu pernyataan mengikut ketetapan Lembaga yang menyatakan sama ada pada pendapatnya penyata kewangan itu atau jika berkenaan penyata kewangan disatukan itu adalah atau disediakan, mengikut piawaian perakaunan yang terpakai, untuk memberikan gambaran yang benar dan patut tentang kedudukan kewangan dan prestasi kewangan syarikat dan kumpulan syarikat.

(3) Pernyataan yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah ditandatangani oleh sekurang-kurangnya dua orang pengarah dan dalam hal seseorang pengarah tunggal, oleh pengarah itu, dan hendaklah dilampirkan dengan penyata kewangan itu untuk diedarkan mengikut seksyen 257.

(4) Berkenaan dengan apa-apa salinan penyata kewangan yang diedarkan, disiarkan atau dikeluarkan oleh suatu syarikat, syarikat itu dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Pengarah hendaklah menyediakan laporan pengarah**

**252.** (1) Pengarah syarikat hendaklah menyediakan bagi setiap tahun kewangan suatu laporan dan laporan sedemikian hendaklah dilampirkan dengan penyata kewangan yang disediakan di bawah seksyen 248.

(2) Suatu laporan pengarah—

*(a)* hendaklah diluluskan oleh Lembaga; dan

*(b)* hendaklah ditandatangani bagi pihak pengarah oleh sekurang-kurangnya dua orang pengarah, atau dalam hal seorang pengarah tunggal, pengarah itu.

(3) Tiap-tiap salinan laporan pengarah yang dibentangkan di hadapan syarikat dalam suatu mesyuarat agung tahunan di bawah seksyen 340, atau dihantar kepada anggota di bawah seksyen 257 atau selainnya diedarkan, disiarkan atau dikeluarkan oleh syarikat itu hendaklah menyatakan nama orang yang menandatangani laporan itu bagi pihak pengarah.

(4) Mana-mana pengarah yang gagal mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan pematuhan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(5) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

**Kandungan laporan pengarah**

**253.** (1) Laporan pengarah bagi suatu tahun kewangan berhubung dengan suatu syarikat hendaklah mengandungi—

*(a)* nama tiap-tiap orang yang menjadi pengarah syarikat itu—

(i) dalam tahun kewangan itu; dan

(ii) dalam tempoh yang bermula pada akhir tahun kewangan dan berakhir pada tarikh laporan itu;

*(b)* aktiviti utama syarikat dalam tahun kewangan itu termasuklah subsidiarinya; dan

*(c)* perkara-perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(2) Seksyen ini hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan laporan pengarah yang dikehendaki disediakan di bawah seksyen 252 seolah-olah sebutan mengenai syarikat dalam subseksyen (1) atau (2) ialah sebutan mengenai—

*(a)* syarikat itu; dan

*(b)* pengusahaan subsidiari yang dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan bagi tahun kewangan itu.

(3) Laporan pengarah yang disediakan di bawah seksyen 252 boleh termasuk ulasan perniagaan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kelima atau mana-mana laporan lain yang ditetapkan.

**Bentuk dan kandungan laporan pengarah dan penyata kewangan perbadanan perbankan, dsb.**

**254.** Peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan bentuk dan kandungan laporan pengarah dan penyata kewangan bagi suatu tahun kewangan hendaklah terpakai bagi suatu institusi berlesen dengan apa-apa ubah suaian dan kecualian yang ditentukan sama ada secara amnya atau dalam apa-apa hal yang tertentu oleh Bank Negara Malaysia.

**Pelepasan daripada kehendak mengenai bentuk dan kandungan penyata kewangan dan laporan pengarah**

**255.** (1) Pengarah syarikat boleh memohon kepada Pendaftar secara bertulis bagi mendapatkan suatu perintah untuk melepaskannya daripada kehendak Akta ini yang berhubungan dengan bentuk dan kandungan penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan atau bentuk dan kandungan laporan pengarah yang dikehendaki di bawah seksyen 252 dan 253 dan Pendaftar boleh membuat perintah itu sama ada dengan tidak bersyarat atau bersyarat bahawa pengarah mematuhi apa-apa kehendak lain yang berhubungan dengan bentuk dan kandungan penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan atau laporan pengarah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar untuk dikenakan.

(2) Permohonan bagi suatu perintah pelepasan di bawah subseksyen (1) tidak boleh diberikan jika Pendaftar berpendapat bahawa perintah itu tidak akan selaras dengan piawaian perakaunan diluluskan.

(3) Pendaftar boleh jika dia berpendapat adalah wajar untuk membuat suatu perintah berkenaan dengan apa-apa kelas syarikat bagi melepaskan pengarah syarikat dalam kelas itu daripada pematuhan mana-mana kehendak yang dinyatakan dalam Akta

ini yang berhubungan dengan bentuk dan kandungan penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan atau bentuk dan kandungan laporan pengarah yang dikehendaki oleh seksyen 252 dan 253.

(4) Perintah di bawah subseksyen (3) boleh dibuat sama ada dengan tidak bersyarat atau bersyarat bahawa pengarah syarikat mematuhi apa-apa kehendak lain yang berhubungan dengan bentuk dan kandungan penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan atau laporan pengarah yang disifatkan patut oleh Pendaftar untuk dikenakan.

(5) Pendaftar tidak boleh membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1) melainkan jika dia berpendapat bahawa pematuhan kehendak Akta ini akan—

*(a)* menjadikan penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan atau laporan pengarah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai mengelirukan atau tidak wajar bagi hal keadaan syarikat; atau

*(b)* mengenakan beban yang tidak munasabah ke atas syarikat atau mana-mana pegawai syarikat.

(6) Pendaftar boleh membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1) atau (2) yang boleh terhad kepada suatu tempoh tertentu dan boleh membuat keputusan untuk mengubah, menggantung atau membatalkan mana-mana perintah itu atas permohonan oleh pengarah atau tanpa apa-apa permohonan, yang dalam hal itu Pendaftar hendaklah memberikan kepada pengarah itu peluang untuk didengar.

**Kuasa Pendaftar untuk menghendaki pernyataan penilaian aset**

**256.** (1) Pendaftar boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki pengarah mana-mana syarikat untuk memberikan suatu pernyataan penilaian mengikut nilai semasa bagi aset dan liabiliti syarikat dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Pendaftar boleh, atas permohonan syarikat itu, melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam subseksyen (1), jika difikirkannya wajar.

**Kewajipan untuk mengedarkan salinan penyata kewangan dan laporan**

**257.** (1) Tiap-tiap syarikat hendaklah menghantar suatu salinan penyata kewangan dan laporan bagi setiap tahun kewangan kepada—

*(a)* tiap-tiap anggota syarikat;

*(b)* tiap-tiap orang yang berhak menerima notis mesyuarat agung;

*(c)* tiap-tiap juruaudit syarikat; dan

*(d)* tiap-tiap pemegang debentur syarikat atas suatu permintaan yang dibuat kepada syarikat.

(2) Salinan penyata kewangan dan laporan itu hendaklah dihantar ke alamat yang terakhir diketahui yang diberikan kepada syarikat.

(3) Mana-mana anggota atau pemegang debentur yang kepadanya salinan penyata kewangan dan laporan tidak dihantar hendaklah, atas permintaan yang dibuat oleh anggota atau pemegang debentur itu kepada syarikat diberikan salinan itu tanpa bayaran.

(4) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

**Masa yang dibenarkan untuk menghantar salinan penyata kewangan dan laporan**

**258.** (1) Pengedaran penyata kewangan dan laporan—

*(a)* bagi suatu syarikat persendirian, hendaklah dalam masa enam bulan dari tahun kewangannya berakhir; dan

*(b)* bagi suatu syarikat awam, hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh satu hari sebelum tarikh mesyuarat agung tahunannya.

(2) Berhubung dengan suatu syarikat awam, penyata kewangan dan laporan boleh diedarkan dalam tempoh yang lebih singkat jika ia dipersetujui oleh semua anggota yang berhak untuk hadir dan mengundi pada mesyuarat agung tahunan.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kewajipan untuk menyerah simpan penyata kewangan dan laporan dengan Pendaftar**

**259.** (1) Syarikat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar bagi setiap tahun kewangan penyata kewangan dan laporan yang dikehendaki di bawah Akta ini—

*(a)* dalam hal suatu syarikat persendirian, dalam masa tiga puluh hari dari penyata kewangan dan laporan itu diedarkan kepada anggotanya di bawah seksyen 258;

*(b)* dalam hal suatu syarikat awam, dalam masa tiga puluh hari dari mesyuarat agung tahunannya; dan

*(c)* semua amaun yang ditunjukkan dalam penyata kewangan dan laporan yang diserah simpan dengan Pendaftar hendaklah disebut harga dalam mata wang Malaysia, dan jika penyata kewangan dan laporan itu dalam bahasa yang selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, hendaklah dilampirkan bersama penyata kewangan dan laporan itu suatu terjemahan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris yang diperakukan sebagai suatu terjemahan yang betul mengikut cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Jika suatu permohonan bagi pelanjutan dibuat sebelum habis tempoh yang disebut dalam perenggan (1)*(a)* atau *(b)*, Pendaftar boleh, jika difikirkannya patut, melanjutkan tempoh itu kepada apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam notis pelanjutan itu.

(3) Tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(4) Bagi maksud seksyen ini, "penyata kewangan dan laporan" termasuk "penyata kewangan disatukan dan laporan" dalam hal syarikat pemegangan.

**Kewajipan untuk menyerah simpan perakuan yang berhubungan dengan syarikat persendirian terkecuali**

**260.** (1) Suatu syarikat persendirian terkecuali boleh menyerah simpan dengan Pendaftar bagi setiap tahun kewangan suatu perakuan yang berhubungan dengan statusnya sebagai syarikat persendirian terkecuali sebagai ganti kehendak dalam perenggan 259(1)*(a)* dalam masa tiga puluh hari dari pengedaran penyata kewangan dan laporan itu yang diedarkan di bawah seksyen 258.

(2) Perakuan itu hendaklah ditandatangani oleh pengarah, juruaudit dan setiausaha syarikat yang mengesahkan bahawa—

*(a)* syarikat itu adalah dan mempunyai pada setiap masa yang berkaitan merupakan suatu syarikat persendirian terkecuali;

*(b)* suatu penyata kewangan dan laporan teraudit sewajarnya yang dikehendaki di bawah Akta ini telah diedarkan kepada anggotanya; dan

*(c)* pada tarikh yang penyata kewangan itu dibuat, syarikat itu ternyata berupaya menanggung liabilitinya jika dan apabila ia kena dibayar.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pernyataan juruaudit**

**261.** (1) Suatu syarikat yang tidak dikehendaki oleh Akta ini untuk menyerah simpan penyata kewangan dengan Pendaftar hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu pernyataan

yang berhubungan dengan penyata kewangan syarikat itu yang dikehendaki untuk diedarkan kepada anggotanya, yang ditandatangani oleh juruaudit syarikat—

*(a)* menyatakan sama ada syarikat itu pada pendapatnya telah menyimpan rekod perakaunan dan buku lain yang sewajarnya semasa tempoh yang terangkum dalam akaun itu;

*(b)* menyatakan sama ada penyata kewangan itu telah diaudit mengikut Akta ini;

*(c)* menyatakan sama ada laporan juruaudit bagi penyata kewangan itu telah dibuat tertakluk kepada apa-apa kelayakan atau pendapat di bawah mana-mana piawaian pengauditan yang terpakai, atau termasuk apa-apa ulasan yang dibuat di bawah subseksyen 266(3) dan, jika demikian, butir-butir kelayakan atau ulasan itu; dan

*(d)* menyatakan sama ada pada tarikh penyata kewangan itu dibuat, syarikat itu ternyata berupaya menanggung liabilitinya jika dan apabila ia kena dibayar.

(2) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Subpenggal 2

*Juruaudit*

**Takrif "juruaudit yang akan tamat tempoh jawatan"**

**262.** Bagi maksud Subpenggal ini, "juruaudit yang akan tamat tempoh jawatan" ertinya seseorang juruaudit yang tempoh jawatannya telah tamat atau hampir tamat.

**Juruaudit syarikat hendaklah diluluskan oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan**

**263.** (1) Mana-mana orang boleh memohon kepada Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan untuk diluluskan sebagai juruaudit syarikat bagi maksud Akta ini.

(2) Menteri boleh, jika dia berpuas hati bahawa pemohon mempunyai watak baik dan berwibawa untuk melaksanakan kewajipan seorang juruaudit di bawah Akta ini, apabila fi yang ditetapkan dibayar, meluluskan pemohon itu sebagai juruaudit syarikat.

(3) Apa-apa kelulusan yang diberikan oleh Menteri di bawah subseksyen (2) boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa batasan atau syarat yang difikirkannya patut dan boleh dibatalkan pada bila-bila masa olehnya melalui penyampaian suatu notis pembatalan kepada orang yang diluluskan itu.

(4) Tiap-tiap kelulusan di bawah seksyen ini termasuklah pembaharuan kelulusan juruaudit syarikat hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh selama dua tahun selepas tarikh pengeluarannya melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu oleh Menteri.

(5) Menteri boleh mewakilkan semua atau mana-mana kuasanya di bawah seksyen ini kepada mana-mana orang, atau kumpulan orang yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pendaftaran atau pengawalan akauntan di Malaysia.

(6) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Menteri atau dengan keputusan mana-mana orang atau kumpulan orang yang kepadanya Menteri telah mewakilkan semua atau mana-mana kuasanya di bawah seksyen ini boleh merayu kepada Mahkamah.

(7) Bagi maksud seksyen ini, "orang" ertinya seorang akauntan bertauliah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Akauntan 1967 [*Akta 94*].

**Juruaudit syarikat**

**264.** (1) Seseorang tidak boleh—

*(a)* dengan diketahuinya bersetuju untuk dilantik sebagai juruaudit bagi mana-mana syarikat;

*(b)* dengan diketahuinya bertindak sebagai juruaudit bagi mana-mana syarikat; dan

*(c)* menyediakan, untuk atau bagi pihak syarikat, apa-apa laporan yang dikehendaki oleh Akta ini untuk disediakan oleh juruaudit syarikat yang diluluskan jika—

(i) dia bukan juruaudit syarikat yang diluluskan;

(ii) dia berhutang dengan syarikat atau dengan perbadanan yang disifatkan berkaitan dengan syarikat itu menurut kuasa seksyen 7 bagi suatu amaun yang tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit;

(iii) dia—

(A) atau suami atau isterinya ialah pegawai syarikat itu;

(B) seorang pekongsi, majikan atau pekerja bagi pegawai syarikat itu;

(C) seorang pekongsi atau pekerja bagi pekerja pegawai syarikat itu; atau

(D) seorang pemegang syer atau suami atau isterinya ialah pemegang syer bagi suatu perbadanan yang pekerjanya ialah pegawai syarikat itu;

(iv) dia bertanggungjawab bagi atau dia ialah pekongsi, majikan atau pekerja orang yang bertanggungjawab bagi penyimpanan daftar anggota atau daftar pemegang debentur syarikat itu;

(v) dia ialah seorang bankrap yang belum dilepaskan di dalam dan luar Malaysia kecuali dengan keizinan Mahkamah; atau

(vi) dia telah disabitkan dengan mana-mana kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tiga bulan atau lebih.

(2) Bagi maksud subperenggan (1)*(c)*(iii), seseorang hendaklah disifatkan sebagai pegawai suatu syarikat jika dia merupakan pegawai suatu perbadanan yang disifatkan berkaitan dengan syarikat itu menurut kuasa seksyen 7 jika dia telah menjadi pegawai atau penganjur syarikat atau perbadanan itu pada bila-bila masa dalam tempoh dua belas bulan sebelumnya, melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya.

(3) Bagi maksud seksyen ini, seseorang tidak boleh disifatkan menjadi pegawai syarikat hanya oleh sebab dia telah dilantik sebagai juruaudit suatu perbadanan.

(4) Suatu firma juruaudit tidak boleh dengan diketahuinya bersetuju untuk dilantik, dan tidak boleh dengan diketahuinya bertindak, sebagai juruaudit bagi mana-mana syarikat dan tidak boleh menyediakan, untuk atau bagi pihak syarikat, apa-apa laporan yang dikehendaki oleh Akta ini untuk disediakan oleh juruaudit syarikat yang diluluskan melainkan jika—

*(a)* semua pekongsi firma itu yang bermastautin di Malaysia merupakan juruaudit syarikat yang diluluskan dan, jika firma itu tidak didaftarkan sebagai suatu firma di bawah mana-mana undang-undang yang pada masa ini berkuat kuasa, suatu penyata yang menunjukkan nama penuh dan alamat semua pekongsi firma itu telah diserah simpan dengan Pendaftar; dan

*(b)* tiada pekongsi firma itu boleh dihilangkan kelayakan di bawah subseksyen (1) daripada bertindak sebagai juruaudit syarikat.

(5) Suatu syarikat tidak boleh melantik seseorang atau suatu firma sebagai juruaudit syarikat melainkan jika sebelum pelantikan itu—

*(a)* orang itu telah bersetuju secara bertulis untuk bertindak sebagai juruaudit; atau

*(b)* dalam hal suatu firma, sekurang-kurangnya satu pekongsi firma itu telah bersetuju secara bertulis.

(6) Pelantikan suatu firma atas nama firma itu sebagai juruaudit syarikat hendaklah berkuat kuasa sebagai suatu pelantikan sebagai juruaudit syarikat bagi orang yang merupakan pekongsi firma itu pada masa pelantikan itu.

(7) Pelantikan suatu firma atas nama perkongsian liabiliti terhad atau perkongsian liabiliti terhad asing sebagai juruaudit suatu syarikat hendaklah berkuat kuasa sebagai suatu pelantikan sebagai juruaudit syarikat seolah-olah—

*(a)* pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu, sama ada pekongsi pada masa perkongsian liabiliti terhad itu telah dilantik sebagai juruaudit atau kemudiannya; dan

*(b)* pekerja perkongsian liabiliti terhad itu yang diluluskan sebagai juruaudit syarikat dalam perkongsian liabiliti terhad itu, sama ada diambil kerja pada masa perkongsian liabiliti terhad itu telah dilantik sebagai juruaudit atau kemudiannya,

dilantik sebagai juruaudit syarikat.

(8) Mana-mana orang atau mana-mana firma yang dilantik sebagai juruaudit yang melanggar subseksyen (1) atau (4) masing-masingnya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

**Pendaftaran firma juruaudit**

**265.** (1) Suatu firma juruaudit yang baharu hendaklah memberitahu Pendaftar butir-butir yang berikut dalam masa tiga puluh hari dari tarikh permulaan perniagaan:

*(a)* nama firma itu;

*(b)* nombor firma itu;

*(c)* alamat tempat perniagaan utama dan alamat setiap tempat perniagaan yang lain, jika ada;

*(d)* tarikh permulaan perniagaan;

*(e)* nama penuh, alamat, nombor kelulusan dan butir-butir lain semua pekongsi; dan

*(f)* apa-apa butir lain yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar.

(2) Pemberitahuan dalam subseksyen (1) hendaklah mengikut bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar.

(3) Pendaftar hendaklah menyebabkan suatu daftar firma juruaudit disimpan dan hendaklah menyebabkan supaya dicatatkan dalam daftar itu berhubung dengan suatu firma juruaudit butir-butir yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Apabila suatu firma juruaudit disusun semula disebabkan oleh persaraan, penarikan diri atau kematian pekongsi atau disebabkan oleh kemasukan pekongsi baharu atau apabila terdapat perubahan dalam mana-mana butir-butir yang berhubungan dengan firma itu atau pekongsinya, suatu pemberitahuan hendaklah diserah simpan dengan Pendaftar yang menunjukkan perubahan yang berkaitan dan tarikh perubahan itu dalam masa tiga puluh hari dari perubahan itu.

(5) Laporan atau notis yang berupa sebagai dibuat atau diberikan oleh suatu firma yang dilantik sebagai juruaudit bagi suatu syarikat tidak boleh diambil kira telah dibuat atau diberikan dengan sewajarnya melainkan jika—

*(a)* laporan atau notis itu ditandatangani atas nama firma itu dan atas namanya sendiri oleh pekongsi firma yang merupakan juruaudit syarikat yang diluluskan; dan

*(b)* nombor firma itu dan nombor kelulusan pekongsi itu ditulis atau dicetak dengan jelas sama ada di bawah atau bersebelahan dengan tandatangan firma dan pekongsi itu masing-masingnya.

(6) Bagi maksud seksyen ini—

*(a)* "nombor kelulusan", berhubung dengan seseorang juruaudit, ialah nombor yang diuntukkan kepada orang itu atas kelulusan yang diberikan oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

*(b)* "nombor firma", berhubung dengan suatu firma juruaudit, ialah nombor yang diuntukkan oleh Pendaftar kepada suatu firma juruaudit dalam suatu pemberitahuan di bawah subseksyen (1); dan

*(c)* "pekongsi", berhubung dengan suatu firma juruaudit, termasuk tuan punya tunggal suatu firma.

**Kuasa dan kewajipan juruaudit**

**266.** (1) Tiap-tiap juruaudit syarikat hendaklah melaporkan kepada anggota mengenai penyata kewangan dan mengenai rekod perakaunan syarikat dan rekod lain yang berhubungan dengan penyata kewangan itu dan jika syarikat itu ialah suatu syarikat pemegangan yang baginya penyata kewangan disatukan yang disediakan hendaklah juga melaporkan kepada anggota mengenai penyata kewangan disatukan, dan laporan itu hendaklah—

*(a)* dalam hal suatu syarikat awam, dibentangkan di hadapan syarikat pada mesyuarat agung tahunannya; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat persendirian—

(i) diedarkan kepada anggotanya; atau

(ii) dibentangkan di hadapan syarikat itu pada suatu mesyuarat anggota.

(2) Juruaudit hendaklah, dalam suatu laporan di bawah seksyen ini, menyatakan—

*(a)* sama ada penyata kewangan itu dan, jika syarikat itu ialah syarikat pemegangan yang baginya penyata kewangan disatukan disediakan, penyata kewangan disatukan itu adalah pada pendapatnya disediakan dengan sewajarnya—

(i) supaya suatu pendapat yang benar dan patut dapat diberikan mengenai perkara yang dikehendaki oleh seksyen 249 untuk diperkatakan dalam penyata kewangan itu dan, jika terdapat penyata kewangan disatukan, dalam penyata kewangan disatukan itu;

(ii) mengikut Akta ini supaya suatu pendapat yang benar dan patut dapat diberikan mengenai hal ehwal syarikat; dan

(iii) mengikut piawaian perakaunan diluluskan yang terpakai, atau dalam hal penyata kewangan yang dikehendaki disediakan atau diserah simpan dengan pihak berkuasa yang disebut dalam seksyen 26D Akta Laporan Kewangan 1997, penyata kewangan itu hendaklah dibuat mengikut piawaian perakaunan diluluskan yang terpakai tertakluk kepada apa-apa penentuan, garis panduan atau peraturan-peraturan sebagaimana yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa itu;

*(b)* jika pada pendapatnya penyata kewangan itu, dan jika terpakai penyata kewangan disatukan itu, tidak disediakan mengikut suatu piawaian perakaunan diluluskan yang terpakai tertentu—

(i) sama ada pada pendapatnya penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, akan, jika disediakan mengikut piawaian perakaunan diluluskan, memberikan pendapat yang benar dan patut mengenai perkara yang dikehendaki oleh seksyen 249 untuk diperkatakan dalam penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu;

(ii) jika pada pendapatnya penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak akan, jika disediakan sedemikian memberikan pendapat yang benar dan patut mengenai perkara itu, sebabnya bagi berpendapat sebegitu;

(iii) jika pengarah telah memberikan butir-butir mengenai kesan kewangan kuantiti di bawah seksyen 244, pendapatnya mengenai butir-butir itu; dan

(iv) dalam hal yang sama ada subperenggan (ii) atau (iii) tidak terpakai, butir-butir mengenai kesan kewangan kuantiti pada penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu atas kegagalan untuk menyediakan penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;

*(c)* dalam hal suatu penyata kewangan disatukan, nama subsidiari, jika ada, yang dia tidak bertindak sebagai juruaudit;

*(d)* apa-apa kecacatan atau ketidakteraturan dalam penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan dan apa-apa perkara yang tidak dinyatakan dalam penyata kewangan atau penyata kewangan yang disatukan itu tanpa mengambil kira yang baginya pendapat yang benar dan patut mengenai perkara yang diperkatakan dalam penyata kewangan atau penyata kewangan yang disatukan itu tidak akan diperoleh; dan

*(e)* jika dia tidak berpuas hati mengenai apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan *(a)*, *(b)* atau *(c)*, sebab bagi ketidakpuasan hati itu.

(3) Juruaudit suatu syarikat hendaklah mempunyai kewajipan untuk memberikan pendapat untuk setiap perkara yang berikut:

*(a)* sama ada juruaudit telah mendapat semua maklumat dan penjelasan yang dikehendakinya;

*(b)* sama ada rekod perakaunan dan rekod lain yang sepatutnya, termasuklah daftar, telah disimpan oleh syarikat itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta ini;

*(c)* sama ada penyata yang diterima daripada pejabat cawangan syarikat itu mencukupi; dan

*(d)* sama ada tatacara dan kaedah yang digunakan oleh syarikat pemegangan atau subsidiari dalam mengira amaun yang dimasukkan dalam mana-mana akaun yang disatukan itu bersesuaian dengan hal keadaan penyatuan itu,

dan juruaudit hendaklah menyatakan dalam laporannya butir-butir mengenai apa-apa kekurangan, kegagalan atau kelemahan berkenaan dengan apa-apa perkara yang disebut dalam subseksyen ini.

(4) Juruaudit suatu syarikat berhak untuk mengakses pada setiap masa yang munasabah rekod perakaunan dan rekod lain, termasuklah daftar syarikat dan berhak untuk menghendaki daripada mana-mana pegawai syarikat itu dan mana-mana juruaudit suatu syarikat yang berkaitan apa-apa maklumat dan penjelasan yang dimintanya bagi maksud audit.

(5) Juruaudit syarikat pemegangan yang baginya penyata kewangan disatukan dikehendaki—

*(a)* berhak untuk mengakses pada setiap masa yang munasabah rekod perakaunan dan rekod lain, termasuklah daftar, bagi mana-mana subsidiari, jika perlu; dan

*(b)* berhak untuk menghendaki daripada mana-mana pegawai atau juruaudit mana-mana subsidiari yang dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan itu, atas perbelanjaan syarikat pemegangan itu, apa-apa maklumat dan penjelasan berhubung dengan hal ehwal subsidiari itu yang dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan itu.

(6) Laporan juruaudit itu hendaklah dilampirkan dengan atau diendors pada penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu dan hendaklah, jika mana-mana anggota menghendaki sedemikian, dibaca di hadapan syarikat dalam suatu mesyuarat agung dan hendaklah terbuka untuk pemeriksaan oleh mana-mana anggota pada bila-bila masa yang munasabah.

(7) Juruaudit syarikat atau ejennya yang diberi kuasa olehnya secara bertulis berhak untuk menghadiri mana-mana mesyuarat agung syarikat dan untuk menerima semua notis, dan komunikasi lain yang berhubungan dengan mana-mana mesyuarat agung yang anggotanya berhak untuk menerima, dan untuk didengar pada mana-mana mesyuarat agung yang dia hadir pada mana-mana bahagian urusan mesyuarat yang berkenaan dengan juruaudit itu atas keupayaannya sebagai juruaudit.

(8) Jika seseorang juruaudit, dalam menjalankan pelaksanaan kewajipannya sebagai juruaudit syarikat, berpuas hati bahawa—

*(a)* terdapat pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini; dan

*(b)* hal keadaan adalah sebegitu yang pada pendapatnya perkara itu belum atau tidak akan diperkatakan dengan sebaiknya dengan ulasan dalam laporannya dalam penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan itu atau membawa perkara itu ke perhatian pengarah syarikat atau, jika syarikat adalah subsidiari, pengarah syarikat pemegangannya,

dia hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu secara bertulis kepada Pendaftar.

(9) Sebagai tambahan kepada subseksyen (8), jika seorang juruaudit dalam menjalankan pelaksanaan kewajipannya sebagai juruaudit suatu syarikat awam atau suatu syarikat yang dikawal oleh suatu syarikat awam berpendapat bahawa suatu kesalahan berat yang melibatkan fraud atau kecurangan sedang berlaku atau telah dilakukan terhadap syarikat atau Akta ini oleh pegawai syarikat, dia hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu secara bertulis kepada Pendaftar.

(10) Tiada kewajipan bagi seorang juruaudit syarikat boleh diambil dikira sebagai telah melanggari kewajipan oleh sebab dia melaporkan perkara yang disebut dalam subseksyen (9) dengan suci hati kepada Pendaftar.

(11) Bagi maksud subseksyen (9)—

*(a)* suatu syarikat dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dikawal oleh suatu syarikat awam jika syarikat awam itu berhak untuk menjalankan atau mengawal penjalanan tidak kurang daripada dua puluh peratus undi yang terikat dengan syer mengundi syarikat; dan

*(b)* "kesalahan berat yang melibatkan fraud atau kecurangan" ertinya suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun atau nilai aset yang diperoleh atau mungkin diperoleh atau apa-apa kerugian yang ditanggung oleh syarikat, anggota atau pemegang debentur daripada pelakuan kesalahan itu melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit dan termasuk kesalahan di bawah seksyen 591, 592, 593, 594 dan 595.

(12) Seorang pegawai suatu perbadanan yang enggan atau gagal membenarkan juruaudit perbadanan itu tanpa alasan yang sah, atau juruaudit suatu perbadanan yang enggan atau gagal membenarkan seorang juruaudit syarikat pemegangannya tanpa alasan yang sah—

*(a)* untuk mengakses apa-apa rekod perakaunan dan rekod lain, termasuklah daftar perbadanan dalam jagaan atau kawalannya;

*(b)* untuk memberikan apa-apa maklumat atau penjelasan sebagaimana dan apabila dikehendaki di bawah seksyen ini; atau

*(c)* selainnya menghalang, menggalang atau melengahkan seseorang juruaudit dalam menjalankan pelaksanaan kewajipannya atau menjalankan kuasanya,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(13) Mana-mana juruaudit yang melanggar subseksyen (8) atau (9) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

## Bab I

### *Peruntukan yang berhubungan dengan Juruaudit Syarikat Persendirian*

**Pelantikan juruaudit syarikat persendirian**

**267.** (1) Suatu syarikat persendirian hendaklah melantik seorang juruaudit bagi setiap tahun kewangan syarikat itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk mengecualikan mana-mana syarikat persendirian daripada kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen itu mengikut syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(3) Lembaga hendaklah melantik seorang juruaudit bagi syarikat—

*(a)* dalam hal suatu syarikat yang baharu diperbadankan, sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum tamat tempoh bagi pengemukaan penyata kewangan pertama kepada Pendaftar; atau

*(b)* untuk mengisi kekosongan biasa bagi jawatan juruaudit.

(4) Anggota hendaklah melantik seorang juruaudit melalui ketetapan biasa—

*(a)* dalam hal tahun yang berikutnya selepas pengemukaan penyata kewangan yang pertama, selama tempoh bagi pelantikan juruaudit itu; atau

*(b)* jika Lembaga gagal untuk melantik juruaudit di bawah subseksyen (3).

(5) Juruaudit bagi syarikat persendirian hendaklah hanya dilantik mengikut subseksyen (3) atau (4).

(6) Bagi maksud subseksyen (4), tempoh bagi melantik juruaudit ertinya tempoh tiga puluh hari—

*(a)* sebelum berakhirnya tempoh yang dibenarkan bagi penyerahsimpanan penyata kewangan tahun sebelumnya dengan Pendaftar di bawah subseksyen 259(1); atau

*(b)* jika penyata kewangan tahun sebelumnya diserah simpan dengan Pendaftar lebih awal, sebelum hari penyata kewangan itu diserah simpan dengan Pendaftar.

(7) Syarikat dan tiap-tiap pengarah syarikat yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa Pendaftar untuk melantik juruaudit syarikat persendirian**

**268.** Jika suatu syarikat persendirian gagal untuk melantik seseorang juruaudit, Pendaftar boleh melantik seorang atau lebih juruaudit atas permohonan secara bertulis daripada mana-mana anggota syarikat itu.

**Terma jawatan juruaudit syarikat persendirian**

**269.** (1) Seorang juruaudit syarikat persendirian hendaklah memegang jawatan mengikut terma pelantikannya, dengan syarat bahawa—

*(a)* dia tidak mengambil alih jawatan sehingga juruaudit terdahulu terhenti memegang jawatan, melainkan jika dia ialah juruaudit yang pertama bagi syarikat itu; dan

*(b)* dia terhenti memegang jawatan tiga puluh hari dari pengedaran penyata kewangan kepada anggota melainkan jika dilantik semula.

(2) Walau apa pun perenggan (1)*(a)*, seorang juruaudit boleh mengambil alih jawatan sebelum juruaudit terdahulu terhenti memegang jawatan dalam hal keadaan yang berikut:

*(a)* jika juruaudit terdahulu itu bukan juruaudit tunggal; atau

*(b)* jika dia dilantik sebagai juruaudit tambahan.

(3) Jika jawatan juruaudit menjadi kosong di bawah perenggan (1)*(b)* dan tiada seorang pun juruaudit telah dilantik oleh anggota syarikat, juruaudit yang memegang jawatan sebaik sebelum kekosongan itu hendaklah disifatkan dilantik semula, melainkan jika—

*(a)* dia telah dilantik oleh Lembaga;

*(b)* perlembagaan menghendaki pelantikan semula yang sebenar;

*(c)* pelantikan semula yang disifatkan itu dihalang oleh anggota di bawah seksyen 270; atau

*(d)* anggota membuat ketetapan bahawa dia tidak patut dilantik semula.

(4) Subseksyen (3) tidak menjejaskan peruntukan Subpenggal ini mengenai pemecatan dan peletakan jawatan juruaudit.

**Halangan oleh anggota terhadap anggapan pelantikan semula juruaudit**

**270.** (1) Juruaudit suatu syarikat persendirian tidak boleh disifatkan dilantik semula di bawah subseksyen 269(3) jika syarikat itu telah menerima notis di bawah seksyen ini daripada anggota yang mewakili sekurang-kurangnya lima peratus daripada jumlah keseluruhan hak mengundi daripada semua anggota yang akan berhak mengundi pada suatu ketetapan bahawa juruaudit itu tidak sepatutnya dilantik semula.

(2) Notis di bawah seksyen ini—

*(a)* boleh dalam bentuk salinan cetak atau elektronik;

*(b)* hendaklah disahkan oleh setiap anggota yang memberikan notis itu; dan

*(c)* hendaklah diterima oleh syarikat sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum pengedaran penyata kewangan kepada anggota.

Bab II

*Peruntukan yang berhubungan dengan Juruaudit Syarikat Awam*

**Pelantikan juruaudit syarikat awam**

**271.** (1) Juruaudit bagi suatu syarikat awam hendaklah dilantik bagi setiap tahun kewangan syarikat itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Lembaga hendaklah melantik juruaudit—

*(a)* pada bila-bila masa sebelum mesyuarat agung tahunan yang pertama syarikat; atau

*(b)* untuk mengisi kekosongan biasa jawatan juruaudit.

(3) Mana-mana juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah memegang jawatan sehingga tamatnya—

*(a)* mesyuarat agung tahunan yang pertama bagi pelantikan di bawah perenggan (2)*(a)*; atau

*(b)* mesyuarat agung tahunan yang akan datang bagi pelantikan di bawah perenggan (2)*(b)*.

(4) Anggota hendaklah melantik juruaudit melalui ketetapan biasa—

*(a)* pada mesyuarat agung tahunan;

*(b)* jika syarikat sepatutnya melantik juruaudit pada mesyuarat agung tahunan tetapi tidak melantik sedemikian; atau

*(c)* jika Lembaga tidak melantik juruaudit di bawah subseksyen (2).

(5) Juruaudit suatu syarikat awam hendaklah hanya dilantik mengikut subseksyen (2) atau (4).

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa Pendaftar untuk melantik juruaudit syarikat awam**

**272.** Jika suatu syarikat awam tidak melantik seorang juruaudit, Pendaftar boleh melantik seorang atau lebih juruaudit atas permohonan secara bertulis daripada mana-mana anggota syarikat itu.

**Terma jawatan juruaudit syarikat awam**

**273.** Juruaudit bagi suatu syarikat awam hendaklah memegang jawatan mengikut terma pelantikannya, dengan syarat bahawa—

*(a)* dia tidak mengambil alih jawatan sehingga juruaudit sebelumnya terhenti memegang jawatan itu melainkan jika dia ialah juruaudit syarikat yang pertama; dan

*(b)* dia terhenti memegang jawatan apabila selesai mesyuarat agung tahunan yang berikutnya selepas pelantikannya, melainkan jika dia dilantik semula.

Bab III

*Peruntukan Am yang berhubungan dengan Juruaudit*

**Penetapan saraan juruaudit**

**274.** (1) Saraan bagi seorang juruaudit yang dilantik—

*(a)* oleh anggota suatu syarikat hendaklah ditetapkan oleh anggota itu melalui ketetapan biasa atau mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh anggota itu;

*(b)* oleh Lembaga hendaklah ditetapkan oleh Lembaga dan jika tidak ditetapkan sedemikian, oleh syarikat itu; atau

*(c)* oleh Pendaftar hendaklah menetapkan sama ada oleh Pendaftar atau Lembaga dan jika tidak ditetapkan sedemikian, oleh syarikat itu.

(2) Dalam seksyen ini, "saraan" termasuk jumlah wang yang dibayar berkenaan dengan perbelanjaan dan pembayaran selain wang tunai.

**Obligasi untuk memberikan butir-butir pembayaran yang dibuat kepada juruaudit**

**275.** (1) Jika syarikat disampaikan kepadanya suatu notis oleh atau bagi pihak sekurang-kurangnya lima peratus daripada jumlah keseluruhan anggota syarikat atau pemegang yang agregatnya tidak kurang daripada lima peratus modal syer dikeluarkan syarikat, yang menghendaki butir-butir mengenai semua saraan yang dibayar kepada atau boleh diterima oleh juruaudit syarikat itu, seorang pekongsi, majikan atau pekerja juruaudit itu, oleh atau daripada syarikat itu atau mana-mana subsidiari berkenaan dengan perkhidmatan selain perkhidmatan pengauditan yang diberikan kepada syarikat, syarikat itu hendaklah dengan serta-merta—

*(a)* menyediakan atau menyebabkan supaya disediakan suatu pernyataan yang menunjukkan butir-butir mengenai semua saraan yang dibayar kepada atau boleh diterima oleh juruaudit itu, seorang pekongsi, majikan atau pekerja juruaudit itu dan perkhidmatan yang berkenaan dengannya bayaran telah dibuat bagi tahun kewangan sebaik sebelum penyampaian notis itu;

*(b)* menghantarkan suatu salinan pernyataan itu kepada semua orang yang berhak untuk menerima notis mesyuarat agung syarikat itu; dan

*(c)* dalam hal suatu syarikat awam, membentangkan pernyataan itu di hadapan syarikat dalam mesyuarat agung.

(2) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Ketetapan untuk memecat juruaudit daripada jawatan**

**276.** (1) Anggota suatu syarikat boleh memecat seseorang juruaudit daripada jawatannya pada bila-bila masa—

*(a)* melalui ketetapan biasa pada suatu mesyuarat agung; dan

*(b)* mengikut seksyen 277.

(2) Seksyen ini tidak boleh dikira sebagai menghalang seorang yang dipecat daripada mendapat pampasan atau ganti rugi yang kena dibayar kepadanya berkenaan dengan penamatan pelantikannya sebagai juruaudit.

(3) Seorang juruaudit tidak boleh dipecat daripada jawatan sebelum habis tempoh jawatannya kecuali melalui ketetapan di bawah seksyen ini.

**Notis khas dikehendaki bagi ketetapan untuk memecat juruaudit daripada jawatan**

**277.** (1) Suatu notis khas hendaklah dikehendaki bagi suatu ketetapan untuk memecat seseorang juruaudit daripada jawatannya pada suatu mesyuarat agung syarikat.

(2) Selepas menerima notis khas mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, syarikat hendaklah dengan serta-merta menghantar suatu salinan notis itu kepada juruaudit yang dicadangkan untuk dipecat itu dan Pendaftar.

(3) Juruaudit itu boleh membuat suatu representasi secara bertulis yang tidak melebihi panjang yang munasabah kepada syarikat itu dalam masa tujuh hari dari penerimaan notis khas itu dan boleh meminta sebelum mesyuarat yang padanya ketetapan itu akan dipertimbangkan, suatu salinan representasi diedarkan oleh syarikat kepada tiap-tiap anggota syarikat yang kepadanya notis mesyuarat dihantar.

(4) Atas permintaan juruaudit yang disebut dalam subseksyen (3), syarikat hendaklah menghantar suatu salinan representasi itu kepada tiap-tiap anggota syarikat yang kepadanya notis mesyuarat dihantar.

(5) Jika salinan representasi itu tidak dihantar sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (4), juruaudit itu boleh, tanpa menjejaskan haknya untuk didengar secara lisan, menghendaki representasi itu dibaca pada mesyuarat itu.

(6) Salinan representasi itu tidak perlu diedarkan dan representasi itu tidak perlu dibaca pada mesyuarat jika, atas permohonan sama ada oleh syarikat atau mana-mana orang lain yang menuntut sebagai terkilan, Mahkamah berpuas hati bahawa juruaudit itu menggunakan seksyen ini untuk mendapatkan publisiti tidak perlu atau perkara itu fitnah atau alasan lain yang disifatkan oleh Mahkamah sebagai munasabah.

**Notis kepada Pendaftar mengenai ketetapan untuk memecat juruaudit daripada jawatan**

**278.** (1) Jika suatu ketetapan diluluskan di bawah seksyen 276, syarikat hendaklah memberikan suatu notis tentang fakta itu kepada Pendaftar dalam masa empat belas hari.

(2) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Tatacara untuk melantik juruaudit melalui ketetapan bertulis**

**279.** (1) Seksyen ini terpakai jika suatu ketetapan dicadangkan sebagai suatu ketetapan bertulis oleh suatu syarikat persendirian yang kesannya ialah untuk melantik seseorang sebagai juruaudit bagi menggantikan juruaudit yang akan tamat tempoh jawatan.

(2) Syarikat itu hendaklah menghantar suatu salinan ketetapan yang dicadangkan itu kepada orang yang dicadangkan untuk dilantik sebagai juruaudit dan kepada juruaudit yang akan tamat tempoh jawatannya.

(3) Juruaudit yang akan tamat tempoh jawatannya itu boleh membuat suatu pernyataan secara bertulis yang tidak melebihi panjang yang munasabah berkaitan dengan peletakan jawatannya kepada syarikat dalam masa empat belas hari dari penerimaan ketetapan yang dicadangkan yang disebut dalam subseksyen (1) dan boleh meminta supaya suatu salinan pernyataan itu dihantar kepada tiap-tiap anggota syarikat.

(4) Syarikat itu hendaklah menghantar suatu salinan pernyataan itu kepada tiap-tiap anggota syarikat yang kepadanya ketetapan di bawah seksyen ini telah diedarkan sebelum tempoh itu kerana bersetuju dengan ketetapan bertulis itu.

(5) Syarikat itu hendaklah mengedarkan ketetapan itu mengikut seksyen 301 atau 303 dan jika subseksyen ini dan subseksyen (4) terpakai—

*(a)* tempoh yang dibenarkan di bawah subseksyen 303(3) bagi penyampaian salinan ketetapan yang dicadangkan ialah dua puluh lapan hari dan bukannya dua puluh satu hari; dan

*(b)* subseksyen 303(5) dan (6) hendaklah terpakai berhubung dengan kegagalan untuk mematuhi seksyen itu.

(6) Salinan pernyataan itu tidak perlu diedarkan jika, atas permohonan sama ada oleh syarikat itu atau mana-mana orang lain yang menuntut sebagai terkilan, Mahkamah berpuas hati bahawa juruaudit itu menggunakan seksyen ini untuk mendapatkan publisiti tidak perlu atau perkara itu fitnah atau atas alasan lain yang difikirkan oleh Mahkamah sebagai munasabah.

**Tatacara untuk melantik juruaudit pada mesyuarat anggota**

**280.** (1) Seksyen ini terpakai bagi suatu ketetapan pada mesyuarat agung syarikat yang kesannya adalah untuk melantik seseorang sebagai juruaudit bagi menggantikan juruaudit yang akan tamat tempoh jawatannya.

(2) Suatu notis khas dikehendaki bagi ketetapan itu jika—

*(a)* dalam hal suatu syarikat persendirian—

(i) tiada tempoh bagi juruaudit yang dilantik telah berakhir sejak juruaudit yang akan tamat tempoh jawatan itu terhenti memegang jawatan atas sebab peletakan jawatan atau pemecatannya; atau

(ii) tempoh itu telah berakhir dan seorang juruaudit sepatutnya dilantik tetapi tidak dilantik, atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat awam—

(i) tiada mesyuarat agung tahunan diadakan sejak juruaudit yang akan tamat tempoh jawatan itu terhenti memegang jawatan atas sebab peletakan jawatan atau pemecatannya; atau

(ii) suatu mesyuarat agung tahunan telah diadakan yang dalamnya juruaudit sepatutnya dilantik tetapi tidak dilantik.

(3) Apabila menerima notis ketetapan yang dicadangkan itu, syarikat hendaklah dengan serta-merta menghantar suatu salinan notis itu kepada orang yang dicadangkan untuk dilantik sebagai juruaudit.

**Peletakan jawatan juruaudit**

**281.** (1) Seorang juruaudit syarikat boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan suatu notis secara bertulis bagi maksud itu kepada syarikat di pejabat berdaftarnya.

(2) Notis peletakan jawatan di bawah subseksyen (1) hendaklah membolehkan tempoh jawatan juruaudit itu berakhir selepas dua puluh satu hari dari notis itu diberikan atau dari apa-apa tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

**Notis mengenai peletakan jawatan juruaudit kepada Pendaftar**

**282.** (1) Jika seorang juruaudit meletakkan jawatannya, syarikat itu hendaklah menghantar suatu salinan notis kepada Pendaftar dalam masa tujuh hari selepas menerima notis peletakan jawatan itu.

(2) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Hak juruaudit syarikat awam yang meletakkan jawatan**

**283.** (1) Seksyen ini terpakai jika notis peletakan jawatan seseorang juruaudit syarikat awam disertakan dengan suatu pernyataan mengenai hal keadaan yang berkaitan dengan peletakan jawatan itu.

(2) Juruaudit itu boleh memberikan notis peletakan jawatan yang disebut dalam seksyen 281 bersama dengan suatu rekuisisi yang ditandatangani bagi memanggil pengarah syarikat dengan serta-merta untuk mengadakan mesyuarat agung syarikat bagi maksud menerima dan menimbangkan penjelasan bagi hal keadaan yang berkaitan dengan peletakan jawatannya sebagaimana yang dia mahu untuk dibentangkan di hadapan mesyuarat.

(3) Juruaudit itu boleh meminta syarikat untuk mengedarkan suatu pernyataan secara bertulis yang tidak melebihi panjang yang munasabah bagi hal keadaan yang berkaitan dengan peletakan jawatan juruaudit itu kepada anggotanya—

*(a)* sebelum mesyuarat diadakan atas rekuisisi juruaudit; atau

*(b)* sebelum apa-apa mesyuarat agung yang padanya tempoh jawatan juruaudit itu akan selainnya habis tempoh atau yang padanya ia dicadangkan untuk mengisi kekosongan disebabkan oleh peletakan jawatannya.

(4) Syarikat itu hendaklah—

*(a)* menyatakan hakikat bahawa pernyataan yang disebut dalam subseksyen (3) telah dibuat dalam apa-apa notis mesyuarat yang diberikan kepada anggota syarikat; dan

*(b)* menghantar suatu salinan pernyataan itu kepada tiap-tiap anggota syarikat yang kepadanya notis mesyuarat dihantar atau telah dihantar.

(5) Pengarah hendaklah mengadakan mesyuarat agung yang dikehendaki di bawah seksyen ini dalam masa dua puluh lapan hari dari tarikh penerimaan notis rekuisisi yang dibuat di bawah subseksyen (2).

(6) Jika suatu salinan pernyataan yang disebut dalam subseksyen (4) tidak dihantar sebagaimana yang dikehendaki disebabkan oleh keingkaran syarikat, juruaudit itu boleh, tanpa menjejaskan haknya untuk didengar secara lisan, menghendaki pernyataan itu dibaca pada mesyuarat itu.

(7) Salinan pernyataan tidak perlu dihantar dan pernyataan itu tidak perlu dibaca pada mesyuarat itu jika, atas permohonan sama ada oleh syarikat itu atau oleh mana-mana orang lain yang menuntut sebagai terkilan, Mahkamah berpuas hati bahawa juruaudit itu menggunakan seksyen ini untuk mendapatkan publisiti tidak perlu atau perkara itu fitnah.

(8) Mahkamah boleh memerintahkan supaya kos syarikat ke atas permohonan itu hendaklah dibayar keseluruhan atau sebahagiannya oleh juruaudit itu, walau apa pun juruaudit itu bukan suatu pihak kepada permohonan tersebut.

(9) Seorang juruaudit yang meletakkan jawatan mempunyai, walau apa pun peletakan jawatannya, hak yang diberikan oleh seksyen 285 berhubung dengan mana-mana mesyuarat agung syarikat sebagaimana yang disebut dalam perenggan (3)*(a)* atau *(b)*.

(10) Dalam seksyen ini, apa-apa sebutan mengenai seksyen 285 mengenai perkara yang berkaitan dengan juruaudit sebagai juruaudit hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perkara yang berkaitan dengan juruaudit sebagai bekas juruaudit.

(11) Tiap-tiap pengarah yang gagal untuk mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa mesyuarat diadakan di bawah subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan.

**Kewajipan untuk memaklumkan tentang pemberhentian jawatan**

**284.** Jika seorang juruaudit telah membuat pernyataan bertulis kepada syarikat di bawah subseksyen 277(3) atau jika seseorang juruaudit memberi notis kepada pengarah syarikat di bawah subseksyen 281(1), juruaudit itu hendaklah—

*(a)* menghantar suatu salinan representasi bertulis atau pernyataannya mengenai hal keadaan yang berkaitan dengan peletakan jawatannya kepada Pendaftar; dan

*(b)* dalam hal suatu syarikat yang syer atau debenturnya disebut harga di bursa saham, mengemukakan suatu salinan pernyataan itu kepada bursa saham itu,

dalam masa tujuh hari dari pengemukaan representasi bertulis itu atau notis peletakan jawatannya.

**Kehadiran juruaudit pada mesyuarat agung yang penyata kewangan dibentangkan**

**285.** (1) Seorang juruaudit bagi suatu syarikat awam hendaklah menghadiri tiap-tiap mesyuarat agung tahunan yang penyata kewangan syarikat bagi suatu tahun kewangan akan dibentangkan, bagi menjawab mengikut pengetahuan dan kemampuannya apa-apa soalan yang berkaitan dengan audit penyata kewangan itu.

(2) Dalam hal suatu syarikat persendirian, jika notis yang sewajarnya diberi kepada seorang juruaudit tentang niat untuk mengusulkan suatu ketetapan yang menghendaki kehadiran juruaudit pada mesyuarat agung syarikat di mana penyata kewangan syarikat bagi suatu tahun kewangan akan dibentangkan, juruaudit itu hendaklah menghadiri mesyuarat itu bagi menjawab mengikut pengetahuan dan kemampuannya apa-apa soalan yang berkaitan dengan audit penyata kewangan itu.

(3) Seorang juruaudit yang gagal menghadiri mesyuarat sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan melainkan jika—

*(a)* juruaudit itu terhalang oleh hal keadaan yang di luar kawalannya daripada menghadiri mesyuarat itu;

*(b)* juruaudit itu membuat perkiraan dengan juruaudit yang lain yang mempunyai pengetahuan tentang pengauditan untuk hadir dan menjalankan kewajipan juruaudit itu pada mesyuarat itu;

*(c)* jika juruaudit itu ialah pekongsi suatu firma, orang yang menghadiri mesyuarat itu bagi pihak juruaudit yang ditetapkan merupakan pekongsi firma itu; atau

*(d)* juruaudit itu membuat perkiraan dengan ejen yang diberi kuasa oleh juruaudit itu secara bertulis untuk menghadiri dan menjalankan kewajipan sebagai juruaudit pada mesyuarat itu.

**Juruaudit dan orang lain hendaklah menikmati keistimewaan dalam hal keadaan tertentu**

**286.** (1) Seorang juruaudit tidak, tanpa niat jahat di pihaknya, bertanggungan bagi apa-apa pelakuan fitnah semasa dibawa guaman oleh mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya semasa menjalankan kewajipannya sebagai juruaudit, sama ada pernyataan itu dibuat secara lisan atau bertulis.

(2) Seseorang tidak, tanpa niat jahat di pihaknya, bertanggungan bagi apa-apa pelakuan fitnah semasa dibawa guaman oleh mana-mana orang berkenaan dengan penyiaran apa-apa dokumen yang disediakan oleh seorang juruaudit semasa menjalankan kewajipannya dan dikehendaki di bawah Akta ini untuk diserah simpan dengan Pendaftar.

(3) Seorang juruaudit tidak bertanggungan untuk dibawa guaman terhadapnya dalam mana-mana mahkamah atau tertakluk kepada apa-apa prosiding jenayah atau tatatertib bagi apa-apa laporan di bawah seksyen 266 yang dikemukakan oleh juruaudit itu dengan suci hati dan dengan niat untuk melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan ke atas juruaudit itu di bawah Akta ini.

(4) Seksyen ini tidaklah mengehadkan atau menjejaskan apa-apa hak, keistimewaan atau kekebalan lain yang dipunyai oleh seseorang juruaudit atau orang lain sebagai defendan dalam suatu tindakan bagi fitnah.

**Kewajipan juruaudit kepada pemegang amanah bagi pemegang debentur**

**287.** (1) Juruaudit suatu perbadanan peminjam hendaklah menghantar suatu salinan penyata kewangan atau apa-apa laporan, perakuan atau dokumen lain yang juruaudit itu dikehendaki untuk diberikan kepada perbadanan itu oleh Akta ini atau oleh debentur atau surat ikatan amanah kepada tiap-tiap pemegang amanah bagi pemegang debentur perbadanan peminjam itu melalui pos dalam masa tujuh hari dari pemberian kepada perbadanan itu apa-apa penyata kewangan atau apa-apa laporan, perakuan atau dokumen lain yang juruaudit itu dikehendaki oleh Akta ini atau oleh debentur atau surat ikatan amanah untuk memberikan kepada perbadanan.

(2) Jika dalam melaksanakan kewajipannya sebagai juruaudit perbadanan peminjam, juruaudit itu menyedari tentang apa-apa perkara yang pada pendapatnya berkaitan dengan penjalanan dan pelaksanaan kuasa dan kewajipan yang dikenakan oleh Akta ini atau oleh mana-mana surat ikatan amanah ke atas mana-mana pemegang amanah bagi pemegang debentur perbadanan itu, juruaudit itu hendaklah menghantar melalui pos suatu laporan secara bertulis mengenai perkara itu kepada perbadanan peminjam itu dan suatu salinan laporan itu kepada pemegang amanah dalam masa tujuh hari selepas menyedari tentang perkara itu.

(3) Seorang juruaudit tidak bertanggungan untuk dibawa guaman dalam mana-mana mahkamah atau tertakluk kepada apa-apa prosiding jenayah atau tatatertib bagi apa-apa laporan di bawah seksyen 266 yang dikemukakan oleh juruaudit itu dengan suci hati dan dengan niat untuk melaksanakan mana-mana kewajipan yang dikenakan ke atas juruaudit itu di bawah Akta ini.

(4) Mana-mana juruaudit yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sebanyak lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

## Penggal 4

### *Tanggung Rugi dan Insurans bagi Pegawai dan Juruaudit*

**Peruntukan bagi menanggung rugi pengarah atau pegawai**

**288.** Mana-mana peruntukan, sama ada yang terkandung dalam mana-mana perlembagaan atau dalam mana-mana kontrak dengan suatu syarikat atau selainnya, bagi mengecualikan mana-mana pegawai atau juruaudit syarikat itu daripada, atau menanggung rugi terhadapnya, apa-apa liabiliti yang melalui undang-undang akan selainnya menjadi terikat dengannya berkenaan dengan apa-apa kecuaian, keingkaran, pelanggaran kewajipan atau pecah amanah, yang dengannya dia bersalah berhubung dengan syarikat itu, hendaklah terbatal.

**Tanggung rugi dan insurans bagi pegawai dan juruaudit**

**289.** (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, suatu syarikat tidak boleh menanggung rugi atau secara langsung atau tidak langsung menanggung insurans bagi seseorang pegawai atau juruaudit syarikat berkenaan dengan—

*(a)* liabiliti bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan atas keupayaannya sebagai pegawai atau juruaudit; atau

*(b)* kos yang ditanggung oleh pegawai atau juruaudit itu semasa membela atau menyelesaikan apa-apa tuntutan atau prosiding yang berhubungan dengan apa-apa liabiliti itu.

(2) Suatu tanggung rugi yang diberikan dengan melanggar seksyen ini adalah tidak sah.

(3) Syarikat boleh menanggung rugi seseorang pegawai atau juruaudit syarikat bagi apa-apa kos yang ditanggung olehnya atau syarikat itu berkenaan dengan apa-apa prosiding—

*(a)* yang berhubung dengan liabiliti bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan atas keupayaannya sebagai pegawai atau juruaudit; dan

*(b)* yang penghakiman diberikan memihak kepada pegawai atau juruaudit itu atau yang pegawai atau juruaudit itu dibebaskan atau yang pegawai atau juruaudit itu diberikan pelepasan di bawah Akta ini, atau jika prosiding tidak diteruskan atau dihentikan.

(4) Suatu syarikat boleh menanggung rugi seseorang pegawai atau juruaudit syarikat berkenaan dengan—

*(a)* apa-apa liabiliti bagi mana-mana orang, selain syarikat itu, bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan atas keupayaannya sebagai pegawai atau juruaudit; dan

*(b)* kos yang ditanggung oleh pengarah atau pegawai atau juruaudit itu dalam pembelaan atau penyelesaian apa-apa tuntutan atau prosiding yang berhubungan dengan apa-apa liabiliti sedemikian kecuali—

(i) apa-apa liabiliti pengarah untuk membayar—

(A) suatu denda yang dikenakan dalam prosiding jenayah; atau

(B) suatu jumlah wang yang kena dibayar kepada badan penyeliaan secara penalti berkenaan dengan ketidakpatuhan apa-apa kehendak pengawalseliaan, walau bagaimana jua timbul; atau

(ii) apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh pengarah itu—

(A) dalam pembelaan prosiding jenayah yang dalamnya pengarah itu disabitkan; atau

(B) dalam pembelaan prosiding sivil yang dibawa oleh syarikat itu, atau syarikat bersekutu, yang penghakiman diberikan terhadap pengarah itu; atau

*(c)* berkaitan dengan suatu permohonan bagi pelepasan di bawah Akta ini.

(5) Suatu syarikat boleh, dengan kelulusan Lembaga terlebih dahulu, menanggung insurans bagi pegawai atau juruaudit syarikat berkenaan dengan—

*(a)* liabiliti sivil, bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan atas keupayaannya sebagai pengarah atau pegawai atau juruaudit; dan

*(b)* kos yang ditanggung oleh pegawai atau juruaudit itu semasa membela atau menyelesaikan apa-apa tuntutan atau prosiding yang berhubungan dengan apa-apa liabiliti itu; atau

*(c)* kos yang ditanggung oleh pegawai atau juruaudit itu dalam pembelaan mana-mana prosiding yang telah dibawa terhadap orang itu berhubung dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan atas keupayaan orang itu sebagai pegawai atau juruaudit—

(i) yang orang itu dibebaskan;

(ii) yang orang itu diberikan pelepasan di bawah Akta ini; atau

(iii) jika prosiding itu tidak diteruskan atau dihentikan.

(6) Dalam hal seorang pengarah, subseksyen (4) dan perenggan (5)*(a)* dan *(b)* tidak terpakai bagi apa-apa liabiliti sivil atau jenayah berkenaan dengan suatu pelanggaran kewajipan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 213.

(7) Pengarah hendaklah—

*(a)* merekodkan atau menyebabkan supaya direkodkan dalam minit lembaga pengarah; dan

*(b)* menzahirkan atau menyebabkan supaya dizahirkan dalam laporan pengarah yang disebut dalam seksyen 253,

butir-butir apa-apa tanggung rugi yang diberikan kepada, atau insurans yang ditanggung bagi, mana-mana pegawai atau juruaudit syarikat.

(8) Jika insurans yang ditanggung bagi pegawai atau juruaudit syarikat dan subseksyen (6) atau (7) tidak dipatuhi, pegawai atau juruaudit itu adalah bertanggungan sendiri terhadap syarikat itu bagi kos menanggung insurans itu melainkan jika pegawai atau juruaudit itu memuaskan hati Mahkamah bahawa dia tidak bertanggungan sedemikian.

(9) Dalam seksyen ini—

"pegawai", berhubung dengan suatu perbadanan, termasuk—

*(a)* mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pekerja perbadanan itu;

*(b)* pegawai terdahulu;

*(c)* penerima atau penerima dan pengurus mana-mana bahagian pengusahaan perbadanan yang dilantik di bawah kuasa yang terkandung dalam mana-mana surat cara; dan

*(d)* mana-mana penyelesai syarikat yang dilantik dalam suatu penggulungan sukarela,

tetapi tidak termasuk—

(A) mana-mana penerima yang bukan pengurus;

(B) mana-mana penerima dan pengurus yang dilantik oleh Mahkamah; atau

(C) mana-mana penyelesai yang dilantik oleh Mahkamah atau oleh pemiutang;

"menanggung insurans" termasuk membayar, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kos bagi insurans itu;

"menanggung rugi" termasuk pelepasan daripada liabiliti, sama ada sebelum atau selepas liabiliti itu timbul, dan "tanggung rugi" mempunyai pengertian yang sama.

## Penggal 5

## *Mesyuarat*

### Subpenggal 1

### *Mesyuarat dan Ketetapan Anggota*

**Meluluskan ketetapan**

**290.** (1) Suatu ketetapan anggota atau kelas anggota suatu syarikat persendirian hendaklah diluluskan sama ada—

*(a)* melalui suatu ketetapan bertulis; atau

*(b)* pada suatu mesyuarat anggota.

(2) Suatu ketetapan anggota atau kelas anggota suatu syarikat awam hendaklah diluluskan pada suatu mesyuarat anggota.

(3) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan, jika Akta ini tidak menyatakan jenis ketetapan yang dikehendaki, ketetapan suatu syarikat hendaklah diluluskan sebagai suatu ketetapan biasa.

**Ketetapan biasa**

**291.** (1) Suatu ketetapan biasa anggota atau kelas anggota suatu syarikat ertinya suatu ketetapan yang diluluskan dengan suatu majoriti mudah yang lebih daripada setengah daripada anggota itu—

*(a)* yang berhak untuk mengundi dan mengundi sendiri atau, jika proksi dibenarkan, melalui proksi pada suatu mesyuarat anggota; atau

*(b)* yang berhak untuk mengundi pada suatu ketetapan bertulis.

(2) Tertakluk kepada perenggan (1)*(a)*, suatu ketetapan biasa yang diluluskan pada suatu mesyuarat secara mengangkat tangan diluluskan dengan suatu majoriti mudah jika ketetapan itu diluluskan oleh anggota yang mewakili suatu majoriti mudah anggota yang menghadiri mesyuarat itu.

(3) Suatu ketetapan biasa diluluskan melalui undian yang dijalankan pada suatu mesyuarat jika ia diluluskan oleh anggota yang mewakili lebih daripada setengah jumlah keseluruhan hak mengundi anggota yang berhak mengundi dan mengundi sendiri atau melalui proksi pada ketetapan itu.

(4) Tertakluk kepada peruntukan perlembagaan, apa-apa perkara yang boleh diluluskan melalui ketetapan biasa boleh juga diluluskan melalui ketetapan khas.

**Ketetapan khas**

**292.** (1) Suatu ketetapan khas anggota atau kelas anggota suatu syarikat ertinya suatu ketetapan yang baginya suatu notis tidak kurang daripada dua puluh satu hari telah diberikan dan diluluskan secara majoriti yang tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus anggota itu—

*(a)* yang berhak untuk mengundi dan mengundi sendiri atau, jika proksi dibenarkan, melalui proksi pada suatu mesyuarat anggota; atau

*(b)* yang berhak untuk mengundi pada ketetapan bertulis.

(2) Jika suatu ketetapan syarikat persendirian diluluskan sebagai ketetapan bertulis, ketetapan itu bukan suatu ketetapan khas melainkan jika ketetapan itu dinyatakan bahawa ia merupakan ketetapan khas dan diluluskan sebagai suatu ketetapan khas.

(3) Tertakluk kepada perenggan (1)*(a)*, suatu ketetapan khas yang diluluskan pada suatu mesyuarat dengan mengangkat tangan diluluskan sebagai suatu ketetapan khas jika ketetapan khas itu diluluskan oleh tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus anggota yang hadir pada mesyuarat itu.

(4) Suatu ketetapan khas yang diluluskan melalui undian yang dijalankan pada suatu mesyuarat jika ketetapan khas itu diluluskan oleh anggota yang mewakili tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus jumlah keseluruhan hak mengundi anggota yang berhak untuk mengundi dan mengundi sendiri atau melalui proksi pada ketetapan itu.

(5) Jika suatu ketetapan khas diluluskan pada suatu mesyuarat—

*(a)* ketetapan itu bukan suatu ketetapan khas melainkan jika notis mesyuarat termasuk teks ketetapan itu dan menyatakan bahawa ketetapan itu dicadangkan sebagai suatu ketetapan khas; dan

*(b)* jika ketetapan itu dinyatakan sedemikian dalam notis mesyuarat, ketetapan itu hendaklah hanya diluluskan sebagai suatu ketetapan khas.

**Kaedah am mengenai pengundian**

**293.** (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan—

*(a)* dalam hal suatu syarikat yang mempunyai modal syer—

(i) bagi pengundian atas suatu ketetapan bertulis, tiap-tiap anggota hendaklah mempunyai satu undi berkenaan dengan setiap syer atau saham yang dipegang olehnya;

(ii) bagi pengundian atas suatu ketetapan dengan mengangkat tangan pada mesyuarat, tiap-tiap anggota hendaklah mempunyai satu undi; atau

(iii) bagi pengundian atas suatu ketetapan melalui undian yang dijalankan pada mesyuarat, tiap-tiap anggota hendaklah mempunyai satu undi berkenaan dengan setiap syer atau saham yang dipegang olehnya; dan

*(b)* dalam hal suatu syarikat yang tidak mempunyai modal syer, tiap-tiap anggota hendaklah mempunyai satu undi.

(2) Walau apa pun perenggan (1)*(a)*, tiada seorang pun anggota berhak untuk mengundi pada sesuatu mesyuarat melainkan jika semua panggilan dan jumlah wang lain yang pada masa ini kena dibayar oleh anggota itu berkenaan dengan syer dalam syarikat telah dibayar.

**Undian melalui proksi**

**294.** (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam perlembagaan, jika seorang anggota yang berhak untuk mengundi pada suatu ketetapan melantik suatu proksi, proksi itu adalah berhak untuk mengundi dengan mengangkat tangan, dengan syarat bahawa hanya dia sahaja proksi yang dilantik oleh anggota itu.

(2) Jika seorang anggota yang berhak untuk mengundi pada suatu ketetapan telah melantik lebih daripada satu proksi—

*(a)* proksi itu hendaklah hanya berhak untuk mengundi melalui pengundian; dan

*(b)* pelantikan itu tidak sah melainkan jika anggota itu menyatakan bahagian pegangannya untuk diwakili setiap proksi.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), dalam hal suatu syarikat yang syernya disebut di bursa saham, jika anggota yang berhak untuk mengundi pada suatu ketetapan telah melantik lebih daripada satu proksi, kelayakan proksi itu untuk mengundi dengan mengangkat tangan hendaklah mengikut kehendak penyenaraian bursa saham.

**Undian pemegang syer bersama**

**295.** (1) Dalam hal pemegang syer bersama suatu syarikat, pemegang syer bersama itu hendaklah dianggap sebagai satu pemegang syer.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

*(a)* jika pemegang syer bersama itu berupa sebagai menjalankan kuasa mengikut cara yang sama, kuasa itu dianggap sebagai telah dijalankan mengikut cara itu; atau

*(b)* sekiranya pemegang syer bersama itu tidak berupa sebagai menjalankan kuasa mengikut cara yang sama, kuasa itu dianggap sebagai tidak dijalankan.

**Hak untuk membantah kelayakan mengundi seseorang**

**296.** (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan, tiada bantahan boleh dibangkitkan mengenai kelayakan mana-mana pengundi kecuali pada mesyuarat atau mesyuarat yang ditangguhkan yang padanya undi yang dibantah itu diberikan atau dikemukakan, dan tiap-tiap undi yang tidak ditolak pada mesyuarat itu adalah sah bagi segala maksud.

(2) Apa-apa bantahan di bawah subseksyen (1) yang dibuat dalam masa yang sewajarnya hendaklah dirujuk kepada pengerusi mesyuarat, yang keputusannya adalah muktamad dan mengikat.

Subpenggal 2

*Ketetapan Bertulis Syarikat Persendirian*

**Ketetapan bertulis syarikat persendirian**

**297.** (1) Suatu ketetapan hendaklah dicadangkan sebagai suatu ketetapan bertulis oleh Lembaga atau mana-mana anggota syarikat persendirian.

(2) Yang berikut tidak boleh diluluskan sebagai suatu ketetapan bertulis:

*(a)* suatu ketetapan di bawah seksyen 206 untuk memecat seorang pengarah sebelum habis tempoh jawatannya; atau

*(b)* suatu ketetapan di bawah seksyen 276 untuk memecat seorang juruaudit sebelum habis tempoh jawatannya.

**Kelayakan anggota untuk menerima ketetapan bertulis**

**298.** (1) Berhubung dengan kelayakan anggota untuk menerima suatu ketetapan yang dicadangkan sebagai ketetapan bertulis syarikat persendirian, anggota yang layak ialah anggota yang berhak untuk mengundi bagi ketetapan itu pada tarikh pengedaran ketetapan itu.

(2) Jika orang yang berhak untuk mengundi di atas suatu ketetapan bertulis bertukar semasa hari ketetapan bertulis diedarkan, anggota yang layak ialah orang yang berhak untuk mengundi atas ketetapan itu pada masa salinan pertama ketetapan itu diedarkan kepada anggota bagi mendapatkan persetujuan anggota.

**Tarikh pengedaran**

**299.** Tarikh pengedaran suatu ketetapan bertulis adalah pada tarikh yang—

*(a)* salinan ketetapan bertulis itu diedarkan kepada anggota; atau

*(b)* jika salinan itu diedarkan kepada anggota pada hari yang berlainan, hari yang pertama bagi hari-hari itu.

**Cara ketetapan bertulis diedarkan**

**300.** (1) Suatu ketetapan bertulis hendaklah diedarkan dalam salinan cetak atau bentuk elektronik.

(2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan, suatu ketetapan bertulis—

*(a)* yang diedarkan dalam salinan cetak hendaklah dihantar kepada mana-mana anggota sama ada dengan sendiri atau melalui pos ke alamat yang diberikan oleh anggota itu kepada syarikat bagi maksud itu; atau

*(b)* yang diedarkan dalam bentuk elektronik hendaklah dihantar ke alamat elektronik yang diberikan oleh anggota itu kepada syarikat bagi maksud itu.

**Pengedaran ketetapan bertulis yang dicadangkan oleh pengarah**

**301.** (1) Jika Lembaga mencadangkan suatu ketetapan bertulis, syarikat hendaklah mengedarkan salinan ketetapan bertulis itu kepada tiap-tiap anggota yang layak pada masa yang sama, setakat yang boleh dilaksanakan mengikut cara yang dinyatakan di bawah seksyen 300.

(2) Salinan ketetapan bertulis hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan yang memaklumkan anggota mengenai—

*(a)* tatacara bagi menandakan persetujuan atau selainnya bagi ketetapan itu; dan

*(b)* tarikh ketetapan itu hendaklah luput jika ketetapan bertulis itu tidak diluluskan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(4) Kesahan ketetapan itu, jika diluluskan, tidak terjejas kerana tidak mematuhi seksyen ini.

**Kuasa anggota untuk menghendaki pengedaran ketetapan bertulis**

**302.** (1) Mana-mana anggota syarikat persendirian yang mempunyai sejumlah lima peratus, atau apa-apa peratusan yang lebih rendah sebagaimana yang dinyatakan dalam perlembagaan, daripada jumlah keseluruhan hak mengundi semua anggota yang layak boleh menghendaki syarikat itu mengedarkan suatu ketetapan yang boleh diusulkan dengan sewajarnya sebagai suatu ketetapan bertulis.

(2) Mana-mana ketetapan boleh diusulkan dengan sewajarnya sebagai suatu ketetapan bertulis melainkan jika ketetapan itu—

*(a)* jika diluluskan, akan menjadi tidak berkesan sama ada oleh sebab ketidakselarasan dengan mana-mana undang-undang bertulis atau dengan perlembagaan;

*(b)* memfitnah mana-mana orang;

*(c)* remeh atau menyusahkan; atau

*(d)* jika diluluskan, akan menjejaskan kepentingan syarikat.

(3) Jika seseorang anggota menghendaki syarikat untuk mengedarkan suatu ketetapan bertulis, anggota itu boleh menghendaki syarikat itu untuk mengedarkan bersama-sama dengan ketetapan bertulis itu suatu pernyataan yang tidak lebih daripada satu ribu perkataan mengenai hal perkara ketetapan bertulis itu.

(4) Suatu syarikat dikehendaki untuk mengedarkan ketetapan bertulis dan apa-apa pernyataan iringan apabila syarikat menerima suatu permintaan untuk berbuat demikian daripada mana-mana anggota yang mewakili tidak kurang daripada lima peratus atau apa-apa peratusan yang lebih rendah sebagaimana yang dinyatakan dalam perlembagaan daripada jumlah keseluruhan hak mengundi semua anggota yang berhak untuk mengundi mengenai ketetapan itu.

(5) Permintaan di bawah subseksyen (1) hendaklah—

*(a)* dalam salinan cetak atau dalam bentuk elektronik;

*(b)* menyatakan ketetapan itu dan menyediakan apa-apa pernyataan iringan; dan

*(c)* ditandatangani atau disahkan oleh anggota yang membuatnya.

**Pengedaran ketetapan bertulis yang dicadangkan oleh anggota**

**303.** (1) Jika suatu syarikat menerima permintaan yang dibuat di bawah subseksyen 302(1) untuk mengedarkan suatu ketetapan bertulis, pengarah itu hendaklah mengedarkan kepada tiap-tiap anggota yang layak dalam salinan cetak atau dalam bentuk elektronik—

*(a)* suatu salinan ketetapan itu; dan

*(b)* suatu salinan apa-apa pernyataan iringan.

(2) Pengarah hendaklah mengedarkan salinan ketetapan bertulis itu dan apa-apa pernyataan iringan pada waktu yang sama, setakat yang semunasabahnya praktik kepada semua anggota yang layak dalam salinan cetak atau dalam bentuk elektronik.

(3) Pengarah hendaklah menghantar salinan, atau jika salinan dihantar kepada anggota pada hari yang berlainan, yang pertama daripada salinan itu, tidak lebih daripada dua puluh satu hari dari salinan itu menjadi tertakluk kepada kehendak di bawah seksyen 302 untuk mengedarkan ketetapan itu.

(4) Salinan ketetapan itu hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan tentang—

*(a)* tatacara untuk menandakan persetujuan atau selainnya bagi ketetapan itu; dan

*(b)* tarikh yang ketetapan itu hendaklah luput jika ketetapan itu tidak diluluskan.

(5) Kesahan ketetapan itu, jika diluluskan, tidak terjejas kerana tidak mematuhi seksyen ini.

(6) Jika pengarah gagal mengedarkan suatu ketetapan bertulis, mana-mana anggota yang meminta ketetapan bertulis di bawah seksyen 302 boleh mengedarkan ketetapan itu.

(7) Apa-apa perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung oleh anggota yang mengedarkan ketetapan itu atas sebab pengarah tidak mengedarkan ketetapan bertulis itu hendaklah dibayar ganti oleh syarikat.

(8) Apa-apa jumlah wang yang dibayar ganti sedemikian hendaklah dipegang simpan oleh syarikat daripada apa-apa jumlah wang yang kena dibayar atau menjadi kena dibayar oleh pengarah melalui fi atau saraan lain berkenaan dengan perkhidmatan pengarah yang melakukan keingkaran.

**Perbelanjaan bagi pengedaran**

**304.** Melainkan jika syarikat menetapkan selainnya—

*(a)* perbelanjaan syarikat dalam mematuhi seksyen 303 hendaklah dibayar oleh anggota yang meminta pengedaran pernyataan itu; dan

*(b)* syarikat itu tidak terikat untuk mematuhi seksyen 303 melainkan jika disimpan dengan atau diberikan kepada syarikat itu, tidak lewat daripada satu minggu sebelum mesyuarat, suatu jumlah wang yang semunasabahnya mencukupi untuk memenuhi perbelanjaannya untuk berbuat sedemikian.

**Permohonan untuk tidak mengedarkan ketetapan bertulis anggota**

**305.** (1) Suatu syarikat tidak dikehendaki untuk mengedarkan ketetapan bertulis anggota di bawah subseksyen 303(1) jika, atas permohonan oleh syarikat itu atau seseorang yang menuntut sebagai terkilan, Mahkamah berpuas hati bahawa hak yang diberikan oleh seksyen 302 disalahgunakan.

(2) Mahkamah boleh mengarahkan mana-mana anggota yang meminta pengedaran ketetapan bertulis itu untuk membayar keseluruhan atau sebahagian daripada kos syarikat bagi permohonan itu, walaupun anggota itu bukan merupakan suatu pihak kepada permohonan itu.

**Tatacara bagi menandakan persetujuan terhadap ketetapan bertulis**

**306.** (1) Seseorang anggota menandakan persetujuannya terhadap suatu ketetapan bertulis yang dicadangkan apabila syarikat menerima daripadanya suatu dokumen yang disahkan—

*(a)* yang mengenal pasti ketetapan yang berhubung dengannya; dan

*(b)* yang menunjukkan persetujuannya terhadap ketetapan itu.

(2) Dokumen itu hendaklah dihantar kepada syarikat itu dalam bentuk salinan cetak atau elektronik.

(3) Persetujuan anggota terhadap sesuatu ketetapan bertulis, setelah ditandakan, tidak boleh dibatalkan.

(4) Suatu ketetapan bertulis hendaklah diluluskan apabila majoriti yang dikehendaki daripada anggota yang layak menandakan persetujuan mereka terhadap ketetapan bertulis itu.

**Tempoh bagi menyetujui ketetapan bertulis**

**307.** (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan, suatu ketetapan bertulis yang dicadangkan dibuat di bawah seksyen 302 luput jika ketetapan bertulis itu tidak diluluskan sebelum berakhirnya tempoh dua puluh lapan hari bermula dari tarikh pengedaran.

(2) Persetujuan seseorang anggota terhadap suatu ketetapan bertulis tidak berkuat kuasa jika persetujuan ditandakan selepas habis tempoh itu.

**Menghantar dokumen yang berhubungan dengan ketetapan bertulis melalui cara elektronik**

**308.** Jika suatu syarikat diberikan suatu alamat elektronik dalam mana-mana dokumen yang mengandungi atau mengiringi suatu ketetapan bertulis yang dicadangkan, syarikat itu hendaklah disifatkan bersetuju bahawa apa-apa dokumen atau maklumat yang berhubungan dengan ketetapan itu boleh dihantar melalui cara elektronik ke alamat tersebut, tertakluk kepada apa-apa syarat atau batasan yang dinyatakan dalam dokumen itu.

Subpenggal 3

*Meluluskan Ketetapan pada Mesyuarat Anggota*

**Ketetapan pada mesyuarat anggota**

**309.** Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan, suatu ketetapan hendaklah diluluskan dengan sah pada mesyuarat anggota jika—

*(a)* notis mesyuarat dan ketetapan itu diberikan; dan

*(b)* mesyuarat itu diadakan dan dijalankan,

mengikut peruntukan Subpenggal ini.

**Kuasa untuk mengadakan mesyuarat anggota**

**310.** Suatu mesyuarat anggota boleh diadakan oleh—

*(a)* Lembaga; atau

*(b)* mana-mana anggota yang memegang sekurang-kurangnya sepuluh peratus modal syer dikeluarkan syarikat atau apa-apa peratusan yang lebih rendah sebagaimana yang dinyatakan dalam perlembagaan atau jika syarikat tidak mempunyai modal syer, oleh sekurang-kurangnya lima peratus daripada bilangan anggota itu.

**Kuasa untuk menghendaki pengarah untuk mengadakan mesyuarat anggota**

**311.** (1) Anggota suatu syarikat boleh menghendaki pengarah untuk mengadakan mesyuarat anggota bagi syarikat itu.

(2) Suatu rekuisisi di bawah subseksyen (1)—

*(a)* hendaklah dalam bentuk salinan cetak atau elektronik;

*(b)* hendaklah menyatakan jenis am urusan yang hendak diperkatakan dalam mesyuarat itu;

*(c)* boleh termasuk teks ketetapan yang boleh diusulkan dan yang dicadangkan untuk diusulkan pada mesyuarat itu; dan

*(d)* hendaklah ditandatangani atau disahkan oleh orang yang membuat rekuisisi itu.

(3) Pengarah hendaklah memanggil mesyuarat anggota sebaik sahaja syarikat menerima rekuisisi untuk berbuat demikian daripada—

*(a)* anggota yang mewakili sekurang-kurangnya sepuluh peratus daripada modal berbayar syarikat yang mempunyai hak untuk mengundi pada mesyuarat anggota syarikat, tidak termasuk apa-apa modal berbayar yang dipegang sebagai syer perbendaharaan; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat yang tidak mempunyai modal syer, anggota yang mewakili sekurang-kurangnya lima peratus jumlah keseluruhan hak mengundi bagi semua anggota yang mempunyai hak mengundi pada mesyuarat anggota.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), dalam hal suatu syarikat persendirian, anggota yang mewakili sekurang-kurangnya lima peratus modal berbayar syarikat yang mempunyai hak untuk mengundi pada mesyuarat anggota syarikat itu boleh menghendaki suatu mesyuarat anggota diadakan jika lebih daripada dua belas bulan berlalu selepas berakhirnya mesyuarat anggota yang terakhir diadakan menurut suatu rekuisisi di bawah seksyen ini dan ketetapan yang dicadangkan itu bukan fitnah, menyusahkan atau remeh.

(5) Suatu ketetapan boleh diusulkan dengan sewajarnya dalam mesyuarat melainkan jika ketetapan itu—

*(a)* jika diluluskan, akan menjadi tidak berkesan sama ada disebabkan ketidakselarasan dengan mana-mana undang-undang bertulis atau perlembagaan;

*(b)* memfitnah mana-mana orang;

*(c)* remeh atau menyusahkan; atau

*(d)* jika diluluskan, akan menjejaskan kepentingan syarikat.

(6) Bagi maksud subseksyen (3) dan (4), hak untuk mengundi hendaklah ditentukan pada tarikh rekuisisi itu disimpan dengan syarikat.

**Kewajipan pengarah untuk memanggil mesyuarat yang dikehendaki oleh anggota**

**312.** (1) Berhubung dengan seksyen 311, pengarah hendaklah—

*(a)* memanggil mesyuarat dalam masa empat belas hari dari tarikh rekuisisi itu; dan

*(b)* mengadakan mesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lebih daripada dua puluh lapan hari selepas tarikh notis untuk mengadakan mesyuarat.

(2) Jika permintaan yang diterima oleh syarikat mengenal pasti ketetapan yang dihasratkan untuk diusulkan dalam mesyuarat, notis mesyuarat hendaklah memasukkan teks ketetapan itu.

(3) Urusan yang boleh diperkatakan dalam mesyuarat itu termasuk suatu ketetapan yang baginya notis diberikan mengikut seksyen ini.

(4) Jika ketetapan itu hendak dicadangkan sebagai suatu ketetapan khas, pengarah hendaklah dianggap sebagai tidak memanggil mesyuarat dengan sewajarnya jika pengarah itu tidak memberikan notis ketetapan yang dikehendaki mengikut seksyen 292.

**Kuasa anggota untuk mengadakan mesyuarat anggota atas perbelanjaan syarikat**

**313.** (1) Jika pengarah—

*(a)* yang dikehendaki di bawah seksyen 311 untuk memanggil suatu mesyuarat anggota; dan

*(b)* tidak berbuat demikian mengikut seksyen 312,

anggota yang meminta mesyuarat itu, atau mana-mana anggota itu yang mewakili lebih daripada setengah jumlah keseluruhan hak mengundi kesemua anggota yang meminta mesyuarat itu, boleh memanggil suatu mesyuarat anggota.

(2) Jika rekuisisi yang diterima oleh syarikat itu memasukkan teks suatu ketetapan yang dihasratkan untuk diusulkan dalam mesyuarat itu, notis mesyuarat hendaklah memasukkan teks ketetapan itu.

(3) Mesyuarat hendaklah diadakan pada suatu tarikh yang tidak lebih daripada tiga bulan selepas tarikh pengarah itu menerima rekuisisi di bawah subseksyen 311(1) untuk memanggil mesyuarat anggota.

(4) Mesyuarat hendaklah diadakan mengikut cara yang sama, dengan seberapa hampir yang boleh, sebagaimana mesyuarat yang diminta supaya diadakan oleh pengarah syarikat itu.

(5) Urusan yang boleh diperkatakan dalam mesyuarat itu termasuk suatu ketetapan yang baginya notis diberikan mengikut seksyen ini.

(6) Apa-apa perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung oleh anggota yang meminta mesyuarat disebabkan oleh kegagalan pengarah untuk memanggil mesyuarat hendaklah dibayar ganti oleh syarikat.

(7) Apa-apa jumlah wang yang dibayar ganti sedemikian hendaklah dipegang simpan oleh syarikat daripada apa-apa jumlah wang yang kena dibayar atau menjadi kena dibayar daripada syarikat melalui fi atau saraan lain berkenaan dengan perkhidmatan pengarah yang ingkar itu.

**Kuasa Mahkamah untuk mengarahkan mesyuarat**

**314.** (1) Seksyen ini terpakai jika atas apa-apa sebab adalah tidak boleh dilaksanakan—

*(a)* untuk memanggil mesyuarat anggota syarikat mengikut apa-apa cara yang mesyuarat syarikat itu boleh dipanggil; atau

*(b)* untuk menjalankan mesyuarat mengikut cara yang ditetapkan oleh perlembagaan atau Akta ini.

(2) Mahkamah boleh, sama ada dengan usulnya sendiri atau atas permohonan—

*(a)* pengarah syarikat;

*(b)* anggota syarikat yang berhak untuk mengundi dalam mesyuarat; atau

*(c)* wakil diri mana-mana anggota itu,

mengarahkan supaya suatu mesyuarat dipanggil, diadakan dan dijalankan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(3) Jika perintah itu dibuat, Mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan sampingan atau berbangkit sebagaimana yang difikirkannya suai manfaat.

(4) Arahan itu boleh memasukkan suatu arahan bahawa seorang anggota syarikat yang hadir sendiri atau melalui proksi pada mesyuarat itu disifatkan membentuk suatu kuorum.

(5) Suatu mesyuarat yang dipanggil, diadakan dan dijalankan mengikut suatu perintah di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan bagi segala maksud sebagai suatu mesyuarat syarikat yang dipanggil, diadakan dan dijalankan dengan sewajarnya.

**Ketetapan yang diluluskan dalam mesyuarat yang ditangguhkan**

**315.** Jika sesuatu ketetapan diluluskan dalam suatu mesyuarat syarikat atau mesyuarat pemegang mana-mana kelas syer yang ditangguhkan, ketetapan itu hendaklah, bagi segala maksud, dikira sebagai diluluskan pada tarikh yang ketetapan itu pada hakikatnya telah diluluskan.

Subpenggal 4

*Notis Mesyuarat*

**Notis dikehendaki bagi mesyuarat anggota**

**316.** (1) Mesyuarat anggota suatu syarikat persendirian, selain mesyuarat untuk meluluskan suatu ketetapan khas, hendaklah dipanggil melalui notis sekurang-kurangnya empat belas hari atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dinyatakan dalam perlembagaannya.

(2) Mesyuarat anggota suatu syarikat awam, selain mesyuarat untuk meluluskan suatu ketetapan khas, hendaklah dipanggil melalui notis—

*(a)* dalam hal suatu mesyuarat agung tahunan, sekurang-kurangnya dua puluh satu hari atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dinyatakan dalam perlembagaannya; dan

*(b)* dalam apa-apa hal lain, sekurang-kurangnya empat belas hari atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dinyatakan dalam perlembagaannya.

(3) Suatu mesyuarat agung tahunan boleh dipanggil melalui suatu notis yang lebih singkat daripada tempoh yang disebut dalam subseksyen (2) jika dipersetujui oleh kesemua anggota yang berhak untuk hadir dan mengundi dalam mesyuarat itu.

(4) Suatu mesyuarat anggota selain mesyuarat agung tahunan boleh dipanggil melalui suatu notis yang lebih singkat daripada tempoh yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2) jika dipersetujui sedemikian oleh majoriti daripada bilangan anggota yang berhak untuk hadir dan mengundi pada mesyuarat, yang merupakan majoriti yang—

*(a)* bersama memegang tidak kurang daripada peratus yang dikehendaki dalam bilangan syer yang memberi hak untuk hadir dan mengundi dalam mesyuarat, tidak termasuk apa-apa syer dalam syarikat yang dipegang sebagai syer perbendaharaan; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat yang tidak mempunyai modal syer, bersama mewakili tidak kurang daripada peratus yang dikehendaki jumlah keseluruhan hak mengundi kesemua anggota pada mesyuarat itu.

(5) Peratusan yang dikehendaki adalah—

*(a)* dalam hal suatu syarikat persendirian, sembilan puluh peratus atau apa-apa peratusan yang lebih tinggi, tidak melebihi sembilan puluh lima peratus sebagaimana yang dinyatakan dalam perlembagaan; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat awam, sembilan puluh lima peratus.

(6) Apa-apa peninggalan yang tidak disengajakan dalam memberikan notis mesyuarat kepada, atau kegagalan dalam menerima notis mesyuarat oleh, mana-mana anggota tidak menidaksahkan prosiding dalam mesyuarat itu.

**Kandungan notis mesyuarat anggota**

**317.** (1) Notis suatu mesyuarat anggota bagi suatu syarikat hendaklah menyatakan—

*(a)* tempat, tarikh dan masa mesyuarat itu; dan

*(b)* jenis am urusan mesyuarat itu.

(2) Notis mesyuarat anggota boleh memasukkan teks apa-apa ketetapan yang dicadangkan dan maklumat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh pengarah.

**Notis mesyuarat anggota yang ditangguhkan**

**318.** Apabila suatu mesyuarat anggota ditangguhkan selama tiga puluh hari atau lebih, notis mengenai mesyuarat yang ditangguhkan itu hendaklah diberikan sebagaimana dalam hal mesyuarat asal.

**Cara notis diberikan**

**319.** (1) Notis suatu mesyuarat anggota hendaklah secara bertulis dan hendaklah diberikan kepada anggota sama ada—

*(a)* dalam salinan cetak;

*(b)* dalam bentuk elektronik; atau

*(c)* sebahagiannya dalam salinan cetak dan sebahagiannya dalam bentuk elektronik.

(2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan, suatu notis—

*(a)* yang diberikan dalam salinan cetak hendaklah dihantar kepada mana-mana anggota sama ada secara sendiri atau melalui pos ke alamat yang diberikan oleh anggota itu kepada syarikat bagi maksud itu; atau

*(b)* yang diberikan dalam bentuk elektronik hendaklah dihantar ke alamat elektronik yang diberikan oleh anggota itu kepada syarikat bagi maksud itu atau dengan menyiarkan dalam laman sesawang.

**Pemberitahuan tentang penyiaran notis mesyuarat dalam laman sesawang**

**320.** (1) Notis suatu mesyuarat anggota tidak boleh diberikan secara sah oleh syarikat melalui laman sesawang melainkan jika suatu pemberitahuan mengenai perkara itu diberikan mengikut seksyen ini.

(2) Syarikat hendaklah memberitahu anggota tentang penyiaran notis dalam laman sesawang dan pemberitahuan itu hendaklah secara bertulis dan hendaklah diberikan dalam salinan cetak atau bentuk elektronik yang menyatakan—

*(a)* bahawa notis adalah mengenai suatu mesyuarat anggota;

*(b)* tempat, tarikh dan masa mesyuarat itu; dan

*(c)* dalam hal suatu syarikat awam, sama ada mesyuarat itu ialah mesyuarat agung tahunan.

(3) Notis hendaklah dijadikan tersedia dalam laman sesawang sepanjang tempoh itu bermula dari tarikh pemberitahuan yang disebut dalam subseksyen (2) sehingga mesyuarat itu selesai.

**Orang yang berhak menerima notis mesyuarat anggota**

**321.** (1) Notis suatu mesyuarat anggota hendaklah diberikan kepada tiap-tiap anggota, pengarah dan juruaudit syarikat.

(2) Sebutan mengenai anggota dalam subseksyen (1) termasuk mana-mana orang yang berhak terhadap suatu syer berikutan dengan kematian atau kebankrapan seseorang anggota yang, jika tidak kerana kematiannya atau kebankrapannya, berhak menerima notis mesyuarat dan syarikat telah diberitahu tentang kelayakan orang itu secara bertulis.

**Ketetapan yang menghendaki notis khas**

**322.** (1) Jika notis khas dikehendaki bagi suatu ketetapan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, ketetapan itu tidak boleh berkuat kuasa melainkan jika notis tentang niat untuk mengusulkannya diberikan kepada syarikat sekurang-kurangnya dua puluh lapan hari sebelum mesyuarat yang dalamnya ketetapan itu diusulkan.

(2) Syarikat tidak dikehendaki untuk memberikan notis tentang ketetapan yang dicadangkan yang diterima di bawah subseksyen (1) kepada anggota melainkan jika ketetapan itu boleh diusulkan dengan sepatutnya dalam mesyuarat anggota yang dikehendaki di bawah Akta ini.

(3) Syarikat hendaklah, jika praktik, memberikan kepada anggotanya notis mengenai mana-mana ketetapan itu mengikut cara yang sama dan pada masa yang sama sebagaimana yang syarikat itu memberikan notis mesyuarat.

(4) Jika tidak praktik untuk memberikan notis kepada anggotanya mengikut subseksyen (3), syarikat itu hendaklah memberi anggotanya notis tentang mana-mana ketetapan itu sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum mesyuarat itu—

*(a)* dengan mengiklankannya dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris; atau

*(b)* mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang dinyatakan dalam perlembagaan.

(5) Jika, selepas notis tentang niat untuk mengusulkan ketetapan itu diberikan kepada syarikat, suatu mesyuarat dipanggil pada suatu tarikh dua puluh lapan hari atau kurang selepas notis diberikan, notis itu walaupun tidak diberikan dalam masa yang dikehendaki oleh seksyen ini disifatkan diberikan dengan sewajarnya.

**Kuasa anggota untuk menghendaki pengedaran pernyataan**

**323.** (1) Anggota suatu syarikat awam boleh menghendaki syarikat untuk—

*(a)* mengedarkan suatu pernyataan yang tidak melebihi satu ribu perkataan berkenaan dengan—

(i) suatu perkara yang disebut dalam ketetapan yang dicadangkan untuk diperkatakan dalam mesyuarat itu; atau

(ii) urusan lain yang hendak diperkatakan dalam mesyuarat itu; atau

*(b)* memberikan notis ketetapan yang diusulkan dengan sewajarnya dan dicadangkan untuk diusulkan pada mesyuarat itu,

kepada anggota syarikat yang berhak menerima notis mesyuarat anggota.

(2) Pengarah dikehendaki untuk mengedarkan pernyataan yang disebut dalam perenggan (1)*(a)* atau memberikan notis yang disebut dalam perenggan (1)*(b)*, mengikut mana-mana yang berkenaan, apabila syarikat menerima permintaan daripada—

*(a)* anggota yang mewakili sekurang-kurangnya dua setengah peratus daripada modal berbayar syarikat yang mempunyai hak untuk mengundi tidak termasuk apa-apa modal berbayar yang dipegang sebagai syer perbendaharaan;

*(b)* sekurang-kurangnya lima puluh anggota yang mempunyai hak yang berkaitan untuk mengundi dan memegang syer dalam syarikat yang atasnya telah dibayar sejumlah wang purata, setiap anggota, sekurang-kurangnya lima ratus ringgit; atau

*(c)* dalam hal suatu syarikat yang tidak mempunyai modal syer, anggota yang mewakili sekurang-kurangnya dua setengah peratus daripada jumlah keseluruhan hak mengundi kesemua anggota yang mempunyai hak untuk mengundi.

(3) Permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah—

*(a)* dalam salinan cetak atau bentuk elektronik;

*(b)* disertakan dengan pernyataan yang hendak diedarkan;

*(c)* ditandatangani atau disahkan oleh orang yang membuatnya; dan

*(d)* diterima oleh syarikat—

(i) dalam hal permintaan yang menghendaki notis ketetapan, sekurang-kurangnya dua puluh lapan hari sebelum mesyuarat; atau

(ii) dalam hal apa-apa pernyataan lain, sekurang- kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat.

(4) Melainkan jika syarikat menetapkan selainnya—

*(a)* perbelanjaan syarikat dalam mematuhi subseksyen (2) hendaklah dibayar oleh anggota yang meminta pengedaran pernyataan itu; dan

*(b)* syarikat tidak terikat untuk mematuhi subseksyen (2) melainkan jika didepositkan dengan syarikat atau diberikan kepada syarikat, tidak lewat daripada satu minggu sebelum mesyuarat itu, suatu jumlah wang yang semunasabahnya mencukupi untuk menanggung perbelanjaan syarikat untuk berbuat demikian.

(5) Bagi maksud subseksyen (2), hak untuk mengundi hendaklah ditentukan pada tarikh yang permintaan itu disimpan dengan syarikat.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

**Kewajipan pengarah untuk mengedarkan pernyataan anggota**

**324.** (1) Tertakluk kepada seksyen 308 dan 326, pengarah syarikat awam yang dikehendaki mengedarkan pernyataan di bawah seksyen 323 hendaklah menghantar suatu salinan pernyataan itu kepada setiap anggota syarikat yang berhak menerima notis mesyuarat—

*(a)* mengikut cara yang sama seperti notis mesyuarat; dan

*(b)* pada masa yang sama sebagaimana yang, atau dengan secepat yang semunasabahnya dilaksanakan selepas, pengarah itu memberikan notis mesyuarat.

(2) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

**Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan tiada pengedaran pernyataan anggota**

**325.** (1) Suatu syarikat tidak dikehendaki untuk mengedarkan pernyataan anggota di bawah seksyen 324 jika, atas permohonan syarikat atau mana-mana orang yang mendakwa terkilan, Mahkamah berpuas hati bahawa hak yang diberikan oleh seksyen 323 disalahgunakan untuk mendapatkan publisiti yang tidak perlu atau perkara itu bersifat memfitnah, remeh atau menyusahkan atau jika pengedaran itu bukan demi kepentingan terbaik syarikat.

(2) Mahkamah boleh mengarahkan kos syarikat atas permohonan syarikat itu dibayar dengan sepenuhnya, atau sebahagiannya oleh peminta, walau apa pun peminta itu bukan pihak kepada permohonan itu.

**Menghantar dokumen yang berhubungan dengan mesyuarat secara elektronik**

**326.** Jika suatu syarikat memberikan alamat elektronik dalam notis memanggil mesyuarat, syarikat itu hendaklah disifatkan bersetuju bahawa apa-apa dokumen atau maklumat yang berhubungan dengan prosiding dalam mesyuarat termasuklah pelantikan dan penamatan proksi boleh dihantar secara elektronik ke alamat itu, tertakluk kepada apa-apa syarat atau batasan yang dinyatakan dalam notis itu.

Subpenggal 5

*Tatacara dalam Mesyuarat*

**Mesyuarat anggota di dua tempat atau lebih**

**327.** (1) Tertakluk kepada perlembagaan, sesuatu syarikat boleh mengadakan mesyuarat anggota di lebih daripada satu tempat dengan menggunakan apa-apa teknologi atau kaedah yang membolehkan anggota syarikat itu mengambil bahagian dan menjalankan hak mereka untuk bercakap dan mengundi dalam mesyuarat itu.

(2) Tempat utama mesyuarat hendaklah di Malaysia dan pengerusi hendaklah hadir di tempat utama mesyuarat itu.

**Kuorum dalam mesyuarat**

**328.** (1) Dalam hal sesuatu syarikat yang mempunyai hanya seorang anggota, seorang anggota yang menghadiri mesyuarat dengan sendiri hendaklah menjadi suatu kuorum.

(2) Dalam apa-apa hal lain, dua anggota yang hadir dengan sendiri di mesyuarat atau melalui proksi hendaklah menjadi suatu kuorum melainkan jika bilangan yang lebih tinggi dinyatakan dalam perlembagaan.

(3) Bagi maksud membentuk suatu kuorum—

*(a)* seorang wakil atau lebih yang dilantik oleh suatu perbadanan hendaklah dikira sebagai seorang anggota; atau

*(b)* seorang proksi atau lebih yang dilantik oleh seseorang hendaklah dikira sebagai seorang anggota.

(4) Tiada urusan boleh dijalankan dalam mana-mana mesyuarat anggota melainkan jika suatu kuorum hadir pada masa mesyuarat itu memulakan urusan.

(5) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan, jika dalam masa setengah jam dari masa yang ditetapkan bagi mesyuarat, suatu kuorum tidak hadir, mesyuarat itu—

*(a)* jika diadakan atas rekuisisi anggota, hendaklah dibubarkan; atau

*(b)* dalam apa-apa hal lain, hendaklah ditangguhkan ke hari yang sama pada minggu hadapan pada masa dan di tempat yang sama, atau kepada mana-mana hari lain dan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat lain sebagaimana yang ditentukan oleh pengarah.

**Pengerusi mesyuarat anggota**

**329.** (1) Tertakluk kepada mana-mana peruntukan perlembagaan yang menyatakan siapa hendaklah menjadi pengerusi, pengerusi Lembaga, jika ada, hendaklah mempengerusikan tiap-tiap mesyuarat agung syarikat sebagai pengerusi.

(2) Jika tiada pengerusi sedemikian, atau jika pengerusi tidak hadir dalam masa lima belas minit selepas masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau enggan bertindak, anggota yang hadir hendaklah memilih salah seorang daripada anggotanya sebagai pengerusi mesyuarat.

**Pengisytiharan oleh pengerusi mengenai undi secara mengangkat tangan**

**330.** (1) Dalam mana-mana mesyuarat anggota, suatu ketetapan yang dikemukakan untuk undian mesyuarat hendaklah diputuskan secara mengangkat tangan melainkan jika sebelum atau pada

pengisytiharan keputusan bagi undi secara mengangkat tangan, suatu pengundian diminta—

*(a)* oleh pengerusi;

*(b)* oleh sekurang-kurangnya tiga anggota yang hadir dengan sendiri atau melalui proksi;

*(c)* oleh mana-mana anggota yang hadir dengan sendiri atau melalui proksi dan mewakili tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada jumlah keseluruhan hak mengundi bagi semua anggota yang mempunyai hak untuk mengundi dalam mesyuarat; atau

*(d)* oleh seseorang anggota yang memegang syer dalam syarikat yang memberikan hak untuk mengundi dalam mesyuarat yang merupakan syer yang ke atasnya suatu amaun agregat telah dibayar bersamaan dengan tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada jumlah keseluruhan syer berbayar yang memberikan hak itu.

(2) Mengenai undi ke atas sesuatu ketetapan dalam mesyuarat undi secara mengangkat tangan, suatu pengisytiharan oleh pengerusi bahawa ketetapan itu telah diluluskan dengan sebulat suara atau dengan majoriti tertentu atau ditolak, dan suatu catatan mengenai perkara itu dalam minit prosiding hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai fakta itu tanpa membuktikan bilangan atau bahagian daripada undi yang direkodkan yang memihak kepada atau menentang ketetapan itu.

(3) Suatu catatan berkenaan dengan suatu pengisytiharan dalam minit mesyuarat yang direkodkan mengikut seksyen 343 menjadi keterangan muktamad mengenai fakta itu.

(4) Seksyen ini tidak mempunyai kesan jika suatu pengundian diminta berkenaan dengan ketetapan itu, dan permintaan itu tidak ditarik balik kemudiannya.

**Hak untuk meminta pengundian**

**331.** Suatu peruntukan perlembagaan hendaklah terbatal setakat yang peruntukan itu mempunyai kesan—

*(a)* mengecualikan hak untuk meminta pengundian dalam mesyuarat agung mengenai apa-apa persoalan atau perkara selain pemilihan pengerusi mesyuarat itu atau penangguhan mesyuarat itu;

*(b)* menjadikan tidak berkesan suatu permintaan untuk pengundian mengenai apa-apa persoalan atau perkara selain pemilihan pengerusi mesyuarat atau penangguhan mesyuarat yang dibuat—

(i) oleh tidak kurang daripada lima anggota yang mempunyai hak untuk mengundi atas ketetapan;

(ii) oleh seorang anggota atau anggota yang mewakili tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada jumlah keseluruhan hak mengundi bagi kesemua anggota yang mempunyai hak untuk mengundi atas ketetapan, tidak termasuk apa-apa hak mengundi yang terikat dengan apa-apa syer dalam syarikat yang dipegang sebagai syer perbendaharaan; atau

(iii) oleh seorang anggota atau anggota yang memegang syer dalam syarikat yang memberikan hak untuk mengundi atas ketetapan, yang merupakan syer yang atasnya suatu jumlah agregat telah dibayar bersamaan dengan tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada jumlah keseluruhan wang yang dibayar atas semua syer yang memberikan hak itu, tidak termasuk syer dalam syarikat yang memberikan hak untuk mengundi atas ketetapan yang dipegang sebagai syer perbendaharaan.

**Mengundi semasa pengundian**

**332.** (1) Mengenai pengundian yang dijalankan dalam mesyuarat anggota suatu syarikat, seorang anggota yang berhak kepada lebih daripada satu undi tidak perlu, jika dia mengundi, menggunakan semua undinya atau membuang semua undi yang digunakannya mengikut cara yang sama.

(2) Jika suatu pengundian diminta dengan sewajarnya, pengundian itu hendaklah dijalankan sama ada dengan serta-merta atau selepas suatu jarak waktu atau penangguhan atau selainnya sebagaimana yang diarahkan oleh pengerusi, dan keputusan undi itu hendaklah menjadi ketetapan mesyuarat di mana pengundian diminta, tetapi

pengundian yang diminta bagi pemilihan pengerusi atau bagi persoalan mengenai penangguhan hendaklah dijalankan dengan serta-merta.

**Wakil perbadanan dalam mesyuarat anggota**

**333.** (1) Jika suatu perbadanan merupakan anggota suatu syarikat, perbadanan itu boleh melalui ketetapan Lembaganya atau badan pentadbiran lain membenarkan seorang atau orang untuk bertindak sebagai wakilnya atau wakil dalam mana-mana mesyuarat anggota syarikat itu.

(2) Jika perbadanan memberi kuasa kepada hanya seorang, orang itu adalah berhak untuk menjalankan kuasa yang sama bagi pihak perbadanan sebagaimana yang boleh dijalankan oleh perbadanan sekiranya orang itu merupakan anggota perseorangan syarikat itu.

(3) Jika perbadanan memberi kuasa kepada lebih daripada seorang sebagai wakilnya, tiap-tiap seorang daripada wakil itu berhak untuk menjalankan kuasa yang sama bagi pihak perbadanan sebagaimana yang boleh dijalankan oleh perbadanan jika tiap- tiap seorang daripada wakil itu merupakan anggota perseorangan syarikat itu.

(4) Jika perbadanan memberi kuasa kepada lebih daripada seorang dan lebih daripada seorang wakil yang berupa sebagai menjalankan kuasa di bawah subseksyen (3)—

*(a)* jika wakil itu berupa sebagai menjalankan kuasa mengikut cara yang sama, kuasa itu dianggap sebagai dijalankan mengikut cara itu; atau

*(b)* jika wakil itu tidak berupa sebagai menjalankan kuasa mengikut cara yang sama, kuasa itu dianggap sebagai tidak dijalankan.

(5) Suatu perakuan kuasa oleh perbadanan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pelantikan atau mengenai pembatalan pelantikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, wakil di bawah seksyen ini.

Subpenggal 6

*Proksi*

**Pelantikan proksi**

**334.** (1) Seorang anggota syarikat adalah berhak untuk melantik orang lain sebagai proksinya untuk menjalankan segala atau mana-mana haknya untuk hadir, mengambil bahagian, bercakap dan mengundi dalam suatu mesyuarat anggota syarikat.

(2) Dalam hal syarikat yang mempunyai modal syer, seorang anggota boleh melantik lebih daripada seorang proksi berhubung dengan suatu mesyuarat, dengan syarat bahawa anggota itu menyatakan kadar pemegangan syer anggota itu yang diwakili oleh setiap proksi.

(3) Surat cara yang melantik seorang proksi dan surat kuasa wakil atau kuasa lain, jika ada, yang di bawahnya surat cara itu ditandatangani atau suatu salinan yang diperakui oleh penyaksi awam bagi kuasa atau kuasa itu hendaklah didepositkan di pejabat berdaftar syarikat, atau di mana-mana tempat lain dalam Malaysia sebagaimana yang dinyatakan bagi maksud itu dalam notis mengadakan mesyuarat, tidak kurang daripada empat puluh lapan jam sebelum masa untuk mengadakan mesyuarat atau mesyuarat yang ditangguhkan di mana orang yang dinamakan dalam surat cara itu bercadang untuk mengundi, atau, dalam hal sesuatu pengundian, tidak kurang daripada dua puluh empat jam sebelum masa yang ditetapkan bagi menjalankan pengundian itu, dan keingkaran surat cara proksi itu tidak boleh dianggap sebagai sah.

**Notis mengenai mesyuarat anggota hendaklah mengandungi pernyataan hak untuk melantik proksi**

**335.** (1) Dalam tiap-tiap notis yang memanggil mesyuarat anggota sesuatu syarikat, hendaklah terdapat dengan jelas, suatu pernyataan yang memaklumkan anggota tentang haknya di bawah seksyen 334, yang jika gagal tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(2) Mana-mana orang yang memberi kuasa atau membenarkan suatu pelawaan untuk melantik sebagai proksi seseorang atau seorang daripada bilangan orang yang dinyatakan dalam pelawaan itu yang dikeluarkan atas perbelanjaan syarikat kepada hanya beberapa anggota yang berhak dihantarkan notis mesyuarat dan mengundi dalam mesyuarat itu melalui proksi, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Prosiding mesyuarat tidak menjadi tidak sah walau apa pun ketidakpatuhan seksyen ini.

**Proksi sebagai pengerusi bagi mesyuarat anggota**

**336.** Melainkan jika dilarang dalam perlembagaan, seseorang proksi boleh dipilih sebagai pengerusi bagi suatu mesyuarat anggota melalui ketetapan syarikat yang diluluskan dalam mesyuarat itu.

**Hak proksi untuk meminta pengundian**

**337.** (1) Pelantikan seorang proksi untuk mengundi mengenai suatu perkara dalam mesyuarat syarikat, memberi kuasa kepada proksi itu untuk meminta, atau menyertai dalam permintaan, suatu pengundian mengenai perkara itu.

(2) Dalam pemakaian perenggan 331*(b)*, suatu permintaan oleh proksi dikira—

*(a)* bagi maksud subperenggan *(b)*(i), sebagai suatu permintaan oleh anggota;

*(b)* bagi maksud subperenggan *(b)*(ii), sebagai suatu permintaan oleh anggota yang mewakili hak mengundi yang proksi itu diberi kuasa untuk menjalankannya; atau

*(c)* bagi maksud subperenggan *(b)*(iii), sebagai suatu permintaan oleh anggota yang memegang syer yang kepadanya hak itu terikat.

**Penamatan kuasa seseorang untuk bertindak sebagai proksi**

**338.** (1) Melainkan jika syarikat menerima notis penamatan sebelum bermulanya mesyuarat anggota atau mesyuarat anggota yang ditangguhkan, penamatan kuasa seseorang untuk bertindak sebagai proksi tidak menjejaskan—

*(a)* pembentukan kuorum dalam mesyuarat;

*(b)* kesahan apa-apa pun yang dilakukan oleh orang itu sebagai pengerusi suatu mesyuarat;

*(c)* kesahan pengundian yang diminta oleh orang itu dalam suatu mesyuarat; atau

*(d)* kesahan undian yang dijalankan oleh orang itu dalam suatu mesyuarat.

(2) Jika perlembagaan menghendaki atau membenarkan anggota untuk memberikan notis penamatan dalam subseksyen (1) kepada seseorang selain syarikat, sebutan mengenai syarikat yang menerima notis itu hendaklah dianggap sebagai orang yang menerima notis itu.

(3) Walau apa pun subsekyen (1), perlembagaan boleh menghendaki supaya notis penamatan bagi kuasa proksi diterima oleh syarikat pada masa yang lebih awal daripada yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

(4) Mana-mana peruntukan perlembagaan adalah terbatal setakat yang peruntukan itu mempunyai kesan yang menghendaki supaya notis penamatan diterima oleh syarikat atau orang lain lebih awal daripada empat puluh lapan jam sebelum masa untuk mengadakan mesyuarat atau mesyuarat yang ditangguhkan.

Subpenggal 7

*Mesyuarat Kelas*

**Pemakaian bagi kelas mesyuarat**

**339.** (1) Peruntukan Subpenggal 5 Penggal ini berhubung dengan mesyuarat hendaklah terpakai bagi mesyuarat pemegang suatu kelas syer dan kelas anggota tertakluk kepada ubah suaian yang dinyatakan dalam Subpenggal ini.

(2) Seksyen 328 dan 330 tidak terpakai berhubung dengan mesyuarat pemegang suatu kelas syer dan kelas anggota yang berkaitan dengan suatu mesyuarat berkenaan dengan pengubahan hak yang terikat dengan kelas syer dan kelas anggota.

(3) Kuorum bagi mesyuarat pengubahan hak kelas berkenaan dengan pemegang suatu kelas syer adalah—

*(a)* bagi mesyuarat selain mesyuarat yang ditangguhkan, dua orang hadir yang memegang sekurang-kurangnya satu per tiga daripada bilangan syer yang dikeluarkan bagi kelas itu, tidak termasuk mana-mana syer kelas itu yang dipegang sebagai syer perbendaharaan; dan

*(b)* bagi mesyuarat yang ditangguhkan, seorang hadir yang memegang syer kelas itu,

melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan.

(4) Kuorum bagi mesyuarat pengubahan hak kelas berkenaan dengan pemegang suatu kelas anggota adalah—

*(a)* bagi mesyuarat selain mesyuarat yang ditangguhkan, dua anggota kelas yang hadir, dengan sendiri atau melalui proksi, yang bersama-sama mewakili sekurang-kurangnya satu per tiga daripada hak mengundi kelas itu; dan

*(b)* bagi mesyuarat yang ditangguhkan, seorang anggota kelas yang hadir, dengan sendiri atau melalui proksi,

melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perlembagaan.

(5) Bagi maksud subseksyen (3), jika seseorang diwakili oleh seorang proksi atau proksi-proksi, orang itu dianggap sebagai memegang hanya syer yang berkenaan dengannya seorang proksi atau proksi-proksi itu diberi kuasa untuk menjalankan hak mengundi.

(6) Bagi maksud seksyen ini—

*(a)* apa-apa pindaan peruntukan yang terkandung dalam perlembagaan bagi pengubahan hak yang terikat dengan suatu dengan kelas syer atau hak suatu kelas anggota, atau pemasukan mana-mana peruntukan itu dalam perlembagaan, adalah dengan sendirinya dianggap sebagai pengubahan hak itu; dan

*(b)* sebutan mengenai pengubahan hak yang terikat dengan suatu kelas syer atau suatu kelas anggota termasuk sebutan mengenai pembatalan hak itu.

(7) Dalam mesyuarat pengubahan hak kelas, mana-mana pemegang syer kelas itu atau mana-mana anggota yang hadir, dengan sendiri atau melalui proksi, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh meminta suatu pengundian.

Subpenggal 8

*Kehendak Tambahan bagi Syarikat Awam*

**Mesyuarat agung tahunan**

**340.** (1) Tiap-tiap syarikat awam hendaklah mengadakan suatu mesyuarat agung tahunan dalam tiap-tiap tahun kalendar sebagai tambahan kepada mana-mana mesyuarat lain yang diadakan sepanjang tempoh itu, untuk menjalankan urusan yang berikut:

*(a)* pembentangan penyata kewangan teraudit dan laporan pengarah dan juruaudit;

*(b)* pemilihan pengarah bagi menggantikan pengarah yang bersara;

*(c)* pelantikan dan penetapan fi pengarah; dan

*(d)* apa-apa ketetapan atau urusan lain yang baginya notis diberikan mengikut Akta ini atau perlembagaan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), mesyuarat agung tahunan hendaklah diadakan—

*(a)* dalam masa enam bulan dari akhir tahun kewangan syarikat; dan

*(b)* tidak lebih daripada lima belas bulan selepas mesyuarat agung tahunan sebelumnya yang terakhir.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), suatu syarikat tidak dikehendaki untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan dalam tahun pemerbadanannya atau dalam tahun yang berikutnya dengan syarat bahawa syarikat itu mengadakan mesyuarat agung tahunannya yang pertama dalam masa lapan belas bulan dari pemerbadanannya.

(4) Syarikat boleh memohon kepada Pendaftar untuk melanjutkan tempoh yang disebut dalam seksyen ini, dan Pendaftar boleh melanjutkan tempoh itu sebagaimana yang difikirkannya sesuai, setelah berpuas hati dengan sebab yang diberikan.

(5) Jika suatu syarikat gagal untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan di bawah seksyen ini, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana anggota, mengarahkan supaya suatu mesyuarat agung dipanggil.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

## Subpenggal 9

### *Rekod mengenai Ketetapan dan Mesyuarat*

**Rekod mengenai ketetapan dan mesyuarat**

**341.** (1) Tiap-tiap syarikat hendaklah menyimpan rekod yang mengandungi—

*(a)* semua ketetapan anggota yang diluluskan selain dalam mesyuarat anggota;

*(b)* minit bagi semua prosiding mesyuarat anggota; dan

*(c)* butir-butir yang diberikan kepada syarikat mengikut seksyen 344.

(2) Rekod hendaklah disimpan selama sekurang-kurangnya tujuh tahun dari tarikh ketetapan, mesyuarat atau keputusan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pemeriksaan rekod mengenai ketetapan dan mesyuarat**

**342.** (1) Rekod yang disebut dalam seksyen 341 yang berhubungan dengan tujuh tahun terdahulu hendaklah disimpan dan tersedia bagi pemeriksaan—

*(a)* di pejabat berdaftar syarikat; atau

*(b)* di tempat yang lain yang suatu notis diberikan di bawah subseksyen (2).

(2) Melainkan jika rekod disimpan pada setiap masa di pejabat berdaftar, syarikat hendaklah memberikan suatu notis kepada Pendaftar mengenai tempat di mana rekod disimpan atau pertukaran tempat dalam masa empat belas hari dari tarikh rekod disimpan di tempat itu atau pertukaran tempat itu.

(3) Rekod hendaklah dijadikan tersedia bagi pemeriksaan oleh mana-mana anggota syarikat tanpa bayaran.

(4) Mana-mana anggota berhak untuk diberikan suatu salinan mana-mana minit yang dinyatakan dibawah seksyen 341 dalam masa empat belas hari selepas anggota itu membuat permintaan secara bertulis kepada syarikat dengan bayaran tidak melebihi dua ringgit bagi tiap-tiap satu ratus perkataan.

(5) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sebanyak lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Rekod sebagai keterangan mengenai ketetapan**

**343.** (1) Rekod suatu ketetapan yang diluluskan selain dalam mesyuarat anggota, jika berupa sebagai ditandatangani oleh pengarah syarikat atau oleh setiausaha, merupakan keterangan yang mencukupi tentang kelulusan ketetapan itu.

(2) Jika terdapat rekod tentang ketetapan bertulis bagi suatu syarikat persendirian, kehendak Akta ini berkenaan dengan ketetapan yang diluluskan disifatkan dipatuhi melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

(3) Rekod mengenai prosiding sesuatu mesyuarat anggota yang berupa sebagai ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat itu atau oleh pengerusi mesyuarat anggota yang berikutnya merupakan keterangan yang mencukupi tentang prosiding dalam mesyuarat itu.

(4) Jika terdapat rekod mengenai prosiding mesyuarat anggota suatu syarikat, maka, sehingga dibuktikan sebaliknya—

*(a)* mesyuarat itu disifatkan telah diadakan dengan sewajarnya;

*(b)* semua prosiding dalam mesyuarat itu disifatkan telah berjalan dengan sewajarnya; dan

*(c)* semua pelantikan dalam mesyuarat itu disifatkan sebagai sah.

**Butir-butir keputusan yang diberikan oleh anggota tunggal**

**344.** (1) Jika anggota tunggal suatu syarikat membuat apa-apa keputusan yang—

*(a)* boleh dibuat oleh syarikat itu dalam mesyuarat anggota; dan

*(b)* mempunyai kesan seolah-olah dipersetujui oleh syarikat itu dalam mesyuarat anggota,

anggota itu hendaklah memberi syarikat itu butir-butir keputusan itu, melainkan jika keputusan itu dibuat melalui ketetapan bertulis.

(2) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Kegagalan untuk mematuhi seksyen ini tidak menjejaskan kesahan apa-apa keputusan yang disebut dalam subseksyen (1).

Penggal 6

*Remedi*

**Tafsiran**

**345.** Bagi maksud Penggal ini, "pengadu" ertinya—

*(a)* anggota suatu syarikat, atau seseorang yang berhak untuk didaftarkan sebagai anggota suatu syarikat;

*(b)* bekas anggota suatu syarikat jika permohonan berhubung dengan hal keadaan yang anggota itu terhenti menjadi seorang anggota;

*(c)* mana-mana pengarah sesuatu syarikat; atau

*(d)* Pendaftar, dalam hal sesuatu syarikat yang diisytiharkan di bawah seksyen 590.

**Remedi dalam hal penindasan**

**346.** (1) Mana-mana anggota atau pemegang debentur suatu syarikat boleh memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah di bawah seksyen ini atas alasan—

*(a)* bahawa hal ehwal syarikat dijalankan atau kuasa pengarah dijalankan mengikut cara yang menindas seorang atau lebih anggota atau pemegang debentur termasuklah dirinya sendiri atau yang tidak mengambil kira kepentingannya atau mereka sebagai anggota, pemegang syer atau pemegang debentur syarikat; atau

*(b)* bahawa beberapa tindakan syarikat dilakukan atau diancam atau bahawa beberapa ketetapan anggota, pemegang debentur atau mana-mana kelas mereka diluluskan atau dicadangkan yang mendiskriminasi secara tidak adil terhadap atau selainnya menjejaskan seorang atau lebih anggota atau pemegang debentur, termasuklah dirinya sendiri.

(2) Jika atas permohonan itu Mahkamah berpendapat bahawa salah satu daripada alasan itu dibuktikan, Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah dengan tujuan untuk menyelesaikan atau meremedi perkara yang diadukan itu, dan tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), perintah itu boleh—

*(a)* mengarahkan atau melarang apa-apa tindakan atau membatalkan atau mengubah apa-apa transaksi atau ketetapan;

*(b)* mengawal selia penjalanan hal ehwal syarikat pada masa hadapan;

*(c)* mengadakan pembelian syer atau debentur syarikat oleh anggota atau pemegang debentur lain syarikat itu atau oleh syarikat itu sendiri;

*(d)* dalam hal pembelian syer oleh syarikat itu, memperuntukkan pengurangan dengan sewajarnya bagi modal syarikat; atau

*(e)* memperuntukkan supaya syarikat itu digulung.

(3) Jika suatu perintah supaya syarikat digulung dibuat di bawah perenggan (2)*(e)*, peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan penggulungan suatu syarikat hendaklah terpakai seolah- olah perintah itu dibuat setelah petisyen dikemukakan dengan sewajarnya kepada Mahkamah oleh syarikat itu, dengan apa-apa penyesuaian yang perlu.

(4) Jika suatu perintah di bawah seksyen ini membuat apa-apa perubahan dalam atau penambahan kepada mana-mana perlembagaan, maka, walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana peruntukan lain Akta ini, tetapi tertakluk kepada perintah itu, syarikat yang berkaitan tidak mempunyai kuasa tanpa keizinan

Mahkamah untuk membuat apa-apa perubahan atau penambahan selanjutnya dalam atau kepada perlembagaan yang tidak selaras dengan perintah itu, tetapi tertakluk kepada peruntukan subseksyen ini yang terdahulu, perubahan atau penambahan yang dibuat oleh perintah itu hendaklah mempunyai kesan yang sama seolah-olah dibuat dengan sewajarnya melalui ketetapan syarikat itu.

(5) Suatu salinan pejabat bagi apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah diserah simpan oleh pemohon dengan Pendaftar dalam masa empat belas hari dari perintah itu dibuat.

(6) Pemohon yang melanggar subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sebanyak lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Prosiding terbitan**

**347.** (1) Seseorang pengadu boleh, dengan keizinan Mahkamah memulakan, mencelah dalam atau membela sesuatu prosiding bagi pihak syarikat.

(2) Prosiding yang dibawa di bawah seksyen ini hendaklah dibawa atas nama syarikat.

(3) Hak mana-mana orang untuk membawa, mencelah dalam, membela atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi pihak sesuatu syarikat mengikut *common law* adalah terbatal.

**Keizinan Mahkamah**

**348.** (1) Suatu permohonan bagi keizinan Mahkamah di bawah seksyen 347 hendaklah dibuat kepada Mahkamah tanpa perlu memasukkan kehadiran.

(2) Pengadu hendaklah memberikan notis tiga puluh hari secara bertulis kepada pengarah tentang niatnya untuk memohon keizinan Mahkamah di bawah seksyen 347.

(3) Jika kebenaran diberikan di bawah suatu permohonan di bawah seksyen 347, pengadu hendaklah memulakan prosiding di Mahkamah dalam masa tiga puluh hari dari keizinan itu diberikan.

(4) Dalam memutuskan sama ada keizinan hendak diberikan atau tidak, Mahkamah hendaklah mengambil kira sama ada—

*(a)* pengadu bertindak dengan suci hati; dan

*(b)* ternyata *prima facie* adalah demi kepentingan terbaik syarikat bahawa permohonan bagi keizinan itu diberikan.

(5) Apa-apa prosiding yang dibawa, dalamnya dicelah atau dibela di bawah seksyen ini tidak boleh diberhentikan, dikompromi atau diselesaikan kecuali dengan keizinan Mahkamah.

**Kesan ratifikasi**

**349.** Jika anggota sesuatu syarikat, meratifikasi atau meluluskan pelakuan hal perkara tindakan—

*(a)* ratifikasi atau kelulusan itu tidak menghalang mana-mana orang daripada membawa, mencelah dalam atau membela prosiding dengan keizinan Mahkamah;

*(b)* permohonan bagi keizinan atau tindakan yang dibawa atau dalamnya dicelah tidak boleh digantung atau ditolak hanya disebabkan ratifikasi atau kelulusan itu; dan

*(c)* Mahkamah boleh mengambil kira ratifikasi atau kelulusan itu dalam menentukan perintah yang hendak dibuat.

**Kuasa Mahkamah**

**350.** Dalam memberikan keizinan di bawah seksyen ini dan seksyen 347 dan 348, Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah termasuklah suatu perintah—

*(a)* yang membenarkan pengadu atau mana-mana orang lain untuk mengawal penjalanan prosiding;

*(b)* yang memberikan arahan bagi penjalanan prosiding;

*(c)* bagi mana-mana orang untuk memberikan bantuan dan maklumat kepada pengadu, termasuklah untuk membenarkan pemeriksaan buku syarikat;

*(d)* yang menghendaki syarikat membayar fi guaman yang munasabah dan perbelanjaan yang dilakukan oleh pengadu berkaitan dengan permohonan atau tindakan, atau sementara menanti kelulusan diberikan atau sementara menanti apa-apa injunksi diberikan oleh Mahkamah yang mendengar permohonan untuk keizinan di bawah seksyen ini; atau

*(e)* bagi kos pengadu, syarikat atau mana-mana orang lain bagi prosiding yang diambil di bawah seksyen ini, termasuklah suatu perintah tentang tanggung rugi bagi kos.

**Injunksi**

**351.** (1) Jika seseorang telah melakukan, sedang melakukan atau berniat untuk melakukan pelakuan yang telah menjadi, sedang menjadi atau akan menjadi—

*(a)* suatu pelanggaran Akta ini;

*(b)* suatu cubaan untuk melanggar Akta ini;

*(c)* suatu cubaan untuk membantu, bersubahat, menasihati atau memujuk seseorang untuk melanggar Akta ini;

*(d)* suatu cubaan untuk mendorong, sama ada melalui ugutan, janji atau selainnya, seseorang untuk melanggar Akta ini;

*(e)* suatu cubaan yang melaluinya mana-mana orang adalah dengan apa-apa cara, secara langsung atau secara tidak langsung, dengan diketahuinya mempunyai perkaitan dalam, atau menjadi pihak kepada, pelanggaran Akta ini oleh seseorang; atau

*(f)* suatu cubaan untuk berkomplot dengan yang lain untuk melanggar Akta ini,

Mahkamah boleh, atas permohonan Pendaftar, atau seseorang yang kepentingannya telah terjejas, sedang terjejas atau akan terjejas oleh pelakuan itu, memberikan suatu injunksi, mengikut apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah, yang menahan orang yang mula-mula disebut daripada melakukan pelakuan itu dan, jika pada pendapat Mahkamah adalah wajar untuk berbuat demikian, menghendaki orang itu melakukan apa-apa perbuatan atau benda.

(2) Jika seseorang enggan atau gagal, masih enggan atau gagal, untuk melakukan sesuatu perbuatan atau benda yang orang itu dikehendaki melakukannya oleh Akta ini, Mahkamah boleh, atas permohonan Pendaftar atau mana-mana orang yang kepentingannya telah terjejas, terjejas atau akan terjejas oleh keengganan atau kegagalan untuk melakukan perbuatan atau benda itu, memberikan suatu injunksi, mengikut apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah, yang menghendaki orang yang enggan atau gagal, sedang enggan atau gagal, untuk melakukan perbuatan atau benda itu.

(3) Kuasa Mahkamah untuk memberikan suatu injunksi untuk menahan seseorang daripada melakukan pelakuan boleh dijalankan sama ada atau tidak—

*(a)* ternyata kepada Mahkamah bahawa orang itu berniat untuk melakukan lagi atau terus melakukan, pelakuan jenis itu;

*(b)* orang itu dahulunya melakukan pelakuan jenis itu; atau

*(c)* terdapat bahaya kerosakan substansial yang ketara kepada mana-mana orang jika orang itu melakukan pelakuan jenis itu.

(4) Kuasa Mahkamah untuk memberikan suatu injunksi yang menghendaki seseorang melakukan suatu perbuatan atau benda boleh dijalankan sama ada atau tidak—

*(a)* ternyata kepada Mahkamah bahawa orang itu berniat untuk enggan atau gagal lagi, atau terus enggan atau gagal, untuk melakukan perbuatan atau benda itu;

*(b)* orang itu dahulunya enggan atau gagal untuk melakukan perbuatan atau benda itu; atau

*(c)* terdapat bahaya kerosakan substansial yang ketara kepada mana-mana orang jika orang itu enggan atau gagal untuk melakukan perbuatan atau benda itu.

(5) Jika Pendaftar memohon kepada Mahkamah bagi pemberian sesuatu injunksi di bawah seksyen ini, Mahkamah tidak boleh menghendaki pemohon itu atau mana-mana orang lain supaya memberikan suatu aku janji tentang kerugian sebagai syarat pemberian suatu injunksi interim.

(6) Jika suatu permohonan bagi injunksi di bawah subseksyen (1) atau (2) dibuat, Mahkamah boleh memberikan suatu injunksi dengan persetujuan semua pihak kepada prosiding, jika Mahkamah menentukannya adalah sesuai, sama ada Mahkamah berpuas hati bahawa subseksyen itu terpakai atau tidak.

(7) Mahkamah boleh memberikan suatu injunksi interim sementara menanti penentuan sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) jika pada pendapat Mahkamah wajar untuk berbuat demikian.

(8) Mahkamah boleh membatalkan atau mengubah injunksi yang diberikan di bawah subseksyen (1), (2) atau (7).

(9) Dalam memberikan suatu injunksi untuk menahan seseorang daripada melakukan pelakuan tertentu, atau untuk menghendaki seseorang melakukan perbuatan atau benda tertentu, Mahkamah boleh mengarahkan orang itu supaya membayar ganti rugi kepada mana-mana orang lain, sama ada sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti bagi pemberian injunksi itu.

## Penggal 7

## *Gadaian, Perkiraan dan Pembentukan Semula dan Penerimaan*

### Subpenggal 1

### *Gadaian*

**Pendaftaran gadaian**

**352.** (1) Suatu syarikat yang membuat sesuatu gadaian ke atas hartanya atau mana-mana pengusahaannya yang kepadanya seksyen ini terpakai hendaklah menyerah simpan dalam masa tiga

puluh hari dari gadaian itu diwujudkan, bersama dengan fi yang ditetapkan dengan Pendaftar bagi pendaftaran, suatu pernyataan tentang butir-butir gadaian itu mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Jika sesuatu syarikat melanggar subseksyen (1), gadaian itu hendaklah terbatal terhadap penyelesai dan mana-mana pemiutang syarikat itu, setakat yang apa-apa jaminan ke atas harta atau pengusahaan syarikat itu diberikan.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (2) boleh menjejaskan apa-apa kontrak atau obligasi bagi pembayaran semula wang yang dijamin oleh suatu gadaian dan apabila sesuatu gadaian menjadi terbatal di bawah seksyen ini, wang yang dijamin itu hendaklah dengan serta-merta menjadi kena dibayar.

(4) Apa-apa gadaian yang diwujudkan, sebelum luput tiga puluh hari sebelum gadaian terdahulu didaftarkan berkenaan dengan hutang yang sama, atau sebahagian daripada hutang itu, gadaian itu tidak menjadi sah atau tidak berkuat kuasa melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa gadaian itu diwujudkan bagi maksud membetulkan beberapa kesilapan material dalam gadaian terdahulu atau di bawah hal keadaan lain yang sepatutnya dan bukan bagi maksud untuk mengelak atau lari daripada peruntukan Subpenggal ini.

(5) Kegagalan untuk mendaftar suatu gadaian yang diwujudkan atas sesuatu harta atau pengusahaan syarikat selain harta atau pengusahaan yang berhubungan dengan tanah, tidak boleh menyentuh kesahan atau mengehadkan kesan gadaian yang diwujudkan di bawah subseksyen (1).

(6) Subseksyen (1) tidak terpakai—

*(a)* bagi suatu gadaian yang diwujudkan untuk menjamin pembayaran atau pelaksanaan obligasi kewangan yang berbangkit daripada apa-apa surat cara atau transaksi yang dilaksanakan dalam pasaran wang mengikut apa-apa cara dan setakat yang dinyatakan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; atau

*(b)* jika orang yang mempunyai kepentingan dalam gadaian itu ialah Bank Negara Malaysia.

(7) Bagi maksud seksyen (6), gadaian itu hendaklah dianggap seolah-olah merupakan suatu gadaian yang didaftarkan di bawah subseksyen (1) dan sah terhadap penyelesai dan mana-mana pemiutang syarikat.

(8) Walau apa pun subseksyen (1), mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dalam gadaian boleh menyerah simpan dengan Pendaftar butir-butir tentang gadaian itu sebelum akhir tempoh yang dibenarkan bagi pendaftaran.

(9) Jika sesuatu pendaftaran dibuat oleh mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dalam gadaian selain syarikat, orang itu berhak untuk mendapatkan daripada syarikat itu amaun apa-apa fi yang dibayar dengan sepatutnya olehnya bagi pendaftaran itu.

(10) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen 352(1) dan seksyen 354 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Jenis gadaian yang perlu didaftarkan**

**353.** Kehendak bagi pendaftaran di bawah seksyen 352 hendaklah terpakai bagi gadaian yang berikut:

*(a)* suatu gadaian untuk menjamin apa-apa pengeluaran debentur;

*(b)* suatu gadaian ke atas modal syer yang belum diminta bagi suatu syarikat;

*(c)* suatu gadaian ke atas syer suatu subsidiari kepada syarikat yang dimiliki oleh syarikat itu;

*(d)* suatu gadaian atau suatu penyerahhakan yang diwujudkan atau dibuktikan melalui suatu surat cara yang jika disempurnakan oleh individu dalam Semenanjung Malaysia dan menyentuh harta dalam Semenanjung Malaysia, menjadi tidak sah atau mempunyai kesan yang terhad jika tidak difailkan atau didaftarkan di bawah Akta Bil Jualan 1950 [*Akta 268*];

*(e)* suatu gadaian ke atas tanah yang terletak di mana-mana jua atau apa-apa kepentingan dalam tanah itu;

*(f)* suatu gadaian ke atas hutang buku syarikat;

*(g)* suatu gadaian terapung ke atas pengusahaan atau harta suatu syarikat;

*(h)* suatu gadaian ke atas panggilan yang dibuat tetapi tidak dibayar;

*(i)* suatu gadaian ke atas suatu kapal atau pesawat udara atau apa-apa syer dalam suatu kapal atau pesawat udara;

*(j)* suatu gadaian ke atas nama baik, ke atas suatu paten atau lesen di bawah suatu paten, ke atas cap dagangan, atau ke atas suatu hak cipta atau suatu lesen di bawah suatu hak cipta; dan

*(k)* suatu gadaian ke atas baki kredit syarikat dalam mana-mana akaun deposit.

**Pendaftaran gadaian yang diwujudkan ke atas harta di luar Malaysia**

**354.** Jika suatu gadaian yang diwujudkan di Malaysia menyentuh harta di luar Malaysia, pernyataan butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar boleh diserah simpan bagi pendaftaran mengikut seksyen 352 walaupun prosiding selanjutnya adalah perlu untuk menjadikan gadaian itu sah atau berkesan mengikut undang-undang negara yang dalamnya harta itu terletak.

**Pendaftaran gadaian dalam siri debentur**

**355.** (1) Apabila suatu siri debentur yang mengandungi atau memberikan melalui rujukan kepada mana-mana surat cara lain, apa-apa gadaian untuk faedah yang baginya pemegang debentur siri itu sama-sama berhak diwujudkan oleh suatu syarikat, adalah mencukupi jika diserah simpan dengan Pendaftar bagi pendaftaran

dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyempurnaan surat cara yang mengandungi gadaian itu, atau jika tiada apa-apa surat cara selepas penyempurnaan debentur pertama dalam siri itu, suatu pernyataan yang mengandungi butir-butir yang berikut:

*(a)* jumlah keseluruhan amaun yang dijamin oleh seluruh siri itu;

*(b)* tarikh ketetapan yang membenarkan pengeluaran siri itu dan tarikh surat cara iringan, jika ada, yang melaluinya jaminan itu diwujudkan atau ditentukan;

*(c)* suatu perihalan am tentang harta yang digadaikan itu; dan

*(d)* nama pemegang amanah, jika ada, bagi pemegang debentur.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika lebih daripada satu keluaran dibuat bagi debentur dalam siri, butir-butir tentang tarikh dan amaun setiap keluaran hendaklah diserah simpan dalam masa tiga puluh hari dari setiap keluaran, tetapi peninggalan untuk berbuat demikian tidak menjejaskan kesahan debentur yang dikeluarkan itu.

(3) Jika apa-apa komisen, elaun atau diskaun dibayar atau dibuat sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh suatu syarikat kepada mana-mana orang sebagai balasan kepadanya orang itu—

*(a)* yang melanggan atau bersetuju untuk melanggan; atau

*(b)* yang mengusahakan atau bersetuju untuk mengusahakan langganan,

sama ada secara mutlak atau bersyarat bagi apa-apa debentur, butir-butir yang dikehendaki supaya diserah simpan di bawah seksyen ini hendaklah termasuk butir-butir tentang amaun atau kadar peratusan komisen, elaun atau diskaun yang dibayar atau dibuat, tetapi peninggalan untuk berbuat demikian tidak menjejaskan kesahan debentur yang dikeluarkan.

(4) Apa-apa debentur yang didepositkan sebagai jaminan bagi apa-apa hutang syarikat tidak boleh, bagi maksud subseksyen (3), dianggap sebagai pengeluaran debentur dengan diskaun.

**Kewajipan syarikat untuk mendaftarkan gadaian yang sedia ada atas harta yang diperoleh**

**356.** (1) Jika—

*(a)* suatu syarikat memperoleh harta yang tertakluk kepada gadaian dan yang, jika diwujudkan oleh syarikat itu selepas pemerolehan harta itu, dikehendaki supaya didaftarkan di bawah Subpenggal ini;

*(b)* suatu syarikat asing didaftarkan di Malaysia dan sebelum pendaftaran itu mewujudkan suatu gadaian yang, jika diwujudkan oleh syarikat itu semasa didaftarkan di Malaysia, dikehendaki supaya didaftarkan di bawah Subpenggal ini; atau

*(c)* suatu syarikat asing didaftarkan di Malaysia dan sebelum pendaftaran itu memperoleh harta yang tertakluk kepada suatu gadaian daripada mana-mana jenis yang, jika diwujudkan oleh syarikat itu selepas pemerolehan dan semasa didaftarkan di Malaysia, dikehendaki supaya didaftarkan di bawah Subpenggal ini,

syarikat atau syarikat asing itu hendaklah menyerah simpan suatu pernyataan tentang butir-butir gadaian sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemerolehan itu disempurnakan atau dari tarikh pendaftaran syarikat asing itu di Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan Pendaftar bagi pendaftaran.

(2) Syarikat atau suatu syarikat asing dan tiap-tiap pegawai syarikat atau syarikat asing itu yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan, dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Daftar gadaian hendaklah disimpan oleh Pendaftar**

**357.** (1) Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar mengenai semua gadaian yang diserah simpan bagi pendaftaran di bawah Subpenggal ini.

(2) Pendaftar hendaklah memasukkan dalam daftar butir-butir yang berikut berkenaan dengan gadaian itu:

*(a)* dalam hal suatu gadaian untuk faedah yang baginya pemegang suatu siri debentur adalah berhak, butir-butir sebagaimana yang dikehendaki supaya terkandung dalam pernyataan yang diberikan di bawah subseksyen 355(1); dan

*(b)* dalam hal apa-apa gadaian lain—

(i) tarikh kewujudan, jika gadaian itu merupakan gadaian yang diwujudkan oleh syarikat;

(ii) tarikh pemerolehan harta, jika gadaian itu merupakan gadaian sedia ada atas harta yang diperoleh oleh syarikat;

(iii) amaun yang dijamin oleh gadaian;

(iv) suatu perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti harta yang digadaikan; dan

(v) nama orang yang berhak kepada gadaian.

(3) Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran gadaian dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dan perakuan itu hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa kehendak mengenai pendaftaran telah dipatuhi.

**Pengendorsan perakuan pendaftaran atas debentur**

**358.** (1) Suatu syarikat hendaklah menyebabkan diendorskan atas tiap-tiap debentur yang menjadi satu daripada siri debentur atau perakuan saham debentur yang dikeluarkan oleh syarikat dan bayaran yang baginya dijamin oleh suatu gadaian yang didaftarkan—

*(a)* suatu salinan perakuan pendaftaran; atau

*(b)* suatu pernyataan bahawa pendaftaran dilakukan dan tarikh pendaftaran.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi apa-apa debentur atau perakuan saham debentur yang dikeluarkan oleh syarikat sebelum gadaian didaftarkan.

(3) Jika suatu syarikat melanggar seksyen ini, tiap-tiap orang yang dengan diketahuinya dan dengan sengaja membenarkan atau mengizinkan penghantarserahan mana-mana debentur atau perakuan saham debentur yang tidak diendorskan sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Penyerahhakan dan pengubahan gadaian**

**359.** (1) Jika selepas suatu gadaian atas harta suatu syarikat diwujudkan dan didaftarkan di bawah Subpenggal ini, seseorang selain pemegang asal gadaian menjadi pemegang baharu gadaian itu, pemegang baharu gadaian itu hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dan selepas pembayaran fi yang ditetapkan—

*(a)* menyerah simpan dengan Pendaftar suatu notis yang menyatakan bahawa dia menjadi pemegang baharu gadaian dan notis itu hendaklah mengandungi maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar; dan

*(b)* memberikan suatu salinan notis itu kepada syarikat.

(2) Jika selepas suatu gadaian atas harta suatu syarikat diwujudkan dan didaftarkan di bawah Subpenggal ini terdapat pengubahan dalam terma gadaian yang mempunyai kesan—

*(a)* mengubah amaun hutang atau liabiliti, sama ada pada masa ini atau pada masa hadapan, yang dijamin oleh gadaian; atau

*(b)* melarang atau menyekat pewujudan gadaian yang berikutnya atas harta,

syarikat itu hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu notis yang menyatakan butir-butir tentang pengubahan sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dalam masa tiga puluh hari dari pengubahan itu berlaku dan selepas pembayaran fi yang ditetapkan.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), jika amaun hutang atau liabiliti yang dijamin oleh suatu gadaian boleh daftar yang diwujudkan oleh syarikat—

*(a)* tidak dinyatakan; atau

*(b)* dinyatakan dengan pendahuluan selanjutnya,

apa-apa bayaran atau pendahuluan yang dibuat oleh pemegang gadaian kepada syarikat itu mengikut terma-terma gadaian tidak boleh dianggap sebagai suatu pengubahan dalam terma gadaian.

(4) Sebutan dalam seksyen ini mengenai pemegang gadaian berhubung dengan suatu gadaian hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pemegang amanah bagi pemegang debentur jika gadaian itu terdiri daripada seorang debentur atau debentur dan terdapat pemegang amanah bagi pemegang debentur.

(5) Pemegang baharu gadaian yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Penyelesaian dan pelepasan harta daripada gadaian**

**360.** (1) Jika, berkenaan dengan suatu gadaian berdaftar—

*(a)* hutang yang baginya gadaian diberikan dibayar atau diselesaikan sepenuhnya atau sebahagiannya; atau

*(b)* harta atau pengusahaan yang digadaikan atau mana-mana bahagian daripada harta atau pengusahaan itu dilepaskan daripada gadaian atau terhenti menjadi sebahagian daripada harta atau pengusahaan syarikat,

syarikat itu hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar tentang fakta itu dalam masa empat belas hari dari pembayaran, penyelesaian, pelepasan atau pemberhentian itu, dan Pendaftar hendaklah memasukkan butir-butir itu dalam daftar.

(2) Pembayaran, penyelesaian, pelepasan atau pemberhentian yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disokong dengan keterangan yang mencukupi yang hendaklah diserah simpan dengan Pendaftar.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), mana-mana orang lain yang berhak kepada gadaian boleh menyerah simpan butir-butir maklumat yang disebut dalam subseksyen itu.

**Pelanjutan masa dan pembetulan daftar gadaian**

**361.** Mahkamah, setelah berpuas hati bahawa peninggalan untuk mendaftar suatu gadaian, sama ada di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan, dalam masa yang dikehendaki atau bahawa peninggalan atau pernyataan silap tentang apa-apa butir berkenaan dengan mana-mana gadaian butir-butir atau dalam memorandum penyelesaian adalah tidak disengajakan atau disebabkan kelalaian atau disebabkan beberapa sebab lain yang mencukupi atau tidak bersifat menjejaskan kedudukan pemiutang atau pemegang syer atau bahawa atas alasan lain adalah adil dan saksama untuk memberikan relief, boleh, atas permohonan syarikat atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dan mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan adil dan suai manfaat oleh Mahkamah, termasuk suatu terma atau syarat bahawa pelanjutan atau pembetulan adalah tanpa menjejaskan apa-apa liabiliti yang dilakukan oleh syarikat atau mana-mana pegawai syarikat berkenaan dengan keingkaran, memerintahkan supaya masa bagi pendaftaran dilanjutkan atau supaya peninggalan atau pernyataan silap itu dibetulkan.

**Syarikat hendaklah menyimpan surat cara gadaian dan daftar gadaian**

**362.** (1) Tiap-tiap syarikat hendaklah menyebabkan surat cara yang mewujudkan apa-apa gadaian yang menghendaki pendaftaran di bawah Subpenggal ini atau suatu salinan surat cara itu disimpan di pejabat berdaftar syarikat.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), dalam hal suatu siri debentur, penyimpanan salinan satu debentur daripada siri itu adalah mencukupi.

(3) Tiap-tiap syarikat hendaklah menyimpan di pejabat berdaftar syarikat itu suatu daftar gadaian dan memasukkan dalam daftar itu semua gadaian yang secara khusus menyentuh harta syarikat itu dan semua gadaian terapung ke atas pengusahaan atau mana-mana harta syarikat itu, dengan memberikan dalam setiap hal—

*(a)* suatu perihalan ringkas tentang harta yang digadaikan;

*(b)* amaun gadaian; dan

*(c)* nama orang yang berhak kepada gadaian kecuali dalam hal sekuriti kepada pembawa.

(4) Surat cara atau salinan surat cara itu dan daftar gadaian yang disimpan di bawah seksyen ini hendaklah terbuka bagi pemeriksaan oleh—

*(a)* mana-mana pemiutang atau anggota syarikat dengan fi sebanyak lima ringgit; atau

*(b)* mana-mana orang lain selepas pembayaran apa-apa fi yang tidak melebihi sepuluh ringgit bagi setiap pemeriksaan sebagaimana yang ditetapkan oleh syarikat.

(5) Mana-mana orang hendaklah, atas permohonan kepada suatu syarikat dan selepas pembayaran fi yang tidak melebihi sepuluh ringgit sebagaimana yang ditetapkan oleh syarikat itu bagi tiap-tiap muka surat, diberikan suatu salinan mana-mana surat cara gadaian atau debentur yang disimpan oleh syarikat itu di bawah seksyen ini dalam masa tiga hari dari permohonan yang dibuat oleh orang itu.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Dokumen yang dibuat di luar Malaysia**

**363.** Jika di bawah Subpenggal ini, suatu surat cara, surat ikatan, pernyataan atau dokumen lain dikehendaki supaya diserah simpan dengan Pendaftar dalam masa yang ditetapkan, masa yang ditetapkan sedemikian hendaklah dilanjutkan selama tujuh hari atau apa-apa

tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar berhubung dengan suatu surat cara, surat ikatan, pernyataan atau dokumen lain yang disempurnakan atau dibuat di suatu tempat di luar Malaysia.

**Pemakaian Subpenggal ini bagi syarikat asing**

**364.** Sebutan dalam Subpenggal ini mengenai suatu syarikat hendaklah dibaca sebagai termasuk sebutan mengenai syarikat asing yang kepadanya Penggal 1 Bahagian V terpakai, tetapi tiada apa-apa jua dalam Subpenggal ini terpakai bagi gadaian ke atas harta syarikat asing di luar Malaysia.

Subpenggal 2

*Perkiraan dan Pembentukan Semula*

**Tafsiran**

**365.** Dalam Subpenggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"perkiraan" termasuklah suatu penyusunan semula modal syer suatu syarikat melalui penggabungan syer daripada kelas yang berbeza atau melalui pembahagian syer ke dalam syer daripada kelas yang berbeza atau melalui kedua-dua kaedah ini;

"syarikat" ertinya mana-mana perbadanan atau pertubuhan yang boleh digulung di bawah Akta ini kecuali seksyen 370;

"syarikat penerima pindahan" ertinya—

*(a)* dalam seksyen 370, suatu syarikat yang kepadanya keseluruhan atau mana-mana bahagian pengusahaan atau harta syarikat pemindah dipindahkan; dan

*(b)* dalam seksyen 371, suatu syarikat yang kepadanya semua syer atau semua syer dalam mana-mana kelas syarikat pemindah tertentu dipindahkan;

"syarikat pemindah" ertinya—

*(a)* dalam seksyen 370, suatu syarikat yang memindahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian pengusahaan atau harta syarikat; dan

*(b)* dalam seksyen 371, suatu syarikat yang memindahkan semua syer atau semua syer dalam mana-mana kelas syarikat tertentu.

**Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan supaya dibuat kompromi atau perkiraan dengan pemiutang dan anggota**

**366.** (1) Mahkamah boleh, atas suatu permohonan di bawah Subpenggal ini, memerintahkan supaya suatu mesyuarat dipanggil secara terus mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, sama ada oleh—

*(a)* syarikat;

*(b)* mana-mana pemiutang atau anggota syarikat;

*(c)* penyelesai, jika syarikat digulung; atau

*(d)* pengurus kehakiman, jika syarikat di bawah pengurusan kehakiman.

(2) Mesyuarat yang diadakan menurut suatu perintah Mahkamah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh ditangguhkan jika ketetapan bagi penangguhan diluluskan oleh tujuh puluh lima peratus daripada jumlah keseluruhan nilai pemiutang atau kelas pemiutang atau anggota atau kelas anggota yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi dalam mesyuarat itu.

(3) Kompromi atau perkiraan itu hendaklah mengikat—

*(a)* semua pemiutang atau kelas pemiutang;

*(b)* anggota atau kelas anggota;

*(c)* syarikat; atau

*(d)* penyelesai dan penyumbang, jika syarikat digulung,

jika kompromi atau perkiraan itu dipersetujui oleh suatu majoriti sebanyak tujuh puluh lima peratus daripada jumlah keseluruhan nilai pemiutang atau kelas pemiutang atau anggota atau kelas anggota yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi dalam mesyuarat atau mesyuarat yang ditangguhkan dan diluluskan melalui perintah Mahkamah.

(4) Mahkamah boleh memberikan kelulusannya kepada suatu kompromi atau perkiraan tertakluk kepada apa-apa perubahan atau syarat sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah.

(5) Suatu perintah di bawah subseksyen (3) tidak mempunyai kesan sehingga suatu salinan pejabat perintah itu diserah simpan dengan Pendaftar, dan selepas diserah simpan sedemikian, perintah itu hendaklah berkuat kuasa pada dan dari tarikh penyerahsimpanan itu atau apa-apa tarikh yang lebih awal sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah dan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(6) Tertakluk kepada subseksyen (7), suatu salinan tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah subseksyen (3) hendaklah dilampirkan kepada tiap-tiap salinan perlembagaan syarikat yang dikeluarkan selepas perintah itu dibuat, atau dalam hal suatu syarikat yang tidak mempunyai perlembagaan, kepada tiap-tiap salinan surat cara yang dikeluarkan yang membentuk atau menentukan perlembagaan syarikat.

(7) Mahkamah boleh, melalui perintah, mengecualikan suatu syarikat daripada pematuhan kehendak subseksyen (6) atau menentukan tempoh yang selama syarikat itu hendaklah mematuhi kehendak itu.

(8) Jika mana-mana kompromi atau perkiraan itu, sama ada atau tidak bagi maksud atau berkaitan dengan skim bagi pembentukan semula mana-mana syarikat atau penggabungan mana-mana dua syarikat atau lebih, dicadangkan, pengarah syarikat hendaklah—

*(a)* jika suatu mesyuarat anggota syarikat melalui ketetapan mengarahkan, mengarahkan mana-mana akauntan atau peguam bela atau kedua-duanya sebagaimana yang dinamakan dalam ketetapan itu melaporkan mengenai cadangan itu dan menghantar laporan mereka kepada pengarah dengan secepat yang dapat dilaksanakan; dan

*(b)* menjadikan laporan itu tersedia di pejabat berdaftar syarikat bagi pemeriksaan oleh pemegang syer dan pemiutang syarikat sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh apa-apa mesyuarat yang diperintahkan oleh Mahkamah supaya dipanggil mengikut subseksyen (1).

(9) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (6) atau (8) melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa Mahkamah untuk melantik penyelesai diluluskan**

**367.** (1) Mahkamah boleh, atas sesuatu permohonan di bawah Subpenggal ini, melantik seorang penyelesai diluluskan untuk menilai kebolehlaksanaan skim yang dicadangkan bagi kompromi atau perkiraan dan penyelesai diluluskan yang dilantik itu hendaklah menyediakan suatu laporan untuk dikemukakan kepada pemohon.

(2) Laporan yang disediakan di bawah seksyen ini hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat pemiutang atau anggota yang diadakan di bawah seksyen 366.

**Kuasa Mahkamah untuk menghalang prosiding**

**368.** (1) Jika tiada perintah dibuat atau tiada ketetapan diluluskan bagi penggulungan suatu syarikat dan suatu kompromi atau perkiraan dicadangkan antara syarikat dengan pemiutangnya atau mana-mana kelas pemiutang itu, Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada mana-mana kuasanya, atas permohonan secara terus oleh syarikat atau mana-mana anggota atau pemiutang syarikat, menghalang prosiding selanjutnya dalam apa-apa tindakan atau prosiding terhadap syarikat itu kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.

(2) Mahkamah boleh memberikan suatu perintah halangan di bawah subseksyen (1) kepada sesuatu syarikat selama tempoh tidak lebih daripada tiga bulan dan Mahkamah boleh atas permohonan syarikat itu, melanjutkan tempoh ini selama tidak lebih daripada sembilan bulan jika—

*(a)* Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat cadangan bagi suatu skim kompromi atau perkiraan antara syarikat itu dengan pemiutangnya atau mana-mana kelas pemiutang yang mewakili sekurang-kurangnya separuh daripada nilai semua pemiutang;

*(b)* Mahkamah berpuas hati bahawa perintah halangan itu adalah perlu untuk membolehkan syarikat itu dan pemiutangnya memformalkan skim kompromi atau perkiraan bagi kelulusan pemiutang atau anggota di bawah seksyen 366;

*(c)* suatu pernyataan butir-butir tentang hal ehwal syarikat itu yang dibuat sehingga suatu tarikh yang tidak lebih daripada tiga hari sebelum permohonan diserah simpan bersama dengan permohonan itu; dan

*(d)* Mahkamah membenarkan orang yang dinamakan oleh majoriti pemiutang dalam permohonan oleh syarikat di bawah subseksyen (1) untuk bertindak sebagai pengarah atau jika orang itu belum menjadi pengarah, melantik orang itu untuk bertindak sebagai pengarah walau apa pun peruntukan Akta ini atau perlembagaan syarikat.

(3) Orang yang dibenarkan atau dilantik oleh Mahkamah untuk bertindak sebagai pengarah syarikat di bawah perenggan (2)*(d)* hendaklah—

*(a)* mempunyai hak akses kepada rekod perakaunan dan rekod lain termasuk daftar syarikat pada bila-bila masa yang munasabah; dan

*(b)* berhak untuk meminta daripada mana-mana pegawai syarikat apa-apa maklumat dan penjelasan sebagaimana yang dikehendakinya bagi maksud kewajipannya.

(4) Melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, apa-apa pelupusan harta syarikat termasuk benda dalam syarikat dan apa-apa pemerolehan harta oleh syarikat, selain dalam perjalanan biasa urusan, yang dibuat selepas pemberian perintah halangan oleh Mahkamah hendaklah terbatal.

(5) Jika suatu perintah dibuat di bawah subseksyen (1), tiap-tiap syarikat yang berhubung dengannya perintah itu dibuat hendaklah, dalam masa tujuh hari—

*(a)* menyerah simpan suatu salinan pejabat perintah itu dengan Pendaftar; dan

*(b)* menyiarkan suatu notis tentang perintah itu dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris,

dan syarikat itu dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(6) Suatu perintah yang dibuat oleh Mahkamah di bawah subseksyen (1) tidak mempunyai kesan untuk menghalang—

*(a)* prosiding selanjutnya dalam apa-apa tindakan atau prosiding yang sepatutnya diambil terhadap syarikat oleh Pendaftar atau Suruhanjaya Sekuriti; atau

*(b)* prosiding selanjutnya dalam apa-apa tindakan atau prosiding terhadap mana-mana orang termasuk penjamin syarikat tetapi tidak termasuk syarikat yang memohon perintah halangan itu.

(7) Jika suatu syarikat melupuskan atau memperoleh apa-apa harta selain dalam perjalanan biasa urusannya, tanpa keizinan Mahkamah, syarikat itu dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Maklumat tentang kompromi atau perkiraan dengan pemiutang dan anggota**

**369.** (1) Jika suatu mesyuarat dipanggil di bawah Subpenggal ini, tiap-tiap notis yang memanggil mesyuarat itu—

*(a)* yang dihantar kepada seseorang pemiutang atau anggota hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan yang menjelaskan kesan kompromi atau perkiraan dan secara khusus menyatakan apa-apa kepentingan material pengarah, sama ada sebagai pengarah atau sebagai anggota atau sebagai pemiutang syarikat atau selainnya, dan kesan kompromi atau perkiraan itu setakat yang kesan itu adalah berbeza daripada kesan ke atas kepentingan orang lain yang serupa; dan

*(b)* yang diberikan melalui iklan hendaklah sama ada mengandungi pernyataan yang disebut dalam perenggan *(a)* atau suatu pemberitahuan tentang tempat dan cara pemiutang atau anggota yang berhak menghadiri mesyuarat itu memperoleh salinan pernyataan itu.

(2) Jika kompromi atau perkiraan menjejaskan hak pemegang debentur, pernyataan itu hendaklah memberikan penjelasan yang serupa berkenaan dengan pemegang amanah bagi pemegang debentur sebagaimana, di bawah subseksyen (1), suatu pernyataan dikehendaki memberikan penjelasan berkenaan dengan pengarah.

(3) Jika suatu notis yang diberikan melalui iklan termasuklah suatu pemberitahuan bahawa salinan sesuatu pernyataan boleh diperoleh, tiap-tiap pemiutang atau anggota yang berhak menghadiri mesyuarat hendaklah apabila membuat permohonan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis, diberikan suatu salinan pernyataan itu secara percuma oleh syarikat.

(4) Setiap pengarah dan setiap pemegang amanah bagi pemegang debentur hendaklah memberikan maklumat yang perlu mengenai perkara yang berhubungan dengan setiap pengarah dan setiap pemegang amanah bagi pemegang debentur bagi maksud seksyen ini dalam masa tujuh hari dari penerimaan suatu permintaan oleh syarikat secara bertulis.

(5) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

(6) Bagi maksud subseksyen (5), pegawai syarikat termasuklah mana-mana penyelesai syarikat dan mana-mana pemegang amanah bagi pemegang debentur.

(7) Walau apa pun subseksyen (5), seseorang tidak bertanggungan di bawah subseksyen itu jika dia menunjukkan bahawa keingkaran itu disebabkan oleh keengganan mana-mana orang lain, yang merupakan pengarah atau pemegang amanah bagi pemegang debentur, untuk memberikan butir-butir yang perlu tentang kepentingan pengarah atau pemegang amanah bagi pemegang debentur.

**Pembentukan semula dan penggabungan syarikat**

**370.** (1) Seksyen ini terpakai jika suatu permohonan dibuat kepada Mahkamah di bawah Subpenggal ini untuk kelulusan bagi suatu kompromi atau perkiraan dan dibuktikan kepada Mahkamah bahawa—

*(a)* kompromi atau perkiraan itu dicadangkan bagi maksud, atau berkaitan dengan, suatu skim bagi pembentukan semula mana-mana syarikat atau penggabungan mana-mana dua syarikat atau lebih; dan

*(b)* di bawah skim itu keseluruhan atau mana-mana bahagian pengusahaan atau harta mana-mana syarikat yang berkenaan dalam skim itu, "syarikat pemindah", dipindahkan kepada syarikat yang lain, "syarikat penerima pindahan".

(2) Mahkamah boleh, sama ada melalui perintah membenarkan kompromi atau perkiraan itu atau melalui apa-apa perintah yang kemudian, membuat peruntukan bagi semua atau mana-mana perkara yang berikut:

*(a)* pemindahan kepada syarikat penerima pindahan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada pengusahaan dan harta atau liabiliti syarikat pemindah;

*(b)* pengumpukan atau pengambilan oleh syarikat penerima pindahan apa-apa syer, debentur, polisi atau kepentingan lain yang serupa dalam syarikat itu yang di bawah kompromi atau perkiraan itu hendaklah diumpukkan atau diambil oleh syarikat itu kepada atau bagi mana-mana orang;

*(c)* penerusan oleh atau terhadap syarikat penerima pindahan apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap syarikat pemindah;

*(d)* pembubaran tanpa penggulungan syarikat pemindah;

*(e)* peruntukan yang dibuat bagi mana-mana orang yang, dalam apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, menentang kompromi atau perkiraan itu; dan

*(f)* apa-apa perkara yang bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang diperlukan untuk menjamin bahawa pembentukan semula atau penggabungan dijalankan dengan sepenuhnya dan berkesan.

(3) Jika suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini memperuntukkan tentang pemindahan harta atau liabiliti—

*(a)* harta itu hendaklah, menurut kuasa perintah itu, dipindahkan kepada dan terletak hak pada syarikat penerima pindahan; dan

*(b)* liabiliti itu hendaklah, menurut kuasa perintah itu, dipindahkan kepada dan menjadi liabiliti syarikat penerima pindahan,

dan dalam hal mana-mana harta tertentu jika perintah itu mengarahkan bebas daripada apa-apa gadaian yang menurut kuasa kompromi atau perkiraan hendaklah terhenti berkuat kuasa.

(4) Tiap-tiap syarikat yang berhubung dengannya suatu perintah dibuat di bawah seksyen ini hendaklah menyerah simpan suatu salinan pejabat perintah itu—

*(a)* dengan Pendaftar dalam masa tujuh hari dari perintah itu dibuat; dan

*(b)* jika perintah itu berhubung dengan tanah, dengan pihak berkuasa berkenaan yang berkaitan dengan pendaftaran atau perekodan urusan mengenai tanah itu.

(5) Tiada perintah peletakhakan yang disebut dalam seksyen ini boleh mempunyai apa-apa kesan atau kuat kuasa dalam memindahkan atau selainnya meletakhakkan tanah sehingga kemasukan yang berkenaan dibuat berkenaan dengan peletakhakan tanah itu oleh pihak berkuasa berkenaan.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(7) Dalam seksyen ini—

*(a)* "liabiliti" termasuklah kewajipan;

*(b)* "harta" termasuklah semua hak dan kuasa yang berhubungan dengan harta.

**Hak pembuat tawaran untuk membeli**

**371.** (1) Jika suatu skim atau kontrak yang melibatkan pemindahan semua syer atau semua syer dalam mana-mana kelas tertentu dalam sesuatu syarikat pemindah, kepada sesuatu "syarikat penerima pindahan", yang pemindahannya melibatkan pemegang tidak kurang daripada sembilan puluh peratus daripada nilai nominal syer itu atau syer kelas itu, selain syer yang dipegang pada tarikh tawaran itu oleh, atau melalui seseorang penama bagi, syarikat penerima pindahan itu atau subsidiarinya, telah diluluskan, syarikat pemindah itu bagi pihak syarikat penerima pindahan mempunyai masa empat bulan untuk membuat tawaran untuk membeli syer itu.

(2) Syarikat penerima pindahan boleh pada bila-bila masa dalam masa dua bulan selepas tawaran diluluskan di bawah subseksyen (1) memberikan notis kepada mana-mana pemegang syer yang menentang dalam syarikat pemindah bahawa syarikat penerima pindahan berhasrat untuk memperoleh syer pemegang syer yang menentang itu mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

(3) Jika suatu notis diberikan oleh syarikat penerima pindahan, syarikat penerima pindahan itu berhak dan terikat untuk memperoleh syer mengikut terma yang, di bawah skim atau kontrak, syer pemegang syer yang membenarkan dipindahkan kepada syarikat penerima pindahan atau jika tawaran itu mengandungi dua set terma pilihan atau lebih, mengikut terma yang dinyatakan dalam tawaran itu sebagai terpakai bagi pemegang syer yang menentang, melainkan jika atas permohonan yang dibuat oleh pemegang syer yang menentang itu dalam masa satu bulan dari tarikh notis itu diberikan atau dalam masa tujuh hari dari suatu pernyataan diberikan kepada seseorang pemegang syer yang menentang di bawah subseksyen (4), mengikut mana-mana yang terkemudian, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah untuk memerintahkan selainnya.

(4) Jika suatu syarikat penerima pindahan memberikan notis kepada mana-mana pemegang syer yang menentang bahawa syarikat penerima pindahan itu berhasrat untuk memperoleh syernya, pemegang syer yang menentang itu berhak untuk menghendaki syarikat itu supaya memberinya suatu pernyataan bertulis tentang nama dan alamat semua pemegang syer yang menentang yang lain sebagaimana yang ditunjukkan dalam daftar anggota, melalui permintaan secara bertulis yang disampaikan ke atas syarikat itu dalam masa satu bulan dari tarikh notis itu diberikan kepada pemegang syer yang menentang itu.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (4), syarikat penerima pindahan itu tidak berhak atau terikat untuk memperoleh syer pemegang syer yang menentang hingga empat belas hari selepas pernyataan tentang nama dan alamat itu diposkan kepada pemegang syer yang menentang itu.

(6) Jika, di bawah apa-apa skim atau kontrak, syer dalam sesuatu syarikat dipindahkan kepada syarikat yang lain atau penamanya dan syer itu bersama dengan mana-mana syer lain dalam syarikat pemindah yang dipegang oleh, atau melalui seseorang penama bagi, syarikat penerima pindahan atau subsidiarinya pada tarikh pemindahan itu, mengandungi atau termasuk sembilan puluh peratus daripada syer dalam syarikat pemindah itu atau mana-mana kelas syer itu, maka—

*(a)* syarikat penerima pindahan hendaklah memberikan notis tentang fakta itu mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pendaftar kepada pemegang syer yang tinggal atau syer yang tinggal dalam kelas itu yang tidak bersetuju dengan skim atau kontrak itu, dalam masa satu bulan dari tarikh pemindahan itu melainkan jika semasa pemindahan terdahulu di bawah skim atau kontrak itu, syarikat penerima pindahan itu mematuhi kehendak ini; dan

*(b)* mana-mana pemegang syer boleh menghendaki syarikat penerima pindahan supaya memperoleh syer yang berkenaan dalam masa tiga bulan dari pemberian notis itu kepadanya,

dan jika seorang pemegang syer memberikan notis di bawah perenggan *(b)* berkenaan dengan mana-mana syer, syarikat penerima pindahan itu adalah berhak dan terikat untuk memperoleh syer itu mengikut terma yang di bawah skim atau kontrak syer pemegang syer yang membenarkan itu dipindahkan kepada syarikat penerima pindahan itu, atau mengikut apa-apa terma lain sebagaimana yang dipersetujui atau sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah untuk memerintahkan, atas permohonan sama ada syarikat penerima pindahan atau pemegang syer itu.

(7) Jika suatu notis diberikan oleh syarikat penerima pindahan di bawah subseksyen (1) dan Mahkamah tidak, atas permohonan yang dibuat oleh pemegang syer yang menentang, memerintahkan sebaliknya, syarikat penerima pindahan itu hendaklah, menyampaikan suatu salinan notis itu kepada syarikat pemindah bersama dengan

surat cara pemindahan yang disempurnakan, bagi pihak pemegang syer oleh mana-mana orang yang dilantik oleh syarikat penerima pindahan, dan bagi pihaknya sendiri oleh syarikat penerima pindahan—

*(a)* selepas habis tempoh satu bulan selepas tarikh notis itu diberikan;

*(b)* selepas empat belas hari suatu pernyataan diberikan kepada seseorang pemegang syer yang menentang di bawah subseksyen (4); atau

*(c)* jika suatu permohonan kepada Mahkamah oleh pemegang syer yang menentang pada masa itu belum selesai, selepas permohonan itu diselesaikan.

(8) Berhubung dengan subseksyen (7), syarikat penerima pindahan hendaklah membayar, mengumpukkan atau memindahkan amaun atau balasan lain yang mewakili harga yang kena dibayar oleh syarikat penerima pindahan itu bagi syer yang menurut kuasa seksyen ini syarikat itu berhak memperoleh kepada syarikat pemindah, dan syarikat pemindah itu hendaklah mendaftarkan syarikat penerima pindahan itu sebagai pemegang syer.

(9) Apa-apa wang yang diterima oleh syarikat pemindah di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam akaun bank yang berasingan, dan apa-apa wang dan apa-apa balasan lain yang diterima hendaklah dipegang oleh syarikat pemindah itu sebagai amanah bagi beberapa orang yang berhak kepada syer yang berkenaan dengannya wang diterima oleh syarikat pemindah itu, masing-masingnya.

(10) Jika apa-apa balasan selain wang tunai dipegang sebagai amanah oleh suatu syarikat bagi mana-mana orang di bawah seksyen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan, mana-mana balasan selain wang tunai boleh, selepas habis tempoh dua tahun dan hendaklah sebelum habis tempoh sepuluh tahun dari tarikh balasan itu diumpukkan atau dipindahkan kepada syarikat itu, memindahkan balasan selain wang tunai itu kepada Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan.

(11) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan hendaklah menjual atau melupuskan apa-apa balasan yang diterima di bawah subseksyen (10) sebagaimana yang difikirkannya patut dan hendaklah berurusan dengan hasil

jualan atau pelupusan itu seolah-olah hasil jualan atau pelupusan itu merupakan wang yang dibayar kepada Menteri itu di bawah undang-undang yang berhubungan dengan wang yang tidak dituntut.

(12) Dalam seksyen ini, "pemegang syer yang menentang" termasuklah seseorang pemegang syer yang tidak bersetuju dengan skim atau kontrak dan mana-mana pemegang syer yang tidak atau enggan memindahkan syernya kepada syarikat penerima pindahan mengikut skim atau kontrak itu.

Subpenggal 3

*Penerima dan Penerima dan Pengurus*

**Kelayakan bagi pelantikan penerima atau penerima dan pengurus**

**372.** Mana-mana orang yang merupakan seorang penyelesai diluluskan yang disebut dalam seksyen 433 hendaklah layak untuk dilantik sebagai penerima atau penerima dan pengurus.

**Hilang kelayakan bagi pelantikan sebagai penerima atau penerima dan pengurus**

**373.** Tertakluk kepada seksyen 372, orang yang berikut tidak layak untuk bertindak sebagai penerima atau penerima dan pengurus harta suatu syarikat:

*(a)* suatu perbadanan;

*(b)* seorang bankrap yang belum dilepaskan; dan

*(c)* seorang penerima gadai janji bagi apa-apa harta syarikat, juruaudit syarikat atau pegawai syarikat atau mana-mana perbadanan yang merupakan penerima gadai janji bagi harta syarikat.

**Pelantikan penerima atau penerima dan pengurus**

**374.** Seseorang penerima atau penerima dan pengurus boleh dilantik—

*(a)* di bawah apa-apa surat cara yang memberi pemegang debentur atau pemegang gadaian kuasa untuk melantik penerima atau penerima dan pengurus;

*(b)* di bawah apa-apa surat cara yang mewujudkan gadaian berkenaan dengan harta dan pengusahaan suatu syarikat yang memberi pemegang gadaian kuasa untuk melantik penerima atau penerima dan pengurus; atau

*(c)* oleh Mahkamah.

**Pelantikan penerima atau penerima dan pengurus di bawah surat cara**

**375.** (1) Jika suatu surat cara memberi pemegang debentur kuasa untuk melantik penerima atau penerima dan pengurus, pemegang debentur itu boleh melantik penerima atau penerima dan pengurus melalui suatu surat cara secara bertulis yang ditandatangani oleh pemegang debentur itu atau bagi pihaknya.

(2) Melainkan jika surat cara itu memperuntukkan selainnya dengan nyata—

*(a)* seseorang penerima atau penerima dan pengurus merupakan ejen syarikat;

*(b)* seseorang yang dilantik sebagai penerima boleh bertindak sebagai penerima dan pengurus; atau

*(c)* kuasa yang diberikan untuk melantik penerima atau penerima dan pengurus termasuklah kuasa untuk melantik—

(i) dua atau lebih penerima atau penerima dan pengurus;

(ii) seorang penerima atau penerima dan pengurus tambahan kepada penerima atau penerima dan pengurus dalam jawatan; dan

(iii) seorang penerima atau penerima dan pengurus untuk menggantikan penerima atau penerima dan pengurus yang jawatannya menjadi kosong.

(3) Jika dua atau lebih penerima atau penerima dan pengurus dilantik di bawah satu surat cara, melainkan jika surat cara itu memperuntukkan selainnya secara nyata—

*(a)* fungsi atau kuasa penerima atau penerima dan pengurus boleh dilaksanakan atau dijalankan oleh mana-mana satu daripada mereka atau kedua-duanya atau kesemua mereka secara bersesama; dan

*(b)* sebutan mengenai penerima atau penerima dan pengurus hendaklah menjadi sebutan mengenai mana-mana satu daripada penerima atau penerima dan pengurus itu.

**Pelantikan penerima atau penerima dan pengurus oleh Mahkamah**

**376.** (1) Mahkamah boleh, selepas memberikan notis kepada syarikat melantik seorang penerima atau penerima dan pengurus atas permohonan pemegang debentur atau mana-mana orang lain yang berkepentingan dan dengan memberikan notis kepada syarikat, jika Mahkamah berpuas hati bahawa—

*(a)* syarikat itu tidak membayar hutang yang kena dibayar kepada pemegang debentur atau selainnya tidak memenuhi apa-apa obligasi kepada pemegang debentur, atau bahawa apa-apa wang pokok yang dipinjam oleh syarikat atau faedah adalah tertunggak;

*(b)* syarikat itu bercadang untuk menjual atau selainnya melupuskan harta yang dijamin dengan melanggar terma mana-mana surat cara yang mewujudkan jaminan atau gadaian itu; atau

*(c)* adalah perlu untuk melantik seorang penerima atau penerima dan pengurus untuk memastikan harta yang dijamin itu dipelihara bagi manfaat pemegang debentur.

(2) Seseorang yang dilantik sebagai penerima oleh Mahkamah boleh bertindak sebagai penerima dan pengurus melainkan jika perintah Mahkamah tidak memasukkan pelantikan sebagai penerima dan pengurus.

(3) Jika dua atau lebih penerima atau penerima dan pengurus dilantik oleh Mahkamah, melainkan jika Mahkamah memperuntukkan selainnya secara nyata—

*(a)* fungsi atau kuasa penerima atau penerima dan pengurus boleh dilaksanakan atau dijalankan oleh mana-mana satu daripada mereka atau kedua-duanya atau kesemua mereka secara bersesama; dan

*(b)* sebutan mengenai penerima atau penerima dan pengurus hendaklah menjadi sebutan mengenai mana-mana satu daripada penerima atau penerima dan pengurus itu.

(4) Hak mana-mana orang untuk memohon kepada Mahkamah bagi pelantikan penerima atau penerima dan pengurus di bawah *common law* tidak terbatal dengan penguatkuasaan seksyen atau Subpenggal ini.

**Notis pelantikan penerima atau penerima dan pengurus**

**377.** (1) Jika mana-mana orang—

*(a)* memperoleh suatu perintah bagi pelantikan penerima atau penerima dan pengurus mengenai harta suatu syarikat atau mengenai harta mana-mana perbadanan lain dalam Malaysia; atau

*(b)* melantik seorang penerima atau penerima dan pengurus di bawah mana-mana kuasa yang terkandung dalam apa-apa surat cara,

dia hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar dalam suatu notis pelantikan tentang fakta itu, dalam masa tujuh hari dari tarikh orang itu memperoleh perintah itu atau membuat pelantikan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan penalti tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kekosongan jawatan penerima atau penerima dan pengurus**

**378.** (1) Jawatan seseorang penerima atau penerima dan pengurus hendaklah menjadi kosong jika orang yang memegang jawatan itu—

*(a)* meletakkan jawatan;

*(b)* mati;

*(c)* menjadi tidak layak oleh mana-mana sebab di bawah perenggan 373*(b)* atau *(c)*;

*(d)* ditamatkan perkhidmatan atau diberhentikan di bawah surat cara yang melantik seseorang penerima atau penerima dan pengurus atau jika tiada surat cara yang melantik seseorang penerima atau penerima dan pengurus, oleh Mahkamah;

*(e)* menyerah hak estetnya bagi manfaat pemiutangnya atau membuat perkiraan dengan pemiutangnya di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kebankrapan; atau

*(f)* disabitkan dengan kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan yang boleh dihukum apabila disabitkan dengan pemenjaraan selama tiga bulan atau lebih.

(2) Seseorang penerima atau penerima dan pengurus yang dilantik di bawah kuasa yang diberikan oleh surat cara boleh meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari tentang niatnya untuk meletakkan jawatan kepada orang yang melaluinya dia dilantik.

(3) Seseorang penerima atau penerima dan pengurus yang dilantik oleh Mahkamah tidak boleh meletakkan jawatan tanpa terlebih dahulu memperoleh keizinan Mahkamah untuk berbuat demikian.

(4) Seseorang yang mengosongkan jawatan penerima atau penerima dan pengurus hendaklah, jika dapat dilaksanakan, menyediakan apa-apa maklumat dan memberikan apa-apa bantuan dalam penjalanan penerimaan kepada penggantinya sebagaimana yang semunasabahnya diperlukan oleh orang itu.

(5) Atas permohonan seseorang yang dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan penerima atau penerima dan pengurus, Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkan perlu atau wajar oleh Mahkamah untuk memudahkan pelaksanaan kewajipan orang itu.

**Notis pemberhentian jawatan**

**379.** (1) Seseorang yang terhenti bertindak sebagai penerima atau penerima dan pengurus dengan—

*(a)* sebab yang dinyatakan di bawah perenggan 378(1)*(a)*, *(c)*, *(d)* atau *(e)*; atau

*(b)* memperoleh keizinan untuk meletakkan jawatan daripada Mahkamah,

hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu notis pemberhentian tentang fakta itu, mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar, dalam masa empat belas hari selepas berlakunya kekosongan itu.

(2) Jika suatu kekosongan disebabkan oleh hal yang dinyatakan di bawah perenggan 378(1)*(b)*, notis di bawah subseksyen (1) hendaklah diserah simpan dengan Pendaftar oleh wakil diri atau pemegang debentur seorang penerima atau penerima dan pengurus.

(3) Jika suatu kekosongan disebabkan oleh hal yang dinyatakan di bawah perenggan 378(1)*(f)*, notis di bawah subseksyen (1) hendaklah diserah simpan dengan Pendaftar oleh pemegang debentur dalam masa empat belas hari dari fakta relevan diketahui oleh pemegang debentur.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pernyataan yang berhubungan dengan pelantikan penerima atau penerima dan pengurus**

**380.** (1) Jika seseorang penerima atau seseorang penerima dan pengurus harta dilantik, tiap-tiap invois, tempahan bagi barang atau perkhidmatan, surat urusan atau borang tempahan sama ada dalam bentuk salinan cetak atau elektronik yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak perbadanan atau penerima itu atau penerima dan pengurus itu atau penyelesai perbadanan itu dan padanya terdapat nama perbadanan itu, dan tiap-tiap laman sesawang rasmi perbadanan itu jika terdapat nama perbadanan itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan bahawa seorang penerima atau penerima dan pengurus dilantik.

(2) Kegagalan untuk mematuhi subseksyen (1) tidak menjejaskan kesahan dokumen itu.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Liabiliti penerima atau penerima dan pengurus**

**381.** (1) Mana-mana penerima atau penerima dan pengurus atau orang lain yang diberi kuasa yang mengambil milikan apa-apa aset sesuatu syarikat bagi maksud menguatkuasakan apa-apa gadaian hendaklah, tanpa menjejaskan haknya terhadap syarikat itu atau mana-mana orang lain, bertanggungan bagi hutang yang ditanggung olehnya atau orang lain yang diberi kuasa dalam perjalanan penerimaan atau pemilikan itu, bagi perkhidmatan yang diberikan, barang yang dibeli atau harta yang disewa, dipajak, digunakan atau diduduki melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam surat cara yang melantik penerima atau penerima dan pengurus atau orang lain yang diberi kuasa.

(2) Subseksyen (1) tidak boleh ditafsirkan sebagai menjadikan pemegang gadaian, sebagai seorang penerima gadai janji dalam milikan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, "penerima gadai janji dalam milikan" ertinya pemegang gadaian yang dengan sendiri atau yang melalui seseorang ejen menjalankan kuasa untuk—

*(a)* menerima pendapatan daripada suatu harta yang digadaikan;

*(b)* mengambil milikan atau mengambil alih kawalan bagi suatu harta yang digadaikan; atau

*(c)* menjual atau selainnya memberi hakmilik sesuatu harta yang digadaikan.

**Liabiliti bagi kontrak**

**382.** (1) Seseorang penerima atau penerima dan pengurus adalah bertanggungan sendiri bagi sesuatu kontrak yang dibuat olehnya dalam menjalankan mana-mana kuasanya melainkan jika diperuntukkan selainnya secara khusus dalam surat cara yang melantik penerima atau penerima dan pengurus.

(2) Terma sesuatu kontrak yang disebut dalam subseksyen (1) boleh tidak memasukkan atau mengehadkan liabiliti diri penerima atau penerima dan pengurus selain penerima atau penerima dan pengurus yang dilantik oleh Mahkamah.

**Kuasa penerima atau penerima dan pengurus**

**383.** (1) Seseorang penerima atau penerima dan pengurus hendaklah mempunyai kuasa secara nyata atau tersirat yang diberikan melalui surat cara atau melalui perintah Mahkamah, yang melaluinya atau di bawahnya pelantikan dibuat.

(2) Tertakluk kepada surat cara atau perintah Mahkamah yang melaluinya atau di bawahnya pelantikan dibuat, seseorang penerima atau penerima dan pengurus hendaklah mempunyai kuasa yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

**Permohonan kepada Mahkamah bagi arahan**

**384.** (1) Seseorang penerima atau penerima dan pengurus harta sesuatu syarikat boleh memohon kepada Mahkamah bagi arahan berhubung dengan apa-apa perkara yang berbangkit berkaitan dengan pelaksanaan fungsi penerima atau penerima dan pengurus itu.

(2) Jika seseorang penerima atau penerima dan pengurus dilantik untuk menguatkuasakan apa-apa gadaian bagi faedah pemegang debentur syarikat, mana-mana pemegang debentur itu boleh memohon kepada Mahkamah bagi arahan berhubung dengan apa-apa perkara yang berbangkit berkaitan dengan pelaksanaan fungsi penerima atau penerima dan pengurus itu.

**Pelantikan penyelesai sebagai penerima atau penerima dan pengurus dalam hal penggulungan**

**385.** Seorang penyelesai diluluskan boleh dilantik sebagai penerima atau penerima dan pengurus, jika suatu permohonan dibuat kepada Mahkamah untuk melantik penerima atau penerima dan pengurus bagi pihak pemegang debentur atau pemiutang lain syarikat yang digulung oleh Mahkamah.

**Kuasa penerima atau penerima dan pengurus mengenai penyelesaian**

**386.** (1) Selepas penggulungan sesuatu syarikat mula berkuat kuasa—

*(a)* seorang penerima boleh terus bertindak sebagai penerima dan menjalankan segala kuasa penerima berkenaan dengan harta atau aset yang dijamin di bawah debentur yang melantik penerima itu; dan

*(b)* seorang penerima dan pengurus boleh terus bertindak sebagai penerima yang disebut dalam perenggan *(a)* dan penerima dan pengurus boleh menjalankan segala kuasa penerima dan pengurus bagi maksud menjalankan urusan syarikat dengan syarat bahawa penerima dan pengurus itu memperoleh persetujuan daripada penyelesai atau jika penyelesai enggan memberikan persetujuannya, persetujuan Mahkamah.

(2) Seorang penerima atau penerima dan pengurus yang memegang jawatan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah terus bertindak sebagai ejen syarikat.

(3) Hutang atau liabiliti yang ditanggung oleh suatu syarikat melalui tindakan penerima atau penerima dan pengurus yang bertindak sebagai ejen syarikat mengikut subseksyen (2) bukan merupakan suatu kos, caj atau perbelanjaan bagi penyelesaian.

**Kuasa Mahkamah untuk menetapkan saraan bagi penerima atau penerima dan pengurus**

**387.** (1) Mahkamah boleh, atas permohonan oleh penyelesai suatu syarikat, melalui perintah menetapkan amaun yang dibayar secara saraan kepada mana-mana orang yang, di bawah kuasa yang terkandung dalam apa-apa surat cara, dilantik sebagai penerima atau penerima dan pengurus harta syarikat.

(2) Kuasa Mahkamah hendaklah—

*(a)* dilanjutkan dengan menetapkan saraan bagi apa-apa tempoh sebelum perintah atau permohonan dibuat;

*(b)* dijalankan walaupun penerima atau penerima dan pengurus mati atau terhenti daripada bertindak sebelum perintah atau permohonan dibuat; dan

*(c)* jika penerima atau penerima dan pengurus dibayar atau memegang simpan bagi saraannya selama apa-apa tempoh sebelum perintah dibuat apa-apa amaun yang melebihi amaun yang ditetapkan selama tempoh itu, dilanjutkan untuk menghendakinya atau wakil dirinya supaya bertanggungjawab bagi lebihan itu atau mana-mana bahagiannya sebagaimana yang ditentukan dalam perintah,

jika tiada perintah terdahulu telah dibuat berkenaan dengannya.

(3) Kuasa yang diberikan oleh perenggan (2)*(c)* tidak boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa tempoh sebelum permohonan bagi perintah dibuat melainkan jika pada pendapat Mahkamah terdapat hal keadaan khas yang menjadikan kuasa itu patut dijalankan sedemikian.

(4) Mahkamah boleh dari semasa ke semasa mengubah atau meminda suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini atas permohonan yang dibuat sama ada oleh penyelesai atau oleh penerima atau penerima dan pengurus.

**Peruntukan mengenai maklumat jika penerima atau penerima dan pengurus dilantik**

**388.** (1) Jika seseorang penerima atau penerima dan pengurus bagi harta sesuatu syarikat dilantik, penerima atau penerima dan pengurus itu hendaklah menghantar suatu notis mengenai pelantikannya kepada syarikat itu dan syarikat itu hendaklah, mengemukakan kepada penerima atau penerima dan pengurus itu suatu pernyataan tentang hal ehwal syarikat mengikut seksyen ini dalam masa empat belas hari dari penerimaan notis itu atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah.

(2) Penerima atau penerima dan pengurus hendaklah dalam masa tiga puluh hari dari penerimaan pernyataan di bawah subseksyen (1) atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah—

*(a)* menyerah simpan dengan Pendaftar suatu salinan pernyataan itu dan apa-apa ulasan yang difikirkan sesuai oleh penerima atau penerima dan pengurus untuk dibuat mengenai pernyataan itu;

*(b)* menghantar kepada syarikat itu suatu salinan apa-apa ulasan itu atau, jika difikirkan tidak sesuai oleh penerima atau penerima atau pengurus untuk membuat apa-apa ulasan, suatu notis mengenai perkara itu; dan

*(c)* jika penerima atau penerima dan pengurus dilantik oleh atau bagi pihak pemegang debentur, menghantar kepada wakil pemegang debentur suatu salinan pernyataan itu dan ulasannya dalam pernyataan itu atau, jika difikirkan tidak sesuai oleh penerima atau penerima dan pengurus itu untuk membuat apa-apa ulasan, suatu notis mengenai perkara itu.

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidak terpakai berhubung dengan pelantikan penerima atau penerima dan pengurus untuk bertindak—

*(a)* dengan penerima atau penerima dan pengurus yang sedia ada; atau

*(b)* sebagai ganti penerima atau penerima dan pengurus yang terhenti daripada bertindak,

kecuali, jika subseksyen (1) dan (2) terpakai bagi penerima atau penerima dan pengurus yang mati atau terhenti daripada bertindak sebelum subseksyen itu dipatuhi sepenuhnya, sebutan dalam subseksyen (1) dan (2) mengenai penerima atau penerima dan pengurus hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (4) termasuklah sebutan mengenai penggantinya dan mengenai mana-mana penerima atau penerima dan pengurus yang masih ada.

(4) Jika syarikat digulung, seksyen ini dan seksyen 389, 390, 391 dan 392 hendaklah terpakai walau apa pun penerima atau penerima dan pengurus dan penyelesai merupakan orang yang sama, tetapi dengan apa-apa ubah suaian yang perlu yang berbangkit daripada fakta itu.

(5) Penerima atau penerima dan pengurus yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Obligasi syarikat dan pengarah untuk memberikan maklumat kepada penerima atau penerima dan pengurus**

**389.** (1) Jika seorang penerima atau penerima dan pengurus dilantik berkenaan dengan harta atau pengusahaan bagi suatu syarikat, syarikat dan tiap-tiap pengarah syarikat itu hendaklah—

*(a)* menjadikan tersedia kepada penerima atau penerima dan pengurus itu semua buku, dokumen dan maklumat yang berhubungan dengan harta atau pengusahaan dalam penerimaan dalam milikan syarikat itu atau di bawah kawalan syarikat itu dalam masa tujuh hari selepas menerima notis di bawah subseksyen 388(1);

*(b)* jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh penerima atau penerima dan pengurus itu, menentusahkan melalui suatu afidavit bahawa buku, dokumen dan maklumat itu adalah lengkap dan betul;

*(c)* memberi penerima atau penerima dan pengurus itu apa-apa bantuan yang semunasabahnya diperlukannya; dan

*(d)* jika syarikat itu mempunyai meterai, menjadikan meterai itu tersedia untuk digunakan oleh penerima atau penerima dan pengurus itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Penyerahan pernyataan hal ehwal**

**390.** (1) Pernyataan mengenai hal ehwal suatu syarikat yang dikehendaki oleh subseksyen 388(1) hendaklah menyatakan setakat tarikh pelantikan seorang penerima atau penerima dan pengurus—

*(a)* butir-butir tentang aset, hutang dan liabiliti syarikat;

*(b)* nama dan alamat pemiutang syarikat;

*(c)* sekuriti yang dipegang oleh pemiutang masing-masingnya;

*(d)* tarikh apabila sekuriti itu diwujudkan masing-masingnya; dan

*(e)* apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(2) Pernyataan hendaklah diserahkan oleh, dan ditentusahkan melalui afidavit, satu orang atau lebih yang pada tarikh pelantikan seorang penerima atau penerima dan pengurus, merupakan pengarah syarikat atau oleh mana-mana orang yang dalam subseksyen ini disebut sebagaimana yang dikehendaki oleh penerima atau penerima dan pengurus itu supaya diserahkan dan ditentusahkan pernyataan itu, yang menyatakan—

*(a)* orang yang menjadi atau telah menjadi pegawai;

*(b)* orang yang terlibat dalam penubuhan syarikat pada bila-bila masa dalam masa satu tahun sebelum tarikh pelantikan penerima atau penerima dan pengurus;

*(c)* orang yang bekerja dengan syarikat, atau telah bekerja dengan syarikat dalam tahun itu, dan pada pendapat penerima atau penerima dan pengurus mampu untuk memberikan maklumat yang dikehendaki; atau

*(d)* orang yang menjadi atau telah menjadi pegawai atau bekerja dengan suatu perbadanan dalam tahun itu yang, atau dalam tahun itu, menjadi pegawai syarikat yang berkaitan dengan pernyataan itu.

(3) Mana-mana orang yang membuat pernyataan dan afidavit hendaklah dibenarkan dan hendaklah dibayar oleh penerima atau penerima dan pengurus daripada terimaannya, apa-apa kos dan perbelanjaan yang dilakukan dalam dan mengenai penyediaan dan pembuatan pernyataan dan afidavit itu sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh penerima atau penerima dan pengurus, tertakluk kepada rayuan kepada Mahkamah.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) dan (2) melakukan suatu kesalahan dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Menyerah simpan akaun penerima atau penerima dan pengurus**

**391.** (1) Tiap-tiap penerima atau penerima dan pengurus harta bagi sesuatu syarikat atau harta dalam Malaysia bagi mana-mana perbadanan lain hendaklah—

*(a)* dalam masa tiga puluh hari dari habis tempoh enam bulan dari tarikh pelantikannya dan tiap-tiap tempoh enam bulan yang berikut dan dalam masa tiga puluh hari dari dia terhenti daripada bertindak sebagai penerima atau penerima dan pengurus, menyerah simpan dengan Pendaftar suatu akaun terperinci yang menunjukkan—

(i) terimaannya dan bayarannya sepanjang setiap tempoh enam bulan, atau, jika dia terhenti daripada bertindak sebagai penerima atau penerima dan pengurus, sepanjang tempoh dari akhir tempoh yang berkaitan dengan akaun terakhir sebelumnya

atau dari tarikh pelantikannya, mengikut mana- mana yang berkenaan, sehingga tarikh dia terhenti daripada bertindak sebagai penerima atau penerima dan pengurus;

(ii) amaun agregat penerimaan dan pembayaran itu sepanjang semua tempoh sebelumnya sejak pelantikannya; dan

(iii) jika dia dilantik di bawah kuasa yang terkandung dalam apa-apa surat cara, amaun terhutang di bawah surat cara itu pada masa pelantikannya, dalam hal akaun pertama, dan pada habis tempoh tiap-tiap enam bulan selepas pelantikannya dan, jika dia terhenti daripada bertindak sebagai penerima atau penerima dan pengurus pada tarikh dia terhenti daripada bertindak sebagai penerima atau penerima dan pengurus, dan anggarannya tentang jumlah keseluruhan nilai semua aset syarikat atau perbadanan lain yang tertakluk kepada surat cara itu; dan

*(b)* sebelum menyerah simpan akaun itu, menentusahkan melalui afidavit semua akaun dan pernyataan yang disebut dalam akaun itu.

(2) Pendaftar boleh menyebabkan akaun itu diaudit oleh juruaudit syarikat diluluskan yang dilantik oleh Pendaftar atas usulnya sendiri atau atas permohonan syarikat atau perbadanan lain atau seseorang pemiutang.

(3) Bagi maksud audit di bawah subseksyen (2), penerima atau penerima dan pengurus hendaklah memberi juruaudit apa-apa baucar dan maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh penerima atau penerima dan pengurus dan juruaudit itu boleh pada bila-bila masa menghendaki pengemukaan dan pemeriksaan apa-apa buku akaun yang disimpan oleh penerima atau penerima dan pengurus atau apa-apa dokumen atau rekod lain yang berhubungan dengan audit itu.

(4) Pendaftar boleh menghendaki pemohon di bawah subseksyen (2) supaya memberikan jaminan bagi pembayaran kos audit.

(5) Kos suatu audit di bawah subseksyen (2) hendaklah ditetapkan oleh Pendaftar dan dibayar oleh penerima atau penerima dan pengurus melainkan jika Pendaftar menentukan selainnya.

(6) Tiap-tiap penerima atau penerima dan pengurus yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pembayaran hutang tertentu yang tertakluk kepada gadaian terapung diberikan keutamaan daripada tuntutan di bawah gadaian**

**392.** (1) Jika seseorang penerima atau penerima dan pengurus dilantik bagi pihak pemegang apa-apa debentur suatu syarikat yang dijamin oleh suatu gadaian terapung atau milikan diambil oleh atau bagi pihak pemegang debentur bagi mana-mana harta yang termasuk dalam atau tertakluk kepada gadaian terapung, maka jika syarikat itu tidak digulung pada masa itu, hendaklah dibayar daripada aset yang diterima oleh penerima atau penerima dan pengurus atau orang lain yang mengambil milikan dengan diberikan keutamaan daripada pemegang debentur yang berikut:

*(a)* pertama, kos, perbelanjaan dan saraan penerima atau penerima dan pengurus dan apa-apa tanggung rugi yang kepadanya penerima atau penerima dan pengurus itu berhak daripada harta syarikat;

*(b)* kedua, segala upah dan gaji, termasuk apa-apa amaun yang kena dibayar secara elaun atau pembayaran balik di bawah mana-mana kontrak pekerjaan atau award atau perjanjian yang mengawal selia syarat pekerjaan, sama ada diperoleh sepenuhnya atau sebahagiannya melalui komisen atau tidak, mana-mana pekerja berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan olehnya kepada syarikat selama tempoh empat bulan sebelum tarikh pelantikan penerima atau penerima dan pengurus sehingga suatu amaun yang tidak melebihi lima belas ribu ringgit;

*(c)* ketiga, segala saraan yang kena dibayar kepada mana-mana pekerja berkenaan dengan cuti rehat, atau dalam hal kematian pekerja itu kepada mana-mana orang lain mengikut haknya, yang terakru berkenaan dengan apa-apa tempoh sebelum tarikh pelantikan penerima atau penerima dan pengurus; dan

*(d)* keempat, semua amaun yang kena dibayar berkenaan dengan sumbangan yang kena dibayar, termasuk bahagian pekerja yang telah dipotong tetapi tidak dibayar, sepanjang dua belas bulan yang berikut sebelum tarikh pelantikan penerima atau penerima dan pengurus, oleh syarikat sebagai majikan mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan caruman keselamatan sosial pekerja dan persaraan atau kumpulan wang simpanan atau di bawah apa-apa skim persaraan atau faedah persaraan yang merupakan suatu skim diluluskan di bawah undang-undang persekutuan yang berhubungan dengan cukai pendapatan.

(2) Hutang dalam setiap kelas yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah mengikut susunan tetapi antara hutang daripada kelas yang sama hendaklah berada pada kedudukan *pari passu* antara hutang itu, dan hendaklah dibayar sepenuhnya, melainkan jika harta syarikat tidak mencukupi untuk menjelaskan hutang itu, yang dalam hal sedemikian hutang itu hendaklah dikurangkan mengikut kadar yang sama.

(3) Jika apa-apa bayaran dibuat kepada mana-mana pekerja syarikat bagi upah, gaji atau cuti rehat daripada wang yang didahulukan oleh seseorang bagi maksud itu, orang yang melaluinya wang itu didahulukan hendaklah, dalam kuasa penerima, mempunyai hak keutamaan berkenaan dengan wang yang didahulukan sedemikian dan yang dibayar, setakat amaun yang jumlah wang yang berkenaan dengannya pekerja itu sepatutnya berhak kepada keutamaan dalam kuasa penerima dikurangkan disebabkan bayaran itu, dan hendaklah mempunyai hak keutamaan yang sama berkenaan dengan amaun itu sebagaimana yang sepatutnya dipunyai oleh pekerja itu jika bayaran itu tidak dibuat.

(4) Jika syarikat berada di bawah kontrak insurans, yang dibuat sebelum tarikh pelantikan penerima atau penerima dan pengurus, yang dijamin terhadap liabiliti pihak ketiga, maka jika apa-apa liabiliti dilakukan oleh syarikat, sama ada sebelum atau selepas tarikh pelantikan penerima atau penerima dan pengurus, dan suatu amaun berkenaan dengan liabiliti itu diterima atau telah diterima oleh syarikat atau penerima atau penerima dan pengurus daripada penanggung insurans, amaun itu hendaklah, selepas menolak apa-apa perbelanjaan dalam mendapatkan amaun itu atau yang

bersampingan dengannya, dibayar oleh penerima atau penerima dan pengurus kepada pihak ketiga itu yang berkenaan dengannya liabiliti itu dilakukan setakat yang perlu untuk melepaskan liabiliti itu atau mana-mana bahagian liabiliti itu yang masih belum dilepaskan dengan diberikan keutamaan daripada segala bayaran berkenaan dengan hutang yang disebut dalam subseksyen (1).

(5) Apa-apa bayaran yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah didapatkan setakat yang boleh daripada aset syarikat yang tersedia bagi pembayaran pemiutang am.

(6) Jika sesuatu permintaan dibuat oleh atau dengan persetujuan penerima atau penerima dan pengurus bagi pemberian apa-apa bekalan termasuk air, elektrik, gas dan telekomunikasi, selepas pelantikan penerima atau penerima dan pengurus, pembekal boleh menjadikannya suatu syarat pemberian bekalan yang penerima atau penerima dan pengurus sendiri menjamin pembayaran apa-apa caj berkenaan dengan bekalan yang diberikan selepas pelantikannya.

(7) Walau apa pun subseksyen (6), pembekal tidak boleh menjadikannya syarat pemberian bekalan, atau melakukan apa-apa jua yang mempunyai kesan untuk menjadikannya syarat pemberian bekalan, bahawa apa-apa caj tertunggak berkenaan dengan bekalan yang diberikan kepada syarikat sebelum pelantikan penerima atau penerima dan pengurus hendaklah dibayar.

**Pelaksanaan kewajipan penerima atau penerima dan pengurus, dsb., untuk menyediakan penyata**

**393.** (1) Mana-mana penerima atau penerima dan pengurus harta bagi sesuatu syarikat yang ingkar dalam menyerah simpan apa- apa penyata, akaun atau dokumen lain atau dalam memberikan apa-apa notis yang dikehendaki oleh undang-undang hendaklah membetulkan keingkaran itu dalam masa empat belas hari dari penyampaian suatu notis yang menghendakinya supaya berbuat demikian oleh mana-mana anggota atau pemiutang syarikat atau pemegang amanah bagi pemegang debentur.

(2) Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat oleh orang yang memberikan notis di bawah subseksyen (1), membuat suatu perintah yang mengarahkan penerima atau penerima dan pengurus supaya membetulkan keingkaran pada bila-bila masa sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(3) Jika didapati bahawa mana-mana penerima atau penerima dan pengurus harta bagi suatu syarikat menyalahgunakan atau memegang atau menjadi bertanggungan atau bertanggungjawab bagi apa-apa wang atau harta syarikat atau bersalah atas apa-apa misfeasans atau pecah amanah atau pelanggaran kewajipan berhubung dengan syarikat itu, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pemiutang atau penyumbang atau penyelesai, menilai pelakuan penerima atau penerima dan pengurus itu dan mengarahkan penerima atau penerima dan pengurus itu—

*(a)* supaya membayar balik atau mengembalikan wang atau harta itu atau mana-mana bahagian wang atau harta itu berserta faedah mengikut apa-apa kadar sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah; atau

*(b)* supaya menyumbang apa-apa jumlah wang kepada aset syarikat secara pampasan berkenaan dengan penyalahgunaan, pemegangan, misfeasans atau pecah amanah atau pelanggaran kewajipan itu sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah.

(4) Seksyen ini hendaklah berkuat kuasa walaupun kesalahan itu merupakan suatu kesalahan yang baginya pesalah bertanggungan secara jenayah.

## Penggal 8

## *Mekanisme Penyelamat Korporat*

### Tafsiran

**394.** Bagi maksud Penggal ini—

"penama" ertinya mana-mana orang yang layak untuk dilantik sebagai pengamal insolvensi yang kuasa dan kewajipannya hendaklah termasuk kuasa dan kewajipan yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh;

"perkiraan sukarela" ertinya suatu persetujuan penyelesaian bagi menjelaskan hutang suatu syarikat atau skim perkiraan tentang hal ehwal syarikat di bawah Subpenggal 1.

Subpenggal 1

*Perkiraan Sukarela Korporat*

**Ketidakpakaian Subpenggal ini**

**395.** Subpenggal ini tidak terpakai bagi—

*(a)* syarikat awam;

*(b)* syarikat yang merupakan institusi berlesen atau pengendali sistem pembayaran ditetapkan yang dikawal selia di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia;

*(c)* syarikat yang tertakluk kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan

*(d)* syarikat yang mewujudkan suatu gadaian ke atas hartanya atau mana-mana pengusahaannya.

**Orang yang boleh mencadangkan perkiraan sukarela**

**396.** (1) Pengarah sesuatu syarikat selain syarikat yang berada di bawah perintah pengurusan kehakiman atau yang digulung boleh membuat cadangan kepada syarikat itu dan kepada pemiutangnya bagi suatu perkiraan sukarela di bawah Subpenggal ini.

(2) Cadangan bagi suatu perkiraan sukarela di bawah Subpenggal ini hendaklah termasuk pelantikan seorang penama sama ada sebagai pemegang amanah atau penyelia bagi maksud menyelia pelaksanaan perkiraan sukarela itu.

(3) Suatu cadangan bagi perkiraan sukarela boleh juga dibuat—

*(a)* oleh pengurus kehakiman jika suatu syarikat berada di bawah perintah pengurusan kehakiman; atau

*(b)* oleh penyelesai jika suatu syarikat digulung,

yang boleh juga menjadi penama bagi perkiraan sukarela itu.

(4) Dalam hal jika penyelesai ialah Pegawai Penerima, penama hendaklah merupakan seorang pengamal insolvensi.

**Cadangan bagi perkiraan sukarela**

**397.** (1) Jika pengarah suatu syarikat atau Pegawai Penerima berniat untuk membuat cadangan bagi suatu perkiraan sukarela, pengarah atau Pegawai Penerima itu hendaklah melantik penama dan hendaklah mengemukakan dokumen yang berikut kepada penama:

*(a)* suatu dokumen yang menyatakan terma perkiraan sukarela yang dicadangkan; dan

*(b)* suatu pernyataan tentang hal ehwal syarikat yang mengandungi—

(i) butir-butir tentang pemiutang syarikat dan tentang hutangnya dan liabiliti lain dan tentang asetnya; dan

(ii) maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh penama bagi mematuhi subseksyen (2).

(2) Bagi maksud subseksyen (1), penama hendaklah mengemukakan kepada pengarah, suatu pernyataan yang menunjukkan sama ada atau tidak, pada pendapatnya—

*(a)* perkiraan sukarela yang dicadangkan mempunyai peluang yang munasabah untuk diluluskan dan dilaksanakan;

*(b)* syarikat berkemungkinan mempunyai dana yang mencukupi yang tersedia bagi syarikat sepanjang moratorium yang dicadangkan untuk membolehkan syarikat itu menjalankan perniagaannya; dan

*(c)* bahawa mesyuarat syarikat dan pemiutangnya hendaklah dipanggil untuk menimbangkan perkiraan sukarela yang dicadangkan.

(3) Penama berhak untuk bergantung kepada maklumat yang dikemukakan kepadanya di bawah subseksyen (1) dalam merumuskan pendapatnya mengenai perkara yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) melainkan jika penama itu mempunyai sebab untuk meragui tentang ketepatannya.

**Moratorium**

**398.** (1) Suatu moratorium dalam perkiraan sukarela bermula secara automatik dari masa pemfailan dokumen yang berikut oleh syarikat dengan Mahkamah:

*(a)* suatu dokumen yang menyatakan terma perkiraan sukarela yang dicadangkan;

*(b)* suatu pernyataan tentang hal ehwal syarikat yang mengandungi—

(i) butir-butir tentang pemiutang syarikat dan tentang hutangnya dan liabiliti lain dan tentang asetnya; dan

(ii) maklumat lain;

*(c)* suatu pernyataan bahawa syarikat itu layak bagi moratorium;

*(d)* suatu pernyataan daripada penama bahawa dia memberikan persetujuannya untuk bertindak;

*(e)* suatu pernyataan daripada penama; dan

*(f)* suatu pernyataan yang menzahirkan butir-butir lengkap tentang perkiraan sukarela yang dicadangkan terdahulu atau suatu permohonan bagi moratorium dan keputusan permohonan itu, jika ada.

(2) Jadual Kelapan hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan—

*(a)* syarikat yang layak bagi moratorium;

*(b)* tempoh dan pelanjutan moratorium;

*(c)* kesan moratorium; dan

*(d)* tatacara yang terpakai berhubung dengan kelulusan dan pelaksanaan perkiraan sukarela jika moratorium itu sedang atau telah berkuat kuasa.

**Panggilan mesyuarat**

**399.** (1) Jika suatu moratorium berkuat kuasa, penama hendaklah memanggil mesyuarat syarikat dan mesyuarat pemiutangnya pada masa, tarikh dan di tempat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh penama dalam tempoh yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan.

(2) Tiap-tiap pemiutang syarikat yang tuntutan dan alamatnya diketahui oleh penama hendaklah dipanggil ke mesyuarat pemiutang di bawah seksyen ini.

(3) Sesuatu mesyuarat yang dipanggil di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan mengikut kaedah-kaedah mesyuarat di bawah Penggal 5 Bahagian III.

**Keputusan mesyuarat**

**400.** (1) Sesuatu mesyuarat yang dipanggil di bawah seksyen 399 hendaklah memutuskan sama ada untuk meluluskan perkiraan sukarela yang dicadangkan atau selainnya.

(2) Majoriti yang diperlukan untuk meluluskan suatu cadangan bagi perkiraan sukarela dalam mesyuarat pemiutang adalah tujuh puluh lima peratus daripada jumlah keseluruhan nilai pemiutang yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat itu sama ada dengan sendiri atau melalui proksi.

(3) Suatu majoriti mudah dikehendaki bagi meluluskan suatu ketetapan untuk meluluskan cadangan bagi perkiraan sukarela dalam suatu mesyuarat anggota.

(4) Sesuatu mesyuarat yang dipanggil di bawah seksyen 399 tidak boleh meluluskan apa-apa cadangan yang menjejaskan hak pemiutang bercagar syarikat untuk melaksanakan jaminannya, kecuali dengan persetujuan pemiutang bercagar yang berkenaan.

(5) Apabila diluluskan melalui majoriti yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) dan (3), perkiraan sukarela yang dicadangkan hendaklah berkuat kuasa dan mengikat semua pemiutang syarikat sama ada pemiutang itu mengundi dengan memihak kepada cadangan itu atau tidak.

(6) Sesuatu ubah suaian berkenaan dengan cadangan tidak boleh dibenarkan dibuat dalam mana-mana mesyuarat di bawah seksyen 399.

(7) Selepas tamat setiap mesyuarat yang diadakan di bawah subseksyen (2) dan (3), penama hendaklah melaporkan keputusan mesyuarat kepada Mahkamah dan hendaklah memberikan notis tentang keputusan itu kepada Pendaftar dan kepada mana-mana orang atau badan lain sebagaimana yang diluluskan oleh Mahkamah.

**Pelaksanaan cadangan**

**401.** (1) Orang yang pada masa ini menjalankan, berhubung dengan perkiraan sukarela, fungsi yang diberikan—

*(a)* kepada penama menurut kuasa kelulusan yang diberikan dalam satu atau kedua-dua mesyuarat yang dipanggil di bawah seksyen 399; atau

*(b)* kepada mana-mana orang lain selain penama yang merupakan seorang pengamal insolvensi,

hendaklah dikenali sebagai penyelia perkiraan sukarela.

(2) Mahkamah boleh mengarahkan supaya penama digantikan oleh orang yang lain yang layak untuk bertindak sebagai penama berhubung dengan perkiraan sukarela atas permohonan—

*(a)* oleh pengarah atau Pegawai Penerima dalam hal jika penama tidak mematuhi mana-mana kewajipan yang dikenakan ke atas penama di bawah Jadual Ketujuh atau penama telah mati; atau

*(b)* oleh pengarah atau Pegawai Penerima atau penama dalam hal jika tidak sesuai bagi penama untuk terus bertindak.

(3) Seseorang hanya boleh dilantik sebagai penama gantian di bawah Jadual Ketujuh jika orang itu mengemukakan suatu pernyataan yang menyatakan persetujuannya untuk bertindak sebagai penama kepada Mahkamah.

(4) Jika mana-mana pemiutang syarikat atau mana-mana orang lain tidak berpuas hati dengan apa-apa perbuatan, peninggalan atau keputusan penyelia, pemiutang syarikat itu boleh merayu kepada Mahkamah dan setelah menerima permohonan rayuan itu, Mahkamah boleh—

*(a)* mengesahkan, mengakas atau mengubah suai apa-apa perbuatan atau keputusan penyelia;

*(b)* memberikan arahan kepada penyelia; atau

*(c)* membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah.

(5) Penyelia boleh memohon kepada Mahkamah bagi arahan berhubung dengan apa-apa perkara tertentu yang berbangkit di bawah perkiraan sukarela dan termasuk dalam kalangan orang yang boleh memohon kepada Mahkamah bagi penggulungan syarikat atau bagi suatu perintah pengurusan kehakiman dibuat berhubung dengan penggulungan syarikat.

(6) Mahkamah boleh membuat suatu perintah yang melantik seseorang yang layak untuk bertindak sebagai pengamal insolvensi atau diberi kuasa untuk bertindak sebagai penyelia, berhubung dengan perkiraan sukarela, sama ada sebagai pengganti bagi penyelia sedia ada atau untuk mengisi kekosongan jika—

*(a)* adalah suai manfaat untuk melantik seseorang bagi menjalankan fungsi penyelia; dan

*(b)* adalah tidak suai manfaat, sukar atau tidak praktik bagi suatu pelantikan dibuat tanpa bantuan Mahkamah.

(7) Kuasa yang diberikan oleh subseksyen (6) boleh dijalankan—

*(a)* untuk meningkatkan bilangan orang yang menjalankan fungsi seseorang penyelia; atau

*(b)* untuk menggantikan satu daripada orang itu atau lebih jika terdapat lebih daripada satu orang yang menjalankan fungsi itu.

**Perkiraan yang berakhir sebelum waktunya**

**402.** Bagi maksud Subpenggal ini, suatu perkiraan sukarela yang kelulusan baginya telah berkuat kuasa di bawah seksyen 401 berakhir sebelum waktunya jika perkiraan sukarela itu tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya berkenaan dengan semua orang yang terikat dengan perkiraan itu menurut kuasa subseksyen 400(5) apabila perkiraan sukarela itu terhenti berkuat kuasa.

Subpenggal 2

*Pengurusan Kehakiman*

**Ketidakpakaian Subpenggal ini**

**403.** Subpenggal ini tidak terpakai bagi—

*(a)* syarikat yang merupakan suatu institusi berlesen atau pengendali sistem pembayaran ditetapkan yang dikawal selia di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia; dan

*(b)* syarikat yang tertakluk kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

**Permohonan kepada Mahkamah bagi syarikat diletakkan di bawah pengurusan kehakiman dan bagi pelantikan pengurus kehakiman**

**404.** Suatu permohonan bagi perintah supaya sesuatu syarikat ditempatkan di bawah pengurusan kehakiman dan bagi pelantikan pengurus kehakiman boleh dibuat kepada Mahkamah oleh syarikat atau pemiutang syarikat jika syarikat atau pemiutang syarikat itu menganggap bahawa—

*(a)* syarikat tidak mampu atau akan menjadi tidak mampu untuk membayar hutangnya; dan

*(b)* terdapat kebarangkalian yang munasabah untuk memulihkan syarikat atau mengekalkan semua atau sebahagian daripada perniagaannya sebagai suatu usaha berterusan atau supaya selainnya kepentingan pemiutang lebih terjaga daripada mengambil keputusan untuk menggulung syarikat.

**Kuasa Mahkamah untuk membuat perintah pengurusan kehakiman dan melantik pengurus kehakiman**

**405.** (1) Jika suatu syarikat atau pengarahnya, di bawah suatu ketetapan anggotanya atau lembaga pengarah, atau pemiutang, termasuklah mana-mana pemiutang luar jangka atau prospektif

atau semua atau mana-mana pihak itu, bersama-sama atau secara berasingan, membuat permohonan di bawah seksyen 404, Mahkamah boleh membuat suatu perintah pengurusan kehakiman berhubung dengan syarikat itu jika—

*(a)* Mahkamah berpuas hati bahawa syarikat itu tidak mampu atau akan menjadi tidak mampu untuk membayar hutangnya; dan

*(b)* Mahkamah menganggap bahawa pembuatan perintah itu berkemungkinan mencapai satu daripada tujuan yang berikut atau lebih:

(i) penerusan syarikat itu, atau keseluruhan atau sebahagian daripada pengusahaannya sebagai suatu usaha berterusan;

(ii) kelulusan di bawah seksyen 366 daripada suatu kompromi atau perkiraan antara syarikat itu dengan mana-mana orang yang disebut dalam seksyen itu;

(iii) penghasilan aset syarikat yang lebih menguntungkan dapat dilaksanakan berbanding dengan penggulungan.

(2) Setelah mendengar permohonan bagi suatu perintah pengurusan kehakiman, Mahkamah boleh menolak permohonan itu atau menangguhkan pendengaran itu dengan syarat atau tanpa syarat atau membuat suatu perintah interim atau apa-apa perintah lain yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah.

(3) Apa-apa perintah pengurusan kehakiman yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengarahkan bahawa sepanjang tempoh yang perintah itu berkuat kuasa, hal ehwal, urusan dan harta syarikat hendaklah diuruskan oleh seorang pengurus kehakiman yang dilantik oleh Mahkamah.

(4) Kos dan perbelanjaan mana-mana permohonan yang tidak berjaya bagi perintah pengurusan kehakiman yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, ditanggung oleh pemohon dan, jika Mahkamah berpendapat bahawa permohonan itu adalah remeh atau menyusahkan, Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah untuk membetulkan apa-apa ketidakadilan yang mungkin berlaku sebagaimana yang difikirkan adil dan saksama oleh Mahkamah.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang Mahkamah—

*(a)* daripada membuat suatu perintah pengurusan kehakiman dan melantik seorang pengurus kehakiman jika Mahkamah berpendapat kepentingan awam menghendaki sedemikian; atau

*(b)* daripada melantik, selepas suatu permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman dibuat dan atas permohonan orang yang memohon perintah pengurusan kehakiman itu, seorang pengurus kehakiman interim, sementara menunggu suatu perintah pengurusan kehakiman dibuat, dan pengurus kehakiman interim itu boleh menjadi orang yang dinamakan dalam permohonan itu dan boleh menjalankan apa-apa fungsi, kuasa dan kewajipan sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahkamah dalam perintah interim itu.

(6) Suatu perintah pengurusan kehakiman tidak boleh dibuat berhubung dengan suatu syarikat selepas syarikat itu berada dalam penyelesaian.

(7) Bagi maksud Subpenggal ini, "harta" berhubung dengan suatu syarikat termasuk wang, barang, benda dalam tindakan dan tiap-tiap perihal harta, sama ada harta tanah atau harta persendirian, dan sama ada di Malaysia atau di tempat lain, dan juga obligasi dan tiap-tiap perihal kepentingan sama ada pada masa ini atau pada masa hadapan atau terletak hak atau kontingen yang berbangkit daripada atau bersampingan dengan harta.

(8) Takrif "ketidakmampuan untuk membayar hutang" dalam seksyen 466 hendaklah terpakai bagi maksud seksyen ini sebagaimana yang takrif itu terpakai bagi maksud Subpenggal 7 Penggal 1 Bahagian IV.

**Tempoh perintah pengurusan kehakiman dan pelanjutannya**

**406.** (1) Suatu perintah pengurusan kehakiman hendaklah terus berkuat kuasa selama tempoh enam bulan dari tarikh perintah itu dibuat, melainkan jika pengurusan kehakiman itu dilepaskan selainnya, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang pengurus kehakiman, melanjutkan tempoh ini selama enam bulan lagi tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.

(2) Jika suatu permohonan untuk melanjutkan tempoh selama enam bulan lagi sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) dibuat, pengurus kehakiman hendaklah memberikan notis mengenai permohonan itu kepada—

*(a)* semua pengarah;

*(b)* semua anggota;

*(c)* semua pemiutang; dan

*(d)* mana-mana orang yang berhak untuk melantik penerima atau penerima dan pengurus,

syarikat, dan tempoh itu tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada apa-apa tempoh had masa sebagaimana yang dinyatakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(3) Pemohon hendaklah memberitahu Pendaftar tentang apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

**Penamaan bagi pengurus kehakiman**

**407.** (1) Dalam mana-mana permohonan bagi suatu perintah pengurusan kehakiman di bawah seksyen 404, pemohon hendaklah menamakan seseorang yang merupakan pengamal insolvensi, yang bukan juruaudit syarikat, untuk bertindak sebagai pengurus kehakiman.

(2) Mahkamah boleh menolak penamaan daripada pemohon di bawah subseksyen (1) dan boleh melantik orang lain yang merupakan pengamal insolvensi sebagai pengurus kehakiman.

(3) Jika suatu penamaan dibuat oleh syarikat di bawah subseksyen (1), suatu majoriti dalam nilai pemiutang, termasuklah pemiutang luar jangka atau prospektif boleh didengari sebagai penentangan terhadap penamaan itu dan Mahkamah boleh, jika berpuas hati tentang nilai tuntutan pemiutang dan tentang alasan penentangan itu—

*(a)* mempelawa pemiutang itu untuk menamakan seseorang yang merupakan pengamal insolvensi untuk bertindak sebagai pengurus kehakiman; dan

*(b)* menerima pakai penamaan itu jika difikirkan sesuai oleh Mahkamah.

(4) Seorang pengurus kehakiman adalah berhak untuk menerima apa-apa gaji atau saraan secara peratusan atau selainnya sebagaimana yang ditentukan—

*(a)* melalui perjanjian antara pengurus kehakiman dengan syarikat atau pemiutang, mengikut mana-mana yang berkenaan;

*(b)* jika tiada perjanjian sedemikian, melalui suatu ketetapan yang diluluskan pada mesyuarat pemiutang oleh suatu majoriti yang tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus daripada nilai dan pemiutang yang hadir dengan sendiri atau melalui proksi dan mengundi dalam mesyuarat itu dan yang hutangnya telah diterima masuk ke dalam undi, yang mesyuarat hendaklah diadakan oleh pengurus kehakiman melalui suatu notis kepada setiap pemiutang yang kepada notis hendaklah dilampirkan penyata semua resit dan perbelanjaan oleh pengurus kehakiman dan amaun saraan yang diminta olehnya; atau

*(c)* jika tiada penentuan mengikut cara yang disebut dalam perenggan *(a)* atau *(b)*, oleh Mahkamah.

**Notis permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman**

**408.** (1) Apabila suatu permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman dibuat kepada Mahkamah, pemohon hendaklah menyebabkan notis tentang permohonan itu—

*(a)* diiklankan dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris; dan

*(b)* hendaklah diberikan—

(i) kepada syarikat, dalam hal jika pemiutang ialah pemohon; dan

(ii) kepada mana-mana orang yang melantik atau berhak atau berkemungkinan berhak untuk melantik penerima atau penerima dan pengurus bagi keseluruhan, atau sebahagian besar keseluruhan harta suatu syarikat di bawah terma apa-apa debentur suatu syarikat.

(2) Pemohon hendaklah memberitahu Pendaftar tentang apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

**Penolakan permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman**

**409.** Tertakluk kepada subseksyen 405(5), Mahkamah hendaklah menolak suatu permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman jika Mahkamah berpuas hati bahawa—

*(a)* penerima atau penerima dan pengurus yang disebut dalam subperenggan 408(1)*(b)*(ii) telah atau akan dilantik; dan

*(b)* pembuatan perintah itu ditentang oleh seorang pemiutang bercagar.

**Kesan permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman**

**410.** Sepanjang tempoh yang bermula dengan pembuatan suatu permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman dan yang berakhir dengan pembuatan perintah itu atau penolakan permohonan itu—

*(a)* tiada ketetapan boleh diluluskan atau perintah dibuat bagi penggulungan syarikat;

*(b)* tiada langkah-langkah boleh diambil untuk menguatkuasakan apa-apa gadaian ke atas atau jaminan ke atas harta syarikat atau untuk memiliki semula apa-apa barang dalam milikan syarikat di bawah mana-mana perjanjian sewa beli, perjanjian pemajakan catel atau perjanjian pemegangan hakmilik, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah; dan

*(c)* tiada prosiding lain dan tiada pelaksanaan atau proses undang-undang lain boleh dimulakan atau diteruskan dan tiada distres boleh dikenakan terhadap syarikat atau hartanya kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.

**Kesan perintah pengurusan kehakiman**

**411.** (1) Apabila perintah pengurusan kehakiman dibuat—

*(a)* mana-mana penerima atau penerima dan pengurus hendaklah mengosongkan jawatan; dan

*(b)* apa-apa permohonan bagi penggulungan syarikat hendaklah ditolak.

(2) Jika mana-mana penerima atau penerima dan pengurus mengosongkan jawatan di bawah perenggan (1)*(a)*—

*(a)* saraannya dan perbelanjaan yang dilakukan dengan sepatutnya oleh penerima atau penerima dan pengurus itu; dan

*(b)* apa-apa ganti rugi yang baginya penerima atau penerima dan pengurus itu berhak daripada aset syarikat,

hendaklah dicajkan kepada dan, tertakluk kepada subseksyen (4), dibayar daripada apa-apa harta yang berada dalam jagaannya atau di bawah kawalannya pada masa itu dengan memberikan keutamaan kepada apa-apa jaminan yang dipegang oleh orang itu yang olehnya atau bagi pihaknya penerima atau penerima dan pengurus itu dilantik.

(3) Tiada penerima atau penerima dan pengurus sesuatu syarikat yang mengosongkan jawatan di bawah perenggan (1)*(a)* boleh dikehendaki supaya mengambil langkah-langkah untuk mematuhi mana-mana kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atasnya oleh seksyen 391 pada atau selepas mengosongkan jawatan sedemikian.

(4) Sepanjang tempoh yang suatu perintah pengurusan kehakiman berkuat kuasa—

*(a)* tiada ketetapan boleh diluluskan atau perintah dibuat bagi penggulungan syarikat;

*(b)* tiada penerima atau penerima dan pengurus daripada jenis yang disebut dalam seksyen 374 boleh dilantik;

*(c)* tiada prosiding lain dan tiada pelaksanaan atau proses undang-undang lain boleh dimulakan atau diteruskan dan tiada distres boleh dikenakan terhadap syarikat atau hartanya kecuali dengan persetujuan pengurus kehakiman atau dengan keizinan Mahkamah dan, jika Mahkamah memberikan keizinan, tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;

*(d)* tiada langkah boleh diambil untuk menguatkuasakan jaminan ke atas harta syarikat atau untuk memiliki semula apa-apa barang dalam milikan syarikat di bawah mana-mana perjanjian sewa beli, perjanjian pemajakan catel atau perjanjian pemegangan hakmilik, kecuali dengan persetujuan pengurus kehakiman atau keizinan Mahkamah dan tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah; dan

*(e)* tiada langkah boleh diambil untuk memindahkan apa-apa syer syarikat atau untuk mengubah kedudukan mana-mana anggota syarikat kecuali dengan keizinan Mahkamah dan, jika Mahkamah memberikan keizinan, tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.

**Pemberitahuan bahawa suatu syarikat berada di bawah perintah pengurusan kehakiman**

**412.** (1) Jika seorang pengurus kehakiman dilantik, tiap-tiap invois, pesanan bagi barang atau perkhidmatan, surat urusan atau borang pesanan sama ada dalam bentuk salinan cetak atau elektronik yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak syarikat atau pengurus kehakiman dan yang atasnya terdapat nama syarikat, dan tiap-tiap laman sesawang rasmi syarikat jika terdapat nama syarikat hendaklah mengandungi suatu pernyataan bahawa hal ehwal, urusan dan harta syarikat sedang diuruskan oleh pengurus kehakiman.

(2) Syarikat, pengurus kehakiman dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kekosongan dalam pelantikan pengurus kehakiman**

**413.** Jika sesuatu kekosongan berlaku disebabkan kematian, peletakan jawatan atau selainnya dalam jawatan seseorang pengurus kehakiman bagi sesuatu syarikat, Mahkamah boleh, atas permohonan syarikat itu atau mana-mana pemiutang syarikat itu, melalui perintah, mengisi kekosongan itu.

**Kuasa dan kewajipan am pengurus kehakiman**

**414.** (1) Selepas suatu perintah pengurusan kehakiman dibuat, pengurus kehakiman hendaklah meletakkan dalam jagaannya atau di bawah kawalannya segala harta yang kepadanya syarikat berhak atau didapati berhak.

(2) Sepanjang tempoh yang suatu perintah pengurusan kehakiman berkuat kuasa, segala kuasa yang diberikan dan kewajipan yang dikenakan ke atas pengarah oleh Akta ini atau oleh perlembagaan syarikat hendaklah dijalankan dan dilaksanakan oleh pengurus kehakiman dan bukan oleh pengarah itu, tetapi tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh menghendaki pengurus kehakiman itu supaya memanggil apa-apa mesyuarat syarikat.

(3) Pengurus kehakiman suatu syarikat hendaklah—

*(a)* melakukan segala benda sebagaimana yang perlu bagi pengurusan hal ehwal, perniagaan dan harta syarikat itu; dan

*(b)* melakukan segala benda lain sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(4) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (3)*(a)*, kuasa yang diberikan oleh subseksyen itu hendaklah termasuk kuasa yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan.

(5) Pengurus kehakiman boleh memohon kepada Mahkamah bagi arahan berhubung dengan apa-apa perkara tertentu yang berbangkit berkaitan dengan penjalanan fungsinya.

(6) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh dianggap sebagai membenarkan pengurus kehakiman bagi suatu syarikat untuk membuat apa-apa bayaran bagi menjelaskan apa-apa hutang yang kepadanya syarikat itu tertakluk apabila perintah pengurusan kehakiman dibuat melainkan jika—

*(a)* bayaran yang dibuat itu dibenarkan oleh Mahkamah atau bayaran itu dibuat di bawah suatu kompromi atau perkiraan yang dibenarkan sedemikian; atau

*(b)* bayaran itu dibuat bagi menjelaskan jumlah yang dijamin oleh suatu jaminan atau yang kena dibayar di bawah suatu perjanjian sewa beli, perjanjian pemajakan catel atau perjanjian pemegangan hakmilik yang kepadanya seksyen 415 terpakai.

(7) Jika suatu permintaan dibuat oleh atau dengan persetujuan pengurus kehakiman bagi pemberian apa-apa bekalan termasuklah air, elektrik, gas dan telekomunikasi, selepas perintah pengurusan kehakiman dibuat—

*(a)* pembekal boleh menjadikannya syarat pemberian bekalan itu yang pengurus kehakiman sendiri menjamin pembayaran apa-apa caj berkenaan dengan bekalan yang diberikan selepas pelantikan pengurus kehakiman; atau

*(b)* pembekal tidak boleh menjadikannya syarat pemberian bekalan itu, atau melakukan apa-apa jua yang mempunyai kesan untuk menjadikannya syarat pemberian bekalan itu, bahawa apa-apa caj tertunggak berkenaan dengan bekalan yang diberikan kepada syarikat sebelum perintah pengurusan kehakiman dibuat hendaklah dibayar.

(8) Pengurus kehakiman bagi sesuatu syarikat boleh memanggil mesyuarat pemiutang syarikat, jika difikirkannya sesuai, dan hendaklah memanggil mesyuarat sedemikian jika dia diarahkan untuk berbuat demikian oleh Mahkamah.

(9) Apa-apa pengubahan dalam perlembagaan yang dibuat menurut kuasa suatu perintah di bawah perenggan (3)*(b)* mempunyai kesan yang sama seolah-olah dibuat dengan sewajarnya melalui ketetapan syarikat, dan peruntukan Akta ini terpakai bagi perlembagaan itu sebagaimana yang diubah dengan sewajarnya sedemikian.

(10) Pengurus kehakiman hendaklah menyerahkan suatu salinan pejabat bagi perintah yang membenarkan pengubahan perlembagaan di bawah perenggan (3)*(b)* kepada Pendaftar dalam masa empat belas hari dari perintah itu dibuat.

(11) Seseorang yang berurusan dengan pengurus kehakiman sesuatu syarikat dengan suci hati dan bagi nilai tidak perlu mengambil tahu dengan bertanya sama ada pengurus kehakiman bertindak mengikut kuasanya.

**Kuasa untuk berurusan dengan harta yang digadaikan, dsb.**

**415.** (1) Pengurus kehakiman bagi suatu syarikat boleh melupuskan atau selainnya menjalankan kuasanya berhubung dengan mana- mana harta syarikat yang tertakluk kepada suatu jaminan yang kepadanya, sebagaimana yang diwujudkan, ialah gadaian terapung.

(2) Jika, atas permohonan oleh pengurus kehakiman bagi suatu syarikat, Mahkamah berpuas hati bahawa pelupusan, dengan atau tanpa aset lain—

*(a)* mana-mana harta syarikat yang tertakluk kepada suatu jaminan selain gadaian terapung; atau

*(b)* apa-apa barang di bawah suatu perjanjian sewa beli, perjanjian pemajakan catel atau perjanjian pemegangan hakmilik,

berkemungkinan untuk menganjurkan satu tujuan yang dinyatakan dalam perintah pengurusan kehakiman atau lebih, Mahkamah boleh, melalui perintah, membenarkan pengurus kehakiman itu untuk melupuskan harta itu seolah-olah harta itu tidak tertakluk kepada jaminan atau untuk melupuskan barang itu seolah-olah segala hak pemunya di bawah perjanjian sewa beli terletak hak pada syarikat itu.

(3) Pengurus kehakiman hendaklah menghantar suatu salinan perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) kepada Pendaftar dalam masa empat belas hari dari perintah itu dibuat.

(4) Pengurus kehakiman yang membuat permohonan kepada Mahkamah untuk melupuskan harta yang tertakluk kepada jaminan di bawah subseksyen (2) hendaklah memberikan notis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum permohonan itu dibuat, kepada pemegang jaminan atau kepada pemunya barang yang tertakluk kepada mana-mana perjanjian yang disebut dalam subseksyen itu dan pemegang jaminan atau pemunya itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menentang pelupusan harta itu.

(5) Jika apa-apa harta dilupuskan di bawah subseksyen (1), pemegang jaminan hendaklah mempunyai keutamaan yang sama berkenaan dengan apa-apa harta syarikat yang dilupuskan sebagaimana yang sepatutnya dipunyai olehnya berkenaan dengan harta itu yang tertakluk kepada jaminan.

(6) Menjadi suatu syarat perintah yang dibuat di bawah ubseksyen (2) bahawa hasil bersih daripada pelupusan hendaklah digunakan bagi menjelaskan jumlah wang yang dijamin oleh jaminan atau yang kena dibayar di bawah perjanjian sewa beli, perjanjian pemajakan catel atau perjanjian pemegangan hakmilik dan jika hasil bersih daripada pelupusan itu adalah kurang daripada

jumlah wang yang dijamin oleh jaminan itu atau yang kena dibayar di bawah mana-mana perjanjian itu, pemegang jaminan atau pemunya barang, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuktikan mengenai penggulungan bagi apa-apa baki yang kena dibayar kepadanya.

(7) Jika suatu syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (6) berhubung dengan dua sekuriti atau lebih, syarat itu hendaklah menghendaki supaya hasil bersih daripada pelupusan digunakan bagi menjelaskan jumlah wang yang dijamin oleh sekuriti itu mengikut susunan keutamaan sekuriti itu.

(8) Seseorang pengurus kehakiman yang, tanpa alasan yang munasabah, melanggar subseksyen (6) atau (7) melakukan suatu kesalahan dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(9) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh dianggap sebagai menjejaskan permohonan kepada Mahkamah di bawah seksyen 425.

**Agensi dan liabiliti bagi kontrak**

**416.** (1) Pengurus kehakiman atau pengurus kehakiman interim bagi suatu syarikat—

*(a)* hendaklah disifatkan sebagai ejen syarikat;

*(b)* hendaklah bertanggungan sendiri bagi apa-apa kontrak, termasuklah apa-apa kontrak pekerjaan, yang dibuat atau yang diterima pakai olehnya dalam menjalankan fungsinya, kecuali setakat yang kontrak itu atau notis di bawah subseksyen (2) memperuntukkan selainnya; dan

*(c)* adalah berhak ditanggung rugi berkenaan dengan liabiliti itu, dan dibayar saraan dan perbelanjaannya, daripada harta syarikat yang berada dalam jagaannya atau di bawah kawalannya dengan diberikan keutamaan daripada segala hutang lain kecuali yang tertakluk kepada jaminan yang kepadanya subseksyen 415(2) terpakai.

(2) Jika suatu kontrak yang dibuat oleh syarikat diterima pakai oleh pengurus kehakiman atau pengurus kehakiman interim, dia boleh, melalui notis yang diberikan kepada pihak yang satu lagi, menolak tuntutan apa-apa liabiliti diri di bawah kontrak itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, pengurus kehakiman atau pengurus kehakiman interim tidak boleh dianggap sebagai menerima pakai kontrak yang dibuat oleh syarikat disebabkan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dalam masa tiga puluh hari dari pembuatan perintah pengurusan kehakiman.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh—

*(a)* mengehadkan hak seseorang pengurus kehakiman atau pengurus kehakiman interim untuk mendapatkan ganti rugi daripada mana-mana orang lain berkenaan dengan kontrak yang dibuat olehnya yang diluluskan oleh Mahkamah; atau

*(b)* menjadikan pengurus kehakiman atau pengurus kehakiman interim bertanggungan sendiri bagi bayaran sewa di bawah pajakan yang dipegang oleh syarikat pada masa pelantikan.

**Pengosongan jawatan dan pelepasan**

**417.** (1) Pengurus kehakiman sesuatu syarikat boleh—

*(a)* pada bila-bila masa dipecat daripada jawatan melalui perintah Mahkamah; atau

*(b)* meletakkan jawatannya dengan memberikan notis tentang peletakan jawatannya kepada Mahkamah dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.

(2) Pengurus kehakiman bagi suatu syarikat hendaklah mengosongkan jawatannya jika—

*(a)* sebagai seorang pengamal insolvensi pada masa pelantikannya, dia terhenti menjadi pengamal insolvensi; atau

*(b)* perintah pengurusan kehakiman dilepaskan.

(3) Jika pada bila-bila masa seseorang terhenti menjadi pengurus kehakiman bagi suatu syarikat sama ada menurut kuasa seksyen ini atau disebabkan kematiannya—

*(a)* apa-apa jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa hutang atau liabiliti yang dilakukan semasa orang itu menjadi pengurus kehakiman di bawah kontrak yang dibuat olehnya dalam menjalankan fungsinya; dan

*(b)* apa-apa saraan dan perbelanjaan yang dilakukan olehnya dengan sepatutnya,

hendaklah dicaj kepada dan dibayar daripada harta syarikat yang dalam jagaannya atau di bawah kawalannya dengan diberikan keutamaan daripada segala hutang lain, kecuali yang tertakluk kepada jaminan yang kepadanya subseksyen 415(2) terpakai.

(4) Jika seseorang terhenti menjadi pengurus kehakiman bagi suatu syarikat, dia hendaklah, dari apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah, dilepaskan daripada apa-apa liabiliti berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan olehnya dalam pengurusan syarikat itu atau selainnya berhubung dengan pelakuannya sebagai pengurus kehakiman.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh melepaskan orang yang terhenti menjadi pengurus kehakiman sesuatu syarikat daripada apa-apa liabiliti yang disebut dalam subseksyen 424(5).

**Maklumat hendaklah diberikan oleh dan kepada pengurus kehakiman**

**418.** (1) Jika suatu perintah pengurusan kehakiman dibuat, pengurus kehakiman hendaklah—

*(a)* menghantar suatu salinan perintah itu kepada Pendaftar dan syarikat dalam masa tujuh hari dari perintah itu dibuat;

*(b)* menyiarkan suatu notis tentang perintah itu dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris; dan

*(c)* menghantar notis sedemikian kepada semua pemiutang syarikat, setakat yang pengurus kehakiman mengetahui tentang alamat dalam masa tiga puluh hari dari perintah dibuat, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya.

(2) Syarikat hendaklah mengemukakan suatu pernyataan tentang hal ehwal syarikat mengikut seksyen 419 dalam masa empat belas hari dari penerimaan perintah yang disebut dalam perenggan (1)*(a)* atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh pengurus kehakiman yang tidak patut melebihi enam puluh hari.

(3) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang munasabah, melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pernyataan hal ehwal syarikat**

**419.** (1) Pernyataan hal ehwal syarikat yang dikehendaki supaya dikemukakan kepada pengurus kehakiman di bawah subseksyen 418(2) hendaklah menunjukkan sebagaimana pada tarikh perintah pengurusan kehakiman—

*(a)* butir-butir tentang aset, hutang dan liabiliti syarikat;

*(b)* nama dan alamat pemiutangnya;

*(c)* sekuriti yang dipegang oleh pemiutang masing-masingnya;

*(d)* tarikh yang sekuriti masing-masingnya diwujudkan; dan

*(e)* apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Pernyataan hendaklah dikemukakan oleh, dan ditentusahkan melalui afidavit, sekurang-kurangnya satu daripada pengarah yang, pada tarikh perintah pengurusan kehakiman, menjadi pengarah syarikat dan sekurang-kurangnya satu orang lain yang diluluskan oleh pengurus kehakiman daripada kategori yang berikut:

*(a)* orang yang menjadi atau telah menjadi pegawai syarikat;

*(b)* orang yang mengambil bahagian dalam penubuhan syarikat pada bila-bila masa dalam masa satu tahun sebelum tarikh perintah pengurusan kehakiman; atau

*(c)* orang yang bekerja dengan syarikat termasuklah seseorang yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak bagi perkhidmatan, atau telah bekerja dengan syarikat dalam tahun itu, dan yang pada pendapat pengurus kehakiman mampu untuk memberikan maklumat yang dikehendaki.

(3) Mana-mana orang yang membuat pernyataan dan afidavit hendaklah dibenarkan dan hendaklah dibayar oleh pengurus kehakiman, daripada terimaannya, apa-apa kos dan perbelanjaan yang dilakukan dalam dan mengenai penyediaan dan pembuatan pernyataan dan afidavit itu sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh pengurus kehakiman, tertakluk kepada rayuan kepada Mahkamah oleh orang yang membuat pernyataan itu.

(4) Apa-apa pernyataan hal ehwal yang disediakan di bawah seksyen ini boleh digunakan sebagai keterangan terhadap mana- mana orang yang membuat atau yang bersetuju untuk membuat pernyataan hal ehwal itu.

(5) Pengurus kehakiman hendaklah menyerah simpan suatu salinan pernyataan hal ehwal dengan Pendaftar dalam masa tujuh hari dari penerimaan pernyataan itu daripada syarikat.

(6) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang munasabah, melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pernyataan cadangan**

**420.** (1) Jika suatu perintah pengurusan kehakiman dibuat, pengurus kehakiman itu hendaklah, dalam masa enam puluh hari atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah, selepas perintah itu dibuat—

*(a)* menghantar suatu pernyataan tentang cadangannya untuk mencapai satu daripada tujuan yang disebut dalam perenggan 405(1)*(b)* atau lebih kepada Pendaftar dan kepada semua pemiutang ke alamat terakhir mereka yang diketahui; dan

*(b)* membentangkan suatu salinan pernyataan itu dalam mesyuarat pemiutang syarikat yang dipanggil bagi tempoh tidak kurang daripada notis empat belas hari.

(2) Pengurus kehakiman hendaklah juga, dalam masa enam puluh hari atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah selepas perintah dibuat sama ada—

*(a)* menghantar suatu salinan pernyataan kepada semua anggota syarikat ke alamat terakhir semua anggota yang diketahui; atau

*(b)* menyiarkan suatu notis dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris yang menyatakan alamat yang kepadanya anggota syarikat perlu menulis supaya salinan pernyataan itu dihantar kepada anggota syarikat itu secara percuma.

**Pertimbangan cadangan oleh mesyuarat pemiutang**

**421.** (1) Suatu mesyuarat pemiutang, yang dipanggil di bawah perenggan 420(1)*(b)*, hendaklah memutuskan sama ada untuk meluluskan cadangan pengurus kehakiman.

(2) Cadangan hendaklah diluluskan oleh tujuh puluh lima peratus daripada jumlah keseluruhan nilai pemiutang yang tuntutannya telah diterima oleh pengurus kehakiman, yang hadir dan mengundi pada mesyuarat sama ada dengan sendiri atau melalui proksi dan cadangan boleh diluluskan dengan ubah suaian tertakluk kepada persetujuan pengurus kehakiman bagi setiap ubah suaian.

(3) Sebaik diluluskan oleh majoriti yang dikehendaki di bawah subseksyen (2), cadangan itu, dengan atau tanpa ubah suaian, hendaklah mengikat semua pemiutang syarikat sama ada pemiutang itu mengundi dengan memihak kepada cadangan itu atau tidak.

(4) Pengurus kehakiman hendaklah melaporkan keputusan mesyuarat itu kepada Mahkamah dan hendaklah memberikan notis tentang keputusan itu kepada Pendaftar dan kepada mana-mana orang atau badan lain sebagaimana yang diluluskan oleh Mahkamah.

(5) Jika suatu laporan diberikan kepada Mahkamah di bawah subseksyen (4) bahawa mesyuarat enggan meluluskan cadangan pengurus kehakiman dengan atau tanpa ubah suaian, Mahkamah boleh—

*(a)* melalui perintah melepaskan perintah pengurusan kehakiman;

*(b)* membuat apa-apa peruntukan berbangkit dalam perintah pengurusan kehakiman sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah;

*(c)* menangguhkan pendengaran dengan syarat atau tanpa syarat; atau

*(d)* membuat suatu perintah interim atau apa-apa perintah lain yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah.

(6) Suatu salinan apa-apa perintah Mahkamah yang dibuat di bawah subseksyen (5) hendaklah disiarkan dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris.

(7) Jika perintah pengurusan kehakiman dilepaskan, pengurus kehakiman hendaklah menghantar suatu salinan pejabat perintah itu kepada Pendaftar dalam masa tujuh hari dari perintah itu.

(8) Pengurus kehakiman yang, tanpa alasan yang munasabah, melanggar subseksyen (7) melakukan suatu kesalahan dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Jawatankuasa pemiutang**

**422.** Jika suatu mesyuarat pemiutang yang diadakan di bawah seksyen 421 meluluskan cadangan pengurus kehakiman dengan atau tanpa ubah suaian mesyuarat itu boleh, menubuhkan suatu jawatankuasa pemiutang, yang jika difikirkannya sesuai boleh menghendaki pengurus kehakiman supaya hadir di hadapan mesyuarat itu dan memberi mesyuarat itu apa-apa maklumat yang berhubungan dengan penjalanan fungsinya oleh pengurus kehakiman itu sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki oleh mesyuarat itu.

**Kewajipan untuk menguruskan hal ehwal syarikat, dsb., mengikut cadangan yang diluluskan**

**423.** (1) Jika cadangan pengurus kehakiman diluluskan oleh suatu mesyuarat pemiutang yang diadakan di bawah seksyen 421, dan tertakluk kepada apa-apa perintah di bawah seksyen 425, pengurus kehakiman hendaklah mempunyai kewajipan untuk menguruskan hal ehwal, perniagaan dan harta syarikat mengikut cadangan itu.

(2) Jika pengurus kehakiman bercadang untuk membuat semakan yang substansial ke atas cadangan yang diluluskan, pengurus kehakiman hendaklah—

*(a)* menghantar suatu pernyataan tentang semakan yang dicadangkan itu kepada semua pemiutang syarikat ke alamat terakhir semua pemiutang itu yang diketahui; dan

*(b)* membentangkan suatu salinan pernyataan itu dalam mesyuarat pemiutang yang dipanggil melalui notis tidak kurang daripada empat belas hari.

(3) Pengurus kehakiman hendaklah juga sama ada—

*(a)* menghantar suatu salinan pernyataan itu kepada semua anggota syarikat ke alamat terakhir semua anggota itu yang diketahui; atau

*(b)* menyiarkan suatu notis yang menyatakan alamat yang kepadanya anggota syarikat itu perlu menulis supaya salinan pernyataan itu dihantar kepada mereka secara percuma dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris.

(4) Majoriti sebanyak tujuh puluh lima peratus daripada nilai pemiutang, yang hadir dan mengundi pada mesyuarat pemiutang yang dipanggil di bawah subseksyen (2) sama ada dengan sendiri atau melalui proksi yang tuntutannya diterima oleh pengurus kehakiman, boleh meluluskan semakan yang dicadangkan dengan ubah suaian tetapi tidak boleh berbuat demikian melainkan jika pengurus kehakiman bersetuju dengan setiap ubah suaian.

(5) Selepas tamat mesyuarat yang dipanggil di bawah subseksyen (2), pengurus kehakiman hendaklah memberikan notis tentang keputusan mesyuarat itu kepada Pendaftar atau kepada mana-mana orang atau badan lain sebagaimana yang diluluskan oleh Mahkamah.

**Kewajipan untuk memohon pelepasan perintah pengurusan kehakiman**

**424.** (1) Pengurus kehakiman sesuatu syarikat hendaklah memohon kepada Mahkamah supaya perintah pengurusan kehakiman dilepaskan jika pengurus kehakiman itu mendapati bahawa tujuan yang dinyatakan dalam perintah itu sama ada dicapai atau tidak berupaya dicapai.

(2) Selepas mendengar suatu permohonan di bawah seksyen ini, Mahkamah boleh, melalui perintah—

*(a)* melepaskan perintah pengurusan kehakiman;

*(b)* membuat apa-apa peruntukan berbangkit sebagaimana yang difikirkannya sesuai;

*(c)* menangguhkan pendengaran dengan syarat atau tanpa syarat; atau

*(d)* membuat suatu perintah interim atau apa-apa perintah lain yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah.

(3) Jika perintah pengurusan kehakiman dilepaskan, pengurus kehakiman hendaklah menyerah simpan suatu salinan perintah yang menyentuh pelepasan itu dengan Pendaftar dalam masa tujuh hari dari perintah pelepasan itu dibuat.

(4) Jika suatu perintah pengurusan kehakiman dilepaskan di bawah Subpenggal ini atau jika seseorang terhenti menjadi pengurus kehakiman di bawah seksyen 417, pengurus kehakiman itu boleh memohon kepada Mahkamah bagi pelepasannya.

(5) Setelah menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (4), Mahkamah boleh, jika difikirkannya sesuai—

*(a)* membuat suatu perintah yang melepaskan pengurus kehakiman itu daripada liabiliti berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan olehnya dalam menguruskan syarikat; atau

*(b)* membuat suatu perintah yang melepaskan pengurus kehakiman itu berhubung dengan pelakuannya sebagai pengurus kehakiman,

tetapi apa-apa pelepasan itu tidak boleh melepaskan pengurus kehakiman itu daripada liabiliti bagi apa-apa penyalahgunaan atau pemegangan wang atau harta syarikat atau yang baginya pengurus kehakiman itu menjadi bertanggungjawab atau daripada mana-mana undang-undang yang kepadanya dia tertakluk berkenaan dengan kecuaian, keingkaran, misfeasans, pecah amanah atau pelanggaran kewajipan berhubung dengan syarikat itu.

**Perlindungan kepentingan pemiutang dan anggota**

**425.** (1) Pada bila-bila masa apabila suatu perintah pengurusan kehakiman berkuat kuasa, pemiutang atau anggota syarikat boleh memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah di bawah seksyen ini atas alasan bahawa—

*(a)* hal ehwal, perniagaan dan harta syarikat sedang atau telah diuruskan oleh pengurus kehakiman mengikut cara yang atau yang telah menjejaskan secara tidak adil kepentingan pemiutang atau anggota syarikat secara am atau sebahagian daripada pemiutang atau anggota syarikat, termasuk sekurang-kurangnya pemiutang atau anggota itu, atau pemiutang tunggal yang mewakili dua puluh lima peratus daripada nilai tuntutan terhadap syarikat itu; atau

*(b)* apa-apa perbuatan atau peninggalan sebenar atau yang dicadangkan oleh pengurus kehakiman menjejaskan atau akan menjejaskan sedemikian.

(2) Atas permohonan di bawah seksyen ini, Mahkamah boleh melalui perintah—

*(a)* memberikan pelepasan berkenaan dengan perkara yang diadukan;

*(b)* menangguhkan pendengaran dengan syarat atau tanpa syarat; atau

*(c)* membuat suatu perintah interim atau apa-apa perintah lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), sesuatu perintah yang dibuat oleh Mahkamah di bawah seksyen ini boleh—

*(a)* mengawal selia pengurusan hal ehwal, perniagaan dan harta syarikat pada masa hadapan oleh pengurus kehakiman;

*(b)* menghendaki pengurus kehakiman supaya berhenti daripada melakukan atau meneruskan suatu perbuatan yang diadukan oleh pemohon atau supaya melakukan suatu perbuatan yang diadukan oleh pemohon yang pengurus kehakiman tertinggal daripada melakukannya;

*(c)* menghendaki mesyuarat pemiutang atau anggota dipanggil bagi maksud menimbangkan apa-apa perkara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah; atau

*(d)* melepaskan perintah pengurusan kehakiman dan membuat apa-apa peruntukan berbangkit sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(4) Suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini tidak menjejaskan atau menghalang pelaksanaan apa-apa persetujuan penyelesaian atau skim yang diluluskan di bawah seksyen 366.

(5) Jika perintah pengurusan kehakiman dilepaskan, pengurus kehakiman hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu salinan fail perintah itu dalam masa tujuh hari dari tarikh perintah yang dilepaskan itu.

(6) Seorang pengurus kehakiman yang, tanpa alasan yang munasabah, melanggar subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Keutamaan tidak wajar dalam pengurusan kehakiman**

**426.** (1) Apa-apa pemindahan, gadai janji, penghantarserahan barang, bayaran, pelaksanaan atau perbuatan lain yang berhubungan dengan harta yang dibuat atau dilakukan oleh atau terhadap sesuatu syarikat yang tidak mampu untuk membayar hutangnya apabila hutang itu menjadi kena dibayar, daripada wang syarikat itu sendiri yang memihak kepada mana-mana pemiutang atau mana-mana orang sebagai pemegang amanah bagi mana-mana pemiutang dengan niat untuk memberi pemiutang itu keutamaan berbanding dengan pemiutang lain hendaklah terbatal sekiranya syarikat itu diletakkan di bawah pengurusan kehakiman atas permohonan bagi suatu perintah pengurusan kehakiman yang dikemukakan dalam masa enam bulan dari tarikh pembuatan, pengambilan, pembayaran atau penanggungan pemindahan, gadai janji, penghantarserahan barang, bayaran, pelaksanaan dan tiap-tiap perbuatan itu.

(2) Apa-apa pemindahan atau penyerahhakan semua harta suatu syarikat kepada pemegang amanah bagi faedah semua pemiutangnya hendaklah terbatal.

(3) Seksyen ini tidak menyentuh hak mana-mana orang yang memperoleh hakmilik dengan suci hati dan bagi balasan bernilai melalui atau di bawah seorang pemiutang syarikat yang diletakkan di bawah pengurusan kehakiman.

**Penghantarserahan dan penyitaan harta**

**427.** (1) Jika mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (2) mempunyai dalam milikannya atau kawalannya apa-apa harta, buku, surat atau rekod yang syarikat didapati berhak kepadanya, Mahkamah boleh menghendaki orang itu dengan serta-merta, atau dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah supaya membayar, menghantar serah, memindahhakkan, menyerahkan atau memindahkan harta, buku, surat atau rekod itu kepada pengurus kehakiman.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) adalah seperti yang berikut:

*(a)* seorang penyumbang atau anggota syarikat;

*(b)* mana-mana orang yang dahulunya memegang jawatan sebagai penerima atau penerima dan pengurus bagi harta syarikat;

*(c)* mana-mana pemegang amanah bagi, atau mana-mana jurubank, ejen atau pegawai, syarikat; dan

*(d)* mana-mana orang lain yang mempunyai dalam milikannya atau kawalannya apa-apa harta, buku, surat atau rekod yang syarikat didapati berhak kepadanya.

(3) Jika—

*(a)* pengurus kehakiman menyita atau melupuskan apa-apa harta yang bukan harta syarikat; dan

*(b)* pada masa penyitaan atau pelupusan pengurus kehakiman mempercayai, dan mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, bahawa pengurus kehakiman berhak, sama ada di bawah suatu perintah Mahkamah atau selainnya, untuk menyita atau melupuskan harta itu,

pengurus kehakiman tidak bertanggungan kepada mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan akibat daripada penyitaan atau pelupusan itu kecuali setakat yang kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh kecuaian pengurus kehakiman itu dan pengurus kehakiman itu hendaklah mempunyai lien ke atas harta itu, atau hasil daripada jualannya, bagi apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang ditanggung berkaitan dengan penyitaan atau pelupusan itu.

(4) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang munasabah, melanggar apa-apa obligasi yang dikenakan oleh seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kewajipan untuk bekerjasama dengan pengurus kehakiman**

**428.** (1) Orang yang—

*(a)* sedang atau telah pada bila-bila masa menjadi pegawai syarikat;

*(b)* mengambil bahagian dalam penubuhan syarikat pada bila-bila masa dalam masa satu tahun sebelum tarikh perintah pengurusan kehakiman;

*(c)* bekerja dengan syarikat termasuklah seseorang yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan, atau telah bekerja dengan syarikat dalam tahun itu; dan

*(d)* pada pendapat pengurus kehakiman berupaya untuk memberikan maklumat yang dikehendaki hendaklah—

(i) memberi pengurus kehakiman apa-apa maklumat mengenai syarikat dan penganjuran, penubuhan, perniagaan, urusan, hal ehwal atau harta syarikat itu sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki oleh pengurus kehakiman pada bila-bila masa selepas tarikh perintah pengurusan kehakiman; dan

(ii) berurusan dengan pengurus kehakiman pada bila-bila masa sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki oleh pengurus kehakiman itu.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang munasabah, melanggar mana-mana obligasi yang dikenakan oleh seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Siasatan tentang urusan syarikat, dsb.**

**429.** (1) Mahkamah boleh, atas permohonan pengurus kehakiman, memanggil supaya hadir di hadapannya—

*(a)* mana-mana pegawai syarikat;

*(b)* mana-mana orang yang diketahui atau disyaki mempunyai dalam milikannya apa-apa harta syarikat;

*(c)* mana-mana orang yang dikatakan berhutang dengan syarikat; atau

*(d)* mana-mana orang yang pada fikiran Mahkamah boleh memberikan maklumat mengenai penganjuran, penubuhan, perniagaan, urusan, hal ehwal atau harta syarikat,

dan Mahkamah boleh menghendaki mana-mana orang yang disebut dalam perenggan *(a)* hingga *(d)* supaya mengemukakan suatu afidavit kepada Mahkamah yang mengandungi suatu keterangan tentang urusannya dengan syarikat itu atau supaya memberikan apa-apa buku, surat atau rekod lain dalam milikannya atau di bawah kawalannya yang berhubungan dengan syarikat itu atau perkara yang disebut dalam perenggan *(d)*.

(2) Dalam hal jika seseorang, tanpa alasan yang munasabah, tidak hadir di hadapan Mahkamah apabila orang itu dipanggil untuk berbuat demikian di bawah seksyen ini atau terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang telah melarikan diri, atau hampir-hampir melarikan diri, dengan tujuan untuk mengelak kehadirannya di hadapan Mahkamah di bawah seksyen ini, Mahkamah boleh, bagi maksud membawa orang itu dan apa-apa jua dalam milikannya ke hadapan Mahkamah, menyebabkan suatu waran dikeluarkan—

*(a)* bagi penangkapan orang itu; dan

*(b)* bagi penyitaan apa-apa buku, surat, rekod, wang atau barang dalam milikan orang itu,

dan boleh membenarkan seseorang yang ditangkap di bawah waran itu ditahan, dan apa-apa jua yang disita di bawah waran itu hendaklah dipegang sehingga orang itu dibawa ke hadapan Mahkamah di bawah waran itu atau sehingga apa-apa tempoh lain sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(3) Mana-mana orang yang hadir di atau dibawa ke hadapan Mahkamah di bawah seksyen ini boleh diperiksa secara bersumpah, sama ada secara lisan atau melalui soal siasat, mengenai syarikat atau perkara yang disebut dalam perenggan (1)*(d)*.

(4) Jika Mahkamah mendapati, selepas menimbangkan apa-apa keterangan yang diperoleh di bawah seksyen ini bahawa mana-mana orang mempunyai dalam milikannya apa-apa harta syarikat, Mahkamah boleh, atas permohonan pengurus kehakiman, mengarahkan orang itu supaya menyerahkan harta itu kepada pengurus kehakiman itu pada bila-bila masa, dengan apa-apa cara dan mengikut apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(5) Jika Mahkamah mendapati, setelah menimbangkan apa-apa keterangan yang diperoleh di bawah seksyen ini, bahawa mana- mana orang berhutang dengan syarikat, Mahkamah boleh, atas permohonan pengurus kehakiman, selepas memeriksa orang itu mengenai perkara itu, mengarahkan orang itu supaya membayar kepada pengurus kehakiman itu, pada bila-bila masa dan dengan apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, keseluruhan atau apa-apa bahagian amaun yang kena dibayar, sama ada menjelaskan hutang itu dengan sepenuhnya atau selainnya, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

**Pemakaian peruntukan tentang penggulungan syarikat di bawah pengurusan kehakiman**

**430.** (1) Pada bila-bila masa apabila suatu perintah pengurusan kehakiman berkuat kuasa berhubung dengan suatu syarikat di bawah pengurusan kehakiman, seksyen 536, 537, 538 dan 539 hendaklah terpakai seolah-olah syarikat di bawah pengurusan kehakiman itu merupakan suatu syarikat yang digulung dan pengurus kehakiman merupakan penyelesai.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa—

*(a)* untuk memerintahkan bahawa mana-mana seksyen lain dalam Subpenggal 4 Penggal 2 Bahagian IV hendaklah terpakai bagi suatu syarikat di bawah pengurusan kehakiman seolah-olah seksyen dalam Subpenggal 4 Penggal 2 Bahagian IV terpakai dalam penggulungan oleh Mahkamah; dan

*(b)* apa-apa sebutan mengenai penyelesai hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai pengurus kehakiman dan apa-apa sebutan mengenai penyumbang hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai anggota syarikat.

## BAHAGIAN IV

## PEMBERHENTIAN SYARIKAT

### Penggal 1

### *Penggulungan Sukarela dan Paksa*

#### Subpenggal 1

#### *Permulaan*

**Pemakaian peruntukan penggulungan**

**431.** Peruntukan mengenai penggulungan dalam Akta ini hendaklah terpakai bagi penggulungan sesuatu syarikat bagi mana-mana satu cara yang dinyatakan dalam subseksyen 432(1), melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain.

**Cara penggulungan**

**432.** (1) Penggulungan sesuatu syarikat boleh dilaksanakan sama ada—

*(a)* melalui suatu perintah penggulungan yang dibuat oleh Mahkamah; atau

*(b)* melalui suatu penggulungan sukarela.

(2) Suatu penggulungan sukarela boleh dilaksanakan melalui ketetapan sama ada—

*(a)* melalui penggulungan sukarela anggota jika syarikat adalah solven dan penyelesai dilantik oleh anggota dalam mesyuarat anggota; atau

*(b)* melalui penggulungan sukarela pemiutang jika syarikat tidak solven dan penyelesai dilantik oleh pemiutang dalam mesyuarat pemiutang.

**Kelayakan penyelesai**

**433.** (1) Tertakluk kepada seksyen ini, seseorang selain Pegawai Penerima yang dilantik sebagai penyelesai interim atau penyelesai dalam penggulungan oleh Mahkamah tidak layak, kecuali dengan keizinan Mahkamah, bagi pelantikan sebagai penyelesai interim atau penyelesai bagi sesuatu syarikat jika—

*(a)* dia bukan seorang penyelesai diluluskan;

*(b)* dia berhutang dengan syarikat atau dengan sesuatu perbadanan yang disifatkan berhubung dengan syarikat itu menurut kuasa seksyen 7 dalam amaun yang melebihi dua puluh lima ribu ringgit;

*(c)* dia merupakan pegawai syarikat;

*(d)* dia merupakan pekongsi, majikan atau pekerja bagi pegawai syarikat;

*(e)* dia merupakan pekongsi atau pekerja bagi pekerja kepada pegawai syarikat;

*(f)* dia menyerahhakkan estetnya bagi faedah pemiutangnya atau membuat perkiraan dengan pemiutangnya di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kebankrapan;

*(g)* dia menjadi bankrap; atau

*(h)* dia telah disabitkan dengan kesalahan yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran yang apabila disabitkan dihukum dengan pemenjaraan selama tiga bulan atau lebih.

(2) Perenggan (1)*(a)* dan *(c)* tidak terpakai bagi—

*(a)* suatu penggulungan sukarela anggota; atau

*(b)* suatu penggulungan sukarela pemiutang jika, melalui suatu ketetapan yang dijalankan oleh majoriti pemiutang daripada bilangan dan nilai yang hadir dengan sendiri atau melalui proksi dan mengundi dalam mesyuarat yang notis tujuh hari diberikan kepada tiap-tiap pemiutang yang menyatakan tujuan mesyuarat itu, ditentukan bahawa perenggan (1)*(a)* dan *(c)* atau salah satu daripada perenggan itu tidak terpakai.

(3) Bagi maksud perenggan (1)*(a)*, mana-mana orang yang merupakan anggota badan profesional diiktiraf boleh memohon kepada Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan untuk diluluskan sebagai seorang penyelesai bagi maksud Akta ini.

(4) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan boleh meluluskan mana-mana orang sebagai penyelesai jika Menteri berpuas hati dengan pengalaman dan keupayaan orang itu dan selepas pembayaran fi yang ditetapkan oleh orang itu.

(5) Bagi maksud subseksyen (3), Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan, menetapkan suatu badan yang hendaklah diiktiraf sebagai badan profesional diiktiraf.

(6) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang hendaklah disifatkan sebagai pegawai sesuatu syarikat jika—

*(a)* orang itu merupakan pegawai sesuatu perbadanan yang disifatkan berkaitan dengan syarikat itu menurut kuasa seksyen 7; atau

*(b)* orang itu merupakan pegawai atau penganjur syarikat itu atau perbadanan sedemikian pada bila-bila masa dalam tempoh dua puluh empat bulan terdahulu.

(7) Seseorang tidak boleh dilantik sebagai penyelesai bagi sesuatu syarikat melainkan jika dia bersetuju secara bertulis sebelum pelantikan untuk bertindak sebagai penyelesai itu.

(8) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh apa-apa pelantikan penyelesai yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

**Kerajaan terikat dengan peruntukan tertentu**

**434.** Peruntukan Bahagian ini yang berhubungan dengan remedi terhadap harta sesuatu syarikat, keutamaan hutang dan kesan sesuatu perkiraan dengan pemiutang hendaklah mengikat Kerajaan.

Subpenggal 2

*Penyumbang*

**Liabiliti sebagai penyumbang bagi anggota sekarang dan dahulu**

**435.** (1) Apabila sesuatu syarikat digulung, tiap-tiap anggota sekarang dan dahulu adalah bertanggungan untuk menyumbang kepada aset syarikat sehingga suatu amaun yang mencukupi bagi pembayaran hutang dan liabiliti dan kos, caj dan perbelanjaan penggulungan dan bagi pelarasan hak penyumbang di kalangan anggota sekarang dan dahulu itu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3)—

*(a)* seseorang anggota dahulu tidak bertanggungan untuk menyumbang di bawah subseksyen (1)—

(i) jika dia terhenti menjadi anggota selama satu tahun atau lebih sebelum permulaan penggulungan;

(ii) berkenaan dengan apa-apa hutang atau liabiliti syarikat yang dengannya dibuat kontrak selepas dia terhenti menjadi anggota; atau

(iii) jika didapati oleh Mahkamah bahawa anggota sedia ada tidak mampu untuk menjelaskan sumbangan yang dikehendaki supaya dibuat oleh anggota yang sedia ada itu di bawah Akta ini;

*(b)* dalam hal sesuatu syarikat berhad menurut syer, tiada sumbangan boleh dikehendaki daripada mana-mana anggota yang melebihi amaun, jika ada, yang tidak dibayar ke atas syer yang berkenaan dengannya anggota itu bertanggungan sebagai anggota sekarang atau dahulu;

*(c)* dalam hal sesuatu syarikat berhad menurut jaminan, tiada sumbangan, tertakluk kepada subseksyen (5), boleh diminta daripada mana-mana anggota yang melebihi amaun yang diaku janji untuk disumbangkan oleh anggota itu kepada aset syarikat sekiranya syarikat itu digulung;

*(d)* tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menidaksahkan mana-mana peruntukan yang terkandung dalam mana- mana polisi insurans atau kontrak lain jika—

(i) liabiliti anggota individu ke atas polisi atau kontrak itu disekat; atau

(ii) dana syarikat dijadikan bertanggungan sendiri berkenaan dengan polisi atau kontrak itu; atau

*(e)* sesuatu jumlah wang yang kena dibayar kepada mana-mana anggota atas sifatnya sebagai seorang anggota melalui dividen, keuntungan atau selainnya tidak menjadi hutang syarikat yang kena dibayar kepada anggota itu dalam hal persaingan antara anggota itu dengan mana-mana pemiutang lain yang bukan anggota, tetapi apa-apa jumlah wang itu boleh diambil kira bagi maksud pelarasan akhir hak penyumbang di kalangan anggota itu.

(3) Dalam penggulungan sesuatu syarikat berhad, mana-mana pengarah, sama ada dahulu atau sekarang, yang liabiliti adalah tidak terhad hendaklah bertanggungan untuk membuat sumbangan selanjutnya seolah-olah pengarah itu merupakan anggota sesuatu syarikat tidak berhad sebagai tambahan kepada liabiliti, jika ada, untuk menyumbang sebagai anggota biasa.

(4) Walau apa pun apa-apa jua dalam subseksyen (3)—

*(a)* seseorang pengarah yang dahulu tidak bertanggungan untuk membuat sumbangan selanjutnya jika dia terhenti memegang jawatan selama satu tahun atau lebih sebelum permulaan penggulungan;

*(b)* seseorang pengarah yang dahulu tidak bertanggungan untuk membuat sumbangan selanjutnya berkenaan dengan apa-apa hutang atau tanggungan syarikat yang dengannya dibuat kontrak selepas pengarah itu terhenti memegang jawatan; dan

*(c)* tertakluk kepada perlembagaan, seseorang pengarah tidak bertanggungan untuk membuat sumbangan selanjutnya, melainkan jika difikirkan perlu oleh Mahkamah untuk menghendaki sumbangan itu bagi menyelesaikan hutang dan tanggungan syarikat dan kos, caj dan perbelanjaan bagi penggulungan.

(5) Selepas penggulungan sesuatu syarikat berhad kedua-dua dengan syer dan jaminan, tiap-tiap anggota hendaklah bertanggungan untuk menyumbang setakat apa-apa jumlah wang yang tidak dibayar ke atas apa-apa syer yang dipegang oleh anggota itu, sebagai tambahan kepada amaun yang diaku janji untuk disumbangkan oleh anggota itu kepada aset syarikat itu sekiranya syarikat itu digulung.

**Sifat liabiliti penyumbang**

**436.** Liabiliti seseorang penyumbang hendaklah menjadi suatu hutang terakru yang kena dibayar oleh penyumbang itu pada masa liabilitinya bermula tetapi kena dibayar pada masa panggilan dibuat untuk menguatkuasakan liabiliti itu.

**Penyumbang dalam hal kematian anggota**

**437.** (1) Jika seseorang penyumbang mati, sama ada sebelum atau selepas penyumbang itu diletakkan dalam senarai penyumbang, wakil dirinya hendaklah bertanggungan mengikut perjalanan pentadbiran untuk menyumbang kepada aset syarikat dalam melepaskan liabiliti penyumbang itu dan wakil diri itu hendaklah menjadi penyumbang dengan sewajarnya.

(2) Jika wakil diri melakukan keingkaran dalam membayar apa-apa wang yang diarahkan supaya dibayar oleh wakil diri, prosiding boleh diambil bagi mentadbir harta pusaka penyumbang yang mati dan bagi mengarahkan bayaran wang yang kena dibayar itu.

**Penyumbang dalam hal kebankrapan anggota**

**438.** Jika seseorang penyumbang menjadi bankrap atau menyerahhakkan estetnya bagi faedah pemiutangnya, sama ada sebelum atau selepas penyumbang itu diletakkan dalam senarai penyumbang—

*(a)* pemegang amanahnya hendaklah mewakilinya bagi semua maksud penggulungan dan hendaklah menjadi penyumbang dengan sewajarnya; dan

*(b)* boleh dibuktikan terhadap estetnya anggaran nilai liabilitinya bagi panggilan masa hadapan dan juga panggilan yang telah dibuat.

Subpenggal 3

*Penggulungan Sukarela*

**Hal keadaan yang syarikat boleh digulung secara sukarela**

**439.** (1) Sesuatu syarikat boleh digulung secara sukarela—

*(a)* apabila tempoh, jika ada, yang ditetapkan bagi jangka masa syarikat oleh perlembagaan tamat tempoh, atau peristiwa itu, jika ada, berlaku, yang apabila berlaku perlembagaan itu memperuntukkan bahawa syarikat itu hendaklah dibubarkan dan syarikat itu dalam mesyuarat agung telah meluluskan suatu ketetapan yang menghendaki syarikat itu digulung secara sukarela; atau

*(b)* jika syarikat memutuskan sedemikian melalui ketetapan khas.

(2) Sesuatu syarikat hendaklah—

*(a)* menyerah simpan suatu salinan bercetak ketetapan itu dengan Pendaftar dalam masa tujuh hari dari kelulusan suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela; dan

*(b)* memberikan notis tentang ketetapan itu dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris dalam masa sepuluh hari selepas kelulusan ketetapan itu.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Penyelesai interim**

**440.** (1) Jika pengarah sesuatu syarikat membuat suatu akuan berkanun bahawa—

*(a)* syarikat itu tidak dapat meneruskan perniagaannya disebabkan liabilitinya; dan

*(b)* mesyuarat syarikat itu dan pemiutangnya telah dipanggil bagi suatu tarikh dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pengisytiharan,

pengarah hendaklah dengan serta-merta melantik seorang penyelesai diluluskan sebagai penyelesai interim selepas akuan berkanun itu diserah simpan dengan Pendaftar dan dengan Pegawai Penerima.

(2) Seseorang penyelesai interim hendaklah mempunyai segala fungsi dan kuasa seorang penyelesai dalam penggulungan pemiutang tertakluk kepada apa-apa had dan sekatan sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah yang berhubungan dengan penggulungan.

(3) Pelantikan seorang penyelesai interim di bawah seksyen ini hendaklah berterusan selama tiga puluh hari dari tarikh pelantikannya atau selama apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Pegawai Penerima dalam apa-apa hal tertentu atau sehingga pelantikan seorang penyelesai, mengikut mana-mana yang berlaku dahulu.

(4) Notis tentang pelantikan seorang penyelesai interim di bawah seksyen ini bersama-sama dengan suatu salinan pengisytiharan yang diserah simpan dengan Pendaftar hendaklah diiklankan dalam masa empat belas hari dari pelantikan penyelesai interim itu dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris.

(5) Seseorang penyelesai interim adalah berhak untuk menerima apa-apa gaji atau saraan dengan cara peratusan atau selainnya sebagaimana yang ditetapkan di bawah kaedah-kaedah penggulungan.

**Tarikh permulaan penggulungan**

**441.** (1) Sesuatu penggulungan sukarela hendaklah bermula—

*(a)* jika seseorang penyelesai interim dilantik sebelum ketetapan bagi penggulungan sukarela diluluskan, pada masa apabila pengisytiharan yang disebut dalam seksyen 440 diserah simpan dengan Pendaftar; dan

*(b)* dalam apa-apa hal lain, pada masa ketetapan bagi penggulungan sukarela diluluskan.

(2) Suatu salinan pengisytiharan yang disebut dalam perenggan (1)*(a)* hendaklah diserah simpan dengan Pegawai Penerima.

**Kesan penggulungan sukarela**

**442.** (1) Syarikat hendaklah terhenti daripada menjalankan perniagaannya dari permulaan penggulungan kecuali setakat yang dikehendaki pada pendapat penyelesai bagi faedah penggulungannya.

(2) Walau apa pun apa-apa jua sebaliknya dalam perlembagaan, keadaan korporat dan kuasa korporat syarikat hendaklah diteruskan sehingga syarikat dibubarkan.

(3) Apa-apa pemindahan syer, yang bukan suatu pemindahan yang dibuat kepada atau dengan kebenaran penyelesai, dan apa- apa pengubahan dalam kedudukan anggota yang dibuat selepas permulaan penggulungan, hendaklah terbatal.

**Pengisytiharan kesolvenan**

**443.** (1) Jika dicadangkan untuk menggulung sesuatu syarikat secara sukarela, pengarah atau dalam hal sesuatu syarikat yang mempunyai lebih daripada satu pengarah, majoriti pengarah boleh—

*(a)* membuat suatu pengisytiharan bertulis yang menyatakan bahawa pengarah itu telah membuat siasatan tentang hal ehwal syarikat itu; dan

*(b)* dalam suatu mesyuarat pengarah, memberikan pendapat bahawa syarikat itu boleh membayar hutangnya dengan sepenuhnya dalam tempoh tidak melebihi dua belas bulan selepas permulaan penggulungan.

(2) Pengisytiharan dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat oleh pengarah sebelum tarikh notis tentang mesyuarat yang dalamnya ketetapan bagi penggulungan syarikat akan dicadangkan dihantar kepada anggota sesuatu syarikat.

(3) Suatu pernyataan tentang hal ehwal syarikat hendaklah terikat dengan pengisytiharan yang mengandungi butir-butir yang disediakan sehingga tarikh terakhir yang dapat dilaksanakan sebelum pengisytiharan itu dibuat seperti yang berikut:

*(a)* aset syarikat, dan jumlah keseluruhan amaun yang dijangka diperoleh;

*(b)* liabiliti syarikat; dan

*(c)* anggaran perbelanjaan bagi penggulungan.

(4) Pengisytiharan yang dibuat oleh pengarah tidak mempunyai apa-apa kesan bagi maksud Akta ini melainkan jika pengisytiharan itu—

*(a)* dibuat dalam mesyuarat pengarah yang disebut dalam subseksyen (1);

*(b)* dibuat dalam masa lima minggu sebaik sebelum ketetapan bagi penggulungan sukarela diluluskan; dan

*(c)* diserah simpan dengan Pendaftar sebelum tarikh notis tentang mesyuarat yang dalamnya ketetapan bagi penggulungan syarikat akan dicadangkan dihantar kepada anggota syarikat.

(5) Seseorang pengarah yang membuat pengisytiharan di bawah seksyen ini tanpa mempunyai alasan yang munasabah bagi pendapat bahawa syarikat boleh membayar hutangnya dengan sepenuhnya dalam tempoh yang dinyatakan dalam pengisytiharan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(6) Jika syarikat digulung di bawah suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela yang diluluskan dalam tempoh lima minggu selepas pengisytiharan dibuat, tetapi hutangnya tidak dibayar atau diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam tempoh yang dinyatakan dalam pengisytiharan itu, hendaklah dianggap sehingga sebaliknya ditunjukkan bahawa pengarah tidak mempunyai alasan yang munasabah bagi pendapatnya.

(7) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar perenggan 4*(c)* melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Perbezaan antara penggulungan sukarela "anggota" dengan "pemiutang"**

**444.** Penggulungan yang dalam hal pengisytiharan pengarah di bawah seksyen 443 telah dibuat, merupakan suatu "penggulungan sukarela anggota"; dan penggulungan yang dalam hal pengisytiharan itu tidak dibuat merupakan suatu "penggulungan sukarela pemiutang".

Subpenggal 4

*Penggulungan Sukarela Anggota*

**Pelantikan dan pemecatan penyelesai**

**445.** (1) Dalam sesuatu penggulungan sukarela anggota, syarikat hendaklah melantik seorang penyelesai atau lebih bagi maksud penggulungan hal ehwal syarikat dan pembahagian asetnya dalam mesyuarat agung.

(2) Selepas pelantikan seorang penyelesai, segala kuasa pengarah terhenti, kecuali setakat yang syarikat dalam mesyuarat agung dengan persetujuan penyelesai, atau penyelesai itu membenarkan penerusan segala kuasa pengarah.

(3) Syarikat boleh, dalam mesyuarat agung yang diadakan oleh mana-mana penyumbang melalui ketetapan khas yang baginya notis khas diberikan kepada pemiutang dan penyelesai, memecat mana-mana penyelesai tetapi tiada ketetapan sedemikian boleh mempunyai kesan untuk memecat seseorang penyelesai jika Mahkamah atas permohonan penyelesai itu atau seseorang pemiutang memerintahkan supaya penyelesai itu tidak dipecat.

**Kuasa untuk mengisi kekosongan dalam jawatan penyelesai**

**446.** (1) Jika sesuatu kekosongan berlaku disebabkan kematian, peletakan jawatan, pemecatan atau selainnya dalam jawatan penyelesai yang dilantik oleh syarikat, syarikat dalam sesuatu mesyuarat anggota boleh mengisi kekosongan itu, tertakluk kepada apa-apa perkiraan dengan pemiutangnya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), suatu mesyuarat boleh diadakan oleh mana-mana penyumbang atau, jika terdapat lebih daripada satu penyelesai, oleh penyelesai yang tinggal.

(3) Mesyuarat hendaklah diadakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta ini atau oleh perlembagaan, atau mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah, atas permohonan oleh mana-mana penyumbang atau oleh penyelesai yang tinggal.

**Kewajipan penyelesai untuk memanggil mesyuarat dalam hal ketidaksolvenan**

**447.** (1) Jika penyelesai berpendapat bahawa syarikat tidak mampu untuk membayar atau memperuntukkan bayaran hutangnya dengan sepenuhnya dalam tempoh yang dinyatakan dalam pengisytiharan yang dibuat dibawah seksyen 443, penyelesai hendaklah dengan serta-merta memanggil suatu mesyuarat pemiutang dan membentangkan di hadapan mesyuarat itu suatu pernyataan tentang aset dan liabiliti syarikat dan notis yang memanggil mesyuarat itu hendaklah menarik perhatian pemiutang kepada hak yang diberikan kepada pemiutang oleh subseksyen (2).

(2) Pemiutang boleh, dalam mesyuarat yang dipanggil di bawah subseksyen (1), melantik—

*(a)* penyelesai yang dilantik oleh syarikat; atau

*(b)* mana-mana orang lain sebagai penyelesai,

bagi maksud penggulungan hal ehwal dan pembahagian aset syarikat.

(3) Apabila suatu mesyuarat pemiutang diadakan di bawah subseksyen (1), penggulungan hendaklah diteruskan selepas itu seolah-olah penggulungan itu ialah suatu penggulungan sukarela pemiutang.

(4) Penyelesai atau jika mana-mana orang lain telah dilantik oleh pemiutang sebagai penyelesai, orang yang dilantik sedemikian hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar dan dengan Pegawai Penerima suatu notis yang mengandungi maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dalam masa tujuh hari dari mesyuarat yang diadakan di bawah subseksyen (1).

(5) Jika sesuatu penggulungan sukarela anggota menjadi suatu penggulungan sukarela pemiutang, dan mesyuarat pemiutang di bawah subseksyen (3) diadakan tiga bulan atau kurang

sebelum akhir tahun pertama dari permulaan penggulungan itu, penyelesai tidak dikehendaki oleh seksyen ini untuk memanggil suatu mesyuarat pemiutang pada akhir tahun itu jika penyelesai itu merupakan penyelesai yang dilantik oleh syarikat.

(6) Penyelesai atau orang yang dilantik sebagai penyelesai oleh pemiutang yang melanggar subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Penukaran kepada penggulungan sukarela pemiutang**

**448.** Mulai hari yang mesyuarat pemiutang diadakan di bawah seksyen 447, Akta ini mempunyai kesan seolah-olah—

*(a)* pengisytiharan pengarah di bawah seksyen 443 tidak dibuat; dan

*(b)* mesyuarat pemiutang dan mesyuarat syarikat yang dalamnya telah diputuskan bahawa syarikat digulung secara sukarela;

dan dengan itu penggulungan menjadi suatu penggulungan sukarela pemiutang.

Subpenggal 5

*Penggulungan Sukarela Pemiutang*

**Mesyuarat pemiutang**

**449.** (1) Syarikat hendaklah menyebabkan suatu mesyuarat pemiutang syarikat dipanggil pada hari itu, atau hari yang berikutnya yang hendaklah diadakan mesyuarat yang dalamnya ketetapan bagi penggulungan sukarela akan dicadangkan.

(2) Jika mesyuarat pemiutang dipanggil di bawah subseksyen (1), syarikat hendaklah menyebabkan notis tentang mesyuarat pemiutang itu dihantar melalui pos kepada pemiutang serentak dengan penghantaran notis tentang mesyuarat syarikat.

(3) Syarikat hendaklah mengadakan mesyuarat pada masa dan di tempat yang mudah bagi majoriti daripada nilai pemiutang dan hendaklah—

*(a)* memberikan notis melalui pos tentang mesyuarat itu kepada pemiutang sekurang-kurangnya tujuh hari genap; dan

*(b)* menghantar kepada setiap pemiutang berserta notis mesyuarat itu, suatu pernyataan yang menunjukkan nama semua pemiutang dan amaun tuntutan mereka.

(4) Syarikat hendaklah menyebabkan notis tentang mesyuarat pemiutang diiklankan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat itu dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris.

(5) Pengarah syarikat hendaklah—

*(a)* menyebabkan suatu pernyataan lengkap tentang hal ehwal syarikat yang menunjukkan berkenaan dengan aset, kaedah dan cara penilaian aset itu dijalankan, bersama-sama dengan suatu senarai pemiutang dan anggaran amaun tuntutan mereka dibentangkan di hadapan mesyuarat pemiutang; dan

*(b)* melantik seorang daripada pengarah untuk menghadiri mesyuarat itu.

(6) Pengarah yang dilantik sedemikian di bawah perenggan 5*(b)* dan setiausaha hendaklah menghadiri mesyuarat dan menzahirkan kepada mesyuarat hal ehwal syarikat dan hal keadaan yang membawa kepada penggulungan yang dicadangkan.

(7) Pemiutang boleh melantik seorang daripada pemiutang atau pengarah yang dilantik di bawah perenggan (5)*(b)* untuk mempengerusikan mesyuarat.

(8) Pengerusi hendaklah, dalam mesyuarat, menentukan sama ada mesyuarat itu telah diadakan pada masa dan di tempat yang mudah bagi majoriti daripada nilai pemiutang dan keputusannya adalah muktamad.

(9) Jika pengerusi memutuskan bahawa mesyuarat tidak diadakan pada masa dan di tempat yang mudah bagi majoriti itu, mesyuarat itu hendaklah luput dan suatu mesyuarat selanjutnya hendaklah dipanggil oleh syarikat dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(10) Jika mesyuarat syarikat ditangguhkan dan ketetapan bagi penggulungan diluluskan dalam suatu mesyuarat yang ditangguhkan, apa-apa ketetapan yang diluluskan dalam mesyuarat pemiutang hendaklah mempunyai kesan seolah-olah ketetapan itu telah diluluskan sebaik selepas ketetapan bagi penggulungan itu diluluskan.

(11) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

**Penyelesai dalam penggulungan sukarela pemiutang**

**450.** (1) Syarikat hendaklah dan pemiutang boleh dalam mesyuarat masing-masingnya menamakan seseorang sebagai penyelesai bagi maksud penggulungan hal ehwal dan pembahagian aset syarikat.

(2) Jika pemiutang dan syarikat itu menamakan orang yang berlainan, orang yang dinamakan oleh pemiutang hendaklah menjadi penyelesai dan jika tiada orang dinamakan oleh pemiutang, orang yang dinamakan oleh syarikat hendaklah menjadi penyelesai.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), jika orang yang berlainan dinamakan, mana-mana pengarah, anggota atau pemiutang boleh memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah yang mengarahkan supaya orang yang dinamakan sebagai penyelesai oleh syarikat hendaklah menjadi penyelesai atau bersesama dengan orang yang dinamakan oleh pemiutang dalam masa tujuh hari dari tarikh penamaan itu dibuat oleh pemiutang.

(4) Penyelesai boleh, atau, jika diminta oleh mana-mana pemiutang atau penyumbang hendaklah, memanggil mesyuarat pemiutang dan penyumbang yang berasingan bagi maksud menentukan sama ada pemiutang atau penyumbang memerlukan pelantikan suatu jawatankuasa pemeriksaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kesepuluh atau tidak, untuk bertindak dengan penyelesai, dan jika sedemikian siapa yang patut menjadi anggota jawatankuasa itu.

(5) Jawatankuasa pemeriksaan, atau jika tiada jawatankuasa sedemikian, pemiutang boleh menetapkan saraan untuk dibayar kepada penyelesai.

(6) Selepas pelantikan seorang penyelesai, segala kuasa pengarah hendaklah terhenti, kecuali jika penerusan kuasa itu diluluskan oleh—

*(a)* jawatankuasa pemeriksaan; atau

*(b)* jika tiada jawatankuasa sedemikian, pemiutang.

(7) Jika seseorang penyelesai, selain penyelesai yang dilantik oleh atau melalui arahan Mahkamah mati, meletakkan jawatan atau selainnya mengosongkan jawatan, pemiutang boleh mengisi kekosongan itu dan bagi maksud sedemikian suatu mesyuarat pemiutang boleh dipanggil oleh mana-mana dua daripada pemiutang.

**Harta dan prosiding**

**451.** (1) Apa-apa penahanan, sekuestrasi, distres atau pelaksanaan yang berkuat kuasa terhadap estet atau barang syarikat selepas permulaan penggulungan sukarela pemiutang hendaklah terbatal.

(2) Selepas permulaan penggulungan, tiada tindakan atau prosiding boleh diteruskan atau dimulakan terhadap syarikat kecuali dengan kebenaran Mahkamah dan tertakluk kepada apa- apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.

Subpenggal 6

*Peruntukan yang Terpakai bagi Tiap-Tiap Penggulungan Sukarela*

**Pembahagian harta syarikat**

**452.** Tertakluk kepada peruntukan yang berhubungan dengan bayaran mengikut keutamaan di bawah Akta ini, harta sesuatu syarikat hendaklah, selepas penggulungannya digunakan sama banyak dalam menyelesaikan liabilitinya, dan hendaklah tertakluk kepada penggunaan itu, dibahagikan di kalangan anggota mengikut hak dan kepentingan mereka dalam syarikat itu, melainkan jika perlembagaan memperuntukkan selainnya.

**Pelantikan atau pemecatan penyelesai oleh Mahkamah**

**453.** (1) Jika tiada penyelesai yang bertindak dalam penggulungan sukarela, Mahkamah boleh atas permohonan, melantik seorang penyelesai.

(2) Mahkamah boleh, atas sebab yang ditunjukkan, memecat seseorang penyelesai dan melantik penyelesai yang lain.

**Saraan bagi penyelesai dalam penggulungan secara sukarela**

**454.** (1) Seorang penyelesai layak untuk menerima gaji atau saraan yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah.

(2) Mana-mana anggota, pemiutang atau penyelesai boleh, pada bila-bila masa sebelum pembubaran syarikat, memohon kepada Mahkamah untuk menyemak amaun saraan penyelesai dan keputusan Mahkamah mengenai perkara itu adalah muktamad dan konklusif.

(3) Walau apa pun subseksyen 479(2), dalam hal sesuatu syarikat yang merupakan penanggung insurans, tiada seseorang, selain Bank Negara Malaysia, boleh memohon kepada Mahkamah untuk menyemak saraan penyelesai dan Mahkamah hendaklah menentukan saraan penyelesai atas syor Bank Negara Malaysia.

**Perbuatan penyelesai adalah sah, dsb.**

**455.** (1) Perbuatan seseorang penyelesai adalah sah walau apa pun apa-apa kecacatan yang selepas itu terdapat dalam pelantikan atau kelayakannya.

(2) Apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan, pemindahan, gadai janji, gadaian atau pelupusan lain harta syarikat yang dibuat oleh seseorang penyelesai adalah sah yang memihak kepada mana-mana orang yang mengambil harta itu dengan suci hati dan bagi nilai dan tanpa mengetahui tentang kecacatan atau ketidakteraturan, walau apa pun apa-apa kecacatan atau ketidakteraturan itu yang menyentuh kesahan penggulungan atau pelantikan penyelesai itu.

(3) Tiap-tiap orang yang membuat atau membenarkan apa- apa pelupusan harta kepada mana-mana penyelesai hendaklah dilindungi dan ditanggung rugi walau apa pun apa-apa kecacatan atau ketidakteraturan yang menyentuh kesahan penggulungan atau pelantikan penyelesai itu yang tidak diketahui oleh orang itu sebelum ini.

(4) Bagi maksud seksyen ini, sesuatu pelupusan harta hendaklah dianggap sebagai termasuk pembayaran wang.

**Kuasa penyelesai dalam penggulungan sukarela**

**456.** Penyelesai boleh menjalankan apa-apa kuasa dan kewajipan yang diberikan di bawah Jadual Kesebelas dalam sesuatu penggulungan sukarela.

**Kuasa penyelesai untuk menerima syer, dsb., sebagai balasan bagi penjualan harta syarikat**

**457.** (1) Jika dicadangkan bahawa keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan atau harta sesuatu syarikat hendaklah dipindahkan atau dijual kepada perbadanan yang lain, dengan kebenaran melalui ketetapan khas syarikat itu yang memberikan sama ada kuasa am kepada penyelesai atau kuasa berkenaan dengan apa-apa perkiraan tertentu, penyelesai syarikat itu boleh—

*(a)* menerima sebagai pampasan atau pampasan sebahagian bagi pemindahan atau penjualan syer, debentur, polisi atau kepentingan lain yang serupa dalam perbadanan untuk pembahagian di kalangan anggota syarikat itu; atau

*(b)* membuat apa-apa perkiraan lain yang anggota syarikat itu boleh, sebagai ganti kepada penerimaan wang, syer, debentur, polisi atau kepentingan lain yang serupa atau sebagai tambahan kepada perkiraan itu, mengambil bahagian dalam keuntungan atau menerima apa-apa faedah lain daripada perbadanan,

dan mana-mana pemindahan, penjualan atau perkiraan itu hendaklah mengikat anggota syarikat itu.

(2) Jika mana-mana anggota syarikat menyatakan keengganannya mengenai perkara yang disebut dalam subseksyen (1) secara bertulis yang dialamatkan kepada penyelesai dan menghantar serah ke pejabat berdaftar penyelesai dalam masa tujuh hari dari kelulusan ketetapan, anggota itu boleh menghendaki penyelesai itu sama ada dihalang daripada melaksanakan ketetapan itu atau membeli kepentingannya pada harga yang ditentukan melalui suatu perjanjian atau melalui timbang tara mengikut cara yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.

(3) Jika penyelesai memilih untuk membeli kepentingan anggota itu, wang pembelian hendaklah dibayar sebelum syarikat dibubarkan dan didapatkan oleh penyelesai mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan melalui ketetapan khas.

(4) Suatu ketetapan khas tidak menjadi tidak sah bagi maksud seksyen ini oleh sebab ketetapan itu diluluskan sebelum atau serentak dengan ketetapan bagi penggulungan sukarela atau bagi melantik penyelesai, tetapi jika suatu perintah bagi penggulungan syarikat oleh Mahkamah dibuat dalam masa satu tahun selepas ketetapan itu diluluskan, ketetapan itu menjadi tidak sah melainkan jika dibenarkan oleh Mahkamah.

(5) Bagi maksud sesuatu timbang tara di bawah seksyen ini, Akta Timbang Tara 2005 [*Akta 646*] hendaklah terpakai seolah-olah terdapat pengemukaan bagi rujukan kepada dua penimbang tara, seorang dilantik oleh setiap pihak dan pelantikan seseorang penimbang tara boleh dibuat oleh penyelesai, atau jika terdapat lebih daripada satu penyelesai maka oleh mana-mana dua atau lebih penyelesai.

(6) Bagi maksud subseksyen (5), Mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan yang perlu bagi pemulaan dan penjalanan timbang tara dan apa-apa arahan itu hendaklah mengikat pihak-pihak.

(7) Dalam hal penggulungan sukarela pemiutang, kuasa penyelesai di bawah seksyen ini tidak boleh dijalankan kecuali dengan kelulusan Mahkamah atau jawatankuasa pemeriksaan.

**Mesyuarat tahunan anggota dan pemiutang**

**458.** (1) Jika penggulungan berterusan selama lebih daripada satu tahun, penyelesai hendaklah memanggil—

*(a)* dalam hal penggulungan sukarela anggota, suatu mesyuarat anggota syarikat; dan

*(b)* dalam hal penggulungan sukarela pemiutang, suatu mesyuarat anggota syarikat dan mesyuarat pemiutang,

pada akhir tahun pertama dari permulaan penggulungan dan bagi setiap tahun berikutnya atau tidak lebih daripada tiga bulan selepas tahun berikutnya, dan hendaklah membentangkan di hadapan mesyuarat itu suatu pernyataan tentang tindakan penyelesai dan urusan dan tentang penjalanan penggulungan itu sepanjang tahun sebelumnya.

(2) Penyelesai hendaklah menyebabkan notis tentang mesyuarat pemiutang dihantar serah melalui pos kepada pemiutang serentak dengan penghantarserahan notis tentang mesyuarat syarikat.

(3) Tiap-tiap penyelesai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Mesyuarat terakhir dan pembubaran**

**459.** (1) Sebaik sahaja hal ehwal syarikat digulung dengan sepenuhnya, penyelesai hendaklah—

*(a)* menyediakan suatu laporan yang menunjukkan bagaimana penggulungan itu dijalankan dan harta syarikat itu dilupuskan; dan

*(b)* memanggil suatu mesyuarat anggota syarikat itu, atau dalam hal penggulungan sukarela pemiutang, suatu mesyuarat anggota syarikat itu dan pemiutang,

bagi maksud membentangkan laporan itu di hadapan mesyuarat dan bagi memberikan apa-apa penjelasan.

(2) Mesyuarat hendaklah dipanggil melalui iklan yang disiarkan dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris, yang iklan itu hendaklah menyatakan masa, tempat dan tujuan mesyuarat dan hendaklah disiarkan sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum mesyuarat.

(3) Penyelesai hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar dan dengan Pegawai Penerima suatu penyata tentang mesyuarat yang diadakan dan tentang tarikhnya berserta suatu salinan pernyataan yang dilampirkan kepada penyata itu, dalam masa tujuh hari dari mesyuarat itu.

(4) Kuorum dalam mesyuarat syarikat hendaklah dua anggota dan dalam mesyuarat syarikat dan pemiutang hendaklah dua anggota dan dua pemiutang dan jika suatu kuorum tidak hadir dalam mesyuarat itu, penyelesai hendaklah sebagai ganti kepada penyata yang disebut dalam subseksyen (3), menyerah simpan suatu penyata dengan dilampirkan pernyataan, bahawa mesyuarat itu telah dipanggil dengan sewajarnya dan bahawa tiada kuorum yang hadir, dan apabila penyata sedemikian diserah simpan, peruntukan subseksyen (3) mengenai penyerahsimpanan penyata itu hendaklah disifatkan telah dipatuhi.

(5) Apabila tamat tempoh tiga bulan selepas penyerahsimpanan penyata dengan Pendaftar dan dengan Pegawai Penerima, syarikat hendaklah dibubarkan.

(6) Walau apa pun subseksyen (5), Mahkamah boleh, atas permohonan penyelesai atau mana-mana orang lain yang didapati oleh Mahkamah mempunyai kepentingan, membuat suatu perintah yang menangguhkan tarikh pembubaran syarikat itu berkuat kuasa selama apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(7) Orang yang atas permohonannya suatu perintah Mahkamah di bawah seksyen ini dibuat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar dan dengan Pegawai Penerima suatu salinan pejabat perintah itu dalam masa empat belas hari dari pembuatan perintah itu dan orang yang tidak berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(8) Jika penyata atau salinan laporan tidak diserah simpan sedemikian mengikut subseksyen (3), penyelesai melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(9) Penyelesai yang gagal memanggil mesyuarat sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Perkiraan mengikat pemiutang**

**460.** (1) Apa-apa perkiraan yang dibuat antara sesuatu syarikat yang hampir atau yang dalam proses digulung dengan pemiutangnya hendaklah, tertakluk kepada hak untuk merayu di bawah seksyen ini, mengikat—

*(a)* syarikat itu jika dibenarkan melalui suatu ketetapan khas; dan

*(b)* pemiutang jika dipersetujui oleh tiga perempat daripada nilai dan separuh daripada bilangan pemiutang, tiap-tiap pemiutang bagi nilai di bawah lima ratus ringgit diambil kira daripada nilai sahaja.

(2) Seseorang pemiutang hendaklah dianggap pemiutang bagi nilai untuk apa-apa jumlah wang berdasarkan butiran wajar yang dinyatakan, selepas membenarkan nilai jaminan atau lien yang dipegang oleh pemiutang itu dan amaun apa-apa hutang atau tolakan yang kena dibayar oleh pemiutang itu kepada penghutang, didapati merupakan baki yang kena dibayar kepada pemiutang itu.

(3) Apa-apa pertikaian berkenaan dengan nilai mana-mana jaminan atau lien itu atau amaun hutang atau tolakan itu boleh diselesaikan oleh Mahkamah atas permohonan syarikat, penyelesai atau pemiutang.

(4) Mana-mana pemiutang atau penyumbang boleh merayu kepada Mahkamah terhadap perkiraan, dalam masa tiga minggu dari penyempurnaan perkiraan, dan Mahkamah boleh meminda, mengubah atau mengesahkan perkiraan sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah.

**Permohonan kepada Mahkamah supaya persoalan ditentukan atau kuasa dijalankan**

**461.** (1) Penyelesai atau mana-mana penyumbang atau pemiutang boleh memohon kepada Mahkamah—

*(a)* untuk menentukan apa-apa persoalan yang berbangkit dalam penggulungan sesuatu syarikat; atau

*(b)* untuk menjalankan segala atau mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah jika syarikat digulung oleh Mahkamah.

(2) Mahkamah, jika berpuas hati bahawa penentuan persoalan atau penjalanan kuasa adalah adil dan berfaedah, boleh bersetuju sepenuhnya atau sebahagiannya dengan mana-mana permohonan itu mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah atau boleh membuat apa-apa perintah lain atas permohonan sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah.

**Kos**

**462.** Segala kos, caj dan perbelanjaan yang dilakukan dengan sepatutnya dalam penggulungan, termasuk saraan penyelesai hendaklah dibayar daripada aset syarikat dengan diberikan keutamaan daripada semua tuntutan lain.

**Batasan mengenai hak untuk menggulung secara sukarela**

**463.** Jika sesuatu petisyen telah diserah kepada Mahkamah untuk menggulung sesuatu syarikat atas alasan bahawa syarikat itu tidak mampu untuk membayar hutangnya, syarikat itu tidak boleh memutuskan supaya ia digulung secara sukarela tanpa keizinan Mahkamah.

Subpenggal 7

*Penggulungan oleh Mahkamah*

**Petisyen penggulungan**

**464.** (1) Sesuatu syarikat, sama ada digulung secara sukarela atau tidak, boleh digulung di bawah sesuatu perintah Mahkamah atas petisyen mana-mana satu daripada yang berikut atau lebih:

*(a)* syarikat;

*(b)* mana-mana pemiutang, termasuklah pemiutang luar jangka atau prospektif, bagi syarikat;

*(c)* seseorang penyumbang atau mana-mana orang yang merupakan wakil diri kepada penyumbang yang mati atau pemegang amanah bagi kebankrapan atau Ketua Pengarah Insolvensi bagi estet penyumbang yang bankrap;

*(d)* penyelesai;

*(e)* Menteri atas alasan yang dinyatakan dalam perenggan 465(1)*(d)* atau *(l)*;

*(f)* dalam hal sesuatu syarikat yang merupakan suatu institusi berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan yang bukan merupakan suatu institusi anggota di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Bank Negara Malaysia;

*(g)* dalam hal sesuatu syarikat yang merupakan pengendali sistem pembayaran ditetapkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Bank Negara Malaysia;

*(h)* Pendaftar atas alasan yang dinyatakan dalam perenggan 465(1)*(k)*; atau

*(i)* dalam hal sesuatu institusi anggota di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang disebut dalam seksyen 99 Akta itu.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam subseksyen (1)—

*(a)* seseorang yang disebut dalam perenggan (1)*(c)* tidak boleh mengemukakan petisyen atas mana-mana alasan yang dinyatakan dalam perenggan 465(1)*(a)*, *(b)*, *(d)* atau *(g)* melainkan jika syer yang berkenaan dengannya penyumbang merupakan penyumbang atau beberapa syer itu yang asalnya diumpukkan kepada penyumbang, atau telah dipegang olehnya dan didaftarkan atas namanya selama sekurang-kurangnya enam bulan sepanjang lapan belas bulan sebelum penyerahan petisyen atau diturunkan kepadanya melalui kematian atau kebankrapan pemegang yang dahulu;

*(b)* sesuatu petisyen tidak boleh diserahkan oleh mana-mana orang kecuali seorang penyumbang atau Menteri jika alasan bagi petisyen itu adalah ingkar dalam menyerah simpan akuan berkanun di bawah subseksyen 190(3);

*(c)* Mahkamah tidak boleh mendengar petisyen jika diserahkan oleh seorang pemiutang luar jangka atau prospektif sehingga apa-apa jaminan bagi kos diberikan sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah dan suatu kes *prima facie* bagi penggulungan telah dibuktikan sehingga memuaskan hati Mahkamah; dan

*(d)* Mahkamah tidak boleh, jika sesuatu syarikat digulung secara sukarela, membuat suatu perintah penggulungan melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa penggulungan sukarela itu tidak dapat diteruskan dengan memberikan perhatian yang sewajarnya kepada kepentingan pemiutang atau penyumbang.

**Hal keadaan yang syarikat boleh digulung oleh Mahkamah**

**465.** (1) Mahkamah boleh mengarahkan penggulungan jika—

*(a)* syarikat melalui ketetapan khas memutuskan supaya syarikat hendaklah digulung oleh Mahkamah;

*(b)* syarikat ingkar dalam menyerah simpan akuan berkanun di bawah subseksyen 190(3);

*(c)* syarikat tidak memulakan perniagaan dalam masa satu tahun dari pemerbadanannya atau menggantung perniagaannya selama satu tahun;

*(d)* syarikat itu tidak mempunyai anggota;

*(e)* syarikat tidak mampu untuk membayar hutangnya;

*(f)* pengarah bertindak dalam hal ehwal syarikat demi kepentingan pengarah sendiri daripada demi kepentingan anggota secara keseluruhan atau bertindak mengikut apa-apa cara lain yang didapati tidak saksama atau tidak adil kepada anggota;

*(g)* apabila tempoh, jika ada, ditetapkan bagai jangka masa syarikat oleh perlembagaan tamat atau peristiwa, jika ada, yang sekiranya berlaku syarikat hendaklah dibubarkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perlembagaan;

*(h)* Mahkamah berpendapat bahawa adalah adil dan saksama yang syarikat digulung;

*(i)* syarikat memegang suatu lesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dan bahawa lesen itu telah dibatalkan atau diserahkan balik;

*(j)* syarikat menjalankan perniagaan dilesenkan tanpa dilesenkan dengan sewajarnya atau syarikat menerima, mendapat atau mengambil deposit di Malaysia, dengan melanggar Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, mengikut mana-mana yang berkenaan;

*(k)* syarikat digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau apa-apa maksud yang menjejaskan atau tidak bersesuaian dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, kepentingan awam, ketenteraman awam, keadaan yang baik atau prinsip moral di Malaysia; atau

*(l)* Menteri telah membuat pengisytiharan dibawah seksyen 590.

(2) Bagi maksud tindakan penggulungan yang dimulakan oleh Pendaftar di bawah perenggan (1)*(k)*, Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu syarikat digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau apa-apa maksud yang menjejaskan keselamatan negara atau kepentingan awam atau tidak bersesuaian dengan keamanan, kebajikan, ketenteraman awam, keselamatan, keadaan yang baik atau prinsip moral di Malaysia hendaklah diterima sebagai keterangan *prima facie* dalam semua Mahkamah dan oleh semua orang yang mempunyai kuasa untuk mengambil keterangan bagi maksud Akta ini, sehingga dibuktikan sebaliknya.

**Takrif "ketidakmampuan untuk membayar hutang"**

**466.** (1) Suatu syarikat hendaklah disifatkan tidak mampu untuk membayar hutangnya jika—

*(a)* syarikat itu berhutang dalam jumlah wang yang melebihi amaun yang ditetapkan oleh Menteri dan seseorang pemiutang melalui penyerahhakan atau selainnya menyampaikan suatu notis tuntutan, dengan sendiri atau melalui ejennya, yang menghendaki syarikat itu supaya membayar jumlah wang yang kena dibayar dengan meninggalkan notis itu di pejabat berdaftar syarikat itu, dan syarikat itu selama dua puluh satu hari selepas penyampaian tuntutan itu mengabaikan membayar jumlah wang itu atau dalam menjamin atau mencapai persetujuan baginya sehingga memuaskan hati pemiutang;

*(b)* pelaksanaan atau proses lain yang dikeluarkan ke atas sesuatu penghakiman, dekri atau perintah mana-mana mahkamah yang memihak kepada pemiutang syarikat dikembalikan tanpa dijelaskan dengan sepenuhnya atau sebahagiannya; atau

*(c)* dibuktikan sehingga memuaskan hati Mahkamah bahawa syarikat tidak mampu untuk membayar hutangnya; dan dalam menentukan sama ada sesuatu syarikat tidak mampu untuk membayar hutangnya, Mahkamah hendaklah mengambil kira tanggungan luar jangka dan prospektif syarikat itu.

(2) Suatu petisyen untuk menggulung suatu syarikat hendaklah difailkan di Mahkamah dalam masa enam bulan dari tarikh tamat tempoh notis tuntutan yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)*(a)*.

**Permulaan penggulungan oleh Mahkamah**

**467.** (1) Jika sebelum penyerahan petisyen penggulungan suatu ketetapan telah diluluskan oleh syarikat bagi penggulungan sukarela, penggulungan syarikat itu hendaklah disifatkan telah bermula pada masa ketetapan itu diluluskan, dan, melainkan jika difikirkan patut oleh Mahkamah untuk mengarahkan selainnya setelah dibuktikan fraud atau kesilapan, segala prosiding yang dijalankan dalam penggulungan sukarela itu hendaklah disifatkan telah dijalankan secara sah.

(2) Dalam apa-apa hal lain, permulaan penggulungan hendaklah pada tarikh perintah penggulungan.

**Bayaran kos permulaan oleh pempetisyen**

**468.** (1) Jika seseorang, selain syarikat itu sendiri atau penyelesai, menyerahkan suatu petisyen di bawah seksyen 464 dan suatu perintah penggulungan dibuat, orang itu hendaklah atas perbelanjaannya sendiri, menjalankan segala prosiding dalam penggulungan sehingga seorang penyelesai dilantik di bawah Penggal ini.

(2) Penyelesai hendaklah membayar balik pempetisyen daripada aset syarikat kos dicukai yang dilakukan oleh pempetisyen dalam mana-mana prosiding melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya.

(3) Jika syarikat tidak mempunyai apa-apa aset atau aset yang tidak mencukupi, dan pada pendapat Menteri apa-apa fraud telah dilakukan oleh mana-mana orang dalam menganjurkan atau menubuhkan syarikat atau oleh mana-mana pegawai syarikat berhubung dengan syarikat sejak penubuhan, kos dicukai atau sejumlah kos dicukai yang tidak dibayar balik sedemikian boleh dibayar balik kepada pempetisyen daripada wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud itu, dengan kebenaran yang dinyatakan oleh Menteri secara bertulis setakat suatu amaun yang tidak melebihi tiga ribu ringgit.

(4) Jika apa-apa perintah penggulungan dibuat atas petisyen oleh syarikat atau oleh penyelesai kos yang dilakukan hendaklah, tertakluk kepada apa-apa perintah Mahkamah, dibayar daripada aset syarikat mengikut cara yang serupa seolah-olah kos itu ialah kos mana-mana pempetisyen lain.

**Kuasa Mahkamah setelah mendengar petisyen bagi penggulungan**

**469.** (1) Setelah mendengar petisyen bagi penggulungan, Mahkamah boleh, melalui arahan—

*(a)* menolak petisyen itu dengan atau tanpa kos;

*(b)* menangguhkan pendengaran itu dengan syarat atau tanpa syarat; atau

*(c)* membuat apa-apa perintah interim atau apa-apa perintah lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Mahkamah tidak boleh menolak untuk membuat suatu perintah penggulungan hanya atas alasan—

*(a)* bahawa aset syarikat telah digadai janji sehingga suatu amaun yang bersamaan dengan atau melebihi aset itu;

*(b)* bahawa syarikat tidak mempunyai aset; atau

*(c)* dalam hal petisyen oleh seorang penyumbang, bahawa tiada aset yang tersedia bagi pembahagian di kalangan penyumbang itu.

(3) Mahkamah boleh, semasa mendengar petisyen atau pada bila-bila masa atas permohonan pempetisyen, syarikat, atau mana-mana orang yang memberikan notis bahawa dia berniat untuk hadir semasa pendengaran petisyen itu—

*(a)* mengarahkan supaya apa-apa notis diberikan atau apa-apa langkah diambil sebelum atau selepas pendengaran petisyen itu;

*(b)* mengetepikan apa-apa notis yang diberikan atau langkah-langkah yang diambil yang dikehendaki oleh Akta ini, atau oleh kaedah-kaedah, atau oleh mana-mana perintah Mahkamah terdahulu;

*(c)* mengarahkan supaya keterangan lisan diambil mengenai petisyen itu atau apa-apa perkara yang berhubungan dengan petisyen itu;

*(d)* mengarahkan suatu pendengaran atau perbicaraan yang singkat tentang petisyen itu atau apa-apa persoalan atau perkara;

*(e)* membenarkan petisyen itu dipinda atau ditarik balik; dan

*(f)* memberikan apa-apa arahan tentang prosiding sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(4) Jika petisyen dikemukakan atas alasan ingkar menyerah simpan laporan berkanun, Mahkamah boleh sebagai ganti membuat perintah penggulungan, mengarahkan supaya laporan berkanun itu diserah simpan dan boleh memerintahkan kos yang perlu dibayar oleh mana-mana orang yang, pada pendapat Mahkamah, bertanggungjawab kerana keingkaran itu.

**Kuasa Mahkamah untuk menggantung atau menghalang prosiding terhadap syarikat sebelum perintah penggulungan**

**470.** (1) Pada bila-bila masa selepas penyerahan suatu petisyen penggulungan dan sebelum suatu perintah penggulungan dibuat, syarikat atau mana-mana pemiutang atau penyumbang boleh, jika apa-apa tindakan atau prosiding terhadap syarikat itu belum selesai, memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah untuk menggantung atau menghalang prosiding selanjutnya dalam tindakan atau prosiding itu, dan Mahkamah boleh menggantung atau menghalang tindakan atau prosiding itu dengan sewajarnya mengikut apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Pemohon hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar salinan pejabat bagi perintah dalam masa empat belas hari dari pembuatan perintah itu di bawah subseksyen (1).

**Tindakan atau prosiding yang digantung selepas perintah penggulungan**

**471.** (1) Apabila suatu perintah penggulungan dibuat atau seorang penyelesai interim dilantik, tiada tindakan atau prosiding boleh diteruskan atau dimulakan terhadap syarikat kecuali dengan keizinan Mahkamah dan mengikut apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam Mahkamah yang memberikan perintah penggulungan itu dan hendaklah disampaikan kepada penyelesai.

(3) Salinan pejabat bagi perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah diserah simpan oleh pemohon yang disebut dalam subseksyen 470(1) dengan Pendaftar dan dengan Pegawai Penerima dalam masa empat belas hari dari perintah itu dibuat.

**Pengelakan pelupusan harta atau penahanan tertentu, dsb.**

**472.** (1) Apa-apa pelupusan harta syarikat, selain pelupusan terkecuali, termasuklah apa-apa pemindahan syer atau pengubahan dalam kedudukan anggota syarikat yang dibuat selepas penyerahan petisyen penggulungan hendaklah, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, terbatal.

(2) Dalam subseksyen (1), "pelupusan terkecuali" ertinya suatu pelupusan yang dibuat oleh penyelesai, atau oleh penyelesai interim bagi syarikat dalam menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Bahagian I Jadual Kedua Belas atau kaedah-kaedah yang melantiknya atau suatu perintah Mahkamah.

(3) Apa-apa penahanan, sekuestrasi, distres atau pelaksanaan yang berkuat kuasa terhadap estet atau barang syarikat selepas penyerahan petisyen penggulungan hendaklah terbatal.

**Petisyen sebagai *lis pendens***

**473.** Apa-apa petisyen bagi penggulungan sesuatu syarikat hendaklah menjadi suatu *lis pendens* mengikut pengertian mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kesan lis pendens ke atas pembeli atau pemegang gadai janji.

**Penyerahsimpanan perintah penggulungan**

**474.** (1) Pempetisyen hendaklah, dalam masa tujuh hari dari pembuatan suatu perintah penggulungan, memberitahu Pendaftar, Pegawai Penerima dan penyelesai—

*(a)* perintah dan tarikhnya; dan

*(b)* nama dan alamat penyelesai.

(2) Pempetisyen hendaklah dalam masa tujuh hari dari penerimaan salinan perintah penggulungan—

*(a)* menyerah simpan suatu salinan pejabat bagi perintah dengan Pendaftar dan dengan Pegawai Penerima;

*(b)* menyebabkan suatu salinan disampaikan kepada setiausaha syarikat atau kepada mana-mana orang lain atau mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah; dan

*(c)* menghantar suatu salinan kepada penyelesai berserta suatu pernyataan bahawa kehendak subseksyen ini telah dipatuhi.

(3) Seseorang pempetisyen yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kesan perintah penggulungan**

**475.** Suatu perintah bagi penggulungan sesuatu syarikat hendaklah berkuat kuasa dengan memihak kepada semua pemiutang dan penyumbang bagi syarikat seolah-olah dibuat secara petisyen bersama oleh pemiutang dan penyumbang.

Subpenggal 8

*Peruntukan yang berhubungan dengan Penyelesai dalam Penggulungan oleh Mahkamah*

**Penyelesai interim**

**476.** (1) Mahkamah boleh melantik Pegawai Penerima atau seorang penyelesai diluluskan sebagai penyelesai interim pada bila-bila masa selepas penyerahan suatu petisyen penggulungan dan sebelum suatu perintah penggulungan dibuat.

(2) Penyelesai interim hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan segala fungsi dan kuasa seorang penyelesai tertakluk kepada apa-apa batasan dan sekatan sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah atau sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahkamah dalam perintah yang melantiknya.

**Pelantikan, gelaran, dsb., bagi penyelesai**

**477.** (1) Peruntukan yang berikut mengenai penyelesai hendaklah mempunyai kuat kuasa setelah suatu perintah penggulungan dibuat:

*(a)* jika seorang penyelesai diluluskan selain Pegawai Penerima tidak dilantik sebagai penyelesai syarikat, Pegawai Penerima hendaklah menurut kuasa jawatannya menjadi penyelesai interim dan hendaklah terus bertindak sedemikian sehingga dia atau orang lain menjadi penyelesai dan berkeupayaan untuk bertindak sedemikian;

*(b)* jika tiada penyelesai dilantik, Pegawai Penerima hendaklah memanggil mesyuarat yang berasingan bagi pemiutang dan penyumbang syarikat bagi maksud menentukan sama ada suatu permohonan perlu dibuat kepada Mahkamah bagi melantik penyelesai sebagai ganti Pegawai Penerima atau tidak;

*(c)* Mahkamah boleh membuat apa-apa pelantikan dan perintah yang dikehendaki untuk menguatkuasakan apa-apa penentuan itu, dan, jika terdapat perbezaan antara penentuan mesyuarat pemiutang dengan penyumbang itu berkenaan dengan perkara yang disebut terdahulu, Mahkamah hendaklah memutuskan perbezaan itu dan membuat apa-apa perintah mengenainya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah;

*(d)* dalam hal jika seseorang penyelesai tidak dilantik oleh Mahkamah, Pegawai Penerima hendaklah menjadi penyelesai bagi syarikat;

*(e)* Pegawai Penerima hendaklah menurut kuasa jawatannya menjadi penyelesai sepanjang apa-apa kekosongan;

*(f)* apa-apa kekosongan dalam jawatan seseorang penyelesai yang dilantik oleh Mahkamah boleh diisi oleh Mahkamah;

*(g)* seorang penyelesai hendaklah diperihalkan, jika seseorang selain Pegawai Penerima menjadi penyelesai, dengan gelaran "penyelesai", dan, jika Pegawai Penerima menjadi penyelesai, dengan gelaran "Pegawai Penerima dan penyelesai", bagi syarikat tertentu yang berkenaan dengannya dia dilantik, dan bukan dengan namanya sendiri.

**Pelantikan orang lain sebagai penyelesai selain Pegawai Penerima**

**478.** (1) Jika seseorang selain Pegawai Penerima merupakan penyelesai interim atau penyelesai yang dilantik dalam penggulungan sesuatu syarikat oleh Mahkamah, orang itu—

*(a)* tidak boleh bertindak sedemikian sehingga dia memberikan—

(i) notis bertulis tentang pelantikannya kepada Pendaftar dan Pegawai Penerima; dan

(ii) jaminan mengikut cara yang ditetapkan sehingga memuaskan hati Pegawai Penerima; dan

*(b)* hendaklah memberi Pegawai Penerima apa-apa maklumat dan apa-apa akses kepada dan kemudahan bagi memeriksa buku syarikat, dan apa-apa bantuan sebagaimana yang dikehendaki untuk membolehkan pegawai itu melaksanakan tugasnya di bawah Akta ini.

(2) Jika dua penyelesai atau lebih dilantik oleh Mahkamah, melainkan jika Mahkamah memperuntukkan selainnya secara nyata—

*(a)* fungsi atau kuasa penyelesai boleh dilaksanakan atau dijalankan oleh mana-mana satu orang daripadanya atau kedua-duanya atau semuanya secara bersesama; dan

*(b)* sebutan mengenai penyelesai hendaklah sebutan mengenai mana-mana satu daripada penyelesai.

(3) Tertakluk kepada Akta ini, perbuatan penyelesai hendaklah sah walau apa pun apa-apa kecacatan yang didapati selepas itu dalam pelantikan atau kelayakannya.

**Saraan bagi penyelesai dalam penggulungan oleh Mahkamah**

**479.** (1) Seseorang penyelesai interim selain Pegawai Penerima hendaklah berhak untuk menerima gaji atau saraan secara peratusan atau selainnya sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah.

(2) Seseorang penyelesai selain Pegawai Penerima hendaklah berhak untuk menerima apa-apa gaji atau saraan secara peratusan atau selainnya sebagaimana yang ditentukan melalui—

*(a)* suatu perjanjian antara penyelesai dengan jawatankuasa pemeriksaan, jika ada;

*(b)* jika tiada perjanjian atau jika tiada jawatankuasa pemeriksaan, suatu ketetapan yang diluluskan dalam mesyuarat pemiutang oleh suatu majoriti yang tidak kurang daripada tiga per empat daripada nilai dan separuh daripada bilangan pemiutang yang hadir dengan sendiri atau melalui proksi dan mengundi dalam mesyuarat itu dan yang hutangnya telah diterima masuk untuk mengundi, yang mesyuarat itu hendaklah diadakan oleh penyelesai melalui suatu

notis kepada setiap pemiutang yang kepada notis itu hendaklah dilampirkan suatu pernyataan tentang semua penerimaan dan perbelanjaan oleh penyelesai dan amaun saraan yang diminta olehnya; atau

*(c)* Mahkamah, jika perjanjian atau penentuan di bawah perenggan *(a)* atau *(b)* gagal.

(3) Jika gaji atau saraan seseorang penyelesai selain Pegawai Penerima ditentukan mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan (2)*(a)*, Mahkamah boleh, atas permohonan anggota yang pemegangan sahamnya mewakili dalam agregat yang tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada modal keluaran syarikat, mengesahkan atau mengubah penentuan itu.

(4) Jika gaji atau saraan seseorang penyelesai selain Pegawai Penerima ditentukan mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan (2)*(b)*, Mahkamah boleh, atas permohonan penyelesai itu atau anggota yang disebut dalam subseksyen (3), mengesahkan atau mengubah penentuan itu.

(5) Tertakluk kepada mana-mana perintah Mahkamah, Pegawai Penerima apabila bertindak sebagai penyelesai atau penyelesai interim bagi sesuatu syarikat adalah berhak untuk menerima apa- apa gaji atau saraan secara peratusan atau selainnya sebagaimana yang ditetapkan.

**Pengawalan penyelesai diluluskan oleh Pegawai Penerima**

**480.** (1) Jika seseorang selain Pegawai Penerima menjadi penyelesai dalam penggulungan sesuatu syarikat oleh Mahkamah, Pegawai Penerima hendaklah mengambil perhatian tentang pelakuan orang itu dan—

*(a)* jika penyelesai tidak melaksanakan kewajipannya dengan jujur dan tidak menuruti dengan sewajarnya semua kehendak yang dikenakan ke atasnya oleh mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya mengenai pelaksanaan kewajipannya; atau

*(b)* jika apa-apa aduan dibuat kepada Pegawai Penerima oleh mana-mana pemiutang atau penyumbang berkenaan dengan pelaksanaan kewajipannya,

Pegawai Penerima hendaklah menyiasat perkara itu, dan mengambil apa-apa tindakan mengenainya sebagaimana yang difikirkannya suai manfaat.

(2) Sebagai tambahan kepada subseksyen (1), Pegawai Penerima boleh, pada bila-bila masa—

*(a)* menghendaki penyelesai supaya menjawab apa-apa pertanyaan dan memberikan apa-apa maklumat atau dokumen berhubung dengan apa-apa penggulungan yang dalamnya penyelesai itu terlibat dan boleh memohon kepada Mahkamah untuk memeriksa penyelesai itu atau mana-mana orang lain secara sumpah mengenai penggulungan syarikat itu; atau

*(b)* mengarahkan suatu penyiasatan setempat dibuat tentang buku dan baucar penyelesai itu.

**Pengawalan Pegawai Penerima oleh Menteri**

**481.** Menteri hendaklah mengambil perhatian tentang pelakuan Pegawai Penerima dan semua Penolong Pegawai Penerima yang terlibat dalam penyelesaian syarikat, dan jika mana-mana orang itu tidak melaksanakan kewajipannya dengan jujur dan tidak menuruti dengan sewajarnya semua kehendak yang dikenakan ke atasnya oleh mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya mengenai pelaksanaan kewajipannya, atau jika apa-apa aduan dibuat kepada Menteri oleh mana-mana pemiutang atau penyumbang berkenaan dengan pelaksanaan kewajipannya, Menteri hendaklah menyiasat perkara itu, dan mengambil apa- apa tindakan mengenainya sebagaimana yang difikirkannya suai manfaat, dan boleh mengarahkan suatu siasatan setempat dibuat tentang buku dan baucar orang itu.

**Peletakan jawatan atau pemecatan penyelesai dalam penggulungan oleh Mahkamah**

**482.** Seseorang penyelesai atau penyelesai interim yang dilantik oleh Mahkamah boleh—

*(a)* meletakkan jawatan mengikut kaedah-kaedah; atau

*(b)* atas sebab yang ditunjukkan, dipecat daripada jawatan oleh Mahkamah.

**Jagaan dan peletakhakan harta syarikat**

**483.** (1) Jika seseorang penyelesai interim dilantik atau suatu perintah penggulungan dibuat, penyelesai sementara itu atau penyelesai hendaklah dengan serta-merta meletakkan dalam jagaannya atau di bawah kawalannya segala harta yang kepadanya syarikat berhak atau didapati berhak.

(2) Atas permohonan penyelesai, Mahkamah boleh mengarahkan supaya segala atau mana-mana bahagian harta yang dipunyai oleh syarikat atau dipegang oleh pemegang amanah bagi pihak syarikat hendaklah terletak hak pada penyelesai dan harta itu hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (3), terletak hak dengan sewajarnya dan penyelesai boleh, selepas memberikan apa-apa tanggung rugi, jika ada, sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, membawa atau mempertahankan apa-apa tindakan yang berhubung dengan harta itu atau yang baginya adalah perlu dibawa atau dipertahankan bagi maksud menggulung syarikat dan mendapatkan harta syarikat itu dengan berkesan.

(3) Jika sesuatu perintah dibuat di bawah subseksyen (2), tiap-tiap penyelesai yang berhubung dengannya perintah itu dibuat hendaklah dalam masa tujuh hari dari perintah itu dibuat—

*(a)* menyerah simpan suatu salinan pejabat bagi perintah itu dengan Pendaftar; dan

*(b)* jika perintah itu berhubung dengan tanah, menyerah simpan suatu salinan pejabat bagi perintah itu dengan pihak berkuasa yang berkenaan berkaitan dengan pendaftaran atau perekodan urusan mengenai tanah itu.

(4) Tiada perintah peletakhakan yang disebut dalam seksyen ini boleh mempunyai kesan untuk memindahkan atau selainnya meletakhakkan apa-apa tanah sehingga catatan yang berkenaan dibuat mengenai pemindahan atau peletakhakan itu oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

(5) Seseorang penyelesai yang melanggar kehendak subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pengemukaan pernyataan tentang hal ehwal syarikat**

**484.** (1) Suatu pernyataan tentang hal ehwal syarikat pada tarikh perintah penggulungan yang menunjukkan—

*(a)* butir-butir tentang aset, hutang dan liabilitinya;

*(b)* nama dan alamat pemiutangnya;

*(c)* sekuriti yang dipegang oleh pemiutang masing-masingnya;

*(d)* tarikh apabila sekuriti diberikan masing-masingnya; dan

*(e)* apa-apa maklumat selanjutnya sebagaimana yang ditetapkan atau sebagaimana yang dikehendaki oleh penyelesai,

hendaklah dibuat oleh satu orang atau lebih dalam subseksyen (2) dan ditentusahkan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dan dikemukakan kepada penyelesai.

(2) Pernyataan dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat dan dikemukakan oleh satu orang atau lebih yang, pada tarikh perintah penggulungan, merupakan pengarah dan oleh setiausaha syarikat, atau oleh mana-mana orang yang berikut sebagaimana yang dikehendaki oleh penyelesai, tertakluk kepada arahan Mahkamah:

*(a)* seseorang yang menjadi atau telah menjadi pegawai syarikat;

*(b)* seseorang yang mengambil bahagian dalam penubuhan syarikat, pada bila-bila masa dalam masa satu tahun sebelum tarikh perintah penggulungan itu; atau

*(c)* seseorang yang menjadi atau telah menjadi dalam tempoh itu, pegawai atau bekerja dengan sesuatu perbadanan yang menjadi, atau dalam tempoh itu telah menjadi, pegawai syarikat yang dimaksudkan oleh pernyataan itu.

(3) Pernyataan dalam subseksyen (1) hendaklah dikemukakan dalam masa empat belas hari dari tarikh perintah penggulungan atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dinyatakan oleh penyelesai atau Mahkamah bagi sebab khas.

(4) Dalam masa tujuh hari dari penerimaan pernyataan dalam subseksyen (2)—

*(a)* penyelesai termasuk Pegawai Penerima hendaklah menyebabkan suatu salinan pernyataan itu difailkan dengan Mahkamah dan diserah simpan dengan Pendaftar; dan

*(b)* jika Pegawai Penerima bukan penyelesai, penyelesai hendaklah menyebabkan suatu salinan pernyataan itu diserah simpan dengan Pegawai Penerima.

(5) Mana-mana orang yang membuat atau bersetuju untuk membuat pernyataan yang dikehendaki oleh seksyen ini boleh, tertakluk kepada kaedah-kaedah, dibenarkan dan dibayar daripada aset syarikat apa-apa kos dan perbelanjaan yang dilakukan dalam dan mengenai penyediaan dan pembuatan pernyataan itu sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh penyelesai tertakluk kepada rayuan kepada Mahkamah.

(6) Mana-mana orang yang melanggar kehendak seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Laporan oleh penyelesai**

**485.** (1) Penyelesai hendaklah, dengan seberapa cepat yang dapat dilaksanakan dari penerimaan pernyataan tentang hal ehwal, mengemukakan suatu laporan permulaan kepada Mahkamah—

*(a)* tentang amaun modal yang dikeluarkan, dilanggan dan dibayar dan anggaran amaun aset dan liabiliti;

*(b)* jika syarikat gagal, tentang sebab-sebab kegagalan itu; dan

*(c)* sama ada pada pendapat penyelesai itu siasatan selanjutnya diperlukan tentang apa-apa perkara yang berhubungan dengan penganjuran, penubuhan atau kegagalan syarikat atau penjalanan perniagaan syarikat.

(2) Sebagai tambahan kepada subseksyen (1), penyelesai boleh, jika difikirkannya patut, membuat laporan selanjutnya yang menyatakan—

*(a)* cara syarikat ditubuhkan dan sama ada pada pendapatnya apa-apa fraud telah dilakukan atau apa-apa fakta material telah disembunyikan oleh mana-mana orang dalam

penganjuran atau penubuhan syarikat itu atau oleh mana-mana pegawai berhubung dengan syarikat itu sejak penubuhannya;

*(b)* sama ada mana-mana pegawai syarikat melanggar atau tidak mematuhi Akta ini; dan

*(c)* menyatakan apa-apa perkara lain yang pada pendapatnya adalah perlu untuk dibawa kepada pengetahuan Mahkamah.

**Kuasa penyelesai dalam penggulungan oleh Mahkamah**

**486.** (1) Jika sesuatu syarikat digulung oleh Mahkamah, penyelesai boleh—

*(a)* tanpa kuasa di bawah perenggan *(b)*, menjalankan mana-mana kuasa am yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kedua Belas; dan

*(b)* dengan kuasa daripada Mahkamah atau jawatankuasa pemeriksaan, menjalankan mana-mana kuasa yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kedua Belas.

(2) Penjalanan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini oleh penyelesai dalam sesuatu penggulungan oleh Mahkamah adalah tertakluk kepada kawalan Mahkamah dan mana-mana pemiutang atau penyumbang boleh memohon kepada Mahkamah mengenai apa-apa penjalanan atau penjalanan yang dicadangkan bagi mana-mana kuasa itu.

**Penjalanan dan pengawalan kuasa penyelesai**

**487.** (1) Tertakluk kepada Penggal ini, penyelesai hendaklah, dalam pentadbiran aset syarikat dan dalam pembahagian aset itu di kalangan pemiutangnya, mengambil kira apa-apa arahan yang diberikan melalui ketetapan pemiutang atau penyumbang dalam mana-mana mesyuarat agung atau oleh jawatankuasa pemeriksaan, dan apa-apa arahan yang diberikan sedemikian oleh pemiutang atau penyumbang itu hendaklah mengatasi apa-apa arahan yang diberikan oleh jawatankuasa pemeriksaan dalam hal percanggahan.

(2) Penyelesai boleh memanggil mesyuarat agung pemiutang atau penyumbang bagi maksud memastikan kemahuan mereka dan dia hendaklah memanggil mesyuarat pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh pemiutang atau penyumbang melalui ketetapan atau bila mana diminta secara bertulis untuk berbuat demikian oleh tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada nilai pemiutang atau penyumbang.

(3) Penyelesai boleh memohon kepada Mahkamah bagi arahan berhubung dengan apa-apa perkara tertentu yang berbangkit di bawah penggulungan itu.

(4) Tertakluk kepada Penggal ini, penyelesai hendaklah menggunakan budi bicaranya sendiri dalam pentadbiran hal ehwal dan harta syarikat dan pembahagian asetnya.

**Penyelesai hendaklah membayar wang yang diterima ke dalam akaun bank**

**488.** (1) Tiap-tiap penyelesai hendaklah, mengikut cara dan pada masa yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah, membayar wang yang diterima olehnya ke dalam apa-apa akaun bank sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah itu atau sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahkamah.

(2) Jika mana-mana penyelesai menyimpan lebih daripada sepuluh hari jumlah melebihi sepuluh ribu ringgit, atau jumlah lain yang Mahkamah dalam mana-mana kes tertentu memberi kuasa untuk disimpannya, maka melainkan jika dia menjelaskan penyimpanan itu sehingga memuaskan hati Mahkamah dia hendaklah membayar faedah ke atas jumlah yang disimpan melebihi daripada yang dikira dari habis tempoh sepuluh hari sehingga dia mematuhi subseksyen (1) pada kadar dua puluh peratus setahun, dan hendaklah bertanggungan—

*(a)* untuk tidak membenarkan semua atau sebahagian daripada saraannya yang difikirkan patut oleh Mahkamah;

*(b)* untuk dipecat daripada jawatannya oleh Mahkamah; dan

*(c)* untuk membayar apa-apa perbelanjaan yang disebabkan oleh keingkarannya.

(3) Mana-mana penyelesai yang membayar apa-apa wang yang diterima olehnya sebagai penyelesai ke dalam mana-mana bank atau akaun selain bank atau akaun yang ditetapkan atau dinyatakan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

**Penetapan senarai penyumbang dan penggunaan aset**

**489.** (1) Dengan seberapa cepat yang dapat dilaksanakan selepas suatu perintah penggulungan dibuat oleh Mahkamah, penyelesai hendaklah—

*(a)* menyebabkan harta syarikat dipungut dan digunakan untuk melepaskan liabiliti syarikat; dan

*(b)* menimbangkan sama ada subseksyen (2) menghendaki penetapan suatu senarai penyumbang.

(2) Seorang penyelesai bagi sesuatu syarikat yang digulung oleh Mahkamah, hendaklah menetapkan suatu senarai penyumbang jika penyelesai itu mendapati berkemungkinan bahawa—

*(a)* sama ada—

(i) terdapat orang yang bertanggungan sebagai anggota atau anggota dahulu untuk menyumbang kepada harta syarikat selepas penggulungan itu; atau

(ii) akan terdapat lebihan yang tersedia bagi pembahagian; dan

*(b)* adalah perlu—

(i) untuk membuat panggilan kepada penyumbang; atau

(ii) untuk melaraskan hak penyumbang di kalangan mereka.

(3) Seseorang penyelesai boleh membetulkan daftar anggota dalam semua hal jika pembetulan dikehendaki di bawah Penggal ini.

(4) Dalam menetapkan senarai penyumbang, penyelesai hendaklah membezakan antara orang yang menjadi penyumbang yang berhak dengan orang yang menjadi penyumbang sebagai wakil atau bertanggungan bagi hutang orang lain.

(5) Senarai penyumbang apabila ditetapkan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang liabiliti orang-orang yang dinamakan dalam senarai itu sebagai penyumbang.

**Pelepasan penyelesai dan pembubaran syarikat**

**490.** Seorang penyelesai boleh memohon kepada Mahkamah—

*(a)* bagi suatu perintah supaya dia dilepaskan dan supaya syarikat dibubarkan, jika dia—

(i) merealisasikan segala harta syarikat atau seberapa banyak yang boleh pada pendapatnya direalisasikan tanpa perlu memanjangkan penyelesaian;

(ii) membahagikan dividen terakhir, jika ada, kepada pemiutang;

(iii) melaraskan hak penyumbang di kalangan mereka; dan

(iv) membuat pulangan akhir, jika ada, kepada penyumbang; atau

*(b)* bagi suatu perintah supaya dia dilepaskan, jika dia meletakkan jawatan atau dipecat daripada jawatannya.

**Perintah pelepasan atau pembubaran**

**491.** (1) Jika suatu perintah dibuat supaya syarikat dibubarkan, syarikat itu hendaklah dari tarikh perintah itu, dibubarkan dengan sewajarnya.

(2) Mahkamah—

*(a)* boleh menyebabkan suatu laporan mengenai akaun seseorang penyelesai, selain Pegawai Penerima, disediakan oleh Pegawai Penerima atau oleh juruaudit berkelayakan yang dilantik oleh Mahkamah;

*(b)* setelah penyelesai mematuhi semua kehendak Mahkamah, hendaklah mengambil kira laporan itu dan apa-apa bantahan yang ditegaskan oleh Pegawai Penerima, juruaudit atau mana-mana pemiutang atau penyumbang atau orang lain yang mempunyai kepentingan terhadap pelepasan penyelesai itu; dan

*(c)* hendaklah sama ada memberikan atau menahan pelepasan itu dengan sewajarnya.

(3) Jika pelepasan seseorang penyelesai ditahan, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pemiutang atau penyumbang atau orang yang mempunyai kepentingan, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya wajar yang mempertanggungkan penyelesai itu bagi apa-apa perbuatan atau keingkaran yang dilakukan atau dibuat yang bercanggah dengan kewajipannya.

(4) Suatu perintah Mahkamah yang melepaskan penyelesai hendaklah membebaskannya daripada segala liabiliti berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau keingkaran yang dibuat olehnya dalam mentadbir hal ehwal syarikat atau selainnya berhubung dengan perlakuannya sebagai penyelesai, tetapi apa-apa perintah itu boleh dibatalkan apabila dibuktikan bahawa perintah itu diperoleh secara fraud atau melalui penahanan atau penyembunyian apa-apa fakta material.

(5) Jika penyelesai dahulunya tidak meletakkan jawatan atau tidak dipecat, pelepasan penyelesai itu hendaklah berkuat kuasa sebagai suatu pemecatan daripada jawatan.

(6) Jika Mahkamah membuat—

*(a)* suatu perintah supaya penyelesai dilepaskan; atau

*(b)* suatu perintah supaya penyelesai dilepaskan dan syarikat dibubarkan,

suatu salinan pejabat bagi perintah itu hendaklah, dalam masa empat belas hari dari perintah itu dibuat, diserah simpan oleh penyelesai dengan Pendaftar dan Pegawai Penerima.

(7) Mana-mana penyelesai yang melanggar kehendak subseksyen (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Subpenggal 9

*Kuasa Am Mahkamah dalam Penggulungan oleh Mahkamah*

**Kuasa Mahkamah untuk menangguhkan penggulungan**

**492.** (1) Pada bila-bila masa selepas suatu perintah bagi penggulungan dibuat, Mahkamah boleh, atas permohonan penyelesai atau mana-mana pemiutang atau penyumbang dan apabila dibuktikan sehingga memuaskan hati Mahkamah bahawa segala prosiding berhubung dengan penggulungan syarikat patut ditangguhkan, membuat suatu perintah yang menangguhkan penggulungan syarikat itu selama tempoh yang dinyatakan mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Jika Mahkamah membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), penyelesai hendaklah terhenti menjalankan apa-apa tindakan selanjutnya bagi pihak syarikat dari tarikh perintah itu.

**Kuasa Mahkamah untuk menamatkan penggulungan**

**493.** (1) Pada bila-bila masa selepas suatu perintah bagi penggulungan dibuat, Mahkamah boleh, atas permohonan penyelesai atau mana-mana pemiutang atau penyumbang dan apabila dibuktikan sehingga memuaskan hati Mahkamah bahawa segala prosiding berhubung dengan penggulungan syarikat patut ditamatkan, membuat suatu perintah yang menamatkan penggulungan syarikat itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Dalam membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), Mahkamah boleh mengambil kira, tetapi tidak terhad kepada, fakta yang berikut:

*(a)* penyelesaian hutang;

*(b)* apa-apa persetujuan oleh penyelesai, pemiutang, penyumbang dan pihak lain yang berkepentingan; atau

*(c)* fakta lain yang difikirkan wajar oleh Mahkamah.

(3) Jika Mahkamah membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), syarikat terhenti daripada penyelesaian dan penyelesai terhenti memegang jawatan dan dilepaskan daripada segala liabiliti berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan

atau keingkaran yang dibuat oleh penyelesai dalam pentadbiran hal ehwal syarikat itu atau selainnya berhubung dengan perlakuannya sebagai penyelesai, berkuat kuasa dari perintah itu dibuat atau apa-apa tarikh lain sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

**Perkara yang berhubungan dengan penggantungan dan penamatan penggulungan**

**494.** (1) Atas apa-apa permohonan di bawah seksyen 492 dan 493, Mahkamah boleh, sebelum membuat suatu perintah, menghendaki penyelesai supaya memberikan suatu laporan mengenai apa-apa fakta atau perkara yang pada pendapatnya adalah berkaitan.

(2) Mahkamah boleh, apabila membuat suatu perintah di bawah seksyen 492 dan 493 atau pada bila-bila masa selepas membuat perintah itu, membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkannya patut berkaitan dengan penangguhan atau penamatan penggulungan itu.

(3) Jika Mahkamah telah membuat perintah menamatkan penggulungan di bawah seksyen 493, Mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan yang difikirkan patut untuk memulakan semula pengurusan dan kawalan syarikat bagi memilih pengarah syarikat untuk mengambil jawatan semasa penamatan penggulungan.

(4) Kos prosiding di hadapan Mahkamah di bawah seksyen 492 dan 493 dan kos yang ditanggung untuk mengadakan mesyuarat anggota syarikat mengikut perintah Mahkamah di bawah seksyen 493, jika Mahkamah mengarahkan sedemikian, membentuk sebahagian daripada kos, caj dan perbelanjaan penggulungan.

(5) Suatu salinan fail bagi tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah seksyen 492 dan 493 hendaklah diserah simpan oleh syarikat dengan Pendaftar dan Pegawai Penerima dan jika permohonan dibuat oleh pemiutang atau penyumbang, disampaikan kepada penyelesai dalam masa empat belas hari dari perintah itu dibuat.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Hutang yang kena dibayar oleh penyumbang kepada syarikat dan takat tolakan**

**495.** Apabila penyelesai membuat permohonan, Mahkamah boleh membuat suatu perintah yang mengarahkan mana-mana penyumbang yang pada masa ini berada dalam senarai penyumbang supaya membayar kepada syarikat mengikut cara yang diarahkan oleh perintah itu apa-apa wang yang kena dibayar olehnya atau daripada estet orang yang diwakilinya tidak termasuk apa-apa wang yang kena dibayar olehnya atau estet itu menurut apa-apa panggilan di bawah Akta ini, dan boleh—

*(a)* dalam hal sesuatu syarikat tidak berhad, membenarkan penyumbang secara tolakan apa-apa wang yang kena dibayar kepadanya atau kepada estet yang diwakilinya daripada syarikat itu berdasarkan apa-apa urus niaga atau kontrak bebas tetapi bukan apa-apa wang yang kena dibayar kepadanya sebagai anggota syarikat berkenaan dengan apa-apa dividen atau keuntungan;

*(b)* dalam hal sesuatu syarikat berhad, membuat pemberian yang serupa sebagaimana yang disebut dalam perenggan *(a)* kepada mana-mana pengarah yang liabilitinya tidak terhad atau kepada estetnya; dan

*(c)* dalam hal mana-mana syarikat sama ada berhad atau tidak berhad, apabila semua pemiutang dibayar sepenuhnya, membenarkan apa-apa wang yang kena dibayar mengenai apa-apa akaun jua kepada penyumbang daripada syarikat boleh secara tolakan terhadap apa-apa panggilan yang berikutnya.

**Kuasa Mahkamah untuk membuat panggilan**

**496.** (1) Mahkamah boleh sama ada sebelum atau selepas ia memastikan kecukupan aset syarikat—

*(a)* membuat panggilan kepada semua atau mana-mana penyumbang yang pada masa ini berada dalam senarai penyumbang, setakat liabiliti mereka, bagi bayaran apa-apa wang yang pada pendapat Mahkamah adalah perlu untuk menyelesaikan hutang dan liabiliti syarikat dan kos, caj dan perbelanjaan penggulungan dan bagi pelarasan hak penyumbang di kalangan mereka; dan

*(b)* membuat suatu perintah bagi pembayaran apa-apa panggilan yang dibuat sedemikian.

(2) Dalam membuat panggilan di bawah subseksyen (1), Mahkamah boleh mengambil kira kemungkinan yang beberapa penyumbang gagal membayar panggilan itu sebahagiannya atau dengan sepenuhnya.

**Pembayaran wang yang kena dibayar kepada syarikat ke dalam bank yang dinamakan**

**497.** (1) Mahkamah boleh mengarahkan mana-mana penyumbang, pembeli atau orang lain yang daripadanya wang kena dibayar kepada syarikat supaya membayar amaun yang kena dibayar ke dalam bank yang dinamakan dalam perintah itu ke akaun penyelesai dan bukan kepada penyelesai, dan mana-mana perintah itu boleh dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seolah-olah perintah itu mengarahkan bayaran kepada penyelesai itu.

(2) Segala wang dan sekuriti yang dibayar atau dihantar serah ke dalam mana-mana bank di bawah Penggal ini hendaklah tertakluk kepada perintah Mahkamah.

**Perintah mengenai penyumbang menjadi keterangan muktamad**

**498.** Suatu perintah yang dibuat oleh Mahkamah di bawah seksyen 495, 496 dan 497 hendaklah, tertakluk kepada apa-apa hak untuk merayu, menjadi keterangan muktamad bahawa wang, jika ada, yang didapati kena dibayar atau yang diperintahkan supaya dibayar menjadi kena dibayar, dan semua perkara lain yang berkaitan yang dinyatakan dalam perintah itu hendaklah dianggap sebagai dinyatakan dengan benar terhadap semua orang dan dalam semua prosiding.

**Pelantikan pengurus khas**

**499.** (1) Penyelesai boleh, jika berpuas hati bahawa sifat estet atau perniagaan syarikat, atau kepentingan pemiutang atau penyumbang secara amnya, menghendaki pelantikan seorang pengurus khas bagi estet atau perniagaan syarikat itu selain dirinya, memohon kepada Mahkamah untuk pelantikan seorang pengurus khas bagi

estet atau perniagaan itu untuk bertindak sepanjang apa-apa tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah dengan apa-apa kuasa, termasuk mana-mana kuasa seorang penerima dan penerima atau pengurus sebagaimana yang diamanahkan kepada penyelesai oleh Mahkamah.

(2) Pengurus khas itu—

*(a)* hendaklah memberikan apa-apa jaminan dan laporan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah;

*(b)* hendaklah menerima apa-apa saraan sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah; dan

*(c)* boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan selepas memberikan notis secara bertulis tidak kurang daripada tiga puluh hari kepada penyelesai tentang niatnya untuk meletakkan jawatan, atau atas sebab yang ditunjukkan, dipecat oleh Mahkamah.

**Tuntutan pemiutang dan pembahagian aset**

**500.** (1) Mahkamah boleh menetapkan suatu tarikh yang pada atau sebelumnya pemiutang hendaklah membuktikan hutang atau tuntutannya atau selepas tarikh itu pemiutang itu dikecualikan daripada mendapat faedah daripada apa-apa pembahagian yang dibuat sebelum hutang itu dibuktikan.

(2) Mahkamah hendaklah melaraskan hak penyumbang dalam kalangan mereka dan membahagikan apa-apa lebihan dalam kalangan orang yang berhak kepadanya.

(3) Mahkamah boleh, sekiranya aset tidak mencukupi untuk menyelesaikan liabiliti, membuat suatu perintah tentang bayaran daripada aset mengenai kos, caj dan perbelanjaan yang dilakukan dalam penggulungan daripada aset itu mengikut apa-apa susunan keutamaan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

**Pemeriksaan buku dan kertas oleh pemiutang dan penyumbang**

**501.** Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah bagi pemeriksaan buku dan surat syarikat oleh pemiutang dan penyumbang sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah, dan mana-mana buku dan surat dalam milikan syarikat boleh diperiksa oleh pemiutang atau penyumbang dengan sewajarnya.

**Kuasa untuk memanggil orang yang berkaitan dengan syarikat**

**502.** (1) Mahkamah boleh memanggil di hadapannya mana-mana pegawai syarikat atau orang yang diketahui atau disyaki mempunyai dalam milikannya apa-apa harta syarikat atau yang dikatakan berhutang dengan syarikat, atau mana-mana orang yang difikirkan berupaya oleh Mahkamah untuk memberikan maklumat mengenai penganjuran, penubuhan, urusan perdagangan, hal ehwal atau harta syarikat.

(2) Mahkamah boleh memeriksa pegawai atau orang secara bersumpah mengenai perkara yang disebut dalam subseksyen (1) sama ada secara lisan atau melalui soal siasat bertulis dan boleh mengubah pernyataan lisannya ke dalam bentuk bertulis dan menghendakinya supaya menandatangani pernyataan bertulis itu yang boleh digunakan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding undang-undang terhadap pegawai atau orang itu.

(3) Mahkamah boleh menghendaki pegawai atau orang itu supaya mengemukakan apa-apa buku dan surat dalam jagaannya atau kuasanya yang berhubungan dengan syarikat, tetapi jika pegawai atau orang itu menuntut apa-apa lien ke atas buku atau surat itu, pengemukaan hendaklah tanpa menjejaskan lien itu, dan Mahkamah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk menentukan segala persoalan yang berhubungan dengan lien itu.

(4) Sesuatu pemeriksaan di bawah seksyen ini atau seksyen 503 boleh, jika Mahkamah mengarahkan sedemikian dan tertakluk kepada kaedah-kaedah yang disebut dalam seksyen 616, dijalankan di hadapan mana-mana Hakim Mahkamah Sesyen yang dinamakan bagi maksud itu oleh Mahkamah, dan kuasa Mahkamah di bawah seksyen ini dan seksyen 503 boleh dijalankan oleh Hakim Mahkamah Sesyen itu.

(5) Jika mana-mana orang yang dipanggil sedemikian selepas diberikan suatu jumlah perbelanjaan yang sewajarnya bagi perbelanjaannya enggan hadir di hadapan Mahkamah pada masa yang ditetapkan tanpa mempunyai alasan yang sah di sisi undang-undang, diberitahu kepada Mahkamah pada masa persidangannya dan dibenarkan olehnya, Mahkamah boleh menyebabkan orang itu diberkas dan dibawa ke hadapan Mahkamah bagi pemeriksaan.

**Kuasa untuk mengarahkan pemeriksaan awam ke atas penganjur, pengarah, dsb.**

**503.** (1) Seseorang penyelesai yang dilantik dalam penggulungan sesuatu syarikat boleh membuat suatu laporan kepada Mahkamah yang menyatakan bahawa, pada pendapatnya—

*(a)* suatu fraud telah dilakukan;

*(b)* apa-apa fakta material telah di sembunyikan oleh mana-mana orang dalam penganjuran atau penubuhan syarikat atau oleh mana-mana pegawai berhubung dengan syarikat sejak penubuhannya; atau

*(c)* mana-mana pegawai syarikat tidak bertindak dengan jujur atau tekun atau bersalah atas apa-apa yang tidak sopan atau yang melulu berhubung dengan hal ehwal syarikat itu.

(2) Selepas menimbangkan laporan di bawah subseksyen (1), Mahkamah boleh mengarahkan—

*(a)* orang atau pegawai itu, atau mana-mana orang lain yang dahulunya merupakan pegawai syarikat, termasuk mana-mana jurubank, peguam atau juruaudit, atau yang diketahui atau disyaki mempunyai dalam milikannya apa-apa harta syarikat atau dikatakan berhutang dengan syarikat; atau

*(b)* mana-mana orang yang difikirkan berupaya oleh Mahkamah untuk memberikan maklumat mengenai penganjuran, penubuhan, urusan perdagangan, hal ehwal atau harta syarikat,

hadir di hadapan Mahkamah pada tarikh yang ditetapkan dan diperiksa secara terbuka tentang penganjuran atau penubuhan atau penjalanan perniagaan syarikat, atau dalam hal seseorang pegawai atau pegawai dahulu, tentang kelakuan dan urusannya sebagai pegawai syarikat.

(3) Penyelesai dan mana-mana pemiutang atau penyumbang boleh mengambil bahagian dalam pemeriksaan sama ada dengan sendiri atau melalui peguam.

(4) Mahkamah boleh mengemukakan atau membenarkan supaya dikemukakan apa-apa soalan kepada orang yang diperiksa sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(5) Orang yang diperiksa hendaklah diperiksa secara bersumpah dan hendaklah menjawab semua soalan sebagaimana yang dikemukakan atau dibenarkan supaya dikemukakan kepadanya oleh Mahkamah.

(6) Seseorang yang diperintahkan supaya diperiksa di bawah seksyen ini hendaklah, sebelum pemeriksaannya, diberikan suatu salinan laporan penyelesai.

(7) Jika seseorang yang diarahkan supaya hadir di hadapan Mahkamah di bawah subseksyen (2) memohon kepada Mahkamah supaya dibebaskan daripada apa-apa tuduhan yang dibuat atau dicadangkan terhadapnya, penyelesai hendaklah hadir semasa pendengaran permohonan itu dan menarik perhatian Mahkamah kepada apa-apa perkara yang didapati oleh penyelesai adalah berkaitan dan jika Mahkamah, selepas mendengar apa-apa keterangan yang diberikan atau selepas saksi-saksi dipanggil oleh penyelesai, membenarkan permohonan itu, Mahkamah boleh membenarkan apa-apa kos kepada pemohon sebagaimana yang difikirkan patut.

(8) Nota pemeriksaan awam—

*(a)* hendaklah dibuat ke dalam bentuk bertulis;

*(b)* hendaklah dibaca kepada atau oleh dan ditandatangani oleh orang yang diperiksa;

*(c)* boleh selepas itu digunakan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding undang-undang terhadap orang itu; dan

*(d)* hendaklah terbuka kepada pemeriksaan mana-mana pemiutang atau penyumbang pada bila-bila masa yang munasabah.

(9) Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, menangguhkan pemeriksaan awam dari semasa ke semasa.

**Kuasa untuk menangkap penyumbang yang melarikan diri**

**504.** Mahkamah pada bila-bila masa sebelum atau selepas membuat suatu perintah penggulungan, setelah dibuktikan tentang sebab barangkali untuk mempercayai bahawa seseorang penyumbang, pengarah atau bekas pengarah syarikat—

*(a)* berada dalam persembunyian;

*(b)* telah melarikan diri;

*(c)* hampir meninggalkan Malaysia atau selainnya melarikan diri;

*(d)* hampir mengalihkan apa-apa hartanya; atau

*(e)* hampir menyembunyikan apa-apa hartanya,

bagi maksud—

(A) mengelak pembayaran panggilan;

(B) mengelak pemeriksaan berkenaan dengan hal ehwal syarikat; atau

(C) mengelak, melengahkan atau memalukan prosiding dalam penggulungan,

boleh menyebabkan penyumbang, pengarah atau bekas pengarah itu ditangkap dan buku dan surat dan harta alih persendiriannya disita dan disimpan dengan selamat sehingga apa-apa tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

**Pewakilan kuasa Mahkamah kepada penyelesai**

**505.** Peruntukan boleh dibuat melalui kaedah-kaedah yang membolehkan atau menghendaki semua atau mana-mana kuasa dan kewajipan yang diberikan dan dikenakan ke atas Mahkamah oleh Penggal ini berkenaan dengan—

*(a)* mengadakan dan menjalankan mesyuarat bagi memastikan kemahuan pemiutang dan penyumbang;

*(b)* pembayaran, penghantarserahan, pemindahhakan, penyerahan atau pemindahan wang, harta, buku atau surat kepada penyelesai;

*(c)* membuat panggilan dan melaraskan hak penyumbang; dan

*(d)* penetapan masa yang dalamnya hutang dan tuntutan hendaklah dibuktikan,

supaya dijalankan atau dilaksanakan oleh penyelesai sebagai pegawai Mahkamah dan tertakluk kepada kawalan Mahkamah, tetapi penyelesai tidak boleh, tanpa keizinan khas Mahkamah,

memberitahu daftar anggota dan tdak boleh membuat apa-apa panggilan tanpa sama ada keizinan khas Mahkamah atau kebenaran jawatankuasa pemeriksaan.

**Kuasa Mahkamah adalah kumulatif**

**506.** (1) Apa-apa kuasa yang diberikan kepada Mahkamah oleh Akta ini hendaklah sebagai tambahan kepada dan bukan mengurangkan apa-apa kuasa sedia ada bagi memulakan prosiding terhadap mana-mana penyumbang atau penghutang syarikat atau harta mana-mana penyumbang atau penghutang bagi mendapatkan apa-apa panggilan atau jumlah wang lain.

(2) Tertakluk kepada kaedah-kaedah yang disebut dalam seksyen 616, sesuatu rayuan daripada mana-mana perintah atau keputusan yang dibuat atau diberikan dalam penggulungan sesuatu syarikat hendaklah dibuat mengikut cara yang sama dan tertakluk kepada syarat-syarat yang sama sebagaimana sesuatu rayuan daripada mana-mana perintah atau keputusan Mahkamah bagi hal dalam bidang kuasa asalnya.

Penggal 2

*Peruntukan yang Terpakai bagi Tiap-Tiap Penggulungan*

Subpenggal 1

*Am*

**Pelaburan dana lebihan dalam akaun am**

**507.** (1) Tertakluk kepada arahan bertulis jawatankuasa pemeriksaan, atau jika tiada jawatankuasa pemeriksaan, oleh penyelesai sendiri, apabila baki tunai dalam kredit mana-mana syarikat dalam penyelesaian melebihi amaun yang diperlukan pada masa ini untuk membayar tuntutan berkenaan dengan harta syarikat, jumlah lebihan itu boleh—

*(a)* dilaburkan dalam sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia; atau

*(b)* disimpan secara deposit dengan faedah atau berserta pulangan dengan mana-mana bank.

(2) Atas permohonan oleh mana-mana pemiutang yang tidak berpuas hati dengan arahan atau keputusan yang berhubungan dengan pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen (1), Mahkamah boleh mengarahkan selainnya jika difikirkannya patut.

(3) Apa-apa faedah yang diterima berkenaan dengan pelaburan hendaklah menjadi sebahagian daripada aset syarikat.

(4) Apabila mana-mana bahagian wang yang dilaburkan sedemikian, pada pendapat jawatankuasa pemeriksaan, atau, jika tiada jawatankuasa pemeriksaan, penyelesai, diperlukan untuk membayar apa-apa tuntutan berkenaan dengan estet syarikat, jawatankuasa pemeriksaan itu boleh mengarahkan, atau, jika tiada jawatankuasa pemeriksaan, penyelesai boleh mengaturkan penjualan atau realisasi apa-apa bahagian sekuriti yang disebut dalam perenggan (1)*(a)* sebagaimana perlu.

**Aset tidak dituntut hendaklah dibayar kepada penerima hasil**

**508.** (1) Jika seseorang penyelesai mempunyai dalam tangannya atau di bawah kawalannya—

*(a)* apa-apa dividen tidak dituntut atau wang lain yang masih tidak dituntut selama lebih daripada enam bulan dari tarikh apabila dividen atau wang lain itu menjadi kena dibayar; atau

*(b)* selepas membuat pembahagian terakhir, apa-apa wang tidak dituntut atau tidak dibahagikan berbangkit daripada estet syarikat,

penyelesai itu hendaklah dengan serta-merta membayar wang itu kepada Pegawai Penerima untuk disimpan dalam kredit Akaun Penyelesaian Syarikat dan yang penerimaannya hendaklah menjadi pelepasan sebenar berkenaan dengan wang yang tidak dituntut itu.

(2) Mahkamah boleh atas permohonan Pegawai Penerima—

*(a)* memerintahkan mana-mana penyelesai supaya mengemukakan kepadanya suatu akaun apa-apa dana, dividen atau wang lain yang tidak dituntut atau tidak dibahagikan yang berada dalam tangannya atau di bawah kawalannya yang disahkan melalui afidavit dan boleh mengarahkan suatu audit ke atas akaun itu; dan

*(b)* mengarahkan penyelesai itu supaya membayar wang itu kepada Pegawai Penerima untuk disimpan dalam kredit Akaun Penyelesaian Syarikat.

(3) Faedah atau pulangan yang terbit daripada pelaburan wang dalam kredit Akaun Penyelesaian Syarikat hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(4) Bagi maksud seksyen ini, Mahkamah boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan oleh Akta ini berkenaan dengan penzahiran dan realisasi harta syarikat dan peruntukan Akta ini berkenaan dengan penzahiran dan realisasi itu hendaklah, dengan apa-apa penyesuaian sebagaimana yang ditetapkan, terpakai bagi prosiding di bawah seksyen ini.

(5) Melainkan jika diperuntukkan secara nyata dalam Akta ini, seksyen ini tidak melucutkan mana-mana orang daripada apa-apa hak atau remedi lain yang baginya dia berhak terhadap penyelesai atau mana-mana orang lain.

(6) Jika mana-mana pihak menuntut membuat apa-apa tuntutan bagi apa-apa wang yang disimpan dalam kredit Akaun Penyelesaian Syarikat, Pegawai Penerima setelah berpuas hati bahawa pihak menuntut itu merupakan tuan punya wang itu—

*(a)* hendaklah membenarkan pembayaran dibuat kepada pihak menuntut itu daripada Akaun itu; atau

*(b)* jika wang itu telah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan, boleh membenarkan pembayaran amaun yang sama dibuat kepada pihak menuntut itu daripada wang yang dijadikan tersedia oleh Parlimen bagi maksud itu.

(7) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pegawai Penerima berkenaan dengan suatu tuntutan yang dibuat di bawah subseksyen (6) boleh merayu kepada Mahkamah yang boleh mengesahkan, menolak atau mengubah keputusan itu.

(8) Jika mana-mana wang tidak dituntut yang dibayar kepada mana-mana pihak menuntut kemudiannya dituntut oleh mana-mana orang lain, orang lain itu tidak berhak kepada apa-apa bayaran daripada Akaun Kumpulan Wang itu di bawah subseksyen (6), tetapi boleh mengambil tindakan terhadap pihak menuntut itu yang kepadanya wang tidak dituntut itu dibayar.

(9) Apa-apa wang tidak dituntut yang dibayar dalam kredit Akaun Penyelesaian Syarikat setakat yang baginya wang tersebut tidak dibayar daripada Akaun itu di bawah seksyen ini hendaklah, setelah luput enam tahun dari tarikh pembayaran wang itu dalam kredit Akaun itu, dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

**Buku dan surat hendaklah disimpan oleh penyelesai**

**509.** Tiap-tiap penyelesai hendaklah menyimpan buku dan surat yang sepatutnya yang dalamnya penyelesai itu hendaklah menyebabkan dibuat catatan atau minit prosiding dalam mesyuarat dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang ditetapkan, dan mana-mana pemiutang atau penyumbang boleh, tertakluk kepada kawalan Mahkamah, memeriksa buku dan surat yang sepatutnya itu dengan sendiri atau melalui ejennya.

**Kawalan Mahkamah ke atas penyelesai**

**510.** (1) Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang pelakuan penyelesai, dan jika seseorang penyelesai itu tidak melaksanakan kewajipannya dengan betul dan tidak menuruti kehendak yang ditetapkan atau kehendak Mahkamah atau jika apa-apa aduan dibuat kepada Mahkamah oleh mana-mana pemiutang atau penyumbang atau oleh Pegawai Penerima berkenaan dengan perlakuan itu, Mahkamah hendaklah menyiasat perkara itu dan mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Pendaftar atau Pegawai Penerima boleh membuat laporan kepada Mahkamah mengenai apa-apa perkara yang pada pendapat Pendaftar atau Pegawai Penerima itu merupakan suatu misfeasans, pengabaian atau peninggalan di pihak penyelesai dan Mahkamah boleh memerintahkan penyelesai itu supaya membayar apa-apa kerugian yang ditanggung oleh harta syarikat dan membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(3) Mahkamah boleh pada bila-bila masa menghendaki mana-mana penyelesai supaya menjawab apa-apa pertanyaan berhubung dengan penggulungan dan boleh memeriksa penyelesai itu atau mana-mana orang lain secara bersumpah mengenai penggulungan itu dan boleh mengarahkan suatu penyiasatan dibuat tentang buku dan baucar penyelesai.

**Penghantarserahan harta kepada penyelesai**

**511.** Mahkamah boleh menghendaki mana-mana penyumbang, pemegang amanah, penerima, jurubank, ejen atau pegawai syarikat supaya membayar, menghantar serah, memindahhakkan, menyerahkan atau memindahkan kepada penyelesai atau penyelesai interim dengan serta-merta atau dalam apa-apa masa sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah apa-apa wang, harta, buku dan surat dalam tangannya yang kepadanya syarikat itu berhak secara *prima facie*.

**Kuasa Pegawai Penerima jika tiada jawatankuasa pemeriksaan**

**512.** (1) Jika seseorang selain Pegawai Penerima menjadi penyelesai dan tidak terdapat jawatankuasa pemeriksaan, Pegawai Penerima itu boleh, atas permohonan penyelesai itu, melakukan apa-apa perbuatan atau benda atau memberikan apa-apa arahan atau kebenaran yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Akta ini supaya dilakukan atau diberikan oleh jawatankuasa pemeriksaan itu.

(2) Jika Pegawai Penerima menjadi penyelesai dan tidak terdapat jawatankuasa pemeriksaan, Pegawai Penerima itu boleh mengikut budi bicaranya melakukan apa-apa perbuatan atau benda yang dikehendaki supaya dilakukan oleh Akta ini, atau tertakluk kepada apa-apa arahan atau kebenaran yang diberikan oleh jawatankuasa pemeriksaan itu.

**Notis pelantikan dan alamat penyelesai**

**513.** (1) Seseorang penyelesai atau penyelesai interim hendaklah menyerah simpan suatu notis pelantikannya, alamat pejabatnya dan apa-apa perubahan alamat dengan Pendaftar dan Pegawai Penerima mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pendaftar dalam masa empat belas hari dari pelantikan itu atau perubahan alamat itu.

(2) Penyampaian yang dibuat dengan meninggalkan apa-apa dokumen di atau menghantarnya melalui pos yang dialamatkan ke alamat pejabat penyelesai atau penyelesai interim yang diberikan dalam mana-mana notis yang diserah simpan dengan Pendaftar hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang baik ke atas penyelesai dan ke atas syarikat.

(3) Seseorang penyelesai atau penyelesai interim hendaklah, dalam masa empat belas hari dari peletakan jawatannya atau pemecatannya daripada jawatan, menyerah simpan dengan Pendaftar dan dengan Pegawai Penerima suatu notis tentang fakta itu mengikut bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(4) Seseorang penyelesai atau penyelesai interim yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Akaun penyelesai**

**514.** (1) Tiap-tiap penyelesai hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari habis tempoh enam bulan dari tarikh pelantikan penyelesai itu dan tiap-tiap tempoh enam bulan yang berikut dan dalam apa-apa hal dalam masa tiga puluh hari selepas penyelesai itu terhenti bertindak sebagai penyelesai hendaklah dengan serta- merta selepas memperoleh suatu perintah pelepasan, menyerah simpan dengan Pendaftar dan dengan Pegawai Penerima, suatu akaun tentang penerimaan dan pembayaran penyelesai itu dan suatu pernyataan tentang kedudukan dalam penggulungan dan ditentusahkan melalui akuan berkanun mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Pegawai Penerima boleh menyebabkan akaun tentang apa-apa penyelesaian diaudit oleh juruaudit syarikat diluluskan.

(3) Bagi maksud audit yang disebut dalam subseksyen (2), penyelesai hendaklah memberi juruaudit itu apa-apa baucar dan maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh juruaudit itu, dan juruaudit itu boleh pada bila-bila masa menghendaki pengemukaan dan memeriksa apa-apa buku atau akaun yang disimpan oleh penyelesai.

(4) Suatu salinan akaun atau, jika diaudit, suatu salinan akaun teraudit hendaklah disimpan oleh penyelesai dan salinan itu hendaklah terbuka kepada pemeriksaan mana-mana pemiutang atau mana-mana orang yang berkepentingan di pejabat penyelesai.

(5) Penyelesai hendaklah—

*(a)* memberikan notis bahawa akaun telah disediakan kepada tiap-tiap pemiutang dan penyumbang apabila menyampaikan apa-apa laporan, notis mesyuarat, notis tentang panggilan atau dividen; dan

*(b)* dalam notis itu, memberitahu pemiutang dan penyumbang alamat di mana dan tempoh masa yang akaun itu boleh diperiksa.

(6) Kos bagi suatu audit di bawah seksyen ini hendaklah ditetapkan oleh Pegawai Penerima dan hendaklah menjadi sebahagian daripada perbelanjaan penggulungan.

(7) Seseorang penyelesai yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Penyelesai hendaklah membetulkan keingkaran**

**515.** (1) Jika mana-mana penyelesai yang melakukan apa-apa keingkaran dalam menyerah simpan atau membuat apa-apa permohonan, penyata, akaun atau dokumen lain, atau dalam memberikan apa-apa notis yang penyelesai itu dikehendaki oleh undang-undang supaya menyerah simpan, membuat atau memberikan, tidak membetulkan keingkaran itu dalam masa empat belas hari dari penyampaian notis yang menghendaki penyelesai itu supaya berbuat demikian, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana penyumbang atau pemiutang syarikat atau Pegawai Penerima, membuat suatu perintah yang mengarahkan penyelesai itu supaya membetulkan keingkaran itu dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh memperuntukkan bahawa segala kos tentang dan bersampingan dengan permohonan hendaklah ditanggung oleh penyelesai.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menjejaskan penguatkuasaan mana-mana undang-undang bertulis yang mengenakan penalti ke atas penyelesai berkenaan dengan mana-mana keingkaran itu.

**Pemberitahuan bahawa syarikat berada dalam penyelesaian**

**516.** (1) Jika sesuatu syarikat digulung, perkataan "dalam penyelesaian" hendaklah ditambahkan selepas nama syarikat dalam tiap-tiap invois, pesanan bagi barang atau surat urusan yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak syarikat, penyelesai bagi syarikat, penerima atau pengurus bagi harta syarikat.

(2) Syarikat dan tiap-tiap pegawai syarikat atau penyelesai dan tiap-tiap penerima atau pengurus yang melanggar seksyen ini dan yang dengan diketahuinya dan dengan sengaja membenarkan atau mengizinkan pelanggaran itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

**Rayuan terhadap keputusan penyelesai**

**517.** Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa perbuatan atau keputusan penyelesai boleh memohon kepada Mahkamah yang boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah suai perbuatan atau keputusan yang diadukan itu dan membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya adil.

**Buku dan surat syarikat**

**518.** (1) Jika sesuatu syarikat digulung, semua buku dan surat syarikat dan penyelesai yang berkaitan dengan hal ehwal syarikat pada atau selepas permulaan penggulungan syarikat itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang kebenaran segala perkara yang direkodkan dalam buku atau surat itu berkenaan dengan penyumbang dan syarikat itu.

(2) Apabila sesuatu syarikat telah digulung, penyelesai hendaklah memegang simpan buku dan surat yang disebut dalam subseksyen (1) selama tempoh lima tahun dari tarikh pembubaran syarikat dan apabila habis tempoh itu, boleh membinasakan buku dan surat itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), apabila sesuatu syarikat telah digulung, buku dan surat yang disebut dalam subseksyen (1) boleh dibinasakan dalam tempoh lima tahun selepas pembubaran syarikat itu—

*(a)* dalam hal penggulungan oleh Mahkamah, mengikut arahan Mahkamah;

*(b)* dalam hal penggulungan sukarela anggota, sebagaimana yang diarahkan oleh syarikat melalui ketetapan; dan

*(c)* dalam hal penggulungan sukarela pemiutang, sebagaimana yang diarahkan oleh jawatankuasa pemeriksaan, atau, jika tidak terdapat jawatankuasa sedemikian, sebagaimana yang diarahkan oleh pemiutang syarikat.

(4) Syarikat atau penyelesai tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang yang mendakwa berkepentingan dalam mana-mana buku atau surat yang dibinasakan mengikut seksyen ini.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

**Perbelanjaan bagi penggulungan jika aset tidak mencukupi**

**519.** (1) Melainkan jika diarahkan secara nyata untuk berbuat demikian oleh Mahkamah, seseorang penyelesai tidak bertanggungan untuk menanggung apa-apa perbelanjaan berhubung dengan penggulungan sesuatu syarikat melainkan jika terdapat aset tersedia yang mencukupi.

(2) Atas permohonan seseorang pemiutang atau penyumbang, Mahkamah boleh mengarahkan penyelesai supaya menanggung perbelanjaan tertentu dengan syarat bahawa pemiutang atau penyumbang itu menanggung rugi penyelesai itu berkenaan dengan amaun yang dibelanjakan yang didapatkan dan jika Mahkamah mengarahkan sedemikian, memberikan apa-apa jaminan untuk menjamin amaun tanggung rugi itu sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah.

**Ketetapan yang diluluskan dalam mesyuarat pemiutang dan penyumbang yang ditangguhkan**

**520.** Tertakluk kepada subseksyen 449(10), jika suatu ketetapan diluluskan dalam mesyuarat mana-mana pemiutang atau penyumbang bagi sesuatu syarikat yang ditangguhkan, ketetapan itu hendaklah bagi segala maksud dikira sebagai telah diluluskan pada tarikh yang ketetapan itu sebenarnya diluluskan dan bukan pada mana-mana tarikh yang lebih awal.

**Mesyuarat untuk memastikan kemahuan pemiutang atau penyumbang**

**521.** (1) Mahkamah boleh, mengenai segala perkara yang berhubungan dengan penggulungan sesuatu syarikat, mengambil kira kemahuan pemiutang atau penyumbang sebagaimana yang dibuktikan kepadanya melalui apa-apa keterangan yang mencukupi, dan boleh jika difikirkan patut oleh Mahkamah bagi maksud memastikan kemahuan itu mengarahkan mesyuarat pemiutang atau penyumbang dipanggil, diadakan dan dijalankan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, dan boleh melantik seseorang untuk bertindak sebagai pengerusi bagi mana-mana mesyuarat itu dan untuk melaporkan keputusan mesyuarat itu kepada Mahkamah.

(2) Dalam hal pemiutang, nilai setiap hutang pemiutang hendaklah diambil kira.

(3) Dalam hal penyumbang, bilangan undi yang diberikan ke atas setiap penyumbang oleh Akta ini atau perlembagaan hendaklah diambil kira.

**Suruhanjaya khas untuk menerima keterangan**

**522.** (1) Hakim Mahkamah Sesyen hendaklah menjadi pesuruhjaya bagi maksud mengambil keterangan di bawah Bahagian ini, dan Mahkamah boleh merujuk keseluruhan atau mana-mana bahagian pemeriksaan mana-mana saksi di bawah Bahagian ini kepada mana-mana orang yang dilantik sebagai pesuruhjaya.

(2) Tiap-tiap pesuruhjaya hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa yang boleh dijalankannya secara sah sebagai Hakim Mahkamah Sesyen, dalam perkara yang dirujuk sedemikian kepadanya mempunyai kuasa yang sama seperti Mahkamah untuk—

*(a)* memanggil dan memeriksa saksi;

*(b)* menghendaki pengemukaan atau penghantarserahan dokumen;

*(c)* menghukum keingkaran oleh saksi; dan

*(d)* membenarkan kos dan perbelanjaan kepada saksi.

(3) Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, pengambilan keterangan oleh pesuruhjaya hendaklah dibuat dalam mahkamah terbuka dan hendaklah terbuka kepada orang ramai.

(4) Pemeriksaan yang dibuat sedemikian hendaklah diserahkan atau dilaporkan kepada Mahkamah mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

Subpenggal 2

*Bukti dan Kedudukan Tuntutan*

**Perihalan hutang yang boleh dibuktikan dalam penggulungan**

**523.** (1) Tuntutan yang bersifat ganti rugi jumlah tidak tertentu yang berbangkit selain oleh sebab sesuatu kontrak, janji atau pecah amanah tidak boleh dibuktikan dalam penggulungan.

(2) Seseorang yang mengetahui tentang apa-apa perintah penggulungan dalam penggulungan oleh Mahkamah atau ketetapan yang diluluskan dalam penggulungan sukarela tidak boleh membuktikan di bawah penggulungan itu bagi apa-apa hutang atau liabiliti yang dibuat kontrak oleh syarikat selepas tarikh dia mengetahui sedemikian.

(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) dan (2), segala hutang dan liabiliti pada masa sekarang atau pada masa hadapan, yang pasti atau di luar jangkaan, yang kepadanya syarikat adalah tertakluk pada tarikh perintah penggulungan atau ketetapan itu, atau yang kepadanya syarikat boleh menjadi tertakluk sebelum pembubaran oleh sebab apa-apa obligasi yang dilakukan sebelum tarikh perintah penggulungan itu hendaklah disifatkan sebagai hutang yang boleh dibuktikan dalam penggulungan.

(4) Suatu anggaran hendaklah dibuat oleh penyelesai tentang nilai apa-apa hutang atau tanggungan yang boleh dibuktikan di bawah subseksyen (3) yang, oleh sebab hutang atau liabiliti itu menjadi tertakluk kepada apa-apa hal luar jangka atau bagi apa-apa sebab lain, tidak mempunyai nilai yang pasti.

(5) Mana-mana orang yang terkilan dengan anggaran yang dibuat di bawah subseksyen (4) boleh merayu kepada Mahkamah.

(6) Jika pada pendapat Mahkamah, nilai hutang atau liabiliti tidak boleh dianggarkan dengan adil, Mahkamah boleh membuat suatu perintah mengenai perkara itu, dan hutang atau liabiliti itu hendaklah bagi maksud Akta ini disifatkan sebagai hutang yang tidak boleh dibuktikan dalam penggulungan.

(7) Jika pada pendapat Mahkamah, nilai hutang atau liabiliti boleh dianggarkan dengan adil, Mahkamah boleh menilai hutang atau liabiliti itu dan boleh memberikan segala arahan yang perlu bagi maksud ini, dan amaun nilai apabila dinilai hendaklah disifatkan sebagai hutang yang boleh dibuktikan dalam penggulungan.

**Hak dan kewajipan pemiutang bercagar**

**524.** (1) Seorang pemiutang bercagar boleh—

*(a)* mendapatkan harta tertakluk kepada sesuatu gadaian, jika berhak untuk berbuat demikian;

*(b)* menilai harta tertakluk kepada gadaian dan menuntut dalam penggulungan sebagai pemiutang tidak terjamin bagi baki yang kena dibayar, jika ada; atau

*(c)* menyerahkan gadaian kepada penyelesai bagi faedah umum pemiutang dan menuntut dalam penggulungan sebagai pemiutang tidak bercagar bagi keseluruhan hutang.

(2) Seorang pemiutang bercagar boleh menjalankan kuasa yang disebut dalam perenggan (1)*(a)* sama ada pemiutang bercagar itu menjalankan kuasa yang disebut dalam perenggan (1)*(b)* atau tidak.

(3) Seseorang pemiutang bercagar yang mendapatkan harta tertakluk kepada suatu gadaian di bawah perenggan (1)*(a)*—

*(a)* boleh, melainkan jika penyelesai menerima suatu penilaian dan tuntutan oleh pemiutang bercagar di bawah subseksyen (7), menuntut sebagai pemiutang tidak terjamin bagi apa-apa baki yang kena dibayar selepas menolak amaun bersih yang didapatkan;

*(b)* hendaklah mengakaunkan kepada penyelesai apa-apa lebihan yang tinggal daripada amaun bersih yang didapatkan selepas menjelaskan hutang, termasuk faedah yang kena dibayar tetapi yang tidak melebihi enam bulan, berkenaan dengan hutang itu sehingga masa penyelesaiannya, dan selepas membuat apa-apa bayaran yang sepatutnya kepada pemegang apa-apa gadaian lain ke atas harta tertakluk kepada gadaian itu.

(4) Jika seseorang pemiutang bercagar menilai jaminan dan menuntut sebagai pemiutang tidak bercagar bagi baki yang kena dibayar di bawah perenggan (1)*(a)* dan *(b)*, jika ada, penilaian itu dan apa-apa tuntutan hendaklah dibuat mengikut cara yang ditentukan oleh Pendaftar dan—

*(a)* mengandungi butir-butir penuh tentang penilaian itu dan apa-apa tuntutan;

*(b)* mengandungi butir-butir penuh tentang gadaian termasuk tarikh gadaian itu diberikan; dan

*(c)* mengenal pasti apa-apa dokumen yang menyokong tuntutan dan gadaian itu.

(5) Penyelesai boleh menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen yang disebut dalam perenggan (4)*(c)*.

(6) Jika sesuatu tuntutan dibuat oleh pemiutang bercagar di bawah subseksyen (4), penyelesai hendaklah—

*(a)* menerima penilaian dan tuntutan itu; atau

*(b)* menolak penilaian dan tuntutan itu dengan sepenuhnya atau sebahagiannya, tetapi—

(i) jika sesuatu penilaian dan tuntutan ditolak dengan sepenuhnya atau sebahagiannya, pemiutang boleh membuat suatu penilaian dan tuntutan semakan dalam masa empat belas hari dari penerimaan notis tentang penolakan itu; dan

(ii) penyelesai boleh, jika dia selepas itu berpendapat bahawa sesuatu penilaian dan tuntutan ditolak secara salah dengan sepenuhnya atau sebahagiannya, membatalkan atau meminda keputusan itu.

(7) Jika penyelesai—

*(a)* menerima suatu penilaian dan tuntutan di bawah perenggan (6)*(a)*;

*(b)* menerima suatu penilaian dan tuntutan semakan di bawah subperenggan (6)*(b)*(i); atau

*(c)* menerima suatu penilaian dan tuntutan setelah dibatalkan atau dipinda sesuatu keputusan untuk menolak tuntutan di bawah subperenggan (6)*(b)*(ii),

penyelesai boleh, melainkan jika pemiutang bercagar telah mendapatkan harta, pada bila-bila masa, menebus jaminan setelah dibayar nilai yang ditaksir.

(8) Penyelesai boleh pada bila-bila masa, melalui notis secara bertulis, menghendaki seseorang pemiutang bercagar, dalam masa dua puluh satu hari dari penerimaan notis itu, supaya—

*(a)* memilih mana-mana kuasa yang disebut dalam subseksyen (1) yang mahu dijalankan oleh pemiutang; dan

*(b)* jika pemiutang memilih untuk menjalankan kuasa yang disebut dalam perenggan (1)*(b)* atau *(c)*, menjalankan kuasa itu dalam tempoh itu.

(9) Seorang pemiutang bercagar yang kepadanya notis telah disampaikan di bawah subseksyen (8) yang tidak mematuhi notis itu dikira sebagai telah menyerahkan gadaian kepada penyelesai di bawah perenggan (1)*(c)* bagi faedah umum pemiutang, dan boleh menuntut dalam penyelesaian sebagai pemiutang tidak bercagar bagi keseluruhan hutang.

(10) Seseorang pemiutang bercagar yang menyerahkan suatu gadaian di bawah perenggan (1)*(c)* atau yang dikira sebagai telah menyerahkan suatu gadaian di bawah subseksyen (9) boleh, dengan keizinan Mahkamah atau penyelesai dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah atau penyelesai, pada bila-bila masa sebelum penyelesai mendapatkan harta yang digadaikan—

*(a)* menarik balik penyerahan itu dan bergantung kepada gadaian; atau

*(b)* mengemukakan suatu tuntutan baru di bawah seksyen ini.

(11) Tiap-tiap orang yang—

*(a)* membuat, atau membenarkan supaya dibuat, suatu tuntutan di bawah subseksyen (4) yang palsu atau mengelirukan mengenai butir-butir material dengan mengetahui bahawa ia adalah palsu atau mengelirukan; atau

*(b)* meninggalkan, atau membenarkan supaya ditinggalkan, daripada suatu tuntutan di bawah subseksyen itu tentang apa-apa perkara dengan mengetahui bahawa peninggalan itu menjadikan tuntutan itu palsu atau mengelirukan mengenai butir-butir material,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apaiblan disabitkan, didenda tidak lebih daripada satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Hak dan kewajipan pemiutang tidak bercagar**

**525.** (1) Tiap-tiap pemiutang hendaklah membuktikan hutangnya dengan serta-merta selepas suatu perintah penggulungan dibuat.

(2) Sesuatu hutang boleh dibuktikan dengan menyampaikan atau menghantar suatu afidavit melalui pos dengan surat prabayar kepada penyelesai.

(3) Afidavit hendaklah—

*(a)* menentusahkan hutang;

*(b)* dibuat oleh pemiutang sendiri atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh atau bagi pihak pemiutang atau estetnya dan jika dibuat oleh seseorang yang diberi kuasa sedemikian, afidavit itu hendaklah menyatakan kuasa dan sumber pengetahuan orang itu;

*(c)* mengandungi atau merujuk kepada suatu penyata akaun yang menunjukkan butir-butir hutang dan hendaklah menyatakan baucar, jika ada, yang melaluinya penyata akaun itu boleh disokong; dan

*(d)* menyatakan sama ada pemiutang merupakan pemiutang bercagar atau tidak.

(4) Penyelesai boleh pada bila-bila masa meminta pengemukaan baucar atau buku akaun.

(5) Seseorang pemiutang hendaklah menanggung kos bagi membuktikan hutangnya melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya secara khusus.

(6) Tiap-tiap pemiutang yang menyerah simpan suatu bukti adalah berhak untuk melihat dan memeriksa bukti pemiutang lain pada setiap masa yang munasabah.

(7) Seseorang pemiutang yang membuktikan hutangnya hendaklah menolak daripada hutangnya segala diskaun perdagangan, tetapi orang itu tidak boleh dipaksa untuk menolak apa-apa diskaun yang

tidak melebihi lima peratus ke atas amaun bersih tuntutannya, yang dia bersetuju untuk membenarkan bagi bayaran secara tunai.

**Kredit bersama dan tolakan**

**526.** (1) Seksyen ini terpakai jika sebelum permulaan penggulungan terdapat kredit bersama, hutang bersama atau urus niaga bersama lain antara syarikat dengan mana-mana pemiutang syarikat yang membuktikan atau menuntut untuk membuktikan hutang penggulungan.

(2) Suatu akaun hendaklah dibuat tentang apa-apa yang kena dibayar daripada setiap pihak kepada pihak yang satu lagi berkenaan dengan urus niaga bersama dan jumlah wang yang kena dibayar daripada satu pihak hendaklah ditolak daripada jumlah wang yang kena dibayar daripada pihak yang satu lagi.

(3) Jumlah wang yang kena dibayar daripada syarikat kepada pihak yang satu lagi tidak boleh dimasukkan dalam keterangan yang dibuat di bawah subseksyen (2) jika pihak yang satu lagi itu mengetahui pada masa jumlah wang yang terhutang itu menjadi kena dibayar bahawa suatu mesyuarat pemiutang telah dipanggil atau suatu petisyen bagi penggulungan syarikat belum selesai.

**Keutamaan**

**527.** (1) Tertakluk kepada Akta ini, dalam sesuatu penggulungan hendaklah dibayar mengikut keutamaan berbanding dengan semua hutang tidak bercagar lain—

*(a)* yang pertama, kos dan perbelanjaan penggulungan termasuk kos pempetisyen yang dicukai yang kena dibayar di bawah seksyen 468, saraan penyelesai dan kos apa-apa audit yang dijalankan di bawah seksyen 514;

*(b)* yang kedua, semua upah atau gaji, sama ada diperoleh sepenuhnya atau sebahagiannya dengan cara komisyen atau tidak, termasuk apa-apa amaun yang kena dibayar dengan cara elaun atau pembayaran balik di bawah mana-mana kontrak pekerjaan atau award atau perjanjian yang mengawal selia syarat-syarat pekerjaan, mana-mana pekerja tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditetapkan sama ada bagi

masa atau butiran kerja berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja itu kepada syarikat dalam tempoh empat bulan sebelum permulaan penggulungan;

*(c)* yang ketiga, semua amaun yang kena dibayar berkenaan dengan pampasan pekerja di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pampasan pekerja yang terakru sebelum permulaan penggulungan;

*(d)* yang keempat, semua saraan yang kena dibayar kepada mana-mana pekerja berkenaan dengan cuti rehat, atau dalam hal kematiannya kepada mana-mana orang lain yang berhak kepadanya, yang terakru berkenaan dengan apa-apa tempoh sebelum permulaan penggulungan;

*(e)* yang kelima, semua amaun yang kena dibayar berkenaan dengan sumbangan yang kena dibayar sepanjang dua belas bulan yang berikut sebelum permulaan penggulungan oleh syarikat sebagai majikan mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan caruman keselamatan sosial pekerja dan persaraan atau kumpulan wang simpanan atau di bawah apa-apa skim persaraan atau faedah persaraan yang merupakan suatu skim diluluskan di bawah undang-undang persekutuan yang berhubungan dengan cukai pendapatan; dan

*(f)* yang keenam, amaun semua cukai persekutuan yang ditaksir di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebelum tarikh permulaan penggulungan atau ditaksir pada bila-bila masa sebelum masa yang ditetapkan bagi membuktikan hutang habis tempoh.

(2) Hutang dalam setiap kelas yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah pada kedudukan mengikut susunan yang dinyatakan dalam subseksyen itu tetapi hutang daripada kelas yang sama hendaklah pada kedudukan *pari passu* dan hendaklah dibayar dengan sepenuhnya, melainkan jika harta syarikat tidak mencukupi untuk menjelaskan hutang itu, yang dalam hal itu bayaran hendaklah dikurangkan dan kadar pengurangan hendaklah mengikut kadar yang sama.

(3) Jika apa-apa bayaran telah dibuat kepada mana-mana pekerja syarikat bagi upah, gaji atau cuti rehat daripada wang yang didahulukan oleh seseorang bagi maksud itu, orang yang olehnya wang telah didahulukan hendaklah, dalam penggulungan, mempunyai hak keutamaan berkenaan dengan wang yang didahulukan

dan dibayar sedemikian, sehingga amaun wang yang berkenaan dengannya pekerja sepatutnya berhak mendapat keutamaan dalam penggulungan telah dikurangkan oleh sebab pembayaran, dan hendaklah mempunyai hak keutamaan yang sama berkenaan dengan amaun itu sebagaimana yang sepatutnya dipunyai oleh pekerja itu jika pembayaran tidak dibuat.

(4) Setakat yang aset syarikat yang tersedia bagi pembayaran pemiutang am tidak mencukupi untuk menjelaskan mana-mana hutang keutamaan yang dinyatakan dalam perenggan (1)*(b)*, *(d)* dan *(e)* dan apa-apa amaun yang kena dibayar mengikut keutamaan menurut kuasa subseksyen (3), hutang itu hendaklah mempunyai keutamaan daripada tuntutan pemegang debentur di bawah mana-mana gadaian terapung yang diwujudkan oleh syarikat itu, dan hendaklah dibayar dengan sewajarnya daripada apa-apa harta yang terkandung dalam atau tertakluk kepada gadaian itu.

(5) Jika syarikat adalah di bawah suatu kontrak insurans, yang dibuat sebelum permulaan penggulungan, yang diinsuranskan terhadap liabiliti kepada pihak ketiga, jika apa-apa liabiliti itu dilakukan oleh syarikat, sama ada sebelum atau selepas permulaan penggulungan, dan suatu amaun berkenaan dengan liabiliti itu sedang atau telah diterima oleh syarikat atau penyelesai daripada penanggung insurans, amaun itu hendaklah, selepas menolak apa-apa perbelanjaan bagi atau bersampingan dalam memperoleh amaun itu, dibayar oleh penyelesai kepada pihak ketiga yang berkenaan dengannya liabiliti itu dilakukan setakat yang perlu untuk melepaskan liabiliti itu atau mana-mana bahagian liabiliti itu yang masih tidak dilepaskan mengikut keutamaan daripada semua bayaran berkenaan dengan hutang yang disebut dalam subseksyen (1).

(6) Jika liabiliti penanggung insurans kepada syarikat adalah kurang daripada liabiliti syarikat kepada pihak ketiga, tiada apa-apa jua dalam subseksyen (5) boleh membataskan hak pihak ketiga itu berkenaan dengan baki itu.

(7) Subseksyen (5) dan (6) hendaklah mempunyai kuat kuasa walau apa pun apa-apa perjanjian sebaliknya yang dibuat selepas permulaan kuat kuasa Akta ini.

(8) Walau apa pun apa-apa jua dalam subseksyen (1)—

*(a)* perenggan *(c)* subseksyen itu tidak terpakai berhubung dengan penggulungan sesuatu syarikat dalam apa-apa

hal jika syarikat digulung secara sukarela semata-mata bagi maksud pembentukan semula atau penggabungan dengan syarikat yang lain dan hak kepada pampasan selepas pembentukan semula atau penggabungan itu dipelihara bagi orang yang berhak kepadanya, atau jika syarikat membuat sesuatu kontrak dengan penanggung insurans berkenaan dengan apa-apa liabiliti di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pampasan pekerja; dan

*(b)* jika sesuatu syarikat telah memberikan jaminan bagi pembayaran atau pembayaran semula apa-apa amaun yang berkaitan dengan perenggan (1)*(f)*, perenggan itu hendaklah terpakai hanya berhubung dengan baki apa-apa amaun itu yang tinggal yang kena dibayar selepas menolak daripadanya amaun bersih yang didapatkan daripada jaminan itu.

(9) Jika dalam apa-apa penggulungan aset telah didapatkan di bawah suatu tanggung rugi bagi kos litigasi yang diberikan oleh pemiutang tertentu, atau telah dilindungi atau dipelihara dengan bayaran wang atau pemberian tanggung rugi oleh pemiutang, atau jika perbelanjaan yang berhubung dengannya seseorang pemiutang menanggung rugi penyelesai, telah didapatkan, Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya adil mengenai pembahagian aset itu dan amaun perbelanjaan itu yang didapatkan sedemikian dengan tujuan untuk memberi pemiutang itu suatu manfaat mengatasi yang lain sebagai balasan kepada risiko yang dialami oleh pemiutang dengan berbuat demikian.

(10) Tertakluk kepada Akta ini, semua hutang yang dibuktikan dalam sesuatu penggulungan hendaklah dibayar secara *pari passu*.

Subpenggal 3

*Kesan ke atas Transaksi Lain*

**Keutamaan tidak wajar**

**528.** (1) Apa-apa pemindahan, gadai janji, penghantaran barang, bayaran, pelaksanaan atau perbuatan lain yang berhubungan dengan harta yang dibuat atau dilakukan oleh atau terhadap sesuatu syarikat yang tidak mampu membayar hutangnya, apabila hutang itu menjadi kena dibayar, daripada wangnya sendiri yang

memihak kepada mana-mana pemiutang atau mana-mana orang sebagai amanah bagi mana-mana pemiutang hendaklah disifatkan telah memberi pemiutang itu keutamaan mengatasi pemiutang lain sekiranya syarikat itu digulung apabila petisyen penggulungan dikemukakan dalam masa enam bulan dari tarikh dibuat atau dilakukan dan tiap-tiap perbuatan itu hendaklah disifatkan sebagai fraud dan terbatal.

(2) Tarikh pengemukaan petisyen penggulungan hendaklah—

*(a)* dalam hal penggulungan oleh Mahkamah—

(i) tarikh pengemukaan petisyen; atau

(ii) jika sebelum pengemukaan petisyen suatu ketetapan telah diluluskan oleh syarikat bagi penggulungan sukarela, tarikh ketetapan untuk menggulung syarikat secara sukarela diluluskan; dan

*(b)* dalam hal penggulungan sukarela, tarikh penggulungan itu disifatkan telah bermula oleh Akta ini.

(3) Apa-apa pemindahan atau penyerahhakan oleh sesuatu syarikat bagi semua hartanya kepada pemegang amanah bagi faedah semua pemiutangnya hendaklah terbatal.

(4) Apa-apa pemindahan, gadai janji, penghantaran barangan, pembayaran, pelaksanaan atau perbuatan lain yang berhubungan dengan harta yang dibuat atau dilakukan oleh atau terhadap syarikat yang melanggar seksyen ini adalah tidak sah kecuali jika ia memihak kepada mana-mana orang yang berurusan dengan syarikat bagi balasan berharga dan tanpa apa-apa notis sebenar pelanggaran itu.

(5) Bagi maksud seksyen ini, "balasan berharga" ertinya balasan nilai wang yang adil dan munasabah berhubung dengan—

*(a)* nilai harta yang disampaikan, diserah hak atau dipindah milik; atau

*(b)* manfaat yang diketahui atau yang dijangkakan semunasabahnya daripada kontrak, urus niaga atau transaksi.

(6) Bagi maksud seksyen ini, "notis" termasuklah pengetahuan tentang ketidakupayaan untuk membayar hutang oleh syarikat itu atau mana-mana prosiding penggulungan terhadap syarikat itu atau tentang fakta mencukupi untuk menunjukkan kepada orang yang berurusan dengan syarikat yang digulung.

**Kesan gadaian terapung**

**529.** Sesuatu gadaian terapung ke atas pengusahaan atau harta syarikat yang diwujudkan dalam masa enam bulan dari—

*(a)* pengemukaan petisyen penggulungan dalam hal penggulungan oleh Mahkamah; atau

*(b)* kelulusan ketetapan dalam hal penggulungan sukarela,

hendaklah menjadi tidak sah kecuali bagi amaun apa-apa wang tunai yang dibayar kepada syarikat pada masa atau selepas diwujudkan dan sebagai balasan kepada gadaian itu bersama dengan faedah atau pulangan ke atas amaun itu pada kadar lima peratus setahun melainkan jika dibuktikan bahawa syarikat itu adalah solven sebaik selepas gadaian itu diwujudkan.

**Hak penyelesai untuk mendapatkan berkenaan dengan jualan tertentu kepada atau oleh syarikat**

**530.** (1) Jika apa-apa harta, perniagaan atau pengusahaan diperoleh oleh sesuatu syarikat bagi suatu balasan wang tunai, penyelesai boleh mendapatkan apa-apa amaun yang baginya balasan wang tunai bagi pemerolehan itu melebihi nilai harta, perniagaan atau pengusahaan itu pada masa pemerolehannya daripada—

*(a)* seseorang yang pada masa pemerolehan itu merupakan pengarah syarikat itu atau seseorang yang berkaitan dengan pengarah; atau

*(b)* sesuatu syarikat yang baginya, pada masa pemerolehan itu, seseorang merupakan pengarah yang juga menjadi pengarah syarikat yang mula-mula disebut itu atau seseorang yang berkaitan dengan pengarah.

(2) Jika apa-apa harta, perniagaan atau pengusahaan dijual oleh sesuatu syarikat bagi balasan tunai, penyelesai boleh mendapatkan apa-apa amaun yang baginya nilai harta, perniagaan atau pengusahaan itu melebihi balasan wang tunai pada masa penjualannya daripada—

*(a)* seseorang yang pada masa pemerolehan merupakan pengarah syarikat itu atau seseorang yang berkaitan dengan pengarah; atau

*(b)* sesuatu syarikat yang baginya, pada masa pemerolehan, seseorang merupakan pengarah yang juga menjadi pengarah syarikat yang mula-mula disebut atau seseorang yang berkaitan dengan pengarah.

(3) Amaun yang didapatkan dalam subseksyen (1) atau (2) hendaklah merujuk kepada pemerolehan atau penjualan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dibuat dalam tempoh dua tahun sebelum—

*(a)* dalam hal penggulungan oleh Mahkamah, pengemukaan petisyen penggulungan terhadap syarikat; atau

*(b)* dalam hal penggulungan sukarela, kelulusan ketetapan untuk menggulung syarikat.

(4) Bagi maksud seksyen ini, nilai harta, perniagaan atau pengusahaan termasuklah nilai apa-apa nama baik atau keuntungan yang mungkin diperoleh daripada perniagaan atau pengusahaan itu atau balasan yang seumpamanya.

(5) Dalam seksyen ini, "balasan tunai", berhubung dengan sesuatu pemerolehan atau penjualan oleh sesuatu syarikat, ertinya balasan bagi pemerolehan atau penjualan itu yang kena dibayar selain melalui pengeluaran syer dalam syarikat itu.

**Penolak tuntutan harta yang membebankan**

**531.** (1) Jika mana-mana bahagian harta sesuatu syarikat terdiri daripada—

*(a)* apa-apa estet atau kepentingan mengenai tanah yang dibebankan dengan waad yang membebankan;

*(b)* syer dalam perbadanan;

*(c)* kontrak yang tidak menguntungkan; atau

*(d)* apa-apa harta lain yang tidak boleh dijual, atau tidak tersedia untuk dijual, oleh sebab pemilik harta itu terikat dengan pelaksanaan apa-apa perbuatan yang membebankan, atau dengan pembayaran apa-apa jumlah wang,

penyelesai syarikat, walau apa pun dia berusaha untuk menjual atau mengambil milikan harta itu atau menjalankan apa-apa perbuatan pemunyaan berhubung dengan harta itu, boleh, dengan keizinan

Mahkamah atau jawatankuasa pemeriksaan dan tertakluk kepada seksyen ini, secara bertulis dan ditandatangani olehnya, pada bila-bila masa dalam masa dua belas bulan selepas permulaan penggulungan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah, menolak tuntutan harta itu.

(2) Jika mana-mana harta di bawah subseksyen (1) tidak sampai ke pengetahuan penyelesai dalam masa tiga puluh hari dari permulaan penggulungan, kuasa untuk menolak tuntutan boleh dijalankan pada bila-bila masa dalam masa dua belas bulan selepas penyelesai itu mengetahui tentang harta itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah.

(3) Penolak tuntutan hendaklah berkuat kuasa untuk menentukan, dari tarikh penolak tuntutan, hak, kepentingan dan liabiliti syarikat dan harta syarikat dalam atau berkenaan dengan harta yang ditolak tuntutan ke atasnya itu, tetapi tidak boleh, kecuali setakat yang perlu bagi maksud melepaskan syarikat dan harta syarikat itu daripada liabiliti, menyentuh hak atau liabiliti mana-mana orang lain.

(4) Mahkamah atau jawatankuasa pemeriksaan sebelum atau semasa memberikan keizinan untuk menolak tuntutan boleh menghendaki apa-apa notis diberikan kepada orang-orang yang berkepentingan, dan mengenakan apa-apa terma sebagai syarat bagi memberikan keizinan, dan membuat apa-apa perintah lain mengenai perkara itu sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah atau jawatankuasa pemeriksaan itu.

(5) Penyelesai tidak berhak untuk menolak tuntutan jika suatu permohonan secara bertulis telah dibuat kepada penyelesai itu oleh mana-mana orang yang berkepentingan dalam harta itu yang menghendakinya supaya menentukan sama ada dia akan menolak atau tidak tuntutan itu, dan penyelesai itu tidak, dalam tempoh dua puluh lapan hari dari penerimaan permohonan itu atau apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah atau jawatankuasa pemeriksaan, memberikan notis kepada pemohon yang dia berniat untuk memohon kepada Mahkamah atau jawatankuasa pemeriksaan bagi kebenaran untuk menolak tuntutan, dan, dalam hal sesuatu kontrak, jika penyelesai itu selepas permohonan secara bertulis itu tidak menolak tuntutan kontrak dalam tempoh itu atau tempoh selanjutnya, penyelesai itu hendaklah disifatkan menerima pakai kontrak itu.

(6) Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang yang berbanding dengan penyelesai, berhak mendapat faedah atau tertakluk kepada beban sesuatu kontrak yang dibuat dengan syarikat, membuat suatu perintah yang membatalkan kontrak itu mengikut apa-apa terma tentang bayaran ganti rugi oleh atau kepada mana-mana pihak bagi ketidaklaksanaan kontrak itu, atau selainnya sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah, dan apa-apa ganti rugi yang kena dibayar di bawah perintah itu kepada orang itu boleh dibuktikan olehnya sebagai hutang dalam penggulungan.

(7) Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang yang sama ada—

*(a)* menuntut apa-apa kepentingan dalam mana-mana harta yang ditolak tuntutan ke atasnya; atau

*(b)* di bawah apa-apa liabiliti yang tidak dilepaskan oleh Akta ini berkenaan dengan mana-mana harta yang ditolak tuntutan ke atasnya,

dan setelah mendengar orang itu sebagaimana yang difikirkannya patut, membuat suatu perintah bagi peletakhakan harta pada atau penghantarserahan harta kepada mana-mana orang yang berhak pada harta itu, atau kepada orang yang difikirkan adil bagi harta itu dihantar serah dengan cara pampasan bagi liabiliti itu, atau pemegang amanah bagi orang itu, dan mengikut apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah.

(8) Setelah diserah simpan suatu salinan pejabat perintah peletakhakan dengan Pendaftar dan dengan Pegawai Penerima dan jika perintah itu berkaitan dengan tanah, dengan pihak berkuasa berkenaan yang berkaitan dengan perekodan atau pendaftaran urus niaga mengenai tanah itu, mengikut kehendak keadaan, harta yang terkandung dalam perintah itu hendaklah terletak hak dengan sewajarnya pada orang yang dinamakan dalam perintah itu bagi maksud itu tanpa apa-apa pemindahhakan, pemindahan atau penyerahhakan selanjutnya.

(9) Walau apa pun apa-apa jua dalam subseksyen (7) dan (8), jika harta yang ditolak tuntutan ke atasnya adalah bersifat pegangan pajak, Mahkamah tidak boleh membuat perintah peletakhakan yang memihak kepada mana-mana orang yang menuntut di bawah

syarikat, sama ada sebagai pemajak kecil atau sebagai penerima gadai janji, kecuali mengikut terma yang menjadikan orang itu—

*(a)* tertakluk kepada liabiliti dan obligasi yang sama seperti yang tertakluk kepada syarikat itu di bawah pajakan berkenaan dengan harta itu pada permulaan penggulungan; atau

*(b)* jika difikirkan patut oleh Mahkamah, hanya tertakluk kepada liabiliti dan obligasi yang sama seolah-olah pajakan itu diserahhakkan kepada orang itu pada tarikh itu,

dan dalam mana-mana hal, jika keadaan menghendaki sedemikian, seolah-olah pajakan itu terdiri daripada hanya harta yang terkandung dalam perintah peletakhakan itu, dan mana-mana penerima gadai janji atau pemajak kecil yang enggan menerima perintah peletakhakan mengikut terma itu hendaklah tidak termasuk dalam segala kepentingan mengenai dan jaminan ke atas harta itu, dan, jika tiada seorang pun yang menuntut di bawah syarikat itu yang bersedia menerima perintah mengikut terma itu, Mahkamah boleh meletak hak estet dan kepentingan syarikat itu dalam harta itu pada mana-mana orang yang bertanggungan dengan sendiri atau yang bersifat sebagai wakil dan sama ada secara perseorangan atau bersesama dengan syarikat itu untuk melaksanakan waad penerima pajak dalam pajakan itu, dibebaskan dan dilepaskan daripada segala estet, bebanan dan kepentingan yang diwujudkan dalam perintah peletakhakan oleh syarikat itu.

(10) Mana-mana orang yang terkilan dengan penguatkuasaan penolak tuntutan di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai pemiutang syarikat sehingga amaun kilanan, dan boleh membuktikan amaun itu dengan sewajarnya sebagai hutang dalam penggulungan.

## Tafsiran

**532.** Bagi maksud seksyen 533 dan 534—

"bailif" termasuklah mana-mana pegawai yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan writ atau proses lain;

"barang" termasuklah semua harta alih.

**Sekatan ke atas hak pemiutang mengenai pelaksanaan atau penahanan**

**533.** (1) Jika seseorang pemiutang mengeluarkan pelaksanaan terhadap barang atau tanah sesuatu syarikat atau menahan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada syarikat itu dan syarikat itu kemudiannya digulung, pemiutang itu tidak berhak memegang simpan faedah pelaksanaan atau penahanan itu terhadap penyelesai melainkan jika dia menyempurnakan pelaksanaan atau penahanan itu sebelum tarikh permulaan penggulungan, tetapi—

*(a)* jika mana-mana pemiutang mengetahui tentang mesyuarat yang dipanggil yang dalamnya suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela dicadangkan, tarikh pemiutang mengetahui itu hendaklah bagi maksud seksyen ini digantikan dengan tarikh permulaan penggulungan;

*(b)* seseorang yang membeli dengan suci hati di bawah suatu jualan oleh bailif apa-apa barang sesuatu syarikat yang ke atasnya suatu pelaksanaan telah dijalankan hendaklah dalam segala hal mempunyai hakmilik yang sah ke atas barang itu terhadap penyelesai; dan

*(c)* hak yang diberikan oleh subseksyen ini kepada penyelesai boleh diketepikan oleh Mahkamah dengan memihak kepada pemiutang setakat dan tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

*(a)* pelaksanaan terhadap barang disempurnakan melalui penyitaan dan jualan;

*(b)* penahanan sesuatu hutang disempurnakan melalui penerimaan hutang itu; dan

*(c)* pelaksanaan terhadap tanah disempurnakan melalui jualan atau, dalam hal kepentingan ekuiti, melalui pelantikan penerima.

**Kewajipan bailif mengenai barang yang diambil semasa pelaksanaan**

**534.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), jika apa-apa barang sesuatu syarikat diambil pada pelaksanaan dan, sebelum penjualan barang itu atau penyempurnaan pelaksanaan dengan diterima

atau didapatkan amaun levi sepenuhnya, notis disampaikan kepada bailif bahawa penyelesai telah dilantik atau bahawa suatu perintah penggulungan telah dibuat atau bahawa suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela telah diluluskan, bailif hendaklah, setelah diminta sedemikian, menghantar barang dan apa-apa wang yang disita atau diterima sebagai penyelesaian sebahagian daripada pelaksanaan itu kepada penyelesai, tetapi kos pelaksanaan hendaklah menjadi gadaian pertama ke atas barang atau wang yang dihantar sedemikian, dan penyelesai boleh menjual barang itu, atau sebahagian daripada barang itu yang mencukupi, bagi maksud menyelesaikan gadaian itu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (4), jika di bawah suatu pelaksanaan berkenaan dengan penghakiman bagi suatu jumlah yang melebihi satu ratus ringgit, barang sesuatu syarikat dijual atau wang dibayar untuk mengelak jualan, bailif hendaklah menolak kos pelaksanaan daripada hasil jualan atau wang yang dibayar dan memegang simpan baki selama empat belas hari.

(3) Jika dalam tempoh pelaksanaan notis disampaikan kepada bailif tentang suatu petisyen bagi penggulungan syarikat yang telah dikemukakan atau tentang mesyuarat yang dipanggil yang dalamnya dicadangkan suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela dan suatu perintah dibuat atau ketetapan diluluskan bagi penggulungan, bailif itu hendaklah membayar baki kepada penyelesai yang berhak memegang simpan baki itu berbanding dengan pemiutang pelaksanaan.

(4) Hak yang diberikan oleh seksyen ini kepada penyelesai boleh diketepikan oleh Mahkamah dengan memihak kepada pemiutang setakat dan tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

**Kuasa Mahkamah untuk mengisytiharkan pembubaran syarikat adalah terbatal**

**535.** (1) Jika sesuatu syarikat dibubarkan, Mahkamah boleh, pada bila-bila masa dalam masa dua tahun selepas tarikh pembubaran itu, atas suatu permohonan daripada penyelesai syarikat atau mana-mana orang lain yang didapati oleh Mahkamah sebagai berkepentingan, membuat suatu perintah mengikut apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah yang mengisytiharkan pembubaran itu sebagai terbatal, dan prosiding itu boleh dijalankan sebagaimana yang sepatutnya dijalankan jika syarikat itu tidak dibubarkan.

(2) Orang yang atas permohonannya perintah dibuat, hendaklah, dalam masa tujuh hari dari perintah itu dibuat atau apa-apa masa selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah, menyerah simpan dengan Pendaftar dan dengan Pegawai Penerima suatu salinan pejabat perintah itu dan orang yang tidak berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Subpenggal 4

*Kesalahan*

**Kesalahan oleh pegawai syarikat semasa penyelesaian**

**536.** (1) Tiap-tiap orang yang, menjadi atau pernah menjadi pegawai atau penyumbang sesuatu syarikat yang digulung, melakukan suatu kesalahan jika dia—

*(a)* tidak menzahirkan kepada penyelesai segala harta syarikat, dan bagaimana dan kepada siapa dan bagi balasan apa dan bila syarikat melupuskan mana-mana bahagian harta syarikat itu, kecuali bahagian yang dilupuskan mengikut cara urusan biasa syarikat;

*(b)* tidak menghantar serah kepada penyelesai, sama ada atau tidak diarahkan untuk berbuat sedemikian oleh penyelesai—

(i) segala harta alih dan harta tak alih syarikat dalam jagaannya atau di bawah kawalannya dan yang dia dikehendaki oleh undang-undang supaya menghantar serah; atau

(ii) semua buku dan surat dalam jagaannya atau di bawah kawalannya yang dipunyai oleh syarikat dan yang dia dikehendaki oleh undang-undang supaya menghantar serah;

*(c)* dalam masa dua belas bulan sebelum permulaan penggulungan atau pada bila-bila masa selepas permulaan penggulungan—

(i) menyembunyikan mana-mana bahagian harta syarikat yang bernilai lima puluh ringgit atau lebih, atau menyembunyikan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada atau daripada syarikat;

(ii) mengalih secara fraud mana-mana bahagian harta syarikat yang bernilai lima puluh ringgit atau lebih;

(iii) menyembunyikan, memusnahkan, mencacatkan atau memalsukan, atau telah bersubahat dalam penyembunyian, pemusnahan, pencacatan atau pemalsuan, apa-apa buku atau surat yang menyentuh atau yang berhubungan dengan harta atau hal ehwal syarikat;

(iv) membuat atau telah bersubahat dalam membuat apa-apa kemasukan palsu dalam mana-mana buku atau surat yang menyentuh atau yang berhubungan dengan harta atau hal ehwal syarikat;

(v) secara fraud meninggalkan, mengubah atau membuat apa-apa peninggalan dalam, atau telah bersubahat untuk memfraud peninggalan, pengubahan atau pembuatan apa-apa peninggalan dalam, mana-mana dokumen yang menyentuh atau yang berhubungan dengan harta atau hal ehwal syarikat;

(vi) melalui apa-apa representasi palsu atau fraud lain, memperoleh apa-apa harta untuk atau bagi pihak syarikat secara kredit yang syarikat tidak membayar kemudiannya;

(vii) memperoleh secara kredit, untuk atau bagi pihak syarikat, di bawah dakwaan yang palsu bahawa syarikat menjalankan perniagaannya, apa-apa harta yang syarikat tidak membayar kemudiannya; atau

(viii) menggadaikan, menyandarkan atau melupuskan apa-apa harta syarikat yang diperoleh secara kredit dan yang tidak dibayar, melainkan jika gadaian, sandaran atau pelupusan itu mengikut cara urusan biasa syarikat;

*(d)* membuat apa-apa peninggalan material dalam apa-apa pernyataan yang berhubungan dengan hal ehwal syarikat;

*(e)* gagal untuk memberitahu penyelesai tentang suatu hutang palsu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dia mengetahui atau mempercayai bahawa hutang palsu itu telah dibuktikan oleh mana-mana orang;

*(f)* menghalang pengemukaan apa-apa buku atau surat yang menyentuh atau yang berhubungan dengan harta atau hal ehwal syarikat;

*(g)* dalam masa dua belas bulan sebelum permulaan penggulungan atau pada bila-bila masa selepas permulaan penggulungan, cuba untuk mengakaunkan mana-mana bahagian harta syarikat melalui kerugian atau perbelanjaan rekaan; atau

*(h)* dalam masa dua belas bulan sebelum permulaan penggulungan atau pada bila-bila masa selepas permulaan penggulungan, telah disabitkan dengan representasi palsu atau fraud lain bagi maksud memperoleh persetujuan pemiutang syarikat atau mana-mana satu daripada mereka kepada suatu perjanjian berkenaan dengan hal ehwal syarikat atau penggulungan.

(2) Bagi maksud seksyen ini, tarikh permulaan penggulungan hendaklah—

*(a)* dalam hal penggulungan oleh Mahkamah, pengemukaan petisyen penggulungan terhadap syarikat; atau

*(b)* dalam hal penggulungan sukarela, kelulusan ketetapan untuk menggulung syarikat.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(4) Menjadi suatu pembelaan kepada pertuduhan di bawah perenggan (1)*(a)*, *(b)* atau subperenggan (1)*(c)*(i), (vii) atau (viii) atau perenggan (1)*(d)* jika orang itu membuktikan bahawa dia tidak berniat untuk memfraud, dan kepada pertuduhan di bawah subperenggan (1)*(c)*(iii) atau (iv) atau perenggan (1)*(f)* jika dia membuktikan bahawa dia tidak berniat untuk menyembunyikan keadaan hal ehwal syarikat atau untuk mengecewakan undang-undang.

(5) Jika mana-mana orang menggadai, menyandar atau melupuskan apa-apa harta dalam hal keadaan yang terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah subperenggan (1)*(c)*(viii), tiap-tiap orang yang mengambil gadaian atau sandaran atau selainnya

menerima harta dengan mengetahui harta itu digadai, disandarkan atau dilupuskan dalam hal keadaan sedemikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Dorongan untuk dilantik sebagai penyelesai, dsb.**

**537.** Mana-mana orang yang memberi atau bersetuju atau menawarkan untuk memberikan mana-mana anggota atau pemiutang sesuatu syarikat apa-apa balasan yang berharga dengan tujuan untuk menjamin pelantikan atau penamaannya sendiri, atau untuk menjamin atau mengelak pelantikan atau penamaan mana-mana orang selain dirinya, sebagai penyelesai syarikat, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

**Pemalsuan buku, dsb.**

**538.** Tiap-tiap pegawai atau penyumbang mana-mana syarikat yang digulung yang memusnahkan, mencacatkan, mengubah atau memalsukan apa-apa buku, surat atau sekuriti, atau membuat atau bersubahat dalam membuat apa-apa kemasukan yang palsu atau secara fraud dalam mana-mana daftar atau buku akaun atau dokumen yang dipunyai oleh syarikat itu dengan niat untuk memfraud atau memperdayakan mana-mana orang, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Liabiliti jika akaun sepatutnya tidak disimpan**

**539.** (1) Jika, selepas suatu penyiasatan di bawah mana-mana Bahagian lain atau jika sesuatu syarikat digulung, ditunjukkan bahawa buku akaun yang sepatutnya tidak disimpan oleh syarikat sepanjang tempoh dua tahun sebaik sebelum permulaan penyiasatan atau penggulungan itu atau tempoh antara pemerbadanan syarikat itu dan permulaan penyiasatan atau penggulungan itu, mengikut mana-mana yang lebih kurang, tiap-tiap pegawai, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, buku atau akaun yang sepatutnya hendaklah disifatkan tidak disimpan dalam hal mana-mana syarikat jika—

*(a)* buku atau akaun tidak disimpan sebagaimana yang perlu untuk menunjukkan dan menerangkan transaksi dan kedudukan kewangan perdagangan atau perniagaan syarikat, termasuk buku yang mengandungi kemasukan dari hari ke hari dengan perincian yang mencukupi tentang semua wang tunai yang diterima dan wang tunai yang dibayar, dan, jika perdagangan atau perniagaan itu melibatkan urus niaga mengenai barang, penyata pengambilan stok tahunan dan, kecuali dalam hal barang yang dijual dengan cara perdagangan runcit biasa, semua barang yang dijual dan dibeli, yang menunjukkan barang dan pembeli dan penjual barang itu dengan perincian yang mencukupi bagi membolehkan barang itu dan pembeli dan penjual itu dikenal pasti; atau

*(b)* buku atau akaun tidak disimpan mengikut cara bagi membolehkan buku dan akaun itu diaudit dengan mudah dan sepatutnya, sama ada syarikat melantik seorang juruaudit atau tidak.

(3) Jika dalam perjalanan penggulungan sesuatu syarikat atau dalam mana-mana prosiding terhadap sesuatu syarikat, pegawai syarikat yang dengan disedarinya menjadi pihak yang berhutang, pada masa berhutang itu, tidak mempunyai alasan yang munasabah atau barangkali untuk menjangkakan, selepas mengambil kira tanggungan lain, jika ada, bagi syarikat pada masa itu, yang syarikat itu boleh membayar hutang itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

**Tanggungjawab bagi perdagangan secara fraud**

**540.** (1) Jika dalam perjalanan penggulungan sesuatu syarikat atau dalam mana-mana prosiding terhadap sesuatu syarikat didapati bahawa apa-apa perniagaan syarikat itu dijalankan dengan niat untuk memfraud pemiutang syarikat atau pemiutang mana-mana orang lain atau bagi apa-apa maksud secara fraud, Mahkamah atas permohonan penyelesai atau mana-mana pemiutang atau

penyumbang syarikat, boleh, jika difikirkan patut oleh Mahkamah untuk berbuat demikian, mengisytiharkan bahawa mana-mana orang yang dengan diketahui menjadi pihak kepada penjalanan perniagaan mengikut cara itu hendaklah menjadi bertanggungjawab sendiri, tanpa apa-apa batasan tanggungan, bagi semua atau apa-apa hutang atau tanggungan lain syarikat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(2) Jika seseorang disabitkan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 539(3) berhubung dengan suatu hutang yang diadakan sebagaimana yang disebut dalam seksyen itu, Mahkamah atas permohonan penyelesai atau mana-mana pemiutang atau penyumbang syarikat boleh, jika difikirkan patut oleh Mahkamah untuk berbuat demikian, mengisytiharkan bahawa orang itu hendaklah bertanggungjawab sendiri tanpa apa-apa had liabiliti bagi pembayaran penuh atau mana-mana bahagian hutang itu.

(3) Apabila Mahkamah membuat apa-apa pengisytiharan di bawah subseksyen (1) atau (2), Mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan selanjutnya sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud menguatkuasakan pengisytiharan itu, dan secara khusus boleh membuat peruntukan bagi menjadikan tanggungan mana-mana orang di bawah pengisytiharan itu suatu gadaian ke atas apa-apa hutang atau obligasi yang kena dibayar oleh syarikat kepada orang itu, atau ke atas apa-apa gadaian atau apa-apa kepentingan dalam apa-apa gadaian ke atas apa-apa aset syarikat yang dipegang olehnya atau terletak hak pada orang itu atau mana-mana perbadanan atau orang bagi pihaknya, atau mana-mana orang yang mendakwa sebagai pemegang serah hak daripada atau melalui orang yang bertanggungan atau mana-mana perbadanan atau orang yang bertindak bagi pihaknya, dan boleh dari semasa ke semasa membuat apa-apa perintah selanjutnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan apa-apa gadaian yang dikenakan di bawah subseksyen ini.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), "pemegang serah hak" termasuklah mana-mana orang yang kepadanya atau yang bagi pihaknya melalui arahan orang yang bertanggungan hutang, obligasi atau gadaian itu diwujudkan, dikeluarkan atau dipindahkan atau kepentingan yang diwujudkan, tetapi tidak termasuk pemegang serah hak bagi balasan yang berharga dan balasan dengan cara perkahwinan, yang diberikan dengan suci hati dan tanpa mengetahui tentang mana-mana perkara itu yang atas alasannya pengisytiharan itu dibuat.

(5) Jika apa-apa perniagaan sesuatu syarikat dijalankan dengan niat atau bagi maksud yang disebut dalam subseksyen (1), tiap-tiap orang yang dengan disedarinya menjadi pihak kepada penjalanan perniagaan itu dengan niat dan maksud itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

(6) Seksyen ini hendaklah berkuat kuasa walaupun orang yang berkenaan melakukan kesalahan jenayah di bawah Akta ini berkenaan dengan perkara yang atas alasannya pengisytiharan dibuat.

(7) Semasa pendengaran suatu permohonan di bawah subseksyen (1) atau (2), penyelesai boleh memberikan keterangan atau memanggil saksi dengan sendiri.

**Kuasa Mahkamah untuk mentaksir ganti rugi terhadap pegawai yang melanggar undang-undang, dsb.**

**541.** (1) Jika dalam perjalanan penggulungan didapati bahawa—

*(a)* mana-mana orang yang mengambil bahagian dalam penubuhan atau penganjuran syarikat; atau

*(b)* mana-mana penyelesai atau pegawai dahulu atau sekarang,

menyalahgunakan atau memegang atau menjadi bertanggungan atau bertanggungjawab bagi apa-apa wang atau harta syarikat atau bersalah atas apa-apa misfeasans atau pecah amanah atau melanggar kewajipan berhubung dengan syarikat itu, Mahkamah boleh, atas permohonan penyelesai atau mana-mana pemiutang atau penyumbang memeriksa pelakuan orang itu, penyelesai atau pegawai dan mengarahkannya untuk membayar semula atau mengembalikan wang atau harta itu atau mana-mana bahagian wang itu dengan faedah pada apa-apa kadar sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah, atau untuk menyumbang apa-apa jumlah wang kepada aset syarikat dengan cara pampasan berkenaan dengan penyalahgunaan, pemegangan, misfeasans atau pecah amanah atau pelanggaran kewajipan itu sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah.

(2) Seksyen ini hendaklah diperluas kepada dan terpakai bagi dan berkenaan dengan penerimaan apa-apa wang atau harta

oleh mana-mana pegawai syarikat sepanjang dua tahun sebelum permulaan penggulungan sama ada melalui gaji atau selainnya yang didapati oleh Mahkamah sebagai tidak adil atau tidak saksama kepada anggota syarikat yang lain.

(3) Seksyen ini hendaklah berkuat kuasa walaupun kesalahan itu merupakan suatu kesalahan jenayah bagi pesalah.

**Pendakwaan pegawai dan anggota syarikat yang melanggar undang-undang**

**542.** (1) Jika Mahkamah mendapati dalam perjalanan suatu penggulungan oleh Mahkamah bahawa mana-mana pegawai dahulu atau sekarang atau mana-mana anggota syarikat bersalah atas suatu kesalahan berhubung dengan syarikat itu yang baginya dia melakukan kesalahan jenayah, Mahkamah boleh, sama ada atas permohonan mana-mana orang yang berkepentingan dalam penggulungan itu atau dengan kehendaknya sendiri, mengarahkan penyelesai sama ada mendakwa pesalah itu dengan sendiri atau merujuk perkara itu kepada Menteri.

(2) Jika penyelesai mendapati dalam perjalanan suatu penggulungan sukarela bahawa mana-mana pegawai dahulu atau sekarang atau mana-mana anggota syarikat bersalah atas apa-apa kesalahan berhubung dengan syarikat itu yang baginya dia melakukan kesalahan jenayah, penyelesai itu hendaklah serta-merta melaporkan perkara itu kepada Menteri dan hendaklah, berkenaan dengan maklumat atau dokumen dalam milikannya atau di bawah kawalannya yang berhubung dengan perkara yang berkenaan, mengemukakan kepada Menteri maklumat itu dan memberinya akses kepada dan kemudahan bagi memeriksa dan mengambil salinan apa-apa dokumen sebagaimana yang dikehendakinya.

(3) Jika penyelesai mendapati dalam perjalanan mana-mana penggulungan bahawa syarikat yang digulung tidak dapat membayar pemiutang tidak bercagarnya lebih daripada lima puluh sen dalam ringgit, penyelesai itu hendaklah serta-merta melaporkan perkara itu secara bertulis kepada Pegawai Penerima dan hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Penerima apa-apa maklumat dan memberinya akses kepada dan kemudahan bagi memeriksa dan mengambil salinan apa-apa dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai Penerima.

(4) Jika apa-apa laporan dibuat di bawah subseksyen (2) atau (3), Menteri boleh, jika difikirkannya patut, menyiasat perkara itu dan boleh memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah yang memberinya atau mana-mana orang yang dilantik olehnya bagi maksud mengenai syarikat yang berkenaan segala kuasa untuk menyiasat hal ehwal syarikat sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta ini dalam hal suatu penggulungan oleh Mahkamah, tetapi jika Menteri mendapati bahawa prosiding tidak boleh dijalankan olehnya dalam hal itu, Menteri hendaklah memberitahu penyelesai dengan sewajarnya, dan tertakluk kepada kelulusan terdahulu Mahkamah, penyelesai boleh dengan sendiri menjalankan prosiding terhadap pesalah itu.

(5) Jika Mahkamah mendapati dalam perjalanan sesuatu penggulungan sukarela bahawa mana-mana pegawai dahulu atau sekarang atau mana-mana anggota syarikat bersalah sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (2) dan bahawa tiada laporan mengenai perkara itu dibuat oleh penyelesai kepada Menteri, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang berkepentingan dalam penggulungan itu atau dengan kehendaknya sendiri, mengarahkan penyelesai itu untuk membuat laporan, dan setelah laporan dibuat dengan sewajarnya, seksyen ini hendaklah berkuat kuasa seolah-olah laporan itu dibuat di bawah subseksyen (2).

(6) Jika apa-apa perkara dilaporkan atau dirujuk kepada Menteri atau Pegawai Penerima di bawah seksyen ini, dia berpendapat bahawa pendakwaan boleh dimulakan dalam hal itu, dia boleh memulakan prosiding dengan sewajarnya, dan penyelesai itu dan tiap-tiap pegawai dan ejen syarikat yang dahulu dan sekarang, selain defendan dalam prosiding itu, hendaklah memberi Menteri atau Pegawai Penerima itu segala bantuan berkaitan dengan pendakwaan itu yang semunasabahnya boleh diberikan olehnya.

(7) Bagi maksud subseksyen (6), "ejen", berhubung dengan sesuatu syarikat, termasuk mana-mana jurubank atau peguam bela syarikat itu dan mana-mana orang yang diambil bekerja oleh syarikat itu sebagai juruaudit, sama ada seorang pegawai syarikat itu atau tidak.

(8) Jika mana-mana orang gagal atau abai dalam memberikan bantuan mengikut cara yang dikehendaki oleh subseksyen (6), Mahkamah boleh, atas permohonan Menteri atau Pegawai Penerima, mengarahkan orang itu untuk mematuhi kehendak subseksyen

itu, dan jika apa-apa permohonan dibuat di bawah subseksyen ini mengenai seseorang penyelesai, Mahkamah boleh, melainkan jika didapati bahawa kegagalan atau keabaian untuk mematuhi itu disebabkan oleh penyelesai tidak mempunyai dalam tangannya aset syarikat yang mencukupi untuk membolehkannya berbuat demikian, mengarahkan supaya kos permohonan hendaklah ditanggung oleh penyelesai sendiri.

(9) Menteri boleh mengarahkan supaya keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada apa-apa kos dan perbelanjaan yang dilakukan oleh penyelesai dalam prosiding yang dibawa di bawah seksyen ini hendaklah dibayar daripada wang yang diperuntukkan oleh Parlimen.

(10) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan di bawah subseksyen (9) dan kepada apa-apa gadaian atas aset syarikat dan apa-apa hutang yang kepadanya keutamaan diberikan oleh Akta ini, segala kos dan perbelanjaan hendaklah dibayar daripada aset itu sebagai sebahagian daripada kos penggulungan.

## Penggal 3

## *Penggulungan Syarikat Tidak Berdaftar*

### Peruntukan Penggal adalah kumulatif

**543.** Peruntukan Penggal ini hendaklah sebagai tambahan kepada dan bukan pengurangan mana-mana peruntukan yang terkandung dalam Akta ini atau mana-mana Akta lain mengenai penggulungan syarikat oleh Mahkamah dan Mahkamah atau penyelesai boleh menjalankan apa-apa kuasa atau melakukan apa-apa perbuatan dalam hal syarikat tidak berdaftar yang dijalankan atau dilakukan oleh Mahkamah atau penyelesai dalam penggulungan syarikat.

### Syarikat tidak berdaftar

**544.** Bagi maksud Penggal ini, "syarikat tidak berdaftar" termasuklah suatu syarikat asing dan mana-mana perkongsian, persatuan atau syarikat yang terdiri lebih daripada lima anggota tetapi tidak termasuk sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan.

**Penggulungan syarikat tidak berdaftar**

**545.** (1) Berkenaan dengan mana-mana syarikat tidak berdaftar, peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang berikut:

*(a)* tempat perniagaan utama syarikat di Malaysia hendaklah bagi semua maksud penggulungan menjadi pejabat berdaftar syarikat;

*(b)* tiada apa-apa syarikat boleh digulung secara sukarela; dan

*(c)* hal keadaan yang syarikat boleh digulung adalah—

(i) jika syarikat dibubarkan atau terhenti mempunyai tempat perniagaan di Malaysia atau mempunyai tempat perniagaan di Malaysia hanya bagi maksud penggulungan hal ehwalnya atau terhenti menjalankan perniagaan di Malaysia;

(ii) jika syarikat tidak mampu membayar hutangnya;

(iii) jika Mahkamah berpendapat bahawa adalah adil dan saksama bagi syarikat itu digulung; dan

(iv) syarikat digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau apa-apa maksud yang menjejaskan atau bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, kepentingan awam, ketenteraman awam, ketertiban atau kemoralan di Malaysia.

(2) Sesuatu syarikat tidak berdaftar hendaklah disifatkan tidak mampu membayar hutangnya jika—

*(a)* syarikat itu berhutang dengan pemiutang, dalam jumlah yang melebihi amaun yang ditetapkan oleh Menteri melalui suatu penyerahhakan atau selainnya, dan pemiutang itu telah menyampaikan suatu notis tuntutan yang menghendaki syarikat itu membayar jumlah wang yang kena dibayar—

(i) dengan meninggalkan notis itu di tempat perniagaan utamanya di Malaysia;

(ii) dengan menghantar serah notis itu kepada setiausaha, pengarah, pengurus atau pegawai utama syarikat; atau

(iii) dengan menyampaikan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan atau diarahkan oleh Mahkamah,

dan syarikat tidak membayar, menjamin atau mengkompaun bagi jumlah wang itu sehingga memuaskan hati pemiutang dalam masa tiga minggu selepas penyampaian notis itu;

*(b)* apa-apa tindakan atau prosiding lain telah dimulakan terhadap mana-mana anggota bagi apa-apa hutang, tuntutan yang kena dibayar atau didakwa sebagai kena dibayar oleh syarikat atau anggota itu atas sifatnya sebagai anggota, dan, notis secara bertulis tentang pemulaan tindakan atau prosiding itu telah disampaikan kepada syarikat—

(i) dengan meninggalkan notis itu di tempat perniagaan utamanya di Malaysia;

(ii) dengan menghantar serah notis itu kepada setiausaha, pengarah, pengurus atau pegawai utama syarikat; atau

(iii) dengan menyampaikan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan atau diarahkan oleh Mahkamah,

dan syarikat itu tidak membayar, menjamin atau mengkompaun bagi hutang atau tuntutan itu atau tidak memperoleh tindakan atau prosiding itu digantung atau tidak menanggung rugi defendan sehingga memuaskan hatinya terhadap tindakan atau prosiding itu dan terhadap segala kos, ganti rugi dan perbelanjaan yang dilakukan olehnya dalam masa sepuluh hari selepas penyampaian notis itu;

*(c)* pelaksanaan atau proses lain yang dikeluarkan setelah suatu penghakiman, dekri atau perintah diperoleh dalam mana-mana mahkamah yang memihak kepada pemiutang terhadap syarikat, mana-mana anggota atau mana-mana orang yang dibenarkan untuk disaman sebagai defendan nominal bagi pihak syarikat dikembalikan tanpa disempurnakan; atau

*(d)* dibuktikan selainnya sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa syarikat tidak mampu membayar hutangnya.

(3) Suatu syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia boleh digulung sebagai suatu syarikat tidak berdaftar di bawah Penggal ini walaupun syarikat itu digulung, dibubarkan atau selainnya terhenti daripada wujud sebagai suatu syarikat di bawah atau menurut kuasa undang-undang tempat di mana syarikat itu diperbadankan.

(4) Dalam seksyen ini, "menjalankan perniagaan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 561.

**Penyumbang dalam penggulungan syarikat tidak berdaftar**

**546.** (1) Jika suatu syarikat tidak berdaftar digulung, seseorang penyumbang hendaklah menjadi—

*(a)* orang yang bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang kepada pembayaran—

(i) apa-apa hutang atau liabiliti syarikat;

(ii) apa-apa jumlah wang bagi pelarasan hak anggota dalam kalangan mereka; atau

(iii) kos dan perbelanjaan penggulungan; atau

*(b)* jika syarikat dibubarkan di tempat di mana syarikat itu ditubuhkan atau diperbadankan, seseorang yang sebaik sebelum pembubaran itu merupakan seorang penyumbang,

dan hendaklah bertanggungan untuk menyumbang kepada aset syarikat semua jumlah wang yang kena dibayar olehnya berkenaan dengan apa-apa liabiliti itu.

(2) Selepas kematian atau kebankrapan mana-mana penyumbang, peruntukan Akta ini mengenai wakil diri bagi penyumbang yang mati dan pemegang serah hak dan pemegang amanah bagi penyumbang yang bankrap hendaklah terpakai.

**Kuasa Mahkamah untuk menggantung atau menghalang prosiding**

**547.** (1) Peruntukan Akta ini mengenai penggantungan dan halangan tindakan dan prosiding terhadap sesuatu syarikat pada bila-bila masa selepas pengemukaan petisyen bagi penggulungan

dan sebelum perintah penggulungan dibuat hendaklah, dalam hal syarikat tidak berdaftar jika permohonan untuk menggantung atau menghalang adalah oleh pemiutang, diperluas kepada tindakan dan prosiding terhadap mana-mana penyumbang syarikat.

(2) Jika suatu perintah dibuat bagi penggulungan sesuatu syarikat tidak berdaftar, tiada tindakan atau prosiding boleh diteruskan atau dimulakan terhadap mana-mana penyumbang syarikat berkenaan dengan apa-apa hutang syarikat kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.

**Aset syarikat tidak berdaftar yang dibubarkan yang belum dijelaskan**

**548.** (1) Jika suatu syarikat tidak berdaftar, yang tempat pemerbadanannya atau tempat asalnya adalah di suatu negara ditetapkan, dibubarkan dan masih terdapat di Malaysia apa-apa harta yang belum dijelaskan, alih atau tak alih, termasuk benda dalam tindakan yang pada masa syarikat itu dibubarkan—

*(a)* terletak hak pada syarikat itu;

*(b)* syarikat itu berhak ke atasnya; atau

*(c)* syarikat itu mempunyai kuasa untuk melupuskan,

tetapi yang tidak diperoleh, didapatkan atau selainnya dilupuskan atau diuruskan oleh syarikat itu atau penyelesainya sebelum pembubaran itu, harta itu, kecuali modal dipanggil dan tidak dipanggil, hendaklah terletak hak dan menjadi terletak hak pada mana-mana orang sebagaimana yang berhak kepadanya mengikut undang-undang tempat pemerbadanan atau tempat asal syarikat itu, berkenaan dengan estet dan kepentingan, di sisi undang-undang atau ekuiti, syarikat itu atau penyelesainya pada tarikh syarikat itu dibubarkan.

(2) Jika tempat asal sesuatu syarikat tidak berdaftar ialah Malaysia, seksyen 556 hingga 560 hendaklah, dengan apa-apa penyesuaian sebagaimana yang perlu, terpakai berkenaan dengan syarikat itu.

(3) Jika Menteri mendapati bahawa mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di mana-mana negara lain mengandungi

peruntukan yang serupa dengan peruntukan seksyen ini, Menteri boleh, melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan negara lain itu sebagai negara ditetapkan bagi maksud seksyen ini.

## Penggal 4

## *Pemotongan dan Pengurusan Aset Syarikat yang Dibubarkan*

### Subpenggal 1

### *Pemotongan*

**Kuasa Pendaftar untuk memotong syarikat daripada daftar**

**549.** Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Akta ini, Pendaftar boleh memotong sesuatu syarikat daripada daftar, jika—

*(a)* syarikat itu tidak menjalankan perniagaan atau tidak beroperasi;

*(b)* syarikat itu melanggar Akta ini;

*(c)* syarikat itu digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau apa-apa maksud yang menjejaskan atau bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, kepentingan awam, ketenteraman awam, ketertiban atau kemoralan di Malaysia;

*(d)* dalam apa-apa hal jika syarikat digulung dan Pendaftar mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

(i) tiada penyelesai yang bertindak;

(ii) hal ehwal syarikat digulung sepenuhnya dan selama tempoh enam bulan penyelesai telah ingkar dalam menyerah simpan apa-apa penyata yang dikehendaki supaya dibuat olehnya; atau

(iii) hal ehwal syarikat telah digulung sepenuhnya di bawah penggulungan oleh Mahkamah dan tiada aset atau aset yang ada tidak mencukupi untuk membayar kos bagi memperoleh perintah Mahkamah untuk membubarkan syarikat.

**Permohonan untuk memotong syarikat**

**550.** Tertakluk kepada seksyen 549, Pendaftar boleh memotong sesuatu syarikat daripada daftar sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan oleh seorang pengarah, anggota atau penyelesai syarikat.

**Notis tentang niat untuk memotong syarikat**

**551.** (1) Sebelum nama suatu syarikat boleh dipotong daripada daftar di bawah seksyen 549, Pendaftar boleh menyampaikan kepada syarikat itu atau penyelesai, suatu notis, yang menyatakan bahawa jika jawapan yang menunjukkan sebab sebaliknya tidak diterima dalam masa tiga puluh hari dari tarikh notis itu, suatu pemberitahuan kepada orang awam akan disiarkan mengikut cara yang ditentukan oleh Pendaftar, dengan tujuan untuk memotong nama syarikat daripada daftar.

(2) Pendaftar boleh memotong nama syarikat daripada daftar selepas habis tempoh tiga puluh hari dari penyiaran pemberitahuan dalam subseksyen (1) jika dia—

*(a)* menerima pengesahan bahawa syarikat itu tidak lagi menjalankan perniagaan atau tidak beroperasi;

*(b)* tidak menerima jawapan daripada syarikat itu kepada notis yang disebut dalam subseksyen (1);

*(c)* tidak menerima bantahan kepada notis dan pemberitahuan umum yang disebut dalam subseksyen (1); atau

*(d)* tidak berpuas hati dengan sebab-sebab tentang kenapa syarikat itu tidak boleh dipotong.

(3) Pendaftar hendaklah menyiarkan nama syarikat yang telah dipotong dalam *Warta* dan setelah disiarkan dalam *Warta*, syarikat itu hendaklah dibubarkan.

(4) Notis yang hendaklah dihantar di bawah seksyen ini kepada seseorang penyelesai boleh dialamatkan kepada penyelesai itu di tempat perniagaan terakhirnya yang diketahui, dan surat atau notis yang hendaklah dihantar di bawah seksyen ini kepada sesuatu syarikat boleh dialamatkan kepada syarikat itu di pejabat berdaftarnya atau, jika tiada pejabat didaftarkan, kepada pegawai syarikat, atau jika tiada pegawai syarikat yang nama dan alamatnya

diketahui oleh Pendaftar, boleh dihantar kepada setiap orang yang menubuhkan syarikat itu, yang dialamatkan kepadanya di alamat terakhir yang diketahui.

**Bantahan terhadap pemotongan**

**552.** (1) Jika suatu notis tentang niat untuk memotong sesuatu syarikat daripada daftar diberikan di bawah subseksyen 551(1), mana-mana orang boleh, bersama dengan bayaran fi yang ditetapkan, menyerah simpan dengan Pendaftar, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, suatu bantahan terhadap pemotongan syarikat itu atas mana-mana alasan yang berikut:

*(a)* bahawa syarikat itu masih menjalankan perniagaan atau terdapat sebab lain baginya untuk terus wujud;

*(b)* bahawa syarikat itu merupakan suatu pihak kepada prosiding undang-undang;

*(c)* bahawa syarikat itu adalah dalam penerimaan atau penyelesaian, atau kedua-duanya;

*(d)* bahawa orang itu merupakan seorang pemiutang atau seorang anggota atau seseorang yang mempunyai tuntutan yang belum dilepaskan terhadap syarikat itu;

*(e)* bahawa orang itu mempercayai bahawa terdapat, dan berniat untuk meneruskan, suatu hak tindakan bagi pihak syarikat itu di bawah Penggal 6 Bahagian III; atau

*(f)* bahawa, bagi apa-apa sebab lain, adalah tidak adil dan saksama untuk memotong syarikat daripada daftar.

(2) Bagi maksud perenggan (1)*(d)*—

*(a)* suatu tuntutan oleh pemiutang terhadap sesuatu syarikat bukan merupakan tuntutan yang belum dilepaskan jika—

(i) tuntutan itu telah dibayar dengan sepenuhnya; atau

(ii) tuntutan itu telah dibayar dengan sepenuhnya atau sebahagiannya oleh penerima atau penyelesai dalam penerimaan atau penyelesaian yang disempurnakan; atau

(iii) penerima atau penyelesai memberitahu pemiutang bahawa aset syarikat tidak mencukupi untuk membolehkan apa-apa bayaran dibuat kepada pemiutang; dan

*(b)* suatu tuntutan oleh anggota atau mana-mana orang lain terhadap sesuatu syarikat bukan merupakan tuntutan yang belum dilepaskan jika—

(i) bayaran telah dibuat kepada pemegang syer atau orang itu mengikut suatu hak di bawah perlembagaan atau Akta ini untuk menerima atau berkongsi aset lebihan syarikat; atau

(ii) penerima atau penyelesai memberitahu anggota atau orang itu bahawa syarikat itu tidak mempunyai aset lebihan.

(3) Pendaftar tidak boleh meneruskan pemotongan melainkan jika Pendaftar itu berpuas hati bahawa—

*(a)* bantahan telah ditarik balik;

*(b)* apa-apa fakta yang berdasarkannya bantahan itu dibuat adalah tidak benar, atau tidak lagi benar; atau

*(c)* bantahan itu adalah remeh dan menyusahkan.

(4) Pendaftar hendaklah menghantar suatu pemberitahuan kepada pembantah dan syarikat jika dia memutuskan untuk menggantung atau untuk meneruskan proses pemotongan syarikat itu.

**Penarikan balik permohonan untuk memotong**

**553.** Tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan, seseorang pemohon yang disebut dalam seksyen 550 boleh menarik balik permohonan dengan menyerah simpan suatu notis penarikan balik dengan Pendaftar.

**Kesan pemotongan**

**554.** (1) Jika sesuatu syarikat dipotong daripada daftar di bawah seksyen 549, syarikat itu hendaklah dibubarkan, tetapi—

*(a)* tanggungan, jika ada, tiap-tiap pengarah atau pegawai dan anggota syarikat itu berterusan dan boleh dikuatkuasakan seolah-olah syarikat itu tidak dibubarkan; dan

*(b)* tiada apa-apa jua dalam seksyen 550 boleh menyentuh kuasa Mahkamah untuk menggulung suatu syarikat, yang namanya telah dipotong daripada daftar dengan syarat bahawa terdapat bukti bahawa syarikat itu mempunyai harta yang boleh didapatkan.

(2) Jika Mahkamah mengeluarkan suatu perintah penggulungan di bawah perenggan (1)*(b)*, penyelesai hendaklah diminta hanya untuk menemukan dan mendapatkan apa-apa aset syarikat.

**Kuasa Mahkamah untuk memasukkan semula syarikat yang dipotong ke dalam daftar**

**555.** (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pendaftar untuk memotong syarikat boleh, dalam masa tujuh tahun selepas nama syarikat telah dipotong, memohon kepada Mahkamah untuk memasukkan semula nama syarikat ke dalam daftar.

(2) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa syarikat pada masa dipotong, menjalankan perniagaan atau beroperasi atau selainnya bahawa hanya nama syarikat dimasukkan semula ke dalam daftar, Mahkamah boleh mengarahkan supaya—

*(a)* nama syarikat dimasukkan semula; dan

*(b)* memberikan apa-apa arahan dan membuat apa-apa peruntukan sebagaimana yang difikirkan adil untuk menempatkan syarikat dan semua orang lain pada kedudukan yang sehampir sama seolah-olah nama syarikat tidak dipotong.

(3) Setelah suatu salinan pejabat diserah simpan dengan Pendaftar, syarikat hendaklah disifatkan masih wujud seolah-olah namanya tidak dipotong.

Subpenggal 2

*Pengurusan Aset Syarikat yang Dibubarkan*

**Kuasa Pendaftar untuk mewakili syarikat yang dibubarkan dalam hal keadaan tertentu**

**556.** (1) Jika selepas sesuatu syarikat dibubarkan, dibuktikan sehingga memuaskan hati Pendaftar—

*(a)* bahawa syarikat itu jika masih wujud terikat di sisi undang-undang atau ekuiti untuk menunaikan, menyempurnakan atau menguatkuasakan apa-apa urus niaga, transaksi atau perkara; dan

*(b)* bahawa bagi menunaikan, menyempurnakan atau menguatkuasakan urus niaga, transaksi atau perkara itu hanya tindakan pentadbiran tertentu sepatutnya dilakukan oleh atau bagi pihak syarikat jika masih wujud,

Pendaftar boleh sebagai mewakili syarikat atau penyelesainya di bawah seksyen ini melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa tindakan itu.

(2) Pendaftar boleh menyempurnakan atau menandatangani apa-apa surat cara atau dokumen berkaitan yang menyatakan bahawa dia telah melakukan sedemikian di bawah seksyen ini, dan penyempurnaan atau penandatanganan itu hendaklah mempunyai kuat kuasa, kesahan dan kesan yang sama seolah-olah syarikat itu, jika wujud, telah menyempurnakan surat cara atau dokumen itu dengan sewajarnya.

**Aset yang belum dijelaskan bagi syarikat yang dibubarkan atau dipotong terletak hak pada Pendaftar**

**557.** (1) Jika, selepas sesuatu syarikat dibubarkan, masih terdapat apa-apa harta yang belum dijelaskan, alih atau tak alih, termasuk benda dalam tindakan dan sama ada di dalam atau di luar Malaysia yang pada masa syarikat itu dibubarkan—

*(a)* terletak hak pada syarikat itu;

*(b)* syarikat itu berhak ke atasnya; atau

*(c)* syarikat itu mempunyai kuasa untuk melupuskan,

tetapi yang tidak diterima, didapatkan atau selainnya dilupuskan atau diuruskan oleh syarikat itu atau penyelesainya sebelum pembubaran, harta itu, kecuali modal dipanggil dan tidak dipanggil, hendaklah, bagi maksud seksyen yang berikut dalam Subpenggal ini dan walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, terletak hak pada Pendaftar bagi semua estet dan kepentingan, di sisi undang-undang atau ekuiti, syarikat itu atau penyelesainya pada tarikh syarikat itu dibubarkan, bersama dengan semua tuntutan, hak dan ganti rugi yang dipunyai oleh syarikat itu atau penyelesainya pada masa itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika apa-apa tuntutan, hak atau ganti rugi penyelesai boleh, di bawah Akta ini, dibuat, dijalankan atau digunakan hanya dengan kelulusan atau persetujuan Mahkamah atau mana-mana orang lain, Pendaftar boleh membuat, menjalankan atau menggunakan sendiri tuntutan, hak atau ganti rugi itu tanpa kelulusan atau persetujuan itu.

**Pelupusan kepentingan yang belum selesai dalam harta**

**558.** (1) Setelah dibuktikan sehingga memuaskan hati Pendaftar bahawa adalah terletak hak padanya melalui penguatkuasaan seksyen 557 atau mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan atau suatu undang-undang negara yang ditetapkan yang bersamaan dengan seksyen 548, apa-apa estet atau kepentingan dalam harta, sama ada secara perseorangan atau bersama dengan mana-mana orang lain, bersifat benefisial dan tidak semata-mata dipegang sebagai amanah, Pendaftar boleh menjual atau selainnya melupuskan atau berurusan dengan estet atau kepentingan dalam harta itu atau mana-mana bahagian estet atau kepentingan dalam harta itu sebagaimana yang disifatkannya patut.

(2) Pendaftar boleh menjual atau selainnya melupuskan atau berurusan dengan harta sama ada secara perseorangan atau dengan persetujuan mana-mana orang lain mengikut apa-apa cara bagi apa-apa balasan melalui lelong awam, tender awam atau kontrak persendirian mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, dengan kuasa untuk membatalkan apa-apa kontrak dan menjual semula atau selainnya melupuskan atau berurusan dengan harta itu sebagaimana yang difikirkannya suai manfaat dan boleh membuat, menyempurnakan, menandatangani dan menguatkuasakan kontrak, surat cara dan dokumen itu sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(3) Pendaftar hendaklah diberikan saraan secara komisen, sama ada secara peratusan atau selainnya, sebagaimana yang ditetapkan berkenaan dengan penjalanan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (1).

(4) Wang yang diterima oleh Pendaftar dalam penjalanan mana-mana kuasa yang diberikan kepadanya oleh Subpenggal ini hendaklah digunakan untuk membayar segala kos, perbelanjaan, komisen dan fi yang bersampingan dengan pelupusan itu dan

seterusnya bagi apa-apa bayaran yang dibenarkan oleh Subpenggal ini dan lebihan, jika ada, hendaklah diuruskan seolah-olah lebihan itu merupakan wang tidak dituntut di bawah undang-undang yang berhubungan dengan wang tidak dituntut.

**Liabiliti Pendaftar dan Kerajaan mengenai harta yang terletak hak pada Pendaftar**

**559.** (1) Harta yang terletak hak pada Pendaftar melalui penguatkuasaan Subpenggal ini atau melalui penguatkuasaan mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan hendaklah bertanggungan dan tertakluk kepada segala caj, tuntutan dan liabiliti yang dikenakan ke atasnya atau yang menyentuh harta itu oleh sebab mana-mana peruntukan statutori mengenai kadar, cukai, caj atau apa-apa perkara atau benda lain yang kepadanya harta itu bertanggungan atau tertakluk jika harta itu terus dimiliki, dipunyai atau diduduki oleh syarikat.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), tidak boleh dikenakan ke atas Pendaftar atau Kerajaan apa-apa jua kewajipan, obligasi atau liabiliti untuk melakukan atau menghadapi apa-apa perbuatan atau benda yang dikehendaki oleh mana-mana peruntukan statutori supaya dilakukan atau dihadapi oleh pemunya atau penduduk selain penyelesaian atau pembayaran apa-apa caj, tuntutan atau liabiliti itu daripada aset syarikat setakat yang caj, tuntutan atau liabiliti itu adalah pada pendapat Pendaftar tersedia dengan sepatutnya dan boleh digunakan bagi pembayaran itu.

**Akaun dan audit**

**560.** (1) Pendaftar hendaklah—

*(a)* merekodkan dalam daftar suatu pernyataan tentang apa-apa harta yang dipegangnya atau di bawah kawalannya atau yang diketahuinya terletak hak padanya melalui penguatkuasaan Subpenggal ini dan tentang urusannya;

*(b)* menyimpan akaun tentang semua wang yang diperoleh dan tentang bagaimana wang itu dilupuskan; dan

*(c)* menyimpan semua akaun, baucar, resit dan surat yang berhubungan dengan harta dan wang.

(2) Ketua Audit Negara hendaklah mempunyai segala kuasa berkenaan dengan akaun itu sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Akta yang berhubungan dengan pengauditan akaun awam.

## BAHAGIAN V

## PELBAGAI

### Penggal 1

### *Syarikat Asing*

**Larangan menjalankan perniagaan di Malaysia**

**561.** (1) Sesuatu syarikat asing tidak boleh menjalankan perniagaan di Malaysia melainkan jika syarikat asing itu didaftarkan sebagai syarikat asing di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu syarikat asing tidak boleh dianggap sebagai menjalankan perniagaan di Malaysia hanya oleh sebab syarikat itu menjalankan aktiviti sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Belas di dalam Malaysia.

(3) Bagi maksud seksyen ini, "menjalankan perniagaan" termasuklah mengadakan atau menggunakan pejabat pemindahan syer atau pendaftaran syer atau mentadbir, mengurus atau selainnya berurus niaga dengan harta yang terletak di Malaysia sebagai seorang ejen, wakil diri di sisi undang-undang, atau pemegang amanah, sama ada oleh pekhidmat atau ejen atau selainnya.

(4) Syarikat asing dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Pendaftaran syarikat asing**

**562.** (1) Bagi maksud pendaftaran di bawah Akta ini, suatu syarikat asing hendaklah memberikan maklumat yang berikut kepada Pendaftar:

*(a)* nama, pengenalan, kewarganegaraan dan tempat tinggal biasa tiap-tiap pemegang syer di Malaysia dan, jika mana-mana orang ini merupakan suatu pertubuhan

perbadanan, nama perbadanan, tempat diperbadankan atau tempat asalnya, nombor pendaftaran dan pejabat berdaftar pertubuhan perbadanan itu;

*(b)* nama, pengenalan, kewarganegaraan dan tempat tinggal biasa tiap-tiap orang yang dilantik sebagai pengarah syarikat asing di Malaysia;

*(c)* senarai pemegang syer atau anggota di tempat asalnya;

*(d)* dalam hal sesuatu syarikat asing dengan modal syer, butir-butir tentang kelas dan bilangan syer di tempat asalnya;

*(e)* dalam hal suatu syarikat asing berhad tanpa modal syer, amaun yang setakatnya anggota mengaku janji untuk menyumbang kepada aset syarikat asing di tempat asalnya sekiranya syarikat asing itu digulung;

*(f)* nama dan alamat seseorang yang bermastautin di Malaysia, yang dilantik oleh syarikat asing sebagai ejennya di bawah suatu memorandum pelantikan atau pewakilan kuasa; dan

*(g)* apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(2) Permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan oleh ejen syarikat asing yang mengesahkan persetujuannya bagi pelantikan itu.

(3) Setelah berpuas hati bahawa kehendak Akta ini telah dipatuhi dan selepas pembayaran fi yang ditetapkan, Pendaftar hendaklah—

*(a)* mendaftarkan syarikat asing dan menguntukkan suatu nombor pendaftaran bagi syarikat asing itu; dan

*(b)* mengeluarkan suatu pemberitahuan tentang pendaftaran mengikut bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dan pemberitahuan itu hendaklah menjadi keterangan yang muktamad bahawa kehendak mengenai pendaftaran telah dipatuhi.

(4) Bagi maksud perenggan (1)*(c)*, "senarai pemegang syer atau anggota" ertinya suatu senarai tentang semua pemegang syer atau anggota syarikat asing, dengan syarat bahawa jika bilangan pemegang syer atau anggotanya melebihi lima ratus—

*(a)* suatu senarai dua puluh pemegang syer terbesarnya atau anggotanya; dan

*(b)* suatu perakuan oleh ejen yang menyatakan bahawa syarikat asing itu mempunyai lebih daripada lima ratus pemegang syer atau anggota dan senarai penuh pemegang syer atau anggota disimpan di pejabat berdaftar syarikat asing itu dan juga disimpan di pejabat berdaftar syarikat asing itu di Malaysia.

**Kehendak supaya syarikat asing mempunyai ejen**

**563.** (1) Sesuatu syarikat asing hendaklah pada setiap masa melantik seorang ejen di Malaysia yang, sehingga dia terhenti menjadi ejen mengikut subseksyen (5), hendaklah—

*(a)* terus menjadi ejen syarikat asing itu;

*(b)* bertanggungjawab bagi segala perbuatan, perkara dan benda yang dikehendaki supaya dilakukan oleh syarikat asing itu di bawah Akta ini; dan

*(c)* bertanggungan sendiri bagi semua penalti yang dikenakan ke atas syarikat asing itu bagi apa-apa pelanggaran Akta ini melainkan jika ejen itu memuaskan hati Mahkamah yang mendengar perkara itu bahawa ejen itu tidak sepatutnya bertanggungan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), syarikat asing hendaklah memberitahu Pendaftar tentang apa-apa perubahan yang berhubungan dengan butir-butir ejen yang didaftarkan dalam masa empat belas hari daripada perubahan itu.

(3) Suatu syarikat asing atau ejennya hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu notis secara bertulis yang menyatakan bahawa ejen itu terhenti atau akan terhenti menjadi ejen pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Ejen yang berkenaan dengannya notis telah diserah simpan hendaklah terhenti menjadi ejen—

*(a)* setelah habis tempoh dua puluh satu hari dari tarikh penyerahsimpanan notis itu dengan Pendaftar atau pada tarikh penyerahsimpanan memorandum pelantikan ejen yang lain mengikut subseksyen (5), mengikut mana-mana yang lebih awal; atau

*(b)* jika notis itu menyatakan tarikh ejen itu hendaklah terhenti dan tarikh itu adalah terkemudian daripada habisnya tempoh itu, pada tarikh yang terkemudian itu.

(5) Jika seseorang ejen terhenti daripada menjadi ejen dan syarikat asing terus menjalankan perniagaan atau mempunyai tempat perniagaan di Malaysia, syarikat asing hendaklah melantik ejen lain dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh ejen terdahulu terhenti daripada menjadi ejen.

**Nama syarikat asing dan penyiarannya**

**564.** (1) Suatu syarikat asing hendaklah didaftarkan di bawah nama sebagaimana yang didaftarkan di tempat asalnya tertakluk kepada nama itu tersedia di bawah seksyen 26.

(2) Apa-apa perubahan pada nama sesuatu syarikat asing tidak boleh didaftarkan jika nama itu tidak tersedia di bawah seksyen 26.

(3) Tiada syarikat asing yang kepadanya Bahagian ini terpakai boleh menggunakan apa-apa nama di Malaysia selain nama yang di bawahnya syarikat asing itu didaftarkan di bawah Penggal ini.

(4) Syarikat asing dan tiap-tiap pegawai atau ejen yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Obligasi untuk menyatakan nama syarikat asing, sama ada berhad, dan tempat diperbadankan**

**565.** (1) Suatu syarikat asing hendaklah—

*(a)* mempamerkan dengan cara yang mudah dilihat namanya dan tempat syarikat asing itu ditubuhkan atau diperbadankan dalam huruf rumi di luar pejabat berdaftarnya dan tiap-tiap tempat perniagaan yang ditubuhkan oleh syarikat asing di Malaysia;

*(b)* menyebabkan namanya, nombor syarikatnya dan tempat syarikat asing itu ditubuhkan atau diperbadankan dinyatakan dalam huruf rumi yang boleh dibaca pada yang berikut:

(i) surat urusan, notis dan penerbitan rasminya yang lain, termasuk melalui media elektronik;

(ii) laman sesawangnya;

(iii) bil pertukaran, nota janji hutang, pengendorsan dan borang pesanannya;

(iv) cek yang berupa sebagai ditandatangani oleh atau bagi pihak syarikat;

(v) pesanan, invois dan tuntutan lain bagi bayaran, resit dan surat kredit yang berupa sebagai dikeluarkan atau ditandatangani oleh atau bagi pihak syarikat; dan

(vi) semua bentuk surat dan dokumentasi perniagaannya yang lain;

*(c)* jika liabiliti anggotanya adalah terhad, melainkan jika perkataan terakhir pada namanya ialah perkataan "Berhad" atau "*Limited*" atau singkatan "Bhd." atau "*Ltd*.", menyebabkan notis tentang fakta itu—

(i) dinyatakan dalam huruf yang boleh dibaca dalam tiap-tiap prospektus yang dikeluarkan oleh syarikat asing itu dan dalam semua hal keadaan yang disebut dalam perenggan *(b)*; dan

(ii) kecuali dalam hal perbadanan bank, dipamerkan di luar pejabat berdaftarnya dan tiap-tiap tempat perniagaan yang ditubuhkan oleh syarikat asing itu di Malaysia.

(2) Kehendak di bawah subseksyen (1) yang berhubungan dengan pameran atau pernyataan namanya hendaklah disifatkan tidak dipatuhi jika nama sesuatu syarikat asing ditunjukkan dengan huruf atau dengan apa-apa cara lain selain penggunaan huruf rumi—

*(a)* di luar pejabat berdaftarnya;

*(b)* di luar mana-mana tempat perniagaan yang ditubuhkan olehnya di Malaysia; atau

*(c)* pada mana-mana dokumen yang disebut dalam subseksyen (1),

melainkan jika nama syarikat asing itu dipamerkan di luar pejabat berdaftar atau tempat perniagaannya atau dinyatakan pada dokumen dalam huruf rumi, sekurang-kurangnya sama saiz dengan semua huruf yang dipamerkan atau dinyatakan pada pejabat, tempat perniagaan atau dokumen yang berkaitan.

(3) Dalam seksyen ini, "nombor syarikat" ertinya nombor yang diuntukkan oleh Pendaftar kepada suatu syarikat asing selepas pendaftarannya.

**Kehendak supaya mempunyai pejabat berdaftar**

**566.** (1) Suatu syarikat asing hendaklah, pada setiap masa, mempunyai suatu pejabat berdaftar di dalam Malaysia—

*(a)* yang kepadanya semua perhubungan dan notis dialamatkan; dan

*(b)* yang hendaklah dibuka kepada dan boleh diakses oleh orang awam sepanjang waktu perniagaan biasa.

(2) Tiap-tiap syarikat asing hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari syarikat asing itu menubuhkan tempat perniagaan atau mula menjalankan perniagaan di dalam Malaysia, menyerah simpan dengan Pendaftar tentang keadaan pejabat berdaftarnya di Malaysia dan, melainkan jika pejabat itu dibuka kepada dan boleh diakses oleh orang awam sepanjang waktu perniagaan biasa, hari dan waktu yang baginya syarikat asing itu dibuka kepada dan boleh diakses oleh orang awam.

**Penyata hendaklah difailkan jika dokumen, dsb., diubah**

**567.** (1) Jika apa-apa perubahan atau pengubahan dibuat mengenai—

*(a)* piagam, statut, perlembagaan, memorandum atau perkara syarikat asing atau surat cara lain yang diserah simpan dengan Pendaftar;

*(b)* pengarah syarikat asing atau pada nama atau alamat mana-mana pengarah;

*(c)* ejen syarikat asing atau nama atau alamat mana-mana ejen;

*(d)* keadaan pejabat berdaftar syarikat asing di Malaysia atau hari atau waktu yang baginya pejabat berdaftar syarikat asing itu dibuka kepada dan boleh diakses oleh orang awam;

*(e)* alamat pejabat berdaftar syarikat asing di tempat syarikat asing diperbadankan atau di tempat asalnya;

*(f)* nama syarikat asing; atau

*(g)* kuasa mana-mana pengarah yang bermastautin di Malaysia yang menjadi anggota lembaga pengarah tempatan bagi syarikat asing,

syarikat asing itu hendaklah, dalam masa empat belas hari atau dalam apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar dalam hal keadaan khas selepas perubahan atau pengubahan itu, menyerah simpan dengan Pendaftar butir-butir tentang perubahan atau pengubahan itu dan apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Tertakluk kepada Akta ini, Pendaftar hendaklah mendaftar perubahan atau pengubahan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) setelah menerima butir-butir tentang perubahan atau pengubahan itu.

(3) Jika sesuatu syarikat asing menambahkan modal syer atau modal syer dibenarkan, syarikat asing itu hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar notis tentang amaun yang daripadanya dan amaun yang kepadanya modal syer itu ditambah dalam masa tiga puluh hari atau dalam apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar dalam hal keadaan khas selepas pertambahan itu.

(4) Jika sesuatu syarikat asing yang tidak mempunyai modal syer menambahkan bilangan anggotanya melebihi bilangan yang didaftarkan, syarikat asing itu hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar notis tentang pertambahan itu dalam masa tiga puluh hari atau dalam apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar dalam hal keadaan khas selepas pertambahan itu selesai atau dibuat.

(5) Jika apa-apa perintah dibuat oleh Mahkamah di bawah mana-mana undang-undang yang bersamaan dengan seksyen 366 yang berkuat kuasa di negara yang di dalamnya suatu syarikat asing diperbadankan, syarikat asing itu hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu salinan fail perintah itu dalam masa tiga puluh hari atau dalam apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar dalam hal keadaan khas selepas perintah itu dibuat.

**Daftar cawangan**

**568.** (1) Tertakluk kepada seksyen ini, suatu syarikat asing yang mempunyai modal syer dan mempunyai mana-mana anggota yang bermastautin di Malaysia hendaklah menyimpan suatu daftar cawangan bagi maksud pendaftaran syer anggota yang bermastautin di Malaysia yang memohon supaya syer itu didaftarkan di pejabat berdaftarnya di Malaysia atau di mana-mana tempat lain di Malaysia.

(2) Syarikat tidak berkewajipan untuk menyimpan suatu daftar cawangan di bawah subseksyen (1) sehingga selepas habis tempoh enam puluh hari dari penerimaan oleh syarikat itu suatu permohonan secara bertulis oleh seseorang anggota yang bermastautin di Malaysia bagi pendaftaran syer yang dipegang oleh anggota itu dalam daftar cawangan syarikat itu di Malaysia.

(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana syarikat asing yang melalui perlembagaannya melarang apa-apa pelawaan kepada orang awam untuk melanggan syer dalam syarikat asing itu.

(4) Tiap-tiap daftar sebagaimana yang disebut dahulu hendaklah disimpan mengikut cara yang diperuntukkan oleh Penggal 8 Bahagian II seolah-olah daftar itu ialah daftar sesuatu syarikat dan pemindahan hendaklah dibuat pada daftar itu mengikut cara yang sama dan pada gadaian yang sama sebagaimana pada daftar utama syarikat itu dan pemindahan yang diserah simpan di pejabat berdaftar syarikat itu di Malaysia hendaklah mengikat syarikat itu dan Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa yang sama berhubung dengan pembetulan daftar itu sebagaimana yang dipunyai Mahkamah berkenaan dengan daftar suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia.

(5) Jika sesuatu syarikat asing membuka suatu daftar cawangan di Malaysia, syarikat asing itu hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu notis tentang fakta itu yang menyatakan alamat di mana daftar itu disimpan dalam masa empat belas hari dari pembukaan cawangan itu.

(6) Jika apa-apa perubahan dibuat di tempat di mana daftar disimpan atau di mana daftar ditamatkan, syarikat asing hendaklah menyerah simpan notis tentang perubahan atau penamatan itu dengan Pendaftar dalam masa empat belas hari dari perubahan atau penamatan itu.

(7) Jika suatu syarikat asing atau perbadanan berhak di bawah suatu undang-undang tempat pemerbadanan yang bersamaan dengan seksyen 371 untuk memberikan notis kepada seseorang pemegang syer yang menentang dalam syarikat asing itu, bahawa syarikat asing itu berhasrat untuk memperoleh mana-mana syernya yang didaftarkan pada daftar cawangan yang disimpan di Malaysia, seksyen ini hendaklah terhenti terpakai bagi syarikat asing itu sehingga—

*(a)* syer itu diperoleh; atau

*(b)* syarikat atau perbadanan itu terhenti daripada berhak untuk memperoleh syer itu.

(8) Syarikat asing, tiap-tiap pegawai dan ejen yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pendaftaran syer dalam daftar cawangan**

**569.** Tertakluk kepada Akta ini, atas suatu permohonan bagi maksud itu oleh seseorang anggota yang bermastautin di Malaysia, syarikat asing hendaklah mendaftarkan dalam suatu daftar cawangan syarikat asing, syer yang dipegang oleh anggota yang didaftarkan dalam mana-mana daftar lain yang disimpan oleh syarikat itu.

**Pengeluaran syer daripada daftar cawangan**

**570.** Tertakluk kepada Akta ini, atas permohonan bagi maksud itu oleh seseorang anggota yang memegang syer yang didaftarkan dalam suatu daftar cawangan, syarikat asing hendaklah mengeluarkan butir-butir yang berhubungan dengan syer itu daripada daftar cawangan dan mendaftarkan syer itu dalam mana-mana daftar lain di dalam Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam permohonan itu.

**Indeks anggota, pemeriksaan dan penutupan daftar cawangan**

**571.** Seksyen 50, 51, 52, 53, 54, 55 dan 56 hendaklah, dengan apa-apa penyesuaian sebagaimana yang perlu, terpakai masing- masingnya bagi indeks orang yang memegang syer dalam daftar cawangan dan bagi pemeriksaan dan penutupan daftar itu.

**Pemindahan syer dan pembetulan**

**572.** Seksyen 103, 105, 106 dan 107 hendaklah terpakai dengan penyesuaian yang perlu mengenai pemindahan syer dan pembetulan daftar cawangan sesuatu syarikat asing.

**Daftar cawangan hendaklah menjadi keterangan *prima facie***

**573.** Suatu daftar cawangan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang—

*(a)* apa-apa perkara yang diarahkan atau dibenarkan oleh Subpenggal ini supaya dimasukkan ke dalam daftar cawangan itu; dan

*(b)* hakmilik anggota kepada syer dan pendaftaran syer dalam daftar cawangan itu.

**Akaun hendaklah disimpan oleh syarikat asing**

**574.** (1) Tiap-tiap syarikat asing, pengarah dan pengurus hendaklah menyebabkan—

*(a)* supaya disimpan rekod perakaunan dan rekod lain di Malaysia yang akan menghuraikan dengan secukupnya transaksi dan kedudukan kewangan syarikat asing itu yang berbangkit daripada operasinya di Malaysia; dan

*(b)* supaya rekod di bawah perenggan *(a)* disimpan mengikut apa-apa cara bagi membolehkan rekod itu diaudit dengan mudah dan sepatutnya.

(2) Rekod yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah diaudit oleh seseorang yang diluluskan di bawah seksyen 263.

(3) Tiap-tiap syarikat asing, pengarah dan pengurus syarikat asing itu hendaklah menyebabkan supaya dibuat kemasukan yang sewajarnya dalam rekod perakaunan dan rekod lain dalam masa enam puluh hari dari penyempurnaan transaksi yang dimaksudkan oleh kemasukan itu.

(4) Subseksyen 245(3), (4), (7) dan (8) hendaklah terpakai bagi syarikat asing seolah-olah bagi sebutan mengenai suatu "syarikat" digantikan dengan sebutan mengenai suatu "syarikat asing".

**Penyata kewangan**

**575.** (1) Tertakluk kepada seksyen ini, suatu syarikat asing hendaklah, dalam masa dua bulan dari mesyuarat agung tahunannya, menyerah simpan dengan Pendaftar suatu salinan penyata kewangannya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan terakhirnya dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir dan disertakan dengan salinan apa-apa dokumen sebagaimana yang syarikat itu dikehendaki untuk mengepilkan, melampirkan atau menghantar dengan penyata kewangannya oleh undang-undang yang pada masa ini terpakai bagi syarikat itu di tempat ia diperbadankan atau di tempat asalnya, bersama dengan akuan berkanun dalam bentuk yang ditetapkan yang menentusahkan bahawa salinan itu ialah salinan sebenar dokumen yang dikehendaki sedemikian.

(2) Pendaftar boleh, jika dia berpendapat bahawa penyata kewangan dan dokumen lain yang disebut dalam subseksyen (1) tidak menzahirkan dengan secukupnya kedudukan kewangan syarikat, menghendaki syarikat itu supaya menyerah simpan suatu penyata kewangan dalam apa-apa tempoh, dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir dan mengepilkan kepadanya apa-apa dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar melalui notis secara bertulis kepada syarikat itu, tetapi subseksyen ini tidak membenarkan Pendaftar menghendaki supaya suatu penyata kewangan mengandungi apa-apa butir atau supaya syarikat

mengepilkan, melampirkan atau menghantar apa-apa dokumen yang tidak dikehendaki supaya diberikan jika syarikat itu ialah suatu syarikat awam yang diperbadankan di bawah Akta ini.

(3) Syarikat asing hendaklah mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam notis.

(4) Jika suatu syarikat asing tidak dikehendaki oleh undang- undang tempat syarikat asing itu diperbadankan atau tempat asalnya untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan dan menyediakan suatu penyata kewangan, syarikat asing itu hendaklah menyediakan dan menyerah simpan dengan Pendaftar suatu penyata kewangan bagi apa-apa tempoh, dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir dan supaya dikepilkan apa-apa dokumen sebagaimana yang sepatutnya dikehendaki supaya disediakan atau diperoleh oleh pengarah syarikat asing itu jika syarikat asing itu merupakan suatu syarikat awam yang diperbadankan di bawah Akta ini.

(5) Sebagai tambahan kepada penyata kewangan dan dokumen lain yang dikehendaki supaya diserah simpan dengan Pendaftar oleh subseksyen (1) hingga (4), suatu syarikat asing hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar—

*(a)* suatu penyata kewangan teraudit dengan sewajarnya dan dokumen lain yang dikehendaki supaya dilampirkan bersama penyata kewangan itu; dan

*(b)* suatu penyata teraudit dengan sewajarnya yang menunjukkan aset syarikat asing itu yang digunakan dalam dan liabiliti yang berbangkit daripada operasinya di Malaysia pada tarikh penyata kewangannya disediakan,

yang setakat yang dapat dilaksanakan, mematuhi piawaian perakaunan diluluskan yang terpakai dan yang memberikan pendapat yang benar dan patut tentang operasi syarikat asing itu di Malaysia bagi tahun kewangan syarikat itu sebelumnya yang terakhir.

(6) Tertakluk kepada subseksyen (5), syarikat asing adalah berhak untuk membuat apa-apa pengumpukan perbelanjaan yang dilakukan berkaitan dengan operasi atau pentadbiran yang menyentuh kedua-dua Malaysia dan tempat lain dan untuk menambah apa-apa nota dan penerangan yang pada pendapatnya adalah perlu atau wajar untuk memberikan pandangan yang benar dan patut tentang keuntungan atau kerugian operasinya di Malaysia.

(7) Pendaftar boleh menepikan pematuhan subseksyen (5) berhubung dengan mana-mana syarikat asing jika Pendaftar berpuas hati bahawa—

*(a)* tidak praktikal untuk mematuhi subseksyen ini dengan mengambil kira sifat operasi syarikat itu di Malaysia;

*(b)* tiada nilai sebenar dengan mengambil kira amaun yang terlibat;

*(c)* ia melibatkan perbelanjaan yang amat tidak sepadan dengan nilainya; atau

*(d)* ia mengelirukan atau memudaratkan perniagaan syarikat atau mana-mana syarikat yang disifatkan berkaitan dengan syarikat itu menurut kuasa seksyen 7.

(8) Penyata kewangan hendaklah disifatkan telah diaudit dengan sewajarnya bagi maksud subseksyen (5) jika penyata kewangan—

*(a)* disertakan dengan suatu laporan oleh seorang juruaudit syarikat diluluskan mengikut seksyen 266; dan

*(b)* disertakan dengan suatu akuan berkanun oleh ejen atau, jika ejen tidak bertanggungjawab secara khusus bagi pengurusan kewangan syarikat, oleh orang yang bertanggungjawab sedemikian yang menyatakan pendapatnya mengenai ketepatan atau selainnya tentang penyata itu dan akaun untung rugi.

**Penyata tahunan**

**576.** (1) Suatu syarikat asing hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar, sekali dalam tiap-tiap tahun kalendar, suatu penyata tahunan dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Penyata tahunan itu hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

*(a)* alamat pejabat berdaftarnya;

*(b)* alamat tempat perniagaannya termasuk cawangan, jika ada;

*(c)* alamat tempat daftar anggotanya disimpan, jika tidak disimpan di pejabat berdaftar;

*(d)* alamat tempat rekod kewangannya disimpan, jika tidak disimpan di pejabat berdaftar;

*(e)* dalam hal suatu syarikat dengan modal syer, ringkasan struktur pemegangan syernya, termasuk debentur;

*(f)* jumlah amaun keterhutangannya di Malaysia;

*(g)* butir-butir tentang pengarah, pegawai, juruaudit dan ejen di Malaysia;

*(h)* senarai pemegang syer atau anggotanya; dan

*(i)* apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.

(3) Penyata itu hendaklah diserah simpan tidak lewat daripada tiga puluh hari dari ulang tahun tarikh pendaftarannya atau dalam apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar dalam hal keadaan khas.

**Penyampaian notis**

**577.** Apa-apa dokumen yang dikehendaki supaya disampaikan kepada suatu syarikat asing hendaklah disampaikan dengan secukupnya—

*(a)* jika dokumen itu dialamatkan kepada syarikat asing itu dan ditinggalkan di atau dihantar melalui pos ke pejabat berdaftarnya di Malaysia;

*(b)* jika dokumen itu dialamatkan kepada ejen syarikat itu dan ditinggalkan di atau dihantar melalui pos ke alamat berdaftarnya; atau

*(c)* dalam hal suatu syarikat asing yang terhenti mengekalkan tempat perniagaan di Malaysia, jika dokumen itu dialamatkan kepada syarikat asing itu dan ditinggalkan di atau dihantar melalui pos ke pejabat berdaftarnya di tempat syarikat asing itu diperbadankan atau di tempat asalnya.

**Pemberhentian perniagaan di Malaysia**

**578.** (1) Jika suatu syarikat asing terhenti mempunyai suatu tempat perniagaan atau menjalankan perniagaan di Malaysia, syarikat asing itu hendaklah, dalam masa tujuh hari dari pemberhentian,

menyerah simpan dengan Pendaftar suatu notis mengenai fakta itu, dan dari hari notis itu diserah simpan, obligasinya untuk menyerah simpan apa-apa dokumen, selain dokumen yang sepatutnya diserah simpan sebelum hari itu, hendaklah terhenti.

(2) Pendaftar hendaklah mengeluarkan nama syarikat asing daripada daftar setelah habis tempoh dua belas bulan selepas penyerahsimpanan notis.

(3) Jika suatu syarikat asing berada dalam penyelesaian atau dibubarkan di tempat syarikat asing itu diperbadankan atau di tempat asalnya—

*(a)* mana-mana orang yang, sebaik sebelum permulaan prosiding penyelesaian, menjadi ejen hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari permulaan penyelesaian atau pembubaran atau dalam apa-apa masa selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar dalam hal keadaan khas, menyerah simpan atau menyebabkan supaya diserah simpan dengan Pendaftar notis mengenai perkara itu dan, apabila seorang penyelesai dilantik, notis pelantikannya; dan

*(b)* penyelesai itu hendaklah mempunyai kuasa dan fungsi seorang penyelesai sehingga seorang penyelesai bagi Malaysia dilantik dengan sewajarnya oleh Mahkamah.

(4) Seorang penyelesai suatu syarikat asing yang dilantik bagi Malaysia oleh Mahkamah atau seseorang yang menjalankan kuasa dan fungsi seorang penyelesai—

*(a)* hendaklah, sebelum apa-apa pembahagian aset syarikat asing itu dibuat, melalui iklan dalam surat khabar yang diedarkan secara meluas di setiap negara di mana syarikat asing itu menjalankan perniagaan sebelum penyelesaian jika tiada penyelesai dilantik bagi tempat itu, mempelawa semua pemiutang untuk membuat tuntutan mereka terhadap syarikat asing itu dalam masa yang munasabah sebelum pembahagian itu;

*(b)* tidak boleh membayar mana-mana pemiutang sehingga mengetepikan mana-mana pemiutang lain bagi syarikat asing itu tanpa memperoleh suatu perintah Mahkamah kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam subseksyen (8); dan

*(c)* hendaklah, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah—

(i) hanya mendapatkan dan merealisasikan aset syarikat asing itu di Malaysia; dan

(ii) tertakluk kepada subseksyen (8), membayar amaun bersih yang didapatkan dan direalisasikan sedemikian kepada penyelesai syarikat asing itu bagi tempat di mana syarikat asing itu ditubuhkan atau diperbadankan selepas membayar apa-apa hutang dan menyelesaikan apa-apa liabiliti yang dilakukan di Malaysia oleh syarikat asing itu.

(5) Jika suatu syarikat asing telah digulung, setakat yang berkenaan dengan asetnya di Malaysia dan tiada penyelesai bagi tempat syarikat asing itu diperbadankan atau tempat asalnya, penyelesai boleh memohon kepada Mahkamah bagi arahan tentang pelupusan amaun bersih yang didapatkan di bawah subseksyen (3).

(6) Setelah menerima suatu notis daripada ejen bahawa syarikat asing telah dibubarkan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan nama syarikat itu daripada daftar.

(7) Jika Pendaftar mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu syarikat asing terhenti menjalankan perniagaan atau mempunyai tempat perniagaan di Malaysia, peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pemotongan nama syarikat tidak berfungsi itu daripada daftar hendaklah, dengan apa-apa ubah suaian yang perlu, diluaskan dan terpakai dengan sewajarnya.

(8) Seksyen 527 hendaklah terpakai bagi suatu syarikat asing yang digulung atau dibubarkan di bawah seksyen ini seolah-olah bagi sebutan mengenai "syarikat" digantikan dengan sebutan mengenai "syarikat asing".

**Kuasa syarikat asing untuk memegang harta tak alih**

**579.** Tertakluk kepada dan mengikut mana-mana undang-undang bertulis, suatu syarikat asing yang didaftarkan di bawah Subpenggal ini hendaklah mempunyai kuasa untuk memegang apa-apa harta tak alih di Malaysia.

Penggal 2

*Penguatkuasaan dan Keizinan*

Subpenggal 1

*Penguatkuasaan Akta*

**Mengenai hak saksi untuk diwakili di sisi undang-undang**

**580.** Mana-mana orang yang dipanggil bagi pemeriksaan di bawah seksyen 502 atau 503 boleh atas perbelanjaannya sendiri melantik seorang peguam bela dan peguam cara yang bebas menujukan apa-apa soalan kepadanya sebagaimana yang difikirkan saksama oleh Mahkamah, Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret, bagi maksud membolehkannya memberikan penerangan atau menjelaskan apa-apa jawapan yang diberikan olehnya.

**Kuasa untuk memberikan relief**

**581.** (1) Dalam mana-mana prosiding bagi kecuaian, keingkaran, pelanggaran kewajipan atau pecah amanah terhadap mana-mana orang yang kepadanya seksyen ini terpakai, jika didapati oleh Mahkamah yang di hadapannya prosiding itu dijalankan bahawa seseorang adalah bersalah atau mungkin bersalah, tetapi bahawa orang itu telah bertindak secara jujur dan munasabah dan bahawa, dengan mengambil kira segala hal keadaan kes, dia patut dikecualikan secara saksama daripada kecuaian, keingkaran atau pelanggaran itu, Mahkamah boleh melepaskan orang itu sama ada dengan sepenuhnya atau sebahagiannya daripada liabilitinya mengikut apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Jika mana-mana orang yang kepadanya seksyen ini terpakai mempunyai sebab untuk menjangka bahawa apa-apa tuntutan akan dibuat atau mungkin dibuat terhadapnya berkenaan dengan apa-apa kecuaian, keingkaran, pelanggaran kewajipan atau pecah amanah, dia boleh memohon kepada Mahkamah bagi relief, dan Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa yang sama untuk melepaskannya sebagaimana yang sepatutnya dipunyai oleh Mahkamah di bawah seksyen ini jika Mahkamah itu merupakan suatu Mahkamah yang di hadapannya prosiding dijalankan terhadap orang itu bagi kecuaian, keingkaran, pelanggaran kewajipan atau pecah amanah.

(3) Seksyen ini terpakai bagi—

*(a)* pegawai suatu perbadanan;

*(b)* seseorang yang diambil bekerja oleh sesuatu perbadanan sebagai juruaudit, sama ada dia merupakan pegawai atau bukan pegawai perbadanan itu;

*(c)* seorang pakar mengikut pengertian Akta ini;

*(d)* penyelesai atau seseorang yang dilantik oleh Mahkamah, penerima, penerima dan pengurus atau pengurus kehakiman yang menjalankan apa-apa kewajipan di bawah Akta ini berhubung dengan sesuatu perbadanan; dan

*(e)* seorang penama yang dilantik di bawah perkiraan sukarela untuk menjalankan apa-apa kewajipan di bawah Akta ini berhubung dengan sesuatu perbadanan.

**Ketidakteraturan dalam prosiding**

**582.** (1) Tiada prosiding di bawah Akta ini boleh menjadi tidak sah disebabkan apa-apa kecacatan, ketidakteraturan atau kekurangan dalam notis atau masa melainkan jika Mahkamah berpendapat bahawa ketidakadilan substansial telah atau boleh disebabkan yang tidak boleh diremedi oleh apa-apa perintah Mahkamah.

(2) Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, membuat suatu perintah yang mengisytiharkan bahawa prosiding itu adalah sah walau apa pun apa-apa kecacatan, ketidakteraturan atau kekurangan itu.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1) dan (2) atau mana-mana peruntukan lain Akta ini, jika apa-apa peninggalan, kecacatan, kesilapan atau ketidakteraturan, termasuk ketiadaan kuorum pada mana-mana mesyuarat syarikat atau pengarah berlaku dalam pengurusan atau pentadbiran suatu syarikat yang—

*(a)* apa-apa pelanggaran Akta ini berlaku;

*(b)* terdapat keingkaran dalam menuruti perlembagaan syarikat; atau

*(c)* apa-apa prosiding dalam atau berkaitan dengan mana- mana mesyuarat syarikat atau pengarah atau apa-apa perhimpunan yang berupa sebagai mesyuarat telah

menjadi tidak efektif termasuk kegagalan untuk membuat atau menyerah simpan apa-apa akuan ketidaksolvenan di bawah seksyen 443,

Mahkamah—

(A) boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana orang yang berkepentingan, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah untuk—

(i) membetulkan atau menyebabkan dibetulkan atau menidakkkan atau mengubah suai atau menyebabkan diubah suai kesan perundangan daripada mana-mana peninggalan, kecacatan, kesilapan atau ketidakteraturan itu; atau

(ii) mengesahkan apa-apa perbuatan, perkara atau benda yang menjadi atau dikatakan menjadi tidak sah disebabkan atau akibat daripada mana- mana peninggalan, kecacatan, kesilapan atau ketidakteraturan itu;

(B) hendaklah, sebelum membuat apa-apa perintah itu, memuaskan hatinya bahawa perintah itu tidak menyebabkan ketidakadilan kepada syarikat atau mana-mana anggota atau pemiutang;

(C) jika mana-mana perintah itu dibuat, boleh memberikan apa-apa arahan sampingan atau berbangkit sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah; dan

(D) boleh menentukan notis atau saman yang hendak diberikan kepada orang lain tentang niat untuk membuat apa-apa permohonan atau tentang niat untuk membuat apa-apa perintah, dan sama ada dan bagaimana notis atau saman itu hendak diberikan atau disampaikan dan sama ada notis atau saman itu perlu diiklankan dalam mana-mana surat khabar.

(4) Mahkamah, sama ada syarikat dalam proses penggulungan atau tidak, boleh melanjutkan atau mengurangkan apa-apa masa bagi melakukan apa-apa perbuatan atau menjalankan apa-apa prosiding yang dibenarkan atau dibataskan oleh Akta ini mengikut apa-apa terma, jika ada, sebagaimana yang dikehendaki bagi keadilan kes dan apa-apa pelanjutan boleh diarahkan walaupun permohonan bagi pelanjutan itu tidak dibuat sehingga selepas tempoh asal yang dibenarkan atau dihadkan.

**Pelupusan syer bagi pemegang syer yang di mana dia berada tidak diketahui**

**583.** (1) Jika melalui penjalanan usaha yang munasabah suatu syarikat tidak dapat mengetahui di mana seseorang pemegang syer berada selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun, syarikat itu boleh menyebabkan suatu iklan disiarkan dalam suatu surat khabar yang diedarkan di tempat yang ditunjukkan dalam daftar anggota sebagai alamat pemegang syer yang menyatakan bahawa syarikat itu selepas habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh iklan itu berhasrat untuk memindahkan syer itu kepada Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan.

(2) Syarikat boleh memindahkan syer yang dipegang oleh pemegang syer dalam syarikat kepada Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan dan bagi maksud itu boleh melaksanakan untuk dan bagi pihak pemunya suatu pemindahan syer itu kepada Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan jika selepas habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh iklan di mana pemegang syer berada masih tidak diketahui.

(3) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan hendaklah menjual atau melupuskan mana-mana syer yang diterima mengikut apa-apa cara dan pada bila-bila masa sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri dan hendaklah berurusan dengan hasil daripada penjualan atau pelupusan itu seolah-olah syer itu merupakan wang yang dibayar kepadanya di bawah undang-undang yang berhubungan dengan wang tidak dituntut.

(4) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan boleh memindahkan apa-apa syer yang diterima kepada pemunya syer jika terdapat tuntutan terhadap syer yang dipegang oleh Menteri, yang belum dijual atau dilupuskan.

**Memberikan maklumat dan butir-butir tentang pemegangan syer**

**584.** (1) Pendaftar boleh pada bila-bila masa melalui notis secara bertulis menghendaki mana-mana syarikat, orang atau individu supaya memberikan semua maklumat dan butir-butir yang perlu tentang apa-apa syer yang diperoleh atau dipegang secara langsung atau tidak langsung sama ada bagi manfaatnya sendiri atau bagi mana-mana syarikat, orang atau individu lain dan menghendaki maklumat dan butir-butir itu ditentusahkan melalui akuan berkanun.

(2) Mana-mana syarikat, orang atau individu yang disampaikan apa-apa notis di bawah subseksyen (1) hendaklah memberi Pendaftar semua maklumat dan butir-butir yang perlu tentang apa-apa syer yang diperoleh atau dipegang dan ditentusahkan dengan sewajarnya melalui akuan berkanun dalam masa tujuh hari dari penerimaan notis itu.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sebanyak sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(4) Mana-mana orang atau individu yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sebanyak sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Mahkamah boleh memaksa pematuhan**

**585.** Jika seseorang pegawai atau bekas pegawai suatu syarikat atau mana-mana orang lain tidak melakukan atau meninggalkan daripada melakukan apa-apa perbuatan, perkara atau benda yang oleh atau di bawah Akta ini pegawai atau orang itu dikehendaki atau diarahkan atau telah dikehendaki atau diarahkan untuk melakukan, termasuklah untuk membenarkan pemeriksaan apa-apa daftar, buku minit atau dokumen atau untuk memberikan salinan apa-apa daftar, buku minit atau dokumen, Mahkamah atas permohonan Pendaftar atau mana-mana anggota syarikat itu atau Pegawai Penerima atau penyelesai boleh melalui perintah menghendaki pegawai atau bekas pegawai atau orang itu supaya melakukan perbuatan, perkara atau benda itu dengan segera atau dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dibenarkan oleh perintah itu, dan bagi maksud mematuhi mana-mana perintah itu, bekas pegawai itu hendaklah disifatkan mempunyai kedudukan, kuasa dan kewajipan yang sama sebagaimana yang dipunyainya pada masa perbuatan, perkara atau benda itu dilakukan.

**Terjemahan surat cara**

**586.** (1) Jika di bawah Akta ini suatu perbadanan dikehendaki supaya menyerah simpan dengan Pendaftar apa-apa surat cara, perakuan, kontrak atau dokumen atau salinan surat cara, perakuan, kontrak atau dokumen yang diperakui yang tidak ditulis dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris, perbadanan itu hendaklah pada masa yang sama menyerah simpan dengan Pendaftar terjemahan surat cara, perakuan, kontrak atau dokumen itu yang diperakui sama ada dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris.

(2) Jika di bawah Akta ini sesuatu perbadanan dikehendaki supaya menjadikan tersedia bagi pemeriksaan awam apa-apa surat cara, perakuan, kontrak atau dokumen yang tidak ditulis dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris, perbadanan itu hendaklah menyimpan di pejabat berdaftarnya di Malaysia terjemahan surat cara, perakuan, kontrak atau dokumen itu yang diperakui sama ada dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris.

(3) Jika apa-apa penyata kewangan, buku minit atau rekod lain sesuatu perbadanan dikehendaki oleh Akta ini supaya disimpan, tidak disimpan dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris, pengarah perbadanan itu hendaklah menyebabkan suatu terjemahan sebenar penyata kewangan, buku minit atau rekod lain itu dibuat dari semasa ke semasa pada jarak waktu yang tidak lebih daripada tujuh hari dan hendaklah menyebabkan terjemahan itu disimpan bersama-sama dengan penyata kewangan, buku minit dan rekod lain yang asal selama yang penyata kewangan, buku minit dan rekod lain yang asal itu dikehendaki supaya disimpan oleh Akta ini.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), (2) dan (3), Pendaftar boleh menghendaki mana-mana syarikat supaya memfailkan apa-apa surat cara, perakuan, kontrak atau dokumen termasuk apa-apa penyata kewangan, buku minit atau rekod lain sesuatu perbadanan atau salinan yang diperakui dalam bahasa kebangsaan.

**Perlindungan kepada pegawai tertentu yang membuat penzahiran**

**587.** (1) Jika pegawai sesuatu syarikat dalam penjalanan pelaksanaan kewajipannya mempunyai kepercayaan yang munasabah tentang apa-apa perkara yang boleh atau akan menyebabkan pelanggaran

atau ketidakpatuhan mana-mana kehendak atau peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturannya, atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan serius yang melibatkan fraud atau kecurangan, sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 266(11)*(b)* telah, sedang atau berkemungkinan dilakukan terhadap syarikat itu atau Akta ini oleh pegawai lain syarikat itu, dia boleh melaporkan perkara itu secara bertulis kepada Pendaftar.

(2) Syarikat itu tidak boleh memecat, menurunkan pangkat, mendiskriminasi, atau mencampuri urusan pekerjaan atau punca pendapatan yang sah pegawai syarikat itu disebabkan laporan yang dikemukakan di bawah subseksyen (1).

(3) Tiada pegawai suatu syarikat boleh dibawa guaman terhadapnya dalam mana-mana mahkamah atau tertakluk kepada mana-mana proses tribunal, termasuklah tindakan tatatertib bagi apa-apa laporan yang dikemukakan oleh pegawai itu di bawah subseksyen (1) dengan suci hati dan atas niat untuk melaksanakan kewajipannya sebagai pegawai syarikat itu.

**Penalti am**

**588.** (1) Seseorang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini jika dia—

*(a)* melakukan sesuatu yang dia dilarang daripada melakukan oleh atau di bawah Akta ini;

*(b)* tidak melakukan sesuatu yang dia dikehendaki atau diarahkan supaya dilakukan oleh atau di bawah Akta ini; atau

*(c)* selainnya melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan penalti atau hukuman tidak melebihi penalti atau hukuman yang disebut dengan nyata sebagai penalti atau hukuman bagi kesalahan itu, atau jika sesuatu penalti atau hukuman tidak disebut—

*(a)* dalam hal seseorang itu merupakan seorang individu, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya;

*(b)* dalam hal seseorang itu adalah selain seorang individu, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(3) Bagi maksud seksyen ini, "individu" ertinya orang sebenar.

**Bagaimana dan bila prosiding dijalankan**

**589.** (1) Pendaftar atau mana-mana orang tidak boleh menjalankan apa-apa prosiding bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini kecuali dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

(2) Pendaftar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya secara bertulis hendaklah mempunyai hak untuk hadir dan didengar di hadapan Mahkamah Majistret atau Mahkamah Sesyen dalam apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini.

(3) Prosiding bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini selain kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun boleh didakwa di Mahkamah Majistret dan dalam hal suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh lima tahun atau lebih hendaklah didakwa di Mahkamah Sesyen.

**Penyiasatan hal ehwal syarikat atas arahan Menteri**

**590.** (1) Menteri boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan—

*(a)* dalam hal suatu syarikat yang mempunyai modal syer—

(i) tidak kurang daripada dua ratus anggota atau anggota yang memegang sekurang-kurangnya sepuluh peratus daripada syer pengeluaran; atau

(ii) pemegang debentur yang memegang tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada nilai debentur pengeluaran; atau

*(b)* dalam hal suatu syarikat yang tidak mempunyai modal syer, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada jumlah keseluruhan anggota,

mengisytiharkan hal ehwal syarikat atau syarikat asing disiasat di bawah seksyen ini.

(2) Menteri boleh membuat pengisytiharan atas kehendaknya sendiri di bawah subseksyen (1) jika dia berpuas hati bahawa—

*(a)* suatu keterangan *prima facie* telah dibuktikan bahawa bagi perlindungan orang awam, pemegang kepentingan sesuatu skim di bawah Akta Skim Kepentingan 2016, anggota atau pemiutang sesuatu syarikat atau syarikat asing, suatu penyiasatan hendaklah dijalankan di bawah seksyen ini;

*(b)* adalah demi kepentingan awam supaya pengataan tentang fraud, misfeasans atau salah laku lain oleh orang yang mempunyai atau telah mempunyai perkaitan dalam penubuhan atau pengurusan suatu syarikat atau suatu syarikat asing disiasat di bawah seksyen ini;

*(c)* bagi apa-apa sebab lain adalah demi kepentingan awam bahawa hal ehwal syarikat atau syarikat asing disiasat di bawah seksyen ini; atau

*(d)* dalam hal suatu syarikat asing, pihak berkuasa yang berkenaan dari negara lain meminta supaya suatu pengisytiharan dibuat di bawah seksyen ini.

(3) Suatu permohonan di bawah seksyen ini hendaklah disokong oleh keterangan sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dan sebab daripada pemohon dalam menghendaki penyiasatan.

(4) Sebelum mengisytiharkan bahawa suatu penyiasatan hendaklah dijalankan di bawah seksyen ini, Menteri boleh menghendaki supaya pemohon memberikan jaminan kepada apa-apa amaun sebagaimana yang difikirkannya patut bagi kos penyiasatan.

(5) Pada atau selepas permulaan sesuatu penyiasatan di bawah seksyen ini sehingga habis tempoh tiga bulan selepas laporan akhir dikemukakan kepada Menteri tentang dapatan penyiasatan itu, tiada prosiding atau tindakan boleh dimulakan atau diteruskan di mana-mana Mahkamah tanpa persetujuan Menteri—

*(a)* oleh syarikat berkenaan dengan atau berkenaan dengan apa-apa kontrak, bil pertukaran atau nota janji hutang; atau

*(b)* oleh pemegang atau mana-mana orang lain berkenaan dengan mana-mana bil pertukaran atau nota janji hutang yang dibuat, dikeluarkan atau diterima oleh atau dikeluarkan, dipindahkan, dirundingkan atau diendorskan

oleh atau kepada syarikat melainkan jika pada masa perundingan, pemindahan, pengeluaran, pengendorsan atau penghantarserahan itu, pemegang atau orang lain itu—

(i) memberikan balasan wang yang mencukupi; dan

(ii) pada bila-bila masa dalam masa tiga tahun sebelum ini, bukan merupakan anggota, pegawai, ejen atau pekerja syarikat atau isteri atau suami kepada anggota, pegawai, ejen atau pekerja syarikat.

(6) Bagi maksud seksyen ini—

"hal ehwal syarikat" termasuklah—

*(a)* penganjuran, penubuhan, keanggotaan, pengawalan, perdagangan, urus niaga, perniagaan dan harta syarikat;

*(b)* pemilikan syer dalam, debentur atau kepentingan penyertaan yang dikeluarkan oleh syarikat;

*(c)* penentuan orang yang berminat atau telah berminat dari segi kewangan dalam kejayaan atau kegagalan atau kejayaan atau kegagalan nyata syarikat atau yang mampu atau telah mampu untuk mengawal atau untuk mempengaruhi dasar syarikat secara material; dan

*(d)* hal keadaan yang di bawahnya seseorang memperoleh atau melupuskan atau menjadi berhak untuk memperoleh atau melupuskan syer dalam, debentur atau kepentingan penyertaan yang dikeluarkan oleh syarikat;

"pegawai atau ejen", berhubung dengan suatu perbadanan, termasuklah—

*(a)* pengarah, jurubank, peguam bela atau juruaudit perbadanan;

*(b)* seseorang yang pada bila-bila masa—

(i) merupakan seseorang yang disebut dalam perenggan *(a)*; atau

(ii) telah selainnya diambil bekerja atau dilantik oleh perbadanan;

*(c)* seseorang yang—

(i) mempunyai dalam milikannya apa-apa harta perbadanan;

(ii) berhutang dengan perbadanan; atau

(iii) berupaya untuk memberikan maklumat mengenai penganjuran, penubuhan, perdagangan, urus niaga, hal ehwal atau harta perbadanan; dan

*(d)* jika terdapat alasan yang munasabah untuk mengesyaki atau mempercayai bahawa seseorang merupakan orang yang disebut dalam perenggan *(c)*, orang itu.

(7) Mana-mana orang yang mempunyai niat untuk menggagalkan maksud seksyen ini, atau untuk melengahkan atau menghalang penjalanan sesuatu penyiasatan di bawah seksyen ini—

*(a)* membinasakan atau mengubah mana-mana buku, dokumen atau rekod atau yang berhubungan dengan sesuatu syarikat atau syarikat asing yang diisytiharkan di bawah seksyen ini; atau

*(b)* menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk menghantar ke luar Malaysia mana-mana buku, dokumen atau rekod itu atau apa-apa jenis harta yang dipunyai oleh atau dalam pelupusan atau di bawah kawalan syarikat atau syarikat asing,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

Subpenggal 2

*Kesalahan Am*

**Pernyataan yang palsu dan mengelirukan**

**591.** (1) Tiap-tiap perbadanan yang mengiklankan, mengedarkan atau menyiarkan apa-apa penyata, laporan, perakuan, penyata kewangan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh atau bagi maksud Akta ini membuat atau membenarkan supaya dibuat suatu pernyataan yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material dengan mengetahuinya sebagai palsu atau mengelirukan atau dengan sengaja meninggalkan atau membenarkan peninggalan itu atau penerimaan apa-apa perkara atau benda yang menjadikan dokumen itu mengelirukan dalam hal material dan tiap-tiap pegawai

perbadanan yang diketahuinya membenarkan, mengarahkan atau bersetuju dengan pengiklanan, pengedaran atau penyiaran itu melakukan suatu kesalahan, dan boleh, apabila disabitkan—

*(a)* dalam hal suatu perbadanan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit; dan

*(b)* dalam hal pegawai perbadanan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(2) Tiap-tiap orang yang dalam apa-apa penyata, laporan, perakuan, penyata kewangan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh atau bagi maksud Akta ini—

*(a)* membuat atau membenarkan supaya dibuat suatu pernyataan yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material dengan mengetahuinya sebagai palsu; atau

*(b)* mengelirukan atau dengan sengaja meninggalkan atau membenarkan peninggalan itu atau penerimaan apa-apa perkara atau benda yang menjadikan dokumen itu mengelirukan dalam hal material,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(3) Jika seseorang pada suatu mesyuarat mengundi dengan menyokong supaya pernyataan yang disebut dalam seksyen ini dibuat dengan diketahuinya sebagai palsu, orang itu hendaklah disifatkan telah membenarkan pernyataan itu dibuat.

**Laporan palsu**

**592.** (1) Pegawai suatu perbadanan yang, dengan niat untuk menipu, membuat atau memberikan atau dengan diketahuinya dan dengan sengaja membenarkan atau mengizinkan supaya dibuat atau diberikan, apa-apa pernyataan atau laporan yang palsu atau mengelirukan kepada—

*(a)* pengarah, juruaudit, anggota, pemegang debentur atau pemegang amanah bagi pemegang debentur perbadanan itu;

*(b)* dalam hal suatu perbadanan yang merupakan suatu subsidiari, juruaudit syarikat pemegang;

*(c)* bursa saham sama ada di dalam atau di luar Malaysia atau pegawai bursa saham itu; atau

*(d)* Suruhanjaya Sekuriti,

yang berhubungan dengan hal ehwal perbadanan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(2) Dalam subseksyen (1), "pegawai", sebagai tambahan kepada takrif di bawah seksyen 2, termasuklah seseorang yang pada masa kesalahan itu dilakukan merupakan seorang pegawai perbadanan.

**Laporan atau pernyataan yang palsu kepada Pendaftar**

**593.** Seseorang yang membuat atau memberikan, atau yang diketahuinya membenarkan atau mengizinkan dibuat atau diberikan, apa-apa pernyataan, maklumat atau laporan yang palsu atau mengelirukan kepada Pendaftar yang berhubungan dengan—

*(a)* hal ehwal suatu perbadanan;

*(b)* apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki oleh Pendaftar bagi pelaksanaan Akta ini; atau

*(c)* penguatkuasaan Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

**Mendorong orang untuk melaburkan wang secara fraud**

**594.** (1) Mana-mana orang yang, melalui apa-apa pernyataan, janji atau ramalan yang diketahuinya sebagai mengelirukan, palsu atau memperdayakan atau melalui apa-apa penyembunyian fakta material secara curang atau dengan membuat apa-apa pernyataan,

janji atau ramalan secara melulu yang mengelirukan, palsu atau memperdayakan, mendorong atau cuba untuk mendorong seorang yang lain membuat atau menawarkan untuk membuat—

*(a)* apa-apa perjanjian bagi atau yang bertujuan memperoleh, melupuskan, melanggan atau menaja jamin sekuriti boleh pasar atau meminjam atau mendeposit wang kepada atau dengan mana-mana perbadanan; atau

*(b)* apa-apa perjanjian yang maksudnya atau maksud yang diada-adakannya adalah untuk menjamin keuntungan kepada mana-mana pihak daripada hasil sekuriti boleh pasar atau melalui rujukan kepada naik turunnya nilai sekuriti boleh pasar,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(2) Tiap-tiap pegawai atau ejen mana-mana perbadanan dengan apa-apa cara yang menipu atau janji palsu dan dengan niat untuk memfraud, menyebabkan atau mengusahakan supaya apa-apa wang dibayar atau apa-apa catel atau sekuriti boleh pasar dihantar serah kepada perbadanan itu atau kepadanya atau mana-mana orang lain bagi penggunaan manfaat atau untuk perbadanan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(3) Pendapat mana-mana juruaudit atau akauntan yang berkelayakan dengan sepatutnya tentang kedudukan kewangan mana-mana syarikat pada bila-bila masa atau sepanjang apa-apa tempoh yang berkenaan dengannya juruaudit atau akauntan itu membuat suatu audit atau pemeriksaan tentang hal ehwal syarikat itu mengikut amalan audit yang diiktiraf hendaklah diterima semasa prosiding sebagai keterangan, sama ada bagi pendakwaan atau bagi pembelaan tentang kedudukan kewangan syarikat itu pada masa itu atau sepanjang tempoh itu walau apa pun pendapat itu adalah berdasarkan sepenuhnya atau sebahagiannya kepada kemasukan dalam buku, dokumen atau baucar atau kepada pernyataan bertulis atau lisan oleh orang lain.

**Fraud oleh pegawai**

**595.** (1) Tiap-tiap pegawai sesuatu syarikat yang—

*(a)* secara menipu atau fraud atau curang atau secara apa-apa fraud lain mendorong mana-mana orang untuk memberikan kredit kepada syarikat itu;

*(b)* dengan niat untuk memfraud pemiutang syarikat, membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa pemberian atau pemindahan atau cagaran atas, atau menyebabkan atau membiarkan dikenakan apa-apa pelaksanaan terhadap, harta syarikat itu; atau

*(c)* dengan niat untuk memfraud pemiutang syarikat itu, menyembunyikan atau mengalihkan mana-mana bahagian harta syarikat itu sejak atau dalam masa dua bulan sebelum tarikh apa-apa penghakiman atau perintah yang tidak dijelaskan bagi pembayaran wang yang diperoleh terhadap syarikat itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(2) Dalam subseksyen (1), "pegawai" sebagai tambahan kepada takrif di bawah seksyen 2, termasuk seseorang yang pada masa kesalahan itu dilakukan merupakan pegawai perbadanan.

**Sekatan ke atas penawaran syer, debentur, dsb., bagi langganan atau pembelian**

**596.** (1) Seseorang tidak boleh, sama ada melalui pelantikan atau selainnya, pergi dari tempat ke tempat—

*(a)* menawarkan syer bagi langganan atau pembelian kepada orang awam atau mana-mana orang awam; atau

*(b)* mendapatkan atau menerima tawaran untuk melanggan atau untuk membeli syer daripada orang awam atau daripada mana-mana orang awam.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai—

*(a)* bagi tawaran untuk langganan atau pembelian atau pelawaan untuk melanggan atau membeli atau syor yang kepadanya Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 terpakai; dan

*(b)* dalam hal syer mana-mana perbadanan jika—

(i) notis tentang niat untuk memohon pengecualian daripada subseksyen (1) mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Pendaftar diiklankan dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris; dan

(ii) pengecualian daripada pemakaian subseksyen (1) diperoleh daripada Menteri atas syor Pendaftar.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang tidak boleh berhubung dengan suatu perbadanan dianggap sebagai bukan orang awam hanya disebabkan orang itu menjadi pemegang syer dalam perbadanan itu atau pembeli barang-barang daripada perbadanan itu.

(4) Seseorang tidak boleh membuat apa-apa pelawaan atau penawaran secara lisan kepada orang awam atau kepada mana-mana orang awam untuk melanggan atau untuk membeli syer.

(5) Seseorang tidak boleh membuat penawaran untuk membeli apa-apa syer kepada orang awam atau kepada mana-mana orang awam yang bukan merupakan orang yang urusan biasanya adalah untuk membeli atau menjual syer, sama ada sebagai prinsipal atau ejen.

(6) Subseksyen (5) tidak terpakai—

*(a)* jika syer yang berkaitan dengan tawaran itu merupakan syer daripada kelas yang disebut harga, atau yang berkenaan dengannya kebenaran untuk berurus niaga telah diberikan oleh bursa saham dan tawaran itu menyatakan dan menetapkan bursa saham itu;

*(b)* jika syer yang berkaitan dengan tawaran itu merupakan syer yang suatu perbadanan mengumpukkan atau bersetuju untuk mengumpukkan dengan tujuan supaya syer ditawarkan bagi penjualan kepada orang awam dan tawaran itu disertakan dengan suatu dokumen yang mematuhi Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan prospektus;

*(c)* bagi apa-apa permohonan syer dalam atau debentur suatu perbadanan atau bagi apa-apa pelawaan untuk mendeposit wang dengan atau meminjamkan wang kepada suatu perbadanan yang dikeluarkan, diedarkan, diagihkan atau dibuat tertakluk kepada dan mengikut Subpenggal 9 Penggal 1 Bahagian III atau mengikut peruntukan Penggal 3 Bahagian VI Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;

*(d)* jika tawaran itu berkaitan dengan suatu kepentingan yang kepadanya Akta Skim Kepentingan 2016 terpakai dan disertakan dengan suatu pernyataan secara bertulis sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta itu;

*(e)* bagi deposit atau pinjaman kepada suatu perbadanan yang disebut dalam seksyen 158; atau

*(f)* bagi apa-apa nasihat tentang harga yang padanya suatu syarikat pengurusan bersedia untuk membeli atau menjual apa-apa kepentingan yang kepadanya Akta Skim Kepentingan 2016 terpakai, yang diberikan atau dihantar oleh syarikat pengurusan itu kepada mana-mana orang yang kepadanya syarikat pengurusan itu memberikan atau menghantar suatu pernyataan secara bertulis yang berhubungan dengan kepentingan itu yang mematuhi Akta Skim Kepentingan 2016 dalam tempoh enam bulan sebaik sebelum nasihat itu diberikan atau dihantar.

(7) Tiap-tiap orang yang bertindak, atau menghasut, menyebabkan atau memujuk supaya mana-mana orang bertindak, yang berlanggaran dengan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(8) Jika seseorang yang disabitkan bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini merupakan suatu perbadanan, tiap-tiap pegawai yang terlibat dalam pengurusan perbadanan itu melakukan kesalahan yang serupa melainkan jika pegawai itu membuktikan bahawa perbuatan yang menjadi kesalahan itu berlaku tanpa pengetahuannya atau persetujuannya.

(9) Jika mana-mana orang disabitkan kerana membuat suatu tawaran yang berlanggaran dengan seksyen ini, Mahkamah yang di hadapannya orang itu disabitkan boleh memerintahkan bahawa apa-apa kontrak yang dibuat hasil daripada tawaran

itu hendaklah terbatal dan boleh memberikan apa-apa arahan berbangkit sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah bagi pembayaran semula apa-apa wang atau pemindahan semula apa-apa syer.

(10) Dalam seksyen ini, "syer" ertinya syer sesuatu perbadanan sama ada perbadanan sedia ada atau yang akan ditubuhkan dan termasuklah debentur dan unit dan tanpa menyentuh keluasan ungkapan "debentur", semua dokumen, termasuk yang disebut "bon", yang memberi atau berupa untuk memberi pemegang apa-apa tuntutan terhadap sesuatu perbadanan, sama ada tuntutan itu adalah pada masa sekarang atau pada masa hadapan atau adalah tetap atau di luar jangka atau yang ditentukan atau hanya wajar bagi ganti rugi dan termasuklah juga apa-apa kepentingan sebagaimana yang disebut dalam Akta Skim Kepentingan 2016.

(11) Dalam seksyen ini, sebutan mengenai suatu tawaran atau penawaran syer bagi langganan atau bagi pembelian hendaklah ditakrifkan sebagai termasuklah suatu tawaran syer secara barter atau pertukaran dan sebutan mengenai suatu tawaran syer hendaklah tertakluk kepada subseksyen (12), ditakrifkan sebagai termasuk suatu tawaran melalui penyiaran, televisyen atau sinematograf.

(12) Jika sesuatu tawaran dibuat melalui penyiaran, televisyen atau sinematograf, prospektus yang dengannya tawaran itu hendaklah disertakan di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan disertakan dengan tawaran itu jika—

*(a)* prospektus itu disediakan oleh orang yang bagi pihaknya tawaran itu dibuat;

*(b)* orang awam diberitahu pada masa yang sama dan melalui cara yang sama sebagaimana yang melaluinya tawaran itu dibuat bahawa suatu salinan prospektus itu akan dibekalkan atas permintaan yang dibuat di alamat yang ditetapkan;

*(c)* jika permintaan bagi salinan prospektus dibuat di alamat itu dalam masa tiga puluh hari dari tawaran dibuat, orang yang membuat permintaan itu dibekalkan suatu salinan dalam masa tujuh hari dari permintaan itu dibuat; dan

*(d)* tawaran itu tidak mengandungi maklumat atau perkara yang melebihi maklumat atau perkara yang disebut dalam perenggan 163(1)*(a)*.

**Sekatan ke atas penggunaan perkataan "*Limited*", "Berhad" dan "Sendirian"**

**597.** (1) Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan di bawah apa-apa nama atau gelaran yang "Berhad" atau "Bhd." atau "*Limited*" atau "*Ltd*." merupakan perkataan atau singkatan yang terakhir, orang itu, melainkan jika diperbadankan dengan liabiliti terhad dengan sewajarnya, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(2) Suatu syarikat tidak boleh menggunakan perkataan "Sendirian" atau "Sdn." sebagai sebahagian daripada namanya jika syarikat itu tidak memenuhi kehendak yang dikehendaki oleh Akta ini supaya dipenuhi oleh syarikat persendirian.

(3) Syarikat dan tiap-tiap pegawai syarikat yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(4) Tertakluk kepada Penggal 9 Bahagian II dan bagi maksud seksyen ini, "menjalankan perniagaan" termasuklah penggunaan apa-apa nama atau gelaran yang "Berhad" atau "Bhd." atau "*Limited*" atau "*Ltd*." atau perkataan "Sendirian" atau "Sdn." merupakan sebahagian daripada nama atau gelaran dalam apa-apa dokumen, buku atau penyiaran.

**Pendakwaan pegawai syarikat yang melanggar undang-undang**

**598.** (1) Seksyen ini terpakai jika suatu moratorium diperoleh bagi suatu syarikat atau kelulusan bagi perkiraan sukarela berhubung dengan suatu syarikat telah berkuat kuasa.

(2) Jika didapati oleh penama atau penyelia bahawa mana-mana pegawai syarikat dahulu atau sekarang bersalah atas apa-apa kesalahan berkaitan dengan moratorium atau perkiraan sukarela, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang baginya dia bertanggungan secara jenayah, penama atau penyelia itu hendaklah dalam masa empat belas hari—

*(a)* melaporkan perkara itu kepada Pendaftar; dan

*(b)* memberi Pendaftar apa-apa maklumat dan memberi Pendaftar akses kepada dan kemudahan untuk memeriksa dan mengambil salinan dokumen, yang merupakan maklumat atau dokumen dalam milikan atau di bawah kawalan penama atau penyelia itu dan yang berhubungan dengan perkara yang dipersoalkan itu, sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(3) Jika suatu laporan dibuat kepada Pendaftar di bawah subseksyen (2), Pendaftar boleh menghendaki supaya suatu penyiasatan dijalankan bagi maksud menyiasat perkara yang dilaporkan kepada Pendaftar dan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan hal ehwal syarikat.

(4) Jika Pendaftar atau mana-mana orang memulakan prosiding jenayah berikutan apa-apa laporan di bawah subseksyen (2), penama atau penyelia, dan tiap-tiap pegawai dan ejen syarikat dahulu dan sekarang hendaklah memberi Pendaftar segala bantuan berkaitan dengan pendakwaan yang semunasabahnya dapat diberikan oleh pegawai dan ejen syarikat dahulu dan sekarang itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(6) Bagi maksud seksyen ini, "ejen" termasuklah mana-mana jurubank atau peguam cara syarikat dan mana-mana orang yang diambil bekerja oleh syarikat sebagai juruaudit, sama ada orang itu pegawai atau bukan pegawai syarikat.

## Penggal 3

## *Peruntukan Am*

### Nilai keterangan bagi salinan yang diperakui oleh Pendaftar

**599.** (1) Sesuatu salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen yang difailkan atau diserah simpan di pejabat Pendaftar yang diperakui sebagai salinan atau cabutan sebenar yang ditandatangani dan dimeterai oleh Pendaftar hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding sebagai mempunyai kesahan yang sama dengan dokumen asal.

(2) Sebutan dalam subseksyen (1) mengenai sesuatu dokumen termasuklah, jika penghasilan semula atau transparensi dokumen itu dimasukkan dalam daftar yang disimpan oleh Pendaftar, sebutan mengenai penghasilan semula atau transparensi itu.

**Keterangan tentang kehendak statutori**

**600.** Dalam mana-mana prosiding undang-undang—

*(a)* sesuatu perakuan yang ditandatangani dan dimeterai oleh Pendaftar bahawa, pada suatu tarikh atau sepanjang suatu tempoh yang dinyatakan dalam perakuan itu, tiada syarikat didaftarkan di bawah Akta ini atau undang- undang bertulis terdahulu yang bersamaan dengan nama yang dinyatakan dalam perakuan itu hendaklah diterima sebagai keterangan *prima facie* bahawa pada tarikh itu atau sepanjang tempoh itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tiada syarikat didaftarkan dengan nama itu di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan; dan

*(b)* sesuatu perakuan yang ditandatangani dan dimeterai oleh Pendaftar bahawa kehendak Akta ini yang dinyatakan dalam perakuan itu—

(i) telah atau tidak dipatuhi pada suatu tarikh atau dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam perakuan itu; atau

(ii) telah dipatuhi pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam perakuan itu tetapi tidak sebelum tarikh itu,

hendaklah diterima sebagai keterangan *prima facie* tentang perkara yang dinyatakan dalam perakuan itu.

**Daftar dan pemeriksaan daftar**

**601.** (1) Tertakluk kepada Akta ini, Pendaftar hendaklah menyimpan daftar sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pendaftar mengikut apa-apa bentuk yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

(2) Mana-mana orang boleh, selepas pembayaran fi yang ditetapkan—

*(a)* memeriksa apa-apa dokumen yang difailkan atau diserah simpan dengan Pendaftar yang bukan merupakan dokumen yang telah musnah atau selainnya dilupuskan di bawah seksyen 603;

*(b)* menghendaki suatu pemberitahuan pemerbadanan mana-mana syarikat atau apa-apa perakuan lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini; atau

*(c)* menghendaki suatu salinan atau cabutan daripada mana-mana dokumen yang berhak untuk diperiksa olehnya di bawah perenggan *(a)* atau apa-apa pemberitahuan atau perakuan yang disebut dalam perenggan *(b)* yang hendaklah diberikan dan diperakui oleh Pendaftar.

(3) Jika penghasilan semula atau transparensi sesuatu dokumen, pemberitahuan atau perakuan dikemukakan untuk pemeriksaan, seseorang tidak berhak untuk menghendaki pengemukaan dokumen atau perakuan yang asal di bawah perenggan 2*(a)*.

(4) Sebutan dalam perenggan 2*(c)* mengenai sesuatu dokumen atau perakuan termasuklah, jika penghasilan semula atau transparensi dokumen atau perakuan itu telah dimasukkan dalam daftar yang disimpan oleh Pendaftar, sebutan mengenai penghasilan semula atau transparensi itu dan jika penghasilan semula atau transparensi itu telah dimasukkan, seseorang tidak berhak di bawah perenggan itu kepada salinan atau cabutan daripada dokumen atau perakuan itu yang asal.

**Pembetulan daftar**

**602.** (1) Seseorang boleh memohon kepada Pendaftar untuk membetulkan sesuatu daftar jika kemasukan dalam daftar itu—

*(a)* mengandungi perkara yang bertentangan dengan undang-undang;

*(b)* mengandungi perkara yang, dalam butir material, adalah palsu atau mengelirukan dari segi bentuk atau konteks perkara itu dimasukkan;

*(c)* disebabkan sesuatu peninggalan atau salah perihalan tidak dilengkapkan dengan sewajarnya; atau

*(d)* tidak betul atau salah.

(2) Setelah menerima permohonan di bawah subseksyen (1), supaya Pendaftar dapat memutuskan sama ada untuk meluluskan atau menolak permohonan itu, Pendaftar boleh—

*(a)* menghendaki pemohon supaya mengemukakan apa-apa dokumen atau memberi Pendaftar apa-apa maklumat sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pendaftar supaya Pendaftar dapat membetulkan kemasukan itu; atau

*(b)* menghendaki pemohon supaya memberitahu tentang permohonan itu kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar, yang merupakan orang yang didapati oleh Pendaftar sebagai yang terlibat atau mempunyai kepentingan dalam perniagaan.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Pendaftar boleh menolak apa-apa permohonan jika kesalahan, kesilapan atau peninggalan itu tidak berbangkit dalam penjalanan biasa semasa menunaikan kewajipan Pendaftar.

(4) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pendaftar di bawah seksyen ini boleh merayu kepada Mahkamah.

(5) Apa-apa perintah yang dibuat oleh Mahkamah hendaklah diserah simpan dengan Pendaftar dan jika Mahkamah membuat perintah pembetulan, Pendaftar hendaklah membetulkan daftar dengan sewajarnya setelah menerima perintah itu.

(6) Pendaftar boleh, tanpa sesuatu permohonan dibuat di bawah subseksyen (1), membetulkan daftar jika, pada pendapatnya, suatu kemasukan—

*(a)* mengandungi perkara yang bertentangan dengan undang-undang;

*(b)* mengandungi perkara yang, dalam butir material, adalah palsu atau mengelirukan dari segi bentuk atau konteks perkara itu dimasukkan;

*(c)* disebabkan sesuatu peninggalan atau salah perihalan tidak dilengkapkan dengan sewajarnya; atau

*(d)* tidak betul atau salah.

**Pelupusan rekod lama**

**603.** Pendaftar boleh, jika pada pendapatnya tidak perlu atau tidak wajar lagi untuk menyimpan rekod lama, memusnahkan atau memberikan kepada Arkib Negara—

*(a)* dalam hal sesuatu perbadanan—

(i) apa-apa penyata pengumpukan syer bagi wang tunai yang telah diserah simpan atau difailkan selama tidak kurang daripada tujuh tahun;

(ii) apa-apa penyata tahunan atau penyata kewangan yang telah diserah simpan atau difailkan selama tidak kurang daripada tujuh tahun atau apa-apa dokumen yang mewujudkan atau memberikan keterangan mengenai sesuatu gadaian atau penyelesaian sesuatu gadaian dengan sepenuhnya atau sebahagiannya yang suatu memorandum penyelesaian gadaian telah didaftarkan selama tidak kurang daripada tujuh tahun; atau

(iii) apa-apa dokumen lain, selain perlembagaan atau apa- apa dokumen lain yang menyentuh perbadanan itu, yang telah diserah simpan, difailkan atau didaftarkan selama tidak kurang daripada tujuh tahun;

*(b)* dalam hal sesuatu perbadanan yang telah dibubarkan atau terhenti menjadi berdaftar selama tidak kurang daripada tujuh tahun, apa-apa dokumen yang diserah simpan, difailkan atau didaftarkan; atau

*(c)* apa-apa dokumen yang telah dimasukkan dalam suatu daftar yang disimpan oleh Pendaftar dalam apa-apa jua bentuk.

**Penyerahsimpanan dokumen secara elektronik**

**604.** (1) Pendaftar boleh mengadakan suatu perkhidmatan penyerahsimpanan secara elektronik bagi dokumen yang dikehendaki oleh Akta ini supaya diserah simpan dengan Pendaftar.

(2) Sesuatu dokumen yang diserah simpan secara elektronik di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan telah memenuhi kehendak bagi penyerahsimpanan jika dokumen itu disampaikan atau dihantar kepada Pendaftar mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(3) Sesuatu dokumen yang dikehendaki supaya dicap, ditandatangani atau dimeterai hendaklah, jika dokumen itu diserah simpan secara elektronik, diperakui sebagai salinan sebenar atau disahkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(4) Jika sesuatu dokumen yang dikehendaki supaya ditandatangani dan dimeterai di bawah Akta ini difailkan secara elektronik, keperluan untuk pemeteraian tandatangan tidak terpakai.

(5) Jika sesuatu dokumen diserah simpan secara elektronik dengan Pendaftar, Pendaftar tidak bertanggungan bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh mana-mana orang disebabkan oleh apa-apa kesalahan atau peninggalan daripada apa-apa jua jenis atau walau bagaimanapun berbangkit yang terdapat dalam mana-mana dokumen yang diperoleh oleh mana-mana orang di bawah perkhidmatan yang disebut dalam subseksyen (1), jika kesalahan atau peninggalan itu berlaku atau berbangkit akibat daripada apa-apa kecacatan atau kerosakan dalam perkhidmatan itu atau dalam kelengkapan yang digunakan bagi menyediakan perkhidmatan itu atau tanpa pengetahuan Pendaftar.

**Mengeluarkan dokumen secara elektronik**

**605.** Pendaftar boleh, secara elektronik, mengeluarkan sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah Akta ini.

**Maklumat secara elektronik, dsb. yang diperakui oleh Pendaftar boleh diterima sebagai keterangan**

**606.** Apa-apa maklumat, dokumen, salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen yang diserah simpan secara elektronik dengan Pendaftar atau yang dikeluarkan oleh Pendaftar hendaklah menjadi cabutan sebenar daripada mana-mana dokumen yang diserah simpan dengan atau dikemukakan kepada Pendaftar di bawah seksyen 604 atau dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 605 hendaklah diterima sebagai keterangan *prima facie* tentang perkara yang dinyatakan dalam maklumat, dokumen salinan atau cabutan itu.

**Penguatkuasaan kewajipan untuk menyediakan penyata**

**607.** (1) Jika sesuatu perbadanan atau seseorang, yang melakukan keingkaran dalam mematuhi—

*(a)* mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang lain yang menghendaki supaya diserah simpan atau difailkan apa-apa penyata, akaun atau dokumen lain dengan Pendaftar atau Pegawai Penerima mengikut apa-apa cara atau supaya diberikan notis kepada Pendaftar atau Pegawai Penerima itu tentang apa-apa perkara; atau

*(b)* apa-apa permintaan Pendaftar atau Pegawai Penerima untuk meminda atau melengkapkan dan mengemukakan semula apa-apa dokumen atau untuk mengemukakan dokumen yang baru,

gagal untuk membetulkan keingkaran itu dalam masa empat belas hari dari penyampaian kepada perbadanan atau orang itu suatu notis yang menghendaki supaya pembetulan keingkaran itu dibuat, Mahkamah atau mana-mana Mahkamah Sesyen boleh, atas permohonan mana-mana anggota atau pemiutang perbadanan itu atau oleh Pendaftar atau Pegawai Penerima itu, membuat suatu perintah yang mengarahkan perbadanan itu dan mana-mana pegawai perbadanan atau orang itu untuk membetulkan keingkaran itu dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Perintah itu boleh memperuntukkan bahawa segala kos yang bersampingan dengan permohonan itu hendaklah ditanggung oleh perbadanan atau oleh mana-mana pegawai perbadanan atau orang yang bertanggungjawab bagi keingkaran itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh membataskan penguatkuasaan mana-mana undang-undang bertulis yang mengenakan penalti ke atas sesuatu perbadanan atau pegawainya atau orang itu berkenaan dengan apa-apa keingkaran.

**Menyerah simpan semula dokumen yang hilang atau yang musnah**

**608.** (1) Jika Pendaftar mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu dokumen berhubung dengan sesuatu perbadanan yang pada asalnya diserah simpan di bawah Akta ini

telah hilang atau musnah, Pendaftar boleh melalui notis secara bertulis mengarahkan perbadanan itu supaya menyerah simpan semula suatu salinan dokumen itu mengikut cara dan dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Perbadanan atau mana-mana pegawai perbadanan hendaklah mematuhi arahan Pendaftar dalam masa empat belas hari dari penyampaian notis di bawah subseksyen (1) atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar.

(3) Selepas penyerahsimpanan di bawah subseksyen (1), salinan dokumen hendaklah, bagi segala maksud, mempunyai kuat kuasa dan kesan yang sama sebagaimana dokumen yang pada asalnya diserah simpan.

(4) Tiada fi boleh kena dibayar apabila menyerah simpan sesuatu dokumen di bawah seksyen ini.

(5) Perbadanan dan mana-mana pegawai perbadanan yang tidak mematuhi arahan Pendaftar di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Masa untuk menyerah simpan dokumen dan pelanjutan masa**

**609.** (1) Jika sesuatu dokumen dikehendaki supaya diserah simpan di bawah Akta ini dan tempoh masa bagi dokumen itu diserah simpan tidak ditetapkan, dokumen itu hendaklah diserah simpan dalam masa tiga puluh hari, atau dalam hal sesuatu dokumen yang dikehendaki supaya diserah simpan oleh syarikat asing, dalam apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar dalam hal keadaan khas, selepas berlakunya peristiwa yang dimaksudkan oleh dokumen itu.

(2) Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa dan selepas pembayaran fi yang ditetapkan, untuk melanjutkan apa-apa tempoh masa yang berhubungan dengan penyerahsimpanan apa-apa dokumen yang dikehendaki supaya diserah simpan di bawah Akta ini kepada apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang difikirkan adil dan suai manfaat oleh Pendaftar, dan Pendaftar boleh menghendaki maklumat tambahan dan mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

**Butir-butir dan cara maklumat dikehendaki supaya diserah simpan di bawah Akta ini**

**610.** (1) Sebagai tambahan kepada kehendak di bawah Akta ini, jika sesuatu dokumen dikehendaki supaya diserah simpan di bawah Akta ini, Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk menentukan butir-butir, bentuk dan cara maklumat yang terkandung dalam dokumen itu.

(2) Dalam menentukan sama ada suatu dokumen diterima untuk penyerahsimpanan di bawah Akta ini, Pendaftar boleh menghendaki seseorang yang mengemukakan dokumen itu untuk—

*(a)* mematuhi butir-butir, bentuk atau cara untuk penyerah simpanan itu; atau

*(b)* mengemukakan dokumen atau maklumat lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pendaftar.

**Masa bagi pematuhan kehendak di bawah Akta ini**

**611.** Jika apa-apa tindakan atau dokumen dikehendaki dalam mematuhi Akta ini dan tempoh bagi pematuhan tidak ditetapkan, masa untuk mematuhi hendaklah dalam masa tiga puluh hari dari tindakan atau dokumen itu dikehendaki supaya dipatuhi.

**Kaedah perhubungan antara syarikat dengan anggota**

**612.** (1) Perhubungan antara sesuatu syarikat dengan anggotanya mengenai perkara yang berhubungan dengan mesyuarat dan ketetapan, pemberian maklumat atau dokumen atau selainnya bagi maksud mematuhi Akta ini, boleh—

*(a)* dalam salinan cetak;

*(b)* dalam bentuk elektronik; atau

*(c)* melalui kaedah lain yang dipersetujui antara syarikat dengan anggota.

(2) Perhubungan dalam bentuk salinan cetak bagi perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1) adalah sah jika—

*(a)* dialamatkan kepada syarikat di pejabat berdaftar; atau

*(b)* dialamatkan kepada anggota di alamat terakhir yang diketahui.

(3) Perhubungan dalam bentuk elektronik bagi perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1) adalah sah jika—

*(a)* dialamatkan kepada syarikat di alamat yang diberikan bagi maksud itu; atau

*(b)* dialamatkan kepada anggota di alamat terakhir yang diketahui yang diberikan bagi maksud itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (2) dan (3) dan tertakluk kepada perlembagaan, syarikat boleh menggunakan apa-apa kaedah perhubungan yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dan menentukan cara dan tatacara yang hendak diguna pakai.

**Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**613.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi atau mengenai—

*(a)* fi dan caj di bawah Akta ini, yang termasuklah pengecualian bayaran apa-apa fi dan caj mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri;

*(b)* apa-apa perkara yang berhubungan dengan apa-apa perakuan amalan yang dikeluarkan di bawah seksyen 241 termasuk tetapi tidak terhad kepada pembaharuan, pembatalan dan penggantungan;

*(c)* cara Pendaftar berurusan dengan harta yang terletak hak padanya di bawah seksyen 557; dan

*(d)* segala perkara dan benda yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini supaya ditetapkan atau diadakan, bagi melaksanakan, atau menguatkuasakan dengan sepenuhnya, peruntukan Akta ini.

(2) Mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini boleh memperuntukkan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berlanggaran dengan perundangan subsidiari itu dan boleh memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Kuasa untuk mengenakan terma dan syarat**

**614.** Dalam menjalankan kuasanya untuk meluluskan apa-apa permohonan atau apa-apa pengeluaran lesen di bawah Akta ini, Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Pengecualian**

**615.** (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah mengecualikan mana-mana orang, perbadanan atau kelas perbadanan daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, Menteri boleh—

*(a)* membentuk suatu jawatankuasa untuk membantunya dalam mencapai keputusan;

*(b)* meminta maklumat atau dokumen atau pernyataan persendirian daripada mana-mana orang, perbadanan atau kelas perbadanan supaya dia berpuas hati dengan syor; dan

*(c)* mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

**Kaedah-kaedah**

**616.** Jawatankuasa Kaedah-Kaedah yang ditubuhkan di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*] boleh, tertakluk kepada dan mengikut peruntukan Akta itu yang berhubungan dengan pembuatan kaedah-kaedah, membuat kaedah-kaedah—

*(a)* mengenai prosiding dan amalan dan tatacara Mahkamah di bawah Akta ini;

*(b)* mengenai apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini supaya ditetapkan melalui kaedah-kaedah;

*(c)* tanpa membataskan keluasan peruntukan seksyen ini, mengenai fi Mahkamah dan kos dan mengenai kaedah-kaedah tentang mesyuarat yang diperintahkan oleh Mahkamah; dan

*(d)* secara amnya mengenai penggulungan syarikat.

**Kuasa untuk meminda Jadual**

**617.** Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengubah, memotong, menambah kepada, menggantikan atau selainnya meminda Jadual kepada Akta ini.

Penggal 4

*Kecualian dan Peralihan*

**Peruntukan peralihan yang berhubungan dengan pemansuhan nilai nominal**

**618.** (1) Jika sesuatu syer dikeluarkan sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 74—

*(a)* amaun yang dibayar ke atas syer hendaklah menjadi jumlah semua amaun yang dibayar kepada syarikat pada bila-bila masa bagi syer, tetapi tidak termasuk apa-apa premium; dan

*(b)* amaun tidak berbayar ke atas syer hendaklah menjadi perbezaan antara harga pengeluaran syer, tetapi tidak termasuk apa-apa premium, dan amaun yang dibayar ke atas syer.

(2) Selepas permulaan kuat kuasa seksyen 74, apa-apa amaun dalam kredit akaun premium syer dan rizab tebus modal sesuatu syarikat hendaklah menjadi sebahagian daripada modal syer syarikat itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), suatu syarikat boleh, dalam masa dua puluh empat bulan selepas permulaan kuat kuasa seksyen 74, menggunakan amaun dalam kredit akaun premium syernya untuk—

*(a)* mengadakan premium yang kena dibayar atas penebusan debentur atau syer keutamaan boleh tebus yang dikeluarkan sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 74;

*(b)* menghapus kira—

(i) perbelanjaan permulaan bagi syarikat yang dilakukan sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 74; atau

(ii) perbelanjaan yang dilakukan, atau komisen atau pembrokeran yang dibayar atau potongan yang dibenarkan, sebelum atau selepas permulaan kuat kuasa seksyen 74, bagi apa-apa duti, fi atau cukai yang kena dibayar mengenai atau berkaitan dengan apa-apa pengeluaran syer syarikat;

*(c)* membayar, di bawah suatu perjanjian yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 74, syer yang tidak dikeluarkan sebelum tarikh itu dan yang dikeluarkan selepas tarikh itu kepada anggota syarikat sebagai syer bonus yang dibayar penuh;

*(d)* membayar keseluruhan atau sebahagian baki tidak berbayar atas syer yang dikeluarkan sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 74 kepada anggota syarikat; atau

*(e)* membayar dividen yang diisytiharkan sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 74, jika dividen itu dijelaskan melalui pengeluaran syer kepada anggota syarikat.

(4) Walau apa pun subseksyen (2), suatu syarikat boleh, dalam masa dua puluh empat bulan selepas permulaan kuat kuasa seksyen 74, menggunakan amaun dalam kredit akaun rizab tebus modalnya untuk membayar syer yang tidak dikeluarkan sebelum tarikh itu dan yang dikeluarkan kepada anggota syarikat sebagai syer bonus yang dibayar penuh.

(5) Walau apa pun subseksyen (2), mana-mana syarikat yang menjalankan perniagaan insurans atau takaful di Malaysia sebaik sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 74, boleh memohon amaun dalam kredit akaun premium syernya sebaik sebelum tarikh itu melalui peruntukan atau pemindahan kepada mana-mana dana yang ditubuhkan dan disenggarakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

(6) Walau apa pun subseksyen (1), liabiliti pemegang syer bagi panggilan berkenaan dengan wang yang tidak dibayar atas syer yang dikeluarkan sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 74, sama ada oleh sebab nilai tara syer atau melalui premium, tidak terjejas disebabkan oleh syer yang terhenti mempunyai nilai tara.

(7) Bagi maksud pentafsiran dan pemakaian, selepas permulaan kuat kuasa seksyen 74, suatu kontrak, termasuk perlembagaan

syarikat, yang dibuat sebelum tarikh itu atau suatu surat ikatan amanah atau dokumen lain yang disempurnakan sebelum tarikh itu—

*(a)* sebutan mengenai nilai tara atau nilai nominal sesuatu syer ialah sebutan mengenai—

(i) jika syer itu dikeluarkan sebelum tarikh itu, nilai tara atau nilai nominal syer sebaik sebelum tarikh itu;

(ii) jika syer itu dikeluarkan pada tarikh itu tetapi syer daripada kelas yang sama dikeluarkan sebaik sebelum tarikh itu, nilai tara atau nilai nominal yang sepatutnya dipunyai oleh syer jika syer dikeluarkan sebelum tarikh itu; atau

(iii) jika syer itu dikeluarkan pada tarikh itu dan syer daripada kelas yang sama tidak dikeluarkan sebaik sebelum tarikh itu, nilai tara atau nilai nominal yang ditentukan oleh pengarah,

dan sebutan mengenai premium syer hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai apa-apa baki modal syer berhubung dengan syer;

*(b)* sebutan mengenai suatu hak untuk mengembalikan modal atas sesuatu syer hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai suatu hak untuk mengembalikan modal sesuatu nilai yang bersamaan dengan amaun yang dibayar berkenaan dengan nilai tara atau nilai nominal syer itu; dan

*(c)* sebutan mengenai nilai tara atau nilai nominal agregat bagi modal syer dikeluarkan syarikat hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai agregat itu sebagaimana yang ia wujud sebaik sebelum tarikh itu sebagaimana—

(i) yang dinaikkan untuk mempertimbang nilai tara atau nilai nominal sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan *(a)* bagi mana-mana syer yang dikeluarkan pada tarikh itu; dan

(ii) yang dikurangkan untuk mempertimbang nilai tara atau nilai nominal sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan *(a)* bagi mana-mana syer yang dibatalkan pada tarikh itu.

(8) Sesuatu syarikat boleh memfailkan dengan Pendaftar suatu notis tentang modal syernya—

*(a)* pada bila-bila masa sebelum—

(i) tarikh syarikat itu dikehendaki supaya menyerah simpan penyata tahunannya selepas akhir tempoh yang disebut di bawah subseksyen (3); atau

(ii) habis tempoh 180 hari selepas akhir tempoh yang disebut di bawah subseksyen (3),

mana-mana yang terawal; atau

*(b)* dalam apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar, jika difikirkannya patut dalam hal keadaan kes.

(9) Walau apa pun subseksyen (8), sesuatu syarikat boleh memfailkan dengan Pendaftar suatu notis tentang modal syernya lebih awal daripada tempoh yang disebut di bawah perenggan (8)*(a)* jika syarikat itu—

*(a)* tiada amaun dalam kredit akaun premium syernya; atau

*(b)* telah menggunakan amaun dalam kredit akaun premium syernya di bawah subseksyen (3).

(10) Melainkan jika sesuatu syarikat memfailkan suatu notis tentang modal syernya di bawah subseksyen (8) atau (9), Pendaftar boleh bagi maksud rekod yang disenggarakan oleh Pendaftar menerima pakai, sebagai modal syer syarikat itu, nilai agregat syer yang dikeluarkan oleh syarikat itu sebagai nilai yang terdapat dalam rekod Pendaftar sebaik selepas akhir tempoh yang disebut dalam perenggan (8)*(a)*.

**Peruntukan peralihan am**

**619.** (1) Mana-mana orang yang dilantik di bawah undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan dan memegang jawatan pada permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah terus memegang jawatan seolah-olah dia dilantik di bawah Akta ini.

(2) Apa-apa perbuatan yang dibuat, disempurnakan, dikeluarkan atau diluluskan di bawah undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan dan berkuat kuasa dan dilaksanakan pada permulaan

kuat kuasa Akta ini, hendaklah setakat yang perbuatan itu dibuat, disempurnakan, dikeluarkan atau diluluskan, di bawah Akta ini mempunyai kesan seolah-olah dibuat, disempurnakan, dikeluarkan atau diluluskan di bawah Akta ini.

(3) Memorandum persatuan dan perkara persatuan sesuatu syarikat sedia ada yang berkuat kuasa dan dilaksanakan pada permulaan kuat kuasa Akta ini, dan peruntukan Jadual A di bawah Jadual Keempat Akta Syarikat 1965 jika diterima pakai sebagai keseluruhan atau sebahagian daripada perkara persatuan suatu syarikat pada permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah mempunyai kesan seolah-olah dibuat atau diterima pakai di bawah Akta ini, melainkan jika diputuskan selainnya oleh syarikat.

(4) Semua prosiding, undang-undang atau selainnya yang dimulakan sebelum dan yang belum selesai sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini di bawah Akta Syarikat 1965 hendaklah disifatkan telah dimulakan dan diteruskan di bawah Akta ini.

(5) Suatu syarikat atau syarikat asing yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan hendaklah disifatkan telah didaftarkan di bawah Akta ini dan Akta hendaklah diluaskan dan terpakai bagi syarikat itu dengan sewajarnya dan apa-apa sebutan mengenai Akta ini, secara nyata atau tersirat, mengenai tarikh pendaftaran syarikat itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tarikh syarikat itu didaftarkan di bawah undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan itu.

(6) Suatu syarikat yang dalam perjalanan penggulungan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terus digulung di bawah peruntukan yang berkaitan dalam Akta Syarikat 1965.

(7) Seksyen 308 Akta Syarikat 1965 hendaklah terus terpakai bagi sesuatu syarikat yang dalam perjalanan untuk dikeluarkan daripada daftar oleh Pendaftar sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

(8) Menteri boleh mengarahkan Suruhanjaya supaya mengeluarkan garis panduan, pekeliling atau nota amalan untuk memperuntukkan apa-apa perkara yang berkuat kuasa sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini kena diuruskan mengikut apa-apa cara bagi menjadikan perkara itu selaras dengan Akta ini.

**Pemansuhan dan kecualian**

**620.** (1) Akta Syarikat 1965 adalah dimansuhkan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

*(a)* apa-apa fi, caj atau apa-apa jumlah wang yang dibayar atau tidak dibayar di bawah Akta Syarikat 1965 yang dimansuhkan pada tarikh sebaik sebelum berkuat kuasanya peruntukan Akta ini yang berkaitan hendaklah, berkenaan dengan tempoh yang bersamaan, disifatkan telah dibayar atau tidak dibayar di bawah peruntukan Akta ini;

*(b)* apa-apa permohonan kepada Menteri atau Pendaftar yang belum selesai sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah dianggap seolah-olah Akta ini belum diperbuat; dan

*(c)* apa-apa kebenaran, arahan, keputusan, pemberitahuan, pengecualian dan tindakan pentadbiran yang lain walau apa jua dipanggil, dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah atau mengikut, atau menurut kuasa peruntukan Akta ini yang bersamaan oleh Menteri, Suruhanjaya atau Pendaftar, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan berhubung dengan orang yang baginya kebenaran, arahan, keputusan, pemberitahuan, pengecualian dan tindakan pentadbiran yang lain itu terpakai sehingga dipinda, dimansuhkan, dibatalkan, ditamatkan atau digantikan di bawah, mengikut atau menurut kuasa, peruntukan Akta ini yang bersamaan.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta Syarikat 1965 atau Akta ini boleh menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan atau pelanggaran yang dilakukan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini atau apa-apa prosiding yang dibawa, hukuman yang dikenakan atau tindakan yang diambil sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan atau pelanggaran itu.

(4) Apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperoleh, terakru atau ditanggung sebelum tarikh kuat kuasa atau apa-apa prosiding undang-undang, remedi atau penyiasatan berkenaan dengan hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti itu tidak terjejas oleh Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Akta ini belum diperbuat.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 159]

BENTUK DAN KANDUNGAN PROSPEKTUS

Bahagian I

*Am*

1. Suatu prospektus hendaklah dicetak dalam saiz yang tidak lebih kecil daripada jenis taip yang dikenali sebagai *Times* bersaiz lapan poin melainkan jika Pendaftar, sebelum mengeluarkan, mengiklankan, mengedarkan atau mengagihkan prospektus itu di Malaysia, memperakukan secara bertulis bahawa jenis dan saiz huruf boleh dibaca dan memuaskan.

2. Suatu prospektus hendaklah bertarikh dan tarikh itu hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai tarikh prospektus itu dikeluarkan.

3. Menyatakan bahawa suatu salinan prospektus telah diserah simpan dengan dan didaftarkan oleh Pendaftar.

4. Sebaik selepas pernyataan di bawah perenggan 3 dibuat, prospektus itu hendaklah menyatakan bahawa Pendaftar tidak bertanggungjawab mengenai kandungan prospektus.

5. Menyatakan bahawa tiada syer atau debentur atau bahawa tiada syer dan debentur, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh diuntukkan berdasarkan prospektus lewat daripada enam bulan selepas tarikh prospektus itu dikeluarkan, melainkan jika dinyatakan selainnya oleh Pendaftar.

6. Jika suatu prospektus mengandungi apa-apa pernyataan yang dibuat oleh seorang pakar yang persetujuannya dikehendaki di bawah seksyen 160, prospektus itu hendaklah menyatakan tarikh pernyataan, laporan, memorandum atau penilaian dibuat dan sama ada atau tidak pernyataan, laporan, memorandum atau penilaian itu disediakan oleh pakar untuk dimasukkan dalam prospektus itu.

7. Prospektus tidak boleh mengandungi nama mana-mana orang sebagai pemegang amanah bagi pemegang debentur atau sebagai juruaudit atau jurubank atau peguam bela perbadanan atau perbadanan yang dicadangkan atau bagi atau berhubung dengan pengeluaran atau pengeluaran yang dicadangkan bagi syer atau debentur melainkan jika orang itu bersetuju secara bertulis sebelum pengeluaran prospektus untuk bertindak atas sifat itu berhubung dengan prospektus itu dan, dalam hal sesuatu syarikat atau syarikat yang dicadangkan, suatu salinan yang ditentusahkan mengikut cara yang ditentukan oleh Pendaftar diserah simpan dengan Pendaftar.

8. Sebagai tambahan kepada perenggan 7, jika prospektus menawarkan syer atau debentur suatu syarikat asing yang diperbadankan atau akan diperbadankan, prospektus itu hendaklah menyatakan butir-butir berhubung dengan—

*(a)* surat cara yang membentuk atau menetapkan perlembagaan syarikat;

*(b)* enakmen atau peruntukan yang mempunyai kuat kuasa enakmen yang melaluinya atau di bawahnya pemerbadanan syarikat dilaksanakan atau akan dilaksanakan;

*(c)* alamat di Malaysia di mana surat cara, enakmen atau peruntukan atau salinan diperakui boleh diperiksa;

*(d)* tarikh dan tempat syarikat itu diperbadankan atau akan diperbadankan; dan

*(e)* sama ada syarikat itu menubuhkan suatu tempat perniagaan di Malaysia dan, jika demikian, alamat pejabat utamanya di Malaysia.

9. Perkara yang dinyatakan dalam suatu prospektus mestilah diketahui pengarah, penganjur, penasihat utama, juruaudit, peguam bela, penilai dan penasihat profesional atau pakar profesional lain atau mana-mana orang lain yang dinamakan dalam prospektus itu, dan yang berikut sepatutnya dipertimbangkan oleh syarikat:

*(a)* jenis perniagaan syarikat;

*(b)* orang yang berkemungkinan menimbangkan untuk memperoleh syer atau debentur;

*(c)* fakta bahawa perkara tertentu semunasabahnya dijangkakan diketahui oleh penasihat profesional yang semunasabahnya dijangkakan akan dirundingi oleh bakal pelabur; dan

*(d)* sama ada orang yang kepadanya suatu pengeluaran, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti dibuat merupakan pemegang sekuriti dalam pengeluar dan, jika mereka merupakan pemegang itu, setakat mana maklumat yang berkaitan telah diberikan terdahulu kepada mereka oleh pengeluar di bawah mana-mana undang-undang, jika terpakai.

10. Kebertanggungjawaban penuh bagi ketepatan semua maklumat dalam prospektus dan tanggungjawab untuk memastikan bahawa tidak terdapat peninggalan fakta yang boleh menjadikan apa-apa pernyataan mengelirukan, kekal dengan penganjur atau pengarah pengeluar atau mana-mana orang lain yang merupakan pihak kepada penyediaan prospektus atau mana-mana bahagiannya yang berkaitan.

11. Bagi maksud bentuk dan kandungan suatu prospektus, syarikat dan tiap-tiap orang yang dinamakan dalam prospektus hendaklah mematuhi apa-apa garis panduan atau mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar.

Bahagian II

*Perkara yang hendaklah dinyatakan*

12. Bilangan syer pengasas atau pengurusan atau tertunda, jika ada, dan jenis dan takat kepentingan pemegang syer itu dalam harta dan keuntungan syarikat.

13. Bilangan syer, jika ada, yang ditetapkan oleh perlembagaan sebagai kelayakan pengarah, dan apa-apa peruntukan dalam perlembagaan mengenai pembayaran kepada pengarah.

14. Nama, perihalan dan alamat semua pengarah atau pengarah yang dicadangkan.

15. Jika prospektus berkaitan dengan syer, butir-butir mengenai—

*(a)* amaun minimum yang, pada pendapat pengarah, mesti diperdapatkan melalui pengeluaran syer itu untuk menyediakan jumlah yang, atau, jika mana-mana bahagian jumlah itu hendaklah dibiayai mengikut apa-apa cara lain, baki jumlah itu, dikehendaki untuk disediakan berkenaan dengan setiap daripada—

(i) harga pembelian mana-mana harta yang dibeli atau akan dibeli yang akan dibiayai secara penuh atau sebahagiannya daripada hasil pengeluaran itu;

(ii) apa-apa perbelanjaan permulaan yang kena dibayar oleh syarikat, dan apa-apa komisen yang kena dibayar sedemikian kepada mana-mana orang sebagai balasan dia bersetuju untuk melanggan bagi, atau dia mendapatkan atau bersetuju untuk mendapatkan langganan bagi, apa-apa syer dalam syarikat itu;

(iii) pembayaran balik apa-apa wang yang dipinjam oleh syarikat berkenaan dengan apa-apa perkara di atas; dan

*(b)* amaun yang hendaklah disediakan berkenaan dengan perkara yang disebut di atas selain hasil pengeluaran dan sumber yang daripadanya amaun itu disediakan.

16. Jenis perniagaan syarikat dan nama semua perbadanan yang menurut kuasa seksyen 7 disifatkan sebagai berkaitan dengan syarikat.

17. Waktu pembukaan senarai langganan.

18. Amaun yang kena dibayar bagi permohonan dan pengumpukan atas setiap syer atau jika amaun itu boleh berubah semasa penawaran berlangsung, asas bagi pengiraan amaun yang kena dibayar sedemikian dan, dalam hal langganan syer kali kedua atau kali kemudian penawaran syer, bilangan, perihalan dan amaun yang ditawarkan bagi langganan atas setiap pengumpukan terdahulu yang dibuat dalam masa dua tahun sebelumnya, bilangan yang sebenarnya diumpukkan, dan amaun, jika ada, yang dibayar bagi syer yang diumpukkan sedemikian.

19. Bilangan, perihalan dan amaun apa-apa syer dalam atau debentur syarikat yang mana-mana orang ada, atau berhak untuk diberikan, opsyen untuk melanggan, bersama dengan maklumat opsyen yang berikut:

*(a)* tempoh yang dalamnya opsyen itu boleh dilaksanakan;

*(b)* harga yang kena dibayar bagi syer atau debentur yang dilanggan di bawah opsyen itu;

*(c)* balasan, jika ada, yang diberikan atau akan diberikan bagi opsyen itu atau hak kepada opsyen; dan

*(d)* nama dan alamat orang yang kepadanya opsyen atau hak kepada opsyen telah diberikan atau, jika diberikan kepada pemegang syer atau pemegang debentur yang sedia ada sedemikian, syer atau debentur yang berkenaan.

20. Bilangan dan jumlah syer dan debentur yang dalam masa dua tahun sebelumnya telah dikeluarkan, atau dipersetujui untuk dikeluarkan, sebagai dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selain dalam bentuk wang tunai, dan dalam hal terkemudian setakat yang telah berbayar, dan dalam mana-mana kes balasan bagi syer atau debentur telah dikeluarkan atau yang dicadangkan atau dimaksudkan untuk dikeluarkan.

21. *(a)* Berkenaan dengan mana-mana harta yang baginya perenggan ini terpakai—

(i) nama dan alamat penjual;

(ii) amaun yang kena dibayar dalam bentuk wang tunai, syer, atau debentur kepada penjual dan, jika terdapat lebih daripada satu penjual berasingan, atau perbadanan ialah subpembeli, amaun yang kena dibayar kepada setiap penjual; dan

(iii) butir-butir ringkas mengenai mana-mana transaksi yang berhubungan dengan harta yang disiapkan dalam masa dua tahun sebelumnya yang mana-mana penjual harta kepada perbadanan atau mana-mana orang yang, atau pernah semasa transaksi, merupakan seorang penganjur atau pengarah atau pengarah yang dicadangkan bagi perbadanan itu mempunyai apa-apa kepentingan, secara langsung atau tidak langsung.

*(b)* Harta yang baginya perenggan ini terpakai ialah harta yang dibeli atau diperoleh oleh perbadanan atau oleh mana-mana subsidiari kepada perbadanan atau dicadangkan untuk dibeli atau diperoleh, yang hendaklah dibayar secara keseluruhan atau sebahagiannya daripada hasil pengeluaran yang ditawarkan bagi langganan oleh prospektus atau pembelian atau perolehan yang belum selesai pada tarikh pengeluaran prospektus itu, selain harta yang kontrak bagi pembelian atau perolehan dibuat dalam perjalanan biasa perniagaan perbadanan atau subsidiarinya, kontrak itu tidak dibuat pada menjangkakan pengeluaran mahupun pengeluaran berbangkit daripada kontrak itu.

22. Amaun, jika ada, yang dibayar atau kena dibayar sebagai wang pembelian dalam bentuk wang tunai, syer atau debentur bagi apa-apa harta yang baginya perenggan akhir sebelumnya ini terpakai, yang menyatakan amaun, jika ada, yang kena dibayar bagi nama baik.

23. Amaun, jika ada, yang dibayar dalam masa dua tahun sebelumnya, atau yang kena dibayar, sebagai komisen, tetapi tidak termasuk komisen kepada subpenaja jamin, bagi melanggan atau bersetuju untuk melanggan, atau memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh langganan, bagi apa-apa syer dalam atau debentur perbadanan, atau kadar apa-apa komisen, dan nama mana-mana pengarah atau penganjur atau pakar atau pengarah yang dicadangkan yang berhak untuk menerima apa-apa komisen sedemikian dan amaun atau kadar komisen.

24. Amaun atau anggaran amaun bagi perbelanjaan permulaan dan orang yang olehnya apa-apa perbelanjaan itu dibayar atau kena dibayar, dan amaun atau anggaran amaun bagi perbelanjaan pengeluaran dan orang yang membuat apa-apa perbelanjaan yang telah dibayar atau kena dibayar.

25. Apa-apa amaun atau faedah yang dibayar atau diberikan dalam masa dua tahun sebelumnya atau dicadangkan untuk dibayar atau diberikan kepada mana-mana penganjur, dan balasan bagi pembayaran atau pemberian manfaat.

26. Tarikh, pihak-pihak kepada, dan sifat umum bagi tiap-tiap kontrak material, yang bukan merupakan kontrak yang dibuat mengikut perjalanan biasa perniagaan yang dijalankan atau dicadangkan untuk dijalankan oleh perbadanan atau kontrak yang dibuat lebih daripada dua tahun sebelum tarikh pengeluaran prospektus itu.

27. Nama dan alamat juruaudit perbadanan.

28. Butir-butir penuh jenis dan takat kepentingan, langsung atau tidak langsung, jika ada, mengenai tiap-tiap pengarah dan tiap-tiap pakar dalam penganjuran, atau dalam harta yang dicadangkan untuk diperoleh oleh, perbadanan itu termasuk maklumat lain mengenai mana-mana manfaat kepentingan dalam syer atau debentur perbadanan yang menurut kuasa seksyen 7 disifatkan sebagai berkaitan dengan perbadanan yang pertama disebut itu.

29. Jika prospektus berkaitan dengan syer, jika modal syer perbadanan dibahagikan kepada kelas syer yang berbeza, hak untuk mengundi dalam mesyuarat perbadanan yang diberikan oleh, dan hak berkenaan dengan modal dan dividen yang terikat pada, beberapa kelas syer masing-masing.

30. Dalam hal suatu perbadanan yang telah menjalankan perniagaan, atau sesuatu perniagaan yang telah dijalankan, kurang daripada tiga tahun, tempoh masa yang dalamnya perniagaan perbadanan atau perniagaan yang hendak diperoleh, mengikut mana-mana mana yang berkenaan, telah dijalankan.

31. Jika prospektus berkaitan dengan pelawaan kepada orang awam untuk mendepositkan wang atau memberi pinjaman wang kepada perbadanan, prospektus hendaklah termasuk—

*(a)* bagi maksud subseksyen 158(5), salinan penilaian secara bertulis berhubung kepentingan perbadanan itu dalam tanah yang digadaijanjikan yang menunjukkan jenis dan takat kepentingan perbadanan itu dibuat tidak lebih daripada enam bulan sebelum tarikh prospektus itu oleh orang yang berwibawa dan berkelayakan untuk membuat penilaian

di tempat di mana tanah itu terletak yang bukan pegawai atau pekerja perbadanan itu atau mana-mana perbadanan penjaminnya atau mana-mana perbadanan yang menurut kuasa seksyen 7 disifatkan sebagai berkaitan sama ada dengan perbadanan pertama yang disebut itu atau mana-mana perbadanan penjaminnya;

*(b)* bagi maksud subseksyen 158(6), ringkasan yang dibuat oleh juruaudit itu yang telah membuat bagi pemasukan dalam prospektus laporan yang dikehendaki oleh Bahagian III Jadual ini; dan

*(c)* apa-apa maklumat tambahan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

Bahagian III

*Laporan yang perlu disediakan*

32. Prospektus hendaklah menyenaraikan laporan juruaudit syarikat diluluskan yang dinamakan dalam prospektus, pengarah dan pengarah yang dicadangkan dalam perbadanan dan jika perlu, mana-mana pakar yang dinamakan dalam prospektus, mengandungi maklumat dan butir-butir yang dinyatakan oleh Pendaftar.

JADUAL KEDUA

[Seksyen 189]

PERNYATAAN SEBAGAI GANTI PROSPEKTUS

Bahagian I

*Pernyataan sebagai ganti prospektus yang diserah simpan bagi pendaftaran oleh [masukkan nama syarikat]*

| | |
|---|---|
| Modal syer syarikat | RM |
| Dibahagikan kepada | Syer sebanyak RM setiap: RM<br>Syer sebanyak RM setiap: RM<br>Syer sebanyak RM setiap: RM |
| Amaun, jika ada, bagi modal di atas yang terdiri daripada syer keutamaan boleh tebus | Syer sebanyak RM setiap: RM |
| Tarikh pada atau sebelum syer ini ditebus, atau boleh ditebus | |
| Nama, perihalan, dan alamat pengarah atau pengarah yang dicadangkan | |
| Jika modal syer dibahagikan kepada kelas syer yang berbeza, hak untuk mengundi dalam mesyuarat syarikat yang diberikan oleh, dan hak berkenaan dengan modal dan dividen yang terikat pada, beberapa kelas syer masing-masingnya | |
| Bilangan dan amaun syer dan debentur yang dikeluarkan dalam masa dua tahun sebelum tarikh pernyataan ini atau yang dicadangkan atau dipersetujui untuk dikeluarkan sebagai dibayar dengan sepenuhnya atau sebahagiannya selain dalam bentuk wang tunai | 1. Syer sebanyak RM dibayar sepenuhnya<br>2. Syer yang ke atasnya RM setiap syer dikreditkan sebagai dibayar<br>3. Debentur RM |
| Balasan bagi pengeluaran atau pengeluaran yang dicadangkan untuk syer dan debentur itu | 4. Balasan: |

| | |
|---|---|
| Bilangan, perihalan dan amaun apa-apa syer atau debentur yang mana-mana orang mempunyai atau berhak diberikan suatu opsyen untuk melanggan, atau untuk memperoleh daripada seseorang yang kepadanya syer atau debentur itu diumpukkan atau dipersetujui untuk diumpukkan dengan tujuan penawaran orang itu untuk menjual syer atau debentur itu | 1. syer sebanyak RM dan debentur |
| Tempoh selama opsyen ini boleh dijalankan | 2. Sehingga |
| Harga yang dibayar bagi syer atau debentur yang dilanggan atau diperoleh di bawah opsyen | 3. RM |
| Balasan bagi opsyen atau hak untuk opsyen | 4. Balasan: |
| Orang yang kepadanya opsyen atau hak untuk opsyen diberikan atau, jika diberikan kepada pemegang syer atau pemegang debentur yang sedia ada sedemikian, syer atau debentur yang berkaitan | 5. Nama dan alamat |
| Nama dan alamat penjual harta yang dibeli atau diperoleh, atau dicadangkan untuk dibeli atau diperoleh oleh syarikat kecuali jika kontrak bagi pembeliannya atau pemerolehannya dibuat mengikut perjalanan biasa urusan yang diniatkan untuk dijalankan oleh syarikat atau amaun wang pembelian adalah tidak material | |
| Amaun dalam bentuk wang tunai, syer, atau debentur yang kena dibayar kepada tiap-tiap penjual yang berasingan | |

| | | |
|---|---|---|
| Amaun, jika ada, yang dibayar atau kena dibayar, dalam bentuk wang tunai, syer atau debentur, bagi apa-apa harta, yang menyatakan amaun, jika ada, yang dibayar atau kena dibayar untuk nama baik | Jumlah harga belian<br>Tunai<br>Syer<br>Debentur<br>Nama baik | RM<br>RM<br>RM<br>RM<br>RM |
| Butir-butir ringkas tentang apa-apa transaksi yang berhubung dengan apa-apa harta tersebut yang disempurnakan dalam masa dua tahun sebelumnya dan yang dalamnya mana-mana penjual kepada syarikat atau mana-mana orang yang merupakan, atau pada masa transaksi itu merupakan, penganjur, pengarah, atau pengarah syarikat yang dicadangkan mempunyai apa-apa kepentingan langsung atau tidak langsung | | |
| Amaun, jika ada, yang dibayar atau kena dibayar sebagai komisen bagi melanggan atau bersetuju untuk melanggan atau mendapatkan atau bersetuju untuk mendapatkan langganan bagi apa-apa syer atau debentur dalam syarikat; atau | Amaun yang dibayar: RM<br>Amaun kena dibayar: RM | |
| Kadar komisen | peratus | |
| Amaun atau kadar caj pembrokeran | | |
| Bilangan syer, jika ada, yang dipersetujui orang bagi suatu komisen untuk melanggan secara mutlak | | |
| Amaun atau anggaran amaun perbelanjaan permulaan | RM | |
| Perbelanjaan itu dibayar atau kena dibayar oleh orang itu | | |

| | |
|---|---|
| Amaun yang dibayar atau diniatkan untuk dibayar kepada mana-mana penganjur | Nama penganjur:<br>Amaun: RM |
| Balasan bagi pembayaran | Balasan: |
| Apa-apa nilai faedah lain yang diberikan atau diniatkan untuk diberikan kepada mana-mana penganjur | Nama penganjur:<br>Jenis dan nilai faedah: |
| Balasan bagi pemberian faedah | Balasan: |
| Tarikh, pihak kepada, dan sifat am tiap-tiap kontrak yang material, selain kontrak yang dibuat mengikut perjalanan biasa urusan yang diniatkan untuk dijalankan oleh syarikat atau dibuat lebih daripada dua tahun sebelum penghantaran pernyataan ini | |
| Masa dan tempat di mana kontrak atau salinan kontrak atau—<br>(1) dalam hal suatu kontrak yang tidak di ubah ke dalam bentuk bertulis, suatu memorandum yang memberikan butir-butir penuh tentang kontrak; dan<br>(2) dalam hal suatu kontrak yang keseluruhannya atau sebahagiannya dalam suatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau Inggeris, suatu salinan terjemahan kontrak itu yang diperakui dalam bahasa kebangsaan atau Inggeris atau yang mengandungi terjemahan dalam bahasa kebangsaan atau Inggeris mengenai bahagian dalam suatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau Inggeris, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh diperiksa | |

Nama dan alamat juruaudit syarikat

Butir-butir penuh mengenai jenis dan takat kepentingan, langsung atau tidak langsung, mengenai tiap-tiap pengarah dan mengenai tiap-tiap pakar, dalam penganjuran atau dalam harta yang dicadangkan untuk diperoleh syarikat, atau, jika kepentingan pengarah atau pakar itu terdiri daripada menjadi pekongsi dalam suatu firma atau pemegang syer atau debentur dalam suatu perbadanan, jenis dan takat kepentingan firma atau perbadanan dan jika kepentingan seorang pengarah atau seorang pakar itu terdiri daripada memegang syer atau debentur dalam perbadanan, suatu pernyataan mengenai jenis dan takat kepentingan pengarah atau pakar dalam perbadanan itu, dengan suatu pernyataan mengenai semua wang yang dibayar atau dipersetujui untuk dibayar kepadanya atau kepada firma atau perbadanan dalam bentuk wang tunai atau syer, atau selainnya, oleh mana-mana orang, dalam hal seorang pengarah, sama ada untuk mendorongnya untuk menjadi, atau untuk melayakkannya sebagai, seorang pengarah, atau selainnya bagi perkhidmatan yang diberikannya atau oleh firma atau perbadanan itu berkaitan dengan penganjuran atau penubuhan syarikat, dalam hal seorang pakar, untuk perkhidmatan yang diberikannya atau oleh firma atau perbadanan itu berkaitan dengan penganjuran atau penubuhan syarikat. Bagi maksud perenggan ini, seorang pengarah atau pakar hendaklah disifatkan mempunyai kepentingan tidak langsung dalam suatu perbadanan jika pengarah atau pakar itu mempunyai apa-apa kepentingan benefisial dalam syer atau debentur

| | |
|---|---|
| suatu perbadanan yang yang menurut kuasa seksyen 7 dianggap berhubungan dengan perbadanan yang mula-mula disebut itu | |
| *Dan juga, dalam hal suatu pernyataan yang hendaklah diserah simpan oleh suatu syarikat persendirian apabila menjadi syarikat awam, butiran yang berikut:* | |
| Kadar dividen, jika ada, yang dibayar oleh syarikat itu berkenaan dengan setiap kelas syer dalam syarikat dalam setiap lima tahun kewangan sebaik sebelum tarikh pernyataan ini atau dari pemerbadanan syarikat, mengikut mana-mana tempoh yang lebih singkat | |
| Butir-butir dalam hal tiada dividen dibayar berkenaan dengan apa-apa kelas syer dalam mana-mana tahun tersebut | |

Bahagian II

*Laporan yang hendaklah dinyatakan*

1. Jika dicadangkan untuk memperoleh perniagaan, suatu laporan oleh juruaudit syarikat diluluskan, yang hendaklah dinamakan dalam pernyataan, berkenaan dengan—

*(a)* untung atau rugi perniagaan berkenaan dengan setiap lima tahun kewangan sebaik sebelum penyerahsimpanan pernyataan dengan Pendaftar; dan

*(b)* aset dan liabiliti perniagaan pada tarikh akhir yang akaun perniagaan disediakan.

2. (1) Jika dicadangkan untuk memperoleh syer dalam suatu perbadanan yang oleh sebab pemerolehan atau apa-apa jua yang dilakukan akibat daripada pemerolehan itu atau berkaitan dengannya akan menjadi subsidiari kepada syarikat itu, suatu laporan oleh juruaudit syarikat diluluskan, yang hendaklah dinamakan dalam pernyataan, berkenaan dengan untung dan rugi dan aset dan liabiliti perbadanan lain itu mengikut subperenggan (2) atau (3), mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menunjukkan cara untung atau rugi perbadanan lain itu yang diuruskan oleh laporan itu boleh, berkenaan dengan syer yang hendak diperoleh, melibatkan anggota syarikat, dan jenis elaun yang boleh dibuat, berkaitan dengan aset dan liabiliti yang diuruskan, bagi pemegang syer lain, jika syarikat itu pada setiap masa material memegang syer yang hendak diperoleh.

(2) Jika perbadanan lain itu tidak mempunyai subsidiari, laporan yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah—

*(a)* setakat yang berkenaan dengan untung dan rugi, memperkatakan untung atau rugi perbadanan lain itu berkenaan dengan tiap-tiap lima tahun kewangan sebaik sebelum penghantaran pernyataan kepada Pendaftar; dan

*(b)* setakat yang berkenaan dengan aset dan liabiliti, memperkatakan aset dan liabiliti perbadanan lain itu pada tarikh akhir yang akaun perbadanan itu disediakan.

(3) Jika perbadanan lain itu mempunyai subsidiari, laporan yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah—

*(a)* setakat yang berkenaan dengan untung dan rugi, memperkatakan untung atau rugi perbadanan lain itu secara berasingan sebagaimana yang diperuntukkan oleh subperenggan (2), dan sebagai tambahan memperkatakan sebagaimana yang disebut terdahulu sama ada—

(i) secara keseluruhan gabungan untung atau rugi subsidiarinya; atau

(ii) secara berasingan untung atau rugi setiap subsidiari, atau, selain memperkatakan secara berasingan untung atau rugi perbadanan lain, memperkatakan sebagaimana yang disebut terdahulu secara keseluruhan dengan untung atau rugi perbadanan lain dan gabungan untung atau rugi perbadanan lain dan gabungan untung atau rugi subsidiarinya; dan

*(b)* berkenaan dengan aset dan liabiliti, memperkatakan secara berasingan aset dan liabiliti perbadanan lain sebagaimana yang diperuntukkan oleh subperenggan (2), dan, sebagai tambahan, memperkatakan sebagaimana yang disebut terdahulu sama ada—

(i) secara keseluruhan dengan gabungan aset dan liabiliti subsidiarinya, dengan atau tanpa aset dan liabiliti perbadanan lain; atau

(ii) secara berasingan dengan aset dan liabiliti setiap subsidiari,

dan hendaklah menunjukkan, berkenaan dengan untung atau rugi dan aset dan liabiliti subsidiari itu, kelonggaran yang diberikan bagi orang selain anggota syarikat.

NOTA—Jika suatu syarikat tidak dikehendaki supaya mengemukakan apa-apa laporan yang disebut dalam Bahagian ini, suatu pernyataan mengenai perkara itu yang memberikan sebab tentang ketiadaan kehendak itu hendaklah dikemukakan.

(Tandatangan orang yang dinamakan di atas sebagai pengarah atau pengarah yang dicadangkan atau ejen mereka yang diberi kuasa secara bertulis)

Tarikh:

Bahagian III

*Peruntukan yang terpakai bagi Bahagian I dan II Jadual ini*

1. Dalam Jadual ini, ungkapan "penjual" termasuklah mana-mana orang yang merupakan penjual bagi maksud Jadual Pertama.

2. Jika dalam hal suatu perniagaan yang telah dijalankan, atau suatu perbadanan, yang telah menjalankan perniagaan, selama kurang daripada lima tahun, akaun perniagaan atau perbadanan itu hanya disediakan berkenaan dengan empat tahun, tiga tahun, dua tahun, atau satu tahun, Bahagian II Jadual ini hendaklah berkuat kuasa seolah-olah sebutan mengenai empat tahun, tiga tahun, dua tahun, atau satu tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan, digantikan dengan sebutan mengenai lima tahun.

3. Mana-mana laporan yang dikehendaki oleh Bahagian II Jadual ini hendaklah sama ada menunjukkan melalui nota apa-apa pelarasan berkenaan dengan angka apa-apa keuntungan atau kerugian atau aset dan liabiliti yang diperkatakan oleh laporan itu yang didapati perlu kepada orang yang membuat laporan itu atau hendaklah membuat pelarasan itu dan menunjukkan bahawa penyelarasan telah dibuat.

## JADUAL KETIGA

[Seksyen 212]

PROSIDING LEMBAGA

*Pengerusi*

1. Pengarah boleh memilih salah seorang daripada anggota sebagai pengerusi Lembaga dan menentukan tempoh bagi orang itu memegang jawatan.

2. Jika tiada pengerusi dipilih, atau jika pada mana-mana mesyuarat Lembaga pengerusi tidak hadir dalam masa lima belas minit selepas masa yang ditetapkan bagi permulaan mesyuarat itu, pengarah yang hadir boleh memilih salah seorang daripada anggota sebagai pengerusi mesyuarat itu.

*Notis mesyuarat*

3. Seorang pengarah atau, jika diminta oleh seorang pengarah untuk berbuat demikian, seorang setiausaha, boleh mengadakan mesyuarat Lembaga dengan memberikan notis mengikut perenggan 4.

4. Suatu notis mesyuarat Lembaga hendaklah dihantar kepada tiap-tiap pengarah yang berada di Malaysia, dan notis itu hendaklah mengandungi tarikh, masa dan tempat mesyuarat dan perkara yang akan dibincangkan.

5. Suatu ketidakteraturan dalam notis mesyuarat diketepikan jika semua pengarah yang berhak menerima notis mesyuarat itu menghadiri mesyuarat tanpa bantahan kepada ketidakteraturan itu.

*Kaedah mengadakan mesyuarat*

6. Suatu mesyuarat Lembaga boleh diadakan sama ada—

*(a)* oleh suatu bilangan pengarah yang menjadi kuorum, yang berhimpun bersama di tempat, pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi mesyuarat itu; atau

*(b)* melalui audio, atau audio dan visual, yang melalui komunikasi itu semua pengarah yang menyertai dan membentuk kuorum boleh mendengar satu sama lain secara serentak sepanjang mesyuarat.

*Kuorum*

7. Suatu kuorum bagi suatu mesyuarat Lembaga hendaklah ditetapkan oleh Lembaga dan jika tidak ditetapkan sedemikian hendaklah suatu majoriti pengarah.

8. Tiada urusan pun boleh dijalankan pada suatu mesyuarat Lembaga jika kuorum tidak hadir.

*Mengundi*

9. Tiap-tiap pengarah mempunyai satu undi.

10. Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

11. Suatu ketetapan Lembaga diluluskan jika dipersetujui oleh semua pengarah yang hadir tanpa menentang atau jika suatu majoriti undi yang dibuat ke atas ketetapan itu menyokongnya.

12. Seorang pengarah yang hadir pada mesyuarat Lembaga dianggap bersetuju dengan, dan mengundi menyokong, ketetapan Lembaga melainkan jika pengarah itu menentang secara nyata atau mengundi untuk membantah terhadap ketetapan itu dalam mesyuarat itu.

*Minit*

13. Lembaga hendaklah memastikan bahawa minit semua prosiding dalam mesyuarat Lembaga disimpan.

*Ketetapan yang diluluskan dalam mesyuarat yang ditangguhkan*

14. Jika suatu ketetapan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga yang ditangguhkan, ketetapan itu hendaklah, bagi segala maksud, dianggap sebagai diluluskan pada tarikh yang ketetapan itu sebenarnya diluluskan dan tidak boleh disifatkan telah diluluskan pada apa-apa tarikh yang lebih awal.

*Ketetapan secara bertulis*

15. Suatu ketetapan secara bertulis, yang ditandatangani atau dipersetujui oleh semua pengarah yang dahulunya berhak untuk menerima notis mesyuarat Lembaga, adalah sah dan mempunyai kesan seolah-olah ketetapan itu diluluskan dalam suatu mesyuarat Lembaga yang diadakan dengan sewajarnya.

16. Mana-mana ketetapan boleh mengandungi beberapa dokumen, termasuk faksimile atau cara perhubungan lain seumpamanya, dalam bentuk yang serupa dan setiap dokumen hendaklah ditandatangani atau dipersetujui oleh seorang pengarah atau lebih.

17. Suatu salinan mana-mana ketetapan itu hendaklah dimasukkan dalam buku minit prosiding Lembaga.

*Tatacara lain*

18. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual ini, Lembaga boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

*Jawatankuasa Lembaga*

19. Lembaga boleh mewakilkan mana-mana kuasanya kepada jawatankuasa yang terdiri daripada mana-mana anggota atau anggota pertubuhannya sebagaimana yang Lembaga fikirkan sesuai dan mana-mana jawatankuasa yang dibentuk sedemikian hendaklah dalam menjalankan kuasa yang diwakilkan sedemikian mematuhi apa-apa terma atau syarat yang dikenakan ke atasnya oleh Lembaga.

20. Suatu jawatankuasa boleh memilih seorang pengerusi bagi mesyuaratnya dan boleh menentukan tatacaranya sendiri.

21. Apa-apa persoalan yang berbangkit dalam mana-mana mesyuarat suatu jawatankuasa hendaklah ditentukan oleh suatu majoriti undi anggota yang hadir, dan dalam hal bilangan undi yang sama banyak, pengerusi hendaklah mempunyai undi kedua atau undi pemutus.

*Pengarah Urusan*

22. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, melantik satu atau lebih daripada pertubuhannya ke jawatan pengarah urusan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga dan boleh membatalkan mana-mana pelantikan itu.

23. Seorang pengarah yang dilantik ke jawatan pengarah urusan tidak boleh, semasa memegang jawatan itu, tertakluk kepada persaraan mengikut giliran atau diambil kira dalam menentukan giliran persaraan pengarah, tetapi pelantikannya hendaklah ditentukan secara terus jika dia terhenti menjadi pengarah atas apa-apa sebab.

24. Seorang pengarah urusan hendaklah, tertakluk kepada terma mana-mana perjanjian yang dibuat dalam mana-mana hal tertentu, menerima apa-apa saraan, sama ada melalui gaji, komisen, atau penyertaan dalam keuntungan, atau sebahagiannya melalui satu cara dan sebahagiannya melalui cara yang satu lagi, sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

25. Lembaga boleh mengamanahkan dan memberi kepada pengarah urusan mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh Lembaga atas apa-apa terma dan syarat dan dengan apa-apa sekatan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan sama ada secara bersampingan dengan atau dengan mengecualikan kuasa Lembaga sendiri, dan boleh dari semasa ke semasa membatalkan, menarik balik, menukar atau mengubah segala atau mana-mana satu daripada kuasa itu.

*Pengarah Bersekutu*

26. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, melantik mana-mana orang sebagai pengarah bersekutu dan boleh dari semasa ke semasa membatalkan mana-mana pelantikan itu.

27. Lembaga boleh menetapkan, menentukan dan mengubah kuasa, kewajipan dan saraan mana-mana orang yang dilantik sedemikian, tetapi seorang yang dilantik sedemikian tidak mempunyai apa-apa hak untuk menghadiri atau mengundi dalam mana-mana mesyuarat Lembaga kecuali melalui pelawaan dan dengan persetujuan Lembaga.

## JADUAL KEEMPAT

[Perenggan 235(2)*(a)*]

BADAN YANG DILULUSKAN

1. Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia
2. Institut Akauntan Malaysia
3. Majlis Peguam Malaysia
4. Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia
5. Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
6. Persatuan Undang-Undang Sabah
7. Persatuan Peguam Bela Sarawak

## JADUAL KELIMA

[Seksyen 253]

LAPORAN PENGARAH

Bahagian I

*Kandungan Laporan Pengarah*

1. Setiap laporan yang baginya seksyen 252 berkaitan, hendaklah menyatakan butir-butir yang berikut:

*(a)* jumlah bersih untung atau rugi syarikat bagi tahun kewangan selepas peruntukan bagi cukai pendapatan;

*(b)* amaun dan butir-butir tentang apa-apa pemindahan yang material kepada atau daripada simpanan atau peruntukan;

*(c)* jika, sepanjang tahun kewangan, syarikat mengeluarkan apa-apa syer atau debentur—

(i) maksud pengeluaran itu, kelas syer atau debentur yang dikeluarkan;

(ii) bilangan syer bagi setiap kelas dan amaun debentur bagi setiap kelas; dan

(iii) terma pengeluaran syer dan debentur itu bagi setiap kelas;

*(d)* sama ada pada akhir tahun kewangan itu—

(i) terdapat perkiraan yang masih berterusan yang kepadanya syarikat menjadi pihak, yang merupakan perkiraan dengan tujuan untuk membolehkan pengarah syarikat memperoleh faedah secara pemerolehan syer dalam, atau debentur, syarikat atau mana-mana pertubuhan perbadanan lain; atau

(ii) terdapat, pada bila-bila masa dalam tahun itu, perkiraan yang masih berterusan sebagaimana terdahulu yang kepadanya syarikat menjadi pihak,

dan jika sedemikian, laporan itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan yang menerangkan kesan perkiraan itu dan memberikan nama orang yang pada bila-bila masa dalam tahun itu menjadi pengarah syarikat dan memegang, atau orang yang penamanya memegang, syer atau debentur yang diperoleh di bawah perkiraan itu;

*(e)* berkenaan dengan setiap orang yang, pada akhir tahun kewangan, menjadi pengarah syarikat—

(i) sama ada mengikut daftar yang disimpan oleh syarikat bagi maksud seksyen 59 yang berhubungan dengan obligasi pengarah suatu syarikat untuk memberitahu syarikat itu tentang kepentingannya dalam syer dalam, atau debentur, syarikat itu dan tentang tiap-tiap pertubuhan perbadanan lain, yang merupakan subsidiari atau syarikat pegangan kepada syarikat itu atau subsidiari kepada syarikat pegangan syarikat itu, orang itu pada akhir tahun itu, berkepentingan dalam syer dalam, atau debentur syarikat itu atau mana-mana pertubuhan perbadanan lain atau tidak dan, jika dia berkepentingan sedemikian, bilangan dan amaun syer dalam, dan debentur, setiap pertubuhan yang dalamnya, mengikut daftar itu, orang itu berkepentingan dahulunya;

(ii) sama ada, mengikut daftar itu, orang itu, pada awal tahun itu atau, jika orang itu tidak menjadi pengarah dahulunya, apabila dia menjadi pengarah, berkepentingan dalam syer dalam, atau debentur, syarikat atau mana-mana pertubuhan perbadanan lain atau tidak dan, jika orang itu berkepentingan sedemikian, bilangan dan amaun syer dalam, dan debentur, setiap pertubuhan yang dalamnya mengikut daftar itu, dia berkepentingan pada awal tahun itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, apabila orang itu menjadi pengarah; dan

(iii) jumlah bilangan syer dalam atau debentur syarikat atau mana-mana pertubuhan perbadanan lain yang dibeli dan dijual oleh orang itu sepanjang tahun kewangan itu;

*(f)* amaun, jika ada, yang disyorkan oleh pengarah hendaklah dibayar melalui dividen, dan apa-apa amaun yang telah dibayar atau diisytiharkan melalui dividen sejak akhir tahun kewangan dahulu, yang menunjukkan mana-mana amaun itu, jika ada, telah ditunjukkan dalam laporan dahulu di bawah seksyen 252 atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan;

*(g)* sama ada pengarah, sebelum penyata kewangan disediakan, mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentukan tindakan yang telah diambil berhubung dengan hutang lapuk yang dihapus kira dan peruntukan yang dibuat bagi hutang ragu, dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu;

*(h)* sama ada pada tarikh laporan itu pengarah menyedari tentang apa-apa hal keadaan yang menjadikan amaun yang dihapus kira bagi hutang lapuk atau amaun peruntukan bagi hutang ragu tidak mencukupi sehingga apa-apa takat yang substantial dan, jika sedemikian, memberikan butir-butir tentang hal keadaan itu;

*(i)* sama ada pengarah, sebelum penyata kewangan disediakan, telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa apa-apa aset semasa yang tidak berkemungkinan direalisasikan dalam perjalanan biasa urusan termasuk nilai aset semasa itu sebagaimana yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan syarikat telah diturunkan kepada suatu amaun yang aset semasa itu dijangkakan boleh direalisasikan sedemikian;

*(j)* sama ada pada tarikh laporan itu pengarah menyedari tentang apa-apa hal keadaan—

(i) yang menjadikan nilai yang dikaitkan dengan aset semasa dalam akaun itu mengelirukan; dan

(ii) yang timbul yang akan menjadikan pematuhan kaedah penilaian sedia ada bagi aset atau liabiliti syarikat mengelirukan atau tidak sesuai, dan, jika sedemikian, memberikan butir-butir tentang hal keadaan itu;

*(k)* sama ada wujud pada tarikh laporan—

(i) apa-apa gadaian ke atas aset syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain dan, jika sedemikian, memberikan butir-butir tentang apa-apa gadaian itu dan, setakat yang dapat dilaksanakan, tentang amaun yang dijamin; dan

(ii) apa-apa liabiliti luar jangka yang wujud sejak akhir tahun kewangan dan, jika sedemikian, menyatakan sifat umum liabiliti itu dan, setakat yang dapat dilaksanakan, amaun maksimum, atau suatu anggaran amaun maksimum, yang baginya syarikat boleh menjadi bertanggungan berkenaan dengan liabiliti itu;

*(l)* sama ada apa-apa liabiliti luar jangka atau liabiliti lain telah berkuat kuasa, atau berkemungkinan berkuat kuasa, dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat pengarah, akan atau boleh menjejaskan kemampuan syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila ia hendaklah dilaksanakan dan, jika sedemikian, memberikan butir-butir tentang apa-apa liabiliti itu;

*(m)* sama ada pada tarikh laporan pengarah menyedari tentang apa-apa hal keadaan yang tidak diperkatakan selainnya dalam laporan itu atau akaun yang menjadikan apa-apa amaun yang dinyatakan dalam akaun itu mengelirukan dan, jika sedemikian, memberikan butir-butir tentang hal keadaan itu;

*(n)* sama ada hasil operasi syarikat sepanjang tahun kewangan, pada pendapat pengarah, sebahagian besarnya terjejas disebabkan apa-apa butiran, transaksi atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa dan, jika sedemikian, memberikan butir-butir tentang butiran, transaksi atau peristiwa itu dan amaun atau kesan butiran, transaksi atau peristiwa itu, jika diketahui atau semunasabahnya boleh ditentukan;

*(o)* sama ada wujud dalam jarak waktu antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan apa-apa butiran, transaksi atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa yang berkemungkinan, pada pendapat pengarah, menjejaskan sebahagian besar hasil operasi syarikat bagi tahun kewangan yang laporan itu dibuat dan, jika sedemikian, memberikan butir-butir tentang butiran, transaksi atau peristiwa itu; dan

*(p)* apa-apa butir lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

2. Laporan hendaklah menyatakan, berkenaan dengan pengarah atau pengarah yang dahulu bagi syarikat, amaun—

*(a)* fi dan faedah lain yang dibezakan secara berasingan, yang dibayar kepada atau boleh diterima oleh mereka daripada syarikat a ta u subsidiarinya sebagai saraan bagi perkhidmatan mereka kepada syarikat itu atau subsidiarinya, termasuk semua fi, peratusan, bonus, komisen, pampasan kerana hilang jawatan, apa-apa sumbangan berkenaan dengannya di bawah mana-mana skim faedah pencen atau persaraan dan termasuk komisen yang dibayar atau kena dibayar kerana melanggan atau bersetuju untuk melanggan atau mendapatkan atau bersetuju untuk mendapatkan langganan bagi apa-apa syer dalam atau debentur syarikat itu atau syarikat pemegangannya atau mana-mana subsidiari kepada syarikat itu:

Dengan syarat bahawa jika seorang pengarah atau mana-mana firma yang pengarah itu menjadi anggota, bertindak bagi syarikat itu atas sifat profesional, amaun yang dibayar kepada pengarah itu atau kepada firmanya bagi perkhidmatan yang diberikan kepada syarikat itu atas sifat itu tidak boleh dimasukkan ke dalam semua fi, peratusan, bonus, komisen, pampasan kerana hilang jawatan, apa-apa sumbangan berkenaan dengannya di bawah mana-mana skim faedah pencen atau persaraan dan termasuk komisen yang dibayar atau kena dibayar kerana melanggan atau bersetuju untuk melanggan atau mendapatkan atau bersetuju untuk mendapatkan langganan bagi apa-apa syer dalam atau

debentur syarikat itu atau syarikat pemegangannya atau mana-mana subsidiari kepada syarikat itu tetapi hendaklah ditunjukkan secara berasingan sama ada melalui nota atau selainnya;

*(b)* melalui suatu nota atau selainnya, nilai wang yang dianggarkan bagi apa-apa faedah lain yang diterima atau boleh diterima oleh mereka selain dalam bentuk wang tunai daripada syarikat atau daripada mana-mana subsidiarinya;

*(c)* jumlah amaun yang dibayar kepada atau boleh diterima oleh mana-mana pihak ketiga berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada syarikat atau mana-mana syarikat subsidiarinya oleh mana-mana pengarah atau pengarah yang dahulu bagi syarikat itu;

*(d)* jumlah amaun, jika ada, apa-apa tanggung rugi yang diberikan kepada atau insurans yang ditanggung bagi, mana-mana pengarah, pegawai atau juruaudit syarikat.

3. Pengarah suatu syarikat hendaklah menyatakan dalam laporan sama ada dia, sejak akhir tahun kewangan terdahulu, menerima atau menjadi berhak untuk menerima faedah, selain faedah yang termasuk dalam amaun agregat saraan yang diterima atau kena dibayar dan boleh diterima oleh pengarah yang ditunjukkan dalam akaun atau gaji yang ditetapkan sebagai pekerja sepenuh masa syarikat itu, disebabkan kontrak yang dibuat oleh syarikat itu atau perbadanan yang berkaitan dengan pengarah itu atau dengan firma yang dia menjadi anggota, atau dengan sesuatu syarikat yang dalamnya dia mempunyai kepentingan kewangan yang substansial, dan, jika sedemikian, jenis am faedah itu.

4. Jika pada akhir suatu tahun kewangan suatu syarikat menjadi subsidiari kepada perbadanan lain, pengarah syarikat itu hendaklah menyatakan dalam, atau melalui nota sebagai penyata yang dilampirkan kepada, akaun syarikat itu nama perbadanan yang dianggap oleh pengarah sebagai syarikat pemegangan utama kepada syarikat itu dan jika diketahui mereka, negara di mana perbadanan itu diperbadankan.

5. Jika apa-apa opsyen diberikan sepanjang tempoh yang termasuk dalam akaun untung rugi untuk mengambil syer tidak dikeluarkan sesuatu syarikat, laporan pengarah hendaklah menyatakan—

*(a)* bilangan dan kelas syer yang berkenaan dengannya opsyen itu diberikan;

*(b)* tarikh habis tempoh opsyen itu;

*(c)* asas yang berdasarkannya opsyen itu boleh dijalankan; dan

*(d)* sama ada orang yang kepadanya opsyen itu diberikan mempunyai apa-apa hak untuk menyertai apa-apa pengeluaran syer mana-mana syarikat lain menurut kuasa opsyen itu.

6. Laporan pengarah hendaklah menyatakan—

*(a)* butir-butir syer yang dikeluarkan selama tempoh yang berkaitan dengan laporan itu menurut pelaksanaan opsyen untuk mengambil syer tidak dikeluarkan syarikat, sama ada diberikan sebelum atau semasa tempoh itu; dan

*(b)* bilangan dan kelas syer tidak dikeluarkan syarikat di bawah opsyen pada akhir tempoh itu, harga, atau kaedah untuk menetapkan harga, pengeluaran syer itu, tarikh habis tempoh opsyen itu dan hak, jika ada, orang yang kepadanya opsyen itu diberikan untuk menyertai apa-apa pengeluaran syer mana-mana syarikat lain menurut kuasa opsyen itu.

7. Laporan pengarah hendaklah menyatakan dengan jelas sama ada dalam akaun untung rugi syarikat pemegangan atau akaun untung rugi disatukan bagi syarikat pemegangan dan subsidiarinya nama, tempat diperbadankan, aktiviti utama, dan peratusan modal syer diterbitkan yang dipegang oleh syarikat pemegangan dalam setiap subsidiari yang baginya akaun untung dan rugi itu atau dokumen lain itu berkaitan.

8. Jika laporan juruaudit mengenai akaun sesuatu subsidiari adalah bersyarat dengan apa-apa cara, penyata kewangan disatukan bagi syarikat pemegangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengandungi butir-butir tentang cara laporan itu bersyarat setakat yang perkara yang menjadi hal perkara syarat itu tidak termasuk dalam akaun syarikat pemegangan itu sendiri dan adalah material mengikut pandangan anggotanya.

9. Laporan juruaudit hendaklah ditunjukkan di bawah tajuk yang berasingan dalam kunci kira-kira setiap subsidiari takat pegangan syernya dalam syarikat pemegangan dan dalam perbadanan lain yang berkaitan.

10. Jumlah amaun yang dibayar kepada atau yang boleh diterima oleh juruaudit sebagai saraan bagi perkhidmatan mereka sebagai juruaudit, termasuk semua fi, peratusan atau bayaran atau balasan lain yang diberikan oleh atau daripada syarikat atau oleh atau daripada mana-mana subsidiari kepada syarikat.

## Bahagian II

### *Kandungan ulasan perniagaan*

1. Setiap laporan yang disediakan di bawah seksyen 252 boleh termasuk suatu ulasan perniagaan.

2. Ulasan perniagaan boleh, setakat yang perlu bagi pemahaman tentang perkembangan, prestasi atau kedudukan perniagaan syarikat, mengandungi—

*(a)* suatu ulasan yang jelas tentang perniagaan syarikat;

*(b)* suatu perihalan tentang risiko utama dan ketidakpastian yang dihadapi oleh syarikat;

*(c)* suatu analisis yang seimbang dan menyeluruh tentang—

(i) perkembangan dan prestasi perniagaan syarikat sepanjang tahun kewangan;

(ii) kedudukan perniagaan syarikat pada akhir tahun itu, selaras dengan saiz dan kerumitan perniagaan; dan

(iii) petunjuk prestasi utama syarikat;

*(d)* maklumat mengenai—

(i) perkara alam sekeliling, termasuk kesan perniagaan syarikat ke atas alam sekeliling;

(ii) pekerja-pekerja syarikat; dan

(iii) isu-isu sosial dan kemasyarakatan,

termasuk maklumat mengenai apa-apa dasar syarikat berhubung dengan perkara itu dan keberkesanan dasar itu; dan

*(e)* tertakluk kepada perenggan 7 Bahagian ini, maklumat mengenai orang yang dengannya syarikat mempunyai perkiraan berkontrak atau perkiraan lain yang perlu bagi perniagaan syarikat.

3. Jika ulasan itu tidak mempunyai mana-mana maklumat yang disebut dalam perenggan 2*(a)*, *(b), (c)* dan *(d)*, ulasan itu hendaklah menyatakan maklumat yang tidak terkandung dalamnya.

4. Ulasan itu boleh, jika bersesuaian, memasukkan rujukan mengenai, dan penerangan tambahan tentang, amaun yang dimasukkan dalam penyata kewangan syarikat.

5. Berhubung dengan laporan kumpulan pengarah, Bahagian ini mempunyai kesan seolah-olah rujukan mengenai syarikat termasuk rujukan mengenai subsidiarinya yang termasuk dalam penyatuan.

6. Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini menghendaki penzahiran maklumat mengenai perkembangan atau perkara yang akan berlaku semasa perundingan jika penzahiran itu boleh, pada pendapat pengarah, menjejaskan kepentingan syarikat.

7. Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (2)*(e)* menghendaki penzahiran maklumat mengenai seseorang jika penzahiran itu boleh, pada pendapat pengarah, memudaratkan orang itu dan bercanggah dengan kepentingan awam.

8. Bagi maksud Bahagian ini, "petunjuk prestasi utama" ertinya faktor-faktor yang dengan merujuk kepadanya perkembangan, prestasi atau kedudukan perniagaan syarikat boleh diukur dengan berkesan.

## JADUAL KEENAM

[Seksyen 383]

### KUASA PENERIMA ATAU PENERIMA DAN PENGURUS

1. Tertakluk kepada peruntukan Jadual ini, seseorang penerima atau penerima dan pengurus harta sesuatu syarikat mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu atau sesuai untuk dilakukan bagi atau berkaitan dengan, atau yang bersampingan dengan, pencapaian objektif yang baginya penerima atau penerima dan pengurus itu dilantik.

2. Tanpa mengehadkan keluasan perenggan 1, tetapi tertakluk kepada mana-mana peruntukan perintah Mahkamah yang melaluinya, atau surat cara yang di bawahnya, penerima dilantik, yang merupakan peruntukan yang mengehadkan kuasa penerima atau penerima dan pengurus dengan apa-apa cara, penerima atau penerima dan pengurus harta sesuatu syarikat mempunyai, sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa yang diberikan oleh perintah atau surat cara itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau oleh mana-mana undang-undang lain, kuasa bagi maksud mencapai objektif yang baginya penerima atau penerima dan pengurus itu dilantik—

*(a)* untuk mengambil milikan dan kawalan harta syarikat mengikut terma-terma perintah atau surat cara itu;

*(b)* untuk memajak, menyewakan atau melupuskan harta syarikat;

*(c)* untuk memberikan opsyen ke atas harta syarikat mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh penerima atau penerima dan pengurus;

*(d)* untuk meminjam wang dengan menjadikan harta syarikat sebagai cagaran;

*(e)* untuk menginsuranskan harta syarikat;

*(f)* untuk membaiki, membaharui atau memperbesar harta syarikat;

*(g)* untuk menukarkan harta syarikat kepada wang;

*(h)* untuk menjalankan apa-apa perniagaan syarikat;

*(i)* untuk mengambil secara pajak atau secara sewa, atau memperoleh, apa-apa harta yang perlu atau sesuai berkaitan dengan penjalanan perniagaan syarikat;

*(j)* untuk menuntut dan mendapatkan, melalui tindakan atau selainnya, pendapatan daripada harta dalam penerimaan;

*(k)* untuk mengeluarkan resit bagi pendapatan yang didapatkan;

*(l)* untuk memeriksa pada bila-bila masa yang munasabah buku atau dokumen yang berkaitan dengan harta dalam penerimaan dan yang dimiliki atau di bawah kawalan syarikat;

*(m)* untuk menjalankan, bagi pihak syarikat, hak untuk memeriksa buku atau dokumen yang berhubung dengan harta dalam penerimaan dan yang dimiliki atau di bawah kawalan seseorang selain syarikat itu;

*(n)* untuk menukar pejabat berdaftar atau alamat berdaftar untuk penyampaian bagi syarikat;

*(o)* untuk menyempurnakan apa-apa dokumen, memulakan atau mempertahankan apa-apa prosiding atau melakukan apa-apa perbuatan atau benda lain atas nama dan bagi pihak syarikat;

*(p)* untuk mengeluarkan, menerima, membuat dan mengendors bil pertukaran atau nota janji hutang;

*(q)* untuk menggunakan meterai syarikat;

*(r)* untuk mengambil khidmat atau melepaskan pekerja bagi pihak syarikat;

*(s)* untuk melantik peguam, akauntan atau orang lain yang berkelayakan secara profesional untuk membantu penerima atau penerima dan pengurus;

*(t)* untuk melantik ejen bagi melakukan apa-apa urusan yang tidak dapat dilakukan oleh penerima atau penerima dan pengurus itu, atau yang tidak munasabah untuk menjangka penerima atau penerima dan pengurus itu melakukannya, dengan sendiri;

*(u)* jika hutang atau liabiliti terhutang kepada syarikat, untuk membuktikan hutang atau liabiliti itu dalam sesuatu kebankrapan, insolvensi atau penggulungan dan, berkaitan dengan kebankrapan, insolvensi atau penggulungan itu, untuk menerima dividen dan untuk bersetuju dengan cadangan bagi suatu persetujuan penyelesaian atau suatu skim perkiraan;

*(v)* untuk membuat atau mempertahankan sesuatu permohonan bagi penggulungan syarikat; dan

*(w)* untuk merujuk kepada timbang tara apa-apa persoalan yang menyentuh syarikat.

3. Pemberian kuasa oleh Jadual ini kepada penerima atau penerima dan pengurus berhubung dengan harta syarikat tidak menyentuh apa-apa hak berhubung dengan harta mana-mana orang selain syarikat itu.

4. Dalam Jadual ini, suatu rujukan, berhubung dengan penerima atau penerima dan pengurus, mengenai harta sesuatu syarikat ialah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, rujukan mengenai harta syarikat yang berhubung dengannya penerima atau penerima dan pengurus itu dilantik.

## JADUAL KETUJUH

[Seksyen 394 dan 401]

### KUASA DAN KEWAJIPAN PENAMA BAGI PERKIRAAN SUKARELA KORPORAT

1. Semasa moratorium, seseorang penama hendaklah memantau hal ehwal syarikat bagi maksud merumuskan pendapat mengenai sama ada—

*(a)* perkiraan sukarela yang dicadangkan mempunyai peluang yang munasabah untuk diluluskan dan dilaksanakan; dan

*(b)* syarikat berkemungkinan mempunyai dana mencukupi yang tersedia bagi syarikat sepanjang moratorium yang dicadangkan bagi membolehkan syarikat menjalankan perniagaannya.

2. Penama boleh meminta daripada pengarah atau Pegawai Penerima dan pengarah atau Pegawai Penerima hendaklah mengemukakan kepada penama, apa-apa maklumat yang perlu untuk membolehkan penama mematuhi perenggan 1.

3. Penama berhak untuk bergantung kepada maklumat yang dikemukakan kepadanya di bawah perenggan 2 dalam merumuskan pendapatnya mengenai perkara yang dikehendaki di bawah perenggan 1 melainkan jika dia mempunyai sebab untuk meragui ketepatan maklumat itu.

4. Sebutan dalam subperenggan 1*(b)* mengenai perniagaan syarikat ialah mengenai perniagaan itu sebagaimana yang dicadangkan oleh syarikat untuk dijalankan sepanjang moratorium.

5. Penama hendaklah menarik balik persetujuannya untuk bertindak jika, pada bila-bila masa sepanjang moratorium—

*(a)* penama itu merumuskan pendapat bahawa—

(i) perkiraan sukarela yang dicadangkan tidak lagi mempunyai peluang yang munasabah untuk diluluskan atau dilaksanakan; atau

(ii) syarikat tidak akan mempunyai dana mencukupi yang tersedia bagi syarikat sepanjang moratorium yang selebihnya bagi membolehkan syarikat menjalankan perniagaannya;

*(b)* penama itu menyedari bahawa, pada tarikh pemfailan dokumen di bawah seksyen 398, syarikat tidak layak bagi suatu moratorium; atau

*(c)* pengarah atau Pegawai Penerima tidak mematuhi kewajipan mereka di bawah perenggan 2.

## JADUAL KELAPAN

[Seksyen 398]

### MORATORIUM BAGI PERKIRAAN SUKARELA KORPORAT

*Kelayakan untuk moratorium bagi perkiraan sukarela korporat*

1. Suatu syarikat layak untuk moratorium bagi perkiraan sukarela korporat yang dicadangkan oleh pengarah jika—

*(a)* syarikat itu merupakan suatu syarikat persendirian;

*(b)* syarikat itu bukan suatu institusi berlesen atau pengendali sistem pembayaran ditetapkan yang dikawal selia di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia;

*(c)* syarikat itu bukan suatu institusi pasaran kewangan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; atau

*(d)* syarikat itu tidak mewujudkan suatu gadaian ke atas hartanya atau mana-mana pengusahaannya.

2. Suatu syarikat layak untuk moratorium bagi perkiraan sukarela korporat yang dicadangkan oleh pengurus kehakiman atau penyelesai jika—

*(a)* syarikat itu digulung;

*(b)* syarikat itu di bawah suatu perintah pengurusan kehakiman;

*(c)* syarikat itu bukan suatu institusi berlesen atau pengendali sistem pembayaran ditetapkan yang dikawal selia di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia; atau

*(d)* syarikat itu bukan suatu institusi pasaran kewangan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

*Tempoh dan pelanjutan moratorium*

3. Suatu moratorium hendaklah terus berkuat kuasa selama tempoh dua puluh lapan hari dari masa moratorium itu bermula di bawah perenggan 1 dan 2 tetapi sesuatu mesyuarat yang dipanggil di bawah perenggan 4 boleh, tertakluk kepada persetujuan yang diberikan oleh penama dan anggota syarikat, dan yang memperoleh tujuh puluh lima peratus majoriti daripada nilai pemiutang yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi dalam mesyuarat, melanjutkan tempoh ini selama tidak lebih daripada enam puluh hari.

4. Dalam mana-mana mesyuarat jika dicadangkan untuk melanjutkan moratorium, sebelum keputusan dibuat berkenaan dengan cadangan itu, penama hendaklah memberitahu mesyuarat itu tentang tindakan yang diambilnya untuk mematuhi kewajipannya di bawah Jadual Ketujuh dan kos yang ditanggung akibat daripada tindakannya untuk syarikat, dan tentang apa-apa rancangan yang dia berniat untuk melakukan untuk terus mematuhi kewajipan itu jika moratorium dilanjutkan dan kos yang dijangkakan bagi tindakannya untuk syarikat.

5. Suatu moratorium hendaklah tamat pada akhir hari mesyuarat yang dipanggil di bawah seksyen 399, melainkan jika moratorium itu dilanjutkan di bawah perenggan 3.

6. Jika suatu moratorium dilanjutkan di bawah perenggan 3, moratorium itu hendaklah tamat pada akhir hari yang moratorium itu dilanjutkan.

7. Jika tiada mesyuarat di bawah perenggan 4 dipanggil oleh penama dalam tempoh dua puluh lapan hari sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 3, moratorium tamat pada hari terakhir dalam tempoh itu.

8. Suatu moratorium hendaklah berakhir jika penama menarik balik persetujuannya untuk bertindak di bawah Jadual Ketujuh.

*Pemberitahuan tentang permulaan moratorium*

9. Pengarah sesuatu syarikat atau Pegawai Penerima hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas permulaan suatu moratorium, memberitahu penama tentang permulaan itu.

10. Selepas diberitahu di bawah perenggan (9), penama hendaklah, dalam masa tujuh hari dari pemulaan tempoh moratorium—

*(a)* memberitahu Pendaftar tentang fakta permulaan moratorium itu;

*(b)* memberitahu syarikat dan mana-mana pemiutang mempetisyen bagi syarikat yang tuntutannya diketahui penama itu tentang fakta permulaan moratorium itu; dan

*(c)* mengiklankan fakta itu dalam laman sesawang Suruhanjaya dan dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris.

11. Bagi maksud Jadual ini, "pemiutang mempetisyen" ertinya pemiutang yang melaluinya suatu petisyen penggulungan dikemukakan sebelum permulaan moratorium, selagi petisyen itu tidak ditolak atau ditarik balik.

*Pemberitahuan tentang penamatan moratorium*

12. Seseorang penama hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas sesuatu moratorium tamat—

*(a)* mengiklankan fakta itu dalam laman sesawang Suruhanjaya dan dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris; dan

*(b)* memberitahu Mahkamah, Pendaftar, syarikat dan mana-mana pemiutang syarikat yang tuntutannya diketahui penama itu, tentang fakta penamatan moratorium itu.

*Jawatankuasa moratorium*

13. Suatu mesyuarat yang dipanggil di bawah perenggan 4 untuk memutuskan bahawa tempoh moratorium dilanjutkan boleh, dengan persetujuan penama, menubuhkan suatu jawatankuasa moratorium untuk menjalankan fungsi yang diberikan kepadanya oleh mesyuarat itu.

14. Mesyuarat di bawah perenggan 13 hendaklah meluluskan suatu anggaran perbelanjaan yang ditanggung oleh jawatankuasa dalam menjalankan fungsi yang dicadangkan.

15. Apa-apa perbelanjaan tidak melebihi amaun anggaran yang diluluskan di bawah perenggan 14 yang ditanggung oleh jawatankuasa dalam menjalankan fungsinya hendaklah dibayar ganti oleh penama.

16. Jawatankuasa hendaklah tidak lagi wujud apabila moratorium tamat.

*Kesan moratorium*

17. Sepanjang tempoh sesuatu moratorium berkuat kuasa—

*(a)* tiada petisyen boleh dikemukakan bagi penggulungan syarikat;

*(b)* tiada mesyuarat syarikat boleh dipanggil atau diminta kecuali dengan persetujuan penama atau keizinan Mahkamah dan tertakluk kepada, jika Mahkamah memberikan keizinan, apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;

*(c)* tiada ketetapan boleh diluluskan atau perintah dibuat bagi penggulungan syarikat;

*(d)* tiada permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman boleh dibuat terhadap syarikat;

*(e)* tiada pengurus kehakiman bagi syarikat boleh dilantik di bawah Subpenggal 2 Penggal 8 Bahagian III;

*(f)* tiada tuan punya atau orang lain yang kepadanya sewa kena dibayar boleh menjalankan apa-apa hak pelucuthakan dengan kemasukan semula secara aman berhubung dengan premis yang disewakan kepada syarikat berkenaan dengan kegagalan syarikat untuk mematuhi apa-apa terma atau syarat penyewaannya bagi premis itu, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;

*(g)* tiada langkah lain boleh diambil untuk mengenakan apa-apa jaminan ke atas harta syarikat, atau untuk memiliki semula barang-barang dalam milikan syarikat di bawah apa-apa perjanjian sewa beli, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;

*(h)* tiada prosiding lain dan tiada pelaksanaan atau proses undang-undang lain boleh dimulakan atau diteruskan, dan tiada distres boleh dikenakan, terhadap syarikat atau hartanya kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah; dan

*(i)* tiada apa-apa jua langkah boleh diambil untuk memindahkan apa-apa syer syarikat atau untuk menukar status mana-mana anggota syarikat kecuali dengan keizinan Mahkamah dan, jika Mahkamah memberikan keizinan, tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.

*Invois syarikat, pesanan barang, dsb.*

18. Pada masa apabila sesuatu moratorium sedang berkuat kuasa berhubung dengan suatu syarikat, nama penama dan suatu pernyataan bahawa suatu moratorium sedang berkuat kuasa bagi syarikat itu hendaklah terdapat pada—

*(a)* surat urusan, notis dan penerbitan rasminya yang lain, termasuk dalam media elektronik;

*(b)* laman sesawangnya;

*(c)* bil pertukaran, nota janji hutang, pengendorsan dan borang pesanannya;

*(d)* cek yang berupa sebagai ditandatangani oleh atau bagi pihak syarikat;

*(e)* pesanan, invois dan tuntutan lain bagi bayaran, resit dan surat kredit yang berupa sebagai dikeluarkan atau ditandatangani oleh atau bagi pihak syarikat; dan

*(f)* semua bentuk surat dan dokumentasi perniagaannya yang lain.

JADUAL KESEMBILAN

[Subseksyen 414(4)]

KUASA PENGURUS KEHAKIMAN

Pengurus kehakiman boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa yang berikut:

*(a)* mengambil milikan, mengumpul dan mendapatkan harta syarikat dan, bagi maksud itu, menjalankan apa-apa prosiding sebagaimana yang didapatinya suai manfaat;

*(b)* menjual atau selainnya melupuskan harta syarikat melalui lelong awam atau kontrak persendirian;

*(c)* meminjam wang dan memberikan harta syarikat sebagai cagaran bagi pinjaman itu;

*(d)* melantik peguam atau akauntan atau orang lain yang berkelayakan secara profesional untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya;

*(e)* memulakan atau mempertahankan apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang lain atas nama dan bagi pihak syarikat;

*(f)* merujuk kepada timbang tara apa-apa persoalan yang menyentuh syarikat;

*(g)* menguatkuasakan dan mengekalkan insurans berkenaan dengan perniagaan dan harta syarikat;

*(h)* menggunakan meterai syarikat;

*(i)* melakukan semua perbuatan dan menyempurnakan atas nama dan bagi pihak syarikat apa-apa surat ikatan, resit atau dokumen lain;

*(j)* mengeluarkan, menerima, membuat dan mengendors apa-apa bil pertukaran atau nota janji hutang atas nama dan bagi pihak syarikat;

*(k)* melantik mana-mana ejen untuk melakukan apa-apa urusan yang tidak dapat dilakukannya sendiri atau yang boleh dilakukan dengan lebih mudah oleh ejen dan untuk mengambil dan memberhentikan pekerja;

*(l)* melakukan segala perkara, termasuk menjalankan kerja, sebagaimana yang perlu bagi merealisasikan harta syarikat;

*(m)* membuat apa-apa bayaran yang perlu atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya;

*(n)* menjalankan perniagaan syarikat;

*(o)* menubuhkan subsidiari bagi syarikat;

*(p)* memindahkan kepada subsidiari syarikat keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan dan harta syarikat;

*(q)* memberikan atau menerima penyerahan pajakan atau penyewaan mana-mana harta syarikat, dan mengambil pajakan atau penyewaan mana-mana harta yang dikehendaki atau sesuai bagi perniagaan syarikat;

*(r)* membuat apa-apa perkiraan atau kompromi bagi pihak syarikat;

*(s)* memanggil mana-mana modal tidak dipanggil syarikat;

*(t)* memberikan keutamaan dan menuntut dalam kebankrapan, insolvensi, sekuestrasi atau penyelesaian mana-mana orang yang berhutang dengan syarikat dan menerima dividen, dan menyetujui surat ikatan amanah bagi pemiutang mana-mana orang itu;

*(u)* membuat atau mempertahankan sesuatu permohonan bagi penggulungan syarikat;

*(v)* melakukan segala benda lain yang bersampingan dengan pelaksanaan kuasa yang disebut terdahulu.

## JADUAL KESEPULUH

[Subseksyen 450(4)]

### JAWATANKUASA PEMERIKSAAN

*Pelantikan jawatankuasa pemeriksaan dalam penggulungan oleh Mahkamah*

1. Penyelesai boleh, dan hendaklah jika diminta oleh mana-mana pemiutang atau penyumbang, memanggil mesyuarat pemiutang dan penyumbang yang berasingan bagi maksud menentukan sama ada atau tidak pemiutang atau penyumbang itu menghendaki pelantikan suatu jawatankuasa pemeriksaan untuk bertindak dengan penyelesai, dan jika dikehendaki memilih anggota jawatankuasa itu.

2. Jika terdapat perbezaan antara penentuan mesyuarat pemiutang dengan penyumbang, Mahkamah hendaklah memutuskan perbezaan itu dan membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

*Pelantikan jawatankuasa pemeriksaan dalam penggulungan sukarela*

3. Pemiutang pada mesyuarat yang dipanggil di bawah seksyen 447 atau 449 atau pada mana-mana mesyuarat yang berikutnya boleh, jika difikirkan patut oleh pemiutang, melantik suatu jawatankuasa pemeriksaan yang mengandungi tidak lebih daripada lima orang, sama ada pemiutang atau tidak dan jika jawatankuasa itu dilantik syarikat boleh, sama ada pada mesyuarat yang ketetapan bagi penggulungan sukarela diluluskan atau pada bila-bila masa kemudiannya selepas ketetapan bagi penggulungan diluluskan dalam suatu mesyuarat agung, melantik tidak lebih daripada lima orang sebagaimana yang syarikat fikirkan patut untuk bertindak sebagai anggota jawatankuasa itu.

4. Walau apa pun perenggan 3, pemiutang boleh, jika pemiutang fikirkan patut, memutuskan bahawa semua atau mana-mana orang yang dilantik oleh syarikat tidak boleh menjadi seorang anggota jawatankuasa pemeriksaan dan jika pemiutang memutuskan sedemikian orang yang disebut dalam ketetapan itu tidak boleh, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, bertindak sebagai anggota jawatankuasa, dan atas apa-apa permohonan kepada Mahkamah di bawah perenggan ini Mahkamah boleh, jika Mahkamah fikirkan patut, melantik orang lain untuk bertindak sebagai anggota untuk menggantikan orang yang disebut dalam ketetapan itu.

*Keanggotaan*

5. Jawatankuasa pemeriksaan hendaklah terdiri daripada pemiutang atau penyumbang syarikat atau orang yang memegang—

*(a)* surat wakil kuasa am daripada pemiutang atau penyumbang; atau

*(b)* kuasa khas daripada pemiutang atau penyumbang, untuk bertindak dalam jawatankuasa itu,

yang dilantik dalam suatu mesyuarat pemiutang dan penyumbang mengikut apa-apa bilangan sebagaimana yang dipersetujui atau dalam hal perbezaan sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah.

*Prosiding*

6. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh jawatankuasa dari semasa ke semasa, dan penyelesai atau mana-mana anggota jawatankuasa boleh juga memanggil mesyuarat jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu oleh penyelesai atau anggota.

7. Jawatankuasa boleh bertindak melalui suatu majoriti anggota yang hadir pada suatu mesyuarat, tetapi tidak boleh bertindak melainkan jika majoriti jawatankuasa hadir.

*Peletakan jawatan dan pemecatan anggota*

8. Seorang anggota jawatankuasa boleh meletakkan jawatan melalui notis secara bertulis yang ditandatangani olehnya dan dihantar serah kepada penyelesai.

9. Seorang anggota jawatankuasa boleh dilucutkan melalui ketetapan biasa pada mesyuarat pemiutang, jika dia mewakili pemiutang, atau pada mesyuarat penyumbang, jika dia mewakili penyumbang, mesyuarat yang baginya notis tujuh hari diberikan yang menyatakan tujuan mesyuarat itu.

*Kekosongan jawatan*

10. Jika seorang anggota jawatankuasa menjadi bankrap atau menyerahhakkan estetnya bagi faedah pemiutangnya atau membuat perkiraan dengan pemiutangnya menurut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kebankrapan atau tidak hadir mesyuarat jawatankuasa lima kali berturut-turut tanpa kebenaran anggota yang bersama-sama dengan dirinya mewakili pemiutang atau penyumbang, mengikut mana-mana yang berkenaan, jawatannya hendaklah menjadi kosong.

*Kekosongan*

11. Suatu kekosongan dalam jawatankuasa hendaklah diisi melalui suatu pelantikan oleh jawatankuasa yang sama atau pemiutang atau penyumbang yang lain atau orang yang memegang kuasa am atau kuasa khas sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 5.

12. Penyelesai boleh, pada bila-bila masa atas usulnya sendiri dan hendaklah, dalam masa tujuh hari dari permintaan secara bertulis daripada pemiutang atau penyumbang, memanggil suatu mesyuarat pemiutang atau penyumbang, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk menimbangkan apa-apa pelantikan yang dibuat di bawah perenggan 11 dan mesyuarat itu boleh mengesahkan atau membatalkan pelantikan itu dan melantik pemiutang atau penyumbang lain atau orang yang memegang kuasa am atau kuasa khas sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 5, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk menggantikannya.

13. Walau apa pun apa-apa jua kekosongan dalam jawatankuasa, anggota yang masih ada boleh bertindak jika terdapat sekurang-kurangnya dua anggota yang masih ada.

## JADUAL KESEBELAS

[Seksyen 456]

### KUASA PENYELESAI DALAM PENGGULUNGAN SUKARELA

1. Penyelesai boleh dalam hal penggulungan sukarela anggota, dengan kelulusan suatu ketetapan khas syarikat dan, dalam hal penggulungan sukarela pemiutang, dengan kelulusan Mahkamah atau jawatankuasa pemeriksaan, menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepada seorang penyelesai di bawah Jadual Kedua Belas dalam penggulungan oleh Mahkamah.

2. Penyelesai boleh menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberikan oleh Akta ini kepada penyelesai dalam penggulungan oleh Mahkamah.

3. Penyelesai boleh menjalankan kuasa Mahkamah di bawah Akta ini untuk menetapkan suatu senarai penyumbang, dan senarai penyumbang itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang liabiliti orang yang dinamakan dalam senarai itu sebagai penyumbang.

4. Penyelesai boleh menjalankan kuasa Mahkamah untuk membuat panggilan atau memanggil mesyuarat agung syarikat bagi maksud memperoleh keizinan syarikat melalui ketetapan khas berkenaan dengan apa-apa perkara atau bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh penyelesai.

5. Penyelesai boleh membayar hutang syarikat dan menyelaraskan hak penyumbang dalam kalangan mereka sendiri.

6. Apabila beberapa penyelesai dilantik, apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta ini boleh dijalankan oleh satu daripada penyelesai itu atau lebih sebagaimana yang ditentukan pada masa pelantikan mereka, atau jika tiada penentuan sedemikian oleh sekurang-kurangnya dua penyelesai tersebut.

JADUAL KEDUA BELAS

KUASA PENYELESAI DALAM PENGGULUNGAN OLEH MAHKAMAH

Bahagian I

[Seksyen 472]

*Kuasa yang boleh dijalankan tanpa kuasa*

Penyelesai boleh—

*(a)* membawa atau mempertahankan apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang lain atas nama dan bagi pihak syarikat;

*(b)* mengkompromi apa-apa hutang yang kena dibayar kepada syarikat selain panggilan dan liabiliti bagi panggilan dan hutang jika amaun yang dituntut oleh syarikat sebagai kena dibayar kepada syarikat tidak melebihi sepuluh ribu ringgit;

*(c)* menjual harta tak alih dan harta alih dan benda dalam tindakan syarikat melalui lelong awam, tender awam atau kontrak persendirian dengan kuasa untuk memindahkan keseluruhan harta tak alih dan harta alih dan benda itu kepada mana-mana orang atau syarikat atau untuk menjualnya secara bahagian;

*(d)* melakukan segala perbuatan dan menyempurnakan atas nama dan bagi pihak syarikat semua surat ikatan, resit dan dokumen lain dan bagi maksud itu, menggunakan meterai syarikat jika perlu;

*(e)* membuktikan keutamaan dan tuntutan dalam kebankrapan mana-mana penyumbang atau penghutang bagi apa-apa baki terhadap estetnya, dan menerima dividen dalam kebankrapan berkenaan dengan baki itu sebagai hutang yang berasingan yang kena dibayar daripada kebankrapan itu dan mengikut kadar dengan pemiutang berasingan lain;

*(f)* mengeluarkan, menerima, membuat dan mengendors apa-apa bil pertukaran atau nota janji hutang atas nama dan bagi pihak syarikat dengan kesan yang sama berkenaan dengan tanggungan syarikat seolah-olah bil atau nota itu dikeluarkan, diterima, dibuat atau diendors oleh atau bagi pihak syarikat dalam perjalanan urusannya;

*(g)* mendapatkan wang yang diperlukan melalui jaminan aset syarikat;

*(h)* mengeluarkan surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka mana-mana penyumbang atau penghutang yang mati, dan melakukan apa-apa perbuatan lain yang perlu untuk memperoleh bayaran apa-apa wang yang kena dibayar daripada penyumbang atau penghutang atau estetnya yang tidak boleh dilakukan dengan mudah atas nama syarikat, dan dalam semua hal itu wang yang kena dibayar hendaklah, bagi maksud membolehkan penyelesai mengeluarkan surat kuasa mentadbir atau mendapatkan wang, disifatkan kena dibayar kepada penyelesai;

*(i)* membuat apa-apa bayaran sebagaimana perlu dalam menjalankan hal ehwal syarikat mengikut perjalanan biasa urusannya termasuk bayaran bil utiliti, fi berkanun dan semua bayaran lain;

*(j)* melantik seorang ejen untuk melakukan apa-apa urusan yang tidak dapat dilakukan oleh penyelesai;

*(k)* melantik seorang peguam bela untuk membantunya dalam kewajipannya; dan

*(l)* melakukan segala benda lain sebagaimana yang perlu bagi penggulungan hal ehwal syarikat dan pembahagian asetnya.

Bahagian II

[Seksyen 486]

*Kuasa yang boleh dijalankan dengan pemberian kuasa*

1. Penyelesai boleh, dengan kuasa sama ada daripada Mahkamah atau daripada jawatankuasa pemeriksaan—

*(a)* menjalankan perniagaan syarikat setakat yang perlu bagi penggulungan benefisial syarikat, tetapi kuasa itu tidak diperlukan untuk menjalankan perniagaan sedemikian sepanjang satu ratus lapan puluh hari selepas tarikh perintah penggulungan;

*(b)* tertakluk kepada keutamaan di bawah seksyen 527, membayar mana-mana kelas pemiutang dengan sepenuhnya;

*(c)* membuat apa-apa kompromi atau perkiraan dengan pemiutang atau orang yang mendakwa sebagai pemiutang atau mempunyai atau mengatakan diri mereka mempunyai apa-apa tuntutan, pada masa sekarang atau pada masa hadapan, tertentu atau kontingen, yang ditentukan atau hanya mencukupi dalam kerugian terhadap syarikat, atau jika syarikat menjadi bertanggungan;

*(d)* berkompromi dengan apa-apa panggilan dan tanggungan kepada panggilan, hutang dan tanggungan yang boleh menyebabkan hutang dan apa-apa tuntutan, pada masa sekarang atau hadapan, tertentu atau kontingen, yang ditentukan atau hanya mencukupi dalam kerugian yang masih berterusan atau yang sepatutnya masih berterusan antara syarikat dengan penyumbang atau penghutang lain atau orang yang menjangka tanggungan kepada syarikat, dan segala persoalan dengan apa-apa cara yang berhubungan dengan atau yang menyentuh aset atau penggulungan syarikat, mengikut apa-apa terma sebagaimana yang dipersetujui, dan mengambil apa-apa jaminan bagi pelepasan mana-mana panggilan, hutang, tanggungan atau tuntutan itu, dan memberikan pelepasan yang sepenuhnya berkenaan dengan panggilan, hutang, tanggungan atau tuntutan itu; dan

*(e)* mengkrompomikan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada syarikat selain panggilan dan tanggungan bagi panggilan dan hutang jika amaun yang dituntut oleh syarikat sebagai kena dibayar kepada syarikat melebihi sepuluh ribu ringgit.

2. Penyelesai boleh memohon kepada Mahkamah atau jawatankuasa pemeriksaan bagi kuasa yang diberikan bagi maksud subperenggan 1*(e)* tanpa kelulusan tambahan dengan syarat bahawa hutang yang disebut dalam perenggan itu tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

JADUAL KETIGA BELAS

[Subseksyen 561(2)]

AKTIVITI YANG TIDAK DIANGGAP SEBAGAI MENJALANKAN PERNIAGAAN DI MALAYSIA

Suatu syarikat asing tidak diambil kira sebagai menjalankan perniagaan di Malaysia hanya atas sebab bahawa syarikat itu membuat perkara yang berikut di Malaysia:

*(a)* merupakan atau menjadi pihak kepada apa-apa tindakan atau guaman atau apa-apa prosiding pentadbiran atau timbang tara atau melaksanakan penyelesaian sesuatu tindakan, guaman atau prosiding atau apa-apa tuntutan atau pertikaian;0

*(b)* mengadakan mesyuarat pengarahnya atau pemegang syernya atau menjalankan aktiviti lain berkaitan dengan hal ehwal dalamannya;

*(c)* menyenggarakan apa-apa akaun bank;

*(d)* melaksanakan apa-apa jualan melalui kontraktor bebas;

*(e)* berusaha untuk mendapatkan atau mengusahakan apa-apa pesanan yang menjadi kontrak yang mengikat hanya jika pesanan itu diterima di luar Malaysia;

*(f)* mewujudkan keterangan tentang apa-apa hutang, atau mewujudkan suatu gadaian ke atas harta alih atau harta tak alih;

*(g)* mendapatkan atau mengutip apa-apa hutangnya atau menguatkuasakan haknya berkenaan dengan apa-apa sekuriti yang berhubungan dengan hutang itu;

*(h)* menjalankan suatu transaksi terpencil yang disempurnakan dalam tempoh tiga puluh satu hari, tetapi tidak merupakan satu daripada bilangan transaksi yang seumpama itu yang berulang dari semasa ke semasa;

*(i)* melaburkan apa-apa wangnya atau memegang apa-apa harta; atau

*(j)* mengimport barang-barang secara sementara menurut Akta Kastam 1967 [*Akta 235*] bagi maksud pertunjukan, pameran, tunjuk cara atau sebagai contoh dagang dengan tujuan untuk mengeksport semula kemudiannya dalam tempoh tiga bulan atau dalam apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Kastam dan Eksais mengikut budi bicaranya.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 777

# AKTA SYARIKAT 2016

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| — TIADA — | | |

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 777

## AKTA SYARIKAT 2016

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|

— TIADA —